إِحْيَاءُ عُلُوْمِ الدِّيْنِ

IHYA' ULUMUDDIN
Jilid 3

Pengarang:
Imam al-Ghazali

Penterjemah:
Muhammad Akhyar LC
Drs. Syahrin bin Jasah

IHYA' ULUMUDDIN

Jilid: 3

Tajuk Asal:

إِحْيَاءُ عُلُوْمِ الدِّيْنِ

Ihya' Ulumiddin

Pengarang:
Imam al-Ghazali

Penterjemah:
Muhammad Akhyar LC
Drs. Syahrin bin Jasah

Atur Huruf dan Reka bentuk:

BAITUL HIKMAH

(E-mail: baitulhikmah@yahoo.com)

Cetakan Pertama ... 2013

Diterbitkan oleh:

PUSTAKA AL SHAFA

No. 28, Jalan 3/23F, Taman Teratai Mewah, Setapak, 53000 Kuala Lumpur.

Tel: 03-4025 2881 Fax: 03-4025 4912

Email: alshafa.buku@yahoo.com

KATA PENERBIT

Dengan Nama Allah Yang Maha Pengasih
Lagi Maha Penyayang

Segala pujian hanya bagi Allah Tuhan sekalian alam. Selawat dan salam semoga sentiasa tercurahkan kepada junjungan kita Nabi Muhammad s.a.w., ahli keluarga, sahabat-sahabat Baginda serta mereka yang sentiasa mengikuti sunnahnya. Amin.

Pada kesempatan ini kami bersyukur ke hadrat Ilahi atas segala limpahan rahmat serta kurnia-Nya kerana kami dapat menerbitkan sebuah buku lagi yang bertajuk:

"IHYA' ULUMUDDIN JILID 3"

Harapan kami, semoga buku ini dapat memberi manfat kepada kaum muslimin, muslimat serta seluruh umat agar sentiasa dapat membaca, merenungkan dan mengambil pelajaran dari kitab Ihya' Ulumuddin untuk dijadikan teladan dalam memimpin dan juga ketakwaan kepada Allah.

Selain daripada itu, kami berharap semoga buku ini juga dapat memberikan sumbangan terhadap kelengkapan khazanah keilmuan Islam walaupun senoktah ianya akan menambah bagi usaha-usaha ke arah kegemilangan iaitu *izzul Islam wal Muslimin.*

Akhirnya dengan kerendahan hati, kami memohon cadangan, teguran, dari para pembaca atas segala kesilapan, kekurangan dan kelemahan daripada kami, oleh keranaya saranan dan teguran yang membina amatlah dialu-alukan bagi

membetulkan kesilapan pada cetakan yang akan datang. Segala sesuatu yang baik itu datang daripada Allah semata, kami hanya memohon keredaan-Nya, Wassalamu'alaikum

Pustaka Al-Shafa

KANDUNGAN

BAB 14

HALAL DAN HARAM

BAB 15

"Maka bertebaranlah kamu sebelumnya bumi (untuk menjalankan urusan masing-masing), dan carilah apa yang kamu hajati dari limpah kurnia Allah." (al-Jumu'ah: 10)

B A B 13
BERUSAHA MENCARI REZEKI (PENGHIDUPAN)

Kami mengucapkan puji tertentu kepada Allah dengan pujian yang mengesakan-Nya, dan dengan mengesakan-Nya menghapuskan dan membatalkan selain Yang Maha Esa lagi Maha Benar. Kami juga mengagungkan-Nya dengan pengagungan orang yang mengatakan bahawa segala sesuatu selain Allah adalah batil dan tidak suci.

Sesungguhnya, seluruh makhluk yang berada di langit dan di bumi tidak akan mampu menciptakan lalat dan kumbang sekalipun mereka berhimpun saling membantu. Kami pun mengucapkan rasa syukur kepada-Nya, kerana Dia telah meninggikan langit bagi hamba-hamba-Nya sebagai atap yang terbentang, dan Dia menyiapkan bumi sebagai alas dan hamparan bagi mereka.

Selain itu, Dia telah menjadikan malam melingkari siang. Lalu Dia menjadikan malam (dengan gelapnya) sebagai pakaian yang melindungi, dan menjadikan siang (dengan cahaya terangnya) sebagai masa untuk mencari rezeki. Agar orang bergerak mencari kurnia-Nya dan memenuhi segala keperluan mereka.

Kami juga mengucapkan selawat kepada RasulNya, yang mana orang-orang beriman keluar dari telaga beliau nanti dalam keadaan puas setelah sebelumnya mereka datang kepada beliau dalam keadaan kehausan. Semoga limpahan anugerah kesejahteraan dikurniakan kepada keluarga dan para sahabat beliau yang tidak pernah mengenal lelah dan bosan dalam menolong agama-Nya.

Amma ba'du, sesungguhnya Allah SWT menjadikan akhirat sebagai tempat balasan dan seksaan, dan dunia sebagai tempat menderita dan kekacauan, perjalanan

cepat dan usaha mencari penghidupan. Perjalanan yang cepat di dunia tidak hanya terbatas pada tempat kembali tanpa penghidupan (mata pencaharian). Namun, penghidupanlah yang menjadi jalan menuju tempat kembali dan yang menolong padanya. Jadi, dunia adalah tempat bercucuk tanam untuk akhirat dan jalan menuju ke sana.

Sesungguhnya manusia terdiri dari tiga kategori. Pertama, orang yang disibukkan oleh mata pencahariannya dari tempat kembalinya, orang seperti ini termasuk orang yang binasa. Kedua, orang yang disibukkan oleh tempat kembalinya dari mata pencahariannya, maka dia termasuk orang yang meraih kemenangan. Ketiga, orang yang lebih mendekati sikap tengah-tengah, iaitu orang yang disibukkan oleh mata pencahariannya untuk tempat kembalinya. Orang ini termasuk orangorang yang bersikap tengah-tengah.

Seseorang tidak akan meraih sikap tengah-tengah selama dalam mencari penghidupan dia tidak meniti jalan yang benar. Juga, seseorang tidak akan tergerak dari perburuan terhadap urusan duniawi menuju jalan akhirat selama dalam memburunya dia tidak meniti jalan syariah.

Berikut ini kami akan menghuraikan semua hal tersebut dalam lima bahagian:

Bahagian pertama: Keutamaan dan anjuran berusaha mencari penghidupan

Bahagian kedua: Ilmu yang shahih tentang jual beli dan muamalat.

Bahagian ketiga: Penjelasan keadilan dalam muamalat.

Bahagian keempat: Penjelasan berbuat baik (ihsan) dalam muamalat.

Bahagian kelima: Kasih sayang saudagar terhadap dirinya dan agamanya.

A. Anjuran berusaha mencari penghidupan

Adapun dalilnya dari Al-Quran, di antaranya firman Allah berikut ini:

وَجَعَلْنَا ٱلنَّهَارَ مَعَاشًا ﴿١١﴾

"*Dan Kami telah menjadikan siang (dengan cahaya terangnya) - masa untuk mencari rezeki.*"

(al-Naba': 11)

Allah SWT menyebutkannya bahawa siang merupakan masa untuk memperoleh kenikmatan. Allah SWT juga berfirman:

وَجَعَلْنَا لَكُمْ فِيهَا مَعَايِشَ ۗ قَلِيلًا مَّا تَشْكُرُونَ ﴿١٠﴾

"*Dan Kami jadikan untuk kamu padanya (pelbagai jalan) penghidupan (supaya kamu bersyukur, tetapi) amatlah sedikit kamu bersyukur.*"

(al-A'raf: 10)

Tuhanmu menjadikan bumi sebagai nikmat dan Dia meminta hamba-hamba-Nya agar bersyukur atas nikmat itu. Allah SWT juga berfirman:

لَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ أَن تَبْتَغُوا فَضْلًا مِّن رَّبِّكُمْ

"*Tidaklah menjadi salah, kamu mencari limpah kurnia dari Tuhan kamu.*"

(al-Baqarah: 198)

Allah SWT juga berfirman:

وَءَاخَرُونَ يَضْرِبُونَ فِي ٱلْأَرْضِ يَبْتَغُونَ مِن فَضْلِ ٱللَّهِ

"*Dan yang lainnya orang-orang yang musafir sebelumnya bumi untuk mencari rezeki dari limpah kurnia Allah.*"

(al-Muzzammil: 20)

Allah SWT juga berfirman:

فَٱنتَشِرُوا فِي ٱلْأَرْضِ وَٱبْتَغُوا مِن فَضْلِ ٱللَّهِ وَٱذْكُرُوا

"*Maka bertebaranlah kamu sebelumnya bumi (untuk menjalankan urusan masing-masing), dan carilah apa yang kamu hajati dari limpah kurnia Allah.*"

(al-Jumu'ah: 10)

Adapun dalilnya dari hadis, antara lain, Nabi s.a.w. bersabda:

مِنَ الذُّنُوبِ ذُنُوبٌ لاَ يُكَفِّرُهَا إِلاَّ هَمٌّ فِي طَلَبِ الْمَعِيشَةِ

"Sebahagian dari dosa ada dosa yang tidak diampuni kecuali oleh

kesulitan dalam mencari penghidupan."[1]

Nabi s.a.w. bersabda:

التَّاجِرُ الصَّدُوقُ يُحْشَرُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ مَعَ الصِّدِّيقِينَ وَالشُّهَدَاءِ

"Pada hari kiamat kelak peniaga yang jujur akan dibangkitkan bersama orang-orang shiddiq dan orang-orang yang mati syahid."[2]

Nabi s.a.w. bersabda:

مَنْ طَلَبَ الدُّنْيَا حَلاَلاً وَتَعَفُّفًا عَنِ الْمَسْأَلَةِ وَسَعْيًا عَلَى عِيَالِهِ وَتَعَطُّفًا عَلَى جَارِهِ لَقِيَ اللهَ وَوَجْهُهُ كَالْقَمَرِ لَيْلَةَ الْبَدْرِ

"Barangsiapa yang mencari dunia secara halal, menjaga diri dari meminta-minta, berusaha mencari penghidupan untuk keluarganya, dan menaruh kasih sayang kepada tetangganya, nescaya dia menjumpai Allah sementara mukanya bagaikan bulan pada malam purnama."[3]

Suatu hari Nabi s.a.w. duduk bersama para sahabat beliau. Lalu mereka melihat seorang pemuda yang tabah dan kuat. Dia pagi-pagi benar telah pergi berusaha mencari penghidupan. Mereka berkata: "Betapa bahagia anak muda itu, seandainya kemudaan dan kekuatannya di jalan Allah." Beliau pun bersabda:

"Janganlah kamu mengatakan demikian. Sebab, jika dia berusaha untuk dirinya agar terhindar dari meminta-minta dan tidak memerlukan pada bantuan orang lain, maka dia telah berjuang di jalan Allah. Jika dia berusaha untuk kedua ibu bapanya yang lemah dan keturunannya yang lemah, untuk memenuhi dan mencukupi keperluan mereka, maka dia telah berjuang di jalan Allah. Namun jika dia berusaha mencari penghidupan untuk membanggakan diri dan membanyakkan harta, maka dia telah berjuang di jalan syaitan."[4]

---

[1] Diriwayatkan oleh at-Tabrani, Abu Nu'aim dan al-Khatib dari Abu Hurairah dengan sanad dhaif.

[2] Diriwayatkan oleh Tirmizi dan al-Hakim dari Abu Sa'id al-Khudri. Menurut Tirmizi, hadis ini hasan shahih.

[3] Diriwayatkan oleh Abu asy-Syaikh, Abu Nu'aim dan al-Baihaqi dari Abu Hurairah dengan sanad dhaif.

[4] Diriwayatkan oleh at-Tabrani dari Ka'ab bin 'Ujrah dengan sanad dhaif.

Nabi s.a.w. bersabda:

إِنَّ اللهَ يُحِبُّ الْعَبْدَ يَتَّخِذُ الْمِهْنَةَ لِيَسْتَغْنِيَ بِهَا عَنِ النَّاسِ، وَيُبْغِضُ الْعَبْدَ يَتَعَلَّمُ الْعِلْمَ يَتَّخِذُهُ مِهْنَةً

"Sesungguhnya Allah menyukai hamba-Nya yang melakukan suatu pekerjaan agar tidak menggantungkan diri pada bantuan orang lain. Dan Allah membenci hamba-Nya yang mempelajari ilmu pengetahuan untuk dijadikan sebagai pekerjaan."[5]

Di dalam sebuah hadis disebutkan: "*Sesungguhnya Allah SWT mencintai orang beriman yang memiliki suatu pekerjaan.*"[6]

Nabi s.a.w. bersabda: "*Yang paling halal dari apa yang dimakan oleh seseorang ialah apa yang diperoleh dari usahanya sendiri, dan setiap jual beli yang baik.*"[7]

Di dalam sebuah hadis yang lain disebutkan: "*Yang paling halal dari apa yang dimakan oleh seseorang ialah hasil keringat pekerja yang bekerja dengan ikhlas.*"[8]

Nabi s.a.w. bersabda: "*Hendaklah kamu berniaga. Sebab, pada perniagaan terdapat sembilan persepuluh dari rezeki.*"[9]

Diriwayatkan bahawa suatu hari Isa a.s. melihat seorang lelaki. Lalu, Isa a.s. bertanya: "Apakah yang sedang engkau lakukan?" Lelaki itu menjawab: "Aku sedangkan beribadat." Isa a.s. bertanya lagi: "Siapakah yang menanggung perbelanjaanmu?" Lelaki itu menjawab: "Saudaraku." Isa a.s. pun berkata: "Ibadat saudaramu lebih daripada ibadatmu."

---

[5] Saya tidak menemukan hadis dengan ungkapan demikian, yang saya temukan ialah hadis dengan ungkapan "*Sesungguhnya Allah suka melihat hamba-Nya yang kelelahan dalam mencari rezeki yang halal.*" Hadis ini diriwayatkan oleh Abu Manshur ad-Dailami dari Ali.

[6] Diriwayatkan oleh at-Tabrani dan Ibnu Ady dari Ibnu Umar. Menurut Ibnu Ady, hadis ini dhaif.

[7] Diriwayatkan oleh Ahmad dari Rafi' bin Khudaij.

[8] Diriwayatkan oleh Ahmad dari Abu Hurairah dengan sanad hasan.

[9] Diriwayatkan oleh Ibrahim al-Harbi dari Nu'aim bin Abdul Rahman. Hadis ini mursal.

Nabi s.a.w. bersabda: "Sesungguhnya setiap kali aku mengetahui sesuatu yang mendekatkan kamu ke syurga dan menjauhkan kamu dari neraka, kamu akan aku suruh untuk melakukannya. Dan sesungguhnya setiap kali aku mengetahui sesuatu yang menjauhkan kamu dari syurga dan mendekatkan kamu ke neraka, kamu akan kularang daripadanya.

"Sesungguhnya malaikat Jibril telah menghembuskan ke dalam hatiku bahawa nyawa tidak akan mati sehingga dia meraih rezekinya dengan sempurna, meskipun terkadang terlambat datangnya. Oleh kerana itu, bertakwalah kepada Allah dan mintalah kepada-Nya dengan baik."

Beliau menyuruh dengan permohonan yang baik dalam mencari rezeki dan beliau tidak mengatakan: tinggalkanlah mencari rezeki. Kemudian pada akhir hadis itu beliau bersabda: "Janganlah kelambatan dalam mendapatkan sesuatu dari rezeki Allah membuat kamu menempuh jalan maksiat kepada Allah SWT. Sebab, Allah tidak akan memberi apa yang ada pada-Nya dengan menderhakaiNya."[10]

Nabi s.a.w. bersabda: "Pasar adalah hidangan Allah SWT. Maka barangsiapa yang mendatanginya, dia akan mendapatkan bahagian daripadanya."[11]

Nabi s.a.w. bersabda:

لَأَنْ يَأْخُذَ أَحَدُكُمْ حَبْلَهُ فَيَحْتَطِبَ عَلَى ظَهْرِهِ خَيْرٌ مِنْ أَنْ يَأْتِيَ رَجُلاً أَعْطَاهُ اللهُ مِنْ فَضْلِهِ فَيَسْأَلُهُ أَعْطَاهُ أَوْ مَنَعَهُ

"Sungguh, seorang dari kamu yang mengambil talinya lalu dia mencari kayu bakar dan dibawa dengan punggungnya lebih baik baginya daripada dia mendatangi seseorang lalu meminta kepadanya, baik orang itu memberi atau menolak." (HR. Bukhari dan Muslim)

مَنْ فَتَحَ عَلَى نَفْسِهِ بَابًا مِنَ السُّؤَالِ فَتَحَ اللهُ عَلَيْهِ سَبْعِينَ بَابًا مِنَ الْفَقْرِ

"Barangsiapa yang membuka bagi dirinya salah satu pintu meminta-minta, nescaya Allah membukakan kepadanya tujuh puluh pintu

[10] Diriwayatkan oleh Ibnu Abu ad-Dunya dan al-Hakim dari Ibnu Mas'ud.

[11] Ini adalah ucapan al-Hasan al-Bashri, bukan hadis marfu'.

kemiskinan."[12]

Adapun dalil dari athar, antara lain:

Luqman al-Hakim berpesan kepada puteranya: "Wahai anakku, hendaknya engkau berusaha mencari rezeki yang halal agar terbebas dari kemiskinan. Sebab, sesungguhnya orang yang fakir terhadap seseorang itu akan tertimpa tiga perkara: Nipis pada agamanya, lemah pada akalnya, dan hilang kehormatan dirinya. Yang paling besar di antara yang tiga ini ialah manusia yang memandang remeh kepadanya."

Umar r.a. berkata: "Janganlah salah seorang di antara kamu malas mencari rezeki dengan hanya berdoa: "Ya Allah, berilah aku rezeki." Sementara kamu mengetahui bahawa langit tidak menurunkan hujan emas dan perak."

Suatu hari Zaid bin Maslamah becucuk tanam pada ladangnya. Lalu Umar r.a. (yang melihatnya sedangkan mengolah lahannya) berkata kepadanya: "Engkau betul. Jika engkau tidak memerlukan lagi pada bantuan orang lain, nescaya engkau lebih mudah dalam memelihara agamamu dan lebih mulia daripada mereka."

Ibnu Mas'ud r.a. berkata: "Sesungguhnya aku amat benci melihat orang tanpa kegiatan, tidak untuk urusan dunianya dan tidak pula untuk urusan akhiratnya."

Ibrahim bin Ad-ham pernah ditanya tentang peniaga yang jujur: "Apakah engkau lebih menyukai peniaga yang jujur atau orang yang menggunakan seluruh waktunya untuk beribadat?" Ibrahim bin Adham menjawab: "Peniaga yang jujur lebih aku sukai. Sebab, dia dalam perjuangan yang didatangi oleh syaitan melalui jalan ukuran dan timbangan, dan dari segi mengambil dan memberi, dia berjuang melawan syaitan."

Al-Hasan al-Bashri berbeza pendapat dengan Ibrahim bin Adham dalam masalah ini. Umar r.a. berkata: "Tempat mana pun di mana kematian mendatangiku lebih aku sukai daripada tempat di mana aku melakukan jual beli padanya untuk keluargaku."

Al-Haitham berkata: "Terkadang aku diberi sesuatu oleh orang yang datang kepadaku. Lalu, aku terangkan kepadanya bahawa aku tidak memerlukan pemberian

---

[12] Diriwayatkan oleh Tirmizi dari Abu Kabsyah. Menurut Tirmizi, hadis ini hasan shahih.

itu. Ternyata, yang demikian itu membuatku tanpa beban."

Ayyub berkata: "Usaha mencari rezeki, di mana dengan usaha itu aku memperoleh sesuatu, lebih aku sukai daripada meminta-minta kepada orang lain."

Suatu hari datanglah angin topan di laut. Maka awak kapal itu pun bertanya kepada Ibrahim bin Ad-ham yang kebetulan sedangkan bersama mereka di dalam kapal: "Apakah pendapat tuan tentang kesulitan ini?" Ibrahim bin Ad-ham menjawab: "Ini bukanlah suatu kesulitan. Sesungguhnya kesulitan itu adalah keperluan bagi anak manusia."

Ayyub berkata: "Abu Qilabah berkata kepadaku: 'Lebih baik engkau tetap berusaha mencari rezeki di pasar. Sebab, kaya merupakan sebahagian dari kesihatan. Yakni kaya tanpa memerlukan bantuan orang lain."

Ada seorang bertanya kepada Ahmad: "Bagaimana pendapatmu tentang seseorang yang duduk di rumahnya atau di masjid, dan dia mengatakan: "Aku tidak mengerjakan sesuatu sampai rezeki datang kepadaku?" Ahmad menjawab: "Itu adalah orang yang tidak memiliki ilmu pengetahuan. Dia tidak mendengar sabda Nabi s.a.w.:

إِنَّ اللهَ جَعَلَ رِزْقِي تَحْتَ ظِلِّ رُمْحِي

"Sesungguhnya Allah menjadikan rezekiku di bawah bayangbayang tombakku."[13]

Dan sabda Nabi s.a.w. ketika beliau mengemukakan tentang burung. Beliau bersabda: "*Dia keluar pagi-pagi dengan tembolok kosong dan pulang sore hari dengan tembolok penuh.*"[14] Lalu beliau mengemukakan bahawa burung itu keluar pagi-pagi untuk mencari rezekinya. Para sabahat Nabi s.a.w. sendiri pergi berniaga di daratan dan di lautan, di samping ada pula yang bekerja di kebun kurma. Maka jejak mereka harus diikuti. Abu Qilabah berkata kepada seorang lelaki: "Sesungguhnya aku melihat engkau mencari penghidupan, itu lebih aku sukai daripada melihat engkau duduk di sudut masjid."

[13] Diriwayatkan oleh Ahmad dari Ibnu Umar dengan sanad shahih.

[14] Diriwayatkan oleh Tirmizi dan Ibnu Majah dari Ibnu Umar. Menurut Tirmizi, hadis ini hasan shahih.

Suatu hari al-Auza'i bertemu dengan Ibrahim bin Ad-ham rahimahullah yang sedang memanggul seberkas kayu api di bahunya. Lalu al-Auza'i berkata kepadanya: "Wahai Abu Ishaq, sampai bilakah ini? Cukuplah saudara-saudaramu yang menanggungnya darimu?" Ibrahim bin Ad-ham berkata: "Biarkanlah aku dalam keadaan begini, wahai Abu Amr, sebab, sampai kepadaku berita bahawa barangsiapa yang berdiri pada tempat kehinaan untuk mencari rezeki yang halal, nescaya baginya syurga."

Abu Sulaiman ad-Darani berkata: "Menurut kami yang disebut ibadat bukanlah engkau mengatur kedua tapak kakimu, sementara makananmu diberi oleh orang lain. Namun, mulailah dengan dua potong rotimu, lalu jagalah keduanya, kemudian beribadatlah."

Mu'adz bin Jabal r.a. berkata: "Pada hari kiamat kelak, seorang penyeru akan berseru: Manakah orang-orang yang dibenci Allah di bumi-Nya? Lalu berdirilah para peminta-minta di masjid."

Inilah celaan agama bagi para peminta-minta dan orang-orang yang menggantungkan diri pada bantuan orang lain. Orang-orang yang tidak mempunyai harta pusaka tidak terlepas dari keadaan yang demikian kecuali menerusi usaha mencari rezeki yang halal dan peniagaan.

Jika engkau mengatakan bahawa Nabi s.a.w. bersabda: "Tidak diwahyukan kepadaku agar aku mengumpulkan harta dan menjadi peniaga. Namun, diwahyukan kepadaku agar aku bertasbih dengan memuji Tuhanku, sehingga timbul perasaan yakin pada diriku."

Sementara itu diriwayatkan bahawa suatu hari ada seseorang berkata kepada Salman al-Farisi: "Berilah kami nasihat." Lalu Salman menjawab: "Barangsiapa di antara kamu yang mampu meninggal dunia ketika melaksanakan ibadat haji, atau berperang, atau memakmurkan masjid Tuhannya, hendaknya dia melakukannya. Dan, hendaknya dia tidak meninggal dunia sebagai peniaga dan pengkhianat."

Jawapan: Sesungguhnya cara memadukan di antara hadis dan keterangan-keterangan itu memerlukan huraian tentang pelbagai hal. Kami tidak mengatakan bahawa perniagaan lebih utama secara mutlak daripada perkara-perkara yang lain. Namun, perniagaan ada kalanya untuk mencari kehidupan yang berkecukupan atau kekayaan atau sebagai tambahan atas kehidupan yang berkecukupan.

Jika perniagaan dimaksudkan untuk mencari tambahan untuk kehidupan yang berkecukupan dan memperbanyak dan menyimpan harta, bukan untuk dipergunakan pada jalan kebajikan dan sedekah, maka hal itu tercela. Sebab, hal itu bererti menghadapkan diri pada dunia, padahal mencintai dunia merupakan pokok setiap kesalahan.

Jika bersama dengan itu dia melakukan tindakan aniaya dan berkhianat, maka hal itu merupakan tindakan aniaya dan kefasikan. Inilah maksud dari ucapan Salman: "Hendaknya engkau tidak meninggal dunia sebagai peniaga dan pengkhianat." Yang dia maksudkan dengan peniaga ialah orang yang mencari tambahan untuk kehidupan yang berkecukupan.

Sementara jika perniagaan dimaksudkan untuk mencukupi dirinya dan anak-anaknya dan dia mampu untuk memperoleh kecukupan itu dengan meminta-minta, maka berniaga untuk menjaga diri dari meminta-minta adalah lebih utama. Sebaliknya jika dia tidak perlu meminta-minta, tetapi diberi tanpa meminta-minta, maka berusaha mencari penghidupan lebih utama. Sebab, sesungguhnya dia diberi kerana dia meminta dengan keadaan dirinya dan mengumumkan dirinya sebagai orang yang miskin di antara orang-orang lain.

Oleh kerana itu menjaga dan menutup diri dari kekurangan lebih utama daripada tidak bekerja. Bahkan, menyibukkan diri dengat ibadat badaniah dan meninggalkan usaha adalah lebih utama bagi empat orang. Pertama, seorang ahli ibadat yang gemar melaksanakan ibadat-ibadat badaniah. Kedua, orang yang memiliki perjalanan dengan batin dan amal perbuatan dengan hati dalam segala ilmu keadaan dan mukasyafah.

Ketiga, ulama yang berkerja di bidang pendidikan ilmu lahir yang bermanfaat bagi orang ramai, yang berkaitan dengan agama mereka, seperti, mufti, ahli tafsir, ahli hadis dan sebagainya. Keempat, orang yang bekerja untuk kepentingan kaum Muslimin, malah terkadang menjamin segala urusan mereka, seperti sultan, hakim, dan saksi.

Orang-orang tersebut, jika memperoleh kecukupan dari hartaharta yang peruntukkan untuk kepentingan (maslahat), atau harta-harta wakaf yang didermakan kepada orang-orang miskin, atau para ulama. Maka menetapi perbuatan yang mereka lakukan itu lebih utama daripada mereka berusaha mencari penghidupan.

Oleh kerana itulah diwahyukan kepada Nabi s.a.w.: "Hendaknya kamu bertasbih dengan memuji Tuhanmu dan hendaknya kamu menjadi orang-orang yang bersujud kepada Allah." Dan tidak diwahyukan kepada beliau: "Hendaknya kamu termasuk di antara orang-orang yang berniaga." Sebab, dengan yang demikian itu memadukan segala pengertian yang empat tersebut pada tambahantambahan yang tidak terhingga gambarannya.

Oleh kerana itu pula, para sabahat mengisyaratkan kepada Abu Bakar r.a. agar meninggalkan perniagaan ketika dia menjawat sebagai khalifah. Sebab, perniagaan mengganggunya dalam menangani urusan umat. Sedangkan untuk memenuhi keperluannya dia dapat mengambilnya dari harta kepentingan umum. Lagi pula dia berpendapat bahawa tindakan yang demikian lebih utama. Kemudian, ketika menjelang wafat, dia meninggalkan pesan agar harta itu dikembalikan ke Baitulmal. Namun, semula dia berpendapat bahawa mengambilnya lebih utama. Sementara orang yang empat itu memiliki keadaan yang lain:

Pertama: Biaya mereka ketika meninggalkan usaha mencari rezeki diperoleh dari pemberian orang ramai dan yang disedekahkan kepada mereka berupa zakat atau sedekah, tanpa perlu meminta-minta. Oleh kerana itu meninggalkan usaha mencari penghidupan dan meneruskan apa yang sedang mereka lakukan kini lebih utama. Sebab, apa yang mereka lakukan membantu orang ramai dalam melakukan kabajikan. Dan apa yang mereka terima merupakan hak mereka dan lebih utama bagi mereka.

Kedua: Memerlukan pada tindakan meminta-minta. Ini memerlukan perhatian. Pelbagai penegasan yang telah kami kemukakan sebelumnya tentang meminta-minta dan celaan terhadapnya menunjukkan dengan jelas bahawa menjaga diri dari meminta-minta lebih utama.

Dan mengatakan secara umum tentang meminta-minta itu, tanpa memperhatikan hal keadaan dan orang-orangnya, merupakan perkara yang susah. Bahkan, hal itu diserahkan pada kesungguhan pemikiran dan perhatian seseorang terhadap dirinya, dengan membandingkan antara apa yang diperolehnya dari meminta-minta, iaitu kehinaan dan kerosakan yang segera, dibandingkan dengan apa yang dapat diraihnya dari kesibukannya dengan ilmu dan amal yang bermanfaat bagi dirinya sendiri dan untuk orang lain.

Ramai orang yang manfaat dirinya adalah untuk orang ramai dan manfaat itu adalah dalam usahanya dengan ilmu atau amal. Dan mudahlah baginya, dengan

sindiran yang sedikit sahaja dalam meminta, memperoleh kehidupan yang cukup. Kadangkala adalah sebaliknya dan kadangkala dia berhadapan dengan sesuatu yang dicari dan yang dilarang. Maka semestinya murid (yang menuntut jalan akhirat) meminta pendapat pada hati nuraninya sendiri, sekalipun dia telah diberi pandangan dan pesan oleh orang lain. Sebab, segala pendapat dan pesan itu tidak meliputi seluruh rincian dan keadaan.

Seorang dari generasi dahulu mempunyai teman 340 (tiga ratus enam puluh) orang, di mana dia bermalam pada masing-masing teman selama satu malam. Dan sebahagian mereka mempunyai teman 30 (tiga puluh) orang. Mereka melakukan ibadat kerana mereka tahu bahawa orang-orang yang menanggung mereka memperoleh nikmat dari penerimaan mereka terhadap kebajikan-kebajikan dari orang itu. Maka penerimaan mereka terhadap segala kebajikan orang itu merupakan kebajikan tambahan pada ibadat mereka.

Oleh kerana itu semestinya dia memperhatikan dengan serincirincinya segala persoalan tersebut. Sebab, pahala orang yang mengambil seperti pahala orang yang memberi selama yang mengambil itu mempergunakan apa yang diambilnya untuk menopang agama dan si pemberi memberi dengan hati yang lapang.

Orang yang dapat memahami seluruh pengertian tersebut nescaya boleh mengenal keadaan dirinya. Juga, memperoleh penjelasan dari hatinya, apakah yang lebih utama baginya dibandingkan pada keadaan dan waktunya.

Inilah keutamaan usaha mencari penghidupan. Di samping itu hendaknya langkah dalam berusaha untuk mencari penghidupan boleh dilakukan dengan memadukan empat hal: kesihatan, keadilan, kebajikan, dan kasih-sayang pada agama. Dan kami akan menghuraikan masing-masing dari keempat hal tersebut dalam satu bab.

B. Mencari rezeki dengan cara jual beli, riba, salam, ijarah, qiradh dan syirkah

Ketahuilah bahawa memahami ilmu yang disebutkan dalam bab ini (jual beli, riba, salam, ijarah, qiradh, dan syirkah) diwajibkan atas setiap Muslim yang berusaha mencari rezeki. Kerana menuntut ilmu itu menjadi kewajipan atas setiap Muslim, iaitu menuntut ilmu yang diperlukan. Orang yang berusaha mencari rezeki

memerlukan ilmu pengetahuan.

Jika seseorang telah memperoleh ilmu pengetahuan yang disebutkan pada bab ini, maka tahulah dia seluruh perkara yang merosakkan mu'abahkan, sehingga dia boleh menjaga dirinya.

Sedangkan tentang masalah-masalah furu' (cabang) yang samar yang jarang terjadi, ia terjadi kerana ketidak-jelasan itu. Maka dia harus berhenti dahulu sampai memperoleh kesempatan untuk menanyakan kepada orang yang berilmu. Sebab, jika dia tidak tahu tentang sebab-sebab batalnya suatu tindakan dengan pengetahuan secara umum, maka dia tidak mengetahui bila dia harus berhenti dan bertanya.

Jika ada yang berkata: "Itu tidak perlu mempelajarinya sekarang, tetapi, aku bersabar sampai kejadian itu terjadi pada diriku. Jika peristiwa itu telah terjadi, barulah aku belajar dan aku meminta fatwa."

Jawapan: "Dengan apakah engkau tahu bahawa peristiwa itu terjadi, jika engkau tidak mengetahui ilmu-ilmu yang merosakkan akad-akad itu?" Sebab dia terus menerus melakukan pekerjaan-pekerjaan itu dan menyangka bahawa pekerjaan-pekerjaan itu benar dan dibolehkan. Oleh kerana itu seseorang harus memiliki sekadar ilmu berniaga yang diperlukan. Agar dia boleh membezakan antara yang dibolehkan dan yang dilarang serta tempat yang mengandungi kesulitan dan yang mudah.

Diriwayatkan dari Umar r.a. bahawa dia pernah berjalan berkeliling di pasar dan memukul sebahagian peniaga dengan cemeti seraya berkata: "Tidaklah berjualan di pasar kita ini selain orang yang menguasai ilmu fikah. Jika tidak, dia akan memakan riba. Apakah dengan kemahuannya atau tidak dengan kemahuannya sendiri."

Ilmu pengetahuan tentang akad (urus-niaga) itu pelbagai macam. Seseorang yang berusaha mencari rezeki tidak terlepas dari keenam perkara yang disebutkan berikut ini. Iaitu jual beli, riba, salam, ijarah, syirkah, dan qiradh. Berikut ini akan kami huraikan syarat-syaratnya.

1. Akad jual beli

Sesungguhnya Allah SWT telah menghalalkan jual beli. Jual beli sendiri memiliki tiga rukun, iaitu orang yang melakukan akad jual beli ('aqid), benda yang

menjadi obyek akad itu (ma'qud 'alaih), dan kata-kata akad.

Rukun pertama: Orang yang melakukan akad jual beli ('aqid). Semestinya peniaga tidak melakukan urus-niaga jual beli dengan empat kelompok orang berikut: anak kecil, orang gila, hamba abdi atau hamba sahaya, dan orang buta. Sebab, anak kecil itu belum mukallaf. Begitu juga orang gila. Urus-niaga jual beli dengan orang gila tidak sah.

Menurut mazhab asy-Syafi'i, tidak sah urus-niaga jual beli dengan anak kecil walaupun telah diizinkan oleh walinya. Apa yang diambil dari milik keduanya (anak kecil dan orang gila), maka hal itu menjadi tanggungan si pengambil terhadap keduanya. Dan apa yang diserahkan dalam urus-niaga kepada keduanya, lalu hilang dalam tangan keduanya, maka yang bertanggung jawab ialah yang menghilangkannya.

Tentang hamda sahaya yang berakal, maka tidak sah menjual dan membeli kecuali dengan izin majikannya. Maka tukang sayur, tukang roti, tukang daging, dan lainnya seharusnya tidak melakukan urus-niaga dengan hamba-hamba sahaya selama belum diizinkan oleh tuan atau majikannya untuk melakukan jual beli. Izin itu didengarnya dengan jelas atau tersiar pada suatu wilayah bahawa kepada hamba sahaya itu telah diizinkan membeli dan menjual untuk majikannya. Maka boleh berpegang atas berita yang tersiar atau keterangan seorang adil yang menerangkan hal itu.

Jika seseorang melakukan urus-niaga dengan hamba sahaya tanpa izin majikannya, maka urus-niaga itu batal. Apa yang diambil dari hamba sahaya itu menjadi tanggung jawab si pengambil terhadap majikan hamba sahaya itu. Jika barang yang diterimanya itu hilang dalam tangan hamba tersebut, barang itu bukan merupakan tanggungan si hamba sahaya, dan tidak pula menjadi tanggungan majikannya. Bahkan, majikannya tidak boleh menuntut kecuali jika hamba sahaya itu telah merdeka.

Adapun orang buta, tidak boleh melihat apa yang dijual dan dibelinya, maka jual beli yang dilakukannya tidak sah. Hendaknya dia menyuruh orang lain yang boleh sebagai wakilnya untuk melakukan jual beli. Perwakilan yang diberikannya itu sah dan apa yang dijualkan oleh wakilnya pun sah pula.

Jika peniaga itu mengadakan urus-niaga dengan orang buta itu sendiri, maka urus-niaga itu batal. Apa yang diambilnya dari orang buta itu menjadi tanggungan

peniaga itu sesuai dengan nilainya. Sedangkan apa yang diserahkannya kepada orang buta itu menjadi tanggungannya dan juga sesuai dengan nilainya.

Tentang orang kafir, maka boleh melakukan urus-niaga dengannya, tetapi tidak boleh menjual Al-Quran dan hamba sahaya yang Muslim kepadanya. Juga tidak boleh menjual senjata kepadanya, jika orang kafir itu termasuk kelompok yang berperang dengan kaum Muslimin (ahl al-harb). Jika dia tetap melakukan urus-niaga yang demikian itu, maka transaksinya ditolak dan orang yang melakukannya telah berbuat maksiat kepada Tuhannya.

Sedangkan tentang tentera orang-orang Turki, Turkistan, orang Arab, orang Kurdistan, pencuri, pengkhianat, pemakan riba, orang yang suka berbuat aniaya, dan orang-orang yang kebanyakan hartanya haram, maka tidak semestinya memiliki sesuatu benda yang ada di tangan mereka. Sebab, benda-benda itu haram. Kecuali jika telah diketahui bahawa barang itu merupakan barang yang halal. Huraian tentang hal itu akan disebutkan nanti di dalam Bab Halal dan Haram.

Rukun Kedua: Ma'qud 'alaih (benda yang menjadi objek urus-niaga). Iaitu harta yang dimaksudkan dipindahkan dari pihak yang satu ke pihak yang lain, baik harga ataupun barangnya. Dalam hal ini ada beberapa persyaratan yang harus dipenuhi.

Pertama: Ma'qud 'alaih itu bukan sesuatu yang najis (najis 'aini). Maka tidak sah menjual anjing, babi, kotoran, kotoran binatang, gading dan benda-benda yang terbuat daripada gading. Sebab, tulang itu menjadi najis kerana haiwannya mati. Gajah tidak menjadi suci dengan disembelih dan tulangnya tidak suci dengan dibersihkan.

Juga tidak dibolehkan menjual minuman keras dan lemak najis yang dibuat daripada haiwan yang tidak boleh dimakan, meskipun boleh dipakai untuk membuat lampu dan cat kapal. Dan tidak mengapa menjual minyak yang zatnya suci, kemudian terkena najis kerana kejatuhan najis atau tikus mati di dalamnya. Maka boleh menggunakan minyak itu selama tidak untuk dimakan. Sebab, zat minyak itu tidak bernajis.

Begitu juga saya berpendapat bahawa tidak mengapa menjual benih ulat sutera. Sebab, benih itu berasal dari haiwan yang bermanfaat. Menyerupakannya dengan telur, di mana telur itu merupakan asal haiwan, adalah lebih utama daripada menyerupakannya dengan kotoran. Juga, boleh menjual botol (wadah) kesturi dan

dipandang suci jika dia terpisah dari kijang pada waktu masih hidup.

Kedua: Ma'qud 'alaih itu bermanfaat. Maka tidak boleh menjual serangga-serangga, tikus, dan ular. Juga, tidak harus mempertimbangkan kemanfaatan yang diperoleh tukang sulap dengan ular itu dan kemanfaatan yang diambil oleh orang-orang yang memiliki binatang ternak dengan mengeluarkannya dari keranjang dan meletakkannya di hadapan orang ramai.

Sementara itu boleh menjual kucing, macan kumbang, singa, dan binatang yang layak dipakai untuk berburu atau boleh dimanfaatkan kulitnya. Juga, boleh menjual gajah untuk membawa barang-barang dan boleh menjual jenis-jenis burung helang, seperti burung kakak tua, burung merak, burung-burung yang indah bentuknya, meskipun tidak dimakan. Sebab, menikmati suaranya dan memandang padanya merupakan suatu maksud yang diharapkan dan dibolehkan.

Adapun anjing tidak boleh dipelihara kerana merasa kagum terhadap bentuknya, adalah kerana Rasulullah s.a.w. melarang hal itu. (HR. Bukhari dan Muslim)

Selain itu tidak boleh menjual kecapi, simbal, seruling, dan alatalat permainan. Kerana semua peralatan itu tidak ada manfaatnya pada agama. Begitu juga menjual gambar-gambar yang terbuat daripadapada tanah, seperti gambar binatang-binatang yang dijual pada hari-hari lebaran, untuk mainan anak-anak. Maka wajiblah merosakkannya sesuai dengan agama. Sedangkan gambar pohon-pohon dibolehkan.

Adapun kain dan piring yang bergambar haiwan, maka sah menjualnya, begitu juga tirai-tirai. Rasulullah s.a.w. bersabda kepada Aisyah r.a.: "Buatlah daripadanya bantal-bantal kecil." (HR. Bukhari dan Muslim)

Bantal-bantal kecil yang bergambarkan haiwan-haiwan itu tidak boleh dipakai jika ditegakkan dan boleh dipakai jika diletakkan (direbahkan). Dan jika sesuatu boleh diambil manfaatnya dari suatu segi, maka boleh menjualnya kerana segi itu.

Ketiga: Benda yang menjadi obyek urus-niaga itu dimiliki orang yang melakukan akad atau orang yang memperoleh izin dari si pemilik. Maka tidak boleh membeli dari bukan si pemiliknya, sebelum ada izin dari si pemilik. Bahkan, walaupun si pemilik menyetujuinya kemudian, maka akadnya wajib diulangi. Dan

tidak semestinya isteri membeli harta suami dan suami tidak membeli harta isteri.

Dan juga, tidak semestinya bapa membeli harta anak dan anak tidak pula membeli harta bapa, kerana berpandangan bahawa jika si pemilik barang menyetujuinya. Sebab, jika izin itu tidak diperoleh lebih dahulu, nescaya jual beli itu tidak sah. Contoh-contoh yang demikian itu merupakan sebahagian perkara yang berlaku di pasar-pasar masa ini. Maka seseorang yang beragama harus menjaga diri daripadanya.

Keempat: Ma'qud alaih (barang) itu boleh diserahkan sesuai dengan ketentuan agama dan nyata adanya. Maka sesuatu yang tidak boleh diserahkan secara nyata, tidak sah menjualnya. Misalnya, hamba yang melarikan diri dan tidak tentu ke mana perginya, ikan di dalam air, janin haiwan yang masih dalam kandungan, dan bibit keturunan dari haiwan jantan.

Begitu juga menjual bulu yang masih di punggung haiwan dan susu yang masih dalam kantong susu haiwannya tidak dibolehkan. Kerana susah menyerahkannya, sebab yang tidak dijual masih bercampur dengan yang dijual. Dan sesuatu yang tidak boleh diserahkan sesuai dengan agama adalah seperti harta yang tergadai, barang yang diwakafkan. Hamba sahaya yang beranak dari majikannya, juga tidak sah menjualnya.

Begitu juga menjual induk tanpa anaknya, jika anaknya masih kecil. Juga, menjual anak tanpa induknya. Sebab, dengan menyerahkannya nanti, bererti menceraikan antara anak dan induknya. Hal itu tidak diperkenankan. Maka tidak sah menceraikan di antara keduanya dengan jual beli.

Kelima: Benda yang dijual itu diketahui bendanya, jumlahnya, dan sifatnya. Untuk boleh mengetahui bendanya adalah dengan menunjukkan benda itu. Jika si penjual mengatakan: "Aku jual kepadamu seekor kambing dari kumpulan kambing itu, kambing mana sahaja yang engkau suka. Atau aku jual sehelai kain dari kain-kain yang di hadapan anda ini. Atau sehasta dari kain kasar ini dan ambillah mana yang engkau sukai. Atau sepuluh hasta dari tanah ini dan ambillah dari tepi mana yang engkau kehendaki," maka jual beli seperti itu tidak sah.

Semua itu termasuk perkara yang biasa dilakukan oleh orang-orang yang mengabaikan agama, kecuali dia menjual yang bersifat umum. Misalnya menjual separuh barang atau sepersepuluhnya. Sebab, yang demikian itu dibolehkan.

Adapun mengetahui jumlahnya boleh diketahui dengan ukuran atau timbangan atau melihat padanya. Maka jika si penjual itu mengatakan: “Aku jual kepada anda kain ini dengan harga kain yang dijual oleh si Polan,” sedangkan keduanya tidak mengetahui harga kain itu, maka jual beli itu tidak sah.

Jika si penjual mengatakan: “Aku jual kepada anda dengan harga yang sesuai dengan timbangan alat timbangan ini.” Jual beli itu tidak sah jika berat timbangan itu tidak diketahui. Jika si penjual mengatakan: “Aku jual kepadamu dengan harga kumpulan dirham ini atau dengan sepotong emas ini”, sedangkan dia melihatnya. Maka jual beli itu sah. Kerana taksiran dengan melihat cukup untuk mengetahui takarannya.

Sementara untuk mengetahui sifat sesuatu benda, boleh dilakukan dengan melihat benda-benda itu sendiri. Tidak sah menjual benda yang berada di tempat yang jauh kecuali jika telah dilihat dahulu sebelumnya dan kemudian tidak terjadi banyak perubahan padanya. Menyifatkan dengan kata-kata tidaklah sama dengan melihat secara langsung. Ini adalah satu dari dua mazhab.

Juga tidak boleh menjual kain yang masih dalam alat tenunnya, kerana berpegang pada nombor-nombornya. Demikian halnya tidak boleh menjual gandum yang masih pada tangkainya. Namun boleh menjual beras yang masih dalam kulitnya (padi), di mana beras itu masih tersimpan dalam kulit itu.

Begitu juga boleh menjual buah kelapa dan buah kemiri yang masih ada di dalam kulit yang di bawah (tempurung) dan tidak dibolehkan jika masih dalam kedua kulitnya. Juga, boleh menjual kacang yang belum kering dalam kulitnya, kerana sesuatu keperluan.

Keenam: Barang yang dijual itu diterima dengan tangan, jika sudah diperoleh miliknya dengan membayar harganya. Ini adalah syarat khusus. Rasulullah s.a.w. melarang menjual barang yang tidak boleh diterima dengan tangan. Ini sama ada barang itu barang tetap atau barang yang boleh dipindahkan (barang bergerak). Maka segala sesuatu yang dibeli atau dijual sebelum diterima dengan tangan, jual belinya batal. Menerima barang yang boleh dipindahkan adalah dengan memindahkannya. Sedangkan menerima barang tetap (barang tidak bergerak) adalah dengan mengosongkannya.

Dan menerima barang yang dibeli dengan syarat ditimbang tidaklah sempurna kecuali dengan ditimbang. Sementara penjualan harta pusaka, wasiat, barang

simpanan, dan barang-barang yang dimiliki tidak dengan pembayaran harga, maka hal itu dibolehkan sebelum diterima dengan tangan.

Rukun ketiga: Lafaz akad. Dalam hal ini harus berlaku ijab dan qabul yang bersambung dengan kata-kata yang menunjukkan pada yang dimaksud dan yang boleh difahami. Hal ini ada kalanya dinyatakan dengan jelas nyata dan ada kalanya dengan secara tidak jelas (kinayah). Jika si penjual mengatakan: "Aku berikan barang ini kepada engkau dengan barang itu," sebagai ganti ucapannya, "Aku jual kepadamu," lalu si pembeli itu menjawab: "Aku terima," hal itu boleh jika kedunya memaksudkannya sebagai jual beli.

Sebab, kadangkala yang demikian itu memungkinkan pada peminjaman, apabila pada dua helai kain atau dua ekor haiwan. Maka dengan niat tersebut, kemungkinan tersebut tertolak. Perkataan yang jelas lebih menghilangkan persengketaan. Kinayah juga boleh menyebabkan hak milik dan kehalalan tentang sesuatu yang dipilih.

Dan tidak semestinya jual beli itu disertai dengan syarat yang berlainan dengan yang dimaksudkan oleh akad. Jika disyaratkan agar ditambahkan sesuatu yang lain atau barang yang dijual itu dibawa ke rumah si pembeli atau si pembeli itu membeli kayu bakar dengan syarat diangkutkan ke rumahnya, maka semuanya itu tidak sah. Kecuali jika disertakan penyewaan pengangkutan itu dengan ongkos tertentu, yang terpisah dari pembelian, untuk pengangkutan itu.

Apabila antara si penjual dan si pembeli tidak berlaku selain saling memberi (mu'athah: jual beli tanpa menyebut lafaz ijab qabul) dengan perbuatan, tanpa perkataan dengan lisan, menurut asy-Syafi'i jual beli itu sama sekali tidak sah. Sedangkan menurut Imam Abu Hanifah sah, jika jual beli itu pada barangbarang yang tidak begitu berharga, jual beli itu sah. Namun, menentukan "barang-barang yang tidak begitu berharga" amat susah.

Sesungguhnya dalam masalah pengembalian persoalan pada adat kebiasaan, maka manusia telah melewati dari "barang-barang yang tidak begitu berharga" dalam hal jual beli mu'athah. Sebab, umpamanya seorang perantara datang kepada seorang penjual kain, lalu dia mengambil dari si penjual sehelai kain sutera seharga sepuluh dinar dan membawanya kepada seorang pembeli. Kemudian dia kembali kepada si pembeli itu menerangkan bahawa si pemiliknya menyetujui dengan harga sekian.

Lalu si perantara tersebut mengatakan kepada si pembeli "ambillah sepuluh." si perantara itu lalu mengambil dari temannya (yang menjadi pembeli) itu wang sepuluh dinar, kemudian membawanya dan menyerahkannya kepada si pemilik kain sutera tersebut. Dan si penjual mengambilnya dan mempergunakan wang tersebut dan si pembeli kain sutera itu memotongkannya, sementara di antara keduanya tidak terjadi ijab dan qabul.

Begitu juga jika berkumpul orang-orang yang bersedia membeli di depan kedai seorang penjual. Lalu si penjual itu mengemukakan sebuah barang dengan harga seratus dinar, umpamanya kepada orang yang mahu membelinya dengan harga yang lebih mahal.

Lalu salah seorang di antara mereka berkata: "Biar untuk saya dengan harga sembilan puluh." Sedangkan seseorang yang lain berkata: "Biar untuk saya dengan harga sembilan puluh lima." Dan yang lain lagi berkata: "Biar untuk saya dengan harga seratus." Lalu dikatakan kepada pembeli itu, "Timbanglah." Maka dia pun menimbangnya dan menyerahkan harganya, dan dia pun mengambil barang tersebut tanpa ijab dan qabul.

Ini merupakan adat kebiasaan yang terus berlaku dan sebahagian dari penyakit yang tidak boleh diubati. Maka kemungkinankemungkinannya ada tiga:

Kemungkinan pertama: Membuka pintu jual beli mu'athah secara mutlak pada barang yang tidak berharga dan barang yang bernilai tinggi. Yang demikian itu mustahil. Sebab, cara yang demikian merupakan pemindahan milik tanpa kata-kata yang menunjukkan padanya. Padahal, Allah SWT telah menghalalkan jual beli, dan jual beli adalah nama bagi ijab dan qabul.

Namun, dalam hal ini ijab dan qabul tidak dilakukan, padahal jual beli tidak berlaku dengan semata adanya perbuatan penyerahan dan penerimaan. Maka berdasarkan hukum apakah pemindahan hak milik dari kedua pihak itu? Terutama tentang hamba-hamba wanita dan lelaki, barang-barang tetap, haiwan-haiwan yang berharga dan barang-barang yang banyak terjadi persengketaan padanya. Sebab, bagi yang menyerahkannya boleh memintanya kembali seraya mengatakan: "Aku menyesal dan aku tidak jadi menjual barang itu, kerana aku tidak mengucapkan apa-apa kecuali hanya menyerahkan sahaja. Cara yang demikian bukan merupakan jual beli."

Kemungkinan kedua: Menutup pintu mu'athah sepenuhnya, sebagaimana pendapat Imam asy-Syafi'i tentang batalnya akad dengan cara yang demikian. Tentang hal ini ada dua persoalan:

Pertama: Yang demikian itu menyamakan pada barang-barang yang tidak berharga, kerana telah menjadi adat kebiasaan pada zaman sahabat r.a. Seandainya mereka mengharuskan ijab dan qabul terhadap tukang sayur, tukang roti dan tukang daging, nescaya berat bagi mereka untuk melaksanakannya. Lagi pula tentulah itu telah menyebar dan berkembang dan tentu ada waktu yang terkenal di mana adat kebiasaan tersebut ditinggalkan sepenuhnya. Sedangkan masa-masa tentang perkara yang seperti itu saling berbeza keadaannya.

Kedua: Manusia sekarang telah terbiasa dengan cara mu'athah (jual beli tanpa menyebut ijab qabul). Orang tidak mengambil sesuatu, baik makanan atau lainnya, melainkan mengetahui bahawa si penjual telah menyerahkan hak milik barang itu kepada si pembeli dengan cara mu'athah. Maka, apa manfaatnya ijab qabul pada akad itu jika sudah demikian halnya?

Kemungkinan ketiga: Memisahkan di antara barang yang tidak berharga dengan barang lainnya, sebagaimana dikatakan oleh Imam Abu Hanifah rahimahullah. Namun, dalam hal ini susah pula menentukan barang yang tidak berharga itu. Dan timbul permasalahan dalam cara pemindahan hak milik tanpa kata-kata yang menunjukkan pada yang demikian itu.

Ibn Suraij menyebutkan pendapat Imam asy-Syafi'i, seiring dengan pendapat itu. Hal itu merupakan kemungkinan yang lebih mendekati pada sikap tengah. Maka tidak mengapa jika kita cenderung padanya, kerana kepentingan yang mendesak, dan kerana hal itu merupakan hal umum yang telah berlaku di kalangan orang ramai. Juga kerana berat dugaan bahawa hal itu telah biasa dilakukan pada masa-masa generasi pertama:

Adapun jawapan dari kedua persoalan di atas, maka kami katakan:

Pertama: Tentang penentuan pemisahan di antara barang-barang yang tidak berharga, kita tidak perlu menyusahkan diri untuk melakukan penaksiran. Sebab, hal itu tidak mungkin. Bahkan, hal itu memiliki dua segi yang jelas nyata. Kerana sudah jelas bahawa membeli sayur-sayuran dan sedikit buah-buahan, roti dan daging termasuk barang-barang tidak berharga yang biasa dilakukan tanpa ada lafaz ijab qabul.

Orang yang meminta dilakukannya ijab dan qabul dalam perkara yang seperti itu termasuk orang yang berlebih-lebihan dan permintaan untuk itu dipandang dingin dan berat. Dan orang yang demikian itu dikategorikan sebagai orang yang menegakkan timbangan terhadap barang yang tidak berharga dan cara yang demikian itu tidak ada. Ini adalah segi barang yang tidak berharga.

Segi yang kedua ialah haiwan, hamba sahaya, benda-benda tetap, dan kain-kain yang bernilai tinggi. Hal itu tidak boleh dipandang jauh dari kebenaran untuk memaksakan ijab dan qabul padanya. Sedangkan di antara keduanya tengah-tengah yang meragukan, hal tersebut disangsikan berada pada tempat yang syubhat. Maka hak bagi orang yang berpegang teguh pada agamanya untuk cenderung bersikap hati-hati terhadapnya.

Demikian halnya semua ketentuan agama tentang apa yang diketahui dengan adat kebiasaan terbahagi menjadi beberapa segi yang nyata dan perkara-perkara yang di tengah-tengah yang menyusahkan.

Kedua: Mencari sebab pemindahan hak milik. Dengan kata lain menjadikan perbuatan dengan tangan untuk mengambil dan menyerahkan sebagai sebab. Ini kerana kata-kata itu sendiri bukan merupakan sebab, tetapi hanya menunjukkan pada sebab itu. Dan perbuatan itu menunjukkan secara terus menerus pada maksud dari jual beli sesuai dengan adat kebiasaan. Termasuk di antaranya keperluan yang mendesak, adat kebiasaan orang-orang yang dahulu, dan seluruh adat-kebiasaan dalam menerima hadih-hadiah tanpa ijab dan qabul serta memakainya.

Oleh kerana itu apakah perbezaannya antara ada pada benda itu, penukaran dengan pembayaran harga, atau tidak ada. Sebab, pada hibah hak milik semestinya harus dipindahkan. Kecuali menurut adat kebiasaan lama yang tidak membezakan pada hadiah-hadiah itu antara yang tidak bernilai dan yang bernilai tinggi. Bahkan, tuntutan adanya ijab dan qabul dipandang kurang baik.

Sedangkan pada barang yang bernilai tinggi, tuntutan adanya ijab dan qabul tidak dipandang buruk. Inilah yang kami anggap lebih lurus dari seluruh kemungkinan-kemungkinan itu. Dan merupakan hak orang yang mampu menjaga diri dan beragama untuk tidak meninggalkan ijab dan qabul agar boleh melepaskan diri dari syubhat khilaf di antara para ulama.

Oleh itu, tidak semestinya seseorang mencegah diri dari ijab dan qabul lantaran si penjual telah memiliki barang yang dijual itu sebelumnya tanpa ijab dan

qabul. Sebab, yang demikian itu dia tidak mengetahui hakikat yang sebenarnya. Mungkin dia telah membelinya dulu dengan ijab dan qabul.

Jika dia hadir ketika dibeli oleh si penjual atau si penjual itu mengakui dengan demikian, maka hendaknya dia mencegah diri dari membeli pada si penjual dan hendaknya dia membeli pada orang lain. Jika barang itu tidak berharga dan dia memerlukan padanya, hendaknya dia mengucapkannya dengan ijab dan qabul. Sebab, yang demikian itu memberi manfaat agar tidak adanya persengketaan di kemudian hari.

Sebab, surut kembali (tidak jadi menjual) sesudah adanya kata-kata ijab dan qabul yang tegas tidaklah mungkin, sedangkan dari perbuatan itu mungkin (penerimaan sahaja tanpa ijab dan qabul).

Jika engkau bertanya: "Apabila pada yang dibelinya itu memungkinkan, maka apakah yang harus dilakukan seseorang jika dia menghadiri suatu jamuan atau hidangan, sedangkan dia mengetahui bahawa orang yang mengundangnya itu ketika membeli perlengkapanya hanya dengan jual beli secara mu'athah, atau dia mendengar dan melihat mereka melakukan jual beli yang demikian. Apakah dia wajib mencegah diri dari makan?"

Aku jawab, dia wajib mencegah diri dari jual beli barang yang berharga tinggi dan tidak merupakan barangbarang yang tidak berharga. Sedangkan tentang makan, maka dia tidak wajib mencegah diri daripadanya. Saya berpendapat bahawa jika kita ragu dalam menjadikan perbuatan ini sebagai tunjukan pada pemindahan hak milik, maka tidak semestinya kita tidak menjadikannya sebagai tunjukan pada pembolehan. Sebab, pembolehan lebih luas dan pemindahan hak milik lebih sempit.

Maka setiap makanan yang berlaku padanya jual beli tanpa lafaz ijab dan qabul, maka penyerahan si penjual merupakan izin untuk makan. Yang demikian diketahui dari keadaan. Ini seperti izin penjaga tempat pemandian umum untuk memasuki tempat pemandian, dan izin makan bagi orang yang dimaksud oleh pembeli. Maka yang demikian itu boleh ditempatkan pada kedudukan seperti jika dikatakan oleh si pembeli: "Aku perbolehkan engkau menikmati makanan ini, atau engkau boleh memberi makan kepada sesiapa sahaja yang engkau kehendaki." Yang demikian itu menghalalkan baginya.

Sementara apabila ditegaskan dengan mengatakan: "Makanlah makanan ini, kemudian bayarlah bagiku harganya," jelas makanan itu boleh dimakan dan

orang itu harus membayar sesudah makan. Menurut saya, ini adalah qiyas ilmu fikah. Namun sesudah terjadi jual beli secara mu'athah, dia dapat menikmati hak miliknya dan menghabiskan hak miliknya sendiri. Maka dia harus menjamin dan jaminan itu ada dalam tanggung jawabnya.

Sedangkan tentang harga yang diserahkannya, jika harga itu sesuai dengan nilainya, maka orang yang berhak atas pembayaran itu telah memperoleh sesuai dengan nilai haknya. Oleh kerana itu dia boleh memilikinya, bilamana dia tidak sanggup mencari orang yang berkewajipan melunasinya.

Jika dia sanggup mencari orang yang harus melunasinya, maka hendaknya dia tidak memiliki apa yang diperoleh dari hak milik orang yang bertanggung jawab melunasinya. Sebab, kadangkala dia tidak rela benda itu untuk diserahkan sebagai pembayaran hutangnya. Maka dia harus menanyakan kembali kepada orang yang berkewajipan membayarnya.

Dalam contoh tersebut dia sebenarnya telah mengetahui kerelaan orang yang memiliki barang dengan bukti keadaan ketika penyerahan itu. Sehingga tidak terlalu berlebihan untuk menjadikan perbuatan itu sebagai bukti izin bahawa hutang itu akan diterimanya dengan sempurna, dari harga apa yang diserahkannya itu, sehingga bererti dia telah mengambil haknya.

Namun, dalam semua keadaan sisi si penjual lebih tidak jelas. Sebab, apa yang diambilnya terkadang dikehendaki oleh si pemiliknya yang hendak berbuat sesuatu padanya. Lagi pula dia tidak mungkin memiliki apa yang diambilnya itu kecuali jika makanannya telah rosak dalam tangan si pembeli. Kemudian terkadang dia menghendaki pengulangan kembali maksudnya untuk memiliki. Di samping itu dia memiliki barang itu dengan kerelaan semata, yang diperolehnya dari perbuatan, bukan dari perkataan.

Sementara bagi pihak si pembeli makanan, yang tidak bermaksud selain dari makanan, hal itu merupakan persoalan mudah. Sebab, yang demikian itu dibolehkan dengan pembolehan yang difahami dari perihal keadaan. Namun, kadangkala dia harus memberikan kesepakatannya bahawa si tamu menanggung apa yang telah dirosakkannya. Tanggungan dari tamu tersebut gugur jika si penjual telah memiliki apa yang diambilnya dari si pembeli. Maka gugurlah tanggungan itu seperti orang yang membayar hutangnya dan yang menanggung hutang itu.

Inilah pendapat kami tentang kaedah jual beli tanpa lafaz ijab qabul yang masih kurang jelas. Namun, ilmu yang sebenarnya ada pada sisi Allah. Semua yang disebutkan tersebut merupakan kemungkinan dan dugaan yang telah kami tolak dan tidak mungkin mendasarkan fatwa selain pada dugaan-dugaan tersebut. Sedangkan bagi orang yang bersikap hati-hati semestinya mencari fatwa dari hati nuraninya sendiri dan menjaga diri dari tempat-tempat yang syubhat.

2. Akad riba

Allah SWT mengharamkan riba dan Dia sangat keras dalam melarangnya. Maka orang-orang yang pekerjaannya menukar wang (money changer), dan yang melakukan jual beli emas dan perak, dan orang-orang yang melakukan jual beli makanan; harus menjaga diri daripadanya. Sebab, tidak ada riba selain pada mata wang atau makanan. Demikian halnya para penukar wang harus menjaga diri dari penangguhan pembayaran (riba nasi'ah) dan kelebihan.

Penangguhan ialah seseorang tidak menjual sesuatu dari permata emas dan perak dengan sesuatu dari permata emas dan perak kecuali dengan secara tunai. Dengan kata lain terjadi serah terima pada tempat pembelian itu. Inilah erti penjagaan diri dari penangguhan itu. Sedangkan penyerahan emas oleh para penukar ke gudang pencetakan wang dan pembelian dinar yang sudah dicetak menjadi wang adalah haram dari segi penangguhan. Juga, dari segi bahawa biasanya terjadi padanya lebih kurang, kerana wang yang sudah dicetak itu tidak dikembalikan sesuai dengan timbangan semula.

Tentang kelebihan, seseorang harus menjaga diri dalam tiga perkara:

Pertama: Pada penjualan sesuatu yang pecah dengan sesuatu yang utuh. Dalam hal ini dia tidak harus melakukan jual beli pada dua perkara yang serupa.

Kedua: Pada penjualan sesuatu yang bagus dengan sesuatu yang buruk. Maka tidak semestinya seseorang membeli sesuatu yang buruk dengan sesuatu yang bagus yang lebih ringan timbangannya atau menjual sesuatu yang buruk dengan sesuatu yang bagus yang lebih berat timbangannya. Ini saya maksudkan jika menjual emas dengan emas dan perak dengan perak. Jika kedua jenis benda itu berlainan, maka tidak mengapa adanya kelebihan.

Ketiga: Pada sesuatu yang bercampur dengan emas dan perak, seperti dinar, dengan sesuatu yang bercampur dengan emas dan perak. Jika berat emas tidak

diketahui sama sekali, maka jual beli itu tidak sah sama sekali. Kecuali jika yang demikian itu merupakan wang yang berlaku dalam suatu negeri. Dalam hal ini kita boleh jual beli dengan wang tersebut jika tidak berhadapan dengan wang yang serupa.

Begitu juga dirham yang bercampur dengan tembaga, jika tidak menjadi wang yang berlaku dalam suatu negeri, tidak sah untuk dijadikan sebagai alat urus-niaga. Ini kerana yang dimaksud daripadanya ialah potongan yang dihancurkan dari emas dan perak, padahal potongan itu tidak diketahui. Sedangkan jika hal itu telah menjadi wang yang berlaku dalam suatu negeri, maka kita boleh menjadikannya sebagai alat urus-niaga. Ini kerana diperlukan dan kerana potongan emas dan perak itu telah keluar dari maksud mengeluarkannya dari wang itu. Namun, sesama potongan emas dan perak tidak boleh dijadikan sebagai alat urus-niaga.

Begitu juga setiap perhiasan yang terbuat daripada campuran emas dan perak. Maka tidak dibolehkan membelinya tidak dengan emas mahupun dengan perak. Dalam hal ini semestinya dibeli dengan benda lain. Hal itu jika berat emas padanya diketahui. Lain halnya jika benda itu disepuh dengan emas, sebagai sepuhan yang tidak menghasilkan emas yang dimaksud ketika diletakkan di atas api. Dalam hal ini seseorang boleh menjualnya dengan potongan yang sama.

Begitu juga tidak dibolehkan bagi para penukar wang membeli kalung yang ada padanya batu-batu berharga dan emas dengan emas, dan tidak boleh juga menjualnya. Namun, mereka dibolehkan membeli dan menjualnya jika dibayar dengan perak, dengan secara tunai, jika pada kalung itu tidak terdapat perak.

Demikian halnya tidak dibolehkan membeli kain yang ditenun dengan emas, yang daripadanya menghasilkan emas yang dimaksud ketika diletakkan di atas api, dengan pembayaran berupa emas. Namun dibolehkan jika pembayarannya dengan perak dan lainnya.

Sedangkan orangorang yang melakukan jual beli makanan, maka dia harus melakukan serah terima pada tempat jual beli itu, baik jenis makanan yang dijual dan dibeli itu berlainan atau tidak berlainan. Jika jenisnya sama, maka harus terjadi serah terima dan harus sama.

Yang biasa terjadi ialah jual beli tukang daging, dengan menyerahkan kambing kepadanya dan kambing itu kemudian dibelikan daging, secara tunai atau ditangguhkah, maka hal itu tidak diperkenankan. Juga, jual beli tukang roti, dengan

menyerahkan gandum kepadanya dan gandum itu kemudian dibelikan roti, secara ditangguhkan atau tunai, maka hal itu haram.

Dan jual beli para pembuat minyak, dengan menyerahkan biji-bijian seperti biji simsim dan zaitun kepadanya untuk diambil minyak daripadanya. Maka hal itu tidak diperkenankan. Begitu juga jual beli tukang susu, dengan menyerahkan susu kepadanya, untuk diambilkan daripadanya susu kental, minyak samin, mentega, dan bahagian-bahagian susu yang lain. Maka hal itu juga tidak diperkenankan. Juga, menjual makanan dengan makanan yang bukan jenisnya, kecuali dengan cara tunai. Dan makanan tidak boleh dijual dengan yang sejenis, kecuali dengan secara tunai dan sama.

Segala sesuatu yang terbuat daripada bahan yang dimakan tidak boleh diperjual belikan, baik sama atau lebih kurang. Maka tidak boleh menjual tepung, roti dan sawiq dengan gandum. Juga tidak boleh menjual belikan syirup, cuka dan juice dengan anggur dan buah kurma. Dan tidak boleh menjual belikan minyak samin, mentega, *makhidh* (air susu yang telah diambil saripatinya), *mashal* (air yang dikeluarkan dari susu), dan keju.

Persamaan tidak mendatangkan manfaat jika penyimpanan makanan itu tidak dalam keadaan sempurna. Maka tidak boleh menjual buah anggur yang belum kering dengan buah anggur yang belum kering, dan buah anggur yang sudah kering dengan buah anggur yang sudah kering; baik lebih-kurang atau sama.

Inilah perkara-perkara yang kiranya mencukupi tentang pengertian jual beli dan peringatan tentang perkara-perkara merosakkan, yang perlu diketahui oleh peniaga. Jika seseorang merasa ragu dan kurang memahami tentang sesuatu dari perkara-perkara tersebut, hendaknya dia meminta pandangan para ahli ilmu. Jika hal ini tidak diketahuinya, nescaya dia tidak memahami perkara-perkara yang perlu ditanyakan. Akibatnya, dia menerobos masuk ke dalam perkara yang riba dan haram, sedangkan dia tidak mengetahuinya.

3. Akad salam

Salam ialah akad pemesanan suatu barang dengan ciri dan syarat-syarat barang yang telah disepakati dan dengan pembayaran tunai pada saat akad dilaksanakan. Ketika seseorang melakukan urus-niaga salam, hendaknya memperhatikan sepuluh syarat:

Pertama: Modal itu diketahui dengan perkara yang menyamainya. Sehingga jika barang yang dipesan itu susah diserahkan, maka nilai modal itu mungkin dikembalikan. Jika si pemilik modal menyerahkan segenggam dirham dalam karung tanpa menghitungnya dan menimbangnya, tidak sah menurut salah satu dua dari pendapat para ulama.

Kedua: Modal diserahkan pada tempat dilakukannya akad sebelum berpisah. Jika keduanya berpisah sebelum modal diterima, maka perjanjian itu batal dengan sendirinya.

Ketiga: Barang yang dipesan termasuk barang yang mungkin dikenal sifat-sifatnya, seperti biji-bijian, haiwan, logam, kapas, bulu wol, sutera, susu, daging, benda-benda yang digunakan oleh para pembuat minyak wangi, dan lain-lain sebagainya. Dan tidak boleh pada segala jenis yang diuli (ma'jun), barang yang bersusun-susun (murakkab), barang yang berlainan bahagianbahagiannya, seperti tombak yang dipakai, sepatu khuf, alas kaki yang berlainan bahagian dan buatannya dan kulit haiwan. Namun, jual beli salam boleh dilakukan pada roti. Rasa roti yang timbul akibat perbezaan takaran garam dan air kerana lamanya atau sedikitnya waktu pemasakan dimaafkan dan tidak diperhitungkan.

Keempat: Memberikan keterangan tentang sifat dari barang-barang yang dapat disifatkan itu dengan terperinci. Sehingga tidak ada suatu sifat pun yang menimbulkan berlebih-kurangnya nilai, di mana orang tidak melakukan penipuan dengan perkara yang seperti itu melainkan mengemukakannya. Sebab, penyifatan itu menyerupai melihat dengan mata dalam jual beli.

Kelima: Lama waktunya diketahui, kalau perjanjian itu memakan waktu. Maka perjanjian itu tidak boleh ditangguhkan sampai pada waktu panen dan mendapatkan hasil buah-buahan. Tetapi perjanjian itu harus ditangguhkan sampai beberapa bulan dan beberapa hari tertentu. Sebab, mendapatkan buah-buahan itu kadangkala lebih dahulu dan kadangkala terkemudian.

Keenam: Barang yang dibeli dengan pesanan itu dapat diserahkan pada waktunya dan biasanya diyakini adanya pada waktu itu. Maka tidak semestinya dilakukan ikatan perjanjian tersebut pada anggur sampai pada waktu yang tidak akan tersedia. Begitu juga pada buah-buahan yang lain. Jika biasanya barang itu ada dan tersedia pada waktu yang ditangguhkan itu, lalu barang itu tidak boleh diserahkan kerana suatu bencana, maka boleh meminta penangguhan lagi jika

mahu, atau melepaskan perjanjian dan mengembalikan modal jika mahu.

Ketujuh: Menyebutkan tempat penyerahan agar tidak menimbulkan persengketaan nantinya.

Kelapan. Perjanjian itu tidak tergantung pada sesuatu yang ditentukan. Jika disebutkan: dari gandum tanaman ini atau buah-buahan kebun itu, maka yang demikian itu membatalkan perjanjian tersebut dalam kedudukannya sebagai hutang. Namun, jika ditambahkan buahbuahan negeri ini atau kampung yang besar itu, yang demikian itu tidak merupakan perjanjian tersebut.

Kesembilan: Perjanjian itu tidak dilakukan pada benda yang bernilai tinggi dan susah didapat. Misalnya, permata yang disifatkan dengan sifat yang susah diperoleh, atau hamba sahaya yang sangat cantik bersama anaknya atau hal lain yang biasanya susah dipenuhi.

Kesepuluh: Perjanjian tersebut tidak diikat pada makanan, manakala modal (yang akan menjadi alat bayar) itu juga makanan, baik yang sejenis ataupun tidak sejenis. Dan perjanjian itu tidak diikat pada emas dan perak, jika modal itu emas dan perak. Tentang hal ini telah kami kemukakan pada fasal tentang “riba” sebelumnya.

4. Akad Ijarah (sewa menyewa)

Sewa-menyewa mempunyai dua rukun, iaitu *‘ujrah* (harga sewa) dan manfaat. Tentang orang yang melakukan akad (‘aqid) dan katakata akad, maka yang dipegang ialah apa yang telah kami terangkan sebelumnya pada bab jual beli. Sewa adalah seperti harga. Maka semestinya hal itu diketahui dan diterangkan sifatnya dengan segala apa yang telah kami syaratkan sebelumnya pada jual beli, jika sewa itu berbentuk barang.

Sementara jika sewa itu berbentuk hutang, maka semestinya diketahui sifat dan jumlahnya. Dalam hal ini hendaknya dijaga dari perkara-perkara yang berlaku menurut adat kebiasaan. Misalnya, menyewa rumah dengan membangunnya (memperbaikinya). Yang demikian itu batal kerana kadar pembangunannya tidak diketahui. Jika ditentukan beberapa dirham dan disyaratkan kepada penyewa untuk dipergunakannya pada pembangunan itu, hal itu tidak dibolehkan. Sebab perbuatan dalam menyerahkan pada pembangunan itu tidak diketahui.

Sebahagian dari yang berlaku menurut adat kebiasaan ialah menyewa tukang kulit haiwan dengan mengambil kulitnya sesudah mengupasnya. Dan menyewa

tenaga pembawa bangkai dengan kulit bangkai sebagai upahnya dan menyewa tukang tumbuk dengan dedak atau sebahagian tepung sebagai upahnya. Semua itu hukumnya batal.

Begitu juga sebahagian dari yang berlaku menurut adat kebiasaan ialah menentukan jumlah sewa pada sewa menyewa rumah dan kedai. Jika si pemiliknya berkata: "Untuk setiap bulan sewanya satu dinar" dan dia tidak menentukan jumlah bulan penyewaan, nescaya lamanya tidak diketahui dan penyewaan itu tidak sah.

Rukun yang kedua ialah manfaat yang akan diambil dari barang tersebut harus diketahui secara jelas oleh kedua belah pihak. Tentang cabang-cabang dari bab ini sudah termasuk di bawah hubungan ini. Namun, kami tidak akan menghuraikannya secara terperinci. Kami sendiri telah menghuraikan pembahasannya secara terperinci dalam masalah-masalah fikah. Yang kami kemukakan di sini hanyalah persoalanpersoalan yang bahayanya telah merebak ke mana-mana. Oleh kerana itu hendaknya diperhatikan pekerjaan orang yang disewa dalam lima perkara:

Pertama: Pekerjaan itu bernilai dengan adanya beban dan keletihan padanya. Jika seseorang menyewa makanan untuk menghiasi kedai atau pohon-pohonan untuk mengeringkan kain di atasnya, atau wang-wang dirham untuk menghiasi kedai, hal itu tidak dibolehkan. Sebab, manfaat-manfaat tersebut berlaku seperti biji simsim dan biji gandum, yang demikian itu tidak dibolehkan menjualnya. Hal itu seperti memandang pada cermin orang lain, meminum dari sumurnya, bernaung pada dindingnya, dan mengambil manfaat dari apinya.

Oleh kerana itu jika seseorang menyewa seorang penjual agar dia berkata-kata dengan kata-kata yang membuat laku barangnya, tidak dibolehkan. Apa yang diambil oleh para penjual untuk menjadi ganti jerih-payah dari keletihannya, ketenarannya, dan penerimaan kata-katanya dalam meningkatkan penjualan benda-benda, yang demikian itu tidak diperkenankan.

Ini kerana mereka tidak melakukan tindakan apa-apa selain kata-kata yang tidak ada keletihan padanya dan tidak bernilai. Sesungguhnya yang demikian itu diperkenankan bagi mereka, jika mereka penat dengan banyaknya pulang pergi atau dengan banyaknya perkataan dalam urusan urus-niaga. Kemudian, dalam pada itu mereka tidak berhak selain upah yang patut. Sedangkan apa yang disepakati oleh para penjual, hal itu merupakan tindakan aniaya dan tidak diambil dengan berdasarkan kebenaran.

Kedua: Penyewaan itu tidak mengandungi kesempurnaan suatu benda yang dimaksudkan. Maka penyewaan batang anggur kerana manfaatnya, penyewaan haiwan kerana susunya, dan penyewaan kebun kerana buah-buahannya tidak diperkenankan. Namun, boleh menyewa seorang wanita penyusu bayi, dan susunya mengikut, kerana tidak mungkin memisahkannya.

Ketiga: Pekerjaan itu sanggup diserahkan kepada penyewa menurut kenyataan dan hukum agama. Maka tidak sah menyewa orang yang lemah untuk mengerjakan sesuatu pekerjaan yang tidak sanggup dia kerjakan. Demikian pula tidak sah menyewa orang bisu untuk mengajar, dan perkara-perkara serupa lainnya.

Apa sahaja yang tidak boleh dikerjakan, maka agama melarang penyerahannya. Misalnya, menyewa orang untuk mencabut gigi sihat atau untuk memotong anggota badan yang tidak dibolehkan oleh agama untuk dipotong. Atau menyewa wanita yang sedang berhaid untuk menyapu masjid.

Atau menyewa seorang dukun untuk mengajarkan sihir atau perbuatan keji. Atau menyewa isteri orang untuk menyusui anak kecil tanpa seizin suaminya. Atau menyewa tukang lukis untuk melukis haiwan-haiwan. Atau menyewa tukang logam untuk membuat bejanabejana dari emas dan perak. Semua itu batal.

Keempat: Perbuatan itu tidak menjadi kewajipan atas orang yang disewa. Atau tidak termasuk perbuatan yang tidak boleh digantikan orang yang menyewa itu. Maka tidak dibolehkan mengambil upah pada jihad dan segala ibadat lain yang tidak boleh digantikan oleh orang lain. Sebab, perbuatan itu tidak akan terlepas dari yang menyewa itu.

Yang dibolehkan hanyalah pada ibadat haji, memandikan jenazah, menggali kuburun, menguburkan orang mati, dan membawa jenazah ke pemakaman. Sedangkan tentang pengambilan upah mengimami solat tarawih, mengumandangkan azan, memberi pengajaran, dan mengajarkan Al-Quran, dalam hal ini terdapat perbezaan pendapat di antara para ulama. Adapun memberi upah terhadap orang yang mengajari sesuatu persoalan tertentu atau mengajari suatu surah dari Al-Quran untuk orang tertentu, maka hal itu dibolehkan.

Kelima: Pekerjaan dan manfaat diketahui dengan jelas. Maka penjahit mengetahui pekerjaannya dengan kain, dan pengajar mengetahui pekerjaannya dengan penentuan surah dan kadarnya. Pembawa haiwan mengetahui pekerjaannya dengan jumlah haiwan yang dibawanya dan jarak tempuhnya. Setiap perkara

yang menimbulkan permusuhan menurut adat kebiasaan, maka tidak boleh mengabaikannya.

Penjelasan tentang hal ini panjang. Hal ini kami kemukakan untuk diketahui hukum-hukumnya yang nyata, tegas dan dapat diperhatikan pada tempat-tempat yang menimbulkan kesulitan, lalu dapat ditanyakan. Sebab, sesungguhnya penyelidikan yang mendalam adalah tugas mufti, bukan tugas orang awam.

5. Akad Qiradh

Iaitu pemberian modal untuk berniaga dengan memperoleh bahagian laba. Ada tiga rukun qiradh yang harus diperhatikan:

Pertama: Modal. Syaratnya, modal itu berupa emas dan perak yang telah dijadikan modal, diketahui jumlahnya, dan diserahkan kepada orang yang akan melaksanakannya. Maka qiradh tidak diperkenankan pada mata wang dan barang-barang. Sebab, perniagaan dengan kedua jenis tersebut menjadi terbatas.

Di samping itu qiradh tidak diperkenankan pada suatu tumpukan dirham, kerana kadar keuntungan padanya tidak jelas. Sedangkan jika si pemilik modal mensyaratkan agar modal itu di tangannya, maka hal itu tidak dibolehkan. Sebab hal itu membatasi jalan perniagaan.

Kedua: Laba. Hendaknya keuntungan itu diketahui pembahagiannya dengan disyaratkan bagi pemilik modal sepertiga atau seperdua atau berapa yang dikehendakinya. Jika si pemilik modal mengatakan, "untukmu keuntungan seratus dan sisanya bagiku," hal itu tidak boleh. Kerana boleh jadi keuntungannya tidak lebih dari seratus. Maka tidak boleh menentukannya dengan jumlah tertentu, namun hendaknya menentukannya dengan jumlah yang umum.

Ketiga: Pekerjaan yang menjadi tugas si pelaksana. Syaratnya ialah perniagaan itu tidak mempersempit pekerja, dengan menentukan dan membatasi. Misalnya, pekerja harus membeli haiwan ternak untuk mendapatkan anaknya, lalu anaknya itu mereka bagi berdua. Atau modal dibelikan gandum untuk dibuat roti, lalu keuntungan dari roti itu mereka bagi berdua. Yang demikian itu tidak sah. Sebab, qiradh itu diizinkan pada perniagaan, iaitu jual beli dan sesuatu yang menjadi keperluan keduanya sahaja. Ini adalah pekerjaan, yakni membuat roti dan memelihara haiwan ternak.

Jika dia mempersempit ruang gerak si pekerja dan mensyaratkan bahawa si pekerja tidak membeli kecuali dari si Polan, atau tidak berniaga kecuali sutera merah, atau dia mensyaratkan sesuatu yang menyempitkan pintu perniagaan, maka akad itu batal.

Kemudian manakala akad telah dilaksanakan, si pekerja pun berkedudukan sebagai wakil. Sehingga dia boleh bekerja dengan leluasa sebagai wakil. Manakala si pemilik modal bermaksud membatalkan akad, maka dia dapat melakukannya. Jika perjanjian itu telah dibatalkan pada saat seluruh harta telah menjadi wang tunai, maka mudahlah cara membaginya.

Jika pada saat itu harta itu masih berupa barang-barang dan tidak ada keuntungan padanya, barang itu dikembalikan kepada si pemilik modal. Dalam hal ini si pemilik modal hendaknya tidak memaksa si pekerja untuk mengembalikan barang-barang itu dalam bentuk wang tunai. Sebab, ikatan perjanjian telah batal dan dia tidak lagi dapat mewajibkan sesuatu kepada si pekerja.

Jika si pekerja berkata: "Aku jual barang-barang itu," sedangkan si pemilik modal menolak, maka yang diikuti ialah pendapat si pemilik modal. Kecuali jika si pekerja mendapatkan pembeli yang menyebabkan adanya keuntungan pada modal. Manakala keuntungan itu ada, maka si pekerja harus menjual sejumlah barang-barang yang berasal dari modal dengan harga dari jenis modal dahulu, tidak dengan mata wang yang lain. Sehingga kelebihan yang ada menjadi keuntungan dan keduanya bersyarikat pada keuntungan itu.

si pekerja tidak boleh melakukan perjalanan jauh dengan membawa harta qiradh tanpa seizin pemilik modal. Jika dia tetap melakukannya, perbuatannya itu sah. Namun, jika dia meneruskan perjalanannya, maka dia menanggung barang dan harganya seluruhnya. Sebab, perniagaannya dengan membawa harta qiradh itu meliputi pula harga dari barang-barang yang dibawanya.

Jika si pekerja melakukan perjalanan jauh dengan seizin pemilik modal, hal itu dibolehkan. Biaya membawa dan menjaga harta itu dibebankan pada harta qiradh. Demikian halnya biaya timbang, pengukuran, dan angkutan yang tidak biasa dilakukan oleh peniaga terhadap barang yang seperti itu, dibebankan pada modal. Sedangkan membuka kain, melipatnya, dan pekerjaan yang ringan yang boleh dilakukan oleh si pekerja, maka dia tidak boleh mengeluarkan ongkos yang dibebankan pada modal.

Biaya makan dan tempat tinggal si pekerja, jika di negerinya sendiri, merupakan tanggungannya sendiri. Sedangkan sewa gudang tidak menjadi kewajipannya. Manakala dia berangkat berjalan jauh untuk memutarkan harta qiradh, maka biayanya dalam perjalanan itu merupakan beban harta qiradh. Kemudian jika dia telah kembali, maka dia harus mengembalikan sisa-sisa alat perjalanan, seperti piring, kain alas makanan, dan lain-lain sebagainya.

6. Akad syirkah

Syirkah (perkongsian) itu ada empat macam, tiga di antaranya batal, iaitu:

Pertama: Syirkah al-Mufawadhah, iaitu persekutuan dagang dengan hak dan kewajipan yang sama antara masing-masing peserta, sementara harta keduanya berbeza. Syirkah (persekutuan) yang seperti ini batal.

Kedua: Syirkah al-Abdan, iaitu kedua pihak yang mengadakan persekutuan mensyaratkan persekutuan pada upah pekerjaannya. Syirkah ini juga batal.

Ketiga: Syirkah al-Wujuh, iaitu salah seorang dari keduanya memiliki kedudukan dan kata-katanya didengar, maka dia berlaku sebagai pihak pemberi, dan pihak yang seorang lagi sebagai pekerja. Syirkah ini juga batal.

Keempat: Syirkah al-'Inan. Inilah syirkah yang sah. Iaitu harta kedua belah pihak telah menyatu sehingga susah dibezakan kecuali dengan pembahagian. Kedua belah pihak mengizinkan mitranya untuk melakukan usaha dengan harta itu. Kemudian, keuntungan dan kerugian dibagi sesuai dengan jumlah saham masing-masing. Yang demikian itu tidak boleh diubah dengan syarat.

Kemudian dengan pemisahan akan menghalangi tindakan dari harta yang dipisahkan, dan dengan pembahagian akan terpisah hak milik pihak pertama dari hak milik pihak kedua. Menurut pendapat yang benar, dibolehkan mengadakan akad syirkah pada barang-barang yang dibeli. Dan tidak disyaratkan harus berbentuk wang tunai berupa emas dan perak, kecuali pada qiradh.

Inilah sedikit penjelasan dari ilmu fikah yang wajib dipelajari oleh setiap orang yang berusaha. Jika tidak, nescaya dia akan terjerumus dalam tindakan yang tidak diperkenankan tanpa disedarinya.

Adapun jual beli dengan tukang daging, tukang roti dan tukang sayur, maka tidak boleh terlepas daripadanya, baik dia seorang yang berusaha atau tidak.

Kekurangan padanya terdapat pada tiga segi: mengabaikan syarat-syarat jual beli, mengabaikan syaratsyarat jual beli dengan pemesanan, dan mencukupkan dengan jual beli tanpa lafaz ijab qabul.

Sebab, menurut adat kebiasaan yang berlaku ialah dengan menuliskan pelbagai aturan terhadap mereka tentang keperluan mereka setiap hari, kemudian memperhitungkannya setiap waktu. Lalu menghitungnya berdasarkan kesepakatan bersama. Ini kita pandang dibolehkan kerana kepentingan. Penyerahan itu sendiri dianggap sebagai pembolehan untuk menggunakannya dan penggantian harganya sebagai gantinya, sehingga dibolehkan memakannya.

Namun, wajib menjamin pembayaran kerana memakannya dan harus membayar menurut nilainya jika hilang pada hari kehilangannya. Sehingga dalam tanggungannya terkumpul segala nilai itu. Jika telah terjadi kesepakatan tentang jumlah mana pun juga, maka semestinya mereka yang bertransaksi diminta melepaskan tuntutan secara mutlak. Sehingga tidak ada lagi suatu janji pun jika terjadi perbezaan penilaian di belakang hari.

Inilah yang harus diyakini. Sebab, pembebanan timbangan harga untuk setiap keperluan, setiap hari dan setiap jam, merupakan pembebanan yang beragam. Begitu juga pembebanan ijab dan qabul serta penentuan harga sampai pada jumlah yang sangat sedikit pun menimbulkan kesulitan. Dan jika masing-masing jenis banyak macamnya, tentu mudah menilainya. Semoga Allah sentiasa memberikan taufiq-Nya kepada kita.

C. Berlaku adil dan menjauhi sikap zalim dalam muamalat

Ketahuilah bahawa kesahihan dan berlakunya urus-niaga ada kalanya berlaku berdasarkan cara yang ditetapkan oleh mufti. Namun, urus-niaga ada kalanya mengandungi tindakan zalim yang pelakunya dimarahi Allah SWT. Sebab, tidak setiap larangan menghendaki kebatalan akad. Yang dimaksud dengan tindakan zalim ini ialah tindakan yang mendatangkan kesan buruk terhadap orang lain. Tindakan zalim terbahagi dua. Ada yang umum atau meluas kesan buruknya dan ada yang khusus bagi orang yang melakukan urus-niaga sahaja.

1. Tindakan zalim yang umum atau merata kesan buruknya

Tindakan-tindakan zalim ini bermacam-macam, iaitu:

Pertama: Monopoli. Penjual (peniaga) yang menimbun bahan makanan untuk menunggu harga mahal (naik) adalah tindakan zalim secara umum. Orang yang melakukan pekerjaan yang demikian itu sangat dicela oleh agama. Rasulullah s.a.w. bersabda:

مَنِ احْتَكَرَ الطَّعَامَ أَرْبَعِينَ يَوْمًا ثُمَّ تَصَدَّقَ بِهِ لَمْ تَكُنْ صَدَقَتُهُ كَفَّارَةً لِاحْتِكَارِهِ

"Barangsiapa yang menyimpan bahan-bahan makanan selama empat puluh hari, kemudian dia bersedekah dengan bahan makan itu, nescaya sedekahnya itu tidak menjadi penghapus dosa bagi monopolinya."[15]

Ibnu Umar meriwayatkan dari Nabi s.a.w. bahawa beliau bersabda:

مَنِ احْتَكَرَ الطَّعَامَ أَرْبَعِينَ يَوْمًا فَقَدْ بَرِئَ مِنَ اللهِ وَبَرِئَ اللهُ مِنْهُ

"Barangsiapa yang menyimpan bahan-bahan makanan selama empat puluh hari, maka sesungguhnya dia telah terlepas dari Allah dan Allah terlepas daripadanya."[16]

Menurut riwayat lain: "Seolah dia membunuh manusia semuanya."

Diriwayatkan dari Ali r.a.: "Barangsiapa yang menyimpan bahan makanan selama empat puluh hari, nescaya hatinya keras." Diriwayatkan pula dari Ali r.a. bahawa dia membakar bahan makanan orang yang melakukan monopoli.

Diriwayatkan dari Nabi s.a.w. tentang keutamaan meninggalkan monopoli, bahawa beliau bersabda: "*Barangsiapa yang mendatangkan bahan makanan, lalu menjualnya dengan harga hari itu, dia seolah bersedekah dengan bahan makanan itu.*" Dalam riwayat lain beliau bersabda: "*Dia seolah memerdekakan seorang hamba sahaya.*"[17]

Tentang firman Allah SWT:

---

[15] Diriwayatkan oleh Abu Manshur ad-Dailami dari Ali dengan sanad dhaif.

[16] Diriwayatkan oleh Ahmad dan al-Hakim dengan sanad yang baik.

[17] Diriwayatkan oleh Ibnu Mardawaih dari Ibnu Mas'ud dengan sanad dhaif.

"*Dan sesiapa yang berazam melakukan di situ sebarang perbuatan yang dilarang dengan cara yang zalim, Kami akan merasakannya azab yang tidak terperi sakitnya.*"

(al-Hajj: 25)

Ada yang mengatakan bahawa monopoli adalah tindakan zalim yang termasuk dalam perbuatan yang dijanjikan dengan azab.

Diriwayatkan dari seorang generasi terdahulu bahawa suatu hari dia berada di Wasith. Lalu dia menyiapkan kapal untuk membawa gandum ke Basrah. Beliau menuliskan kepada wakilnya: "Juallah bahan makanan ini pada hari memasuki Basrah dan janganlah engkau tunda sampai hari berikutnya."

Kemudian peniaga-peniaga lain mengatakan kepada si wakil tersebut: "Jika engkau tunda sampai satu pekan ini, nescaya engkau akan memperoleh keuntungan berlipat ganda." Maka si wakil itu pun menundanya sampai satu pekan, dia pun beruntung beberapa kali ganda."

Kemuduian dia mengirim surat kepada pemilik bahan makanan itu dan memberitahukan apa yang telah dilakukannya. Pemilik bahan makanan itu membalas: "Wahai Polan, kami telah merasa cukup dengan keuntungan yang sedikit, dan agama kami terpelihara. Namun, engkau telah berbuat salah. Kami tidak suka memperoleh keuntungan yang berlipat ganda dengan kehilangan sesuatu dari agama.

"Sesungguhnya engkau telah melakukan tindak kejahatan terhadap kami. Maka jika suratku ini sampai kepadamu, maka ambillah seluruh harta itu, kemudian sedekahkan kepada orang-orang fakir miskin di Basrah. Dan, semoga aku terlepas dari dosa monopoli, dengan tercegahnya hal itu, baik atas diriku mahupun harta milikku."

Ketahuilah bahawa larangan itu bersifat mutlak. Pandangan mengenainya tergantung pada waktu dan jenis dari bahan makanan. Tentang jenis, maka larangan itu berkaitan dengan segala jenis bahan makanan. Sedangkan yang bukan bahan makanan dan bukan yang menopang bahan makanan, seperti ubat-ubat medis, ubat-ubatan, kunyit dan yang seumpamanya, maka tidak didapatkan adanya larangan,

sekalipun semua itu bahan yang dimakan.

Adapun bahan-bahan yang menopang bahan makanan, seperti daging, buah-buhan, dan bahan yang dapat menggantikan bahan makanan dalam sebahagian keadaan, walaupun tidak mungkin secara terus-menerus, semua itu termasuk perkara yang menjadi perhatian. Oleh kerana itu sebahagian ulama ada yang tidak mengharamkan memonopoli minyak samin, madu, minyak bijan, keju, minyak zaitun, dan yang lainnya.

Tentang waktu, kemungkinan larangan itu tidak berlaku dalam seluruh waktu. Hal ini dibuktikan oleh cerita yang telah kami kemukakan sebelumnya, tentang bahan makanan yang memperoleh kebebasan harga di Basrah. Boleh jadi, larangan itu khusus pada waktu kekurangan bahan makan dan masyarakat luas memerlukannya. Sehingga dengan menunda penjualannya boleh mendatangkan kesan buruk.

Jika bahan makanan itu cukup dan banyak, sedangkan masyarakat luas tidak memerlukannya dan tidak menginginkannya selain dengan harga yang murah, maka yang mempunyai bahan makanan boleh menunda penjualannya, tetapi dia tidak boleh menundanya sampai musim kebuluran. Sebab, hal ini tidak mendatangkan kesan buruk.

Namun, jika waktu itu musim kebuluran, tindakan menyimpan madu, minyak samin, minyak bijan, dan lain-lain boleh mendatangkan kesan buruk. Maka hendaknya diharamkan. Yang menjadi pegangan tentang boleh atau tidaknya ialah kesan buruk yang ditimbulkannya. Ini dapat dimengerti dengan penentuan bahan makanan itu.

Jika kesan buruk tidak ada, maka memonopoli bahan makanan tidak terlepas dari kemakruhan. Kerana yang ditunggu ialah dasar-dasar yang membawa kesan buruk, iaitu kenaikan harga. Padahal, menunggu dasar-dasar yang membawa kesan buruk tidak diperkenankan, seperti menunggu kesan buruk itu sendiri, namun dalam tingkatan yang lebih rendah daripadanya, menunggu kesan buruk itu sendiri juga masih kurang dari kesan buruk. Maka sesuai dengan kadar tingkat kesan buruk itu terjadi perbezaan tingkat ketidak-patutan dan ketidak-bolehan.

Ringkasnya, berniaga bahan makanan termasuk tidak disunatkan. Sebab, perniagaan ini dimaksudkan untuk mencari keuntungan. Padahal, bahan makanan merupakan barang pokok yang dijadikan sebagai tiang kehidupan dan keuntungan

itu termasuk tambahan. Maka semestinya keuntungan itu dicari pada usaha-usaha yang tidak mendatangkan kesan buruk terhadap orang ramai.

Oleh kerana itulah seorang tabi'in berpesan kepada seorang lelaki seraya berkata: "Janganlah engkau menyerahkan anak anda pada dua macam penjualan dan dua macam pekerjaan, iaitu menjual bahan makanan dan menjual kain kafan. Kerana ia mengharap mahalnya suatu barang dan orang ramai mati. Sedangkan dua pekerjaan itu ialah menjadi tukang potong, kerana pekerjaan ini menimbulkan kesesatan hati, atau menjadi tukang emas, kerana yang demikian itu menghiasi dunia dengan emas dan perak."

Kedua: Mengedarkan dirham palsu di tengah-tengah mata wang (emas dan perak yang asli). Yang demikian itu merupakan perbuatan zalim. Sebab, hal itu mendatangkan kesan buruk terhadap orang yang melakukan urus-niaga, jika orang itu tidak mengetahuinya.

Jika orang itu mengetahuinya, maka dia akan mengedarkannya kepada orang lain. Maka begitu seterusnya yang terjadi pada orang ketiga dan keempat: Wang palsu itu akhirnya terus-menerus bolak-balik dari satu tangan ke tangan orang lain. Sehingga meluaslah kesan buruknya dan kerosakannya. Dosa orang yang melakukannya akan kembali kepadanya, kerana dialah yang membuka pintu tersebut.

Nabi s.a.w. bersabda:

مَنْ سَنَّ سُنَّةً سَيِّئَةً فَعَمِلَ بِهَا مَنْ بَعْدَهُ كَانَ عَلَيْهِ وِزْرُهَا وَمِثْلُ وِزْرِ مَنْ عَمِلَ بِهَا لاَ يُنْقَصُ مِنْ أَوْزَارِهِمْ شَيْئًا

"Barangsiapa yang melakukan suatu perbuatan yang buruk lalu perbuatan itu dilakukan oleh orang yang setelahnya, nescaya dosa itu dibebankan ke atas bahunya. Dan dosa yang dibebankan kepada dirinya seberat dosa orang-orang yang berbuat kejahatan itu, di mana dosa yang ditanggungnya tidak berkurang sedikit pun dari dosa mereka." (HR. Muslim)

Seorang ulama berkata: "Membelanjakan satu dirham palsu lebih berat dosanya daripada mencuri seratus dirham." Ini kerana mencuri merupakan satu kemaksiatan yang tidak berkelanjutan.

Sedangkan mengedarkan wang palsu merupakan suatu tindakan menyimpang yang dinyatakan pada agama dan menjadi jalan jahat yang dilakukan oleh orang-orang sesudahnya. Maka dosa kejahatan ini dibebankan pada dirinya, sesudah dia meninggal sampai seratus tahun atau dua ratus tahun, sehingga dirham itu lenyap. Kerosakan harta manusia dengan perbuatannya itu merupakan tanggung jawabnya.

Beruntunglah seseorang yang apabila mati, mati pula segala dosanya. Dan kecelakaan yang berkepanjangan bagi orang yang mati, sementara dosanya (tidak ikut mati seiring dengan kematiannya), masih tinggal terus seratus dan dua ratus tahun atau lebih banyak lagi. Yang mana dia diseksa di dalam kubur, juga ditanya tentang dosa itu sampai pada akhir kehancuran dosa tadi.

Allah SWT berfirman:

وَنَكۡتُبُ مَا قَدَّمُواْ وَءَاثَٰرَهُمۡ

"*Dan Kami tuliskan segala yang mereka telah kerjakan serta segala kesan perkataan dan perbuatan yang mereka tinggalkan.*"

(Yasin: 12)

Ertinya: "Kami tuliskan juga segala kesan perbuatan mereka yang dilakukan orang kemudian, sebagaimana Kami tuliskan apa yang mereka telah lakukan."

Allah SWT juga berfirman:

يُنَبَّؤُاْ ٱلۡإِنسَٰنُ يَوۡمَئِذِۭ بِمَا قَدَّمَ وَأَخَّرَ ﴿١٣﴾

"*Pada hari itu, manusia diberitahu akan apa yang dia telah lakukan, dan apa yang dia telah tinggalkan.*"

(al-Qiyamah: 13)

Perlu diketahui bahawa pada pemalsuan wang itu ada lima keadaan:

Pertama: Jika seseorang menerima mata wang palsu itu, maka hendaknya membuangnya ke dalam sumur, agar mata wang palsu itu tidak sampai lagi ke tangan orang lain. Di samping itu hendaknya dia tidak menggunakannya lagi pada jual beli yang lain. Jika dia merosakkannya sehingga tidak mungkin menjadi alat penukar lagi, hal itu boleh.

Kedua: Peniaga harus mengetahui tentang wang, bukan untuk menyelidikinya secara mendalam bagi dirinya. Akan tetapi, agar dia tidak sampai memberikan wang

palsu kepada muslim lain kerana tidak mengetahuinya, dan dia berdosa kerana kelalaiannya tidak mempelajari ilmu pengetahuan tersebut. Sebab, setiap perbuatan ada pengetahuannya, di mana dengan pengetahuan itu sempurnalah nasihat bagi kaum Muslimin. Oleh kerana itu dia harus berusaha mempelajarinya. Dan kerana hal seperti inilah para ulama terdahulu mempelajari tanda-tanda wang yang ada pada mata wang (emas dan perak), kerana memandang pada agama, bukan kerana keduniaan mereka.

Ketiga: Jika orang yang melakukan urus-niaga itu menerima dan dia mengetahui bahawa mata wang itu wang palsu, dia tidak terlepas dari dosa. Sebab, dia tidak memberitahukannya kepada orang lain. Seandainya dia tidak bermaksud demikian, nescaya dia tidak ingin mengambilnya sama sekali. Sesungguhnya dia dapat melepaskan diri dari dosa mudharat tertentu bagi orang yang melakukan urus-niaga dengannya sahaja.

Keempat: Dia mengambil wang palsu itu untuk mengamalkan sabda Nabi s.a.w.: "Allah mengasihi orang yang memudahkan penjualan, orang yang memudahkan pembelian, orang yang memudahkan pembayaran hutang, dan orang yang memudahkan penagihan hutang." (HR. Bukhari)

Dia termasuk dalam berkah doa ini, jika dia bermaksud membuang wang palsu itu ke dalam sumur. Sedangkan jika dia bermaksud menggunakannya sebagai alat jual beli lagi, maka hal itu merupakan kejahatan yang diedarkan oleh syaitan kepadanya dalam bentuk kebajikan. Maka dia tidak termasuk dalam bahagian orang yang memudahkan dalam pembayaran.

Kelima: Yang kami maksudkan dengan wang palsu ialah wang yang tidak ada padanya perak, tetapi hanya berupa sepuhan. Atau tidak ada padanya emas, yakni pada dinar. Sedangkan mata wang yang terdapat padanya perak dan bercampur dengan tembaga, maka mata wang itu adalah mata wang negeri. Para ulama berbeza pendapat tentang urus-niaga dengan mata wang tersebut. Sebahagian besar pendapat kita memberi kebebasan padanya jika mata wang itu adalah mata wang negeri itu sendiri, apakah jumlah peraknya diketahui atau tidak diketahui. Sedangkan jika bukan wang negeri itu sendiri nescaya tidak dibolehkan, kecuali jika jumlah peraknya diketahui.

Jika pada hartanya ada sebuah mata wang yang peraknya kurang dari nilai wang negeri itu sendiri, maka dia harus menerangkan yang demikian itu kepada

orang yang tidak memperbolehkan memberlakukan wang itu. Sedangkan orang yang membolehkan yang demikian itu, maka menyerahkan kepadanya merupakan pemaksaan terhadap orang itu untuk melakukan tindakan yang tidak sah.

Tindakan itu seperti tindakan menjual buah anggur kepada orang yang diketahui akan membuatnya menjadi minuman keras. Tindakan seperti itu dilarang, kerana menolong kejahatan dan bersekongkol dalam kejahatan.

Menempuh jalan kebenaran dengan contoh seperti ini dalam perniagaan lebih sukar daripada melaksanakan dengan rajin segala ibadat sunnah dan mengarahkan segala waktu baginya. Kerana itulah seorang ulama berkata: "Peniaga yang jujur lebih utama di sisi Allah SWT daripada seseorang yang gemar beribadat."

Para ulama salaf sangat berhati-hati dalam perkara-perkara seperti itu. Sehingga diriwayatkan dari seorang yang berperang di jalan Allah bahawa dia berkata: "Suatu hari aku menunggang kudaku kerana hendak memerangi orang-orang kafir. Namun kudaku menahan langkahnya (tidak mahu melanjutkan) lalu kembali.

"Kemudian ketika orang-orang kafir itu mendekati aku, aku pun menunggang kudaku untuk kedua kalinya. Namun kudaku tidak mahu melanjutkan perjalanan lalu kembali. Kemudian aku pun menungganginya untuk yang ketiga kalinya, malah kudaku lari dariku. Aku belum pernah mengalami hal seperti ini dari kudaku itu.

"Maka aku pulang dengan perasaan sedih, duduk menundukkan kepala dan hati yang hancur luluh. Ini kerana aku tidak memperoleh kesempatan untuk memerangi orang-orang kafir lantaran tingkah laku kuda itu. Maka aku letakkan kepalaku pada tiang tenda, sementara kudaku berdiri di sampingku.

"Lalu aku bermimpi, seolah-olah kuda itu bercakap denganku dan mengatakan kepadaku: "Demi Allah, engkau bermaksud memerangi orang-orang kafir tiga kali, sementara engkau kelmarin membeli rumput untukku dan engkau membayarnya dengan dirham palsu. Padahal, yang demikian itu hendaknya tidak sekali-kali terjadi selamalamanya."

Orang itu meneruskan ceritanya: "Maka aku terbangun dengan perasaan takut. Lalu aku pergi kepada tukang rumput dan dirham itu pun aku ganti."

Inilah contoh tindakan zalim yang kesan buruknya merata umum. Hendaknya perkara-perkara seperti ini dibandingkan pada perkara-perkara lainnya.

2. Kesan buruk yang khusus bagi orang yang melakukan urus-niaga

Setiap tindakan yang menimbulkan kesan buruk terhadap orang yang melakukan urus-niaga adalah tindakan zalim. Sesungguhnya keadilan ialah tidak mendatangkan kesan buruk kepada saudara sesama Muslim. Dan ketentuannya ialah bahawa dia tidak mencintai saudaranya selain apa yang dicintainya untuk dirinya sendiri. Maka, setiap apa sahaja yang dia lakukan terasa berat baginya dan terasa susah pada hatinya, maka semestinya dia tidak melakukan hal itu kepada orang lain. Namun, semestinya sama baginya antara dirhamnya sendiri dan dirham orang lain.

Seorang ulama berkata: "Barangsiapa yang menjual kepada saudaranya sesuatu dengan harga satu dirham, sementara hal itu tidak wajar baginya jika dibelinya untuk dirinya sendiri selain dengan harga lima danar (seperenam dirham), maka sesungguhnya dia telah mengabaikan pesan yang diperintahkan dalam melakukan urus-niaga. Dan, dia tidak mencintai saudaranya seperti mencintai dirinya sendiri." Ini adalah secara umum.

Adapun tentang perrinciannya terdapat pada empat perkara, iaitu: tidak memuji barang yang dijualnya dengan apa yang tidak sebenarnya, tidak menyembunyikan sama sekali segala kekurangan dan sifatsifatnya yang tersembunyi sedikit pun, tidak menyembunyikan timbangan dan jumlahnya sedikit pun, dan tidak menyembunyikan harganya di mana jika yang melakukan urus-niaga itu mengetahuinya, nescaya dia tidak akan meneruskan pembelian itu.

Pertama, iaitu meninggalkan pujian. Jika benda itu dikemukakannya dengan sifat yang tidak ada padanya, maka hal itu adalah dusta. Jika si pembeli menerimanya, maka hal itu merupakan penipuan, penzaliman, dan pendustaan. Sedangkan jika si pembeli tidak menerimanya, maka hal itu merupakan pendustaan dan penjatuhan harga diri. Sebab, pendustaan yang dilakukan kadangkala secara lahiriah tidak nampak mencoreng harga diri.

Jika dia memuji barang itu dengan keadaan yang sebenarnya, maka itu adalah kata-kata yang tidak disertai fikiran yang murni dan berkata-kata dengan kata-kata yang tidak perlu. Setiap kalimat yang diucapkannya akan dihisab, mengapa dia mengucapkan kalimat tersebut. Allah SWT berfirman:

مَّا يَلْفِظُ مِن قَوْلٍ إِلَّا لَدَيْهِ رَقِيبٌ عَتِيدٌ ﴿١٨﴾

"*Tidak ada sebarang perkataan yang dilafazkannya (atau perbuatan yang dilakukannya) melainkan ada di sisi-Nya malaikat Pengawas yang sentiasa sedia (menerima dan menulisnya).*"

(Qaf: 18)

Kecuali jika dia memuji barang tersebut dengan sesuatu yang tidak dikenal oleh si pembeli kalau tidak disebutkan. Misalnya memberitahukan perilaku hamba lelaki atau hamba perempuan, atau haiwan yang tersembunyi. Maka tidak mengapa memberitahukannya sekadar apa yang ada padanya, tanpa berlebih-lebihan. Hendaknya dia melakukan yang demikian itu agar diketahui oleh saudaranya yang muslim. Sehingga dia suka dengan barang tersebut dan menyelesaikan keperluannya.

Jika dia berdusta, maka dia telah bersumpah palsu, sementara sumpah palsu itu termasuk dosa besar yang menyebarkan kegoncangan. Sedangkan jika dia benar, maka dia telah menjadikan nama Allah SWT sebagai benteng yang menghalangi sumpahnya, dan dia telah berbuat jahat kepada-Nya. Sebab, dunia lebih keji daripada menyebarkannya dengan menyebut nama Allah tanpa keadaan darurat.

Di dalam sebuah hadis disebutkan: "Kecelakaanlah bagi peniaga yang mengatakan, 'ya, demi Allah' dan 'tidak, demi Allah.' Dan kecelakaanlah bagi tukang yang mengatakan, 'besok, dan 'lusa."[18]

Di dalam sebuah hadis lain disebutkan:

اَلْيَمِينُ الْكَاذِبَةُ مَنْفَقَةٌ لِلسِّلْعَةِ مَمْحَقَةٌ لِلْبَرَكَةِ

"Sumpah palsu itu menghabiskan barang perdagangan dan menghilangkan berkah." (HR. Bukhari dan Muslim)

Abu Hurairah r.a. meriwayatkan dari Nabi s.a.w. bahawa beliau bersabda:

ثَلاَثَةٌ لاَ يَنْظُرُ اللهُ إِلَيْهِمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ: عُتُلٌّ مُسْتَكْبِرٌ، وَمَنَّانٌ بِعَطِيَّتِهِ، وَمُنْفِقٌ سِلْعَتَهُ بِيَمِينِهِ

"Ada tiga orang yang tidak akan dipandang oleh Allah pada hari kiamat kelak: orang yang kasar lagi takabur, orang yang mengungkit-ungkit

[18] Saya tidak menemukan asal usul hadis ini.

pemberiannya, dan orang yang membelanjakan barangnya dengan bersumpah."[19]

Jika pujian terhadap barang dengan benar dimakruhkan, dari segi bahawa pujian itu adalah kelebihan yang tidak akan menambah pendapatan, maka sudah jelas bahawa hal itu lebih berat dalam masalah sumpah.

Diriwayatkan dari Yunus bin Ubaid, dia adalah seorang penjual sutera, bahawa suatu hari orang mencari sutera daripadanya untuk dibeli. Lalu hamba abdinya mengeluarkan sutera yang buruk dan membentangkannya, lalu hamba abdi itu memandang kepadanya dan berkata: "Ya Allah, anugerahilah kami syurga." Lalu Yunus bin Ubaid berkata kepada hamba abdinya: "Kembalikanlah sutera ini ke tempatnya." Dia tidak jadi menjualnya, kerana dia khuatir bahawa yang demikian itu merupakan pujian terhadap barang yang diperdagangkan itu.

Orang-orang yang seperti mereka ini ialah mereka yang berniaga di dunia tanpa mensia-siakan agamanya dalam perniagaan. Bahkan, mereka mengetahui bahawa keuntungan akhirat lebih utama dicari daripada keuntungan dunia.

Kedua, iaitu mengatakan segala kekurangan barang yang akan dijual, baik yang tersembuyi mahupun yang nyata dan tidak menyembunyikan sesuatu daripadanya, yang demikian itu wajib. Jika dia menyembunyikannya, maka dia adalah orang yang zalim lagi penipu. Sementara menipu itu adalah haram. Lagi pula orang itu telah meninggalkan nasihat dalam urus-niaga, padahal nasihat itu wajib.

Jika dia membuka salah satu lipatan kain yang bagusnya dan menyembunyikan yang sebelah lagi, maka dia telah menipu. Begitu juga jika dia membentangkan kain itu pada tempat-tempat yang gelap. Demikian halnya jika dia memperlihatkan yang terbaik dari sepasang sepatu atau sandal dan lain-lain sebagainya.

Keharaman menipu itu dibuktikan oleh sebuah riwayat yang menyebutkan bahawa Nabi s.a.w. suatu hari melewati seorang lelaki yang menjual makanan. Kerana beliau merasa tertarik pada makanan itu, beliau memasukkan tangannya ke dalam makanan itu. Ketika beliau melihat makanan itu basah, beliau pun bertanya:

---

[19] Diriwayatkan oleh Muslim dari Abu Hurairah. Namun Muslim hanya menyebut 'orang yang sombong' sahaja.

"Apa ini?" Lelaki itu menjawab: "Kena hujan." Lalu beliau bersabda: "Mengapa kamu tidak meletakkannya di atas bahan makanan agar dilihat orang? Barangsiapa yang menipu kami, maka dia tidak termasuk golongan kami." (HR. Muslim)

Wajib menerangkan kekurangan-kekurangan barang dibuktikan oleh sebuah riwayat yang menyebutkan bahawa Nabi s.a.w. setelah membai'at Jarir terhadap Islam, lalu dia melangkahkan kakinya hendak meninggalkan tempat itu. Maka Baginda pun menarik kain Jarir dan meminta kepada Jarir agar memberi nasihat kepada setiap muslim dalam berjual beli.

Oleh kerana itu Jarir, jika menjual barang dagangannya, dia selalu melihat kekurangan-kekurangannya lalu menerangkannya. Kemudian dia menyuruh pilih kepada si pembeli dengan berkata: "Jika engkau mahu, ambillah. Dan jika engkau tidak mahu, tinggalkanlah." Lalu orang mengatakan kepadanya: "Jika engkau berbuat seperti ini, nescaya jualbelimu tidak akan berlangsung lama." Maka dia menjawab: "Sesungguhnya kami telah bersumpah setia dengan Rasulullah s.a.w. untuk menjelaskan dalam jual beli terhadap setiap Muslim."

Suatu hari Wathilah bin al-Asqa' berhenti di suatu tempat. Lalu seorang lelaki membeli unta daripada seorang penjual seharga tiga ratus dirham. Wathilah lupa menanyakan maksud si pembeli dalam membeli untanya, sementara si pembeli telah pergi dengan membawa unta yang dibelinya.

Kemudian Wathilah berjalan cepat di belakang orang itu dan berteriak memanggil: "Wahai pembeli untaku, unta itu anda beli untuk dagingnya atau untuk belakangnya (untuk kenderaan)?" si pembeli itu menjawab: "Untuk belakangnya." Wathilah pun berkata: "Sesungguhnya pada tapak kakinya terdapat lubang. Lubang itu telah aku lihat. Unta itu tidak tahan berjalan terus-menerus."

Maka si pembeli itu kembali dan mengembalikan unta yang telah dibelinya. Dan si penjual lalu mengurangkan harga unta itu dengan seratus dirham seraya berkata kepada Wathilah: "Semoga Allah melimpahkan rahmat kepadamu, engkau telah membatalkan jual beliku." Wathilah menjawab: "Sesungguhnya kami telah mengatakan sumpah setia kepada Rasulullah s.a.w. untuk menegaskan jual beli terhadap setiap Muslim." Selanjutnya dia berkata: Aku mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda:

لاَ يَحِلُّ لأَحَدٍ يَبِيعُ بَيْعًا إِلاَّ أَنْ يُبَيِّنَ آفَتَهُ، وَلاَ يَحِلُّ لِمَنْ يَعْلَمُ ذٰلِكَ إِلاَّ

تَبْيِينَهُ

"Tidak halal bagi seseorang yang menjual sesuatu kecuali menerangkan kekurangannya. Dan tidak halal bagi orang yang mengetahui yang demikian itu kecuali menerangkannya."[20]

Mereka memahami dari nasihat itu, bahawa hendaknya seseorang tidak menginginkan bagi saudaranya selain apa yang dia inginkan untuk dirinya sendiri. Dan mereka tidak meyakini bahawa yang demikian itu sebahagian dari amal perbuatan yang utama dan tambahan kedudukan yang tinggi. Namun, mereka meyakini bahawa yang demikian itu sebahagian dari syaratsyarat Islam yang termasuk di bawah sumpah setia mereka.

Ini adalah perkara yang susah bagi kebanyakan orang. Oleh kerana itu mereka lebih memilih memusatkan diri pada ibadat dan mengasingkan diri dari khalayak ramai. Kerana menegakkan hak-hak Allah di samping melakukan urus-niaga adalah perjuangan yang tidak boleh ditegakkan selain oleh orang-orang yang jujur. Yang demikian itu tidak mudah bagi seseorang hamba kecuali dengan meyakini dua perkara:

Pertama: Menutupi kekurangan barang dan memasarkannya tidak akan menambah rezekinya, tetapi malah menghapuskan rezeki dan menghilangkan keberkahannya. Dan, apa yang dihimpunkannya dari menutupi kekurangan-kekurangan barang, maka Allah akan membinasakannya sekaligus.

Diceritakan bahawa ada seorang lelaki yang mempunyai lembu betina dan memerah susunya. Lalu dia mencampur susu itu dengan air dan menjualnya. Maka datanglah banjir sehingga menenggelamkan lembu betina itu. Melihat kejadian itu, anak lelaki itu pun berkata: "Air-air yang telah kita tuangkan dahulu ke dalam susu itu telah berkumpul sekaligus dan mengambil lembu betina kita." Bagaimana tidak, bukankah Nabi s.a.w. telah bersabda:

الْبَيِّعَانِ إِذَا صَدَقَا وَنَصَحَا بُورِكَ لَهُمَا فِي بَيْعِهِمَا، وَإِذَا كَتَمَا وَكَذَبَا نُزِعَتْ بَرَكَةُ بَيْعِهِمَا

[20] Diriwayatkan oleh al-Hakim dan al-Baihaqi dari Wathilah. Menurut al-Hakim, sanad hadis ini shahih.

"*Dua orang yang berjual beli, apabila keduanya benar dan berterus-terang (saling menasihati), nescaya keduanya diberkahi dalam berjual beli. Dan jika keduanya saling menyembunyikan dan berbohong, nescaya keberkahan jual beli itu dicabut.*" (HR. Bukhari dan Muslim)

Dalam sebuah hadis disebutkan:

يَدُ اللهِ عَلَى الشَّرِيْكَيْنِ مَالَمْ يَتَخَاوَنَا، فَإِذَا تَخَاوَنَا رَفَعَ يَدَهُ عَنْهُمَا

"*Tangan (keberkahan) Allah di atas dua orang yang bersyarikat selama keduanya tidak saling mengkhianati. Jika keduanya saling mengkhianati, maka Allah mengangkat tangan-Nya dari keduanya.*"[21]

Jadi, harta tidak akan bertambah dengan pengkhianatan, sebagaimana tidak akan berkurang dengan sedekah. Orang yang tidak mengetahui tambahan dan kekurangan kecuali dengan timbangan, nescaya dia tidak akan membenarkan hadis di atas tadi. Dan orang yang mengetahui bahawa satu dirham kadangkala diberkahi, sehingga menjadi sebab kebahagiaan manusia di dunia dan pada agama.

Sebaliknya dia juga mengetahui bahawa beribu-ribu dirham yang bertumpuk-tumpuk kadangkala keberkahannya dicabut oleh Allah, sehingga menjadi sebab kebinasaan pemiliknya, di mana dia berangan-angan akan menghambur-hamburkan wang itu dan memandangnya lebih mendatangkan manfaat baginya dalam beberapa hal. Maka dia mengetahui akan erti perkataan kami. "Pengkhianatan tidak menambahkan harta dan sedekah tidak mengurangi harta."

Kedua: Yang mesti diyakini agar nasihat itu sempurna dan menjadi mudah baginya ialah bahawa dia tahu keuntungan dan kekayaan akhirat lebih baik daripada kekayaan dunia. Juga, segala manfaat harta dunia akan habis dengan habisnya umur dan yang tinggal hanyalah segala tindakan zalim dan dosa. Lantas, bagaimanakah orang yang berakal membolehkan dirinya menggantikan barang yang baik dengan yang buruk? Dan, kebaikan seluruhnya ialah pada keselamatan agama.

Rasulullah s.a.w. bersabda: "*Ucapan 'laa ilaaha illallaah' selalu menolak kemarahan Allah dari makhluk, selama mereka tidak mengutamakan perbuatan*

[21] Diriwayatkan oleh Abu Daud dan al-Hakim dari Abu Hurairah. Menurut al-Hakim, sanad hadis ini shahih.

dunianya dari akhirat mereka."[22] Pada lafaz lain: "*Selama mereka tidak memperdulikan akan apa yang kurang dari dunia mereka dengan keselamatan agamanya. Jika mereka berbuat demikian dan mengucapkan 'laa ilaaha illallaah' nescaya Allah SWT berfirman: "Kamu berbohong, kamu tidak benar-benar dengan ucapan itu.*"

Barangsiapa yang mengetahui bahawa seluruh tindakan itu merosakkan keimanannya, sementara keimanannya adalah modalnya dalam perniagaan pada jalan akhirat, maka dia tidak akan mensia-siakan modalnya itu, yang disiapkan untuk umur yang tidak berkesudahan, disebabkan keuntungan yang dinikmatinya hanya dalam beberapa hari yang terbatas hitungannya.

Menipu itu diharamkan pada jual beli dan juga pada pekerjaan. Dan tidak semestinya seorang tukang mempermudah pekerjaannya dengan cara, seandainya orang lain berbuat demikian terhadap dirinya nescaya dia tidak menyetujuinya. Namun, semestinya dia membaguskan dan menetapkan perbuatan itu, kemudian menerangkan kekurangan-kekurangannya, jika ada padanya kekurangan. Sebab, dengan yang demikian itu dia bebas dari dosa.

Suatu hari seorang lelaki bertanya kepada Hadzdza' bin Salim: "Bagaimana caranya agar aku selamat dalam menjual sandal?" Dia menjawab: "Buatlah kedua muka sandal itu sama. Janganlah engkau lebihkan bahagian yang kanan dari bahagian yang lain dan baguskanlah isinya. Dan, hendaknya sandal itu menjadi sebuah barang yang sempurna. Dekatkan di antaranya lubang-lubangnya dan janganlah engkau tindihkan salah satu dari kedua sandal itu ke atas sandal yang lain."

Ahmad bin Hanbal r.a. pernah ditanya orang tentang kain yang diperbaiki yang tidak nampak jelas. Imam Ahmad menjawab: "Tidak boleh bagi orang yang menjualnya menyembunyikan perbaikan itu. Sesungguhnya kain yang diperbaiki dengan jahitan itu boleh dijual jika diketahui dan diterangkan. Atau dia tidak bermaksud untuk menjualnya."

Jika engkau mengatakan: Jual beli itu tidak akan sempurna manakala orang wajib menyebutkan segala kekurangan dari barang yang dijualnya. Maka saya jawab: Bukan demikian, sebab, syarat peniaga ialah hendaknya dia tidak membeli

[22] Diriwayatkan oleh Abu Ya'la dan al-Baihaqi dari Anas dengan sanad dhaif.

untuk menjual melainkan barang baik yang disenangi dirinya sendiri jika dia menahannya (tidak menjualnya). Kemudian, dia merasa puas terhadap penjualannya dengan keutungan yang sedikit. Lalu Allah memberkahinya pada penjualannya dan dia tidak melakukan penipuan.

Sesungguhnya yang demikian itu susah, kerana mereka tidak merasa puas dengan keuntungan yang sedikit. Ibnu Sirin pernah menjual seekor kambing. Dia pun berkata kepada pembeli kambing itu: "Aku jelaskan kepadamu kekurangan yang ada pada kambing itu, iaitu ia sering membolak-balikkan makanan dengan kakinya." Sementara, ketika al-Hasan bin Shalih menjual hamba sahaya, dia mengatakan kepada pembelinya: "Hamba sahaya ini, selama ikut kami, pernah batuk darah sekali."

Begitulah jalan yang ditempuh ahli agama. Barangsiapa yang tidak sanggup melakukan yang demikian, hendaknya dia tinggalkan urus-niaga atau dia menempatkan dirinya pada azab akhirat.

Ketiga: Tidak menyembunyikan sedikit pun tentang kadarnya. Yang demikian itu adalah kejujuran dalam menimbang dan takaran serta berhatihati padanya. Seseorang semestinya menakar sebagaimana yang disunatkan. Allah SWT berfirman:

وَيْلٌ لِّلْمُطَفِّفِينَ ﴿١﴾ ٱلَّذِينَ إِذَا ٱكْتَالُوا۟ عَلَى ٱلنَّاسِ يَسْتَوْفُونَ ﴿٢﴾ وَإِذَا كَالُوهُمْ أَو وَّزَنُوهُمْ يُخْسِرُونَ ﴿٣﴾

"Kecelakaan besar bagi orang-orang yang curang (dalam timbangan dan sukatan). Iaitu mereka yang apabila menerima sukatan (gantang cupak) dari orang lain mereka mengambilnya dengan cukup. Dan (sebaliknya) apabila mereka menyukat atau menimbang untuk orang lain, mereka kurangi."

(al-Mutaffifin: 1-3)

Seseorang tidak akan terlepas dari hal ini kecuali dengan melebihkan jika memberi dan mengurangkan jika mengambil. Kerana keadilan yang sebenarnya amat sedikit tergambar ke alam kenyataan. Oleh kerana itu hendaknya keadilan itu lahir dengan lahirnya kelebihan dan kekurangan. Sebab orang yang meminta akan haknya dengan sepenuhnya, dikhuatirkan akan melampauinya.

Seseorang di antara ahli ilmu mengatakan: "Aku tidak akan membeli neraka dari Allah dengan sebutir biji-bijian." Oleh kerana itu jika dia mengambil, maka dia mengurangi separuh biji. Jika dia memberi, maka dia menambahkan satu biji.

Seorang ahli ilmu juga berkata: "Kecelakaanlah bagi orang yang menjual syurga yang seluas langit dan bumi dengan sebutir bijian. Betapa merugi orang yang menjual yang baik dengan neraka." Sesungguhnya mereka sangat berhati-hati dalam menjaga diri dari semua perkara yang disebutkan tersebut, dan perkara-perkara lain yang menyerupainya. Kerana semua itu merupakan tindakan zalim yang susah diubati. Sebab, dia tidak mengenal lagi para pemilik biji-bijian itu, agar dia mengumpulkan mereka dan menyelesaikan hak-hak mereka.

Oleh kerana itulah ketika Rasulullah s.a.w. membeli sesuatu, beliau pun bersabda kepada orang yang menimbang ketika menimbang sesuai dengan harganya: "Timbanglah dan lebihkanlah."[23]

Suatu hari Fudhail melihat anaknya yang sedang membasuh dinar yang akan dibelanjakannya. Dan anak itu membersihkan kotoran yang ada pada dinar tersebut sehingga timbangannya tidak bertambah kerana kotoran yang menempel pada dinar itu. Maka Fudhail pun berkata: "Wahai anakku, perbuatanmu itu lebih utama daripada dua kali menunaikan ibadat haji dan dua puluh kali umrah."

Seorang ulama salaf berkata: "Saya hairan melihat peniaga dan penjual. Bagaimana mereka terlepas dari dosa, sementara mereka menimbang dan bersumpah pada siang hari, dan tidur pada malam hari."

Nabi Sulaiman a.s. bersabda kepada puteranya: "Wahai anakku, seperti halnya masuknya biji-bijian di antara dua batu, maka begitulah masuknya kesalahan di antara dua orang yang berjual beli."

Suatu hari seseorang yang terkenal soleh melakukan solat jenazah terhadap seorang pondan (lelaki yang menyerupai perilaku wanita). Lalu ada orang yang mengatakan kepadanya bahawa pondan itu orang yang fasiq. Maka orang yang soleh itu pun diam. Ketika orang itu mengulangi lagi perkataan tersebut, orang yang soleh itu pun menjawab: "Seolah-olah engkau mengatakan kepadaku, "Orang

---

[23] Diriwayatkan oleh Ashab as-Sunan dan al-Hakim dari Suwaid bin Qais. Menurut Tirmizi, hadis ini hasan shahih. Sementara menurut al-Hakim, hadis ini shahih menurut syarat Muslim.

itu mempunyai dua timbangan. Dia memberi dengan satu timbangan dan dia mengambil dengan timbangan yang lain.”

Dia mengisyaratkan dengan ucapannya itu bahawa kefasikannya adalah tindakan zalim antara seseorang dengan Allah SWT. Ini adalah sebahagian dari tindakan zalim hamba. Toleransi dan pemberian maaf padanya dan tindakan keras tentang urusan timbangan itu demikian besar. Melepaskan diri daripadanya boleh terjadi dengan sebutir dan setengah butir biji-bijian.

Dan menurut qira’at Abdullah bin Mas’ud r.a. pada firman Allah SWT:

أَلَّا تَطْغَوْا۟ فِى ٱلْمِيزَانِ ﴿٨﴾ وَأَقِيمُوا۟ ٱلْوَزْنَ بِٱلْقِسْطِ وَلَا تُخْسِرُوا۟ ٱلْمِيزَانَ ﴿٩﴾

“*Supaya kamu tidak melampaui batas dalam menjalankan keadilan. Dan betulkanlah cara menimbang itu dengan adil, serta janganlah kamu mengurangi barang yang ditimbang.*”

(al-Rahman: 8-9)

Maksudnya adalah petunjuk keseimbangan (lisan al-mizan). Kerana kekurangan dan kelebihan sangat jelas terlihat dengan miringnya petunjuk timbangan itu.

Ringkasnya, setiap orang yang menyedari untuk dirinya sendiri, tidak untuk orang lain, walaupun dalam sepatah kata dan tidak menaruh kesedaran seperti apa yang disedarinya itu, maka dia termasuk di dalam firman Allah yang bermaksud:

“*Kecelakaan besar bagi orang-orang yang curang (dalam timbangan dan sukatan). Iaitu mereka yang apabila menerima sukatan (gantang cupak) dari orang lain mereka mengambilnya dengan cukup. Dan (sebaliknya) apabila mereka menyukat atau menimbang untuk orang lain, mereka kurangi.*” (al-Mutaffifin: 1-3)

Setiap orang yang mukallaf mempunyai timbangan dalam seluruh tindakan, perkataan, dan seluruh bersitan hatinya. Kecelakaanlah baginya jika dia berpaling dari keadilan dan menyimpang dari kelurusan. Seandainya hal ini susah dan mustahil dilakukan, nescaya tidak turun firman Allah SWT:

وَإِن مِّنكُمْ إِلَّا وَارِدُهَا ۚ كَانَ عَلَىٰ رَبِّكَ حَتْمًا مَّقْضِيًّا ﴿٧١﴾

"*Dan tidak ada seorang pun di antara kamu melainkan akan sampai kepadanya; (yang demikian) adalah satu perkara yang mesti (berlaku) yang telah ditetapkan oleh Tuhanmu.*" (Maryam: 71)

Manusia sebenarnya tidak terpelihara, dan menyimpang dari kelurusan. Hanya sahaja tingkat penyimpangan itu berbeza-beza. Tidak menghairankan jika berbeza-beza pula masa menetap manusia di dalam neraka sampai tiba masa pembebasan. Sehingga sebahagian mereka tidak tinggal dalam neraka melainkan sekadar sebagai pembebas sumpah. Sebahagian yang lain tinggal beribu-ribu tahun.

Kita memohon kepada Allah SWT, semoga Dia mendekatkan kita pada kelurusan dan keadilan. Sesungguhnya kesulitan di atas titian jalan yang lurus, tanpa condong kepada-Nya, tidak dapat dilalui. Kerana titian itu lebih halus dari rambut dan lebih tajam daripada pedang. Seandainya tidak ada pertolongan Allah, nescaya orang yang lurus pun tidak sanggup melewati jalan yang memanjang di atas titian neraka. Sesuai dengan kadar kelurusan di atas, maka jalan yang lurus itu akan mudah bagi hamba pada hari kiamat meniti di atas titian itu.

Setiap orang yang mencampurkan makanan dengan tanah atau lainnya, kemudian menakarnya, maka dia adalah orang yang melakukan kecurangan dalam timbangan dan sukatan. Setiap penjual daging yang menimbang daging bersama tulangnya, yang tidak berlaku kebiasaan seperti itu, maka dia adalah orang yang melakukan kecurangan dalam timbangan.

Bandingkanlah pada perumpamaan-perumpamaan yang lain, bahkan pada hasta yang dilakukan oleh penjual kain. Sebab jika dia membeli, lalu dia melepaskan kain pada waktu pengukuran dan memanjangkannya sebagaimana mestinya. Sebaliknya, jika dia menjualnya, dia memanjangkannya pada pengukuran agar nampak perbezaan ukurannya. Semua itu termasuk kecurangan yang menghantarkan pelakunya pada kecelakaan.

Keempat: Berkata benar tentang harga barang dan tidak menyembunyikan sesuatu. Rasulullah s.a.w. melarang talaqqi ar-rukban dan an-najasy. Talaqqi ar-rukban ialah mencegat rombongan peniaga yang datang ke kota dan menerima barang yang mereka bawa serta berbohong tentang harga barang di kota. Nabi s.a.w. bersabda:

لاَ تَتَلَقَّوا الرُّكْبَانَ

"*Janganlah mencegat peniaga untuk memborong barang-barangnya (sebelum sampai ke pasar)*" (HR. Bukhari dan Muslim)

Barangsiapa yang melakukan yang demikian itu, maka orang yang mempunyai barang boleh memilih antara meneruskan atau membatalkan jual beli setelah dia datang di pasar. Pembelian itu sah. Akan tetapi apabila kebohongannya terbukti, maka si penjual boleh memilih antara meneruskan atau membatalkan jual beli.

Sedangkan jika dia benar, maka tentang hak pilih itu terdapat perbezaan pendapat di antara para ulama. Perbezaan pendapat tersebut timbul kerana keumuman bunyi hadis di atas dan tiadanya penipuan padanya.

Rasulullah juga melarang orang kota menjualkan sesuatu dari orang kampung. Iaitu orang kampung itu datang ke kota dengan membawa bahan makanan dengan maksud mahu menjualkannya segera. Lalu orang itu berkata kepadanya, "Tinggalkanlah bahan makanan itu padaku, agar aku dapat memahalkan harganya dan menunggu sampai harganya tinggi."

Cara ini tidak diperkenankan pada bahan makanan. Sedangkan pada barang-barang lain, terdapat perbezaan pendapat di antara para ulama. Namun yang lebih jelas tidak diperkenankan, kerana keumuman larangan. Juga, kerana tindakan itu melambatkan penjualan dan menyusahkan orang ramai secara umumnya tanpa memperoleh manfaat.

Nabi s.a.w. juga melarang an-najasy, iaitu seseorang datang kepada si penjual yang sedang berhadapan dengan orang yang ingin membeli barang itu dan menawar barang tersebut dengan harga yang lebih tinggi. Padahal, sebenarnya dia tidak bermaksud membelinya. Dia hanya bermaksud menggerakkan keinginan calon pembeli barang itu.

Cara ini, jika tanpa persetujuan si penjual, merupakan tindakan yang tidak diperkenankan bagi orang yang melakukan an-najasy. Jual beli itu sah. Jika ada persetujuan dengan si penjual, maka tentang hak khiyar bagi si pembeli terdapat perbezaan pendapat di antara para ulama.

Menurut pendapat yang lebih utama, si pembeli boleh melakukan khiyar. Kerana dalam hal ini terjadi penipuan dengan tindakan yang menyerupai dengan penipuan pada *al-musharrah* (ternak yang tidak diperah beberapa hari hingga ambing susunya penuh) dan juga menyerupai penipuan pada *talaqqi ar-rukban*.

Seluruh larangan tersebut menunjukkan bahawa tidak dibolehkan melakukan tindakan yang menimbulkan keragu-raguan terhadap si penjual dan si pembeli tentang harga barang pada waktu itu. Dan menyembunyikan sesuatu, di mana jika si penjual atau si pembeli mengetahuinya, nescaya dia tidak akan mahu melakukan jual beli. Maka tindakan tersebut termasuk penipuan yang diharamkan dan bertentangan dengan nasihat yang diwajibkan dalam jual beli.

Diriwayatkan bahawa ada seorang tabi'in yang tinggal di Bashrah dan dia mempunyai seorang hamba abdi di Sus yang berusaha menyediakan gula kepadanya. Lalu hamba abdi itu menulis surat kepada tabi'in tadi: "Tahun ini batang tebu diserang hama, maka hendaknya engkau membeli gula."

Lalu dia pun membeli gula sebanyak-banyaknya. Ketika sampai waktu penjualan, dia pun beruntung tiga puluh ribu dirham. Lalu dia pulang ke rumahnya. Pada malam harinya hal itu terfikir olehnya. Maka dia pun berkata dalam hatinya: "Aku beruntung tiga puluh ribu dirham. Tetapi, aku merugi dalam hal memberikan nasihat kepada seorang Muslim."

Ketika pagi hari dia pun mendatangi penjual gula itu dan menyerahkan wang tiga puluh ribu dirham itu kepadanya seraya berkata: "Semoga Allah memberkahimu pada wang ini." si penjual gula itu pun bertanya: "Dari manakah wang ini untukku?" Tabi'in itu menjawab: "Sesungguhnya aku telah menyembunyikan darimu akan keadaan yang sebenarnya. Sebenarnya gula telah mahal pada waktu itu." Penjual gula itu menjawab: "Semoga Allah melimpahkan rahmat-Nya kepadamu. Sesungguhnya engkau telah memberitahukan keadaan sebenarnya sekarang kepadaku dan aku memandang wang ini untukmu."

Lalu tabi'in itu pun pulang dengan membawa wang itu ke rumahnya dan semalaman dia berfikir dan tidak tidur. Dia berkata (dalam hatinya): "Apa yang telah aku nasihatkan kepadanya? Mungkin dia malu kepadaku, maka wang itu dibiarkannya untukku." Pada esok harinya dia pun datang lagi kepada penjual gula itu seraya berkata: "Semoga Allah mengurniakan kesihatan kepadamu, ambillah hartamu untukmu. Hal itu lebih baik bagi hatiku." Penjual itu pun mengambil wang yang tiga puluh ribu dirham itu dari si tabi'in.

Hadis-hadis dan cerita-cerita tadi tentang larangan-larangan yang menunjukkan bahawa seseorang tidak boleh menggunakan kesempatan dan kelengahan orang yang mempunyai barang. Juga menyembunyikan kenaikan harga barang dari si

penjual, atau menyembunyikan turunnya harga dari si pembeli. Jika dia melakukan yang demikian, maka dia telah berbuat zalim, meninggalkan keadilan dan nasihat bagi kaum muslimin.

D. Berbuat kebaikan dalam muamalat

Sesungguhnya Allah SWT menyuruh berlaku adil dan berbuat kebaikan. Berlaku adil merupakan sebab keselamatan sahaja. Dalam hal perniagaan, berlaku adil berkedudukan seperti kedudukan modal. Sedangkan berbuat baik merupakan sebab kemenangan dan memperoleh kebahagiaan. Dalam perniagaan, berbuat baik berkedudukan seperti kedudukan keuntungan (laba). Dan belum dianggap sebagai orang yang berakal fikiran, orang yang merasa puas terhadap urus-niaga dunia dengan modalnya sahaja. Demikian pula pada urus-niaga muamalat akhirat.

Oleh kerana itu, tidak semestinya orang yang beragama mencukupkan diri dengan keadilan dan menjauhkan diri dari tindakan aniaya sahaja, sementara dia meninggalkan pintu-pintu kebajikan.

Allah SWT berfirman:

وَأَحْسِن كَمَآ أَحْسَنَ ٱللَّهُ إِلَيْكَ

"*Dan berbuat baiklah (kepada hamba-hamba Allah) sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu.*"

(al-Qasas: 77)

إِنَّ ٱللَّهَ يَأْمُرُ بِٱلْعَدْلِ وَٱلْإِحْسَٰنِ

"*Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil, dan berbuat kebaikan.*"

(al-Nahl: 90)

إِنَّ رَحْمَتَ ٱللَّهِ قَرِيبٌ مِّنَ ٱلْمُحْسِنِينَ ﴿٥٦﴾

"*Sesungguhnya rahmat Allah itu dekat kepada orang-orang yang memperbaiki amalannya.*"

(al-A'raf: 56)

Yang kami maksudkan dengan berbuat baik ialah perbuatan yang bermanfaat bagi orang yang melakukan urus-niaga, sementara perbuatan itu tidak menjadi kewajipannya, namun sebagai tindakan yang mendatangkan keselamatan dan

keuntungan bagi dirinya. Yang wajib tersebut termasuk dalam bab keadilan dan sikap meninggalkan tindakan zalim. Tentang hal itu telah kami kemukakan sebelumnya.

Tingkat kebajikan tercapai dengan salah satu dari enam perkara:

Pertama: Dalam *al-ghabn* (menjual atau membeli dengan harga yang jauh dari harga pasar umumnya). Semestinya seseorang tidak menipu temannya dengan sesuatu, yang biasanya dia tidak menipu dengan hal itu. Pada dasarnya menjual atau membeli dengan harga yang jauh dari harga pasar pada umumnya adalah boleh, kerana tujuan jual beli adalah untuk meraih keuntungan, dan keuntungan itu boleh didapat dengan *al-ghabn*. Tetapi kurang lebihnya perlu dijaga.

Jika si pembeli memberi tambahan di atas keuntungan yang biasa, boleh jadi kerana keinginannya atau keperluan yang bersangatan terhadap barang itu; maka semestinya si penjual menolak untuk menerimanya, sebab hal itu termasuk kebajikan terhadap si pembeli. Manakala tidak ada penipuan, maka mengambil kelebihan itu tidak dinamakan tindakan zalim.

Sebahagian ulama berpendapat bahawa al-ghabn yang melebihi dari sepertiga modal mengharuskan khiyar (memilih antara meneruskan akad itu atau membatalkannya). Namun kami tidak berpendapat demikian. Bahkan, lebih baik mengurangi al-ghabn itu.

Diriwayatkan bahawa Yunus bin Ubaid menjual pakaian yang berbeza-beza harganya. Sebahagian di antara pakaian-pakaiannya ada yang setiap helainya seharga empat ratus. Dan yang lainnya seharga dua ratus setiap helainya. Suatu hari Yunus pergi solat dan menyuruh anak saudaranya menjaga tokonya. Ketika dia sedang melaksanakan solat, datang seorang Arab Badui dan meminta sehelai kain yang harganya empat ratus. Lalu anak saudaranya menawarkan kepada si Arab Badui itu kain-kain yang berharga dua ratus. si Arab Badui itu pun menganggapnya baik dan menyukainya, lalu membelinya dan terus pergi dengan membawa kain itu di tangannya.

Di tengah jalan si Arab Badui tersebut berpapasan dengan Yunus dan mengenal kainnya. Yunus pun bertanya kepada Arab Badui itu: “Berapa harga kain yang engkau beli itu?” si Arab Badui itu menjawab: “Empat ratus.” Yunus pun berkata: “Harga kain ini tidak lebih dari dua ratus, kembalilah ke kedai sehingga engkau kembalikan kain ini.” si Arab Badui itu berkata: “Di tempat kami, kain ini

sama dengan kain seharga lima ratus dan saya setuju dengan harga tadi." Yunus berkata kepada orang Arab Badui itu: "Ayolah kembali ke kedaiku, sebab nasihat agama lebih baik dari dunia dengan isinya."

Kemudian orang Arab itu kembali ke kedai milik Yunus dan Yunus pun mengembalikan kepadanya wang dua ratus dirham. Kemudian Yunus bertengkar dengan anak saudaranya tentang hal itu dan memarahinya seraya berkata: "Apakah engkau tidak malu dan apakah engkau tidak takut kepada Allah? Memang engkau mendapat keuntungan dengan harga seperti itu, tetapi engkau menjauhi nasihat untuk kaum Muslimin."

Anak saudaranya menjawab: "Demi Allah, aku tidak mengambil keuntungan itu kecuali setelah dia setuju dan reda dengan harga sebesar itu." Yunus pun berkata: "Mengapakah engkau tidak membuatnya reda dengan apa yang engkau reda untuk dirimu sendiri."

Jika pada tindakan tersebut ada penyembunyian harga dan penipuan, maka hal itu termasuk dalam kelompok tindakan zalim. Tentang hal ini telah disebutkan sebelumnya. Dan, di dalam sebuah hadis disebutkan: "*Tipu daya orang yang melepaskan barang adalah haram.*"[24]

Az-Zubair bin Ady berkata: "Aku pernah bertemu dengan lapan belas orang sahabat. Tidak ada seorang pun di antara mereka memandang sebagai kebajikan membeli daging dengan harga sedirham." Maka al-ghabn yang dilakukan oleh orang-orang yang melepaskan barang-barangnya merupakan tindakan zalim. Jika hal itu terjadi tanpa penipuan, maka hal itu termasuk dalam bahagian tindakan meninggalkan kebajikan. Namun, jarang sekali hal itu terjadi tanpa penipuan dan penyembunyian harga pada saat itu.

Sesungguhnya yang merupakan kebajikan semata ialah seperti apa yang diriwayatkan dari as-Sirri as-Saqathi. Suatu hari dia membeli satu takar buah kemiri seharga enam puluh dinar. Lalu, dia pun menulis pada daftar hariannya tiga dinar keuntungannya. Dia berpendapat bahawa setiap sepuluh dinar dia mengambil keuntungan setengah dinar.

---

[24] Diriwayatkan oleh at-Tabrani dari Abu Umamah dengan sanad dhaif. Sementara al-Baihaqi meriwayatkannya dari Jabir dengan sanad yang baik.

Beberapa waktu kemudian harga kemiri itu sudah menjadi sembilan puluh dinar. Maka datanglah seorang perantara (makelar) kepadanya, meminta kemiri itu. As-Sirri as-Saqathi berkata: "Ambillah." si perantara bertanya: "Berapa harganya?" Dia menjawab: "Enam puluh tiga dinar."

si perantara yang merupakan orang soleh berkata: "Harganya sekarang sudah sembilan puluh dinar." As-Sirri berkata: "Aku telah mengikatkan diri pada suatu ikatan yang tidak akan aku lepaskan, iaitu aku tidak akan menjual kemiri itu kecuali dengan harga enam puluh tiga dinar."

si perantara itu pun berkata: "Sementara aku telah berjanji antara aku dan Allah SWT, bahawa aku tidak akan menipu seorang Muslim. Aku tidak akan mengambil daripadamu kecuali dengan harga sembilan puluh dinar." Menurut riwayat itu, akhirnya si perantara tidak jadi membeli dari asSirri dan as-Sirri tidak jadi menjual kemiri itu kepada si perantara. Peristiwa ini terjadi semata kerana kebajikan dari kedua belah pihak, di samping pengetahuan tentang keadaan yang sebenar.

Diriwayatkan dari Muhammad bin al-Munkadir bahawa dia mempunyai beberapa potong kain panjang. Sebahagian di antaranya seharga lima dinar dan sebahagian yang lain seharga sepuluh dinar. Ketika dia tidak ada, kain yang seharga lima dinar dijual oleh hamba abdinya dengan harga sepuluh dinar.

Ketika Muhammad bin al-Munkadir mengetahuinya, dia pun mencari Arab Badui yang membeli kain itu sepanjang hari sampai dia berhasil menemuinya. Lalu dia pun berkata kepada si Arab Badui: "Sesungguhnya hambaku salah. Dia telah menjual kepadamu potongan kain yang seharga lima dinar dengan harga sepuluh dinar." Pembeli itu menjawab: "Wahai Tuan, aku telah setuju yang demikian."

Muhammad bin al-Munkadir berkata: "Meskipun engkau bersetuju, tetapi aku tidak reda untukmu kecuali apa yang aku reda untuk diriku sendiri. Oleh kerana itu, pilihlah satu dari tiga pilihan: Engkau boleh ambil potongan kain yang harganya sepuluh dinar dengan wangmu tadi, atau kami kembalikan kepadamu lima dinar, atau engkau kembalikan barang kami dan engkau ambil kembali dinarmu."

Si pembeli itu menjawab: "Berikanlah kepadaku lima dinar itu." Muhammad bin al-Munkadir lalu mengembalikan wang lima dinar kepada orang Arab Badui itu. Kemudian orang Arab Badui itu pun pergi sambil bertanya kepada orang yang ditemuinya: "Siapakah orang tadi?" Lalu orang menjawab kepadanya: "Dia adalah

Muhammad bin al-Munkadir." Mendengar jawapan tersebut, orang Arab Badui itu pun berkata: "Tidak ada Tuhan selain Allah, ternyata, itulah orang yang kita mintai air di desadesa jika kita mengalami kekeringan di musim kemarau."

Itulah kebajikan. Dia tidak mahu mendapatkan keuntungan dari sepuluh dinar kecuali setengah atau satu dinar, sesuai dengan adat kebiasaan yang berlaku pada barang yang seperti itu pada tempat itu. Barangsiapa yang merasa puas dengan keuntungan yang sedikit, nescaya transaksinya akan melimpah dan memperoleh manfaat lahiriah penuh keberkahan.

Suatu hari Ali r.a. berkeliling di pasar Kufah dengan tongkat pemukul di tangannya seraya berkata: "Wahai para peniaga, ikutilah jalan yang benar, nescaya kamu akan selamat. Janganlah kamu menolak keuntungan yang sedikit. Jika tidak, kamu tidak akan memperoleh keuntungan yang banyak."

Ada orang yang bertanya kepada Abdul Rahman bin Auf: "Apakah sebabnya engkau menjadi kaya?" Abdul Rahman bin Auf pun menjawab: "Kerana tiga sebab: Aku tidak pernah menolak keuntungan. Tidak ada orang yang meminta kepadaku haiwan, lalu aku lambatkan penjualannya. Dan, aku tidak pernah menjual dengan penangguhan pembayaran."

Ada yang mengatakan bahawa suatu hari Abdul Rahman bin Auf menjual seribu ekor untanya dan dia tidak beruntung kecuali tali pengikatnya. Lalu dia menjual setiap sehelai tali itu dengan sedirham. Maka dia beruntung seribu dirham dan dari biayanya bagi untaunta itu untuk sehari dia beruntung seribu dirham.

Kedua: Dalam menanggung kekurangan harga saat menjual dan membeli akibat manipulasi. Apabila si pembeli membeli makanan dari orang yang lemah atau membeli sesuatu dari orang miskin, maka tidak mengapa dia menanggung kekurangan harga dan memandangnya ringan. Dengan tindakannya itu dia telah berbuat kebajikan dan termasuk dalam sabda Nabi s.a.w.: "Allah mengasihi orang yang memudahkan penjualan, sebagaimana dia memudahkan pembelian."

Sementara jika dia membeli dari peniaga yang kaya, yang mencari keuntungan melebihi dari keperluannya, maka menanggung kekurangan dari pembelian itu tidak terpuji, malah dia telah mensia-siakan harta tanpa pahala. Di dalam sebuah hadis yang diriwayatkan dari keluarga Nabi s.a.w. (ahlul bait) disebutkan: "Orang

yang merugi dalam perniagaan tidak terpuji dan tidak mendapatkan pahala."[25]

Ketiga: Dalam penyempurnaan harga dan hutang-hutang yang lain. Berbuat kebajikan padanya ada kalanya dengan memberikan toleransi dan mengurangi sebahagian harga dan hutang tersebut. Ada kalanya dengan menangguhkan dan mengemudiankannya. Semua itu disunatkan dan dianjurkan. Nabi s.a.w. bersabda: "*Allah mengasihi orang yang memudahkan penjualan, orang yang memudahkan pembelian, orang yang memudahkan pembayaran hutang, dan orang yang memudahkan penagihan hutang.*" (HR. Bukhari)

Oleh kerana itu, hendaknya kita berusaha mengambil manfaat doa Nabi s.a.w. tersebut. Dan Nabi s.a.w. bersabda: "Bermurah hatilah kamu, nescaya kamu diberi kelapangan."[26]

Nabi s.a.w. bersabda: "*Barangsiapa yang menangguhkan orang yang kesulitan membayar hutang atau meninggalkan hutang itu untuknya, nescaya Allah akan menghitung amalnya dengan hisab yang mudah.*" Sedangkan di dalam hadis lain disebutkan: "*Nescaya dia dinaungi oleh Allah di bawah naungan Arasy-Nya pada hari yang tidak ada naungan selain naungan-Nya.*"[27]

Rasulullah s.a.w. pernah mengemukakan tentang diri seorang lelaki yang sangat boros terhadap dirinya sendiri. Namun, ketika amalnya dihisab, ternyata dia tidak mendapatkan suatu kebaikan pun. Lalu, dia ditanya: "Apakah kamu tidak pernah mengerjakan kebajikan walaupun hanya sekali?" Dia menjawab: "Tidak, kecuali aku ini seorang lelaki yang memberi hutang kepada orang lain. Lalu aku berkata kepada hamba abdiku: "Berilah toleransi kepada orang yang kaya dan berilah tenggang waktu kepada orang yang miskin."

Dan menurut ungkapan lain: "Lewatkanlah orang miskin yang susah membayar hutang." Maka Allah SWT berfirman: "Kami lebih berhak dengan yang demikian daripada engkau." Maka Allah melewatinya dan mengampuninya." (HR. Bukhari dan Muslim)

---

[25] Diriwayatkan oleh Tirmizi dari Ubaidullah dari al-Hasan dari bapanya dari datuknya. Sementara Abu Ya'la meriwayatkannya dari Ali. Menurut adz-Dzahabi, hadis ini munkar.

[26] Diriwayatkan oleh at-Tabrani dari Ibnu Abbas. Para perawi hadis ini adalah orang-orang yang thiqat.

[27] Lafaz kedua diriwayatkan oleh Muslim dari hadis Abu al-Yusr Ka'ab bin Amr.

Nabi s.a.w. bersabda: "Barangsiapa yang menghutangkan wang satu dinar dengan menangguhkan pembayarannya sampai pada suatu waktu, maka baginya setiap hari itu menjadi sedekah sampai pada waktu pembayarannya. Jika waktu itu telah tiba, lalu dia menunggu lagi pembayarannya sesudah itu, (kerana orang itu belum juga sanggup membayar hutangnya), maka baginya setiap hari menjadi sedekah sebanyak hutang itu." (HR. Ibnu Majah)

Kerana hadis di atas, sebahagian generasi terdahulu tidak menyukai orang yang berhutang kepadanya, membayar hutangnya. Sehingga dia seperti orang yang bersedekah dengan seluruh hartanya setiap hari. Nabi s.a.w. bersabda: "Aku melihat pada pintu syurga tertulis 'bahawa pahala sedekah sepuluh kali lipat, sedangkan pahala hutang lapan belas kali lipat."[28]

Lalu ada yang mengatakan tentang makna hadis ini: Sesungguhnya sedekah itu boleh sahaja diterima oleh orang yang memerlukan dan juga oleh orang yang tidak memerlukan. Sementara kehinaan berhutang itu hanya ditanggung oleh orang yang memerlukan.

Nabi s.a.w. pernah melihat seorang lelaki yang selalu berhutang kepada orang lain. Lalu Nabi s.a.w. memberi isyarat dengan tangan beliau kepada orang yang memberi hutang: "Kurangilah setengahnya." Lalu orang itu menguranginya. Kemudian beliau bersabda kepada orang yang berhutang: "Berdirilah dan berikanlah kepadanya." (HR. Bukhari dan Muslim)

Setiap orang yang menjual sesuatu dan memberikan harganya pada waktu itu serta tidak memberatkan dalam menagihnya, maka hal itu sama dengan memberi hutang.

Diriwayatkan bahawa suatu hari alHasan al-Bashri menjual seekor keldai betina miliknya dengan harga empat ratus dirham. Maka ketika tiba waktu wajib pembayarannya, si pembeli berkata kepada al-Hasan: "Wahai Abu Sa'id, berilah aku keringanan." Al-Hasan menjawab: "Aku kurangi darimu seratus dirham." si pembeli itu berkata: "Berbuat baiklah wahai Abu Sa'id." Al-Hasan berkata: "Aku berikan untukmu seratus dirham lagi."

---

[28] Diriwayatkan oleh Ibnu Majah dari Anas dengan sanad dhaif.

Maka Abu Sa'id menerima haknya dua ratus dirham. Lalu ada orang yang berkata kepadanya: "Wahai Abu Sa'id, itu setengah harga." Al-Hasan menjawab: "Begitulah hendaknya kebajikan itu. Kalau tidak demikian, maka kebajikan itu tidak ada."

Keempat: Pada pembayaran hutang. Kebajikan dalam membayar hutang ialah membayarnya dengan baik. Iaitu dengan pergi kepada orang yang mempunyai hak (yang memberi hutang) dan tidak memberatkan si pemberi hutang datang menagih hutang kepada orang yang berhutang. Nabi s.a.w. bersabda: "Yang terbaik di antara kamu ialah orang yang terbaik dalam membayar hutang." (HR. Bukhari dan Muslim)

Apabila seseorang telah sanggup membayar hutang, hendaknya dia segera membayarnya, walaupun sebelum waktunya. Juga, hendaknya dia menyerahkan yang terbaik dan terbagus dari apa yang disyaratkan kepadanya. Sedangkan jika dia belum sanggup, hendaknya berniat akan membayarnya manakala telah sanggup nanti.

Nabi s.a.w. bersabda:

مَنْ ادَّانَ دَيْنًا وَهُوَ يَنْوِي قَضَاءَهُ وَكَّلَ اللهُ بِهِ مَلاَئِكَةً يَحْفَظُونَهُ وَيَدْعُونَ لَهُ حَتَّى يَقْضِيهِ

"*Barangsiapa yang berhutang dengan suatu hutang dan dia berniat akan membayarnya, nescaya Allah akan mewakilkan beberapa malaikat yang akan memelihara dan berdoa untuknya, sehingga dapat membayar hutang itu nanti.*" (HR. Ahmad)

Beberapa orang dari generasi terdahulu berhutang tanpa ada keperluan, lantaran hadis tersebut. Dan manakala orang yang mempunyai hak (yang memberi hutang) berkata-kata dengan perkataan yang kasar, hendaknya dia menahan diri dan menghadapinya dengan lemah-lembut kerana mengikuti jejak Rasulullah s.a.w.

Suatu hari orang yang memberi hutang datang kepada beliau, ketika saat pembayaran telah tiba, tetapi Rasulullah s.a.w. belum sanggup membayarnya. Lalu orang itu mengeluarkan kata-kata keras kepada beliau. Maka para sahabat beliau bermaksud membalasnya. Namun, beliau bersabda: "Biarkanlah orang itu, sesungguhnya orang yang mempunyai hak, berhaklah dia berkata-kata." (HR.

Bukhari dan Muslim)

Manakala terjadi perbezaan pendapat antara orang yang berhutang dan orang yang memberi hutang, maka berbuat baik dalam hal ini ialah lebih cenderung kepada orang yang berhutang. Sebab, orang yang memberi hutang menghutangkan sebahagian dari kekayaan yang dimilikinya, sedangkan orang yang berhutang lantaran keperluan.

Demikian pula, semestinya pertolongan bagi si pembeli lebih banyak. Kerana si penjual tidak menginginkan barang yang hendak dijualnya. Sementara si pembeli memerlukan barang tersebut. Ini yang terbaik.

Kecuali orang yang berhutang itu melampaui batas. Ketika itu menolongnya ialah dengan mencegahnya dari melampaui batas dan menolong orang yang memberi hutang, kerana Nabi s.a.w. bersabda: “Tolonglah saudaramu yang zalim atau yang dizalimi.” Lalu ada yang bertanya: “Bagaimanakah kami memberikan pertolongan kepada orang yang berbuat zalim?” Beliau menjawab: “Engkau mencegahnya dari tindakan zalim adalah pertolongan baginya.” (HR. Bukhari dan Muslim)

Kelima: Menerima kembali dari orang yang mengembalikan pembeliannya. Sebab, orang yang menyerahkan kembali barang yang sudah dibelinya adalah kerana menyesal dan merasa keberatan dengan jual beli itu. Dan tidaklah patut seseorang merasa senang, sementara hal itu merupakan sebab kesulitan bagi saudaranya. Nabi s.a.w. bersabda: “Barangsiapa yang menerima kembali pembelian dari orang yang menyesal dengan pembelian itu, nescaya Allah mengampuni kesalahannya pada hari kiamat kelak.”[29] Atau seperti yang disabdakan oleh beliau.

Keenam: Dalam melakukan urus-niaga dengan kelompok orang-orang miskin hendaknya dia berniat menangguhkan meminta pembayaran. Iaitu pada waktu itu juga dia berniat tidak akan meminta pembayaran kepada orang-orang miskin itu jika mereka belum sanggup membayarnya.

Sesungguhnya di antara orang-orang soleh dari generasi terdahulu ada yang memiliki dua buku catatan. Salah satu di antara keduanya merupakan catatan orang-orang yang tidak dikenal. Di dalamnya hanya ada nama-nama orang lemah

[29] Diriwayatkan oleh Abu Daud dan al-Hakim dari Abu Hurairah. Menurut al-Hakim, hadis ini shahih menurut syarat Muslim.

dan miskin yang tidak dikenal. Yang demikian ialah jika ada orang miskin yang melihat makanan atau buah-buahan, lalu timbul keinginannya dan mengatakan, "saya memerlukan lima kilogram barang ini, tetapi saat ini saya belum punya wang untuk membayarnya." Lalu orang soleh yang penjual itu menjawab: "Ambillah dan bayarlah nanti jika engkau telah mampu membayarnya."

Hal itu tidak termasuk bahagian dari khiyar. Yang termasuk bahagian dari khiyar ialah orang yang namanya sama sekali tidak tercatat di dalam buku catatan itu dan tidak menjadikan itu sebagai hutang. Namun, di sini dia mengatakan, "Ambillah apa yang engkau kehendaki. Jika mampu membayarnya, bayarlah sekarang. Dan jika tidak, maka engkau boleh memakannya dan bagimu tenggang waktu untuk membayarnya."

Inilah jalan perniagaan yang ditempuh oleh generasi terdahulu. Namun, jalan ini kini telah dilupakan orang. Yang menegakkannya hanyalah orang yang menghidupkan jalan ini. Ringkasnya, perniagaan merupakan batu ujian. Dengan perniagaan agama dan kewarakan seseorang diuji. Oleh kerana itulah disebutkan dalam beberapa bait syair:

Janganlah engkau terpedaya oleh seseorang

Yang berbaju lusuh lagi bertampal

Yang berkain tinggi di atas tumit

Yang berdahi mengupas bekas lama bersujud

Dengan dirham dan dinar

Perhatikanlah kesesatan dan kelurusannya.

Oleh kerana itu ada yang mengatakan: "Jika seseorang dipuji oleh tetangganya di kampung, oleh sahabatnya dalam perjalanan, dan oleh orang-orang yang melakukan jual beli dengannya di pasar, maka janganlah kamu ragu lagi tentang kebaikan orang itu."

Suatu hari seorang saksi bersaksi di hadapan Umar r.a. Lalu Umar r.a. berkata kepadanya: "Datangkanlah kepadaku orang yang mengenalmu." Lalu dia mendatangkan seorang lelaki. Orang itu pun memuji saksi tersebut. Maka Umar r.a. pun bertanya kepada orang itu: "Apakah engkau tetangga terdekatnya yang dapat mengenalnya ketika dia di dalam dan di luar rumahnya?" Orang itu menjawab: "Tidak."

Umar bertanya lagi: “Apakah engkau teman orang itu dalam suatu perjalanan yang dapat membuktikan bahawa dia berperilaku mulia?” Orang itu menjawab: “Tidak.” Umar r.a. bertanya pula: “Apakah engkau telah melakukan jual beli dengannya, dengan dinar dan dirham, yang dengannya menjelaskan bahawa dia seorang yang warak?” Orang itu menjawab: “Tidak.”

Umar r.a. kemudian berkata: “Aku menyangka bahawa engkau melihatnya ketika dia sedang mengerjakan solat di dalam masjid, membaca Al-Quran dengan suara rendah, dan dia merendahkan kepalanya sekali dan mengangkatnya pada kali yang lain.” Orang itu menjawab: “Ya.” Maka Umar r.a. pun berkata: “Pergilah, sebab engkau belum mengenal orang ini.” Lalu Umar berkata kepada saksi itu: “Pergilah, datangkanlah kepadaku orang yang mengenalmu.”

E. Seorang peniaga mesti memperhatikan urusan dunia dan akhiratnya

Seorang peniaga tidak semestinya disibukkan oleh mata pencahariannya dari urusan akhiratnya. Sehingga usianya hilang sia-sia dan urus-niaga jual belinya merugi. Keuntungan yang tidak diperolehnya di akhirat kelak, tidak dapat disempurnakan oleh apa yang didapatnya di dunia. Sehingga dia termasuk salah seorang yang membeli kehidupan dunia dengan akhirat. Namun, orang yang berakal semestinya memperhatikan dirinya sendiri. memperhatikan diri sendiri ialah dengan memelihara modalnya. Modalnya ialah agama dan perniagaannya pada agama.

Seorang ulama salaf berkata: “Sesuatu yang lebih utama bagi seorang yang berakal ialah sesuatu yang diperlukannya di dunia. Dan sesuatu yang lebih diperlukan pada masa di dunia ialah sesuatu yang lebih terpuji akibatnya di akhirat.”

Mu’adz bin Jabal r.a. dalam wasiatnya berkata: “Sesungguhnya engkau mesti memiliki bahagian di dunia. Namun, engkau lebih memerlukan lagi bahagianmu di akhirat. Maka mulailah dengan bahagianmu di akhirat, lalu ambillah, sesungguhnya engkau akan lalu di atas bahagianmu dari dunia. Maka hendaknya engkau mengaturnya.

Allah SWT berfirman: “Dan janganlah engkau melupakan bahagianmu (keperluan dan bekalanmu) dari dunia.” (al-Qasas: 77). Ayat itu bermaksud begini: “Janganlah bahagianmu di dunia ini membuatmu melupakan bahagianmu untuk akhirat. Kerana dunia adalah tempat bercucuk tanam untuk akhirat. Dan di dunia

inilah seluruh kebaikan diusahakan."

Sesungguhnya perhatian dan kecintaan seorang peniaga terhadap agamanya akan sempurna dengan menjaga tujuh perkara:

Pertama: Niat dan akidah yang baik pada permulaan perniagaannya. Oleh kerana itu, hendaknya dia berniat dengan perniagaan itu untuk menjaga diri dari meminta-minta. Juga, untuk mencegah dari mengharap kepada orang lain kerana merasa cukup dengan yang halal, tanpa meminta bantuan dari orang lain. Selain itu dia boleh memperoleh pertolongan dengan apa yang diusahakannya sendiri untuk agamanya dan memenuhi keperluan keluarganya agar dia termasuk dalam kelompok orang-orang yang berjuang di jalan Allah.

Kemudian, hendaknya dia berniat untuk memberi nasihat bagi kaum Muslimin dan mencintai orang lain seperti apa yang dia cintai untuk dirinya sendiri. Di samping itu, hendaknya dia berniat mengikuti jalan yang lebih utama dari kebajikan dalam transaksinya, sebagaimana yang telah kami kemukakan sebelumnya. Dan hendaknya dia berniat melaksanakan amar makruf nahi munkar pada setiap apa yang dilihatnya di pasar.

Jika akidah dan niat itu dia pancangkan di dalam hati, nescaya dia adalah orang yang bekerja di jalan akhirat. Jika dia mendapatkan sesuatu harta, maka itu adalah tambahan. Sebaliknya jika dia merugi di dunia, nescaya dia beruntung di akhirat.

Kedua: Hendaknya niat dan tujuannya dalam membuat dan memperniagakannya adalah untuk menegakkan salah satu dari fardu kifayah. Sesungguhnya pembuatan dan perniagaan jika ditinggalkan, maka terhentilah penghidupan dan kebanyakan makhluk pun binasa. Sebab, teraturnya semua urusan adalah dengan saling menolong dan masing-masing kelompok bertanggung jawab atas pekerjaannya.

Jika semua orang melakukan usaha yang sama, nescaya yang lain akan terhenti dan semuanya akan binasa. Sebahagian orang menafsirkan hal ini dengan sabda Nabi s.a.w.: "Perbezaan pendapat umatku adalah rahmat." Yakni, perbezaan cita-cita mereka dalam berusaha dan bekerja.

Sebahagian dari usaha itu ada yang penting dan sebahagian di antaranya ada yang tidak diperlukan. Sebab, tujuan usaha itu adalah untuk meraih kenikmatan dan

perhiasan dunia. Oleh kerana itu, seseorang harus bekerja pada usaha yang penting supaya dalam bekerja dia memperoleh kecukupan tanpa meminta bantuan orang Muslim lainnya dan yang penting pada agama.

Dan juga, hendaknya dia menjauhkan diri dari usaha membuat ukiran, membuat hiasan dari emas dan perak, dan membangun gedung-gedung dengan batu-batu merah dan seluruh apa yang menjadi hiasan dunia. Semua itu tidak disukai oleh orang-orang yang mengamalkan syariat. Sedangkan seluruh pekerjaan alat-alat hiburan dan alat-alat yang tidak diperkenankan dipakai, maka menjauhkan diri dari yang demikian itu termasuk segi meninggalkan tindakan zalim.

Termasuk yang demikian itu ialah menjahit pakaian luar dari sutera bagi kaum lelaki, dan membuat kereta emas atau cincin emas bagi kaum lelaki. Semua itu termasuk perbuatan maksiat. Upah yang diambil dari pekerjaan tersebut adalah haram. Oleh kerana itulah kami wajibkan zakat padanya sekalipun kami tidak mewajibkan zakat pada perhiasan. Kerana jika perhiasan itu dimaksudkan untuk kaum lelaki, maka hal itu diharamkan. Sedangkan jika perhiasan itu disediakan untuk kaum wanita, maka tidak ada kaitannya dengan perhiasan-perhiasan yang boleh itu.

Sebelumnya telah kami kemukakan bahawa menjual makanan dan kain kafan adalah makruh. Sebab, penjualan itu mengharuskan menunggu orang mati dan memerlukan harga yang mahal. Juga, dimakruhkan menjadi tukang sembelih, kerana pekerjaan itu menyebabkan kekerasan hati. Juga dimakruhkan menjadi tukang bekam atau tukang sapu, kerana pekerjaan itu membuat seseorang berlumur dengan najis. Begitu juga dimakruhkan menjadi tukang penyamak kulit dan pekerjaan-pekerjaan lain yang sama.

Ibnu Sirin memandang makruh pekerjaan makelar (perantara). Sedangkan Qatadah memandang makruh upah makelar. Barangkali disebabkan sedikitnya kemungkinan terlepasnya makelar dari berbohong dan berlebihan dalam memuji barang yang dipasarkannya. Lagi pula pekerjaan makelar ini tidak boleh ditentukan. Kadangkala sedikit dan kadangkala banyak. Dan tidak dipandang pada jumlah upahnya pada pekerjaan, tetapi pada jumlah harga kain. Inilah yang biasa terjadi, dan hal ini termasuk tindakan zalim.

Namun semestinya kita memperhatikan keadaan sejauh mana tenaga yang dipergunakan. Para ulama memandang makruh membeli haiwan untuk

diperniagakan. Ini kerana si pembeli tidak suka akan takdir Allah pada haiwan itu, iaitu kematian; yang pasti akan terjadi dan bukan mustahil.

Mereka juga memandang makruh berusaha dalam bidang tukarmenukar wang, kerana dalam usaha ini seseorang susah menjaga diri dari riba yang kecil-kecil. Di samping itu juga kerana tukar-menukar wang memerlukan perhatian terhadap sifat yang terperinci terhadap benda-benda yang tidak dimaksudkan, tetapi yang dimaksudkan ialah terjualnya barang tersebut.

Sedikit sekali penukar wang yang memperoleh keuntungan, kecuali dengan berpegang pada kebodohan orang yang melakukan urus-niaga dengannya tentang terperinci keadaan kewangan itu. Maka sangat sedikit penukar wang yang selamat dari yang demikian itu, sekalipun dia sangat berhati-hati.

Kemudian, dimakruhkan juga bagi penukar wang dan orang-orang lainnya menghancurkan wang yang sah dan wang-wang dinar, kecuali ketika dia merasa ragu tentang keasliannya atau ketika dalam keadaan darurat.

Ahmad bin Hanbal rahimahullah berkata: "Telah datang larangan dari Rasulullah s.a.w. dan para sahabatnya tentang menghancurkan wang yang sah. Dan saya sendiri memandang makruh menghancurkannya." Lebih lanjut Ahmad bin Hanbal berkata: "Penukar wang suka membeli dirham dengan dinar, kemudian dengan dirham dia membeli emas, lalu dia menghancurkannya."

Para ulama memandang sunnah berjualan kain. Sa'id bin alMusayyab berkata: "Tidak ada perniagaan yang lebih aku sukai daripada berjualan kain, selama tidak ada padanya sumpah-menyumpah."

Di dalam sebuah hadis diriwayatkan: "Perniagaan kamu yang paling baik ialah menjual kain, dan pekerjaan tangan kamu yang paling baik ialah menjahit dengan tangan."[30]

Dalam hadis lain disebutkan: "Jika penghuni syurga berniaga, nescaya mereka berniaga jual beli kain. Dan jika penghuni neraka berjualan, nescaya mereka berniaga tukar menukar wang."[31]

---

[30] Saya tidak menemukan sanad hadis ini.

[31] Diriwayatkan oleh Abu Manshur ad-Dailami dari Abu Sa'id al-Khudri dengan sanad dhaif.

Kebanyakan pekerjaan orang-orang pilihan dari generasi terdahulu ada sepuluh macam, iaitu: menjahit kulit, berniaga, membawa barang, menjahit, membuat alas kaki, mencelup kain, membuat kasut, tukang besi, bertenun kain, membetulkan alat menangkap binatang darat dan binatang laut, dan membuat kertas.

Berkaitan dengan membuat kertas, Abdullah al-Warraq berkata: "Suatu hari Ahmad bin Hanbal bertanya kepadaku: "Apakah pekerjaanmu?" Aku menjawab: "Tukang kertas." Ahmad bin Hanbal berkata: "Pekerjaan yang baik. Kalau aku bekerja dengan tanganku, nescaya aku akan berusaha seperti usahamu." Kemudian Ahmad bin Hanbal berkata kepadaku: "Janganlah engkau menulis melainkan di tengah dan tinggalkanlah pinggir-pinggirnya, bahagian luarnya."

Sementara itu ada empat jenis tukang oleh orang ramai dipandang sebagai pertanda kelemahan fikiran: tukang tenun, tukang jual kapas, tukang pintal, dan pengajar. Mungkin sebabnya kerana mereka banyak bergaul dengan kaum wanita dan kanak-kanak. Bergaul dengan orang-orang yang lemah fikiran itu melemahkan fikiran. Ini seperti halnya bergaul dengan orangorang yang berakal cerdik akan memperluas cara berfikir.

Mujahid meriwayatkan bahawa Maryam a.s. melewati tempat orang bertenun kain ketika mencari Isa a.s. Pada saat Maryam menanyakan jalan, mereka menunjukkan jalan yang bukan dimaksudkannya. Lalu Maryam a.s. pun berdoa: "Ya Allah, cabutlah keberkahan dari usaha mereka dan matikanlah mereka dalam keadaan miskin dan hina di mata manusia." Maka doa Maryam itu pun dikabulkan.

Para ulama salaf memandang makruh mengambil upah atas setiap pekerjaan dari bahagian ibadat dan fardu kifayah, seperti memandikan jenazah dan menguburkannya, begitu juga mengumandangkan azan dan menjadi imam solat tarawih, walaupun menurut hukum dipandang sah mengambil upah daripadanya.

Demikian juga halnya mengajarkan Al-Quran dan ilmu agama. Ini kerana semua itu adalah amal yang haknya diperniagakan untuk akhirat, dan mengambil upah daripadanya sama dengan menggantikan akhirat dengan dunia. Yang demikian itu tidak disunatkan.

Ketiga: Pasar dunia tidak menjadi penghalang baginya dari pasar akhirat. Pasar-pasar akhirat ialah masjid-masjid. Allah SWT berfirman:

رِجَالٞ لَّا تُلۡهِيهِمۡ تِجَٰرَةٞ وَلَا بَيۡعٌ عَن ذِكۡرِ ٱللَّهِ وَإِقَامِ ٱلصَّلَوٰةِ وَإِيتَآءِ ٱلزَّكَوٰةِ

“*(Ibadat itu dikerjakan oleh) orang-orang yang kuat imannya yang tidak dilalaikan oleh perniagaan atau berjual beli daripada menyebut serta mengingati Allah, dan mendirikan solat serta memberi zakat.*”

(al-Nur: 37)

Allah SWT berfirman:

فِي بُيُوتٍ أَذِنَ ٱللَّهُ أَن تُرۡفَعَ وَيُذۡكَرَ فِيهَا ٱسۡمُهُۥ

“*Di rumah-rumah Ibadat yang diperintahkan oleh Allah supaya dimuliakan keadaannya dan disebut serta diperingat nama Allah padanya.*”

(al-Nur: 36)

Kerana itu, hendaknya seseorang menjadikan permulaan siang sampai waktu masuk pasar untuk akhiratnya. Di samping itu hendaknya dia juga mengharuskan diri ke masjid dan rajin mengerjakan seluruh wirid. Umar r.a. pernah berkata kepada para peniaga: “Jadikanlah permulaan siang bagi akhirat kamu dan sesudahnya itu untuk dunia kamu.”

Orang-orang soleh terdahulu biasanya menjadikan permulaan siang dan penghabisannya untuk akhirat dan pertengahannya untuk berniaga. Tidak menghairankan jika saat itu tidak ada yang menjual bubur harithah dan kepala kambing pada pagi hari selain anak-anak dan orang dzimmi. Sebab, semua orang soleh masih berada di masjid.

Dalam sebuah hadis disebutkan: “Sesungguhnya malaikat apabila naik membawa lembar catatan amal hamba, dan di dalamnya tertulis pada permulaan siang dan pada penghabisan siang zikir kepada Allah dan kebajikan, nescaya Allah menghapuskan seluruh amal kejahatan daripadanya di antara kedua waktu tadi.”[32]

Dalam hadis lain disebutkan: “Malaikat malam dan malaikat siang bertemu ketika fajar terbit dan ketika solat Asar. Maka Allah SWT bertanya, padahal Dia Maha Tahu tentang mereka: “Bagaimanakah keadaan hamba-hamba-Ku ketika kamu tinggalkan?” Para malaikat itu menjawab: “Kami tinggalkan mereka ketika mereka sedang melaksanakan solat dan kami datang kepada mereka ketika mereka

[32] Diriwayatkan oleh Abu Ya’la dari Anas dengan sanad dhaif.

juga sedang melaksanakan solat." Maka Allah SWT berfirman: "Aku bersaksi kepada kamu semua bahawa Aku mengampuni seluruh dosa mereka." (HR. Bukhari dan Muslim)

Kemudian, manakala seseorang telah mendengar azan pada tengah hari untuk melaksanakan solat Zuhur dan solat Asar, semestinya dia tidak menambah pekerjaan yang ditanganinya dan tetap berada di tempatnya.

Namun, hendaknya dia meninggalkan seluruh pekerjaan yang sedang dikerjakannya. Sebab, apa yang tertinggal dari keutamaan takbir pertama bersama imam pada permulaan waktu tidak akan boleh disamai oleh dunia dengan isinya. Dan manakala dia tidak menghadiri solat jamaah, menurut sebahagian ulama, dia telah berbuat maksiat.

Para ulama salaf sentiasa bersegera ketika mendengar azan dan meninggalkan kedai-kedai untuk anak-anak dan orang-orang dzimmi. Mereka mengeluarkan ongkos beberapa dirham untuk penjagaan kedai pada waktu solat. Sehingga yang demikian itu menjadi penghidupan bagi orang-orang yang menjaga.

Tentang firman Allah SWT: "*(Ibadat itu dikerjakan oleh) orang-orang yang kuat imannya yang tidak dilalaikan oleh perniagaan atau berjual beli daripada menyebut serta mengingati Allah*" (al-Nur: 37). Ada yang menafsirkan bahawa mereka itu ialah tukang besi dan tukang melubangi dan menjahit kulit.

Apabila salah seorang di antara mereka mengangkat palu atau memasukkan alat pelubang, lalu dia mendengar azan, dia tidak akan mengeluarkan alat pelubang dari kulit dan tidak akan menjatuhkan palu ke atas besi. Namun, dia terus melemparkannya dan terus melaksanakan solat.

Keempat: Tidak mencukupkan pada hal itu sahaja, tetapi juga membiasakan berzikir kepada Allah SWT di pasar dan sibuk bertahlil dan bertasbih. Sebab, berzikir kepada Allah di pasar di tengahtengah orang-orang yang lalai adalah lebih utama.

Nabi s.a.w. bersabda: "Orang yang berzikir kepada Allah dalam kelompok orang-orang yang lalai, bagaikan orang yang berperang di belakang orang-orang yang lari, dan bagaikan orang yang hidup di antara orang-orang yang mati." Dan menurut ungkapan lain, "Seperti pohon kayu yang hijau di antara pohon-pohon yang kering."

Nabi s.a.w. bersabda: "*Barangsiapa yang masuk ke pasar, lalu dia mengucapkan "Laa ilaaha illallaahu wahdah, laa syariikalahu lahul mulku wa lahul hamdu wa huwa 'alaa kulli syai'in qadiir (Tidak ada tuhan selain Allah, Dialah Tuhan Yang Maha Esa. Tidak ada sekutu bagi-Nya, Dialah yang memiliki alam semesta dan segala puji hanya bagi-Nya. Allah adalah Maha Kuasa atas segala sesuatu), nescaya Allah menuliskan baginya beribu-ribu kebajikan.*"

Suatu hari Ibnu Umar, Salim bin Abdullah, Muhammad bin Wasi', dan beberapa orang lain masuk ke pasar, dengan tujuan untuk memperoleh keutamaan zikir tersebut. Al-Hasan berkata: "Orang yang berzikir kepada Allah di pasar, pada hari kiamat kelak dia akan datang dengan cahaya seperti cahaya bulan, dan bukti seperti terangnya matahari. Barangsiapa yang memohon ampun kepada Allah di pasar, nescaya Allah mengampuninya sesuai dengan bilangan orang-orang yang ada di pasar itu."

Apabila Umar r.a. memasuki pasar, maka beliau mengucapkan:

اَللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوْذُ بِكَ مِنَ الْكُفْرِ وَالْفُسُوْقِ، وَمِنْ شَرِّ مَا أَحَاطَتْ بِهِ السُّوقُ، اَللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوْذُ بِكَ مِنْ يَمِيْنٍ فَاجِرَةٍ وَصَفْقَةٍ خَاسِرَةٍ

"Ya Allah, sesungguhnya aku berlindung dengan-Mu dari kekafiran dan kefasikan, dan dari kajahatan apa yang dilingkupi oleh pasar. Yang Allah, sesungguhnya aku berlindung dengan-Mu dari sumpah palsu dan dari urus-niaga jual beli yang merugi."

Abu Ja'far al-Farghani berkata: "Pada suatu hari kami berada di sisi al-Junaid. Maka berlakulah zikir dari orang-orang yang duduk dalam masjid. Mereka menyerupakan dirinya dengan kaum sufi dan mereka mengabaikan kewajipan mereka seperti memberikan hak duduk di masjid kepada orang lain, dan mereka mencela orang-orang yang masuk ke pasar.

Al-Junaid pun berkata: "Betapa ramai orang yang di pasar, namun dia seperti orang yang memasuki masjid, dan meminta izin orang yang ada di dalam masjid. Sungguh aku mengenal orang yang masuk ke pasar dan wiridnya setiap hari tiga ratus rakaat dan tiga puluh ribu tasbih. Ja'far selanjutnya berkata: "Lalu timbul anggapanku bahawa yang dia maksudkan ialah dirinya sendiri."

Begitulah semestinya perniagaan orang yang berniaga untuk mencari rezeki yang mencukupi keperluan dirinya dan bukan untuk bersenang-senang di dunia. Sebab, orang yang mencari dunia untuk memperoleh pertolongan dengan dunia pada akhirat, bagaimanakah dia meninggalkan keuntungan akhirat? Pasar, masjid dan rumah, baginya sama hukumnya. Sesungguhnya keselamatan itu adalah dengan takwa.

Nabi s.a.w. bersabda: “Bertakwalah kepada Allah di mana sahaja kamu berada.” (HR. Tirmizi)

Tugas takwa tidak terputus dari orang-orang yang mengarahkan hidupnya bagi agama, betapa pun keadaan yang ada. Juga, dengan takwalah adanya kehidupan dan penghidupan mereka. Kerana padanya mereka melihat perniagaan dan keuntungan.

Seorang ulama mengatakan: “Barangsiapa yang mencintai akhirat dia adalah orang hidup. Sebaliknya barangsiapa yang mencintai dunia, dia adalah orang keliru. Orang yang dungu, maka dia berpagi dan bersore dalam keadaan terusir. Dan orang yang berakal adalah orang yang meneliti kekurangan dirinya.”

Kelima: Hendaknya tidak terlalu bersemangat pergi ke pasar dan melakukan perniagaan. Dengan kata lain dia adalah orang yang pertama masuk dan orang yang penghabisan keluar dari pasar, dan orang yang pergi mengharungi lautan untuk berniaga. Kedua hal itu makruh.

Seorang ulama mengatakan: “Sesungguhnya orang yang menyeberangi lautan, sesungguhnya dia telah terlalu jauh dalam mencari rezeki.” Di dalam sebuah hadis disebutkan: “Lautan hendaknya tidak diharungi kecuali untuk melaksanakan ibadat haji, atau ibadat umrah atau perang.”[33]

Abdullah bin Amr bin al-Ash r.a. berkata: “Janganlah engkau menjadi orang yang pertama masuk ke pasar dan orang yang penghabisan keluar dari pasar. Kerana di pasarlah syaitan bertelur dan menetas.”

Diriwayatkan dari Mu’adz bin Jabal dan Abdullah bin Umar bahawa Iblis berkata kepada anaknya, Zalanbur: “Pergilah dengan seluruh pasukanmu. Datangilah orang-orang pasar. Hiasilah mereka dengan pembohongan, kegemaran bersumpah,

---

[33] Diriwayatkan oleh Abu Daud dari Abdullah bin Umar. Ada yang berpendapat bahawa hadis ini munqati’ (terputus).

penipuan, tipudaya, dan pengkhianatan. Juga, hendaknya engkau menyertai orang yang pertama masuk dan yang penghabisan keluar dari pasar itu."

Di dalam sebuah hadis disebutkan: "Tempat yang paling buruk adalah pasar, dan penghuni pasar yang paling buruk ialah orang yang pertama masuk di antara mereka dan yang penghabisan keluar daripadanya."

Untuk kesempurnaan penjagaan diri daripadanya ialah dengan menggunakan waktu secukupnya sahaja. Jika waktu yang cukup itu telah terpenuhi, maka tinggalkan pasar itu dan pergilah bekerja dengan perniagaan akhirat. Begitulah yang dilakukan oleh orang-orang soleh terdahulu. Di antara mereka, jika telah memperoleh keuntungan satu daniq (seperenam dirham), dia pun pergi kerana telah merasa cukup dengan keuntungan sebanyak itu.

Hammad bin Salamah menjual sutera dalam keranjang yang diletakkan di hadapannya. Jika dia telah mendapat untung dua biji, maka dia mengangkat keranjangnya dan pergi.

Ibrahim bin Basysyar berkata: "Aku pernah mengatakan kepada Ibrahim bin Ad-ham rahimahullah bahawa aku lewatkan hari ini dengan bekerja mengolah tanah. Lalu Ibrahim menjawab: "Wahai Ibnu Basysyar, sesungguhnya engkau adalah orang yang mencari dan yang dicari. Engkau dicari oleh orang yang tidak engkau hilangkan dari ingatanmu. Dan engkau mencari sesuatu yang telah engkau anggap cukup. Apakah tidak engkau melihat orang tamak yang tidak memperoleh apa-apa dan orang lemah yang mendapat rezeki?"

Aku menjawab: "Sesungguhnya aku mempunyai satu daniq di tukang sayur." Dia pun berkata: Engkau mempunyai satu daniq dan engkau mencari amal?" Di antara mereka ada yang pergi meninggalkan pasar sesudah Zuhur, ada yang sesudah Asar. Dan sebahagian dari mereka ada yang tidak bekerja dalam seminggu, kecuali sehari atau dua hari. Dan, mereka merasa cukup dengan jumlah yang demikian itu.

Keenam: Hendaknya tidak hanya sebatas menjauhi yang haram sahaja. Namun, juga hendaknya dia menjaga diri dari seluruh tempat syubhat dan tempat-tempat yang menimbulkan sangkaan keraguan.

Dan juga tidak memandang fatwa-fatwa, tetapi meminta fatwa pada hati nuraninya sendiri. Maka jika dia mendapatkan penyakit di dalam hatinya, dia pun menghindarinya. Dan jika dibawa kepadanya suatu barang yang membuatnya

merasa ragu terhadap keadaan barang itu, hendaknya dia menanyakannya sehingga mengetahuinya. Kalau tidak, nescaya dia akan memakan yang syubhat.

Suatu hari seseorang menyuguhkan susu kepada Nabi s.a.w. Lalu beliau bertanya: "Dari manakah engkau memperoleh susu ini?" Orang itu menjawab: "Dari kambing." Nabi s.a.w. bertanya lagi: "Dari manakah kamu memperoleh kambing itu?" Orang itu menjawab: "Dari tempat ini." Barulah beliau meminumnya, kemudian bersabda: "*Sesungguhnya kami, para nabi, diperintahkan untuk tidak memakan kecuali yang baik dan tidak berbuat kecuali yang baik.*"[34]

Nabi s.a.w. bersabda: "*Sesungguhnya Allah SWT menyuruh orang-orang beriman dengan apa yang disuruh-Nya terhadap para Rasul-Nya.*" Lalu beliau membaca ayat yang bermaksud: "*Wahai orang-orang yang beriman! makanlah dari benda-benda yang baik (yang halal) yang telah Kami berikan kepada kamu.*" (al-Baqarah: 172) (HR. Muslim)

Kerana itu, Nabi s.a.w. menanyakan tentang asal sesuatu dan sumber asal sesuatu itu, dan beliau tidak lebihkan dari itu. Kerana di balik hal itu tidak mungkin. Dalam Kitab tentang Perkara yang halal dan Haram akan dijelaskan tentang wajibnya pertanyaan ini. Sebab, beliau tidak menanyakan tentang semua benda yang disuguhkan kepada beliau.

Sesungguhnya yang wajib ialah peniaga harus memperhatikan orang yang melakukan urus-niaga dengannya. Sebab setiap orang yang diketahui melakukan tindakan zalim, pengkhianatan, pencurian, atau perbuatan riba, tidak boleh melakukan urus-niaga dengan orang tersebut.

Begitu juga tidak melakukan urus-niaga sama sekali dengan tentera dan orang-orang yang melakukan tindakan zalim. Juga tidak melakukan urus-niaga dengan teman-teman dan para pembantu mereka. Sebab, dengan melakukan urus-niaga dengan mereka, bererti dia telah membantu terjadinya tindakan zalim.

Diceritakan dari seorang lelaki yang ditugaskan membangun tembok untuk suatu benteng pertahanan. Dia menceritakan: Lalu terjadilah dalam hatiku sesuatu dari yang demikian itu, walaupun perbuatan itu termasuk perbuatan yang baik.

[34] Diriwayatkan oleh at-Tabrani dari Ummu Abdullah, saudara perempuan Syaddad bin Aus, dengan sanad dhaif.

Bahkan, sebahagian dari yang fardu dalam Islam, namun penguasa yang berkuasa pada tempat benteng tersebut termasuk orang yang berbuat zalim.

Lelaki itu melanjutkan ceritanya: Lalu aku bertanya kepada Sufyan tentang hal itu. Sufyan menjawab: Janganlah engkau menjadi penolong mereka, baik sedikit atau banyak. Maka aku pun berkata: "Itu adalah benteng di jalan Allah bagi kaum Muslimin." Sufyan berkata: "Ya, benar, namun sekurang-kurangnya yang akan masuk kepadamu ialah kamu ingin keberadaan mereka, agar mereka memberikan upahmu. Maka kamu mencintai keberadaan orang yang berbuat maksiat kepada Allah. Padahal di dalam sebuah hadis disebutkan: *"Barangsiapa yang berdoa untuk keberadaan (keberlangsungan hidup) orang zalim, maka dia telah menyukai perbuatan maksiat kepada Allah di bumi-Nya."*[35]

Di dalam sebuah hadis lain disebutkan: "Sesungguhnya Allah marah jika orang yang fasik dipuji."[36] Dan di dalam sebuah hadis lain disebutkan: "Barangsiapa yang memuliakan orang fasik, sesungguhnya dia menolong untuk meruntuhkan Islam."[37]

Suatu hari Sufyan masuk ke tempat al-Mahdi yang sedang memegang lembaran putih. Lalu al-Mahdi berkata: "Wahai Sufyan, berilah aku dakwat untuk aku buat menulis." Sufyan pun bertanya: "Terangkanlah kepadaku, apakah yang akan engkau tulis. Kalau yang akan engkau tulis itu hal benar, nescaya akan aku berikan kepadamu."

Suatu hari ada seorang penguasa meminta kepada seorang ulama yang dipenjara di tempatnya untuk memberikan tanah liat kepadanya. Sebab, dia akan mencop kitab dengan tanah liat itu. Maka ulama itu menjawab: "Perlihatkanlah lebih dahulu kitab itu kepadaku, sehingga aku boleh melihat isinya."

Begitulah mereka menjaga diri dari memberi bantuan kepada orang-orang yang melakukan tindakan zalim. Berhubungan dengan mereka lebih berat atas seluruh macam bantuan. Oleh kerana itu, semestinya pemberian bantuan dijauhkan oleh orang-orang yang beragama, selama mereka mendapatkan jalan keluar.

---

[35] Ini bukan hadis marfu'. Menurut Ibnu Abu ad-Dunya, ini adalah ucapan al-Hasan.

[36] Diriwayatkan oleh Ibnu Abu ad-Dunya, Ibnu Ady, Abu Ya'la, dan al-Baihaqi dari Anas dengan sanad dhaif.

[37] Saya tidak menemukan hadis dengan ungkapan demikian.

Ringkasnya, semestinya dia membahagi manusia menjadi; orang yang akan dia ajak untuk melakukan urus-niaga, dan orang yang tidak akan dia ajak melakukan urus-niaga. Hendaknya orang yang akan dia ajak melakukan urus-niaga lebih sedikit dari orang yang tidak akan dia ajak melakukan urus-niaga pada masa sekarang ini.

Seorang ulama berkata: "Akan datang suatu masa kepada manusia di mana orang lelaki masuk ke pasar dan bertanya: Siapakah di antara orang-orang di pasar ini yang layak untuk aku ajak melakukan urus-niaga? Lalu orang berkata kepadanya: Lakukanlah urus-niaga itu dengan siapa sahaja yang engkau kehendaki."

Kemudian datang kepada manusia zaman yang lain di mana mereka berkata: "Lakukanlah urus-niaga dengan siapa sahaja yang engkau kehendaki, kecuali si Polan dan si Polan." Lalu datang zaman yang lain lagi, maka dikatakan kepadanya: "Janganlah engkau melakukan urus-niaga dengan seorang pun, selain si Polan dan si Polan."

Dan aku khuatir akan datang zaman di mana keadaan yang demikian itu akan hilang pula. Seolah-olah yang dikhuatirkannya akan terjadi ialah: *innaa lillaahi wa innaa ilaihi raaji'uun* (sesungguhnya kami adalah kepunyaan Allah dan kepada Allah jualah kami kembali.)

Ketujuh: Hendaknya dia mengawasi seluruh transaksinya dengan setiap orang dari orang-orang yang melakukan urus-niaga dengannya. Sebab, sesungguhnya dia orang yang mengawasi dan yang menghitung amal diri. Oleh kerana itu, hendaknya dia menyediakan jawapan bagi hari perhitungan amal dan penyeksaan, dalam setiap perbuatan dan perkataan, mengapakah dia mengerjakannya dan kerana apa?

Diceritakan bahawa pada hari kiamat kelak akan ada seorang peniaga yang diperintahkan untuk berdiri bersama setiap orang yang melakukan jual beli dengannya. Dan setiap orang akan dihisab berdasarkan hisab sebanyak orang yang melakukan urus-niaga dengannya.

Sebahagian di antara mereka berkata: "Aku bermimpi berjumpa dengan seorang peniaga. Lalu aku bertanya kepadanya: "Apakah yang telah diperbuat oleh Allah kepadamu?" Peniaga itu menjawab: "Dibukakan kepadaku lima puluh ribu halaman." Aku bertanya: "Ini semuanya dosa?" Dia berkata: "Ini adalah urus-niaga sebanyak bilangan orang yang engkau melakukan urus-niaga dengannya di dunia. Masing-masing orang mempunyai lembaran tersendiri, di antara engaku dan dia,

dari permulaan urus-niaga dan sampai pada penghabisannya.”

Ini semua didasarkan pada keadilan, keikhlasan, dan kecintaan kepada agama dari amal yang dilakukannya. Jika hal itu hanya dibatasi oleh keadilan sahaja, maka dia termasuk orang yang soleh. Dan jika pada keadilan itu dilengkapi dengan kebajikan, maka dia termasuk orang yang mendekatkan diri kepada Allah.

Dan jika di samping itu dia juga melaksanakan seluruh tugas agama, sebagaimana yang telah disebutkan pada bab kelima, nescaya dia termasuk orang yang shiddiq. Dan hanya Allah sahaja yang lebih mengetahui kebenaran.

Alhamdulillah berkat kurnia Allah, selesai kitab tentang adab berusaha dan mencari penghidupan.

"Makanlah dari benda-benda yang baik lagi halal dan kerjakanlah amal-amal soleh."

(al-Mu'minun: 51)

B A B 14
HALAL DAN HARAM

Segala puji tertentu bagi Allah yang telah menciptakan manusia dari tanah liat (yang senang diubah dan diciptakan semula) dan tanah liat yang kering. Kemudia Dia menyusun bentuknya dalam bentuk yang sebaik-baiknya dan dalam kesederhanaan yang sangat sempurna. Kemudian pada permulaan kejadiannya, Dia memberinya makanan berupa susu yang dibersihkan dari antara hampas makanan dengan darah; yang sedap rasanya, seperti air yang tawar yang segar lagi jernih.

Kemudian Dia memberinya rezeki yang baik-baik untuk menjaganya dari faktor-faktor yang menyebabkan kelemahan. Kemudian Dia mengekang nafsu syahwatnya yang melampaui batas dari pelanggaran dan penganiayaan, dan memaksanya mencari makanan halal yang diwajibkan kepadanya. Dengan menguasai nafsu syahwat, dia pun mengalahkan tentera-tentera syaitan yang sentiasa berusaha menyesatkannya.

Semoga rahmat dan kesejahteraan sentiasa dilimpahkan kepada Nabi Muhammad, pemberi petunjuk dari kesesatan, juga kepada keluarga beliau, sebaik-baik keluarga.

Amma ba'du, Nabi s.a.w. bersabda: "*Mencari rezeki yang halal merupakan kewajipan atas setiap Muslim.*"[38] Hadis ini diriwayatkan oleh Ibnu Mas'ud r.a. Kewajipan ini, jika dibandingkan dengan kewajipan-kewajipan yang lain, merupakan kewajipan yang paling susah difahami oleh akal, dan paling berat

[38] Hadis ini telah disebutkan dalam kitab tentang zakat, tanpa ungkapan "atas setiap muslim." At-Tabrani juga meriwayatkan dari Anas "wajib atas setiap muslim" namun sanadnya dhaif.

dilaksanakan oleh tubuh. Oleh kerana itu, ilmu dan pengamalannya menghilang. Sulitnya memahami ilmunya menjadi sebab hilangnya pengamalan.

Ini kerana orang-orang bodoh menganggap bahawa perkara yang halal telah menghilang, dan jalan untuk sampai kepadanya tertutup. Dan tidak ada lagi yang tersisa dari yang halal lagi baik selain air sungai Eufrat dan rumput-rumput yang tumbuh pada tanah yang tidak diolah.

Sedangkan yang selain dari itu telah dikotori oleh tangan-tangan pelanggar, dan telah dirosakkan oleh urus-niaga-urus-niaga yang tidak sah. Apabila tidak merasa puas dengan rumput, maka tidak ada jalan lain selain berlapang-lapang dalam perkara-perkara yang diharamkan.

Namun mereka menolak posisi penting ini dari agama, dan mereka tidak mengetahui ada pemisahan dan perbezaan di antara harta-harta itu. Betapa jauh hal itu dari kebenaran. Sebab yang halal itu sudah nyata jelas, dan yang haram itu juga sudah nyata jelas, dan di antara keduanya adalah perkara-perkara yang syubhat. Dan, tiga hal ini sentiasa saling berhubungan, bagaimanpun keadaannya.

Manakala mudarat bid'ah ini telah merata pada agama, dan keburukannya telah menyebar di kalangan orang ramai, maka wajib menyingkapkan kerosakannya dengan memberi petunjuk dalam memahami perbezaan antara perkara-perkara yang halal, yang haram, dan syubhat, dengan cara penelitian dan penjelasan yang nyata.

Kami akan menghuraikan hal itu dalam tujuh bahagian:

Bahagian pertama: Keutamaan mencari yang halal, ketercelaan yang haram, dan tingkat-tingkat halal dan haram.

Bahagian kedua: Tingkat-tingkat perkara-perkara yang syubhat, perkembangannya dan perbezaannya dari perkara-perkara yang halal dan haram.

Bahagian ketiga: Tentang pembahasan, pertanyaan, pengabaian, dan tempat-tempat yang disyaki merupakan perkara syubhat pada perkara-perkara yang halal dan haram.

Bahagian keempat: Tentang cara penyelamatan diri orang yang bertaubat dari pelbagai tindakan zalim dalam masalah harta.

Bahagian kelima: Tentang apa yang halal dan haram dari harta hadiah dan pemberian para penguasa.

Bahagian keenam: Tentang bertemu dan bergaul dengan para penguasa.

Bab ketujuh: Tentang pelbagai macam persoalan.

A. Keutamaan perkara yang halal dan ketercelaan yang haram

Allah SWT berfirman:

كُلُوا مِنَ ٱلطَّيِّبَٰتِ وَٱعْمَلُوا۟ صَٰلِحًا

"*Makanlah dari benda-benda yang baik lagi halal dan kerjakanlah amal-amal soleh.*"

(al-Mu'minun: 51)

Allah SWT memerintahkan supaya berusaha mendapatkan makanan yang baik sebelum melakukan suatu amal. Ada yang berpendapat bahawa yang dimaksud ialah perkara yang halal.

Allah SWT berfirman:

وَلَا تَأْكُلُوٓا۟ أَمْوَٰلَكُم بَيْنَكُم بِٱلْبَٰطِلِ

"*Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang-orang lain) di antara kamu dengan jalan yang salah.*"

(al-Baqarah: 188)

Firman Allah SWT:

إِنَّ ٱلَّذِينَ يَأْكُلُونَ أَمْوَٰلَ ٱلْيَتَٰمَىٰ ظُلْمًا إِنَّمَا يَأْكُلُونَ فِى بُطُونِهِمْ نَارًا ۖ وَسَيَصْلَوْنَ سَعِيرًا ﴿١٠﴾

"*Sesungguhnya orang-orang yang memakan harta anak-anak yatim secara zalim, sebenarnya mereka itu hanyalah menelan api ke dalam perut mereka; dan mereka pula akan masuk ke dalam api neraka yang menyala-nyala.*"

(al-Nisa': 10)

Firman Allah:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ وَذَرُوا۟ مَا بَقِىَ مِنَ ٱلرِّبَوٰٓا۟ إِن كُنتُم

"*Wahai orang-orang yang beriman! bertakwalah kamu kepada Allah dan tinggalkanlah (jangan menuntut lagi) saki baki riba (yang masih ada pada orang yang berhutang) itu, jika benar kamu orang- orang yang beriman.*"

(al-Baqarah: 278)

Kemudian Allah SWT berfirman:

فَإِن لَّمْ تَفْعَلُواْ فَأْذَنُواْ بِحَرْبٍ مِّنَ ٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ

"*Oleh itu, kalau kamu tidak juga melakukan (perintah tentang larangan riba itu), maka ketahuilah oleh kamu akan adanya peperangan dari Allah dan Rasul-Nya.*"

(al-Baqarah: 279)

Kemudian Allah SWT berfirman:

وَإِن تُبْتُمْ فَلَكُمْ رُءُوسُ أَمْوَٰلِكُمْ

"*Dan jika kamu bertaubat, maka hak kamu (yang sebenarnya) ialah pokok asal harta kamu.*"

(al-Baqarah: 279)

Kemudian Allah SWT berfirman:

وَمَنْ عَادَ فَأُوْلَٰٓئِكَ أَصْحَٰبُ ٱلنَّارِ ۖ هُمْ فِيهَا خَٰلِدُونَ ٢٧٥

"*Dan sesiapa yang mengulangi lagi (perbuatan mengambil riba itu) maka itulah ahli neraka, mereka kekal di dalamnya.*"

(al-Baqarah: 275)

Pada mulanya, Allah SWT mengatakan pemakan riba akan diperangi oleh Allah, dan pada akhirnya terancam masuk neraka. Ayat-ayat yang berkenaan dengan perkara yang halal dan perkara yang haram tidak terhitung banyaknya. Ibnu Mas'ud r.a. menyebutkan dari Nabi s.a.w. bahawa beliau bersabda: "*Mencari rezeki yang halal merupakan kewajipan atas setiap orang Muslim.*"

Ketika Nabi s.a.w. bersabda: "*Menuntut ilmu adalah kewajipan atas setiap Muslim,*" sebahagian ulama ada yang berpendapat, bahawa maksud ilmu ialah ilmu

tentang perkara yang halal dan perkara yang haram.

Nabi s.a.w. bersabda: "*Barangsiapa yang berusaha mencari harta yang halal untuk keluarganya, maka dia seperti halnya orang yang berjuang di jalan Allah. Dan barangsiapa yang mencari dunia yang halal dalam usaha menjaga diri dari perkara yang haram, nescaya dia berada pada darjat orang-orang yang mati syahid.*"[39]

Nabi s.a.w. bersabda: "*Barangsiapa yang memakan makanan yang halal selama empat puluh hari, nescaya Allah menerangi hatinya, dan mengalirkan mata air kebijaksanaan dari hatinya melalui lidahnya.*"[40] Di dalam suatu riwayat disebutkan bahawa "*nescaya Allah menjadikannya orang yang zuhud di dunia*."

Diriwayatkan bahawa Sa'ad memohon kepada Nabi s.a.w. agar beliau memohon kepada Allah SWT, semoga doanya diterima. Lalu beliau bersabda: "*Baguskan makananmu, nescaya doamu diterima.*"[41]

Ketika Nabi s.a.w. mengemukakan tentang orang yang tamak terhadap dunia, beliau bersabda: "Betapa sering ada orang-orang yang berpakaian lusuh, berdebu, mengembara dalam perjalanan jauh, tetapi makanannya haram, pakaiannya haram, dan selalu makan perkara yang haram, kemudian dia mengangkat kedua tangannya seraya berdoa: "Wahai Tuhanku, wahai Tuhanku." Bagaimanakah doanya akan diterima dengan perkara-perkara yang demikian itu." (HR. Muslim)

Ibnu Abbas meriwayatkan dari Nabi s.a.w., beliau bersabda: "Sesungguhnya Allah mempunyai malaikat di Baitul Maqdis yang setiap malam berseru: Barangsiapa memakan yang haram, nescaya tidak diterima daripadanya amal-amal yang sunat dan yang fardu."[42]

Nabi s.a.w. bersabda: "*Barangsiapa yang membeli kain seharga sepuluh dirham, dan di antara wang itu ada satu dirham yang haram, maka Allah tidak*

---

[39] Diriwayatkan oleh at-Tabrani dari Abu Hurairah dengan sanad dhaif.

[40] Diriwayatkan oleh Abu Nu'aim dari Abu Ayyub. Ibnu Ady juga meriwayatkan hadis semisalnya dari Abu Musa, dan dia mengatakan hadis ini munkar.

[41] Diriwayatkan oleh at-Tabrani dari Ibnu Abbas. Di antara para perawinya ada yang tidak dikenal.

[42] Saya tidak menemukan asal usul hadis ini.

akan menerima solatnya selama kain itu masih ada padanya."[43]

Nabi s.a.w. bersabda:

كُلُّ لَحْمٍ نَبَتَ مِنْ حَرَامٍ فَالنَّارُ أَوْلَى بِهِ

"Setiap daging yang tumbuh dari perkara yang haram, maka api nerakalah yang paling layak dengannya."[44]

Nabi s.a.w. bersabda: "*Barangsiapa yang tidak menghiraukan dari mana dia memperoleh hartanya, nescaya Allah tidak akan menghiraukan dari mana dia dimasukkan ke dalam neraka.*"[45]

Nabi s.a.w. bersabda: "*Ibadat itu terdiri dari sepuluh bahagian, sembilan bahagian di antaranya adalah dalam usaha mencari yang halal.*"[46]

Nabi s.a.w. bersabda: "*Barangsiapa yang memperoleh harta dari perbuatan yang berdosa, lalu dia menggunakan wang itu untuk menyambung silaturahmi, atau bersedekah dengan wang itu, atau membelanjakannya di jalan Allah, nescaya Allah mengumpulkan semua harta itu, kemudian membuangnya ke dalam neraka.*"[47]

Nabi s.a.w. bersabda: "*Agama kamu yang terbaik ialah sikap wara'.*"[48]

Nabi s.a.w. bersabda: "*Barangsiapa yang menjumpai Allah dengan sikap wara', nescaya Allah memberinya seluruh pahala Islam.*"[49]

Diriwayatkan bahawa Allah SWT berfirman dalam sebahagian kitabkitab-Nya: "Adapun tentang orang-orang yang menjaga diri dari perkara yang haram (wara'), maka Aku malu menghisab amal mereka."

---

[43] Diriwayatkan oleh Ahmad dari Ibnu Umar dengan sanad dhaif.

[44] Diriwayatkan oleh Tirmizi dari Ka'ab bin Ujrah. Menurut Tirmizi, hadis ini hasan.

[45] Diriwayatkan oleh Abu Manshur ad-Dailami dari Ibnu Umar. Menurut Ibnu al-Arabi, hadis ini batil.

[46] Diriwayatkan oleh Abu Manshur ad-Dailami dari Anas. Hadis ini munkar.

[47] Diriwayatkan oleh Abu Daud dari al-Qasim bin Mukhaimarah secara mursal.

[48] Tentang hadis ini telah disebutkan dalam bab tentang ilmu.

[49] Saya tidak menemukan asal usul hadis ini.

Perumpamaan makanan dalam agama adalah bagaikan asas bangunan. Jika asas itu kuat, nescaya bangunan itu boleh lurus dan tinggi. Sedangkan jika asas itu lemah, nescaya runtuh dan robohlah bangunan itu.

Allah SWT berfirman:

أَفَمَنْ أَسَّسَ بُنْيَـٰنَهُۥ عَلَىٰ تَقْوَىٰ مِنَ ٱللَّهِ وَرِضْوَٰنٍ خَيْرٌ أَم مَّنْ أَسَّسَ بُنْيَـٰنَهُۥ عَلَىٰ شَفَا جُرُفٍ هَارٍ فَٱنْهَارَ بِهِۦ فِى نَارِ جَهَنَّمَ ۗ وَٱللَّهُ لَا يَهْدِى ٱلْقَوْمَ ٱلظَّـٰلِمِينَ ﴿١٠٩﴾

"*Maka adakah orang yang membangunkan masjid yang didirikannya di atas dasar takwa kepada Allah dan (untuk mencari) keredaan Allah itu lebih baik, ataukah orang yang membangunkan masjid yang didirikannya di tepi jurang yang (hampir) runtuh, lalu runtuhlah dia dengan yang membangunkannya ke dalam api neraka? Dan (ingatlah) Allah tidak akan memberi hidayah petunjuk kepada orang-orang yang zalim.*"

(al-Taubah: 109)

Di dalam sebuah hadis disebutkan:

مَنِ اكْتَسَبَ مَالاً مِنْ حَرَامٍ فَإِنْ تَصَدَّقَ بِهِ لَمْ يُقْبَلْ مِنْهُ، وَإِنْ تَرَكَهُ وَرَاءَهُ كَانَ زَادَهُ إِلَى النَّارِ

"Barangsiapa yang memperoleh suatu harta dari yang haram, maka jika dia bersedekah dengan harta itu, nescaya sedekahnya tidak akan diterima. Dan jika dia membiarkannya di belakangnya, nescaya harta itu akan menjadi bekalnya menuju neraka."[50]

Di dalam kitab tentang adab berusaha, kami telah mengemukakan sejumlah hadis yang menjelaskan tentang keutamaan usaha mencari yang halal. Adapun dalil dari athar, antara lain:

Diriwayatkan bahawa suatu hari Abu Bakar as-Shiddiq meminum susu dari hasil usaha hamba sahayanya. Kemudian beliau bertanya kepada si hamba dari

[50] Diriwayatkan oleh Ahmad dari Ibnu Mas'ud dengan sanad dhaif.

mana dia memperoleh susu tersebut. si hamba menjawab: "Aku meramal suatu kaum, lalu mereka memberikan susu itu kepadaku."

Mendengar jawapan si hamba tersebut, Abu Bakar lalu memasukkan jari-jarinya ke dalam mulutnya sampai muntah. Sehingga si hamba menyangka bahawa nyawanya akan keluar. Kemudian Abu Bakar as-Shiddiq berdoa: "Ya Tuhanku, sesungguhnya aku memohon maaf kepada-Mu dari perkara-perkara yang dibawa oleh urat-urat dan yang bercampur di dalam usus."[51]

Di dalam sebuah hadis lain diriwayatkan bahawa kemudian Nabi s.a.w. diberitahu tentang kejadian tersebut. Beliau pun bersabda: "Apakah kamu tidak mengetahui bahawa tidak akan masuk ke dalam perut Abu Bakar as-Shiddiq selain perkara-perkara yang baik?"

Begitu juga Umar r.a. Suatu hari dia meminum susu dari susu unta zakat kerana keliru. Maka dia pun memasukkan anak jarinya ke mulutnya sampai dia muntah.

Aisyah r.a. berkata: "Sesungguhnya kamu melupakan ibadat yang paling utama, iaitu sikap wara'."

Abdullah bin Umar r.a. berkata: "Jika kamu mengerjakan solat sampai kamu bagaikan busur melengkung, dan kamu berpuasa sehingga kamu bagaikan tali busur, nescaya semua ibadat kamu itu tidak akan diterima melainkan dengan sikap wara' yang dapat melindungi."

Al-Fudhail berkata: "Barangsiapa yang mengetahui apa yang masuk ke dalam perutnya, nescaya dia dicatat oleh Allah sebagai orang yang shiddiq. Oleh kerana itu perhatikanlah makanan engkau ketika makan pagi, wahai orang-orang yang putut dikasihani."

Suatu hari ada orang yang bertanya kepada Ibrahim bin Ad-ham rahimahullah: "Mengapakah engkau tidak minum air zamzam?" Ibrahim bin Adham menjawab: "Jika aku mempunyai timba, nescaya aku minum daripadanya."

Sufyan ath-Thauri r.a. berkata: "Barangsiapa yang membelanjakan suatu bahagian tertentu dari perkara yang haram dalam mematuhi Allah, dia bagaikan

---

[51] Diriwayatkan oleh Bukhari dari Aisyah.

orang yang mencuci kain yang bernajis dengan air kencing. Padahal, kain yang bernajis itu tidak dapat disucikan selain dengan air (bersih). Dan, dosa tidak akan dapat dihapus selain oleh perkara yang halal."

Yahya bin Mu'adz berkata: "Ketaatan adalah suatu khazanah dari khazanah-khazanah Allah. Sedangkan kuncinya ialah doa, dan gigi doa itu ialah suap-suap makanan yang halal."

Ibnu Abbas r.a. berkata: "Allah tidak menerima solat seseorang yang di dalam perutnya ada perkara yang haram."

Sahl at-Tusturi berkata: "Seseorang tidak akan sampai pada hakikat iman sebelum ada padanya empat perkara: Melaksanakan ibadat yang fardu dan ibadat yang sunat, memakan perkara yang halal dengan sikap wara', menjauhkan perkara yang dilarang dari lahir dan batin, dan bersabar dalam menghadapi yang demikian itu sampai mati."

Dan dia juga berkata: "Barangsiapa yang berharap boleh meraih kasyaf (tersingkapnya hijab) dengan tandatanda orang shiddiq, maka hendaknya dia sentiasa memakan yang halal, dan jangan melakukan amal selain pada yang sunnah atau pada yang perlu."

Seorang ulama mengatakan: "Barangsiapa yang memakan makanan yang syubhat selama empat puluh hari, nescaya hatinya menjadi kelam. Ini adalah penafsiran firman Allah SWT:

كَلَّاۖ بَلۡۜ رَانَ عَلَىٰ قُلُوبِهِم مَّا كَانُواْ يَكۡسِبُونَ ١٤

"*Sebenarnya! (ayat-ayat Kami itu tidak ada cacatnya) bahkan mata hati mereka telah diselaputi kekotoran (dosa), dengan sebab (perbuatan kufur dan maksiat) yang mereka kerjakan.*"

(al-Mutaffifin: 14)

Sahl r.a. berkata: "Barangsiapa memakan makanan yang haram, maka derhakalah seluruh anggota tubuhnya, dia mahu atau dia tidak mahu, dia tahu atau dia tidak tahu. Dan barangsiapa yang memakan makanan yang halal, nescaya dia ditaati oleh segala anggota tubuhnya dan diberi petunjuk kepada kebajikan."

Seorang ulama salaf berkata: "Sesungguhnya suapan pertama dari makanan halal yang dimakan oleh seseorang, maka diampuni seluruh dosa-dosanya yang

telah lalu. Dan barangsiapa menegakkan dirinya pada tempat kehinaan dalam mencari perkara yang halal, nescaya berjatuhanlah segala dosanya daripadanya bagaikan daun kayu kering yang berjatuhan."

Diriwayatkan pada beberapa athar orang-orang terdahulu bahawa ada seorang juru nasihat jika dia duduk di hadapan orang ramai, dia selalu berkata: "Perhatikanlah pada diri ulama itu tiga perkara: Jika dia berkeyakinan dengan suatu bid'ah, maka janganlah duduk bersama dia, sebab dia bercakap dari lidah syaitan.

"Jika dia menikmati makanan yang buruk, maka dia bercakap menuruti hawa nafsunya. Dan jika dia tidak memiliki akal yang kuat, nescaya perkataannya lebih banyak merosakkan daripada memperbaiki. Maka janganlah kamu duduk bersama dia."

Diriwayatkan bahawa suatu hari seseorang yang terkenal soleh menyuguhkan makanan kepada seorang badal (wali), tetapi badal itu tidak mahu memakannya. Maka orang soleh itu menanyakan kepada badal itu tentang sikapnya tersebut.

Kemudian badal itu menjawab: "Kami tidak akan memakan melainkan makanan yang halal. Oleh kerana itulah hati kami menjadi lurus, keadaan kami sentiasa baik, kami memperoleh kasyaf akan alam malakut, dan kami menyaksikan akhirat. Seandainya kami memakan dari apa yang anda makan selama tiga hari, nescaya kami tidak kembali pada suatu dari ilmu yakin, dan nescaya hilang perasaan takut kepada Allah dan penyaksian kepada-Nya dari hati kami."

Mendengar jawapan itu, seseorang bertanya kepada badal tersebut: "Sesungguhnya aku berpuasa sepanjang masa dan mengkhatamkan Al-Quran pada setiap bulan tiga puluh kali." Badal berkata kepadanya: "Minuman yang engkau lihat ini, yang aku minum semalam, lebih aku sukai daripada amalmu tiga puluh kali mengkhatamkan Al-Quran dalam tiga ratus rakaat." Minuman badal itu ialah susu kijang liar.

Antara Ahmad bin Hanbal dan Yahya bin Mu'in telah terjalin persahabatan yang sudah lama. Namun, kemudian Ahmad bin Hanbal tidak bercakap-cakap lagi dengan Yahya bin Mu'in ketika dia mendengar Yahya mengatakan: "Aku tidak akan meminta apa pun kepada seseorang. Namun, seandainya aku diberi sesuatu oleh syaitan, nescaya aku akan memakannya."

Sikap Ahmad bin Hanbal yang demikian itu berlangsung sampai Yahya meminta maaf dan berkata: "Aku hanya bermain-main sahaja." Ahmad bin Hanbal berkata: "Engkau bermain-main dengan agama? Apakah engkau tidak tahu bahawa makanan adalah sebahagian dari agama yang lebih didahulukan oleh Allah dari amal soleh?" Lalu Ahmad bin Hanbal membaca firman Allah SWT:

كُلُوا مِنَ ٱلطَّيِّبَٰتِ وَٱعۡمَلُواْ صَٰلِحًا

"*Makanlah dari benda-benda yang baik lagi halal dan kerjakanlah amal-amal soleh.*"

(al-Mu'minun: 51)

Dalam suatu khabar bahawa di dalam Taurat tertulis: "Barangsiapa yang tidak mempedulikan dari mana makanannya, nescaya Allah tidak akan mempedulikannya dari pintu neraka mana dia dimasukkan."

Diriwayatkan dari Ali r.a. bahawa dia tidak memakan suatu makanan setelah terbunuh Usman r.a. dan rumahnya menjadi rampasan, selain makanan yang telah dicop. Ini kerana dia takut dari makanan yang syubhat.

1. Macam-macam perkara yang halal

Ketahuilah bahawa yang bertugas menghuraikan masalah perkara-perkara yang halal dan yang haram secara panjang lebar ialah kitab fikah. Seorang murid sudah cukup baginya tanpa membahasnya secara panjang lebar, dengan memiliki makanan tertentu yang diketahuinya halal berdasarkan fatwa dan dia tidak memakan makanan-makanan yang lain dari makanan tersebut.

Sementara orang yang tidak membatasi diri dalam memakan aneka macam makanan, maka dia memerlukan ilmu tentang yang halal dan yang haram seluruhnya, sebagaimana yang telah kami kemukakan secara panjang lebar dalam kitab fikah.

Berikut ini kami akan menghuraikannya secara ringkas dalam bentuk pembahagian, iaitu ada kalanya harta itu haram kerana suatu pengertian pada bendanya atau kerana ada cela dan cacat dalam mengusahakannya.

Bahagian pertama: Haram kerana suatu sifat pada bendanya, seperti minuman keras, babi, dan lain-lain. Jelasnya, segala sesuatu yang dimakan di atas permukaan bumi ini tidak lebih dari tiga bahagian. Yakni ada kalanya hal itu berupa

benda tambang, seperti garam, tanah, dan lain-lain. Atau berupa tumbuh-tumbuhan, atau berupa haiwan.

Adapun benda-benda tambang, iaitu bahagian-bahagian dari bumi dan semua yang keluar daripadanya. Semua benda itu tidak haram dimakan, kecuali ia menimbulkan bahaya terhadap orang yang memakannya. Sebahagian daripadanya ada berkedudukan seperti halnya kedudukan racun. Roti, kalau menimbulkan bahaya, nescaya haram memakannya.

Demikian pula tanah liat tidak diharamkan kecuali jika membahayakan. Maksudnya bahawa tanah liat itu tidak haram, meskipun ia tidak dimakan. Jika seandainya sedikit tanah liat itu jatuh ke dalam sayur atau makanan yang cair, maka makanan tersebut tidak menjadi haram.

Tentang tumbuh-tumbuhan, maka tidak diharamkan kecuali tumbuhan yang menghilangkan akal, nyawa, atau kesihatan. Yang menghilangkan akal ialah ubat bius, minuman keras, dan perkara-perkara lain yang memabukkan. Yang menghilangkan nyawa ialah racun. Sedangkan yang menghilangkan kesihatan ialah ubat-ubat pada bukan waktunya.

Jadi, seakan semua benda yang diharamkan ini kerana bahaya yang ditimbulkannya. Kecuali minuman keras dan barang-barang yang memabukkan, kerana meskipun sedikit dan tidak memabukkan, ia tetap haram lantaran bendanya dan sifatnya, iaitu gangguan berat yang ditimbulkannya. Adapun racun, jika ia tidak menimbulkan bahaya, kerana kadarnya yang sedikit atau kerana bercampur dengan zat yang lain, maka tidak diharamkan.

Sedangkan tentang haiwan, maka terbahagi menjadi yang boleh dimakan dan yang tidak boleh dimakan. Huraian tentang ini disebutkan di dalam Bab Makanan. Tinjauan mengenainya disebutkan secara terperinci, terutama tentang burung-burung yang aneh dan pelbagai binatang darat dan laut.

Haiwan yang halal dimakan, ia baru halal setelah disembelih menurut sembelihan agama Islam, dengan menjaga syarat-syarat: orang yang menyembelih, alat yang digunakan untuk menyembelih, dan tempat penyembelihan. Semua itu disebutkan di dalam Kitab tentang Perburuan dan Penyembelihan. Sedangkan yang tidak disembelih menurut penyembelihan agama Islam, atau haiwan itu mati, maka haiwan itu tidak boleh dimakan.

Bangkai haiwan itu haram dimakan melainkan dua bangkai, iaitu ikan dan belalang. Yang semakna dengan keduanya ialah makanan yang berubah, seperti ulat buah apel, cuka dan keju, kerana menjaga daripadanya tidak mungkin.

Jika ulat apel tersebut dipisahkan dan dimakan, maka dalam hal ini hukumnya seperti hukum lalat, kumbang, kalajengking, dan setiap haiwan yang tidak mempunyai darah yang mengalir. Tidak ada alasan untuk mengharamkannya kecuali kerana menjijikkan. Jika perkara yang menjijikkan itu tidak ada, maka tidak dimakruhkan.

Jika ada orang yang tidak jijik terhadap makanan yang demikian itu hendaknya kita tidak memperhatikan keperibadiannya yang khusus. Sebab, hal itu berkenaan dengan perkara-perkara yang keji lantaran keumuman kejadian hal itu, sehingga dimakruhkan memakannya.

Ini seperti halnya jika air ingus dikumpulkan dan diminum, yang demikian itu dimakruhkan. Kemakruhan tersebut bukan kerana kenajisannya, sebab menurut yang kuat, haiwan-haiwan itu tidak bernajis dengan matinya haiwan-haiwan itu. Ini kerana Rasulullah s.a.w. menyuruh membenamkan lalat ke dalam makanan jika lalat itu jatuh ke dalamnya.

Kadangkala makanan itu panas dan menjadi sebab kematian lalat tersebut. Jika ada semut atau lalat yang terjatuh ke dalam periuk, maka tidak wajib menumpahkan isi periuk itu. Sebab, yang menjijikkan ialah tubuhnya, jika tubuhnya masih ada. Padahal, tubuh haiwan tersebut tidak bernajis, sehingga makanan diharamkan kerana terkena najis. Ini menunjukkan pengharamannya kerana menjijikkan.

Oleh kerana itulah kami mengatakan: "Jika satu bahagian manusia yang telah meninggal terjatuh ke dalam periuk, walaupun hanya seberat daniq, semua makanan yang ada dalam periuk itu menjadi haram. Bukan kerana manusia itu najis, sebab menurut yang shahih bahawa manusia tidak menjadi najis dengan kematiannya. Namun, kerana memakannya diharamkan lantaran penghormatan, tidak kerana menjijikkan."

Adapun haiwan yang halal dimakan, jika disembelih menurut syaratsyarat agama, maka tidak seluruh bahagian tubuhnya menjadi halal. Beberapa bahagian tubuhnya, seperti darah, tahi, dan semua yang dihukumi najis, diharamkan. Bahkan, mengambil najis itu adalah haram secara mutlak. Namun, tidaklah pada benda-benda itu sesuatu yang diharamkan itu najis kecuali pada haiwan.

Adapun tentang tumbuh-tumbuhan adalah yang memabukkan sahaja, seperti tumbuhan yang dapat dijadikan membius. Sedangkan tumbuh-tumbuhan yang tidak menghilangkan akal dan tidak memabukkan, tidak najis. Kenajisan tumbuhtumbuhan yang memabukkan dimaksudkan untuk menguatkan pencegahan daripadanya.

Apabila terjatuh setitis najis atau sebahagian najis yang beku ke dalam sayur atau makanan atau minyak, maka semuanya haram dimakan. Dan tidak diharamkan mengambil manfaat daripadanya untuk yang bukan dimakan. Dengan demikian, boleh menyalakan lampu dengan minyak bernajis, demikian pula mencat kapal, haiwan-haiwan dan selainnya.

Inilah kumpulan perkara-perkara yang diharamkan kerana suatu sifat pada benda itu sendiri.

Bahagian kedua: Haram kerana cacat dari cara mengusahakannya.

Pada bahagian kedua ini pandangan melebar. Maka kami katakan bahawa suatu harta ada kalanya didapatkan dengan usaha si pemilik atau ada kalanya tanpa usahanya. Yang tidak dengan usahanya sendiri seperti harta warisan. Sedangkan yang dengan usahanya sendiri ada kalanya tidak dari seseorang pemilik seperti memperoleh barang tambang, dan ada kalanya dari seseorang pemilik.

Harta yang diperoleh dari seseorang pemilik ada kalanya diambil secara paksaan atau secara sukarela. Yang diambil secara paksaan ada kalanya kerana gugurnya perlindungan si pemilik, seperti harta rampasan peperangan, atau kerana ada kewajipan diambil dari mereka, seperti zakat orang-orang yang tidak mahu membayar zakat, dan nafkah-nafkah yang wajib mereka keluarkan.

Harta yang diambil dengan sukarela ada kalanya diambil dengan '*iwadh* (ada barang sebagai gantinya), seperti jual beli, mahar, upah. Dan ada kalanya diambil tanpa *'iwadh,* seperti hibah dan wasiat.

Dari huraian di atas, dapat disimpulkan menjadi enam bahagian:

Pertama: Harta yang diperoleh bukan dari milik seseorang. Misalnya mendapatkan barang tambang, menghidupkan tanah mati, berburu, mengambil kayu bakar di hutan, mengambil air dari sungai, dan mengambil rumput. Semua harta ini halal dengan syarat harta yang diambil itu bukan milik seseorang. Jika

harta itu bukan milik orang lain, maka harta itu menjadi milik pengambilnya. Huraian tentang ini disebutkan dalam bab menghidupkan tanah mati.

Kedua: Harta yang diambil secara paksa dari orang yang tidak dihormati lagi hak miliknya, iaitu harta fai', ghanimah, dan hartaharta lainnya dari orang-orang kafir dan orang-orang yang memerangi kaum Muslimin. Yang demikian itu halal bagi kaum Muslimin, jika mereka mengeluarkan daripadanya seperlima dan membagikannya di antara orang-orang yang berhak secara adil.

Dan mereka tidak mengambil harta tersebut dari orang kafir yang harus dihormati haknya, dijamin keamanannya, dan telah mempunyai ikatan perjanjian damai dengan kaum Muslimin. Huraian tentang syaratsyarat ini disebutkan di dalam Bab Harta Fa'i dan Ghanimah dan tentang Jizyah.

Ketiga: Harta yang diambil paksa secara benar ketika yang berkewajipan menolak membayarnya. Maka hartanya pun diambil alih tanpa persetujuannya. Yang demikian itu halal jika landasannya untuk mengambil tersebut telah terpenuhi dan dengan terpenuhinya landasan tersebut orang yang mengambilnya memang berhak mengambilnya.

Pengambilan itu sendiri terbatas oleh orangorang yang mempunyai kekuasaan untuk melaksanakannya, iaitu hakim atau penguasa atau orang yang berhak itu sendiri. Huraian tentang hal ini disebutkan di dalam Bab Pembahagian Sedekah (Zakat), Wakaf dan Nafkah. Kerana di dalam kitab-kitab tersebut disebutkan tentang tinjauan tentang orang-orang yang berhak menerima zakat, wakaf, nafkah, dan hak-hak yang lainnya. Maka, jika seluruh syaratnya telah terpenuhi, nescaya harta yang diambil tersebut halal.

Keempat: Harta yang diambil dengan persetujuan dan dengan memberikan ganti (*'iwadh*). Yang demikian itu halal apabila syarat kedua barang yang dipertukarkan dipenuhi. Di samping itu juga memenuhi syarat bagi kedua orang yang melakukan akad dan syarat dari kedua ucapan urus-niaga, yakni ijab dan qabul, dan apa yang ditetapkan oleh agama tentang menjauhkan segala syarat yang merosakkan akad.

Penjelasan tentang hal ini disebutkan dalam Bab jual beli, salam, ijarah, hiwalah, dhaman, qiradh, syirkah, masyaqat, syuf'ah, shulhu, khulu', kitabah, shidaq, dan seluruh urus-niaga yang mengharuskan adanya *'iwadh*.

Kelima: Harta yang diambil dengan secara sukarela tanpa pengganti. Hal itu halal jika memenuhi syarat benda yang diakadkan, syarat kedua orang yang melakukan akad, dan syarat akad, di samping tidak menimbulkan bahaya terhadap ahli warisnya atau orang lain. Yang demikian itu disebutkan pada Bab Hibah, Wasiat dan Sedekah.

Keenam: Harta dari hasil tanpa usaha, seperti harta warisan. Hal itu halal jika yang meninggalkan warisan itu mendapatkan hartanya dari sebahagian harta yang lima sebelumnya yang diusahakan dengan cara yang halal. Kemudian, warisan itu diambil sesudah hutang-hutang dibayar, segala wasiat ditunaikan, dibagi secara adil di antara seluruh ahli waris, zakat ditunaikan, dan ibadat haji dan kafarat dilaksanakan. Ini jika semua perkara yang disebutkan itu wajib. Dan ini disebutkan dalam Bab Wasiat dan Harta Warisan.

Inilah kumpulan jalan masuknya perkara yang halal dan yang haram. Semua ini kami kemukakan untuk diketahui oleh seseorang murid bahawa jika makanannya datang dari beragam jalan, tidak dari satu jalan tertentu sahaja, maka seharusnya dia tidak mencukupkan tanpa mengetahui segala keadaan dan perkara yang telah disebutkan di atas. Maka setiap apa yang dimakannya, dari salah satu dari jalan-jalan tersebut, semestinya dia meminta fatwa kepada para ahli ilmu dan tidak terus melangkah maju dengan kebodohan.

Seperti halnya kepada seorang ahli ilmu dikatakan: “Mengapakah engkau menyalahi ilmumu?” Dan kepada orang yang tidak berilmu pun dikatakan: “Mengapakah engkau tetap bertahan dengan kebodohan dan engkau tidak mahu belajar, padahal telah dikatakan kepadamu: “Menuntut ilmu wajib ke atas setiap muslim?”

2. Tingkatan-tingkatan halal dan haram

Ketahuilah bahawa yang haram itu semuanya keji. Namun, sebahagian di antaranya ada yang lebih keji dari yang lain. Sebaliknya yang halal itu semuanya baik. Namun, sebahagian di antaranya ada yang lebih baik dari yang lain, dan lebih bersih dari yang lain.

Seperti halnya doktor menetapkan setiap yang manis dengan suhu panas, tetapi dia mengatakan bahawa sebahagian di antaranya adalah panas pada level pertama seperti gula, yang lainnya panas pada level kedua seperti al-fanidz, yang lainnya panas pada level ketiga seperti sirap, dan yang lainnya panas pada level

keempat seperti madu.

Begitu juga perkara yang haram. Sebahagian di antaranya keji pada level pertama dan sebahagian di antaranya pada level kedua, atau ketiga, atau keempat. Demikian pula perkara yang halal, sifat dan kebaikannya juga beragam.

Oleh kerana itu hendaknya kita mengikuti para ahli perubatan tentang istilah keempat level tersebut, meskipun dalam pembuktiannya tidak mengharuskan sebatas ini sahaja. Sebab, pada masing-masing level berlaku perbezaan level yang tidak terhingga. Tidak menghairankan jika sebahagian gula lebih panas dari gula lain. Begitu juga yang lainnya.

Oleh kerana itu pula kami mengatakan bahawa wara' (menjaga diri hari perkara yang haram) terbahagi menjadi empat tingkatan:

Pertama: Wara' orang-orang yang adil. Iaitu menjaga diri dari perkara yang membuatnya fasik dengan mengikutinya dan sifat adil menjadi hilang kerana melakukannya. Di samping itu pengertian maksiat pun melekat padanya dan menyebabkan dirinya terancam masuk neraka. Dengan kata lain tindakan menjaga diri dari setiap yang diharamkan oleh fatwa para ulama fikah.

Kedua: Wara' orang-orang yang soleh. Iaitu tindakan menjaga diri dari segala yang mengarahkan diri pada kemungkinan perkara yang diharamkan. Namun, oleh mufti hal itu diperkenankan untuk dilakukan berdasarkan pada keadaan yang bersifat lahiriah. Yang demikian itu termasuk sebahagian di antara tempat terjadinya perkara syubhat pada umumnya. Marilah kita namakan tindakan menjaga diri tersebut dengan sebutan wara' orang-orang soleh, dan dia berada pada tingkat kedua:

Ketiga: Wara' orang-orang bertakwa. Iaitu tindakan menjaga diri dari apa yang tidak diharamkan oleh fatwa dan tidak syubhat tentang kehalalannya. Namun, hal itu dikhuatirkan akan menghantarkan pada perkara yang diharamkan. Dengan kata lain, tindakan meninggalkan sesuatu yang tidak mengapa dikerjakan, kerana khuatir terhadap ada apa-apanya jika dikerjakan.

Nabi s.a.w. bersabda:

لاَ يَبْلُغُ الْعَبْدُ دَرَجَةَ الْمُتَّقِينَ حَتَّى يَدَعَ مَا لاَ بَأْسَ بِهِ مَخَافَةَ مَا بِهِ بَأْسٌ

"*Seseorang tidak akan sampai pada tingkat orang-orang yang bertakwa sehingga dia meninggalkan apa yang tidak mengapa dilakukan, kerana*

khuatir dari ada apa-apanya jika dilakukan." (HR. Ibnu Majah)

Keempat: Wara' orang-orang shiddiq. Perkara-perkara yang tidak mengapa sama sekali jika dilakukan dan tidak ditakutkan akan menghantarkan kepada sesuatu yang ada apa-apanya. Namun, hal itu dilakukan untuk selain Allah dan tidak berdasarkan niat takwa dalam beribadat kepada Allah. Atau mengarahkan pada sebab-sebab yang memudahkan baginya melakukan tindakan yang makruh atau maksiat.

Inilah tingkat-tingkatan perkara-perkara yang halal secara umum dan nanti akan kami huraikan secara terperinci dengan pelbagai contoh dan bukti.

Tentang perkara haram yang telah kami kemukakan pada tingkat pertama, iaitu perkara yang diharuskan menjaga diri daripadanya pada sifat keadilan dan menghilangkan tanda kefasikan, hal itu juga terdiri dari beberapa tingkatan tentang segi kekejiannya.

Oleh kerana itu barang yang diambil dengan akad batal, misalnya jual beli mu'athah (jual beli tanpa menyebut lafaz ijab qabul) pada barang yang tidak dibolehkan padanya mu'athah, adalah haram. Namun, hal itu tidak berada pada tingkat perkara yang dirampas dengan pemaksaan. Bahkan yang dirampas itu lebih berat lagi, kerana hal itu meninggalkan jalan agama dalam berusaha, dan menyakiti orang lain.

Dan, pada jual beli mu'athah itu tidak ada perkara yang menyakitkan orang lain, hanya padanya meninggalkan jalan ibadat sahaja. Kemudian, meninggalkan jalan ibadat dengan cara mu'athah lebih mudah daripada meninggalkannya dengan perbuatan riba.

Perbezaan tersebut diketahui dengan jelas pada agama, peringatannya dan peneguhannya pada sebahagian dari pelbagai larangan seperti akan disebutkan nanti dalam Bab Taubat, dalam huraian tentang perbezaan dosa besar dan dosa kecil. Bahkan apa yang diambil secara zalim dari orang miskin, orang soleh, atau anak yatim lebih keji dan lebih besar akibatnya daripada apa yang diambil dari orang yang kuat, orang kaya, atau orang fasik. Ini kerana tindakan yang menyakitkan berbeza sesuai dengan tingkat orang yang disakitinya.

Inilah huraian tentang perkara-perkara keji yang mesti dihindarkan. Maka jika bukan kerana perbezaan tingkat orang-orang yang derhaka kepada Allah,

nescaya lapisan neraka pun tidak akan berbeza-beza. Jika tempat-tempat yang membangkitkan kesangatan telah diketahui, maka hal tersebut tidak perlu dibatasi menjadi tiga atau empat tingkatan. Sebab, yang demikian itu bagaikan usaha mencari-cari keputusan dan memenuhi keinginan. Iaitu mencari batasan tentang sesuatu yang tidak terhingga.

Perbezaan tingkatan haram tentang perkara yang keji akan disebutkan pada huraian tentang pertentangan perkara-perkara yang dilarang, dan menguatkan sebahagiannya atas sebahagian yang lain, sehingga jika terpaksa memakan bangkai, atau memakan makanan orang lain, atau memakan buruan Tanah Haram. Maka, kami akan mendahulukan sebahagian dari hal tersebut dari sebahagian yang lain.

3. Contoh tingkatan wara' yang empat dan bukti-buktinya

Peringkat pertama: Wara' orang-orang yang adil. Maka setiap apa yang diharamkan oleh fatwa para ulama termasuk dalam keenam tempat masuk perkara-perkara yang haram yang telah kami kemukakan sebelumnya, kerana tiadanya salah satu dari syaratsyaratnya. Maka hal itu adalah haram mutlak, dan orang yang melakukannya dianggap fasik dan berbuat maksiat. Hal itu sendiri tidak memerlukan contoh dan bukti.

Peringkat kedua: Seluruh perkara syubhat yang tidak wajib menjauhinya, tetapi disunatkan menjauhinya. Ini seperti halnya akan diuraikan nanti pada Bab Syubhat. Oleh kerana sebahagian dari perkara syubhat wajib dihindari, maka hal itu berkaitan dengan perkara yang haram. Dan, sebahagian di antaranya ada yang dimakruhkan menghindarinya.

Maka tindakan menjaga diri dari hal tersebut ialah wara' orang yang ragu-ragu, seperti halnya orang yang tidak mahu berburu kerana takut haiwan buruan itu adalah haiwan yang terlepas dari orang yang telah berhasil menangkapnya dan memilikinya. Ini adalah sikap ragu-ragu.

Sebahagian yang lain sunat dihindari dan tidak wajib. Iaitu halperkara yang termasuk dalam sabda Nabi s.a.w.:

دَعْ مَا يُرِيبُكَ إِلَى مَا لاَ يُرِيبُكَ

"Tinggalkanlah apa yang membuatmu ragu menuju apa yang tidak

membuatmu ragu."[52]

Sabda tersebut kami tempatkan pada larangan untuk membersihkan diri (tanzih). Begitu juga sabda Nabi s.a.w., "Makanlah haiwan buruan yang engkau bunuh di hadapanmu (ishma') dan tinggalkanlah yang engkau panah, kemudian haiwan itu lari dan kamu temukan sudah mati (inma')."[53]

Inma' ialah haiwan buruan yang sudah dilukai, lalu haiwan itu lari menghilang, kemudian haiwan itu dijumpai sudah mati. Sebab, kematiannya mungkin disebabkan jatuh atau sebab yang lain. Pendapat yang kami pilih, seperti halnya akan disebutkan nanti, ialah haiwan tersebut tidak haram. Namun, meninggalkan memakannya adalah tindakan menjaga diri orang-orang soleh.

Dan sabda Nabi s.a.w. s.a.w., "Tinggalkanlah apa yang membuatmu ragu" adalah perintah tanzih (membersihkan diri). Kerana ada sebahagian riwayat mengatakan: "Makanlah sebahagian dari haiwan buruan itu, walaupun haiwan itu telah menghilang darimu, selama engkau tidak mendapati padanya bekas selain panahmu."

Oleh kerana itulah Nabi s.a.w. bersabda kepada Ady bin Hatim tentang anjing pemburu yang terdidik: "Jika anjing itu memakannya, maka janganlah kamu memakannya. Sebab, aku khuatir anjing itu mengambil haiwan buruan itu untuk dirinya sendiri," dengan jalan tanzih, kerana kekhuatiran tersebut.

Ini kerana Nabi s.a.w. pernah bersabda kepada Abu Tha'labah al-Khusyani: "Makanlah daripadanya." Abu Tha'labah pun bertanya: "Kalau anjing itu memakan sebahagian dari haiwan itu?" Beliau menjawab: "Walaupun anjing itu telah makan sebahagian daripadanya."[54] Yang demikian itu kerana Abu Tha'labah adalah seorang miskin yang rajin berusaha, tetapi tidak sanggup bertindak menjaga diri. Sedangkan keadaan Ady mampu menanggungnya.

Diceritakan dari Ibn Sirin bahawa suatu hari dia menyerahkan kepada temannya wang sebanyak empat ribu dirham, kerana di dalam hatinya terlintas

---

[52] Diriwayatkan oleh an-Nasai, Tirmizi dan al-Hakim dari al-Hasan bin Ali. Menurut Tirmizi dan al-Hakim, hadis ini shahih.

[53] Diriwayatkan oleh at-Tabrani dari dari Ibnu Abbas. Menurut Bukhari, hadis ini mauquf.

[54] Diriwayatkan oleh Abu Daud dari Amr bin Syu'bah dari bapanya dari datoknya. Menurut al-Baihaqi, hadis ini mauquf.

suatu fikiran. Padahal, para ulama telah sepakat bahawa bersitan fikiran yang demikian itu tidak mengapa. Contoh-contoh peringkat ini kami kemukakan untuk menjelaskan tentang pelbagai peringkat perkara-perkara yang syubhat. Maka, setiap perkara syubhat tidak wajib dihindari. Itulah kiranya contoh yang tepat untuk tingkat kedua tersebut.

Peringkat ketiga: Wara' orang-orang yang bertakwa. Tingkat ini dibuktikan oleh sabda Nabi s.a.w.: "*Seseorang tidak akan sampai pada tingkat orang-orang yang bertakwa sehingga dia meninggalkan apa yang tidak mengapa dilakukan, kerana khuatir dari ada apa-apanya jika dilakukan.*" (HR. Ibnu Majah)

Umar r.a. berkata: "Kami meninggalkan sembilan per sepuluh dari perkara yang halal kerana kami takut terjatuh ke dalam perkara-perkara yang haram." Ada yang mengatakan bahawa ucapan Umar r.a. tersebut berasal dari Ibnu Abbas r.a.

Abu ad-Darda' berkata: "Sungguh, sebahagian dari kesempurnaan takwa ialah bahawa seseorang menjaga diri pada barang yang seberat biji sawi. Sehingga dia meninggalkan sebahagian dari apa yang dipandangnya halal kerana dia takut hal itu haram, sehingga menjadi pendinding antara dia dan neraka."

Oleh kerana itulah ada sebahagian di antara mereka yang memiliki seratus dirham pada seseorang, lalu orang itu membawa wang yang seratus dirham tersebut kepadanya. Maka dia mengambil sembilan puluh sembilan dirham dan menjaga diri dari mengambil semuanya kerana takut kelebihan. Sedangkan sebahagian yang lain di antara mereka ada yang menjaga diri, lalu setiap yang dibayar orang kepadanya, maka dia mengambilnya kurang sebiji agar yang demikian itu menjadi pelindung terhadap neraka.

Termasuk dalam peringkat ini ialah menjaga diri dari apa yang dimaafkan oleh masyarakat. Sebab, menurut fatwa yang demikian itu halal. Namun, membuka pintu untuk hal tersebut ditakutkan akan membuat seseorang terjerumus pada perkara yang lain. Padahal, diri menyukai terlepas dan meninggalkan tindakan menjaga diri.

Diriwayatkan dari Ali bin Ma'bad bahawa dia berkata: "Suatu hari aku tinggal di rumah sewaan. Pada suatu hari aku menulis sepucuk surat dan aku bermaksud mengambil debu dinding tembok untuk kuletakkan di atas tulisan untuk mengeringkan tulisan. Kemudian aku hatiku berkata: "Dinding tembok itu bukan kepunyaanku." Lalu benakku berkata: "Apalah erti sedikit debu." Aku pun

mengambil debu itu seperlunya. Ketika aku tidur, tiba-tiba aku bermimpi mendapati diriku bersama seseorang yang berdiri di sampingku. Dia lalu berkata: "Wahai Ali bin Ma'bad! Besok akan diketahui siapa orang yang mengatakan: "Apalah erti sedikit debu dinding."

Mungkin, erti yang demikian itu ialah bahawa dia melihat betapa Ali bin Ma'bad telah turun dari kedudukannya. Sebab, takwa memiliki peringkat yang hilang (hilang) dengan sirnanya wara' orang-orang yang bertakwa. Dan, bukanlah maksudnya bahawa dia berhak mendapat seksaan atas perbuatannya itu.

Diriwayatkan bahawa Umar r.a. pernah menerima kiriman wangi-wangian misk dari Bahrain. Dia pun berkata: "Aku senang jika ada wanita yang mahu menimbangnya. Sehingga aku boleh mengagihkannya di antara kaum Muslimin." Atikah, istri Umar, berkata: "Aku boleh menimbang." Mendengar ucapan isterinya itu, Umar berdiam diri. Kemudian dia mengulangi ucapannya dan isterinya juga mengulangi jawapannya. Akhirnya Umar berkata: "Tidak, aku tidak ingin engkau letakkan wangi-wangian itu pada telapak tanganmu. Lalu engkau mengatakan bahawa telapak tangan itu ada bekas abu, kemudian telapak tanganmu engkau sapukan pada lehermu. Sehingga dengan demikian aku memperoleh kelebihan daripada kaum muslimin lainnya."

Suatu hari wangi-wangian misk untuk kaum muslimin ditimbang di hadapan Umar bin Abdul Aziz. Maka beliau pun mengambil dengan hidungnya, sehingga beliau tidak mendapatkan lagi bau harumnya seraya berkata: "Apakah wangi-wangian boleh diambil manfaatnya selain baunya? Manakala bau harumnya sudah menghilang?"

Pada suatu hari al-Hasan r.a., ketika dia masih kecil, mengambil sebiji buah kurma dari kurma sedekah (zakat). Maka Nabi s.a.w. pun berkata: "kakh! Kakh!" ertinya: kembalikan! kembalikan!"

Contoh lainnya, diriwayatkan oleh sebahagian orang bahawa suatu hari ada seorang ulama berada di samping orang yang sedang sakaratulmaut. Sejurus orang itu menghembuskan nafas terakhirnya, ulama itu berkata kepada orang-orang yang hadir: "Padamkanlah lampu itu, sebab, para ahli warisnya kini yang berhak atas lampu itu."

Sulaiman at-Taimi meriwayatkan dari Na'imah al-Atharah bahawa dia bercerita: "Suatu hari Umar r.a. menyerahkan kepada isterinya wangi-wangian

milik kaum Muslimin dengan maksud untuk menjualkannya. Maka wangi-wangian itu dia jual kepada saya. Lalu dia menimbang, melebihkan, mengurangi wangi-wangian itu, dan memecahkannya dengan giginya. Sehingga sedikit dari wangi-wangian itu melekat pada jarinya. Kemudian dia mengusapkan wangi-wangian itu pada penutup kepalanya.

"Tiba-tiba Umar masuk sambil bertanya: "Bau apa ini?" Isterinya pun menjelaskan hal tersebut. Umar pun berkata: "Wangi-wangian milik kaum Muslimin ini engkau ambil?" Lalu Umar pun melepaskan penutup kepala isterinya. Kemudian beliau mengambil sekendi air dan menuangkannya pada penutup kepala itu, lalu menggosok-gosokkannya pada tanah, kemudian mencium baunya (apakah masih ada). Kemudian beliau menuangkan air lagi pada penutup kepala itu. Lalu menggosokkannya pada tanah dan mencium baunya lagi sampai tidak ada lagi baunya."

Na'imah melanjutkan: "Kemudian pada hari yang lain aku mendatangi isteri Umar. Ketika dia menimbangnya, sedikit dari wangi-wangian itu melekat pada tangannya. Maka dia pun memasukkan jarinya ke mulutnya, kemudian menyapukan tanah pada jarinya tersebut."

Inilah tindakan wara' ketakwaan Umar r.a., kerana beliau khuatir yang demikian itu merebak pada perkara-perkara yang lain. Jika tidak demikian, maka membasuh penutup kepala tidak boleh mengembalikan wangi-wangian itu kepada kaum Muslimin. Namun, dia menghilangkan bau wangi itu sebagai peringatan, pencegahan, dan tindakan berjaga-jaga terhadap isterinya, agar yang demikian itu tidak merebak pada perkara-perkara yang lain.

Contoh lainnya, suatu hari Ahmad bin Hanbal rahimahullah ditanya tentang seorang lelaki yang datang ke masjid dengan membawa dupa kepunyaan seorang penguasa. Lalu, dia membakar kayu gaharu itu di masjid. Imam Ahmad bin Hanbal menjawab: "Sebaiknya orang itu dikeluarkan dari masjid. Sebab, dari kayu gaharu itu yang diambil kemanfaatannya hanyalah baunya. Hal ini sendiri kadangkala sudah mendekati haram, kerana kadar yang berkembang pada kainnya dari bau benda tersebut kadangkala dimaksudkan demikian. Lalu tidak diketahui apakah orang mahu memaafkan atau tidak dengan wangi-wangian tersebut."

Pada masa yang lain Ahmad bin Hanbal ditanya tentang sehelai kertas yang jatuh dari diri seseorang dan pada kertas itu terdapat banyak tulisan hadis. Apakah

boleh bagi seseorang yang menemukan kertas itu menyalin hadis-hadis yang ada pada kertas itu, kemudian baru mengembalikannya kepada pemiliknya. Ahmad bin Hanbal menjawab: "Tidak boleh, dia harus meminta izin lebih dahulu, baru dia boleh menyalinnya."

Contoh lainnya, tindakan menjaga diri dari perhiasan. Kerana ditakutkan akan merebak pada perkara-perkara yang lain, meskipun pada dasarnya perhiasan itu dibolehkan. Suatu hari Ahmad bin Hanbal ditanya tentang sandal sibti (sandal kulit yang tidak berbulu). Beliau menjawab: "Saya sendiri tidak akan memakainya. Namun, kalau untuk menjaga diri dari tanah, aku akan memakainya. Sedangkan orang yang bermaksud menjadikannya sebagai perhiasan, maka hendaknya dia tidak memakainya."

Umar r.a. ketika menjawat sebagai khalifah, beliau mempunyai isteri yang dia cintai. Namun, kemudian beliau menceraikannya kerana khuatir isterinya memintanya memberikan pertolongan terhadap tindakan yang menyimpang, lalu dia mematuhi permintaan isterinya dan memburu kesenangan. Hal ini termasuk meninggalkan perkara yang tidak apa-apa, kerana khuatir ada apa-apanya.

Dengan perkataan lain, beliau khuatir terseret ke arah keadaan yang demikian itu. Sebab, banyak di antara perkara yang diperkenankan boleh menghantarkan pada apa yang tidak diperkenankan. Misalnya sahaja, membanyakkan makan dan memakai wangi-wangian bagi orang yang membujang (tidak beristeri) boleh membangkitkan nafsu syahwat. Kemudian, nafsu syahwat itu membangkitkan fikiran yang tidak-tidak dan fikiran itu menggerakkan keinginan untuk memandang. Dan, memandang menghantarkan pada perkara-perkara yang lain.

Misal lainnya, memandang rumah orang kaya dan bergaul baik dengannya pada dasarnya diperkenankan. Namun, hal itu membangkitkan kerakusan dan menggerakkan keinginan untuk memburu perkara yang seperti itu. Pada umumnya kemudian timbul tindakan yang tidak halal untuk mendapatkannya.

Begitulah halnya segala perkara yang mubah. Jika seseorang tidak mengambilnya seperlunya sahaja, pada waktu yang diperlukan serta menjaga diri dari seluruh gangguannya, dengan mengenalinya pada permulaannya dan mengawasinya pada tahap keduanya, nescaya jarang sekali ada orang yang terlepas dari bahayanya.

Begitu juga segala sesuatu yang diambil dengan nafsu syahwat, maka jarang sekali ada orang yang terlepas dari bahayanya. Sehingga Ahmad bin Hanbal memandang makruh melepa dinding tembok rumah, dengan mengatakan, "Adapun melepa tanah, hal itu akan mencegah debu, sementara melepa dinding, itu adalah hiasan yang tidak berguna."

Para ulama salaf memandang makruh kain nipis dan mereka mengatakan: "Barangsiapa yang kainnya nipis, nescaya nipis agamanya." Semua itu kerana ditakutkan tindakan mengikuti hawa nafsu pada perkara-perkara yang diperkenankan itu nantinya boleh merebak pada perkara-perkara yang tidak diperkenankan. Sebab, perkara-perkara yang dilarang dan diperkenankan, keduanya diharapkan oleh hawa nafsu dengan harapan nafsu syahwat yang sama.

Jika seseorang telah terbiasakan oleh nafsu-syahwat yang diperkenankan, nescaya dia akan lepas kendali. Sehingga hal itu boleh menimbulkan perasaan khuatir terhadap takwa dalam menjaga diri dari semua itu.

Peringkat keempat: Wara' orang-orang shiddiq. Bagi mereka, sesuatu yang halal ialah segala sesuatu yang tidak didahului oleh maksiat untuk sebab terjadinya hal itu. Juga, hal itu tidak untuk menopang perbuatan maksiat dan hal itu tidak dimaksudkan, sekarang mahupun nanti, untuk meraih suatu kepentingan. Namun, hal itu dilaksanakan semata kerana Allah SWT, untuk memperhambakan diri kepada-Nya dan meneruskan kehidupan kerana-Nya.

Mereka adalah orang-orang yang berpandangan bahawa segala sesuatu yang bukan kerana Allah tidak diperkenankan. Ini kerana mengikuti firman-Nya:

قُلِ ٱللَّهُ ۖ ثُمَّ ذَرْهُمْ فِي خَوْضِهِمْ يَلْعَبُونَ ﴿٩١﴾

"*Katakanlah (kepada mereka): Allah jualah (yang menurunkannya). Kemudian, biarkanlah mereka leka bermain-main dalam kesesatannya.*"

(al-An'am: 91)

Inilah peringkat orang-orang yang mengesakan Allah SWT, yang melepaskan segala kepentingan diri sendiri, dan mengesakan maksud dan tujuan kepada Allah SWT semata. Tidak diragukan lagi bahawa orang yang menjaga diri tanpa sesuatu yang menyampaikan pada sikap wara' atau mencari pertolongan pada sikap wara' dengan perbuatan yang menyimpang, agar dia menjadi orang yang wara', tanpa disertai sebab-sebab dari usahanya, adalah maksiat atau makruh.

Contoh lainnya, diriwayatkan dari Yahya bin Kathir bahawa suatu hari dia minum ubat. Lalu, isterinya berkata kepadanya: "Seandainya engkau mahu berjalan sejenak di rumah, sampai ubat itu bekerja." Yahya menjawab: "Itu adalah perjalanan yang tidak kukenal. Sebab aku telah melakukan muhasabah terhadap diriku sejak tiga puluh tahun yang lalu." Seakan pada diri Yahya tidak pernah timbul niat, pada perjalanan itu, yang berkaitan dengan agama. Maka dia enggan melakukannya.

Diriwayatkan dari Sirri as-Saqathi rahimahullah bahawa dia berkata: "Suatu hari aku sampai pada rerumputan di bukit, dan air keluar daripadanya. Lalu, aku pun mengambil rumput dan meminum air itu seraya berkata pada diriku sendiri: "Jika aku telah memakan makanan yang halal dan baik, maka inilah harinya." Tiba-tiba ada suara yang berseru: "Dari manakah kekuatan yang menghantarkan engkau ke sini?" Maka aku pun meminta maaf dan menyesal."

Contoh lainnya, diriwayatkan dari Dzun Nun al-Mishri bahawa suatu hari ketika dalam penjara dia merasa lapar. Lalu seorang wanita soleh mengirimkan makanan kepadanya melalui penjaga penjara. Maka dia pun tidak mahu memakan makanan itu dan meminta maaf seraya mengatakan: "Makanan itu sampai kepadaku di atas talam orang yang zalim. Dengan kata lain, kekuatan yang menyampaikan makanan itu kepadaku bukan kekuatan yang baik." Inilah puncak tertinggi dalam hal menjaga diri (wara').

Contoh lainnya, ialah tindakan Bisyr rahimahullah yang tidak mahu meminum air yang diambil dari aliran-aliran air yang dibuat oleh para penguasa. Sebab, aliran-aliran itu merupakan sebab mengalirnya dan sampainya air kepadanya. Sekalipun pada dasarnya air itu boleh diminum, namun dia seperti orang yang mengambil manfaat aliran air yang dibuat dengan tenaga orang-orang yang diberi upah, dan mereka memberi upah dari harta yang haram.

Oleh kerana itu, sebahagian di antara mereka tidak mahu memakan buah anggur yang halal dari pohon anggur yang halal. Dia berkata kepada temannya: "Engkau telah merosakkan batang anggur itu, jika engkau menyiraminya dengan air yang mengalir dalam saluran air yang digali oleh orang-orang yang zalim." Ini sebenarnya jauh dari kezaliman dari segi meminum air itu sendiri, kerana menjaga diri dari air anggur yang mendapat topangan dengan air itu.

Sebahagian di antara mereka jika melakukan perjalanan untuk menunaikan ibadat haji, tidak mahu meminum air yang dihasilkan oleh perusahaan-perusahaan

yang dijalankan oleh orang-orang yang zalim. Padahal, air itu boleh diminum. Namun, air itu terpelihara di perusahaan yang didirikan dengan harta yang haram.

Keengganan Dzun Nun al-Mishri mengambil makanan dari tangan penjaga penjara lebih besar dari hal itu semua. Sebab, tangan penjaga penjara itu tidak disebut haram. Lain halnya dengan talam hasil rampasan, tempat makanan itu dibawa kepadanya. Namun, makanan itu sampai kepadanya dengan kekuatan yang diusahakan dengan makanan yang haram.

Oleh sebab itulah Abu Bakar ash-Shiddiq r.a. memuntahkan susu yang diminumnya. Ini kerana beliau khuatir perkara yang haram menimbulkan kekuatan kepadanya. Padahal, beliau meminumnya tanpa mengetahui sama sekali dan sebenarnya dia tidak wajib memuntahkannya. Namun, mengosongkan perut dari perkara yang keji termasuk tindakan menjaga diri orang-orang shiddiq.

Contoh lainnya, ialah tindakan menjaga diri dari usaha yang halal yang diusahakan oleh tukang jahit yang menjahit di masjid. Sebab, Ahmad bin Hanbal r.a. memandang makruh usaha si penjahit di masjid.

Sebahagian di antara mereka memadamkan lampu yang dinyalakan oleh pembantunya. Ini kerana lampu itu berasal dari orang-orang yang hartanya makruh. Juga, mereka tidak mahu menyalakan api untuk pembakaran roti yang pada baranya terdapat kayu bakar yang makruh. Dan, sebahagian di antara mereka tidak mahu memasang tali kasutnya di bawah cahaya lampu penguasa.

Inilah tindakan menjaga diri orang-orang yang meniti jalan akhirat. Pengkajian mendalam terhadap hal tersebut menunjukkan bahawa tindakan menjaga diri memiliki permulaan, iaitu mencegah diri dari segala apa yang diharamkan oleh fatwa para ulama. Ini adalah tindakan menjaga diri orang-orang yang adil.

Di samping itu tindakan menjaga diri juga memiliki penghabisan, iaitu tindakan menjaga diri orang-orang yang Shiddiq. Iaitu mencegah dari segala sesuatu yang bukan kerana Allah, dari sesuatu yang diambil dengan nafsu syahwat, atau sampai padanya dengan jalan yang makruh atau dengan sebab yang berkaitan dengan perkara yang makruh.

Di antara permulaan dan penghabisan tindakan menjaga diri tersebut ada sejumlah peringkat tindakan hati-hati. Maka manakala seseorang sangat berhati-hati dalam menjaga dirinya, nescaya pada hari kiamat kelak punggungnya lebih

ringan dan lebih segera dalam melewati titian serta berat timbangan kejahatannya jauh lebih ringan dari berat timbangan kebajikannya.

Perbezaan peringkat di akhirat adalah sesuai dengan perbezaan peringkat tindakan menjaga diri tersebut. Ini seperti halnya perbezaan lapisan neraka bagi orang-orang yang melakukan tindakan zalim adalah sesuai dengan perbezaan perkara yang haram tentang kekejian.

Jika engkau telah memahami hakikat persoalannya, maka engkau boleh memilih. Jika engkau mahu, tingkatkanlah kewaspadaan. Sebaliknya jika engkau mahu, anggap ringanlah hal tersebut. Untuk engkau sendirilah jika engkau waspada, sebaliknya engkau sendirilah yang merugi jika engkau memandangnya ringan. Semoga keselamatan sentiasa menyertai kamu.

B. Syubhat, perbezaannya dengan halal dan haram

Nabi s.a.w. bersabda:

الْحَلَالُ بَيِّنٌ وَالْحَرَامُ بَيِّنٌ وَبَيْنَهُمَا أُمُورٌ مُشْتَبِهَاتٌ لاَ يَعْلَمُهَا كَثِيرٌ مِنَ النَّاسِ فَمَنِ اتَّقَى الشُّبُهَاتِ فَقَدِ اسْتَبْرَأَ لِعِرْضِهِ وَدِينِهِ، وَمَنْ وَقَعَ فِي الشُّبُهَاتِ وَاقَعَ الْحَرَامَ، كَالرَّاعِي حَوْلَ الْحِمَى يُوشِكُ أَنْ يَقَعَ فِيهِ

"*Yang halal itu jelas dan yang haram itu jelas, dan di antara keduanya terdapat hal-hal syubhat, yang tidak diketahui oleh kebanyakan manusia. Barangsiapa yang menjaga hal-hal syubhat, maka dia telah membersihkan kehormatan dan agamanya. Dan, barangsiapa yang terjerumus dalam syubhat, maka dia seperti penggembala di sekitar tanah larangan, yang ditakutkan dia terjerumus ke dalamnya.*" (HR. Bukhari dan Muslim)

Hadis ini merupakan dalil yang jelas tentang adanya tiga bahagian tersebut (halal, haram, dan syubhat). Yang paling susah di antara ketiga hal itu ialah hal syubhat yang tidak diketahui oleh kebanyakan orang. Oleh kerana itu, semestinya hal tersebut dihuraikan dengan jelas. Sebab, apa yang tidak diketahui oleh orang ramai, terkadang diketahui oleh sekelompok kecil orang.

Berikut penjelasan kami:

Halal mutlak: Iaitu segala sesuatu yang sifatnya terbebas dari yang diharamkan. Contohnya adalah air hujan. Sebelum air hujan menjadi milik seseorang, melalui proses mengambil dan menampungnya di dalam wilayah kepemilikannya, maka air hujan dihalalkan bagi sesiapa sahaja.

Haram mahdha: Iaitu segala sesuatu yang secara sifat tidak mungkin diragukan lagi atas keharamannya. Misalnya, arak dan minuman keras lainnya, juga kenajisan air kencing. Atau segala sesuatu yang diperoleh melalui cara-cara yang tidak dihalalkan. Contohnya adalah diperoleh melalui cara-cara yang zalim, seperti riba dan yang sejenis dengannya.

Tentang perkara yang dihalalkan dan yang diharamkan ini sudah sangat jelas. Adapun di antara yang halal dan yang haram, atau di antara yang boleh dan yang terlarang, terdapat pula sesuatu yang masih bernilai meragukan. Yang meragukan inilah yang disebut sebagai syubhat, yang mengubah keadaan yang dihalalkan berpotensi menjadi sesuatu yang diharamkan jika dilakukan. Yang dihalalkan menjadi diharamkan apabila jatuh pada kepemilikan orang lain, sehingga menimbulkan keraguan atasnya.

Memburu binatang darat dan laut adalah halal. Namun, barangsiapa yang menangkap seekor kijang, mungkin sahaja kijang itu milik seorang pemburu yang terlepas dari tangannya. Begitu juga ikan, mungkin sahaja terlepas dari tangan penangkapnya, setelah sebelumnya jatuh ke tangannya dan bakulnya.

Kemungkinan seperti ini tidak mungkin terjadi pada hujan yang ditampung dari udara. Namun, dalam pengertian air hujan dan penjagaan terhadap hujan tersebut terkandung perasaan ragu. Sehingga pada kejadian itu pun berhubunganlah contoh-contoh di atas tadi. Sebab, yang demikian itu hanya anggapan semata dan tanpa dalil yang nyata.

Memang, jika hal itu dibuktikan oleh suatu bukti yang meyakinkan, seperti adanya tali pada mulut ikan, atau bukti yang merupakan kemungkinan, seperti adanya luka yang boleh jadi kerana sengatan pada tubuh kijang yang susah dikenali kecuali setelah dipastikan bahawa itu adalah luka. Maka inilah tempatnya tindakan menjaga diri. Apabila bukti itu tidak ada sama sekali, maka kemungkinan tidak adanya bukti adalah seperti kemungkinan tidak adanya sesuatu itu sendiri.

Termasuk di antara yang demikian itu ialah orang yang meminjam rumah dan kemudian orang yang meminjam rumah itu menghilang. Kemudian dia muncul lagi dan mengatakan bahawa orang yang meminjamkan rumah dan kemudian orang yang meminjam rumah itu menghilang.

Kemudian dia muncul lagi dan mengatakan bahawa orang yang meminjamkan rumah itu sudah meninggal dunia, sehingga rumah itu menjadi hak ahli warisnya. Hal ini merupakan keraguan, kerana kematian orang yang meminjamkan rumah tidak dibuktikan oleh sebab yang meyakinkan atau meragukan. Sebab, hal syubhat yang ditakutkan ialah syubhat yang terjadi kerana keraguan.

Keraguan itu sendiri adalah dua keyakinan yang bertentangan yang terjadi kerana dua sebab. Maka sesuatu yang tidak memiliki sebab tidak memiliki ikatan yang kuat dengan jiwa, sehingga menyamai ikatan yang bertentangan dengannya. Maka hal itu menjadi keraguan. Kami berpendapat bahawa barangsiapa yang merasa ragu apakah dia telah melakukan solat tiga rakaat atau empat rakaat, hendaknya dia mengambil yang tiga rakaat kerana yang asal tidak lebih dari tiga rakaat.

Adapun yang berkaitan dengan perkara yang haram sepenuhnya ialah sesuatu yang diyakini pengharamannya, meskipun mungkin ada sesuatu yang menghalalkannya. Namun, hal itu tidak dibuktikan oleh suatu sebab. Misalnya, orang yang di tangannya terdapat makanan milik ahli warisnya yang tiada ahli waris lain selain dia sendiri. Ketika orang yang mewariskan makanan itu tiada, orang itu pun berkata: “Mungkin dia telah meninggal dunia dan memindahkan hak miliknya kepadaku. Maka makanan ini akan aku makan.”

Oleh kerana itu tindakan memakan makanan itu terjadi pada perkara yang haram sahaja. Sebab, meninggalnya si pemilik makanan itu hanya merupakan suatu kemungkinan yang tidak memiliki dasar yang kuat. Maka tidak semestinya yang demikian itu dimasukkan dalam bahagian perkara-perkara yang syubhat.

Sesungguhnya hal-hal syubhat yang kami maksudkan ialah halperkara yang membuat kita merasa ragu, kerana terjadinya pertentangan dua keyakinan yang timbul dari sebab yang menghendaki dua keyakinan tersebut.

Terdapat empat jenis perkara yang syubhat, iaitu:

Jenis pertama: Syubhat berkenaan dengan yang dihalalkan dan yang diharamkan. Dalam kategori syubhat jenis ini terdapat empat pengelompokan.

Pertama: Seseorang mengetahui sebelumnya bahawa sesuatu itu diharamkan, akan tetapi kemudian keraguan muncul tentang kehalalannya. Maka, wajiblah dia menjauhkan diri dari keraguan yang seperti ini, dan menetapkan bahawa sesuatu itu telah diharamkan. Misalnya, seekor binatang buruan jatuh ke dalam air, dan ketika diangkat telah mati, maka memakan daging binatang semacam itu hukumnya diharamkan. Kerana, tidak diketahui penyebab kematian binatang tersebut. Dan, tidak tersedia alasan untuk tidak meragukan kematian (bangkai) serta keharamannya.

Rasulullah s.a.w. pernah bersabda kepada Uday bin Hatim: "*Janganlah engkau memakan haiwan buruan itu. Barangkali ia bukan dibunuh oleh anjingmu.*" (HR. Bukhari dan Muslim)

Oleh kerana itu, apabila kepada Nabi s.a.w. diserahkan sesuatu yang menimbulkan keraguan apakah hal itu hadiah atau sedekah (zakat), beliau pun menanyakannya. Sehingga beliau mengetahui termasuk kelompok manakah, di antara kedua hal tersebut. (HR. Bukhari)

Diriwayatkan bahawa suatu malam Nabi s.a.w. terbangun dari tidur. Lalu salah seorang isteri beliau pun bertanya: "Engkau terbangun, wahai Rasulullah?" Beliau menjawab: "Ya. Aku menemukan sebiji buah kurma. Aku khuatir kurma itu merupakan sedekah (zakat)."

Dan, di dalam sebuah riwayat dikemukakan: "Aku pun memakan buah kurma itu. Lalu, aku merasa khuatir buah kurma itu merupakan sedekah (zakat)."

Diriwayatkan dari sebahagian di antara mereka: "Suatu hari, kami bersama Rasulullah s.a.w. dalam suatu perjalanan. Lalu, kami mengalami kelaparan. Maka kami pun berhenti pada suatu tempat yang banyak terdapat dhab (sejenis biawak). Kemudian sebahagian di antara kami menyiapkan sejumlah periuk di atas api. (Melihat hal itu) Rasulullah s.a.w. pun bersabda: "Ada suatu umat dari Bani Israil yang diubah bentuknya. Aku khuatir, umat itu adalah ini."

Maka kami pun menuangkan (isi) semua kuali itu. Setelah itu Allah memberitahukan kepada beliau bahawa Allah tidak akan mengubah bentuk makhluk, tetapi Dia menjadikan keturunan bagi makhluk itu."

Keengganan beliau pada mulanya kerana asalnya tidak halal. Dan, kemudian timbul keraguan apakah penyembelihan itu boleh menghalalkan.

Kedua: Meskipun sesuatu itu pada dasarnya dihalalkan, namun seseorang meragukan bahawa sesuatu itu mungkin terkena sesuatu hingga menjadi diharamkan. Segala sesuatu itu pada dasarnya dihalalkan, akan tetapi kemudian diragukan oleh seseorang dalam keadaan tertentu tentang keharamannya, sehingga dia meragukan apakah sesuatu itu masih halal ataukah tidak.

Contohnya adalah, ada dua orang lelaki yang sedangkan bertengkar, lalu salah seorang di antara mereka berkata kepada yang lainnya: "Engkau pendengki." Seorang yang bertakwa kepada Allah SWT seharusnya meragukan ucapan itu, kerana diucapkan oleh orang yang sedangkan bertengkar atau dalam keadaan marah.

Sesuatu yang kehalalannya sudah diketahui namun keharamannya yang justeru masih diragukan, maka dalam ini ketetapan hukumnya adalah dihalalkan. Contohnya adalah, ada dua orang lelaki yang telah menikah. Suatu hari, ada seekor burung terbang. Salah seorang dari mereka mengatakan: "Jika yang terbang itu burung gagak, maka isteriku aku ceraikan." Dan yang lain berkata: "Jika yang terbang bukan burung gagak, maka isteriku yang aku ceraikan." Dalam masalah yang masih meragukan ini, apakah yang terbang itu burung gagak atau bukan, maka status pernikahan keduanya tidak berubah. Wallahu a'lam.

Jika engkau bertanya: "Bagaimanakah penyesuaian di antara hal ini dan hal itu?" Ketahuilah bahawa hal tersebut tidak memerlukan pada penyesuaian. Sebab, pada sebahagian gambaran persoalan, seharusnya bukan dari yang demikian. Ini kerana jika seseorang telah meyakini kesucian air yang dipakainya berwuduk, kemudian timbul keraguan tentang kenajisan air itu, dia boleh berwuduk dengan air itu.

Jika air itu boleh diminum, maka diterimalah bahawa 'yakin' tidak akan hilang dengan 'keraguan'. Kecuali jika dalam hal tersebut ada suatu persoalan yang rumit. Iaitu bahawa bandingan air ialah keraguannya apakah dia telah menceraikan isterinya atau belum.

Dalam hal ini hendaknya dijawab: Pada dasarnya dia tidak menceraikannya. Sedangkan bandingan masalah burung ialah dia meyakini najisnya salah satu dari bejana air dan dia ragu mana bejana yang najis. Dalam hal ini dia tidak boleh memakai salah satu dari kedua bejana itu tanpa ijtihad. Ini kerana dia mempertentangkan antara 'yakin najis' dengan 'yakin suci'. Maka *istishhab* (menetapkan hukum

berdasarkan keadaan sesuatu sebelumnya) pun batal.

Seperti itu pulalah di sini, yakin secara pasti, talak terhadap salah seorang isteri telah jatuh. Yang meragukan ialah mana yang tertalak dan mana yang tidak tertalak. Dalam hal ini kami jawab: Para sahabat Imam Asy-Syafi'i berbeza pandangan menjadi tiga kelompok tentang bejana air itu. Kelompok pertama mengatakan bahawa istishhab tetap berlaku tanpa ijtihad. Kelompok kedua mengatakan bahawa setelah kenajisan bejana itu diyakini, maka dalam menghadapi keyakinan tentang sucinya bejana itu pemakaiannya wajib dihindari dan tidak perlu ijtihad. Sedangkan kelompok ketiga memiliki pendapat yang berada di tengah-tengah kedua pendapat tersebut, yakni perlu berijtihad. Inilah yang benar.

Bandingannya dalam hal ini ialah jika seseorang lelaki memiliki dua isteri, lalu dia berkata: "Jika burung itu burung gagak, tertalaklah si Zainab. Tetapi, jika burung itu bukan burung gagak maka tertalaklah si Amrah." Tentu dalam hal ini seseorang tidak boleh terpedaya untuk menggunakan *istishhab* dan dia tidak boleh berijtihad kerana tiada tanda bagi hal itu. Di samping itu kami berpendapat bahawa kedua wanita itu diharamkan baginya. Maka jika dia melakukan hubungan intim dengan keduanya, sama ertinya dia telah melakukan perkara yang haram.

Sedangkan jika dia melakukan hubungan intim dengan salah seorang di antara kedua wanita itu seraya mengatakan: "Yang saya maksudkan terhadap yang ini sahaja," maka dia telah menetapkannya dengan menentukannya tanpa ada sesuatu pun yang menguatkan penentuannya itu. Dalam hal ini hukum terhadap seorang dan dua orang berbeza. Sebab, pengharaman terhadap seorang meyakinkan, lain halnya terhadap dua orang. Ini kerana setiap orang dari kedua wanita itu merasa ragu tentang pengharaman terhadap dirinya.

Ketiga: Sesuatu yang semula diharamkan, namun belakangan ada hal baru yang menyebabkannya menjadi dihalalkan, disebabkan adanya anggapan yang sangat kuat. Maka status keharamannya menjadi diragukan dan yang diunggulkan adalah kehalalannya. Contohnya adalah, seseorang memanah binatang buruan, namun tubuh binatang tersebut tidak ditemukan. Belakangan si pemburu mendapati binatang buruannya sudah mati di tempat yang berbeza, berdasar pada bekas luka dan panah yang masih ada pada tubuh binatang tersebut. Kemudian muncul keraguan, dimana ada kemungkinan binatang itu mati kerana terjatuh dari ketinggian atau terkena sebab-sebab yang lain.

Jika yang nampak pada fisik binatang itu adalah sebab yang lain, seperti terkena benturan benda tumpul atau lainnya (selain bekas panah), maka status binatang ini keharamannya sudah jelas. Namun demikian, pendapat Imam asy-Syafi'i yang menjadi pilihan adalah, hukumnya halal untuk dimakan.

Jika ada yang mengatakan bahawa Ibnu Abbas berkata: "Makanlah setiap haiwan buruan yang mati di hadapanmu sesudah dipanah, dan tinggalkanlah (jangan engkau makan) yang bukan mati di hadapanmu." Juga, bahawa Aisyah r.a. menyebutkan: "Suatu hari seorang lelaki datang kepada Nabi s.a.w. dengan membawa kelinci seraya berkata: "Lemparan panahku tentang kelinci ini!" Nabi s.a.w. bertanya: "Apakah kelinci itu mati di hadapanmu atau mati tidak di hadapanmu?"

Jawab lelaki itu: "Kelinci ini mati di hadapanku!" Beliau pun bersabda: "Sungguh, malam adalah salah satu makhluk Allah, tiada yang mampu menentukan takdir dirinya selain Yang Menciptakannya. Mungkin, kelinci itu ditolong oleh sesuatu yang menghantarkan pada kematiannya."

Begitu juga Nabi s.a.w. pernah bersabda kepada Adi bin Hatim tentang anjing yang terlatih: "Jika anjing itu memakannya, janganlah engkau memakannya. Sebab, aku khuatir anjing itu menahan haiwan buruan itu untuk dirinya sendiri." Biasanya anjing yang terlatih tidak memiliki perilaku yang buruk. Juga, anjing itu tidak menahan haiwan buruannya kecuali untuk tuannya. Sekalipun demikian, Nabi s.a.w. tetap melarang memakan haiwan buruan itu.

Kajian yang mendalam menunjukkan bahawa hal halal meyakinkan jika sebabnya telah terpenuhi. Pemenuhan sebab itu sendiri adalah dengan menghantarkannya pada kematian, tanpa ada sebabsebab lain pada haiwan tersebut yang diragukan padanya. Iaitu keraguan terhadap kesempurnaan sebab, sehingga kematian haiwan itu menyerupai kematian yang halal atau kematian yang haram.

Yang demikian ini tidak masuk dalam pengertian kematian meyakinkan perkara yang halal pada saat kematian itu berlangsung. Selanjutnya apa yang terjadi pada haiwan buruan tersebut menimbulkan keraguan.

Jawapan terhadap pendapat yang demikian itu ialah bahawa larangan Ibnu Abbas dan larangan Rasulullah tersebut didasarkan pada tindakan menjaga diri dan membersihkan diri. Ini dikukuhkan oleh suatu riwayat yang menyebutkan bahawa Nabi s.a.w. bersabda: "Makanlah haiwan buruan itu, sekalipun haiwan itu telah

menghilang darimu, selama engkau tidak mendapatkan pada haiwan itu bekas panah yang lain dari panahmu."

Ini mengingatkan pada pengertian yang telah kami kemukakan sebelumnya, iaitu jika pada haiwan itu terdapat bekas panah lain, maka bertentanganlah dua sebab kerana bertentangannya dua anggapan. Jika pada haiwan itu tidak didapatkan selain luka, nescaya timbul anggapan yang kuat. Sehingga kes haiwan tersebut boleh diberi hukum berdasarkan istishhab, dengan berdasarkan berita dari seorang pemberi berita, analogi (*qiyas*) yang menguatkan anggapan, dan keadaan yang menguatkan anggapan dan lain-lain sebagainya.

Sementara tentang pendapat yang mengatakan bahawa tidak terdapat perkara yang meyakinkan tentang kematian haiwan itu sebagai kematian yang halal pada saat kematiannya, maka hal itu merupakan keraguan terhadap sebab kematian haiwan itu. Yang demikian itu tidak benar. Namun, sebab kematian haiwan itu meyakinkan, kerana lukanya merupakan sebab kematiannya. Maka adanya sebab kematian yang lain diragukan.

Kesahihan pendapat ini dikukuhkan oleh Ijmak para ulama bahawa jika ada orang yang dilukai, lalu orang itu menghilang dan kemudian orang itu ditemukan sudah meninggal dunia, maka harus dilaksanakan hukum qisas terhadap orang yang melukainya.

Namun jika orang itu tidak menghilang, maka penyebab kematiannya mungkin sahaja kerana pergolakan batinnya sehingga membuatnya meninggal secara tiba-tiba. Dalam kes terakhir ini mestinya hukum qisas tidak dilaksanakan, kecuali jika kematian itu kerana pemenggalan leher dan luka mengeluarkan banyak darah. Sebab, orang tersebut tidak aman dari pelbagai penyakit yang menghentikan jantung, sehingga orang itu meninggal dengan secara tiba-tiba. Pendapat yang mengatakan tentang qisas itu didasarkan pada syubhat.

Demikian halnya janin yang ada di dalam kandungan haiwan adalah halal. Padahal, mungkin sahaja janin itu telah mati sebelum induknya disembelih atau nyawa belum dihembuskan padanya. Mencari penjelasan tentang janin itu wajib. Mungkin nyawa belum ditiupkan padanya, atau janin itu telah mati sebelum terjadinya penganiayaan, kerana sebab lain yang didasarkan pada sebabsebab yang bercorak lahiriah.

Sebab kemungkinan lainnya, jika tidak disandarkan pada suatu bukti yang menunjukkan padanya, nescaya dikaitkan dengan waham atau perasaan ragu sahaja, seperti telah kami kemukakan sebelumnya. Demikian jugalah hal ini.

Tentang sabda Nabi s.a.w.: "Aku khuatir anjing yang terlatih itu menahan haiwan buruan itu untuk dirinya sendiri." Dalam hal ini asy-Syafi'i mengemukakan dua pendapat. Yang kami pilih ialah pendapat yang menetapkan pengharaman haiwan buruan itu, kerana sebab yang bertentangan. Ini kerana anjing yang terlatih seperti halnya alat atau wakil yang menahan atau menangkap haiwan buruan itu untuk tuannya. Maka halallah haiwan itu.

Jika anjing itu pergi sendiri untuk berburu, lalu ia mendapatkan haiwan buruan, haiwan buruan itu tidak halal. Sebab, dapat dibayangkan bahawa anjing itu berburu untuk dirinya sendiri. Sedangkan jika anjing itu melakukan perburuan kerana isyarat majikanya, lalu anjing itu memakan haiwan buruannya, maka pada permulaan perburuannya anjing itu berkedudukan sebagai alat majikannya.

Jika tindakan anjing itu dalam memakan haiwan buruannya pada akhirnya menunjukkan bahawa ia menahan haiwan buruan itu untuk dirinya sendiri, bukan untuk majikannya, maka sebab yang menunjukkan pun bertentangan, sehingga kemungkinan yang ada pun bertentangan pula. Namun, pada dasarnya diharamkan. Maka kemudian dipakai istilah istishhab, dan keraguan itu pun sentiasa ada.

Ini seperti halnya seseorang yang mewakilkan kepada orang lain untuk membelikan seorang hamba sahaya baginya. Lalu, si wakil itu pun membeli seorang hamba sahaya. Namun, kemudian si wakil meninggal dunia sebelum dia menjelaskan bahawa dia telah membeli hamba sahaya itu untuk dirinya sendiri atau untuk orang yang menunjuknya sebagai wakil. Maka tidak halal bagi orang yang mewakilkan tersebut melakukan hubungn intim dengan hamba sahaya itu. Sebab, si wakil memiliki kemampuan untuk membeli hamba itu bagi dirinya sendiri atau untuk orang yang menunjuknya sebagai wakil. Dalam hal ini tiada bukti yang menguatkan dan pada dasarnya diharamkan. Maka hal ini berkaitan dengan bahagian pertama di awal pembahasan buku ini dan bahagian ketiga.

Keempat: Sesuatu yang kehalalannya sudah jelas. Namun demikian, belakangan muncul anggapan tentang adanya sebab yang mengharamkannya akibat faktor yang dibenarkan menurut pertimbangan syarak, maka status hukum pertama menjadi tidak berlaku lagi dan dianggap batal. Jadi, yang diputuskan adalah,

berdasarkan anggapan terkuat.

Contohnya iaitu, diduga kuat bahawa salah satu dari dua bejana (tempat air) terkena najis kerana terdapat tanda tertentu yang menimbulkan adanya anggapan tersebut. Hal itu menjadi sebab diharamkan hukumnya meminum air daripadanya, dan tidak boleh pula digunakan untuk berwuduk.

Demikian halnya jika seseorang berkata: "Jika si Zaid membunuh Si Umar, atau jika Si Zaid sendirian membunuh haiwan buruan itu, maka isteriku tertalak." Lalu si Zaid melukai si Umar atau haiwan buruan itu, si Umar dan haiwan buruan itu menghilang daripadanya, kemudian mendapatkannya dalam keadaan mati, maka haramlah isterinya bagi orang yang mengatakan kata-kata tersebut. Sebab, secara lahiriah dia sendiri yang membunuhnya seperti dikemukakan sebelumnya.

Asy-Syafi'i rahimahullah mengemukakan penjelasan yang nyata bahawa orang yang menemukan air yang telah berubah di dalam kolam, mungkin air itu berubah kerana lama berada di dalam kolam itu atau kerana najis. Maka dia boleh menggunakan air itu.

Sedangkan jika dia melihat seekor kijang di dalam kolam itu, kemudian dia mendapatkan air itu berubah dan mungkin perubahan itu kerana kencing kijang itu atau lamanya kijang itu berada di dalam kolam itu, maka dia tidak boleh menggunakan air itu. Sebab, air kencing yang dilihatnya itu menjadi bukti yang menguatkan pada kemungkinan adanya najis, iaitu seperti yang telah kami kemukakan sebelumnya. Ini adalah pada kuatnya anggapan yang didasarkan pada pertanda yang berkaitan dengan sesuatu benda.

Sementara tentang kuatnya anggapan yang tidak didasarkan pada pertanda yang berkaitan dengan benda, maka Asy-Syafi'i rahimahullah berbeza pendapat tentang asal kehalalannya, apakah halal itu ditiadakan dengannya. Kerana Asy-Syafi'i sendiri berbeza pendapat tentang berwuduk pada bejana-bejana orang musyrik dan peminum minuman keras, solat di makam yang terbongkar, dan solat dengan abu jalan raya. Dengan kata lain kadar yang melebihi apa yang susah dihindari.

Tentang persoalan tersebut, para sahabat asy-Syafi'i rahimahullah menjelaskan bahawa jika sesuatu yang asal dan sesuatu yang biasa berlaku bertentangan, manakah yang dipegang? Ini berlaku tentang kehalalan minum dari bejana-bejana peminum minuman keras dan orang musyrik. Kerana najis, maka tidak halal meminumnya.

Oleh kerana itu tempat pengambilan halal dan najis itu sama, maka keraguan terhadap salah satu dari keduanya mengharuskan keraguan pada yang lain. Pendapat yang saya pilih ialah bahawa asal-lah yang menjadi pegangan, sedangkan tanda jika tidak berkaitan dengan benda yang dijadikan pegangan, hal itu tidak mengharuskan penyingkiran perkara yang asal.

Dari huraian ini jelas bahawa hukum halal keraguan tentang timbulnya perkara yang mengharamkan padanya atau kuat anggapan (zhan) dan hukum haram keraguan tentang timbulnya perkara yang menghalalkan padanya atau kuatnya anggapan. Dan, jelaslah perbezaan antara anggapan kuat yang didasarkan pada pertanda dari sesuatu benda dan yang tidak didasarkan padanya.

Semua yang kita hukumi halal pada bahagian ini adalah halal pada tingkatan pertama. Merupakan tindakan yang lebih berhatihati lagi ialah meninggalkannya. Orang yang melakukannya tidak termasuk dalam kelompok orang-orang yang bertakwa dan soleh, tetapi dia termasuk dalam kelompok orang-orang adil yang tidak dipandang fasik, berbuat maksiat, dan berhak mendapat seksaan menurut fatwa agama, selain bahawa dia hanya kita kaitkan dengan peringkat ragu-ragu. Menjaga diri dari hal itu tidak termasuk sikap wara', tindakan menjaga diri dari perkara yang haram atau dosa.

Jenis kedua: Keraguan (syubhat) yang muncul akibat adanya percampuran antara sesuatu yang diharamkan dengan sesuatu yang dihalalkan, sehingga timbul kerancuan yang cukup menyulitkan untuk membezakannya.

Percampuran dimaksud boleh jadi diakibatkan oleh faktor jumlahnya yang susah untuk dipisahkan atau dihitung. Seperti percampuran yang terjadi pada benda-benda cair mahupun serbuk yang halus. Juga percampuran yang tergolong susah, namun masih boleh dibezakan, seperti hamba dan orang merdeka dalam statusnya sebagai tawanan perang. Hal itu akan diperjelas dengan membezakannya menjadi tiga bahagian berikut ini:

Pertama: Keberadaannya susah untuk dikenali. Contohnya, satu ekor bangkai binatang yang bercampur di dalam berpuluh-puluh ekor binatang sembelihan. Atau seorang anak sepersusuan yang pada saat menyusu tengah berbaur dengan sepuluh anak lain yang bukan termasuk sepersusuan (tidak ikut menyusu). Berdasarkan kesepakatan para ulama fiqh masa itu, keduanya harus dijauhi. Kerana, dalam masalah seperti ini memiliki ruang yang cukup sempit untuk dilakukannya proses

ijtihad dari sisi hukum.

Jika perkara yang syubhat itu bercampur dalam kadar yang ada batasnya, maka kadar itu menjadi seperti suatu barang. Lalu, berhadapanlah padanya antara yakin haram dan yakin halal. Pada saat yang sama tidak ada bezanya antara yang perkara yang telah nyata kehalalannya, lalu mengalami percampuran dengan perkara yang haram.

Misalnya, jika seorang suami menjatuhkan talaknya terhadap salah seorang di antara dua isterinya dalam masalah burung yang telah dikemukakan sebelumnya. Atau seorang lelaki melakukan hubungan intim dengan seorang wanita yang belum jelas kebolehannya mengadakan hubungan intim dengannya, seperti halnya percampuran antara seorang wanita susuan dengan wanita asing, lalu, dia bermaksud memperoleh perkara yang halal dari salah seorang dari wanita itu. Munculnya perkara yang mengharamkan ini terkadang menyulitkan, misalnya talak terhadap salah seorang dari dua isteri kerana istishhab seperti telah dikemukakan sebelumnya.

Tentang jawapan terhadap hal-hal itu pun telah kami kemukakan. Iaitu bahawa keyakinan haram berhadapan dengan keyakinan halal, sehingga istishhab pun melemah dan dari tinjauan agama bahayanya lebih tinggi. Maka bahaya itu pun lebih ditekankan. Ini jika perkara yang halal kadarnya boleh dibatasi bercampur dengan perkara yang haram dan kadarnya juga boleh dibatasi. Padahal jika perkara halal yang boleh dibatasi bercampur dengan perkara yang haram yang kadarnya tidak boleh dibatasi, maka tidak syak lagi bahawa keharusan istishhab lebih utama.

Kedua: Barang haram yang jumlahnya boleh dihitung bercampur dengan barang halal yang tidak mungkin untuk dihitung. Contohnya adalah, sepuluh orang saudara sepersusuan yang telah bercampur (berbaur) dengan seluruh wanita yang ada di sebuah negara yang amat luas wilayahnya. Maka tidak diharamkan menikahi salah satu dari mereka, selain kerana jumlah wanita yang sangat banyak, juga disebabkan adanya tuntutan keperluan. Sebab, tidak mungkin menutup pintu pernikahan bagi orang yang kehilangan status mahramnya.

Demikian juga apabila seseorang mengetahui bahawa seluruh harta yang berada di dunia ini sudah bercampur dengan sesuatu yang diharamkan, tidak bererti ia diharamkan pula memakannya atau menggunakannya untuk urusan jual-beli. Kerana, Allah tidak menjadikan kesempitan dalam urusan agama ini. Sebagaimana

apabila pada zaman Rasulullah s.a.w. pernah terjadi pencurian terhadap sebuah perisai dan baju perang, maka tidak bererti seseorang dilarang membeli kedua barang tersebut pada masa sekarang.

Demikian halnya diketahui bahawa waktu itu ramai orang yang melakukan riba dirham dan dinar. Walaupun demikian Rasulullah s.a.w. dan orang-orang lain tidak menghindari seluruh dinar dan dirham. Ringkasnya, dunia baru terlepas dari perkara yang haram jika seluruh umat manusia terpelihara dari kemaksiatan. Jelas, yang demikian itu mustahil. Jika yang demikian ini tidak disyaratkan di dunia, nescaya hal itu juga tidak disyaratkan pada negara mana pun, kecuali jika hal itu terjadi pada suatu kelompok yang terbatas jumlahnya.

Namun, menjauhkan yang demikian itu merupakan tindakan menjaga diri orang-orang yang peragu. Sebab, yang demikian itu tidak pernah diriwayatkan dari Rasulullah s.a.w. mahupun para sahabat beliau. Juga, tidak terbayangkan yang demikian itu boleh dilaksanakan di dalam agama mana pun juga dan masa bila pun juga.

Jika engkau mengatakan bahawa dalam ilmu Allah setiap bilangan terhingga, maka apakah batas yang terhingga itu? Juga, jika seseorang ingin meningkatkan jumlah penduduk suatu kawasan, nescaya dia akan mampu melakukan yang demikian itu jika berketetapan hati untuk melaksanakannya. Maka dalam hal ini perlu diketahui bahawa penentuan perkara-perkara seperti itu tidak mungkin dan hal itu hanya boleh ditentukan secara lebih kurang.

Menjawab ucapan yang demikian itu kami jawab jika setiap bilangan berhimpun di atas dataran tinggi, nescaya susah bagi orang yang memandang bilangan-bilangan itu untuk mengetahui bilanganbilangan itu semata dengan memandangnya sahaja sebagai bilangan seribu, dua ribu, dan sebagainya, sebab yang demikian itu tidak terhingga.

Sedangkan bilangan yang mudah dilihat, seperti sepuluh dan dua puluh, maka hal itu terbatas. Sementara perkara yang berada di antara dua tepi adalah tengah-tengah yang serupa antara satu sama lainnya dan yang menghubungkan tepi yang satu dengan tepi yang lain dengan anggapan (zhan).

Tentang keraguan (syak) yang timbul padanya, hendaknya seseorang menanyakan keraguan itu pada hatinya. Sebab, dosa adalah penyakit bagi hati. Dalam kaitannya dengan perkara yang seperti ini, Rasulullah s.a.w. bersabda

kepada Wabishah: "*Mintalah pendapat kepada hatimu, sekalipun mereka telah mengemukakan pendapat mereka kepadamu, sekalipun mereka telah mengemukakan pendapat mereka kepadamu, sekalipun mereka telah mengemukakan pendapat mereka kepadamu.*"

Ketiga: Ketika sesuatu yang diharamkan bercampur dengan sesuatu yang dihalalkan dalam jumlah yang tidak mungkin untuk dipisahkan. Contohnya adalah, perputaran wang sejak awal dicetak sampai pada penggunaannya di masyarakat luas. Menurut pendapat yang penulis pilih, tidak diharamkan hukumnya menggunakan atau memakan sesuatu, kecuali telah jelas ada tanda tertentu yang menjadi indikasi bahawa sesuatu itu diharamkan.

Walaupun demikian, tidak dilarang apabila seseorang bersikap memilih, demi menjaga diri (bersikap waspada). Dan di antara tanda-tanda dimaksud, misalnya benda itu milik seorang penguasa yang terkenal zalim, juga tanda-tanda lain yang akan Penulis kemukakan. Hal ini didasarkan pada dalil, bahawa pada zaman Rasulullah s.a.w. dan para Khulafa al-Rasyidun, mereka tetap melakukan kegiatan muamalah dan mahu menerima harta dari perdagangan yang dilakukan secara terbuka. Padahal waktu itu banyak beredar wang hasil penjualan arak dan harta-harta riba di tangan orang-orang kafir dzimmi. Begitu juga harta-harta yang dicuri dengan secara diam-diam, dan harta yang dicuri dari harta rampasan perang.

Di samping itu pada waktu Nabi s.a.w. melarang riba, melalui sabda beliau: "Riba yang pertama-tama aku letakkan ialah riba Abbas." Waktu itu tidak semua orang terus meninggalkan riba, seperti halnya mereka juga tidak meninggalkan minuman keras dan kemaksiatan lainnya. Bahkan, sebahagian sahabat Nabi s.a.w. pun masih ada yang menjual minuman keras.

Melihat hal itu Umar r.a. pun berkata: "Semoga Allah melaknat si Polan, kerana dia orang yang pertama-tama menjual minuman keras. Sebab dia tidak memahami bahawa pengharaman minuman keras adalah pengharamam pula terhadap harganya." Dan Nabi s.a.w. bersabda: "*Sungguh, si Polan akan masuk ke dalam neraka kerana kain yang dicurinya.*"

Suatu hari seorang lelaki dibunuh orang. Lalu, orang-orang pun memeriksa barang-barangnya. Ternyata, mereka menemukan pada hartanya beberapa batu cincin orang Yahudi yang dicurinya. Harga cincin-cincin itu tidak lebih dari dua dirham.

Demikian juga beberapa sahabat Nabi s.a.w. pernah mendapati beberapa penguasa yang menyeleweng. Juga tidak ada seorang pun di antara mereka yang melarang jual-beli di pasar setelah terjadi perompakan di Madinah selama tiga hari oleh anak buah Yazid. Sedangkan orang-orang yang mencegah jual-beli harta-harta tersebut adalah orang-orang yang bertindak menjaga diri.

Namun, kebanyakan orang tidak melarang jual-beli harta-harta itu dan percampuran harta-harta itu dengan harta-harta lainnya ketika banyak terjadi perompakan pada masa pemerintahan para penguasa yang menyeleweng. Sementara orang memberikan jawapan dengan jawapan yang tidak dikemukakan oleh salafussoleh, dan mengatakan bahawa dia lebih memahami agama daripada pemahaman salafussoleh, maka dia adalah orang yang terganggu oleh perasaan ragu-ragu dan fikiran yang tidak sihat.

Jika sikap terhadap salafussoleh tersebut boleh dilengkapi dengan contoh-contoh yang serupa, nescaya kita boleh sependapat dengan mereka dalam pelbagai persoalan yang tidak memiliki dasar (alasan) (dalil) selain kesepakatan mereka. Misalnya ucapan mereka bahawa pengharaman nenek perempuan adalah seperti ibu, dan cucu lelaki dari anak lelaki adalah seperti anak lelaki. Demikian halnya bulu dan anak babi adalah seperti daging yang pengharamannya dikemukakan di dalam Al-Quran. Dan riba berlaku pada yang selain dari enam jenis barang. Hal itu mustahil kerana salafussoleh-lah yang lebih memahami agama daripada orang-orang lain.

Sementara jika pintu analogi (qiyas) dibuka, nescaya semua pintu pekerjaan akan tertutup dan dunia akan runtuh kerana tindakan menyimpang telah begitu mewarnai perilaku dan sikap kebanyakan orang. Orang pun akan melecehkan syarat-syarat agama dalam semua akad perjanjian kerana analogi tersebut. Juga tidak mustahil hal seperti itu akan menghantarkan pada percampur-bauran.

Jika ada orang yang mengatakan: Anda telah mengatakan bahawa Nabi s.a.w. tidak mahu memakan dhab (sejenis biawak) dan beliau bersabda: "Aku khuatir dhab termasuk makhluk yang telah diubah bentuknya oleh Allah." Bukankah hal itu termasuk dalam percampurbauran yang tidak terhingga?"

Menjawab pertanyaan tersebut perlu kami kemukakan bahawa hal itu termasuk dalam ruang lingkup tindakan membersihkan dan menjaga diri. Atau kerana bentuk dhab itu aneh. Mungkin sahaja hal itu menunjukkan bahawa haiwan

itu termasuk makhluk yang diubah bentuknya oleh Allah. Maka hal itu merupakan dasar yang menunjukkan pada benda yang dijadikan pegangan.

Jika ada orang yang mengatakan: Seperti diketahui pada masa Rasulullah s.a.w. dan para sahabat memang ada riba, terjadi pencurian, perompakan, dan pengambilan secara diam-diam sebahagian dari harta pampasan perang dan lain-lain, namun semua itu lebih sedikit jumlahnya daripada perkara yang halal.

Maka pendapat anda tentang masa kini, di mana perkara yang haram begitu merebak di kalangan masyarakat. Akibatnya, urus-niaga pun batal, syarat-syaratnya diabaikan, riba dan harta penguasa yang menyeleweng merajalela di mana-mana. Sehingga apakah jika ada seseorang mengambil harta yang tidak ada petunjuk tertentu yang mengharamkannya, apakah harta itu haram atau tidak?

Jawapan: Saya katakan bahawa harta yang demikian itu tidak haram. Hanya tindakan menjaga dirilah yang membuat seseorang meninggalkan hal itu. Dan tindakan menjaga diri ini lebih baik daripada tindakan menjaga diri jika ia sedikit. Namun jawapan dari hal ini, bahawa ucapan orang yang mengatakan bahawa sebahagian besar harta masa kita kini haram adalah salah sepenuhnya. Ucapan yang demikian itu timbul kerana lupa terhadap perbezaan antara yang banyak dan yang lebih banyak.

Akibatnya kebanyakan orang, malah kebanyakan ahli fiqh, menyangka bahawa sesuatu yang tidak sedikit adalah lebih banyak. Juga mereka menyangka bahawa antara yang banyak dan yang lebih banyak saling bertentangan dan tidak terdapat perkara yang ketiga di antara keduanya. Padahal, sebenarnya tidak demikian. Namun sebenarnya hal itu terdiri dari tiga bahagian: sedikit (ini langka), banyak, dan paling banyak.

Misalnya, jumlah orang banci (pondan), dibanding jumlah seluruh anak manusia, adalah sedikit. Namun jumlah itu akan menjadi banyak jika ditambah dengan jumlah orang yang sakit. Begitu juga halnya melakukan perjalanan jauh (musafir). Sehingga dapat dikatakan bahawa sakit dan melakukan perjalanan jauh termasuk halangan umum. Sedangkan *istihadhah* termasuk halangan yang jarang terjadi.

Seperti diketahui sakit bukan termasuk perkara yang langka terjadi. Juga bukan perkara yang paling banyak terjadi, tetapi banyak terjadi. Jika ada ahli fiqh memandang mudah dan mengatakan bahawa sakit dan melakukan perjalanan jauh

merupakan perkara yang banyak terjadi, dan merupakan halangan umum.

Dengan kata lain tidak jarang terjadi, dan jika tidak begitu yang dimaksudkannya, maka apa yang dinyatakannya keliru. Sebab, jumlah orang yang sihat dan yang menetap adalah yang paling banyak, sedangkan jumlah orang yang sakit dan yang melakukan perjalanan jauh banyak. Sementara jumlah wanita yang mengalami istihadhah dan orang banci (pondan) sedikit.

Jika hal ini telah dimengerti, maka kami mengatakan bahawa pandangan yang menyebutkan perkara yang haram paling banyak terjadi adalah keliru. Sebab, dasar (alasan) pandangan itu ada kalanya banyaknya orang yang melakukan tindakan yang aniaya dan tentera, atau banyaknya riba dan urus-niaga yang batal, atau banyaknya tangan yang berulang sejak permulaan Islam sampai masa kita dewasa ini, atas asal-usul harta yang terdapat sekarang ini.

Dasar (alasan) yang pertama keliru. Sebab, orang melakukan tindakan aniaya banyak tetapi bukan yang paling banyak. Jumlah mereka, jika dibandingkan dengan seluruh isi dunia, tidak sampai satu peratus dari seluruh penduduk dunia. Setiap penguasa yang memiliki seratus ribu tentera, misalnya, maka dia menguasai suatu wilayah yang memiliki sejuta penduduk atau lebih.

Ada kalanya suatu wilayah dari kerajaannya lebih besar bilangannya dari semua tenteranya. Jika jumlah penguasa lebih banyak dari jumlah warganya, nescaya mereka semua akan binasa. Ini kerana setiap rakyat membiayai sepuluh tentera, misalnya, dan para penguasa yang hidup bermewah-mewah. Yang demikian itu jelas tidak terbayangkan. Namun yang mencukupi bagi seorang penguasa ialah yang memiliki seribu rakyat atau lebih. Begitu juga perbincangan tentang pencuri. Jumlah mereka dalam suatu negeri lebih sedikit dari jumlah penduduk negeri itu.

Tentang dasar (alasan) yang kedua, iaitu banyaknya riba dan urus-niaga yang batal, itu juga banyak dan bukan yang paling banyak. Sebab kebanyakan kaum Muslimin melakukan urus-niaga sesuai dengan ajaran agama. Bilangan mereka yang melakukan urus-niaga dengan riba dan lainnya banyak, tetapi jika hanya transaksinya sahaja yang dihitung, sebenarnya urus-niaga yang sah lebih banyak daripada yang batal.

Kecuali jika seseorang diminta membuat anggapan tentang suatu kawasan yang dikatakan kurang mengenal malu, suka melakukan tindakan yang keji, dan kurang beragama. Sehingga terbayangkan untuk dikatakan bahawa urus-niaga

yang batal lebih banyak jumlahnya.

Yang demikian itu langka terjadi. Seandainya hal itu banyak terjadi, namun hal itu bukan yang paling banyak terjadi. Sehingga jika semua urus-niaga itu batal, maka bagaimanapun seseorang tidak terlepas dari urus-niaga yang sah yang jumlanya menyamai jumlah urus-niaga yang batal atau melebihinya.

Yang demikian ini diyakini oleh orang yang memperhatikannya. Hanya sahaja yang banyak ini mempengaruhi jiwa, kerana banyak yang rosak, jauh dari yang dikemukakan, dan memandang besar hal itu meskipun langka terjadi. Sehingga terkadang perzinaan dan kebiasaan meminum minuman keras telah merebak seperti halnya merebaknya perkara yang haram. Lalu dalam kepala timbul fikiran bahawa hal-hal tersebut paling banyak terjadi. Ini keliru, kerana kadar hal-hal itu rendah, walaupun banyak terjadi.

Adapun dasar (alasan) yang ketiga, yang paling merupakan khayalan, ialah ucapan bahawa harta-harta itu diperoleh dari tambang, tumbuhtumbuhan, dan haiwan. Tumbuh-tumbuhan dan haiwan diperoleh melalui pengembang-biakan. Jika kita melihat seekor kambing, misalnya, yang beranak setiap tahun, maka bilangan asal-usulnya sampai pada zaman Rasulullah s.a.w. lebih kurang lima ratus. Asal-usul kambing tersebut tidak bebas dari kemungkinan berasal dari perompakan dan urus-niaga yang batal. Maka bagaimanakah boleh dikatakan bahawa asal-usulnya terhindar dari perkara yang menyimpang sampai zaman kita sekarang ini?

Begitu juga benih biji-bijian dan buah-buahan memerlukan lima ratus asal-usul atau seribu asal-usul, misalnya, sampai pada permulaan agama. Hal itu tidak halal selama asalnya dan asal-usulnya tidak sampai pada zaman kenabian itu. Sedangkan barang-barang tambang, barang itu mungkin diperoleh di atas jalan permulaan dan itu adalah harta yang sedikit. Kebanyakan yang dipakai dari barang tambang tersebut ialah dirham dan dinar. Barang ini tidak keluar dari tempat penempaan.

Jika tempat penempaan tersebut berada di tangan orang yang suka melakukan tindakan aniaya, maka tempat penempaan itu seperti pertambangan yang berada di bawah kekuasaan mereka. Mereka melarang orang-orang lain memasukinya dan mengharuskan orang-orang miskin menambangnya dengan pekerjaan-pekerjaan yang berat. Kemudian mereka mengambil barang itu dari orang-orang miskin dengan merampasnya.

Jika hal itu diperhatikan, maka dapat kita ketahui bahawa adanya wang sedinar yang tidak diwarnai dengan akad yang tidak sah dan tindakan aniaya pada waktu memperolehnya di tempat menempanya dan masa setelahnya dalam urusniaga kewangan dan riba adalah jauh, langka, atau mustahil.

Jadi tidak ada yang halal kecuali haiwan buruan, rumput di padang sahara yang tidak bertuan dan lapangan yang tidak berair, dan kayu yang dibolehkan. Kemudian orang yang memperolehnya tidak mampu memakannya. Lalu mereka pun perlu membeli biji-bijian dan haiwan dengan barang tersebut, di mana biji-bijian dan haiwan itu tidak diperoleh selain dengan penanaman dan pengembangbiakan. Dengan kata lain mereka menyerahkan perkara yang halal untuk menerima perkara yang haram. Ini adalah khayalan yang kuat sekali.

Sebagai jawapan ialah bahawa menonjolnya hal itu bukan terjadi kerana banyaknya perkara haram yang bercampur-baur dengan perkara yang halal. Maka keluarlah kita dari bahagian di mana kita berada di dalamnya dan berhubungan dengan apa yang telah kita kemukakan sebelumnya. Iaitu pertentangan antara perkara yang pokok dan perkara yang biasa terjadi.

Sebab, yang pokok pada seluruh harta ialah diterimanya harta itu untuk digunakan dalam seluruh urusan dan dibolehkannya saling meredhai padanya. Hal itu sendiri ditentang oleh suatu sebab yang biasa terjadi yang mengeluarkannya dari perkara yang membaguskannya. Ini menyerupai dua pendapat asy-Syafi'i tentang hukum najis.

Menurut kami, pendapat yang lebih kuat ialah dibolehkan melakukan solat di jalan raya jika di jalan itu tidak terdapat najis, kerana debu jalan besar itu suci. Juga dibolehkan berwuduk pada bejana-bejana kaum musyrikin. Demikian juga melakukan solat di kuburan-kuburan yang dibongkar itu dibolehkan. Maka kita terlebih dahulu menetapkan hal ini, kemudian kita analogikan padanya persoalan di mana kita berada padanya.

Hal itu dikuatkan oleh tindakan Rasulullah s.a.w. yang berwuduk pada tempat air dari kulit milik seorang wanita Musyrik, dan tindakan Umar yang berwuduk pada kendi orang Nasrani, padahal minuman mereka adalah minuman keras dan makanan mereka adalah daging babi. Lagi pula mereka tidak menjaga diri dari apa yang dipandang najis oleh agama kita. Maka bagaimanakah bejana mereka bebas dari tangan mereka?

Bahkan, kita mengatakan bahawa dengan pasti kita mengetahui mereka memakai baju dari kulit haiwan yang disamak dan pakaian yang dicelup dan diputihkan. Barangsiapa yang memperhatikan keadaan penyamak kulit, pembuat kain licin dan putih, dan pencelup, nescaya dia tahu bahawa yang banyak pada mereka ialah najis. Juga kesucian pada kain-kain itu mustahil atau langka terjadi.

Malah kami mengatakan bahawa kami mengetahui mereka memakan roti dari gandum dan jelai tanpa membersihkannya dan gandum dan jelai itu diinjak oleh sapi dan haiwan-haiwan lain yang berak dan kencing di atasnya dan amat sedikit yang terhindar dari yang demikian itu.

Di samping itu mereka menunggang haiwan-haiwan yang berpeluh dan mereka tidak membasuh punggung haiwan-haiwan itu, padahal haiwanhaiwan itu membalik-balikkan tubuh mereka pada najis. Bahkan, semua haiwan itu keluar dari tubuh induknya dengan cairan najis yang terkadang hilang oleh hujan dan terkadang pula tidak hilang oleh hujan.

Selain itu mereka tidak menjaga diri dari najis. Mereka berjalan di jalan-jalan besar terkadang dengan telanjang kaki dan terkadang dengan memakai sandal. Mereka melakukan ibadat juga dengan sandal tersebut. Mereka duduk di atas tanah dan berjalan kaki dalam debu tanpa ada keperluan. Lagi pula mereka tidak berjalan kaki pada tempat yang ada kencing dan beraknya dan mereka tidak duduk pada dua tempat tersebut dan membersihkan diri daripadanya.

Bilakah jalanjalan itu terpelihara dari najis, anjing yang banyak dengan kencingnya, dan haiwan-haiwan lainnya dengan beraknya? Tidak semestinya kami menyangka bahawa waktu atau kota-kota waktu itu berbeza dengan contoh-contoh seperti itu. Sehingga timbul anggapan bahawa jalan-jalan besar waktu itu disucikan atau dijauhkan dari haiwan-haiwan. Betapa jauh yang demikian itu!

Yang demikian itu, berdasarkan kebiasaan, dapat dimaklumi dengan pasti tentang kemustahilannya. Hal itu membuktikan bahawa mereka tidak menjaga diri kecuali dari najis yang nampak atau tanda pada najis yang menunjukkan pada najis itu sendiri. Sementara tentang anggapan biasa yang menggerakkan untuk mengembalikan dirham-dirham itu pada keadaan yang biasa terjadi dalam hal ini mereka tidak memperhatikan pada hal itu.

Tentang hal itu sendiri asy-Syafi'i berpendapat bahawa air yang sedikit berubah menjadi air bernajis tanpa perubahan (warna) yang terjadi pada air itu.

Sebab, para sahabat selalu masuk ke tempat pemandian air panas dan berwuduk di kolam-kolam yang airnya sedikit. Demikian halnya bermacam-macam tangan dimasukkan di dalamnya. Ini adalah tegas pada maksud tersebut. Manakala berwuduk pada kendi orang Nasrani dibolehkan, nescaya meminumnya juga boleh dan hukum halal pun berhubungan dengan hukum najis.

Jika ada yang berpendapat bahawa perkara yang halal tidak boleh dianalogikan pada perkara yang najis, kerana mereka memperluas jalan tentang keadaan suci dan mereka menjaga diri dari syubhatsyubhat perkara yang haram dengan begitu teliti, maka bagaimanakah perkara yang halal boleh dianalogikan pada perkara yang najis?

Jawapan kami ialah jika yang dia maksudkan dengan analogi (qiyas) itu ialah bahawa mereka melaksanakan solat bersama najis, padahal solat bersama najis merupakan perbuatan maksiat dan solat merupakan tiang agama, maka anggapan itu meleset sekali.

Namun kita wajib berkeyakinan terhadap mereka bahawa mereka menjaga diri dari setiap najis yang wajib dihindari dan mereka bersikap lapang terhadap perkara yang tidak wajib dihindari. Pada sikap lapang diri itulah terdapat gambaran tentang pertentangan antara perkara yang pokok dan perkara yang biasa terjadi. Sehingga jelas bahawa perkara yang biasa terjadi, yang tidak didasarkan pada suatu tanda yang berkaitan dengan benda itu, tidak berlaku.

Adapun tentang tindakan wara' mereka terhadap perkara yang halal, maka dalam hal tersebut mereka menempuh jalan takwa. Iaitu meninggalkan apa yang tidak ada apa-apanya padanya kerana khuatir terhadap apa yang ada apa-apanya padanya. Ini kerana masalah harta merupakan perkara yang mengkhuatirkan dan nafsu cenderung padanya jika tidak boleh dikendalikan. Sedangkan masalah kesucian tidak demikian. Maka sebahagian di antara mereka ada menolak perkara yang halal semata hanya kerana khuatir hal itu menggoda hatinya.

Diriwayatkan dari salah seorang di antara mereka bahawa dia menjaga diri dari berwuduk dengan air laut, padahal air laut suci dan mensucikan. Perbezaan tentang hal itu tidak merosak maksud apa yang telah kami sepakati mengenainya, di mana kami mendasarkan diri pada dasar (alasan) ini, pada jawapan yang telah kami kemukakan sebelumnya, pada dua dasar (alasan) seperti telah disebutkan sebelumnya.

Kami tidak sependapat dengan mereka bahawa yang paling banyak adalah haram. Sebab harta, walaupun beragam asal-usulnya, tidak seharusnya asalusulnya haram. Bahkan, harta yang didapat dewasa ini sebahagian di antaranya termasuk yang diwarnai dengan tindakan aniaya, sedangkan sebahagian yang lain tidak.

Seperti halnya jumlah orang yang dirompak sejak hari ini lebih sedikit dibanding jumlah orang yang tidak dirompak dan dicuri. Begitu juga setiap harta pada setiap saat dan setiap asal-usulnya. Maka harta dunia yang dirompak dan harta setiap masa yang diperoleh dengan secara tidak sah lebih sedikit dibanding harta-harta lainnya. Kami sendiri tidak mengetahui dari bahagian mana dari kedua bahagian itu (bahagian yang dirompak dan bahagian yang tidak dirompak).

Kami tidak seiring dengan pendapat yang mengharamkan perkara yang biasa terjadi. Sebab, seperti halnya harta yang dirampas itu beranak-pinak, maka begitu juga harta yang tidak dirampas pun beranak-pinak pula. Maka tidak mustahil cabang yang lebih banyak setiap masa dan zaman pun lebih banyak. Namun, yang sering terjadi ialah biji-bijian yang dirampas itu dirampas untuk dimakan dan tidak untuk dijadikan benih.

Begitu juga kebanyakan haiwan yang dirampas adalah untuk dimakan dan tidak disimpan untuk dikembang-biakkan. Maka bagaimanakah dikatakan bahawa cabang-cabang yang haram lebih banyak? Maka asal-usul yan halal selalu lebih banyak daripada asal usul yang haram. Juga hendaknya difahami oleh orang yang mencari petunjuk dari hal tersebut jalan mengenali perkara yang lebih banyak itu. Sebab di situlah tempat tergelincirnya hati yang membuat banyak ulama salah jalan. Dalam hal ini dapat dibayangkan bagaimana halnya dengan orang awam?

Ini tentang perkara yang terjadi pada haiwan dan biji-bijian yang beranak-pinak. Sedangkan tentang barang tambang, maka barang tersebut bebas diambil oleh sesiapa sahaja, baik di negeri Turki atau lainnya. Namun, sebahagian di antaranya diambil oleh penguasa atau mereka mengambil yang tersedikit, bukan yang terbanyak. Barangsiapa yang memperoleh suatu tambang dari penguasa, maka aniayalah dia jika dia melarang orang lain memperolehnya.

Adapun tentang harta yang diambil oleh orang yang mengambilnya dari tambang, maka dia mengambilnya dari penguasa dengan membayar sewa. Yang benar adalah boleh terjadi pergantian tangan dan kekuasaan pada segala barang yang mubah (yang dibolehkan) dan menerima persewaan padanya. Sebab, orang yang

tenaganya diongkosi untuk mendapatkan air minum, jika dia telah mendapatkan air, nescaya air itu menjadi milik orang yang menyuruh mencari air itu. Sedangkan orang yang diongkosi berhak mendapat upah.

Jika kita telah selesai dari hal ini, nescaya benda emas itu sendiri tidak haram, kecuali menentukan kezalimannya dengan kekurangan ongkos kerja. Hal itu sendiri sedikit jika dibandingkan dengan emas tersebut. Selanjutnya tidak wajib mengharamkan emas itu sendiri, namun dia berbuat aniaya kerana ongkosnya belum diserahkannya.

Tentang tempat penempaan emas dan perak, maka emas yang keluar dari tempat itu tidak termasuk benda-benda emas milik penguasa yang dirampasnya dari rakyat dan kerana tindakan aniayanya terhadap manusia dengan emas tersebut. Namun, para pedaganglah yang membawa emas terurai atau mata wang kepada mereka. Lalu mereka pun mengongkosi orang-orang yang bekerja di tempat penempaan itu untuk melebur emas itu dan mencopnya menjadi wang. Dan mereka mengambil kembali seperti timbangan yang telah diserahkan kepada orang-orang di tempat penempaan. Kecuali sedikit sahaja yang ditinggalkannya sebagai upah bagi mereka terhadap pekerjaan mereka.

Yang demikian itu dibolehkan. Jika semua dinar yang ditempa itu diumpamakan berasal dari penguasa, maka jika harta itu dibandingkan dengan harta para peniaga bukan mustahil sedikit sekali. Memang, penguasa melakukan tindakan aniaya terhadap orang-orang yang mengambil upah dengan bekerja pada tempat penempaan wang, dengan mengambil cukai dari mereka, kerana dia mengkhususkan para pekerja itu dengan cukai tersebut di antara orang-orang lain. Sehingga terkumpullah harta itu di atas bahu mereka kerana tindakan menyakitkan yang dilakukan oleh penguasa.

Oleh kerana itu harta yang diambil dari penguasa adalah sebagai ganti dari tindakannya yang menyakitkan itu. Hal itu sendiri termasuk pintu tindakan aniaya dan sedikit jika dibandingkan dengan apa yang dikeluarkan sebagai hasil kerja dari tempat penempaan wang itu. Maka tidak diserahkan untuk pemilik tempat penempaan wang dan untuk penguasa, dari jumlah yang dikeluarkan dari tempat itu, dari seratus hanya satu. Atau dengan kata lain satu peratus. Maka bagaimanakah ada itu yang paling banyak?

Inilah kesalahan-kesalahan yang mendahului pada hati dengan pelbagai anggapan. Hal itu selalu dihiaskan oleh sekelompok orang yang tipis rasa keagamaannya, sehingga mereka melecehkan tindakan menjaga diri dan menutup pintunya. Lagi pula mereka juga melecehkan pembezaan orang yang membezakan antara harta yang satu dengan harta lainnya. Itulah bid'ah dan kesesatan yang sebenarnya.

Jika ada orang yang mengatakan bahawa seandainya diumpamakan perkara yang haram yang paling banyak dan antara yang terhingga dan yang tidak terhingga telah bercampur-aduk, maka apakah yang akan engkau katakan tentang hal itu jika pada benda itu tidak terdapat tanda apa pun?

Sebagai jawapan kami katakan, menurut pendapat kami bahawa meninggalkannya merupakan tindakan menjaga diri dan mengambilnya tidak haram sebab asalnya halal. Kehalalan itu tidak boleh dikesampingkan kecuali dengan suatu pertanda tertentu, seperti debu tanah jalan-jalan besar dan perkara-perkara yang serupa dengannya, malah lebih mirip lagi.

Di samping itu saya mengatakan bahawa seandainya perkara yang haram merebak di seluruh penjuru dunia, sehingga diyakini di dunia tidak terdapat perkara yang halal, maka saya katakan bahawa kita harus menyusun kembali syarat-syarat baru mulai sekarang ini dan kita maafkan syarat-syarat yang disusun pada masa lalu seraya kita mengatakan: Apa yang melampaui batas akan berbalik terhadap lawannya. Maka manakala semua perkara yang ada haram semua, maka semua hal itu menjadi halal. Sebagai bukti ialah jika peristiwa itu benar-benar terjadi, dalam hal ini ada lima kemungkinan:

Pertama. Semua manusia meninggalkan makan, sehingga semua orang mati sampai orang yang terakhir.

Kedua. Mereka mengurangi makan sampai sebatas seperlunya sahaja agar nyawa tidak melayang. Mereka selama berhari-hari berada dalam keadaan darurat ini sampai mereka mati.

Ketiga. Mereka mendapatkan apa yang diperlukan sekadarnya sahaja, dengan cara bagaimana pun juga, seperti dengan mencuri, merompak, dan suka sama suka tanpa membezakan antara harta yang satu dengan harta lainnya dan antara segi yang satu dengan segi yang lainnya.

Keempat. Mereka mengikuti syarat-syarat agama dan mengulang kembali aturan-aturannya tanpa membatasi diri pada perkara-perkara yang perlu sahaja.

Kelima. Membatasi diri di samping syarat-syarat agama tersebut pada apa yang diperlukan sahaja.

Tentang kemungkinan yang pertama jelas kebatalannya. Demikian halnya kemungkinan yang kedua. Sebab, jika seseorang membatasi diri pada apa yang sekadar membuat nyawa tidak melayang sahaja dan mereka mempergunakan seluruh waktu mereka pada kelemahan, nescaya kematian akan menyergap mereka.

Akibatnya, seluruh tindakan dan upaya pun binasa, demikian halnya seluruh dunia pun mengalami kebinasaan. Kebinasaan dunia sendiri bererti kebinasaan agama. Sebab dunia adalah tempat bercucuk-tanam untuk akhirat, untuk seluruh hukum pemerintahan, kehakiman, dan kebijaksanaan. Bahkan, maksud kebanyakan hukum fikah adalah untuk memelihara urusan duniawi agar urusan agama sempurna.

Adapun tentang kemungkinan yang ketiga, iaitu membatasi pada apa yang diperlukan sekadarnya sahaja, tanpa berlebihan, dan menayamakan antara harta yang satu dengan harta lainnya dengan perompakan, pencurian, dan kerelaan antara satu sama lainnya. Bagaimanakah boleh diseiringkan, dalam melakukan tindakan untuk memenuhi perintah agama, antara orang-orang yang berbuat satu kerosakan dan orang-orang yang berbuat pelbagai kerosakan, lalu memanjangkan tangan untuk melakukan perompakan, pencurian, dan pelbagai tindakan aniaya.

Dalam hal ini mereka tidak mungkin dihardik, kerana mereka mengatakan: "Tiada bezanya antara orang yang memiliki tangan kerana mereka berhak dengan kami. Sebab, barang yang haram itu berlaku kepada dia dan kami. Sedangkan yang memiliki tangan kerana berhak adalah sekadarnya sahaja. Padahal, yang engkau ambil dari saya melebihi dari yang diperlukan. Maka sebenarnya engkau mencuri dari orang yang barangnya melebihi keperluannya hari itu.

Jika keperluan hari ini dan tahun ini tidak dijaga, maka apakah yang akan dijaga? Juga, bagaimanakah cara menentukannya? Hal ini akan menghantarkan pada batalnya kebijaksanaan agama dan mendorong pembuat kerosakan melakukan kerosakan. Maka tiada yang tinggal selain kemungkinan yang keempat. Iaitu bahawa setiap orang yang memiliki kekuasaan terhadap apa yang ada di tangannya, maka dia lebih berhak atas apa yang ada di tangannya itu.

Dalam hal ini, terhadap orang tersebut tidak dibolehkan mengambil daripadanya dengan melakukan pencurian dan perompakan, namun hendaknya apa yang di tangannya diambil dengan persetujuannya. Ini kerana tindakan saling merelakan adalah jalan agama.

Sedangkan jika hal itu tidak dibolehkan selain dengan saling merelakan, maka untuk saling merelakan dalam agama ada cara yang berkaitan dengan segala kepentingan. Jika yang demikian itu tidak diperhatikan, maka dasar tindakan saling merelakan itu tidak tertentu dan huraian tentang hal itu tidak ada ertinya.

Tentang kemungkinan yang kelima, iaitu membatasi diri dengan sekadar yang diperlukan dan berupaya sesuai jalan agama atas orang-orang yang menguasai barang-barang tersebut, itulah yang kami pandang layak disebut sebagai tindakan menjaga diri bagi orang yang ingin meniti perjalanan ke akhirat.

Namun, tiada cara untuk mewajibkannya secara keseluruhannya. Juga, tiada pula cara untuk memasukkannya di dalam fatwa orang ramai. Sebab, tangan-tangan yang aniaya meraih kelebihan dari sekadar yang diperlukan dari tangan-tangan orang lain. Begitu juga tangan-tangan pencuri. Setiap orang yang menang cenderung suka merampas hak orang lain dan setiap orang yang memperoleh kesempatan cenderung melakukan pencurian seraya mengatakan: Tiada hak baginya selain sekadar yang diperlukannya. Dan, aku memerlukannya.

Tiada cara yang tertinggal selain wajib atas penguasa mengeluarkan segala apa yang berlebih dari sekadar yang diperlukan dari tangan para pemiliknya dan menyerahkan barang-barang itu kepada orangorang yang memerlukannya. Sehingga harta itu, dari hari ke hari atau tahun ke tahun, berputar pada semua orang. Yang demikian itu sendiri membuat berat bagi orang yang berlebih-lebihan dan menyia-nyiakan harta.

Maksud memberatkan bagi orang yang berlebihan ialah dengan banyaknya manusia, penguasa tidak sanggup melakukan yang demikian itu. Bahkan, hal itu tidak terbayangkan sama sekali olehnya.

Sedangkan maksud menyia-nyiakan harta ialah menyianyiakan harta yang berlebihan dari keperluan, apakah berupa buah-buahan, daging, atau biji-bijian. Semestinyalah semua harta itu dibuang ke laut atau ditinggalkan sehingga membusuk. Sebab, buahbuahan dan biji-bijian yang dijadikan oleh Allah berlebih dari jumlah yang memuaskan dan menyenangkan umat manusia. Jadi, bagaimanakah hal itu

sebatas keperluan mereka sahaja?

Hal itu sendiri membuat gugurnya kewajipan ibadat haji, zakat, segala kafarat yang berkaitan dengan harta, dan seluruh ibadat yang berkaitan dengan harta kekayaan seseorang jika orang itu menjadi tidak memiliki harta selain sekadar keperluannya sahaja. Padahal, hal itu buruk sekali. Bahkan, saya mengatakan bahawa seandainya ada nabi yang datang sekarang ini, nescaya wajib baginya mengulangi persoalan tersebut dan menyiapkan penjelasan tentang pelbagai sebab hak milik dengan secara saling merelakan dan cara-cara yang lain. Juga, melakukan apa yang semestinya dilakukannya seandainya dia mendapatkan semua harta itu halal tanpa ada perbezaan antara satu sama lainnya.

Yang saya maksudkan dengan ucapan saya "wajib baginya" ialah jika Nabi itu termasuk orang yang diutus untuk kepentingan umat manusia dalam kaitannya dengan agama dan dunia mereka. Sebab, perbaikan tidaklah sempurna dengan mengembalikan kepada umat manusia pada umumnya, sekadar keadaan darurat dan keperluan sahaja.

Sedangkan jika nabi tersebut tidak diutus untuk melakukan perbaikan, maka hal tersebut tidak wajib baginya. Selain itu kita memandang boleh bahawa Allah SWT mentakdirkan suatu sebab yang dengan sebab tersebut Dia membinasakan segala makhluk sampai orang yang terakhir. Sehingga dunia mereka pun hilang dan keagamaan mereka pun terpesong. Ini kerana Allah SWT boleh sahaja menyesatkan sesiapa sahaja yang dikehendaki-Nya dan memberi petunjuk kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya dan menghidupkan sesiapa sahaja yang dikehendaki-Nya.

Namun kita mengumpamakan suatu keadaan yang berlaku sesuai dengan perkara yang biasa terjadi menurut sunnah Allah SWT dalam mengutus para nabi untuk melakukan perbaikan agama dan dunia. Dan saya tidak mengumpamakan hal itu terjadi dan ada. Sesungguhnya Allah telah mengutus Nabi s.a.w., di antara para nabi, pada waktu kosong dan masa Nabi Isa a.s. telah berlalu mendekati enam ratus tahun.

Umat manusia sendiri waktu itu terbahagi dua: kelompok yang mendustakan; dari kalangan kaum Yahudi mahupun kaum-kaum lainnya, dan kelompok yang membenarkan. Demikian halnya kefasikan sendiri waktu itu telah merebak di antara mereka, seperti halnya yang terjadi pada masa kini. Orang-orang kafir waktu itu berhadapan dengan pelbagai aliran agama. Sedangkan harta-harta yang ada berada

di tangan orang-orang yang mendustakan dan membenarkannya.

Adapun orang-orang yang mendustakan Nabi Isa a.s. ialah orangorang yang melakukan urus-niaga bukan berdasarkan ajaran agama. Sedangkan orang-orang yang membenarkannya memandang enteng pokok pembenaran. Ini seperti halnya yang terjadi dalam kalangan kaum Muslimin pada masa kini, padahal masa kenabian masih dekat sekali. Sehingga semua harta itu, atau kebanyakan di antaranya, atau yang terbanyak, merupakan harta haram.

Nabi s.a.w. sendiri telah memaafkan apa yang telah terjadi pada masa lalu dan tidak menyinggungnya. Di samping itu beliau pun telah menentukan para pemegang harta itu dan menyediakan agama untuk yang dimaksud. Sehingga apa yang telah tetap pengharamannya di dalam agama pun tidak berubah menjadi halal kerana adanya rasul yang diutus. Juga, perkara yang haram pun tidak menjadi halal dengan menyerahkannya ke tangannya.

Kita tidak menarik sebagai upeti (cukai) dari orang-orang dzimmi benda yang kita ketahui merupakan pembayaran harga minuman keras atau harta riba. Harta mereka waktu itu mirip dengan harta kita masa kini. Sementara keadaan orang-orang Arab lebih keras lagi, sebab waktu itu perompakan merajalela dalam kalangan mereka. Dari hal tersebut nampak jelas bahawa kemungkinan keempat ditentukan dalam fatwa. Sedangkan kemungkinan yang kelima merupakan jalan tindakan menjaga diri.

Bahkan, kesempurnaan tindakan menjaga diri tersebut terbatas pada perkara-perkara yang diperkenankan (mubah) sesuai dengan kadar yang diperlukan. Dan meninggalkan sikap berlapang dada di dalam masalah duniawi secara sepenuhnya, itulah jalan menuju akhirat.

Sekarang marilah kita membahas persoalan tentang fikah yang berkaitan dengan kepentingan umat manusia. Sedangkan fatwa secara lahiriah memiliki hukum dan aturan yang sesuai dengan yang dikehendaki oleh kemaslahatan dan jalan agama menjadi tidak mampu dilaksanakan kecuali oleh beberapa peribadi. Jika semua orang melibatkan diri dengan hal tersebut, nescaya peraturan yang ada akan kacau balau dan dunia akan binasa. Sebab, yang demikian itu merupakan tuntutan kerajaan besar di akhirat.

Jika semua umat manusia melakukan tuntutan kerajaan dunia dan meninggalkan seluruh pekerjaan yang hina dan usaha kecil-kecilan, nescaya aturan yang

ada akan rosak. Sebab, para pekerja sebenarnya mengerahkan tenaga mereka agar kerajaan bagi para raja menjadi tegak. Begitu juga orang yang memusatkan perhatian terhadap dunia mengerahkan tenaganya agar jalan agama, iaitu kerajaan akhirat, lurus bagi orang-orang yang beragama. Jika tidak demikian, nescaya agama mereka tidak akan selamat bagi orang-orang yang beragama.

Oleh kerana itu syarat keselamatan agama bagi mereka ialah hendaknya sebahagian besar di antara mereka berpaling dari jalannya dan bekerja melaksanakan seluruh urusan duniawi. Hal itu sendiri merupakan bahagian terdahulu dari kehendak azali dengannya.

Allah SWT berfirman:

نَحۡنُ قَسَمۡنَا بَيۡنَهُم مَّعِيشَتَهُمۡ فِي ٱلۡحَيَوٰةِ ٱلدُّنۡيَاۚ وَرَفَعۡنَا بَعۡضَهُمۡ فَوۡقَ بَعۡضٖ دَرَجَٰتٖ لِّيَتَّخِذَ بَعۡضُهُم بَعۡضٗا سُخۡرِيّٗا

"*Kami membahagi-bahagikan antara mereka segala keperluan hidup mereka dalam kehidupan dunia ini, dan juga Kami telah menjadikan darjat setengah mereka tertinggi dari darjat setengahnya yang lain; (semuanya itu) supaya sebahagian dari mereka senang mendapat kemudahan menjalankan kehidupannya dari (bantuan) setengahnya yang lain.*"

(al-Zukhruf: 32)

Jika ada orang mengatakan bahawa kita tidak memerlukan keadaan meratanya pengharaman sehingga tiada lagi perkara yang halal, kerana yang demikian itu tidak pernah terjadi. Lagipula hal itu telah diketahui dan tidak syak lagi sebahagian di antara hal itu haram. Yang sebahagian itu sendiri yang paling sedikit atau yang paling banyak dan mendapat perhatian.

Selanjutnya apa yang engkau kemukakan bahawa perkara yang diharamkan adalah yang tersedikit jika dibandingkan dengan semua perkara yang ada, memang merupakan perkara yang jelas. Namun, sepatutnya ada landasan yang membolehkannya, yang tidak termasuk sebahagian dari kepentingan kesinambungan.

Sedangkan apa yang engkau kemukakan tentang seluruh pembahagian tersebut merupakan kepentingan kesinambungan. Maka seharusnya baginya

landasan yang menentukan, di mana kepentingan kesinambungan tersebut dianalogikan pada landasan tersebut. Sehingga landasan itu diterima secara sepakat, kerana sebahagian ulama tidak menerima kepentingan pelanjutan (al-mashalin al-mursalah) hal tersebut.

Sebagai jawapan, saya katakan bahawa seandainya perkara yang haram sebagai perkara yang paling sedikit diterima, maka cukuplah bagi kita masa Rasulullah s.a.w. dan para sahabat beliau menjadi landasan adanya riba, pencurian, pengambilan harta orang lain dengan secara diam-diam, dan penyerbuan.

Dan jika diumpamakan ada suatu masa di mana perkara yang paling banyak ialah harta yang haram, maka perkara yang haram itu boleh diambil. Ada tiga perkara yang menjadi landasan:

Pertama. Pembahagian yang telah kami kemukakan sebelumnya dan empat di antaranya kita batalkan dan bahagian kelimalah yang kita tetapkan. Jika yang demikian itu berlaku, yakni jika seluruh perkara yang ada haram, tentu lebih tepat jika perkara yang haram itu yang paling banyak atau paling sedikit.

Sedangkan pendapat orang yang mengatakan bahawa hal itu merupakan pelanjutan kepentingan, pendapat itu timbul dari fikiran yang lemah. Sebab, orang yang berpendapat demikian itu sebenarnya berkhayal tentang perkara-perkara yang penuh anggapan belaka dan ini diyakini demikian. Kami tidak syak bahawa kepentingan agama dan dunia adalah kehendak agama. Hal itu mudah dimengerti dan tidak berdasarkan dugaan (anggapan).

Juga tidak syak lagi bahawa mengembalikan seluruh umat manusia pada keadaan darurat sekadarnya sahaja, atau sekadar yang diperlukan, atau pada rumput dan haiwan buruan, pertama-tama akan menghancurkan dunia dan kemudian, menerusi perantaraan dunia, merosakkan agama. Maka apa yang tidak meragukan lagi tidak memerlukan pada asal yang membuktikannya. Dan yang nampak ialah khayalan-khayalan yang penuh dengan anggapan yang berkaitan dengan perseorangan.

Kedua. Diberikan alasan dengan analogi yang menghuraikan yang diacukan pada pokok yang disepakati oleh para ahli fiqh yang menyukai analogi parsial (qiyas juz'i). Jika bahagian-bahagian itu dipandang tidak bererti, menurut orang-orang yang membolehkannya, dibanding dengan contoh yang telah kami kemukakan sebelumnya tentang keseluruhan perkara yang membuat pentingnya

nabi seandainya diutus pada suatu masa di mana perkara yang haram merajalela di manamana. Sehingga seandainya hukum lain dilaksanakan, nescaya dunia akan runtuh.

Analogi yang menghuraikan yang bercorak parsial iaitu bertentangan antara pokok dan perkara yang biasa terjadi, tentang perkara yang terputus padanya tanda-tanda yang menentukan dari perkara yang tidak terhingga. Maka perkara yang pokok tidak dihukumi dengan perkara yang biasa terjadi, sebab menganalogikannya pada debu jalan, kendi wanita Nasrani, dan bejana orang-orang musyrik. Yang demikian itu telah kita buktikan pada pembahasan sebelumnya dengan perbuatan para sahabat Nabi.

Ucapan kami "tanda-tanda yang menentukan terputus" adalah menjaga dari bejana-bejana yang padanya berlaku ijtihad. Sedangkan ucapan kami "tidak terbataskan" adalah menjaga dari keserupaan, iaitu bangkai dan wanita susuan dengan yang disembelih dan wanita asing yang boleh dinikahi.

Jika ada orang yang mengatakan bahawa adanya air itu suci lagi menyucikan adalah diyakini, dan hal itu adalah asalnya. Dan siapakah yang menerima bahawa asal segala harta adalah halal, tetapi asal segala harta ialah pengharaman.

Kami jawab: Bahawa segala keadaan yang tidak diharamkan kerana sesuatu sifat pada zatnya, seperti halnya keharaman minuman keras dan babi, maka dijadikanlah pada suatu sifat, yang tersedia menerima urus-niaga dengan cara saling merelakan, seperti halnya air dijadikan tersedia untuk wuduk.

Dan sesungguhnya telah timbul keraguan tentang kebatalan persediaan itu pada minuman keras dan babi. Maka tiada perbezaan di antara kedua keadaan itu. Sebab, dia keluar dari menerima urus-niaga dengan cara saling merelakan, maka masuknya tindakan aniaya padanya seperti halnya keluarnya dari menerima wuduk kerana masuknya najis padanya. Dalam hal ini tiada perbezaan di antara kedua keadaan tersebut.

Sebagai jawapan yang kedua ialah bahawa tangan adalah bukti jelas yang menunjukkan pada hak milik yang berkedudukan seperti halnya kedudukan istishhab. Bahkan, lebih kuat dari istishhab dengan landasan bahawa agama mengkaitkan hak milik itu dengan istishhab. Sebab, barangsiapa yang didakwa bahawa dia berhutang, maka yang didengar ialah perkataan orang yang didakwa tersebut. Ini kerana pada asalnya dia bebas dari beban hutang. Ini adalah istishhab.

Barangsiapa yang menjadi terdakwa bahawa ada hak milik orang lain dalam tangannya, maka suara yang didengar di sini ialah suaranya, kerana menempatkan tangan itu pada kedudukan istishhab. Sehingga segala apa sahaja adalah hak miliknya, selama belum ada bukti yang menunjukkan sebaliknya dengan tanda-tanda tertentu.

Ketiga: Segala sesuatu yang menunjukkan pada jenis yang tidak terhingga dan tidak menunjukkan pada sesuatu yang tertentu, tidak diperhatikan, walaupun sesuatu itu dipastikan. Maka sesuatu yang menunjukkan hanya berdasarkan anggapan semata lebih tidak diperhatikan lagi.

Lebih jelasnya bahawa sesuatu yang diketahui kepunyaan si Zaid, maka haknya tersebut mencegah orang lain berbuat sesuatu pada hak miliknya tanpa izinnya. Jika diketahui bahawa sesuatu itu ada pemiliknya di dunia ini, namun kemudian susah untuk menemukan si pemiliknya dan ahli warisnya, maka harta itu diperuntukkan untuk kepentingan kaum Muslimin dan boleh dikelola dengan memandang pada hukum kepentingan umum.

Namun, jika ada yang menunjukkan bahawa sesuatu itu mempunyai pemilik yang terbatas pada sepuluh orang atau dua puluh, misalnya, maka sesuatu itu tidak boleh dikelola berdasarkan hukum kepentingan umum.

Oleh kerana itu yang diragukan ialah apakah sesuatu itu memiliki pemilik lain selain yang memegangnya atau tidak, tidak melebihi dari yang diyakini secara pasti bahawa sesuatu itu memiliki pemilik, namun si pemiliknya tidak dikenal. Maka hendaknya dibolehkan mengelola sesuatu itu untuk kepentingan umum. Kepentingan umum ialah apa yang telah kami kemukakan sebelumnya pada bahagian kelima. Jadi, asal itu menjadi saksi baginya.

Bagaimana tidak akan demikian? Setiap harta hilang, yang ketiadaan pemiliknya, pun dipergunakan penguasa untuk kepentingan umum. Di antara kepentingan umum tersebut ialah untuk kepentingan kaum miskin dan lain-lainnya. Jika sesuatu itu diserahkan untuk kepentingan kaum miskin, maka sesuatu itu pun menjadi hak milik kaum miskin tersebut dan penggunaan sesuatu itu pun berlaku.

Jika kemudian ada orang yang mencuri sesuatu itu dari si miskin tersebut, maka tangan si pencuri dihukum potong. Maka bagaimanakah urusan si miskin itu berlaku pada hak milik orang lain, tentu tidak demikian, kecuali kerana kita telah menetapkan bahawa kepentingan umum menghendaki perpindahan hak

milik kepada si miskin tersebut dan sesuatu itu pun halal baginya. Jadi, kita telah memberikan hukum berdasarkan apa yang diwajibkan oleh kepentingan umum itu.

Jika ada orang yang mengatakan: Hal itu terbatas jika berada di bawah pengelolaan penguasa. Jawapannya: penguasa tidak diperkenankan mengelola hak milik orang lain tanpa seizin pemiliknya dan tiada alasan bagi penguasa untuk mengelola sesuatu itu selain demi kepentingan umum. Iaitu jika sesuatu itu dibiarkan begitu sahaja, nescaya suatu itu akan hilang.

Kerana itu, sesuatu itu pun berganti-ganti kedudukan antara disia-siakan dan diserahkan untuk suatu kepentingan. Dalam hal ini, menyerahkannya pada suatu kepentingan lebih mengandungi manfaat daripada menyia-nyiakannya. Maka tanggungjawab atas sesuatu itu pun ada di pihak si penguasa.

Sementara kemanfaatan sesuatu yang diragukan dan pengharamannya pun tidak diketahui, maka penetapan pada sesuatu itu dengan penunjukan tangan (yang memegang sesuatu itu) dan dibiarkan atas tanggung jawab orang yang mempunyai kekuasaan atas sesuatu itu. Sebab, mencabut kekuasaan atas sesuatu itu dari tangan orang yang memegangnya, dengan alasan ragu-ragu dan memberatkan mereka menggunakan yang seperlunya sahaja, menghantarkan pada bahaya yang telah kami kemukakan sebelumnya.

Aspek-aspek kemaslahatan itu beragam. Sebab, si penguasa terkadang berpandangan bahawa kemaslahatan mendorongnya membangun jambatan dengan sesuatu itu. Terkadang pula kemaslahatan mendorongnya menyerahkan sesuatu itu kepada pasukan kaum Muslimin.

Terkadang pula kemaslahatan mendorongnya menyerahkan sesuatu itu kepada kaum fakir dan miskin. Sehingga si penguasa itu pun selalu memperhatikan kemaslahatan itu ke arah mana kemaslahatan itu digiring. Begitu juga, fatwa tentang perkara yang seperti itu pun mengikuti kemaslahatan yang ada.

Tidak termasuk dalam hal ini ialah bahawa orang tidak diseksa kerana barang-barang yang berdasarkan anggapan-anggapan yang tidak didasarkan pada hal khusus tentang pemilikan benda-benda itu. Demikian halnya tidak dipersalahkan pula penguasa dan kaum miskin yang mengambil sebahagian barang-barang itu, kerana sepengetahuan mereka barang-barang itu ada yang memilikinya, namun mereka tidak mengetahui peribadi pemilik yang dimaksud. Dalam hal ini tidak ada bezanya antara diri pemilik itu sendiri dengan barang-barang yang dimiliki dalam

pengertian tersebut.

Inilah huraian tentang syubhat percampuran. Syubhat ini tidak nampak jelas kecuali dengan memperhatikan percampuran benda-benda cair, dirham, dan benda-benda lain yang ada pada tangan seorang pemilik. Huraian tentang hal itu semua akan dikemukakan di dalam bab tentang jalan keluar dari tindakan aniaya.

Jenis ketiga: Syubhat kerana adanya hubungan kemaksiatan dengan sebab yang menghalalkan. Hubungan itu terlihat pada sesuatu itu sendiri, pada tujuannya, pada permulaannya, atau pada persoalan jual-beli. Namun, maksiat ini bukan sejenis maksiat yang merosak suatu akad (ikatan perjanjian), dan bukan pula sebab yang menghalalkan sesuatu.

Maksiat yang berhubungan dengan sesuatu itu sendiri contohnya adalah, berjual-beli pada waktu azan hari Jumaat, atau setelah azan solat Jumaat, memotong kayu dengan kapak hasil curian, menyembelih dengan pisau milik orang lain tanpa izin, menjual dengan harga di bawah penjualan orang lain, dan menawar di atas tawaran yang masih terjadi atas diri orang lain. Semua itu bukanlah sesuatu yang diharamkan pada asalnya, namun menjadi diharamkan akibat tindak maksiat yang mengiringinya.

Maka mencegah diri dari semua itu merupakan tindakan menjaga diri, walaupun yang diperoleh dengan sebab tersebut tidak dipandang haram. Menamakan perkara yang semacam tersebut sebagai syubhat merupakan tindakan yang tidak terlalu mempersulit diri. Sebab, syubhat yang demikian itu biasanya ditujukan terhadap kehendak untuk menyerukan diri dan kebodohan.

Padahal, di sini tidak terdapat keserupaan. Namun, kemaksiatan penyembelihan dengan pisau orang lain sama-sama diketahui. Demikian juga halnya kehalalan penyembelihan itu juga sama-sama diketahui. Ini kerana terkadang kata "syubhat" diambil dari kata "musyabahat" (keserupaan).

Memperoleh hasil dari hal-hal tersebut adalah makruh dan kemakruhan itu menyerupai pengharaman (tahrim). Jika yang dimaksudkan dengan syubhat adalah pengertian yang demikian itu, maka penamaannya dengan syubhat mempunyai dasar. Jika tidak demikian maka semestinya disebut sahaja dengan makruh, bukan syubhat. Jika maksudnya telah diketahui, maka tiada perselisihan lagi tentang istilahnya. Ini kerana di antara kebiasaan para ahli fiqh ialah mereka tidak memperhatikan benar pemberian istilah.

Kemudian perlu diketahui bahawa hal makruh mempunyai tiga peringkat. Peringkat yang pertama mendekati pada perkara-perkara yang haram dan tindakan menjaga diri daripadanya adalah penting. Sedangkan penghabisannya berujung pada semacam tindakan bersangatan yang hampir berkaitan dengan tindakan menjaga diri orang-orang yang waswas. Di antara kedua peringkat itu adalah peringkat tengah-tengah yang cenderung pada kedua peringkat tersebut.

Oleh kerana itu, kemakruhan memakan haiwan buruan yang ditangkap oleh anjing rampasan lebih berat daripada kemakruhan memakan haiwan sembelihan dengan pisau rampasan atau yang ditangkap dengan panah yang dirampas. Kerana anjing tersebut memiliki inisiatif. Para ulama berbeza pendapat tentang haiwan yang diperoleh anjing buruan itu untuk si pemilik anjing atau untuk pemburu yang memakai anjing rampasan tersebut.

Syubhat yang mendekati syubhat tersebut ialah kesyubhatan benih yang ditanam pada tanah yang dirampas. Sebab, tanaman itu merupakan hak si pemilik benih, namun padanya terdapat syubhat. Jika hak menahan pemilik tanah pada tanaman itu kita akui, nescaya hal itu seperti harga yang haram.

Namun, yang lebih sesuai menurut analogi ialah hak menahan itu tidak diakui, seperti jika dia menumbuk pada tempat tumbukan tepung yang dirampas dan menangkap burung dengan jaring yang dirampas. Sebab, hak pemilik jaring pada kegunaannya tidak ada kaitannya dengan pemburuan.

Syubhat lain yang mendekati syubhat tersebut ialah tindakan memotong kayu api dengan kampak yang dirampas dan menyembelih haiwan sembelihan milik sendiri dengan pisau yang dirampas. Sebab, tidak seorang pun yang mengatakan keharaman sembelihan itu.

Serupa dengan hal itu ialah berjual beli pada waktu azan hari Jumaat. Ini kerana hal tersebut lemah kaitannya dengan maksud akad, walaupun beberapa ulama berpendapat bahawa akadnya batal. Ini kerana tiada padanya selain bahawa kesibukan orang itu dengan berjual beli membuatnya meninggalkan kewajipan lain yang menjadi tugasnya.

Jika penjualan itu batal dengan perkara yang seperti itu, nescaya batallah jualbeli semua orang yang ada padanya dirham zakat atau solat qadha yang wajib dilaksanakan dengan segera. Atau dalam tanggungan seseorang terdapat sebuah daniq (seperenam dirham) yang diperoleh dengan cara yang tidak sah.

Kesibukan seseorang berjual-beli saat itu akan mencegahnya menunaikan kewajipan. Sebab, kewajipan Jumaat tidak ada selain setelah azan diserukan. Hal itu sendiri membuat tidak sahnya perkahwinan anak-anak orang yang melakukan tindakan aniaya dan setiap orang yang ada dalam tanggungannya sedirham.

Sebab, keasyikannya dengan ucapannya membuatnya melalaikan perbuatan yang menjadi kewajipannya. Kecuali dari segi datangnya larangan secara khusus pada hari Jumaat yang terkadang mendahului pada pemahaman akan suatu keistimewaan pada hari Jumaat, sehinga kemakruhan itu menjadi lebih berat. Namun tidak mengapa bersikap hati-hati padanya, walaupun terkadang hal itu menimbulkan perasaan waswas. Sehingga hal itu mempersempit perkahwinan anakanak perempuan orang-orang yang melakukan tindakan aniaya dan urus-niaga-urus-niaga mereka yang lain.

Diriwayatkan dari sebahagian mereka bahawa dia membeli suatu barang dari seorang lelaki. Lalu dia mendengar kemudian bahawa lelaki tersebut membeli barang itu pada hari Jumaat. Maka dia pun mengembalikan barang tersebut kerana khuatir barang itu dibelinya pada waktu azan. Ini merupakan tindakan yang berlebihan, sebab dia mengembalikan barang itu berdasarkan persangkaan semata.

Sedangkan persangkaan yang seperti ini, tentang penilaian terhadap pelbagai larangan atau perkara-perkara yang batal, tidak terputus pada hari Sabtu dan hari-hari lainnya. Dan tindakan menjaga diri itu baik dan bersangatan padanya lebih baik, tetapi sampai pada batas yang dimaklumi.

Nabi s.a.w. bersabda: "*Binasalah orang-orang yang berlebih-lebihan dalam melakukan tindakannya.*" (HR. Muslim)

Oleh kerana itu, hendaknya kita menjaga diri dari berlebih-lebihan dalam melakukan perkara yang seperti itu. Sebab, walaupun keadaan itu tidak mendatangkan kesan buruk terhadap orang yang melakukan yang demikian itu, namun mungkin hal itu menimbulkan persangkaan pada orang lain bahawa keadaan yang seperti itu penting.

Kemudian dia sendiri merasa lemah dari keadaan yang lebih mudah dari hal itu, sehingga dia pun meninggalkan pokok tindakan menjaga diri. Hal itu adalah tempat sandaran kebanyakan manusia pada zaman sekarang ini, kerana bagi mereka jalan telah sempit. Lalu kerana merasa putus asa dalam melaksanakannya, mereka pun mencampakkan hal itu. Seperti halnya orang yang waswas ketika

bersuci, terkadang dia lemah dari bersuci, sehingga dia lalu meninggalkannya. Maka seperti itu pula sebahagian orang yang waswas tentang perkara yang halal yang dikuasai persangkaan bahawa semua harta dunia haram. Lalu mereka pun berlapang-lapang tentang itu dan meninggalkan pembedaan yang ada. Hal itu jelas merupakan kesesatan.

Adapun maksiat yang berhubungan dengan tujuan dari sesuatu adalah, semua pengeluaran berlebihan yang membawanya kepada jalan kemaksiatan. Contohnya, menjual buah anggur kepada seorang pembuat arak, menjual benda-benada tajam kepada perompak. Ada perbezaan pendapat di antara para ulama tentang halal dan haramnya perkara tersebut.

Yang lebih sesuai dengan analogi ialah bahawa yang demikian itu sah dan wang yang diperolah dari hal itu pun halal. Hanya sahaja orang itu berbuat maksiat dengan akadnya, seperti halnya orang yang berbuat maksiat kerana menyembelih dengan pisau yang dirampas. Haiwan sembelihannya halal, namun dia berbuat maksiat seperti halnya maksiatnya memberi pertolongan pada perbuatan yang maksiat. Ini kerana perbuatan tersebut tidak ada kaitannya dengan akad itu sendiri. Maka yang diperoleh daripadanya adalah makruh yang bersangatan dan bukan merupakan perkara yang haram.

Peringkat yang kedua ialah menjual buah anggur kepada orang yang suka meminum minuman keras, tetapi orang itu bukan pembuat minuman keras. Juga, menjual pedang kepada orang yang berperang dan melakukan tindakan aniaya. Ini kerana kemungkinan yang ada bertentangan. Orang-orang dari generasi terdahulu memandang makruh penjualan pedang pada waktu terjadi kekacauan, kerana ditakutkan pedang itu akan dibeli orang yang melakukan tindakan aniaya. Ini adalah tindakan menjaga diri di atas peringkat yang pertama dan kemakruhan padanya lebih ringan.

Peringkat yang ketiga ialah tindakan orang yang lebih bersangatan lagi dan hampir mendekati perasaan waswas. Iaitu pandangan suatu kelompok yang mengatakan bahawa tidak dibolehkan melakukan jual-beli dengan kaum tani. Misalnya menjual alat-alat pertanian kepada mereka. Ini kerana para petani mendapat pertolongan dengan alat-alat tersebut dalam membajak dan menjual makanan yang diperolehnya kepada orang-orang yang melakukan tindakan aniaya. Bahkan, di antara orang-orang itu ada yang tidak menjual sapi, tanah dan alat-alat pertanian kepada para petani itu.

Itu adalah tindakan menjaga diri orang-orang waswas. Sebab, yang demikian membuat orang tidak mahu menjual makanan kepada para petani, kerana dengan makanan itu boleh membuat mereka mendapatkan kekuatan untuk bertani, di samping tidak mahu memberi mereka minum dari air umum. Yang demikian itu berkesudahan pada batas tindakan berlebih-lebihan yang dilarang. Dan setiap yang menuju kepada sesuatu dengan maksud kebajikan nescaya akan berlebihan jika tidak dicela oleh ilmu yang sebenarnya.

Bahkan, terkadang seseorang melangkah lebih jauh dengan melakukan sesuatu tindakan yang dipandang bid'ah dalam agama, sehingga orang-orang lain setelahnya tertimpa kesan buruk dengan bid'ah itu. Sementara dia menyangka bahawa dia telah berbuat kebajikan. Oleh kerana itulah Nabi s.a.w. bersabda:

فَضْلُ الْعَالِمِ عَلَىٰ الْعَابِدِ كَفَضْلِي عَلَىٰ أَدْنَىٰ رَجُلٍ مِنْ أَصْحَابِي

"Kelebihan orang yang berilmu terhadap orang yang beribadat (tetapi kurang ilmu) adalah seperti kelebihanku terhadap orang lelaki yang terendah dari para sahabatku."

Orang-orang yang bertindak secara berlebihan tersebut adalah orang-orang yang ditakutkan termasuk sebahagian dari orang-orang difirmankan Allah:

ٱلَّذِينَ ضَلَّ سَعْيُهُمْ فِى ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا وَهُمْ يَحْسَبُونَ أَنَّهُمْ يُحْسِنُونَ صُنْعًا

"*(Iaitu) orang-orang yang telah sia-sia amal usahanya dalam kehidupan dunia ini, sedangkan mereka menyangka bahawa mereka sentiasa betul dan baik pada apa sahaja yang mereka lakukan.*"

(al-Kahfi: 104)

Ringkasnya: Tidak semestinya seseorang menghabiskan waktunya dengan tindakan menjaga diri terhadap perkara yang kecil-kecil, kecuali tindakannya itu di bawah pengarahan seorang ulama yang benar-benar memiliki ilmu yang luas. Sebab jika dia melampaui batas dari apa yang digambarkan baginya dan dia berbuat dengan hatinya tanpa mendengar saran dari orang yang mengetahui, nescaya yang dirosakkannya lebih banyak daripada yang diperbaikinya.

Diriwayatkan dari Sa'ad bin Abu Waqqash r.a. bahawa suatu hari dia membakar buah anggurnya yang belum kering, kerana dia khuatir anggur keringnya nanti terjual kepada orang yang membuat minuman keras.

Saya tidak memahami alasan tindakan Sa'ad bin Abu Waqqash tersebut, tidak diketahui sebab khusus yang mengharuskan pembakaran itu. Sebab, orang yang lebih tinggi darjat daripadanya, dari kalangan para sahabat, tidak pernah membakar buah anggur yang belum kering dan batang kurma. Seandainya hal itu boleh, nescaya memotong kemaluan lelaki kerana takut zina juga dibolehkan. Juga boleh memotong lidah kerana takut berbohong dan segala perbuatan lainnya yang merosakkan.

Adapun maksiat yang berhubungan dengan permulaan dari sesuatu terdiri dari tiga tingkat. Yang terendah, menengah, dan tertinggi.

Peringkat tertinggi: Yang bersangatan makruh padanya ialah tindakan yang bekasnya masih boleh didapatkan pada barang yang menjadi obyek tindakan itu, seperti memakan daging kambing yang diberi makan dengan hasil rampasan atau digembalakan pada tempat penggembalaan yang haram. Yang demikian itu merupakan perbuatan maksiat dan menjadi sebab kekalnya perbuatan maksiat tersebut. Kadang-kadang yang tertinggal hanyalah darahnya, dagingnya, dan bahagian-bahagian seperti itu.

Tindakan menjaga diri dari yang demikian itu penting walaupun tidak wajib. Yang demikian itu diriwayatkan dari sekelompok salaf. Abu Abdullah at-Tusi at-Turughandi, misalnya, mempunyai seekor kambing yang setiap hari dipikulnya di atas tengkuknya ke tanah lapang dan digembalakannya di sana, lalu dia mengerjakan solat dan makan dari susunya. Suatu hari dia cuai mengawasi kambing itu, lalu kambing itu mengambil daun anggur di pinggir sebuah kebun. Lalu dia pun meninggalkan kambing tersebut dalam kebun itu dan dia memandang tidak halal mengambilnya lagi.

Diriwayatkan dari Abdullah bin Umar dan Ubaidullah bahawa suatu hari keduanya membeli seekor unta, lalu keduanya membawa unta itu ke hutan larangan. Unta itu pun merumput di situ, sehingga unta itu pun menjadi gemuk. Lalu Umar r.a. bertanya: "Apakah kamu berdua menggembalakannya pada hutan larangan?" Keduanya menjawab: "Ya." Maku Umar memberikannya kepada keduanya separuh dari unta itu. Ini menunjukkan Umar berpendapat bahawa daging yang berasal dari makanan itu merupakan hak orang yang tidak memiliki makanan. Maka hal ini mewajibkan pengharaman.

Kami menjawab bahawa bukanlah seperti yang demikian. Sebab, makanan itu rosak dengan dimakan, sedangkan daging itu adalah kejadian baru dan daging

bukan makanan itu sendiri. Maka menurut agama si pemilik makanan tidak miliki bahagian dalam kes tersebut. Namun, tagihan Umar tersebut pada keduanya adalah sebagai harga rumput dan berpendapat yang demikian itu adalah seharga separoh unta. Maka pengambilan separoh tersebut adalah ijtihad.

Ini seperti halnya tindakan Sa'ad bin Abu Waqqash yang membahagi dua hartanya tatkala dia datang dari Kufah. Begitu juga seperti halnya tindakan Abu Hurairah r.a. yang membahagi dua hartanya kerana berpendapat semua harta itu bukan menjadi hak yang bekerja dan berpendapat separoh daripadanya mencukupi hak pekerjaan mereka dan menentukannya dengan separoh berdasarkan ijtihad.

Peringkat pertengahan: Adapun peringkat tengah ialah apa yang diriwayatkan dari Bisyr bin al-Harith bahawa dia menolak air minuman yang dialirkan dari sungai yang digali oleh orang-orang yang melakukan tindakan aniaya. Ini kerana sungai itulah yang menyampaikan air kepadanya dan penggalian sungai itu merupakan tindakan derhaka kepada Allah. Sebahagian yang lain menolak buah anggur yang batangnya disirami dengan air yang mengalir dari sungai yang digali dengan secara aniaya. Ini adalah peringkat lebih tinggi daripada peringkat yang telah dikemukakan sebelumnya dan merupakan tindakan menjaga diri yang lebih bersangatan.

Sementara itu beberapa orang yang lain menolak meminum air dari perusahaan-perusahaan penguasa di jalan-jalan. Yang lebih tinggi dari itu ialah tindakan Dzun-Nun yang menolak memakan makanan halal yang diberikan kepadanya menerusi tangan penjaga penjara. Beliau berkata: "Makanan itu sampai kepadaku menerusi tangan orang yang melakukan tindakan zalim." Dan darjat dari peringkat-peringkat ini tidak terhingga.

Peringkat ketiga: Peringkat ketiga ialah tindakan yang mendekati pada waswas dan berlebih-lebihan sehingga seseorang menolak barang halal yang sampai kepadanya melalui perantaraan tangan orang yang berbuat maksiat kepada Allah, dengan melakukan perzinaan atau menuduh orang melakukan perzinaan. Hal itu tidak seperti jika dia berbuat maksiat dengan memakan yang haram, kerana yang menyampaikan itu ialah kekuatannya yang diperoleh dari makanan yang haram.

Sedangkan berzina dan menuduh orang berzina tidak menimbulkan kekuatan yang memberikan pertolongan untuk melakukan sesuatu perbuatan. Namun, menolak mengambil barang halal yang disampaikan oleh tangan seorang kafir adalah waswas. Lain halnya dengan memakan makanan perkara yang haram. Sebab, kekafiran tidak ada kaitannya dengan membawa makanan.

Keadaan yang demikian itu membuat orang tidak mahu menerima huluran tangan orang yang berbuat maksiat kepada Allah, walaupun maksiat itu berbentuk cacian atau dusta. Hal itu sendiri merupakan puncak tindakan yang melewati batas dan berlebih-lebihan. Kerananya hendaknya ditentukan batasan tindakan menjaga diri Dzun Nun dan Bisyr yang diketahui terhadap kemaksiatan tentang sebab yang menyampaikan, seperti sungai dan kekuatan tangan yang kegunaannya diperoleh dengan makanan yang haram.

Seandainya seseorang menolak minum dari kendi lantaran pembuat tembikar tersebut telah berbuat maksiat pada suatu hari kepada Allah, dengan memukul orang atau memakinya, maka hal ini namanya adalah waswas. Sedangkan jika dia menolak daging kambing yang dibawa oleh orang yang memakan perkara yang haram, maka hal itu lebih jauh lagi dari tangan penjaga penjara itu. Sebab, makanan itu dibawa oleh kekuatan penjaga penjara, sedangkan kambing itu berjalan sendiri dan yang membawanya hanya melarang kambing itu berjalan ke jalan lain sahaja. Maka ini mendekati waswas.

Oleh kerana itu kita hendaknya memperhatikan bagaimana kita menghuraikan secara bertahap apa yang mendorong seseorang pada segala persoalan tersebut. Juga perlu diketahui bahawa semua itu berada di luar wewenang fatwa ulama zahir. Fatwa ahli fiqh hanyalah terbatas pada peringkat pertama yang mungkin membebankan manusia awam kepadanya. Seandainya mereka berkumpul kepadanya, nescaya dunia tidak akan roboh.

Lain halnya tindakan yang lebih dari itu, yakni tindakan menjaga diri orang-orang yang muttaqin dan soleh. Fatwa mengnai tindakan yang demikian ini ialah apa yang disabdakan Nabi s.a.w. kepada Wabishah, ketika beliau bersabda: "Mintalah fatwa kepada hatimu, walaupun mereka telah memberi fatwa kepadamu, walau mereka telah memberi fatwa kepadamu, dan walau mereka telah memberi fatwa kepadamu." Hal itu diketahui demikian kerana Nabi s.a.w. bersabda: "*Dosa adalah penyakit hati.*"

Jika seluruh sebab tergerak di dalam dada seseorang murid dan jika dia tetap menempuhnya juga dan menimbulkan penyakit hati nescaya dia memperoleh kesan buruk dan menganiaya hatinya sesuai dengan kadar penyakit yang diperolehnya. Bahkan, jika dia melangkahkan kakinya menuju perkara yang haram di sisi Allah, sedangkan dia sendiri menyangkanya halal, nescaya yang demikian itu tidak menimbulkan kesesatan hati.

Sedangkan jika dia menempuh sesuatu yang halal menurut fatwa ulama zahir, namun dia memperoleh penyakit pada hatinya (kurang setuju), maka yang demikian itu mendatangkan kesan buruk terhadap dirinya.

Apa yang kami maksudkan dengan hati yang bersih dan sederhana ialah hati yang tidak tertimpa penyakit pada perkara-perkara yang seperti itu. Jika hati yang dipenuhi waswas itu cenderung dari yang di tengah-tengah dan memperoleh penyakit, lalu menempuh bersama apa yang diperolehnya dalam hatinya, maka yang demikian itu boleh mendatangkan kesan buruk kepadanya. Sebab, dia adalah orang yang diambil hak dirinya, antaranya dan antara Allah SWT, dengan fatwa hatinya.

Begitu juga orang yang waswas dalam hal bersuci dan berniat solat. Jika dia bersikap keras pada hatinya bahawa air tidak sampai pada segala bahagian-bahagiannya tiga kali, lantaran kerasnya perasaan waswasnya, maka dia wajib memakai air kali yang keempat. Yang demikian itu menjadi hukum terhadap dirinya, meskipun dia bersalah terhadap dirinya sendiri.

Mereka adalah kelompok yang bersikap keras, maka Allah pun bersikap keras kepada mereka. Oleh kerana itulah Allah bersikap keras terhadap kaum Musa a.s. ketika mereka bertanya tanpa hentihentinya tentang sapi betina. Seandainya mereka sejak pertama terus mengambil secara umum kata-kata itu, nescaya yang demikian itu cukup bagi mereka. Maka janganlah anda lengah dari hal-hal kecil yang telah kami tolak tersebut, dengan kenegatifannya dan kepositifannya. Sebab, orang yang tidak melihat hakikat perkataan dan tidak mengetahui segala yang tersimpul padanya, mungkin akan tergelincir dalam memahami segala maksudnya.

Sementara perbuatan maksiat dalam hal jual-beli atau penyerahan yang ada penggantinya juga terdiri dari beberapa peringkat.

Peringkat tertinggi: Peringkat tertinggi yang sangat dimakruhkan padanya ialah membeli sesuatu barang dalam tanggungan si penjual (barang itu belum diserahkan) dan membayar harganya dari harta yang dirampas atau harta haram. Hendaknya hal ini benar-benar diperhatikan. Jika makanan itu diserahkan oleh penjual, kerana kebaikan hatinya, kepada si pembeli sebelum harga makanan itu diterima oleh si penjual, lalu si pembeli memakannya sebelum membayar harganya maka makanan itu halal dan meninggalkannya tidak wajib berdasarkan kesepakatan para ulama. Yang saya maksudkan ialah sebelum membayar harganya. Namun, hal

itu tidak termasuk tindakan menjaga diri yang benarbenar diperhatikan.

Jika si pembeli membayar harga dari perkara yang haram sesudah makan, maka seolah dia belum membayar harga itu. Sedangkan jika dia belum membayarnya sama sekali, maka dia terikat dengannya kerana meninggalkan tanggung jawabnya yang tergadai dengan hutang. Namun hal itu tidak terbalik menjadi haram.

Jika dia membayar harga dari perkara yang haram dan si penjual membebaskan si pembeli dari pembayaran itu kerana si penjual mengetahui bahawa harga itu barang haram, maka si pembeli bebas dari tanggungannya dan tiada lagi di atas bahu si pembeli selain kezaliman penggunaan dirham haram dengan menyerahkannya kepada si penjual.

Jika si penjual membebaskan si pembeli dari harga itu berdasarkan sangkaan bahawa itu halal, maka pembebasan itu tidak terjadi. Sebab, si penjual membebaskannya dari apa yang diambilnya dengan pembebasan penerimaan yang sempurna. Yang demikian itu sendiri tidak patut sebagai penyempurnaan dari yang haram itu. Inilah hukum barang yang dibeli, memakan daripadanya, dan hukum tanggungan itu.

Jika si penjual tidak menyerahkan barang yang dijualnya kepada si pembeli dengan senang hati, namun si pembeli itu sendiri mengambilnya, maka memakannya haram. Sama ada dia memakannya sebelum penyempurnaan harga dari yang haram atau sesudahnya. Sebab, yang ditunjukkan oleh fatwa ialah adanya hak menahan barang yang dijual bagi si penjual. Sehingga tertentulah miliknya dengan penerimaan tunai, seperti halnya tertentunya milik si pembeli.

Di samping itu hak penahanan dari penjual itu batal, terkadang dengan pembebasan atau dengan penerimaan harga dan tidak berlaku sesuatu dari keduanya. Namun, dia telah memakan miliknya sendiri, sedangkan dia berbuat maksiat dengan yang demikian itu sebagai maksiat orang yang menggadaikan makanan jika dia memakan makanan itu tanpa izin orang yang menggadaikan.

Di antara yang disebutkan itu dan yang memakan makanan orang lain ada bezanya. Namun, pokok penghargaan itu merata. Ini semua jika barang yang dijual itu diterima sebelum penyempurnaan harga, baik dengan kebaikan hati si penjual atau tanpa kebaikan hatinya.

Jika harga yang haram itu telah dilunasi, kemudian barang itu diterima, maka jika kemudian si penjual tahu bahawa harga itu haram dan bersama itu dia tetap menyerahkan barang yang dijualnya, maka batallah hak menahannya, dan tinggallah harga itu untuknya dalam tanggungan si pembeli. Sebab, apa yang telah diambilnya belumlah dengan harga. Dan memakan barang yang dijual itu tidak menjadi haram disebabkan masih ada harganya yang belum dilunasi.

Sementara jika si penjual tidak mengetahui bahawa harga itu haram, dan jika dia mengetahuinya tentu tidak akan menyetujuinya dan barang yang dijual itu belum diserahkan, maka hak menahannya tidak batal dengan keraguan tersebut. Maka memakannya haram, seperti keharaman memakan barang yang digadaikan sampai si penjual membebaskan si pembeli dari pembayaran atau si pembeli itu melunasinya dari yang halal. Pembebasan itu sah, sedangkan kerelaannya terhadap perkara yang haram tersebut tidak sah. Ini sesuai dengan yang dikehendaki oleh fikah dan penjelasan hukum pada peringkat pertama tentang perkara yang halal dan haram.

Sementara mencegah diri dari hal itu termasuk tindakan menjaga diri yang penting. Sebab, jika maksiat telah mengakar, kerana suatu sebab yang menghantarkan padanya, kemakruhan dalam hal tersebut benar-benar bersangatan seperti halnya telah diterangkan sebelumnya. Sebab yang terkuat yang menyampaikan itu ialah harga.

Sedangkan jika bukan harga yang haram, nescaya si penjual tidak rela menyerahkan barangnya kepada si pembeli. Maka kerelaan si penjual tidak membebaskan dari kemakruhan yang sangat itu. Namun keadilan (sebagai syarat untuk menjadi saksi) tidak rosak dengan hal tersebut sedangkan darjat ketakwaan dan tindakan menjaga diri pun hilang.

Jika seorang penguasa, umpamanya, membeli kain atau tanah dengan harga dalam tanggungan dan pembelian itu diterimanya dengan kerelaan si penjual sebelum melunasi harganya, dan si penguasa menyerahkan barang itu kepada seorang ahli fiqh atau orang lain secara pemberian terus-menerus melunasi atau secara sementara, dan orang yang menerima pemberian itu (faqih atau lainnya) ragu apakah penguasa itu akan melunasi harganya dari harta yang halal atau yang haram, maka di sini terdapat perbezaan pendapat di antara para ulama. Ini kerana keraguan itu terjadi tentang berlakunya kemaksiatan pada harga.

Perbezaan keringanan keraguaan itu sama dengan perbezaan banyak dan sedikitnya haram pada harta si penguasa itu. Apa yang lebih kuat sangkaan padanya dan sebahagiannya lebih keras sangkaan dari sebahagian yang lain. Hal itu sesuai dengan apa yang tersimpan di dalam hati.

Peringkat tengah: Peringkat tengah ialah pengganti itu merupakan barang yang dirampas atau barang haram. Namun, barang itu dapat menjadi persediaan bagi kemaksiatan. Seperti jika yang diserahkan sebagai pengganti dari harga adalah buah anggur, padahal orang yang menerimanya adalah peminum minuman keras. Atau pedang dan orang yang menerimanya adalah penyamun. Maka yang demikian ini tidak mewajibkan pengharaman pada barang yang dijual itu yang dibeli dengan harga yang tidak tunai.

Namun, padanya terdapat kemakruhan yang peringkatnya lebih rendah daripada kemakruhan yang terdapat pada harta rampasan. Perbezaan darjat peringkat ini sesuai dengan perbezaan kemaksiatan pada banyak atau sedikitnya yang menerima harga.

Jika pengganti itu haram, maka memberikannya pun haram. Jika pengharaman itu merupakan kemungkinan, namun dibolehkan berdasarkan anggapan, maka memberikannya pun makruh. Berdasarkan inilah maka saya berpendapat bahawa mengambil bayaran membekam dilarang dan dimakruhkan. Ini kerana Nabi s.a.w. melarangnya beberapa kali. Kemudian beliau menyuruh supaya upah dari berbekam itu dipergunakan untuk memberi makan umpan unta yang mengangkut air penyiraman.

Apa yang menghantarkan pada sangkaan bahawa penyebabnya lantaran percampur-bauran dengan najis dan kotoran tidaklah betul. Sebab, jika benar demikian, tentu wajib pula ditolak pada orang yang menyamak kulit dan tukang sapu. Padahal, tidak ada yang mengatakan yang demikian.

Jika ada yang mengatakan demikian, maka yang demikian itu tidak mungkin ditolak pada tukang potong. Kerana bagaimana usahanya itu menjadi makruh dan hal itu adalah pengganti daging, dan daging itu sendiri tidak makruh. Padahal, tukang potong berlumuran dengan najis lebih banyak dibandingkan dengan tukang bekam dan membetik kerana tukang bekam mengambil darah dengan bekam dan membersihkannya dengan kapas. Namun, sebabnya kerana pembekaman dan pembetikan merosakkan bentuk tubuh haiwan dan mengeluarkan darahnya yang

menjadi tiang kehidupannya.

Pada dasarnya perbuatan itu diharamkan dan hanya dihalalkan jika dalam keadaan darurat. Mengetahui keperluan dan keadaan darurat itu adalah dengan perkiraan dan ijtihad. Ini kerana perkara yang diduga bermanfaat ternyata hal itu menimbulkan kesan buruk. Maka hal itu haram pada sisi Allah SWT, namun hal itu diberi hukum halal berrdasarkan sangkaan dan perkiraan.

Oleh kerana itulah tidak dibolehkan bagi tukang betik membetik anak kecil, hamba, dan orang yang lemah fikiran kecuali dengan izin walinya dan persetujuan doktor. Jika hal itu tidak halal pada lahirnya, nescaya Nabi s.a.w. tidak menyerahkan ongkos (upah) pembekaman. Juga jika perbuatan itu tidak memungkinkan pengharamannya, nescaya Nabi s.a.w. tidak melarangnya. Maka tidak mungkin memadukan antara penyerahan dan pelarangannya, kecuali dengan memahami erti yang demikian itu. Hal ini sendiri semestinya kami sebutkan pada tanda-tanda yang menyertai dengan sebab kerana lebih mendekati pada sebab itu.

Peringkat terbawah: Peringkat terbawah ialah darjat orang-orang yang waswas. Yang demikian adalah seperti halnya seseorang yang bersumpah tidak akan memakai kain tenunan ibunya. Lalu, dia pun menjual kain tenunan itu dan membeli kain lain dengan hasil penjualannya. Hal ini tidak ada kemakruhan padanya dan dengan tindakan menjaga diri dari hal tersebut merupakan kewaswasan belaka.

Diriwayatkan dari al-Mughirah, tentang yang demikian itu dia mengatakan bahawa hal itu tidak dibolehkan dan memberi bukti bahawa Nabi s.a.w. bersabda: "Allah mengutuk kaum Yahudi kerana mereka tidak diperkenankan meminum minuman keras, tetapi mereka lalu menjualnya dan memakan harganya."[55]

Tindakan yang demikian itu salah. Sebab, penjualan minuman keras adalah batal. Ini kerana menurut agama minuman keras tiada manfaatnya dan harga dari penjualan yang batal adalah haram. Hal itu sendiri tidak termasuk sebahagian dari itu. Namun, ini contohnya seperti seseorang lelaki yang mempunyai seorang hamba sahaya, di mana hamba sahaya itu adalah saudaranya sesusuan. Lalu hamba sahaya itu dia jual dan menggantinya dengan seorang hamba sahaya ajnabiah (yang boleh dikahwininya, jika wanita itu merdeka). Maka dalam hal ini tindakan menjaga diri tidak berlaku sama sekali pada siapa pun.

[55] Saya tidak menemukan hadis dengan ungkapan demikian.

Penyerupaan hal tersebut dengan penjualan minuman keras terlalu berlebih-lebihan pada segi ini. Sesungguhnya telah kita ketahui segala darjat dan cara bertahap peningkatan padanya. Sekalipun perbezaan darjat itu tidak terbatas pada tiga atau empat dan tidak dalam jumlah bilangannya, namun yang dimaksud dari pembilangan itu ialah mengenalinya dan memahaminya.

Jika ada yang mengatakan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda: "Barangsiapa yang membeli sehelai kain dengan sepuluh dirham dan di dalamnya ada satu dirham haram, nescaya Allah tidak akan menerima solatnya selama kain itu melekat pada badannya."

Kemudian Ibnu Umar memasukkan kedua anak jarinya ke dalam kedua telinganya. Selama dalil itu belum menetapkan tentang pengetahuan hal-hal lainnya, maka tiada manfaat untuk ketetapannya pada dirinya sendiri, walaupun sebabnya itu telah berlaku pada ilmu Allah. Iaitu ada kalanya kerana dalil-dalil agama yang ada bertentangan. Atau kerana tanda-tanda yang menunjukkan bertentangan. Atau kerana bertentangan keserupaan (tasyabuh) seraya berkata: "Diam! Seandainya aku tidak mendengar yang demikian itu daripadanya!"

Maka kami katakan bahawa yang demikian itu boleh difahami bahawa dia membelinya dengan sepuluh dirham dengan bayaran kontan, bukan dengan penangguhan. Sedangkan jika dia membelinya dengan penangguhan, maka kami hukumi haram pada kebanyakan masalah itu. Maka hendaknya hal yang demikian itu difahami!

Kemudian, berapa banyak si pemilik yang diperingatkan tidak akan diterima solatnya lantaran maksiat yang terjadi kerana hak miliknya, walaupun yang demikian tidak menunjukkan pada kebatalan akad. Misalnya, orang yang membeli pada waktu azan pada solat (hari Jumaat) dan lain-lain sebagainya.

Jenis keempat: Syubhat yang muncul kerana adanya perbezaan dalil syariat dalam membezakan antara yang dihalalkan dan yang diharamkan. Syubhat jenis ini terdiri dari tiga bahagian, iaitu dalil-dalil agama yang diinterpretasikan (perbezaan pendapat) secara berseberangan antara satu dengan lainnya, tanda-tanda yang bertentangan, dan keraguan yang juga berseberangan.

Pertama: Tentang dalil-dalil agama yang ditafsirkan secara berseberangan, contohnya adalah ayat-ayat Al-Quran atau hadis-hadis Rasulullah s.a.w. yang

secara zahirnya berlainan antara satu dengan lainnya. Hal tersebut seringkali menimbulkan keraguan. Dalam hal ini, apa yang lebih kuat, itulah yang berlaku. Dan jika tidak ada tarjih (yang menguatkan salah satu dari dua pertentangan itu), maka harus dikembalikan kepada dalil asalnya (istishhab).

Apabila larangan atas suatu perkara itu tidak kuat, maka hukumnya dihalalkan. Apabila terselip keraguan tentang hal itu, maka lebih baik menjauhinya, dan hal tersebut merupakan masalah penting di antara tugas mereka yang memberi fatwa (mufti) dan yang mengikutinya (muqallid). Lebih baik menerima pendapat seorang mufti yang dikenal di sebuah tempat pengajaran dan baik keimanannya, sebagaimana lebih baik pergi ke doktor yang dikenal dengan pengetahuannya tentang ilmu kedoktoran daripada pergi ke seorang tabib yang masih meragukan seputar keahliannya; atau sebaliknya.

Apabila para muqallid (orang yang mengikut) bersepakat tentang suatu persoalan tertentu, maka seharusnya para pihak menerima kesepakatan tersebut. Apabila dalil-dalil hukum atas sesuatu hal itu tidak kuat, maka dia seharusnya menjauhinya. Ada tiga tingkatan yang berhubungan dengan permasalahan ini.

Tingkatan pertama: Lebih baik menjauhi suatu masalah yang memiliki dalil lemah, dan mengikuti suatu masalah yang memiliki dalil yang lebih kuat. Termasuk sebahagian dari perkara yang penting ialah melakukan tindakan menjaga diri dari mangsa anjing yang terdidik jika anjing itu memakan mangsanya, walaupun ada fatwa dari mufti bahawa hal itu halal. Sebab, tarjih susah dilakukan padanya.

Kami memilih bahawa yang demikian itu haram dan lebih secocok dengan analogi bagi dua perkataan asy-Syafi'i r.a. Manakala asy-Syafi'i memiliki pendapat baru yang sesuai dengan mazhab Abu Hanifah r.a. atau imamimam lainnya, nescaya melakukan tindakan menjaga diri padanya penting dan walaupun difatwakan oleh mufti dengan pendapat lain.

Sebahagian dari hal itu ialah tindakan menjaga diri dari meninggalkan bacaan basbahkan, walaupun pendapat-pendapat asy-Syafi'i r.a. tentang hal itu tidak bertentangan. Sebab, ayat Al-Quran secara jelas mewajibkannya dan hadis-hadis mutawatir pun mengemukakan tentang wajibnya hal itu. Nabi s.a.w. bersabda kepada setiap orang yang menanyakan kepada beliau tentang berburu: "*Jika engkau lepaskan anjing buruanmu yang terdidik dan engkau ucapkan padanya nama Allah (membaca basmalah), maka makanlah.*" (HR. Bukhari dan Muslim)

Yang demikian itu berulang kali diriwayatkan dari Nabi s.a.w. Yang termasyhur tentang penyembelihan itu ialah dengan mengucapkan basmalah. Semua itu menguatkan dalil yang mensyaratkan bacaan itu.

Rasulullah s.a.w. bersabda: “Orang mukmin menyembelih atas nama Allah SWT, apakah dia mengucapkan “Bismillah” atau tidak.” Hadis tersebut potensial ditafsirkan berseberangan dengan sebuah ayat Al-Quran yang jelas dan beberapa hadis yang mengatakan bahawa mengucapkan nama Allah SWT pada saat menyembelih haiwan adalah sesuatu yang diwajibkan. Dengan demikian, hadis tersebut harus ditinggalkan.

Tingkatan kedua: Tingkatan kedua ini lebih dekat dengan prasangka tidak beralasan. Contohnya, tidak mahu memakan anak haiwan (janin) yang ditemukan dalam kandungan induknya setelah proses peyembelihan yang dilakukan secara halal. Terdapat dalam sebuah hadis shahih yang mengatakan, bahawa penyembelihan seekor induk dapat dianggap juga sebagai penyembelihan janin yang berada di dalam kandungannya. Dengan demikian, prasangka dimaksud harus dijauhi.

Diriwayatkan secara sahih bahawa biawak telah disajikan pada hidangan Rasulullah s.a.w. Hadis tersebut diriwayatkan dalam kitab Shahih Bukhari dan Shahih Muslim. Menurut saya hadis-hadis ini tidak sampai kepada Abu Hanifah r.a. Seandainya sampai, nescaya dia mengatakan pendapat yang seiring dengan hadishadis tersebut jika dia telah memahaminya. Sedangkan jika tidak ada yang menyadarkannya tentang hal itu, nescaya pendapatnya yang lain itu terjadi kerana kesalahan yang tidak disengaja dan tidak menimbulkan syubhat. Seperti halnya jika hadis dari seorang perawi (hadis yang diriwayatkan oleh seorang perawi sahaja).

Tingkatan ketiga: Tingkatan ketiga yakni sesuatu itu dinyatakan halal hanya berdasarkan pada satu dalil hadis. Lebih baik tidak mengambil suatu putusan (hukum) hanya berdasarkan pada satu dalil hadis tentang permasalahan yang apabila padanya terdapat perbezaan pendapat (khilaf) hukum. Bukan tidak mungkin seorang perawi melakukan kesalahan dalam memaparkan berita disebabkan kekekeliruannya dalam mengambil (mendengarkan) sebuah berita yang sampai kepadanya. Namun, tidak ada alasan untuk menentang hadis tanpa suatu sebab yang dibolehkan. Tidak disebutkan dalam Al-Quran, bahawa seorang cucu lelaki menjadi ahli waris dari datuknya.

Namun, para sahabat sepakat menetapkan bahawa seorang cucu lelaki menjadi ahli waris dari datuknya disebabkan keberadaan ayahnya (anak dari si

datuk). Ketika muncul kesulitan dalam masalah ini, maka seseorang seharusnya mengambil keputusan berdasarkan kekuatan nuraninya. Sebab, kekuatan nurani tidak akan pernah memerintahkan selain kepada kebenaran. Rasulullah s.a.w. memerintahkan kepada kita untuk mengambil keputusan berdasarkan nurani, khususnya dalam menetapkan perkara yang mengandungi unsur syubhat.

Dan yang diambil menjadi landasan (dalil) ialah kata-kata yang difahami para sahabat dengan pelbagai dasar (alasan) dan landasan. Semua itu adalah waswas. Jadi, tiada segi syubhat mana pun kecuali padanya ada sikap keterlaluan dan berlebih-lebihan. Hendaknya hal itu difahami.

Manakala seseorang menghadapi perkara-perkara yang seperti itu, maka hendaknya dia meminta fatwa kepada hatinya. Orang yang melakukan tindakan menjaga diri hendaknya meninggalkan apa yang menimbulkan keraguan dan mengambil apa yang tidak menimbulkan keraguan. Juga, hendaknya dia meninggalkan penyakit hati dan bersitan-bersitan di dalam dada. Yang demikian itu berlainan dengan berlainannya orang dan peristiwa.

Namun, semestinya hati dipelihara dari segala pembangkit perasaan waswas, sehingga tidak dihukumkan selain dengan kebenaran. Maka hati pun tidak terwarnai oleh bersitan perasaan waswas yang tidak lepas dari perkara-perkara yang menimbulkan perkara yang makruh. Betapa mulia hati yang seperti ini. Oleh kerana itulah Nabi s.a.w. tidak menolak setiap orang yang meminta saran kepada hatinya. Beliau mengatakan yang demikian kepada Wabishah, ketika beliau telah mengetahui keadaannya.

Kedua: Pertentangan tanda-tanda yang menunjukkan pada perkara-perkara yang halal dan haram. Sebab, kadang-kadang pada suatu hari sesuatu barang dirampas orang. Perkara yang seperti itu sendiri jarang terjadi tanpa perampasan. Kemudian, barang itu boleh sahaja, misalnya, terlihat di tangan seseorang yang soleh. Lalu kerana kesolehan orang tersebut barang itu nampak seperti halnya barang halal. Sehingga jika dilihat dari jenis benda dan kelangkaannya, nampak seakan barang itu bukan barang rampasan, padahal barang itu barang haram. Maka dua keadaan itu bertentangan.

Misal lainnya ialah seseorang yang adil suatu hari mengatakan bahawa suatu barang adalah haram. Tetapi, seseorang yang adil lainnya menerangkan bahawa barang itu halal. Atau pertentangan kesaksian dua orang fasik atau perkataan anak kecil dan orang dewasa.

Jika pertentangan tersebut boleh ditarjihkan, maka hukum hal itu ditetapkan dengan pentarjihan tersebut. Yang merupakan tindakan menjaga diri ialah menghindarinya. Dan jika pentarjihan tidak boleh dilakukan, nescaya wajib menghentikannya dahulu. Penjelasan tentang hal itu akan dikemukakan dalam bab tentang "pemahaman, pembahasan, dan pertanyaan."

Ketiga: Pertentangan beberapa perkara tentang sifat-sifat yang menjadi kaitan bagi hukum. Misalnya, seorang berwasiat dengan harta kepada beberapa ahli fiqh. Maka para ahli fiqh yang diketahui benar-benar menguasai secara mendalam ilmu fikah termasuk di antara mereka. Sedangkan seseorang yang baru mulai belajar sehari atau sebulan tidak dimasukkan ke dalamnya. Di antara keduanya itu terdapat beberapa darjat yang tidak terhingga yang terjadi keraguan padanya. Maka yang memberi fatwa (mufti) lalu berfatwa berdasarkan persangkaan. Yang merupakan tindakan menjaga diri ialah menghindarinya.

Ini adalah sebahagian dari perkembangan syubhat yang paling kabur. Sebab, di dalamnya terdapat beberapa persoalan yang benarbenar membingungkan orang yang memberi fatwa yang tiada alasan baginya untuk menghindarinya. Ini kerana perkara yang bersifat dengan sesuatu sifat pada darjat yang di tengah-tengah di antara dua darjat yang bertentangan tidak nampak cenderung pada salah satu dari keduanya. Begitu juga sedekah (zakat) yang diserahkan kepada orang-orang yang memerlukan. Maka orang yang tidak memiliki banyak harta dapat dimaklumi bahawa dia orang yang memerlukan.

Sebaliknya orang yang memiliki banyak harta dapat dimaklumi bahawa dia orang kaya. Di antara keduanya terjadi perbenturan pelbagai persoalan yang susah, seperti orang yang mempunyai rumah, perabot rumah tangga, pakaian dan buku-buku. Maka orang yang sekadar memerlukan daripadanya tidak dilarang dari menerima zakat. Dan orang yang mempunyai kelebihan hendaknya mencegah dirinya dari menerimanya.

Keperluan itu tidak terbatas dan hanya diketahui dengan berlebih kurang. Tinjauan terhadap hal itu melangkah lebih jauh lagi, sampai juga tentang luas rumah, bangunan, dan nilainya. Kerana posisinya yang berada di tengah-tengah negeri dan memandang memadai dengan rumah yang lebih kurang dari rumah yang disebutkan itu. Begitu juga tentang macam perabot rumah tangga, jika rumah itu terbuat dari pecahan batu dan tidak dari tanah bakar.

Begitu juga tentang perkara yang diperlukan pada setiap hari dan peralatan yang diperlukan setiap tahun dan pada musim dingin dan yang tidak diperlukan olehnya selain dalam beberapa tahun. Semua itu merupakan perkara yang tidak terbatas. Sikap yang tepat dalam hal ini ialah apa yang disabdakan Nabi s.a.w.: "*Tinggalkan apa yang membuatmu ragu kepada apa yang tidak membuatmu ragu.*" (HR. an-Nasa'i, Tirmizi, dan al-Hakim)

Semua itu berada pada tempat keraguan. Jika orang yang berfatwa tidak memberikan pendapatnya, maka tiada sikap yang lebih tepat kecuali berhenti melangkah. Sedangkan jika orang yang berfatwa itu mendasarkan diri pada anggapan dan perkiraan, maka yang merupakan tindakan menjaga diri ialah menghentikan dahulu. Itulah tindakan menjaga diri yang paling penting.

Begitu juga wang belanja keluarga dan pakaian isteri yang harus dicukupi seperlunya. Juga, keperluan yang cukup bagi para ahli fiqh dan ulama dari Baitulmal. Sebab, padanya terdapat dua sisi yang diketahui bahawa yang satu kekurangan dan yang lain berlebih. Sedangkan di antara keduanya terdapat perkara-perkara yang mengandungi perkara yang syubhat yang berlainan dengan berlainannya orang dan keadaan. Yang melihat pada segala keperluan itu ialah Allah SWT. Sedangkan manusia tidak memiliki kemampuan mengetahui batas-batasnya.

Berat yang kurang dari satu kati Makkah untuk sehari kurang mencukupi bagi seorang lelaki yang gemuk. Sedangkan berat yang melebihi tiga kati lebih dari cukup. Dan di antara dua itu tidak mencukupi batas. Maka seseorang yang menjaga diri hendaknya meninggalkan apa yang meragukannya menuju apa yang tidak meragukannya.

Yang demikian itu berlaku pada setiap hukum yang berkaitan dengan sesuatu sebab. Sebab itu diketahui dengan kata-kata Arab. Ini kerana orang-orang Arab dan ahli-ahli bahasa yang lain tidak mampu mengetahui segala kandungan bahasa, dalam batas-batas tertentu, yang seluruh sisinya terputus dari seluruh bandingannya. Misalnya, kata sittah (enam). Kata ini tidak mengandungi bilanganbilangan yang di atasnya dan di bawahnya serta seluruh kata bilangan dan perhitungan. Demikian seluruh kosakata bahasa.

Kerana itu, tiada kata-kata dalam Kitab Allah dan sunnah Rasulullah s.a.w. melainkan menjalarkan keraguan ke tengah-tengah, dalam segala maksud dari kata-kata itu, yang berkisar di antara sisi-sisi yang bertentangan. Maka sangat

besar keperluan terhadap pengetahuan tentang wasiat dan wakaf ini. Wakaf pada kaum sufi umpamanya, termasuk barang yang sah. Siapakah yang masuk di bawah keharusan kata-kata tersebut? Inilah sebahagian dari perkara-perkara yang tidak jelas.

Begitu juga kata-kata yang lain. Nanti akan kami kemukakan apa yang dikehendaki oleh kata-kata kaum sufi pada khususnya, agar dengan hal itu dapat diketahui cara menggunakan kata-kata. Jika tidak demikian, maka tiada harapan untuk dapat menyempurnakan kata-kata itu. Sebab, inilah syubhat-syubhat yang berkembang dari tanda-tanda yang bertentangan yang menarik dua sisi yang bertentangan. Semua itu termasuk syubhat yang harus dihindari.

Jika kehalalannya tidak dapat ditarjihkan dengan suatu dalil yang dapat memenangkan terhadap sangkaan atau dengan istishhab, berdasarkan apa yang diharuskan oleh sabda Nabi s.a.w.: “Tinggalkanlah apa yang membuatmu ragu kepada apa yang tidak membuatmu ragu.” Juga, berdasarkan apa yang diharuskan oleh dalil-dalil lain yang telah dikemukakan sebelumnya.

Apabila tersedia dalil atas pelarangan yang lebih kuat, maka perkara itu harus dianggap sebagai sesuatu yang diharamkan. Namun sebaliknya, apabila tersedia pula dalil pembolehan yang lebih kuat, maka perkara itu harus dianggap sebagai sesuatu yang dihalalkan. Sebab, posisi dalil adalah sama berkenaan dengan sah atau tidak sah. Demikian juga dalam perkara yang mengandungi unsur syubhat. Contohnya, seorang lelaki membahagikan sejumlah wang kepada kaum miskin dari harta zakat atau sedekah yang hendak dia keluarkan.

Misalnya, seseorang mengambil makanan yang diperselisihkan sebagai ganti dari buah anggur yang dijualnya kepada seorang pembuat minuman keras ketika azan pada hari Jumaat diseru. Sementara itu harta si penjual itu bercampur dengan haram. Memang hartanya yang tidak haram yang terbanyak dari hartanya. Namun, hartanya itu menjadi harta syubhat. Sehingga kadang-kadang kerana adanya kesamaan syubhat-syubhat tersebut membuat hal itu semakin rumit.

Inilah pelbagai peringkat yang kita kenal. Manusia sendiri tidak akan mampu menghitungnya. Maka apa yang telah jelas dari huraian ini hendaknya diambil menjadi pegangan. Sedangkan apa yang meragukan maka hendaknya dijauhkan. Sebab, dosa adalah penyakit bagi hati. Dan apa yang kita terapkan dengan meminta pendapat hati, terhadap apa yang kita maksudkan, ialah terhadap apa yang

dibolehkan oleh yang mengeluarkan fatwa.

Sedangkan terhadap perkara yang diharamkan oleh pemberi fatwa, maka kita wajib mencegah diri daripadanya. Selanjutnya hendaknya kita tidak selalu bergantung pada setiap hati. Sebab, betapa ramai orang yang waswas melarikan diri dari setiap sesuatu. Juga, betapa ramai orang tamak yang menganggap ringan sesuatu, lalu merasa mantap pada segala sesuatu.

Dua jenis hati yang demikian itu hendaknya tidak dipertimbangkan. Yang perlu dipandang ialah hati orang yang berilmu yang memperoleh petunjuk dan yang mengamati segala keadaan, iaitu bersitan-lintasan hatiyang teruji dengan segala keadaan yang tersembunyi. Betapa mulia hati itu di antara hati-hati yang lain.

Barangsiapa yang tidak percaya kepada hatinya sendiri, maka hendaknya dia mencari cahaya dari hati dengan corak yang demikian itu, dan hendaknya dia mengemukakan peristiwanya kepadanya. Di dalam Zabur dikemukakan "bahawa Allah SWT menurunkan wahyu kapada Daud a.s.: "Katakanlah kepada kaum Bani Israil, Sesungguhnya Aku tidak memandang kepada solat dan puasa kamu. Namun, Aku memandang kepada orang yang ragu tentang sesuatu, lalu dia meninggalkannya kerana Aku. Itulah orang yang Aku pandang dan Aku topang dengan pertolongan-Ku. Juga, Aku membanggakannya di hadapan para malaikat-Ku."

C. Menyikapi perkara-perkara yang menimbulkan keraguan

Ketahuilah bahawa apa sahaja yang datang kepada kamu berupa makanan, hadiah, atau hal apa pun yang kamu maksud untuk membeli mahupun menghadiahkannya kepada pihak lain, maka tidak seharusnya kamu mempertanyakan tentang perkara tersebut secara terlalu mendetail, ataupun berkata seperti ini: "Aku tidak akan menerimanya jika aku meragukan kehalalannya, sehingga aku harus mempertanyakannya terlebih dahulu tentang asal-usulnya secara terperinci."

Dengan kata lain, sesungguhnya dalam keadaan tertentu perbuatan tersebut tidaklah beradab, terlebih jika yang ditanya itu adalah seorang yang dikenal soleh dalam urusan agama. Namun demikian, dalam keadaan yang berlainan, perbuatan itu juga tidak boleh ditinggalkan, sebagai langkah berhati-hati.

Dan, jangan pernah berputus-asa untuk selalu bersikap waspada terhadap beberapa persoalan yang memang diperlukan langkah tersebut. Oleh kerana

itu, diwajibkan untuk selalu bertanya tentang pelbagai permasalahan yang mengandungi nilai meragukan. Contohnya, masalah yang diharamkan, apa sahaja yang disunnahkan, dan persoalan-persoalan yang mengandungi unsur makruh.

Dengan demikian, ada ruang bagi permasalahan syubhat dalam perkara yang diragukan, dan tetap patut untuk dipertanyakan. Tingkatan syubhat dimaksud memiliki hubungan dengan pemilik harta atau dengan harta itu sendiri.

1. Meragui keadaan pemilik harta

Pertama, tingkat syubhat dalam hubungannya dengan pemilik harta, yang padanya ada tiga keadaan, iaitu; keadaan pertama muncul ketika pemilik harta tidak dikenal, keadaan kedua muncul ketika ada keraguan tentang siapa pemilik sesungguhnya, dan keadaan yang ketiga iaitu mengetahui siapa pemiliknya dengan beberapa macam bukti.

Keadaan pertama: Pemilik harta tidak dikenal. Tidak dikenal maksudnya tidak ada padanya pertanda yang menunjukkan keburukan dan kezalimannya, seperti pakaian seragam tentera. Juga, tidak ada padanya sesuatu yang menunjukkan kebaikannya, seperti pakaian orang-orang yang bergerak di bidang tasawuf, perdagangan, ilmu pengetahuan dan tanda-tanda yang lain.

Jika engkau memasuki suatu kampung yang tidak engkau kenal, lalu melihat seorang lelaki yang tidak engkau kenal sama sekali tentang keadaannya dan tiada padanya pertanda yang menunjukkan dia orang baik atau orang buruk, maka dia orang yang tidak dikenal.

Sementara jika engkau memasuki suatu negeri sebagai orang asing dan engkau masuk ke pasar, lalu engkau bertemu dengan seorang tukang roti, tukang potong atau lainnya dan tiada pertanda yang menunjukkan dia seorang pendidik atau pengkhianat dan tiada pertanda pula yang menunjukkan tidak adanya sifat-sifat yang demikian itu, maka orang itu tidak dikenal dan tidak diketahui keadaannya.

Namun dalam hal ini tidak kita katakan bahawa orang itu diragukan. Sebab keraguan dua keyakinan yang berlawanan, di mana keduanya mempunyai dua sebab yang berlawanan. Kebanyakan para ahli fiqh tidak mengetahui perbezaan antara apa yang diketahuinya dan apa yang diragukannya. Engkau tentu telah mengetahui dari penjelasan sebelumnya bahawa tindakan menjaga diri meninggalkan apa yang tidak diketahuinya.

Yusuf bin Asbath berkata: “Semenjak tiga puluh tahun yang lampau, setiap ada sesuatu yang tergerak di dalam hatiku maka saya tinggalkan.” Tentang tindakan yang paling berat suatu hari sekelompok mengatakan bahawa tindakan tersebut ialah tindakan menjaga diri. Mendengar pendapat mereka tersebut, al-Hasan bin Abu Sinan pun berkata kepada mereka: “Tiada padaku sesuatu yang lebih mudah dibanding tindakan menjaga diri. Jika di dalam dadaku tergerak sesuatu, nescaya terus saya tinggalkan.” Inilah syarat tindakan menjaga diri!

Sesungguhnya yang kami kemukakan saat ini tentang hukum lahir. Maka kami mengatakan: “Hukum keadaan ini ialah bahawa jika seseorang yang tidak dikenal menyuguhkan makanan kepada anda atau dia membawa hadiah kepada anda atau anda bertanya. Namun, tangannya dan kedudukannya sebagai seorang Muslim merupakan dua dasar (alasan) yang mencukupi untuk segera mengambilnya dan tidak seharusnya anda mengatakan bahawa kerosakan dan kezaliman sudah menjadi kebiasaan manusia.”

Sebab, hal itu merupakan perasaan waswas dan buruk sangka terhadap kaum Muslimin sendiri. Padahal, sebahagian sangkaan adalah dosa dan seseorang Muslim dengan keislamannya berhak atas anda untuk tidak berburuk sangka kepadanya. Jika anda berburuk sangka kepadanya tentang dirinya, kerana anda melihat kerosakan pada orang lain, maka anda telah berbuat aniaya kepadanya. Tidak diragukan lagi pada saat itu juga anda telah berbuat dosa. Dan, jika anda mengambil hartanya, maka harta itu haram yang diragukan.

Sebagai bukti tentang hal itu ialah kita mengetahui bahawa para sahabat ketika dalam peperangan dan perjalanan mereka bertempat tinggal di kampung-kampung. Mereka tidak menolak kampung-kampung itu dan mereka juga masuk ke kota-kota. Mereka juga tidak menjaga diri dari pasar-pasar. Padahal, perkara-perkara yang haram telah terdapat pula pada zaman mereka. Tidak diriwayatkan dari mereka pertanyaan kecuali kerana timbul dari karaguan. Sebab, Nabi s.a.w. tidak menanyakan dari setiap apa yang disajikan kepada beliau. Namun, beliau bertanya pada permulaan kedatangannya ke Madinah tentang apa yang diserahkan kepada beliau: “Apakah ini sedekah atau hadiah?”

Ini kerana keadaan waktu itu, iaitu kedatangan kaum Muhajirin ke Madinah yang waktu itu dalam keadaan miskin, menunjukkan kuatnya anggapan bahawa apa yang diserahkan kepada mereka adalah dengan jalan sedekah. Namun, keislaman orang yang memberi dan tangannya tidak menunjukkan bahawa hal

itu bukan sedekah. Nabi s.a.w. sendiri pernah diundang ke majlis jamuan. Beliau pun memenuhi undangan itu dan beliau tidak bertanya: "Apakah ini sedekah atau bukan?" Sebab, menurut kebiasaan sedekah tidak berlaku pada majlis jamuan.

Oleh kerana itulah beliau diundang oleh Ummu Salim dan seorang tukang jahit. Hal itu seperti yang dikemukakan di dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Anas bin Malik r.a. Tukang jahit itu menyuguhkan kepada Nabi s.a.w. makanan yang ada padanya buah berupa labu-labuan. Beliau juga pernah diundang oleh seorang berbangsa Persia. Lalu beliau bertanya kepadanya: "Saya dan Aisyah?"

Orang Persia itu menjawab: "Tidak!" Maka beliau pun berkata: "Jika begitu saya tidak akan datang." Kemudian lelaki itu memperkenankannya. Maka beliau dan Aisyah pun pergi memenuhi undangan itu bersama-sama. Lalu orang itu menyuguhkan kepada keduanya hidangan makanan." Tidak diriwayatkan bahawa Nabi s.a.w. bertanya tentang sesuatu dari hidangan itu.

Sementara itu Abu Bakar r.a. pernah bertanya kepada pelayannya tentang usaha pelayannya, ketika Abu Bakar meragukan keadaannya. Umar r.a. juga pernah menanyakan kepada orang yang menyuguhkan kepadanya susu dari unta zakat, kerana meragukannya ketika menikmati rasanya. Rasa yang demikian itu belum pernah ditemuinya setiap kali dia meminum susu. Inilah pelbagai penyebab yang menimbulkan keraguan.

Setiap orang yang dijamu oleh orang yang tidak dikenal, maka dia tidak dianggap bersalah dengan menerimanya tanpa pemeriksaan. Bahkan, jika dia melihat pada rumah orang itu kebagusan yang berlebih-lebihan dan harta yang banyak dia tidak boleh mengatakan: "Yang halal itu amat susah dan ini banyak. Maka dari manakah hidangan yang halal ini dikumpulkan?"

Orang itu sendiri mungkin mewarisi harta atau berusaha. Maka dengan sendirinya dia berhak memperoleh baik sangka orang kepadanya. Perlu saya tambahkan lagi bahawa dia juga tidak boleh menanyakannya. Namun, jika dia ingin melakukan tindakan menjaga diri, maka dia hendaknya tidak memakan kecuali apa yang diketahuinya dari mana asalnya. Sebab, hal itu merupakan tindakan yang lebih baik.

Juga, hendaknya dia bersikap lemah lembut ketika meninggalkan hidangan yang disajikan. Jika tidak ada hidangan yang boleh dimakannya, maka hendaknya dia makan tanpa mengajukan pertanyaan. Sebab, pertanyaan itu menyakitkan,

merosakkan kehormatan, dan merenggangkan hubungan. Tidak syak lagi hal itu adalah haram.

Jika engkau mengatakan: “Mudah-mudahan tidak akan menyakiti.” Maka saya jawab: “Mudah-mudahan menyakiti.” Sebab, engkau bertanya kerana khuatir mungkin hartanya haram. Jika engkau cukupkan tanpa bertanya, maka mudah-mudahan hartanya halal. Padahal, doa, yang dilarang kerana seseorang Muslim, tidak kurang beratnya dibandingkan dengan dosa memakan perkara yang syubhat dan haram. Sebab, biasanya manusia tidak menyukai pemeriksaan dan seseorang tidak diperkenankan bertanya tentang orang lain sementara dia tahu tentang orang itu. Ini kerana yang demikian sering lebih menyakitkan.

Sedangkan jika dia bertanya, sementara dia tidak tahu tentang orang itu, hal tersebut memburukkan sangka dan merosakkan kehormatan orang. Juga, hal itu merupakan tindakan memata-matai dan berkaitan dengan cacian, walaupun yang demikian itu tidak dinyatakan secara tegas. Semua itu perkara yang dilarang. Ini seperti dikemukakan di dalam sebuah ayat Al-Quran.

Allah SWT berfirman:

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ٱجْتَنِبُوا۟ كَثِيرًا مِّنَ ٱلظَّنِّ إِنَّ بَعْضَ ٱلظَّنِّ إِثْمٌ ۖ وَلَا تَجَسَّسُوا۟ وَلَا يَغْتَب بَّعْضُكُم بَعْضًا

“*Wahai orang-orang yang beriman, jauhilah kebanyakan dari sangkaan (supaya kamu tidak menyangka sangkaan yang dilarang) kerana sesungguhnya sebahagian dari sangkaan itu adalah dosa; dan janganlah kamu mengintip atau mencari-cari kesalahan dan keaiban orang; dan janganlah setengah kamu mengumpat setengahnya yang lain.*”

(al-Hujuraat: 12)

Betapa ramai orang zuhud yang bodoh, hati mereka tidak terkendali dalam melakukan pemeriksaan dan berkata dengan perkataan keji yang menyakitkan. Syaitan sesungguhnya memandang baik perkara yang terdapat pada orang yang bodoh tersebut, kerana memburu ketenaran dengan memakan yang halal. Seandainya yang menggerakkannya itu agama semata, nescaya kesangsiannya untuk menyakitkan hati seseorang Muslim lebih berat daripada kesangsiannya terhadap perutnya untuk dimasuki oleh sesuatu yang tidak diketahuinya. Sebab, di

situ tidak terdapat tanda yang mewajibkan untuk dijauhkannya. Maka hendaknya diketahui bahawa tindakan menjaga diri ialah meninggalkan hal tersebut, bukan memata-matainya.

Apabila tidak boleh tidak (terpaksa), dia harus memakan makanan itu, maka yang merupakan tindakan menjaga diri ialah menyantapnya dan membaikkan prasangka. Ini adalah tindakan yang disukai para sahabat r.a. Barangsiapa yang melebihkan tindakan menjaga dirinya daripada tindakan para sahabat, maka dia orang sesat yang berbuat bid'ah dan bukan orang yang mengikuti. Sebab, tidak seorang pun akan menyamai kedudukan seorang sahabat dan tidak sebahagian dari mereka walaupun dia membelanjakan semua apa yang ada di bumi.

Betapa tidak, sesungguhnya Rasulullah s.a.w. telah memakan makanan Burairah. Lalu orang mengatakan kepada beliau bahawa makanan itu sedekah. Maka beliau pun menjawab: "Bagi Burairah makanan itu sedekah, sedangkan bagi kami hadiah." (HR. Bukhari dan Muslim)

Nabi s.a.w. tidak bertanya tentang perkara yang disedekahkan tersebut. Padahal, orang yang menyedekahkannya tidak beliau kenal dan beliau tidak menolak untuk memakannya.

Keadaan kedua ialah si pemilik harta diragukan kerana sesuatu keterangan yang menimbulkan keraguan. Berikut ini akan kami huraikan tentang bentuk keraguan, kemudian hukumnya. Tentang bentuk keraguan ialah keharaman apa yang ada pada tangannya ditunjukkan oleh sesuatu petunjuk. Ini ada kalanya dari bentuknya atau dari pakaian dan kainnya atau dari perbuatan dan perkataannya.

Sementara dari segi bentuknya ialah seseorang itu adalah orang Turki, orang Badui, orang yang terkenal suka melakukan tindakan aniaya, dan penyamun. Atau dia orang yang memiliki misai panjang dan rambut terbelah di kepalanya, seperti kebiasaan orang-orang yang berperilaku menyimpang. Sedangkan tentang kainnya, maka dia memakai baju panjang, peci, dan pakaian orang-orang yang suka melakukan tindakan aniaya dan merosak dari kalangan tentera dan lainnya.

Sementara tentang perbuatan dan perkataan, orang itu disaksikan melakukan perkara yang tidak halal. Yang demikian itu menunjukkan bahawa orang itu juga memandang ringan dalam perkara yang ada kaitannya dengan harta dan mengambil perkara yang tidak halal. Sebab, inilah tempat-tempat yang menimbulkan keraguan.

Jika seseorang bermaksud membeli sesuatu barang yang seperti ini kepada seseorang atau mengambil barang itu daripadanya sebagai hadiah atau memenuhi panggilannya pada suatu majlis jamuan, padahal orang itu orang asing yang tidak dikenal, nescaya tidak jelas baginya tentang orang itu selain dari tanda-tanda tersebut. Maka mungkin untuk dikatakan bahawa tangan (kerana dia memegang barang tersebut) menunjukkan pada hak milik. Keterangan yang semacam ini lemah. Maka dalam hal ini mengambilnya dibolehkan dan meninggalkannya termasuk tindakan menjaga diri dan mungkin untuk dikatakan bahawa tangan itu landasan yang lemah.

Boleh sahaja landasan itu berhadapan dengan landasan lain sehingga menimbulkan keraguan. Maka segera mengambilnya tidak dibolehkan. Itulah yang kami pilih dan kami jadikan sebagai fatwa. Ini kerana Nabi s.a.w. bersabda: "Tinggalkanlah apa yang membuatmu ragu menuju apa yang tidak membuatmu ragu."

Secara zahir, hadis tersebut menunjukkan bahawa hadis itu merupakan perintah, walaupun mungkin sahaja merupakan sunnah, kerana Nabi s.a.w. bersabda: "Dosa adalah penyakit hati." Tidak syak lagi bahawa hal itu mempunyai kesan terhadap hati. Juga, kerana Nabi s.a.w. bertanya: "Apakah sajian itu sedekah (zakat) atau hadiah?" Abu Bakar r.a. pun pernah bertanya kepada pelayannya, begitu juga Umar r.a.

Semua itu terjadi pada tempat keraguan dan menghantarkan pada tindakan menjaga diri, walaupun masih merupakan kemungkinan sahaja. Namun, yang demikian itu tidak memungkinkan terjadi selain dengan qiyas hukum (qiyas hukmi) dan qiyas ini tidak membuktikan penghalalan ini. Sebab, landasan "tangan dan Islam" yang ditolak oleh landasan-landasan tersebut menimbulkan keraguan.

Jika keduanya berlawanan, maka tiada sandaran bagi penghalalannya. Sesungguhnya hukum "tangan" (seseorang memegang barang tersebut) dan istishhab tidak bersandarkan pada sesuatu tanda seperti halnya jika kita mendapatkan air yang berubah. Mungkin, perubahan itu terjadi kerana air itu lama berhenti. Jika kita melihat seekor kijang kencing di dalamnya, kemudian perubahan itu mungkin terjadi dengan yang demikian, nescaya istishhab kita tinggalkan.

Hal ini sendiri lebih dekat daripada perkara yang dikemukakan tersebut. Namun, di antara landasan-landasan itu terdapat perbezaan. Sebab, kumis yang

panjang, memakai baju panjang, dan sebagai tentera menunjukkan pada kezaliman terhadap harta. Sedangkan perkataan dan perbuatan yang menyalahi agama, jika berhubungan dengan kezaliman harta, maka hal itu juga merupakan landasan yang jelas. Misalnya, jika kita mendengar orang itu menyuruh untuk merompak, melakukan tindakan aniaya, atau mengadakan akad riba.

Sementara jika dia melihat orang itu menyuruh orang lain untuk melakukan perompakan atau pandangannya mengikuti seorang wanita yang lalu di hadapannya, maka ini merupakan landasan yang lemah. Sebab, betapa banyak manusia yang bersusah payah mencari harta dan tidak memburunya kecuali yang halal.

Namun, pada saat yang sama dia tidak dapat menguasai dirinya ketika kemarahannya dan nafsu-syahwatnya menggelegak. Maka hendaknya perbezaan ini diperhatikan. Yang demikian itu tidak mungkin dibatasi dengan suatu batasan. Dalam keadaan yang demikian itu pula hendaknya hamba Allah itu meminta fatwa kepada hatinya.

Saya mengatakan bahawa jika dalam hal tersebut dia melihatnya pada orang yang tidak dikenal, maka baginya suatu hukum. Sedangkan jika dia melihatnya pada orang yang dikenalnya mampu menjaga diri dalam bersuci, melakukan solat, dan membaca AlQuran, maka boleh baginya hukum yang lain, jika dua keterangan yang bersangkutan dengan harta itu bertentangan dan kedua keterangan itu lalu berjatuhan dan kembalilah orang itu seperti orang yang tidak dikenal. Sebab, salah satu dari kedua keterangan tersebut tidak ada yang sesuai dengan harta tersebut pada khususnya.

Oleh kerana itu betapa ramai orang yang berdosa dalam hal harta, tetapi dia tidak berdosa pada hal-hal lainnya. Juga, betapa ramai orang yang berbuat baik dalam melaksanakan solat, wuduk, dan membaca Al-Quran, tetapi dia memakan apa sahaja yang didapatinya. Maka hukumnya dalam segala kejadian ini ialah kecenderungan hati kepadanya. Sebab, ini adalah urusan di antara hamba dan Allah. Oleh kerana itu, tidak jauh dari kebenaran untuk menggantungkannya dengan sesuatu sebab yang tersembunyi, yang tidak terlihat kecuali olehnya dan Tuhan semesta alam. Itulah hukum penyakit hati.

Kemudian, sesuatu yang tidak begitu kelihatan hendaknya diperhatikan. Iaitu bahawa keterangan tersebut semestinya menunjukkan bahawa kebanyakan hartanya adalah haram, kerana dia seorang tentera, atau pegawai penguasa, atau

wanita tukang tangis pada kematian, atau wanita tukang nyanyi. Jika keterangan tersebut menunjukkan bahawa hartanya yang haram hanya sedikit, nescaya tidak harus bertanya. Sedangkan bertanya termasuk tindakan menjaga diri.

Keadaan ketiga ialah keadaan yang diketahui dengan semacam percubaan dan pengalaman, di mana yang demikian itu menimbulkan anggapan kuat tentang kehalalan harta itu atau keharamannya. Misalnya, kebaikan, penghayatan keagamaan, dan keadilan orang itu secara lahir diketahui, tetapi merupakan perkara yang mungkin pada batinnya adalah sebaliknya.

Maka dalam hal ini tidak wajib menanyakan dan tidak dibolehkan seperti halnya pada orang yang tidak dikenal. Maka yang lebih utama ialah segera mengambilnya. Segera bertindak di sini lebih jauh dari syubhat dibandingkan dengan tampil menikmati makanan orang yang tidak dikenal. Sebab, yang demikian itu jauh dari tindakan menjaga diri, walaupun tidak haram.

Sementara itu memakan makanan orang-orang baik merupakan kebiasaan para Nabi dan wali. Nabi s.a.w. bersabda: “Janganlah engkau memakan selain makanan orang yang bertakwa dan makananmu jangan dimakan selain oleh orang yang bertakwa.”

Jika diketahui dengan percubaan bahawa seseorang adalah tentera, atau penyanyi, atau pembuat riba dan tidak memerlukan pada landasan dengan keadaannya, bentuknya, dan kainnya, maka di sini menanyakan hal itu wajib seperti halnya pada tempat yang meragukan. Malah di sini lebih utama lagi.

2. Ragu terhadap kehalalan harta itu sendiri

Dalam hal ini, yang dihalalkan mahupun yang diharamkan itu telah bercampur. Keadaan di pasar, di mana barang rampasan dan barang curian, juga barang yang dipalsukan bercampur dengan barang-barang yang dihalalkan, hingga pembeli tidak seharusnya mempertanyakan tentang kehalalan atau keharaman barang-barang dagangan yang tersedia di pasar itu.

Namun, apabila jelasjelas diketahui bahawa kebanyakan barang di pasar itu merupakan jenis yang diharamkan, maka mempertanyakan statusnya menjadi suatu keharusan bagi pembeli. Para sahabat terbiasa menanyakan jika berhadapan dengan perkara atau keadaan seperti itu. Mereka tidak mempertanyakan kecuali tentang sesuatu yang sangat meragukan.

Landasan bahawa tidak wajib menanyakan dan memeriksa, jika yang terbanyak bukan harta yang haram, ialah para sahabat r.a. tidak melarang pembelian di pasar-pasar yang terdapat padanya dirham riba, harta rampasan perang yang diambil dengan diam-diam, dan lain-lain. Juga, para sahabat tidak menanyakan pada setiap akad. Hanya pertanyaan itu diriwayatkan dari salah seorang di antara mereka secara langka sekali dalam sebahagian keadaan. Iaitu pada tempat yang meragukan terhadap orang yang tertentu itu sendiri.

Begitu juga mereka mengambil harta rampasan dari orang-orang kafir yang memerangi kaum Muslimin dan kadang-kadang orang-orang kafir itu mengambil harta kaum Muslimin. Merupakan perkara yang mungkin dalam harta rampasan itu terdapat sesuatu dari apa yang mereka ambil dari kaum Muslimin. Padahal, berdasar kesepakatan para ulama, tidak halal mengambilnya dengan begitu sahaja. Bahkan, menurut asy-Syafi'i rahimahullah, harta itu harus dikembalikan kepada pemiliknya. Sedangkan menurut Abu Hanifah, pemiliknya paling berhak dengan harganya. Dan, tidak sama sekali diriwayatkan pemeriksaan tentang harta yang demikian itu.

Suatu hari Umar r.a. mengirim surat ke Azerbaijan: "Sesungguhnya kamu berada dalam suatu negeri yang disembelih padanya bangkai. Oleh itu, perhatikanlah haiwan yang disembelih dari haiwan yang mati." Beliau mengizinkan bertanya dan memerintahkan bertanya. Tetapi beliau tidak memerintahkan bertanya tentang dirham-dirham yang menjadi harganya. Ini kerana kebanyakan dirham mereka bukan harga kulit, walaupun kulit itu juga dijual. Kebanyakan kulit memang demikian.

Perkara yang sama juga dikatakan Ibnu Mas'ud r.a.: "Kamu berada dalam suatu negeri di mana kebanyakan tukang dagingnya orangorang Majusi. Maka perhatikanlah antara haiwan yang disembelih dan yang bangkai." Ibnu Mas'ud mengkhususkan dengan menanyakannya kerana jumlah haiwan itu banyak. Maksud dari bab ini tidak jelas kecuali dengan mengemukakan gambaran-gambaran dan mengumpamakan persoalan-persoalan yang banyak terjadi menurut kebiasaan. Maka di bawah ini kami berikan contohcontoh masalah-masalah itu.

a. Masalah pertama

Seseorang memiliki harta yang bercampur dengan yang haram, dan kemudian, misalnya, dia menjual harta di warung makanan hasil rompakan atau harta yang

dirampas. Atau dia seorang hakim, atau ketua, atau pekerja atau ahli fiqh yang selalu pergi kepada penguasa yang melakukan tindakan aniaya, di mana dia juga mempunyai harta warisan dan menjadi pengetua sesuatu daerah atau perniagaan. Atau seorang peniaga yang mengadakan urus-niaga secara sah, tetapi dia juga melakukan riba.

Dalam kes ini jika yang terbanyak dari hartanya haram, nescaya tidak boleh memakan apa yang diberikannya. Juga, tidak boleh menerima hadiah dan sedekahnya, kecuali sesudah memeriksanya. Maka jika telah jelas bahawa harta yang diambil itu halal, maka yang demikian itu boleh diambil. Jika tidak nescaya harus meninggalkannya.

Jika hartanya yang haram itu sedikit dan mengambilnya meragukan, maka ini menjadi tempat perhatian. Sebab, hal itu berada pada suatu peringkat di antara dua peringkat. Ini kerana telah ditetapkan bahawa jika seekor haiwan sembelihan serupa dengan sepuluh bangkai, umpamanya, semuanya wajib dihindari.

Dari satu sisi hal itu serupa, sebab jumlah harta seseorang terbatas. Terutama jika hartanya tidak sebanyak harta penguasa. Dari segi lain, itu berlawanan. Ini kerana bangkai itu diketahui adanya sekadar dengan keyakinan. Sedangkan perkara haram yang mencampuri hartanya mungkin telah lepas dari tangannya, dan tiada lagi padanya. Jika harta itu sedikit dan diketahui dengan pasti bahawa perkara yang haram itu ada saat itu, maka hal ini dan masalah percampuran dengan bangkai itu sama.

Sementara jika harta itu banyak dan diperkirakan perkara yang haram tidak didapatkan pada saat itu, maka hal itu lebih ringan dari itu dan dari sisi percampuran menyerupai dengan yang tidak terbatas, seperti di pasar-pasar dan di kampung-kampung. Namun, hal itu lebih berat kerana tertentu pada seseorang. Tidak syak lagi bahawa segera mengambilnya jauh sekali dari tindakan menjaga diri, tetapi memandangnya sebagai kefasikan berlawanan dengan keadilan.

Dari segi penuturan itu juga tidak jelas. Ini kerana terjadinya tarik-menarik di antara barang-barang yang serupa. Dari segi penuturan hal itu juga tidak jelas kerana apa yang diriwayatkan dari para sahabat bahawa mereka bersikap menolak dalam perkara yang seperti itu. Perkara yang sama juga diriwayatkan dari para tabi'in yang tidak menjaga diri mereka boleh dipertanggung-jawabkan.

Namun, tentang hal itu tidak terdapat ketentuan yang tegas tentang pengharamannya. Apa yang diriwayatkan tentang tindakan memakan hidangan seperti yang dilakukan oleh Abu Hurairah yang memakan hidangan Mu'awiyah misalnya, jika diandaikan bahawa di antara harta yang ada di tangan Mu'awiyah ada harta yang haram, maka mungkin Abu Hurairah melakukan yang demikian itu setelah melakukan pemeriksaan. Dan, ternyata yang dimakannya merupakan perkara yang mubah.

Seluruh tindakan dalam hal tersebut memiliki landasan yang lemah. Para ulama dari generasi akhir memiliki pendapat yang beragam. Sehingga sebahagian di antara mereka mengatakan: "Jika saya diberi sesuatu oleh penguasa, nescaya saya mengambilnya."

Kebolehan itu hilang jika yang terbanyak dari harta itu merupakan harta haram, meskipun barang yang diambil tidak diketahui. Tetapi, mungkin sahaja barang itu halal. Di antara perkara yang dijadikan landasan ialah tindakan sebahagian dari generasi terdahulu yang mengambil harta pemberian penguasa, seperti halnya akan dikemukakan nanti pada bab tentang 'harta para penguasa.'

Jika perkara yang haram itu paling sedikit dan mungkin tidak ada lagi saat itu, nescaya memakannya tidak haram. Jika diyakini adanya saat itu, seperti pada masalah keserupaan haiwan sembelihan dengan bangkai, maka ini termasuk apa yang saya tidak tahu apa yang akan saya katakan. Juga, hal itu termasuk syubhat-syubhat yang membingungkan orang yang berfatwa (mufti), kerana hal itu berada di antara syubhat yang terbatas dan yang tidak terbatas.

Wanita susuan, misalnya, jika serupa dengan sepuluh wanita lain di suatu tempat, nescaya wajib menghindari perkahwinan. Jika hal itu di suatu negeri yang berpenduduk sepuluh ribu orang, nescaya tidak wajib menghindari perkahwinan. Di antara kedua hal itu terdapat bilanganbilangan.

Jika saya ditanya tentang hal itu, nescaya tidak saya ketahui apa yang akan saya katakan. Para ulama pun telah menghentikan dahulu tentang beberapa masalah yang lebih mudah dari ini. Suatu hari Ahmad bin Hanbal r.a. ditanya tentang seorang lelaki yang menembak dengan panah haiwan buruan, lalu haiwan itu terjatuh ke dalam tanah milik orang lain. Maka apakah haiwan buruan tersebut kepunyaan si penembak atau si pemilik tanah tempat jatuh binatang buruan itu? Imam Ahmad rahimahullah menjawab: "Aku tidak tahu." Kemudian beliau ditanya lagi beberapa

kali, tetapi beliau selalu menjawab: "Aku tidak tahu."

Banyak hal serupa yang telah kami sebutkan dari para ulama salaf di dalam Kitab tentang Ilmu. Maka hendaknya keinginan besar orang yang memberi fatwa untuk mengetahui hukum tersebut pada segala rupa persoalannya dihentikan. Suatu hari Ibnu al-Mubarak bertanya kepada seorang temannya dari Basrah tentang transaksinya dengan orang-orang yang melakukan urus-niaga dengan para penguasa. Temannya menjawab: "Seandainya orang-orang itu tidak melakukan urus-niaga dengan mereka. Dan jika mereka melakukan urus-niaga dengan para penguasa dan lainnya maka lakukanlah urus-niaga dengan mereka." Ini menunjukkan sikap berlapang dada tentang perkara yang sedikit. Dan, mungkin juga bersikap lapang dada pada perkara yang banyak.

Ringkasnya, tidak diriwayatkan dari para sahabat bahawa mereka meninggalkan sepenuhnya urus-niaga dengan tukang daging, tukang roti, dan peniaga kerana melakukan suatu akad yang batal atau melakukan urus-niaga dengan penguasa. Perkiraan tentang hal tersebut akan dihuraikan nanti. Masalah itu dengan sendirinya susah.

Jika ada yang mengatakan demikian, maka telah diriwayatkan dari Ali bin Abu Thalib r.a. bahawa dia memberi kelapangan tentang itu dan dia berkata: "Ambillah apa yang diberikan kepadamu oleh penguasa. Sebab, sesungguhnya perkara yang diberikan kepadamu sebahagian dari perkara yang halal. Dan apa yang diambilnya dari perkara yang halal lebih banyak dari perkara yang haram."

Ibnu Mas'ud r.a. pun pernah ditanya orang tentang hal itu. Ucap si penanya kepadanya: "Saya mempunyai tetangga yang tidak saya ketahui selain sebagai orang yang buruk perilakunya suka mengundang kami atau memenuhi apa yang kami perlukan." Ibnu Mas'ud menjawab: "Jika dia mengundang anda, penuhilah undangannya. Dan jika anda memerlukan sesuatu, maka meminjamlah kepadanya. Sebab, andalah yang senang, sedangkan dia yang menanggung dosa." Salman pun mengatakan pendapat yang seiring.

Ali memberi kelapangan kerana perkara yang halal banyak. Sedangkan Ibnu Mas'ud r.a. memberi alasan dengan jalan isyarat bahawa dosa itu menjadi tanggungan si tetangga, kerana dia mengetahui yang demikian dan si peminjamlah yang senang. Dengan kata lain si peminjam tidak mengetahui yang demikian itu.

Diriwayatkan bahawa suatu hari seorang lelaki berkata kepada Ibnu Mas'ud r.a.: "Saya mempunyai tetangga yang memakan riba. Lalu dia mengundang kami pada majlis jamuan makanannya. Apakah kami datang?" Ibnu Mas'ud r.a. menjawab: "Ya, datanglah." Tentang yang demikian itu diriwayatkan bermacam-macam riwayat dari Ibnu Mas'ud r.a. Asy-Syafi'i r.a. dan Malik r.a. mengambil pemberian para khalifah dan penguasa, padahal keduanya mengetahui bahawa harta mereka bercampur dengan perkara yang haram.

Kami jelaskan bahawa yang diriwayatkan dari Ali r.a. ialah sebenarnya dia terkenal dengan tindakan menjaga diri terhadap keadaan yang demikian itu. Dia menolak harta dari Baitulmal, malah dia menjual pedangnya. Juga, dia tidak memiliki selain sehelai baju kemeja pada waktu mandi dan dia tidak memiliki pakaian yang selainnya. Memang, saya tidak membantah bahawa kelapangan yang diberikannya merupakan perkara yang jelas tentang pembolehannya dan perbuatannya itu mungkin kerana tindakan menjaga dirinya.

Namun, jika hal itu benar, maka harta penguasa itu baginya hukum yang lain. Sebab, hukum banyaknya hampir berkaitan dengan apa yang tidak terbatas. Penjelasan tentang yang demikian itu akan dikemukakan nanti.

Begitu juga perbuatan asy-Syafi'i r.a. dan Malik r.a. berkenaan dengan harta penguasa. Penjelasan tentang hukum tentang hal itu akan dikemukakan nanti. Sedangkan tentang perkataan Ibnu Mas'ud r.a. maka ada yang mengatakan bahawa perkataan itu diriwayatkan oleh Khuwat at-Taimi yang hafalannya lemah.

Sementara pernyataan yang terkenal dari Ibnu Mas'ud r.a. menunjukkan bahawa dia sangat menjaga diri dari syubhat-syubhat. Sebab, dia mengatakan: "Janganlah seseorang di antara kamu mengatakan: 'Aku takut dan saya berharap.' Kerana yang halal itu terang dan yang haram itu pun terang. Sedangkan di antara yang demikian itu ialah perkara-perkara yang syubhat. Maka tinggalkanlah hal yang meragukan." Ibnu Mas'ud r.a. juga berkata: "Hindarilah segala bersitan hati. Sebab, padanya timbul dosa."

Jika ada yang mengatakan: "Mengapakah anda mengatakan, jika yang terbanyak itu haram nescaya tidak dibolehkan mengambil. Sedangkan yang diambil itu tidak ada padanya tanda yang menunjukkan pengharamannya secara khusus. Padahal, tangan adalah tanda milik. Sehingga barangsiapa yang mencuri harta orang yang seperti itu, nescaya dipotong tangannya dan yang banyak itu

mewajibkan anggapan bebas yang tidak berkaitan dengan benda itu sendiri. Maka hendaknya anggapan itu seperti kerasnya anggapan pada debu jalan raya.

Juga seperti kerasnya anggapan pada percampuran dengan yang tidak terbatas, jika yang terbanyak itu ialah perkara yang haram. Dan tidak boleh mengambil landasan tentang hal ini berdasarkan keumuman sabda Nabi s.a.w.: “Tinggalkanlah apa yang membuatmu ragu menuju apa yang tidak membuatmu ragu.” Sebab, menurut kesepakatan para ulama, hadis itu dikhususkan pada sebahagian tempat. Iaitu bagi sesuatu yang membuat seseorang merasa ragu terhadap tanda pada benda yang dimiliki itu dengan dasar percampuran yang sedikit dengan yang tidak terbatas. Maka yang demikian itu mewajibkakn keraguan. Walaupun demikian, engkau menentukan keharaman hal tersebut.”

Sebagai jawapan ialah bahawa tangan merupakan landasan yang lemah, seperti istishhab, dan baru dipilih (diambil) jika tangan itu terpelihara dari pelbagai penentangnya yang kuat. Jika telah kita dapatkan tentang terjadinya percampuran dan kita yakini bahawa perkara haram yang bercampur itu ada saat itu dan harta itu tidak terlepas dari perkara yang haram tersebut dan kita mendapatkan bahawa yang terbanyak ialah perkara yang haram dan yang demikian itu terhadap hak orang tertentu yang hartanya mendekati terbatas, nescaya wajib berpaling dari kehendak tangan itu.

Dan jika hal itu tidak dikaitkan dengan sabda Nabi s.a.w.: “Tinggalkanlah apa yang membuatmu ragu menuju apa yang tidak membuatmu ragu,” nescaya tiada kaitan baginya. Sebab, hal itu tidak mungkin dikaitkan pada campuran yang sedikit dengan perkara halal yang tidak terbatas. Ini kerana yang demikian itu terdapat pada zaman Nabi s.a.w. dan beliau tidak meninggalkannya.

Ke tempat yang mana sahaja ini dibawa, hal ini tetap dalam pengertiannya. Sedangkan membawanya pada pengertian membersihkan bererti memalingkannya dari yang lahir tanpa analogi. Sebab, mengharamkan yang demikian itu tidak jauh dari qiyas tanda-tanda dan istishhab. Padahal, perkara yang banyak mempunyai kesan terhadap penetapan anggapan dan begitu juga terhadap pembatasan. Kedua hal itu telah terpadu. Sehingga Abu Hanifah rahimahullah berkata: “Janganlah engkau berijtihad tentang bejana-bejana, kecuali jika yang suci merupakan perkara yang terbanyak.” Jadi, dia mensyaratkan berpadunya istishhab dan ijtihad dengan tanda dan kekuatan banyaknya.

Orang yang mengatakan bahawa dia mengambil bejana yang mana sahaja yang dia kehendaki tanpa ijtihad, tetapi dengan mendasarkan diri pada istishhab semata, dia boleh meminum air yang ada dalam bejana itu. Pembolehan di sini didasarkan semata pada tanda dari tangan. Namun, yang demikian tidak dibolehkan pada air kencing yang serupa dengan air kerana tidak ada istishhab padanya.

Demikian halnya istishhab juga tidak boleh diberlakukan pada bangkai yang serupa dengan haiwan sembelihan. Ini kerana pada bangkai tidak terdapat istishhab. Dan tangan tidak menunjukkan bahawa haiwan itu bukan bangkai, tetapi menunjukkan pada makanan mubah yang telah rosak.

Oleh kerana itu di sini terdapat empat perkara yang saling berkaitan: istishhab, sedikit banyaknya perkara yang mengalami percampuran, dan tanda khusus pada benda itu sendiri yang erat kaitannya dengan ijtihad. Maka barangsiapa yang lalai terhadap empat hal ini, kadang-kadang dia melakukan kesalahan. Akibatnya, dia pun menyerupakan sebahagian masalah dengan yang tidak menyerupainya. Sehingga terjadilah apa yang paling banyak atau paling sedikit. Masing-masingnya ada kalanya diketahui dengan yakin atau dengan anggapan kuat tanpa tanda atau dengan anggapan semata.

Berdasarkan hal itu maka menanyakan adalah wajib pada dua tempat. Iaitu jika perkara yang haram itu merupakan bahagian yang terbanyak berdasarkan keyakinan atau anggapan kuat. Misalnya, jika dia melihat orang Turki yang tidak dikenal yang semua hartanya mungkin dari rampasan perang.

Sedangkan jika yang paling sedikit itu diketahui dengan yakin, maka hal itu merupakan tempat menghentikan persoalan. Hal itu sendiri hampir berjalan seiring dengan apa yang dijalani oleh kebanyakan ulama salaf. Sementara perkara-perkara yang darurat cenderung pada keringanan. Sedangkan tiga bahagian yang lainnya, maka menanyakan padanya tidak wajib sama sekali.

b. Masalah kedua

Jika seseorang menerima makanan dari seorang yang diketahui tangannya telah tercampur dengan barang haram yang berasal dari perputaran yang ada, yang telah diambilnya atau berasal dari sisi lain, dan tidak diketahui apakah perkara yang haram itu masih ada sampai saat itu atau sudah tidak ada lagi, maka bagi orang yang menerima makanan tersebut boleh memakannya dan dia tidak harus memeriksanya.

Sedangkan pemeriksaan pada makanan tersebut termasuk tindakan menjaga diri.

Jika dia mengetahui bahawa sebahagian dari perkara yang haram itu masih ada, tetapi dia tidak mengetahui apakah perkara yang haram itu merupakan bahagian yang paling sedikit atau atau paling banyak, maka dia boleh mengambilnya kerana sesuatu itu merupakan bahagian yang paling sedikit. Pada pembahasan sebelumnya telah diterangkan bahawa keadaan yang paling sedikit itu menyulitkan dan ini mendekati pada keadaan yang demikian itu.

c. Masalah ketiga

Jika di tangan pengurus harta sosial atau wakaf atau wasiat ada dua macam harta, padahal dia berhak atas salah satu dari kedua harta itu dan dia tidak berhak atas harta yang satunya lagi, kerana yang satunya lagi itu tidak termasuk harta yang dikemukakan tersebut, bolehkah dia mengambil harta yang diserahkan kepadanya oleh si pemilik wakaf?

Di situ harus diperhatikan. Jika sifat dari harta yang disebutkan di atas itu jelas dikenal oleh si pengurus itu dan si pengurus jelas keadilannya, maka dia boleh mengambilnya tanpa melakukan penyelidikan. Sebab, anggapan terhadap si pengurus ialah si pengurus tidak akan mempergunakan harta yang diserahkan kepadanya kecuali dari harta yang merupakan haknya.

Jika sifat dari harta itu tersembunyi dan si pengurus termasuk orang yang dikenal suka mencampur-adukkan segala sesuatu dan tidak memperhatikan bagaimana dia berbuat, maka dia harus bertanya. Sebab, di sini tidak terdapat tangan dan istishhab yang dapat dipegangi. Hal ini seiring dengan pertanyaan Rasulullah s.a.w. tentang sedekah dan hadiah, ketika beliau merasa ragu terhadap keduanya. Kerana tangan tidak dapat membezakan hadiah dari sedekah dan bukan merupakan istishhab. Maka dia tidak terlepas daripadanya kecuali dengan pertanyaan.

Seandainya pertanyaan yang demikian itu kita gugurkan terhadap orang yang tidak kita kenal, maka pertanyaan itu harus kita gugurkan pula pada tanda dari tangan dan Islam. Sehingga jika tidak diketahui bahawa seseorang itu Muslim dan kita bermaksud mengambil daging dari haiwan sembelihannya dari tangannya dan mungkin sahaja dia orang Majusi, nescaya kita tidak boleh mengambil daging itu selama dia belum dikenal sebagai Muslim. Sebab tangan tidak menunjukkan pada bangkai dan bentuk juga tidak menunjukkan pada keislaman seseorang.

Kecuali jika kebanyakan penduduk negeri itu kaum Muslimin. Dalam hal ini orang yang tidak ada padanya tanda kekafiran boleh diduga sebagai Muslim, walaupun ada kemungkinan salah. Maka dari itu, tidak semestinya tempat-tempat yang dibuktikan oleh tangan dan keadaan dicampur-adukkan dengan yang tidak dibuktikan oleh keduanya.

d. Masalah keempat

Boleh membeli sebuah rumah dalam suatu negeri, walaupun diketahui bahawa rumah itu dalam lingkungan rumah-rumah yang dirampas. Sebab, yang demikian itu merupakan percampuran dengan perkara yang tidak terbatas. Tetapi menanyakannya merupakan tanda berhati-hati dan tindakan menjaga diri. Jika pada suatu jalan yang lurus ada sepuluh buah rumah, umpamanya, dan salah satunya adalah rumah rampasan atau wakaf, nescaya tidak boleh membelinya selama tidak dapat dibezakan dari rumah-rumah lainnya dan wajib menyeledikinya.

Barangsiapa yang masuk ke suatu kampung dan di kampung itu terdapat beberapa padepokan yang pewakafannya dikhususkan bagi para penganut dari pelbagai mazhab dan dia menganut salah satu dari mazhab-mazhab tersebut, maka dia tidak boleh mendiami di mana sahaja yang dikehendakinya dan memakan dari harta wakaf padepokanpadepokan tersebut tanpa bertanya.

Ini kerana yang demikian itu termasuk bab percampuran yang terbatas. Maka tidak boleh tidak dia harus membezakannya dan tidak boleh langsung menggunakannya dalam keadaan yang meragukan itu. Sebab, langgar-langgar dan sekolah-sekolah dalam suatu negeri tentu dalam jumlah yang terbatas.

Walaupun kita menjadikan pertanyaan termasuk sebahagian dari tindakan menjaga diri, namun seseorang tidak harus selalu bertanya kepada si pemilik makanan dan harta jika dia tidak merasa aman dari kemarahannya. Sesungguhnya kita mewajibkan bertanya jika diyakini bahawa kebanyakan hartanya haram. Dalam hal ini tidak perlu diperdulikan dengan kemarahan seperti itu. Sebab, dalam keadaan yang demikian itu wajib menyakiti orang zalim dengan perkara yang lebih berat dari hal itu. Biasanya dalam keadaan seperti ini orang tidak menjadi marah dengan ditanya.

Memang, jika dia mengambilnya dari tangan orang-orang yang berada di bawah pimpinannya, seperti wakilnya, atau pembantunya, atau muridnya, atau sebahagian keluarganya, maka dia harus menanyakannya manakala dia merasa

ragu. Sebab, mereka tidak akan marah dengan pertanyaannya dan kerana dia harus menanyakannya untuk mengajari mereka jalan yang halal.

Oleh kerana itulah Abu Bakar r.a. menanya pembantunya. Umar r.a. juga menanya orang yang memberikan kepadanya minuman dari susu unta sedekah. Juga, Umar menanya Abu Hurairah r.a. ketika menyerahkan kepadanya harta banyak seraya berkata: "Wahai Abu Hurairah, apakah semua harta ini bagus?" Ini kerana Umar merasa hairan kerana banyaknya dan Abu Hurairah r.a. termasuk rakyatnya. Apalagi dalam bertanya Umar memakai ungkapan yang lemah lembut.

Sementara itu Ali r.a. berkata: "Tiada yang paling disukai Allah SWT selain keadilan penguasa dan kasih-sayangnya. Dan tiada yang paling dimarahi-Nya selain tindakan aniaya penguasa dan kekerasannya."

e. Masalah kelima

Al-Harits al-Muhasabi rahimahullah pernah mengatakan: "Sesungguhnya orang yang bermuamalah dengan teman atau saudara sendiri, dia tidak perlu menanyai tentang asal-usul hartanya. Sebab, terkadang hal itu harus membuka apa yang seharusnya dibiarkan tertutup daripadanya. Sehingga hal itu membuat dia menjadi marah dan itu sama ertinya dengan berbuat maksiat."

Apa yang dikemukakan al-Harith tersebut adalah baik. Ini kerana bertanya, jika timbul dari tindakan menjaga diri dan tidak dari kerana kewajipan, maka tindakan menjaga diri dalam keadaan yang seperti ini untuk menjaga diri dari rosaknya kehormatan dan mengorbankan kemarahan lebih penting.

Selanjutnya al-Harith menambahkan: "Jika dia merasa ragu terhadap sesuatu dari makanan itu, hendaknya dia tidak menanyanya kerana menduga bahawa makanan yang disuguhkan itu baik dan jauh dari makanan yang keji. Jika hatinya merasa tidak mantap terhadap keadaan makanan itu, maka hendaknya dia bertanya dengan lemahlembut. Dan janganlah dia merosakkan kehormatannya dengan pertanyaan." Kemudian dia berkata: "Sebab, saya tidak pernah melihat seorang pun di antara para ulama yang mengajukan pertanyaan yang demikian itu."

Inilah ucapan al-Harith al-Muhasibi yang terkenal dengan kezuhudannya yang yang menunjukkan pada sikap lapang dada tentang sesuatu jika dia bercampur dengan harta haram yang sedikit. Namun, yang demikian itu ketika muncul persangkaan dan tidak ketika telah merasa yakin. Sebab, kata "keraguan"

menunjukkan pada persangkaan, dengan landasan yang menunjukkan padanya dan tidak mendatangkan keyakinan. Maka hendaknya dijaga segala perkara yang rinci ini dalam bertanya.

f. Masalah keenam

Terkadang ada orang yang mengatakan: "Apakah gunanya bertanya kepada orang yang sebahagian hartanya haram dan orang yang memandang halal harta yang haram, yang kadang-kadang berbohong? Jika dia percaya terhadap amanahnya, maka hendaknya dia mempercayai keagamaannya tentang yang halal ini.

Menjawab ucapaan yang demikian itu saya katakan bahawa walaupun dia mengetahui bercampurnya harta seseorang dan orang itu mengharapkan kehadiran anda pada majlis jamuannya atau penerimaan anda akan hadiahnya, maka kepercayaan tidak timbul dengan ucapannya, "Tiada gunanya menanyakan hal itu." Maka semestinya dia menanyakannya kepada orang lain. Begitu juga jika dia seorang penjual yang suka berjualan untuk mencari keuntungan. Dalam hal ini kepercayaan tidak timbul dengan ucapannya "bahawa barang itu halal." Tiada gunanya bertanya tentang barang itu pada orang yang memilikinya, tetapi hendaknya dia bertanya kepada orang lain.

Di samping itu hendaknya dia menanyakan tentang perihal orang yang mempunyai tangan (kekuasaan) pada barang tersebut, jika orang itu bukan orang yang tertuduh. Ini seperti halnya pertanyaan yang diajukan oleh orang yang menguasai harta sosial terhadap harta yang diterimanya dari mana harta itu diterimanya. Ini seperti halnya yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. yang menanyakan tentang hadiah dan sedekah (zakat). Sebab, sesungguhnya perkara yang demikian itu tidak menyakitkan.

Begitu juga jika dia menuduh orang itu tidak mengetahui jalan usaha yang halal, maka janganlah menuduh pada perkataannya jika orang itu menerangkan jalan yang sah. Dan, seperti itu pula menanyakan pembantunya dan pekerjanya adalah untuk mengetahui jalan usahanya. Dalam hal ini pertanyaan yang demikian mendatangkan manfaat.

Sementara jika si pemilik harta tertuduh, maka hendaknya ditanyakan kepada orang lain. Jika dia mendapatkan keterangan dari orang fasik yang diketahuinya menurut keadaannya bahawa orang itu tidak akan berdusta dan tanpa ada maksud

baginya untuk berdusta, maka keterangan itu boleh diterima. Sebab, ini merupakan tanggung jawab antara dia dan Allah SWT dan yang dicarinya ialah kepercayaan. Kepercayaan yang demikian itu terkadang timbul dari perkataan orang fasik dan dalam sebahagian keadaan tidak timbul dari perkataan orang yang adil.

Memang, tidak setiap orang fasik selalu berbohong. Juga, tidak setiap orang yang anda lihat adil pada lahirnya adalah berkata benar. Sesungguhnya menjadi saksi demi keadilan secara lahir adalah diperlukan oleh hukum. Sebab, perkara yang batin tidak ada yang dapat melihatnya. Abu Hanifah pun menerima kesaksian orang fasik. Selain itu betapa ramai orang yang anda kenal dan anda mengenal dia suka mengerjakan perbuatan-perbuatan maksiat, kemudian jika dia menerangkan sesuatu kepada anda, anda pun percaya kepadanya.

Begitu juga ceritera anak kecil yang telah boleh membezakan antara yang buruk dengan yang baik yang anda kenal memiliki pendirian tetap. Sebab, kadang-kadang kepercayaan diperoleh dari perkataannya, lalu perkataannya pun dipegang.

Sementara jika keterangan itu diperolah dari orang yang tidak dikenal yang tidak diketahui sama sekali keadaannya, maka ini termasuk orang yang kita perbolehkan memakan barang yang berada di bawah kekuasaannya. Sebab, tangannya merupakan petunjuk yang nyata tentang pemilikannya. Terkadang dikatakan bahawa keislamannya merupakan petunjuk yang nyata tentang kebenarannya. Ini sebenarnya memerlukan penelitian.

Perkataannya itu sendiri nescaya mempunyai kesan terhadap apa yang berada di dalam jiwanya. Sehingga jika sekelompok orang yang mendatangkan anggapan yang kuat (hampir mendekati kepada yakin) berkumpul, namun kesan salah seorang di antara mereka sangat lemah, maka batasan kesannya ke dalam jiwa hendaknya diperhatikan. Sebab, yang berfatwa pada tempat yang seperti itu adalah hati. Padahal, hati terkadang berpaling pada tanda-tanda yang tersembunyi yang tidak terungkap menerusi tutur kata. Maka hal seperti itu perlu diperhatikan.

Bukti wajibnya berpaling dari yang demikian itu ialah apa yang diriwayatkan dari Uqbah bin al-Harith bahawa Uqbah datang kepada Nabi s.a.w. seraya berkata: “Aku telah menikahi seorang wanita. Lalu datang seorang hamba wanita hitam dan mengatakan bahawa dia telah menyusui kami berdua. Padahal, dia sebenarnya berdusta.” Nabi s.a.w. bersabda: “Tinggalkanlah wanita yang kamu nikahi itu.” Uqbah berkata: “Hamba wanita itu berkulit hitam dan tidak ada ertinya bagiku.”

Lalu Nabi s.a.w. bersabda: "Tetapi bukankah dia telah mengatakan bahawa dia telah menyusui kamu berdua. Tidak ada kebaikannya bagimu pada wanita yang kamu nikahi itu. Tinggalkanlah dia dan jangan menjadi isterimu lagi."[56] Sedangkan menurut riwayat lain beliau bersabda: "Bukankah telah dikatakan…"

Walaupun pembohongan orang yang tidak dikenal tidak diketahui dan tidak nampak tanda suatu maksud baginya pada benda itu, tetapi tidak mustahil ucapannya mempunyai kesan terhadap hati. Maka keadaan itu perlu dikuatkan dengan tindakan berjaga-jaga. Jika hati mantap kepadanya, nescaya tindakan berjaga-jaga itu merupakan kewajipan yang tidak dapat dielakkan.

g. Masalah ketujuh

Bilamana bertanya itu wajib, tetapi keterangan dua orang adil yang ada bertentangan, maka kedua keterangan itu tidak berlaku. Begitu juga keterangan orang fasik. Dibolehkan bagi seseorang memilih sebagai pendapat terkuat di dalam hatinya di antara keterangan dua orang adil atau seorang dari dua orang fasik. Salah satu pendapat dari kedua pihak itu boleh dikukuhkan dengan sebab banyaknya atau dengan sebab khusus dari pengalaman dan pengetahuannya. Yang demikian itu termasuk perkara yang beragam untuk menggambarkannya.

h. Masalah kelapan

Jika suatu benda tertentu dirampas orang, lalu pemiliknya menemukan benda yang semacam itu di tangan orang dan dia bermaksud membelinya dan mungkin benda itu bukan dari benda yang dirampas tersebut, maka dalam hal ini jika orang itu termasuk orang yang dikenalnya baik, nescaya boleh membelinya. Sedangkan meninggalkan membelinya merupakan sebahagian dari tindakan menjaga diri.

Apabila orang itu orang yang tidak dikenal dan tidak diketahui sama sekali tentang keadaannya, sementara jika macam benda yang bukan benda rampasan beragam, maka dia boleh membelinya. Sedangkan jika benda itu tidak diperoleh pada tempat tersebut kecuali langka sekali dan banyaknya itu kerana rampasan, maka tidak ada yang menunjukkan pada yang halal selain oleh tangan (yang memegang barang itu) dan hal itu bertentangan dengan tanda khas tentang bentuk dan macam

[56] Diriwayatkan oleh Bukhari dari Uqbah bin al-Harith

dari benda tersebut, maka mencegah dari membelinya termasuk tindakan menjaga diri yang penting.

Namun, yang wajib tentang hal itu masih perlu peninjauan kerana tanda itu bertentangan. Saya sendiri tidak sanggup menetapkan padanya suatu hukum untuk memperhatikan mana yang lebih kuat pada hatinya.

Jika perasaan yang kuat mengatakan bahawa barang itu barang rampasan, maka dia harus meninggalkannya. Sedangkan jika bukan demikian, maka halallah baginya membelinya. Kebanyakan dari kejadian-kejadian ini dalam keadaan meragukan, sehingga menjadi sebahagian dari syubhat-syubhat yang tidak diketahui oleh kebanyakan orang. Maka, barangsiapa yang menjaga diri dari syubhatsyubhat itu, sesungguhnya dia membebaskan dirinya untuk kehormatannya dan agamanya. Dan barangsiapa yang mengerjakannya sesungguhnya dia bermain mengelilingi hutan larangan dan membahayakan dirinya.

i. Masalah kesembilan

Jika ada yang mengatakan bahawa Rasulullah s.a.w. pernah bertanya tentang susu yang dihidangkan kepada beliau, lalu dikemukakan bahawa susu itu dari seekor kambing. Selanjutnya beliau menanyakan tentang kambing tersebut: "Kambing dari mana?" Lalu diterangkan kepada beliau tentang asal kambing itu, maka beliau pun berhenti bertanya. Maka wajibkah bertanya tentang asal harta atau tidak wajib? Jika wajib, maka dari satu asal atau dua asal atau tiga asal? Dan apakah tanda yang membatasinya?

Saya menjawab: Tiada batasan dan taksiran padanya. Yang perlu diperhatikan ialah kesangsian yang menghendaki untuk bertanya, apakah kesangsian itu merupakan perkara yang wajib dan merupakan tindakan menjaga diri. Juga, tiada maksud pada pertanyaan itu selain untuk menghilangkan kesangsian yang menghendaki untuk bertanya.

Yang demikian itu berbeza dengan berbezanya keadaan. Misalnya, jika yang disangsikan dari segi tidak diketahuinya kehalalan usaha orang yang mempunyai tangan (yang menguasai barang itu) dan jika dia menjawab: "Aku beli", nescaya selesailah dengan suatu pertanyaan sahaja. Sedangkan jika dia menjawab: "Dari kambingku", nescaya timbul keraguan tentang kambing tersebut. Maka jika dia menjawab: "Aku beli," nescaya selesailah hal itu.

Jika keraguan itu timbul dari tindakan aniaya dan tentang barang yang berada dalam tangan orang-orang Arab dan barang rompakan yang berada dalam tangan (penguasaan) mereka itu kemudian beranak-pinak, maka keraguan itu tidak hilang dengan ucapannya: "Itu dari kambingku." Juga tidak pula dengan ucapannya: "Itu dari kambingku," dan tidak pula dengan ucapannya: "Kambing itu dilahirkan oleh kambingku."

Jika hal itu diacukan pada harta warisan dari bapanya dan keadaan bapanya tidak diketahui, maka terputuslah pertanyaan itu. Jika diketahui bahawa semua harta bapanya haram, maka jelaslah keharamannya. Sedangkan jika diketahui bahawa kebanyakan hartanya haram, maka dengan banyaknya harta itu kerana beranak-pinak, lamanya waktu, dan mendapatkan harta warisan, tidak mengubah hukum. Maka hendaknya segala pengertian itu diperhatikan.

j. Masalah kesepuluh

Saya pernah ditanya tentang penduduk Khanaqah yang merupakan kaum sufi dan di tangan pelayan mereka, yang menghidangkan makanan kepada mereka, ada harta yang diwakafkan untuk tempat tersebut, di samping itu ada harta wakaf lain bagi pihak lain selain mereka. Ternyata, pelayan itu mencampur-adukkan semua harta dan membelanjakannya untuk mereka dan kelompok yang lain itu. Maka apakah memakan makanan itu halal, haram, atau syubhat?

Menjawab pertanyaan itu saya katakan bahawa dalam hal ini harus memperhatikan tujuh pokok:

Pertama: Makanan yang disuguhkan kepada mereka biasanya dibeli dengan cara saling memberi (mu'athah). Yang kami pilih ialah cara yang demikian itu sah, terutama tentang makanan dan barangbarang yang tidak berharga. Maka dalam hal ini yang ada hanyalah syubhat perbezaan pendapat.

Kedua: Hendaknya diperhatikan apakah pesuruh itu membelinya dengan harta yang haram atau membelinya tidak dengan kontan. Jika dia membelinya dengan harta yang haram, maka makanan itu haram. Sedangkan jika tidak diketahui dan dia biasanya membelinya dengan harga tidak kontan, maka boleh berpegang dengan kebiasaan itu. Yang demikian itu tidak menimbulkan pengharaman. Bahkan, syubhat pun merupakan suatu kemungkinan yang jauh. Iaitu membelinya dengan harta haram.

Ketiga: Dari siapakah dia membeli makanan itu? Jika dia membelinya dari orang yang kebanyakan hartanya haram, nescaya memakannya tidak dibolehkan. Sedangkan jika perkara yang haram merupakan bahagian yang paling sedikit dari hartanya, maka hal itu memerlukan tinjauan seperti telah dikemukakan sebelumnya.

Sementara jika tidak diketahui, maka makanan itu boleh diambil dengan pandangan bahawa dia membelinya dari orang yang hartanya halal atau dari orang yang tidak dikenal. Pada pembahasan sebelumnya telah dikemukakan penjelasan tentang kebolehan membeli dari orang yang tidak dikenal. Sebab, demikianlah biasanya. Maka dalam hal ini tidak terjadi pengharaman, tetapi kemungkinan syubhat.

Keempat: Dia membelinya untuk dirinya sendiri atau untuk orangorang yang diurusinya. Dalam hal ini orang yang mengurus dan pesuruh seperti pengganti dari orang itu dan dia boleh membeli untuk orang itu dan untuk dirinya sendiri. Namun, yang demikian itu harus dengan niat atau kata-kata yang tegas.

Jika pembelian itu berlangsung dengan cara saling memberi, maka ucapan itu tidak berlaku. Biasanya niat itu tidak diniatkan ketika proses saling memberi itu berlangsung. Penjual daging, penjual roti, dan orang-orang yang melakukan urus-niaga dengannya berpegang pada yang demikian itu dan bermaksud melakukan pembelian daripadanya dan tidak dari orang-orang yang tidak datang ke tempat penjualan itu.

Maka terjadilah penjualan dari pihaknya dan barang itu pun menjadi miliknya. Pada pokok ini tidak timbul pengharaman dan syubhat. Namun, ternyata bahawa mereka memakan makanan kepunyaan pesuruh mereka.

Kelima: Pesuruh itu menyuguhkan makanan kepada mereka. Maka tidak mungkin makanan tersebut dijadikan sebagai jamuan dan hadiah tanpa ganti. Sebab, dia tidak rela dengan cara yang demikian. Juga, sesungguhnya dia menyajikan makanan kerana mendasarkan diri pada gantinya dari harta wakaf. Maka hal itu merupakan tindakan saling menggantikan. Namun, hal itu bukan penjualan dan penghutangan. Kemudian, jika dia bermaksud menuntut harga dari mereka, nescaya amat jauhlah yang demikian itu.

Di samping itu petunjuk keadaan tidak menunjukkan kepadanya. Maka pokok yang terjadi pada keadaan itu lebih menyerupai hibah dengan syarat mendapat pahala. Dengan kata lain hadiah yang tiada padanya kata-kata dari seseorang yang

dikehendaki oleh petunjuk keadaannya bahawa dia mengharapkan pahala. Hal itu benar dan pahala itu sudah semestinya.

Di sini, pesuruh itu tidak mengharapkan memperoleh pahala dalam kaitannya dengan apa yang disuguhkannya, kecuali dia mengharapkan hak mereka dari harta wakaf untuk melangsaikan hutangnya kepada tukang roti, tukang daging, dan tukang sayur. Maka dalam hal ini tiada padanya syubhat. Sebab, pada hadiah dan pada penyuguhan makanan itu tidak disyaratkan kata-kata, walaupun dia mengharapkan pahala. Dalam hal ini tidak perlu diperhatikan perkataan orang yang tidak memandang sah hadiah dengan mengharapkan pahala.

Keenam: Pemberian yang lazim padanya merupakan perkara yang diperselisihkan. Ada yang mengatakan bahawa hal itu merupakan bahagian yang tersedikit dari barang yang berharga. Ada pula yang mengatakan sekadar sesuai dengan nilainya. Ada pula yang mengatakan bahawa hal itu sejumlah yang diinginkan oleh orang yang memberikannya sehingga dia boleh tidak menerima kelipatan nilai harga.

Pendapat yang paling kuat ialah apa yang sesuai dengan kerelaan si pesuruh. Maka jika dia tidak rela, maka makanan itu dikembalikan kepadanya. Di sini pesuruh itu merasa rela terhadap apa yang diambilnya dari hak penghuni itu atas harta wakaf. Jika hak mereka sesuai dengan apa yang dimakannya, maka selesailah persoalannya.

Sebaliknya jika kurang dan pesuruh itu menerimanya, maka yang demikian itu juga sah. Jika diketahui bahawa pesuruh itu tidak rela, sedangkan jika dalam tangannya tidak terdapat harta wakaf yang lain yang diambilnya dengan kekuatan para penghuni itu, maka dia seolah telah menerima imbuhan itu dengan catatan sebahagiannya halal dan sebahagian yang lain lagi haram. Bahagian yang haram itu sendiri tidak masuk dalam tangan para penduduk itu.

Maka, hal itu seperti kecederaan yang terjadi pada harga. Hukum tentang hal itu telah kami kemukakan sebelumnya. Sesungguhnya bilakah hal itu menimbulkan pengharaman dan bilakah hal itu menimbulkan syubhat? Hal ini sebenarnya tidak menimbulkan pengharaman sepanjang sesuai dengan apa yang telah kami huraikan sebelumnya. Maka hadiah itu berbalik menjadi haram kerana hadiah itu menghantarkan orang yang memberi hadiah pada perkara yang haram.

Ketujuh: Hutang terhadap tukang roti, tukang daging, dan tukang sayur dibayar dari harta pemberian orang-orang yang menyerahkan harta wakaf. Maka jika apa yang diambil oleh pesuruh dari hak para penghuni itu sebagai harga makanan yang disuguhkan kepada mereka telah mencukupi, maka persoalan itu pun sah. Jika kurang dari mencukupi, lalu tukang daging dan tukang roti itu rela dengan harga mana pun juga, baik halal mahupun haram, maka ini merupakan suatu kecederaan yang merebak pada harga makanan. Dalam hal ini hendaknya diperhatikan apa yang telah kami kemukakan sebelumnya tentang harga yang tidak kontan yang kemudian harganya dibayar dari perkara yang haram.

Ini jika diketahui bahawa makanan itu dibayar dari perkara yang haram. Namun, jika yang demikian itu merupakan suatu kemungkinan dan ada pula kemungkinan yang lain, maka kesyubhatan itu amat jauh. Dari hal ini dapat difahami bahawa memakan makanan tersebut tidak haram.

Namun, memakannya syubhat dan hal itu jauh dari tindakan menjaga diri. Sebab, pokok-pokok ini, jika telah banyak dan merebak kemungkinannya pada masing-masingnya, nescaya kemungkinan keharamannya kerana semakin banyak jumlahnya menjadi lebih kuat dalam jiwa. Ini seperti hadis yang panjang isnadnya, kemungkinan dusta dan kesalahan padanya lebih kuat daripada yang pendek isnadnya.

Hukum kejadian itu merupakan sebahagian dari fatwa. Semua itu kami kemukakan untuk mengetahui cara mengeluarkan segala kejadian yang saling berkaitan, yang serupa satu sama lainnya dan bagaimana mengembalikannya pada pokok-pokoknya. Hal itu sendiri merupakan sebahagian perkara yang tidak mampu dilakukan oleh kebanyakan para mufti.

D. Membersihkan harta yang bercampur dengan harta haram

Ketahuilah, barangsiapa yang bertaubat dan dalam tangannya terdapat harta yang bercampur dengan perkara yang haram, maka dia wajib memilih perkara yang haram dan mengeluarkannya. Sedangkan kewajipan yang lain lagi berkaitan dengan tempat penggunaan perkara yang dikeluarkan itu. Maka dua kewajipan tersebut hendaknya diperhatikan.

1. Cara Mengasingkan dan mengeluarkan harta yang haram

Ketahuilah bahawa setiap orang yang bertaubat dan dalam tangannya ada sesuatu perkara yang haram yang diketahui berasal dari hasil perompakan atau simpanan orang atau lainnya, maka dalam hal ini persoalannya mudah. Sebab, dia harus mengasingkan perkara yang haram itu.

Sementara jika harta itu merupakan harta yang meragukan dan tidak jelas, maka ada kalanya dalam harta tersebut terdapat perkara-perkara yang serupa, seperti biji-bijian, wang emas dan perak, dan minyak. Ada kalanya pula berupa benda yang pelbagai macam seperti hamba belian, rumah, dan kain.

Maka jika perkara yang haram itu terdapat pada barang-barang yang serupa atau tersebar dalam semua harta, seperti orang yang mengusahakan harta dengan berniaga yang diketahui bahawa orang itu berdusta pada sebahagian yang lain, atau orang itu merampas minyak orang dan mencampurkannya dengan minyaknya sendiri, atau dia berbuat demikian pada biji-bijian atau dirham dan dinar, maka yang demikian itu ada kalanya jumlahnya diketahui dan ada kalanya tidak diketahui.

Jika jumlahnya diketahui, misalnya diketahui bahawa sebahagian dari harta seseorang merupakan harta yang haram, maka dia harus mengasingkan yang sebahagian itu. Jika susah, maka baginya dua cara: salah satunya ialah mengambilnya berdasarkan keyakinan yang kuat, dan cara yang satunya lagi ialah mengambilnya berdasarkan anggapan yang kuat.

Kedua cara itu telah dikemukakan oleh para ulama dalam kaitannya dengan keraguan terhadap jumlah rakaat solat. Kami sendiri tidak membolehkan pada solat kecuali mengambilnya berdasarkan keyakinan yang kuat. Sebab, asalnya masih dalam tanggungan, lalu istishab pun diberlakukan. Hal itu sendiri tidak berubah kecuali dengan suatu tanda yang kuat. Padahal, pada bilangan rakaat tidak terdapat tanda-tanda yang dapat dipercayai.

Sementara di sini tidak mungkin dikatakan bahawa yang asal ialah apa yang ada dalam tangannya haram. Bahkan, hal itu merupakan masalah yang pelik. Maka seseorang boleh mengambilnya berdasarkan anggapan kuat secara ijtihad. Namun yang merupakan tindakan menjaga diri ialah mengambilnya berdasarkan keyakinan. Jika seseorang menghendaki tindakan menjaga diri maka cara untuk berjaga-jaga dan berijtihad ialah tidak menetapkan yang tersisa selain jumlah yang diyakininya adalah halal.

Sedangkan jika dia bermaksud mengambilnya berdasarkan anggapan, maka caranya - umpamanya hendaknya dalam tangannya ada harta perdagangan yang sebahagian di antaranya telah rosak. Lalu dia yakin bahawa setengahnya halal dan sepertiganya - umpamanya - haram dan tinggallah yang seperenam yang diragukannya. Maka yang seperenam itu pun ditetapkan berdasarkan anggapan yang kuat.

Begitulah cara melakukan penelitian terhadap setiap harta. Dengan kata lain hendaknya seseorang menetapkan kadar yang diyakini dari kedua sisi, yakni kehalalannya dan keharamannya. Kadar yang diragukan itu, jika kuat dugaannya haram, maka harus dikeluarkannya. Jika kuat dugaannya halal, nescaya boleh baginya menahannya. Yang merupakan tindakan menjaga diri ialah mengeluarkannya.

Sedangkan jika dia merasa ragu terhadap harta itu, maka dia boleh menahannya, namun yang merupakan tindakan menjaga diri ialah mengeluarkannya. Tindakan menjaga diri ini lebih ditekankan, kerana harta itu menjadi diragukan. Boleh menahannya dengan alasan bahawa harta itu ada di dalam tangannya sehingga kehalalan itu menjadi lebih dominan.

Sebaliknya mungkin sahaja pandangan yang demikian itu menjadi lemah sesudah yakin harta itu bercampur dengan perkara yang haram. Mungkin sahaja dikatakan bahawa yang asal ialah pengharaman dan dia tidak mengambilnya kecuali telah kuat dugaannya bahawa harta itu halal dan salah satu dari kedua sisi itu lebih utama dari yang lain. Bagi saya sendiri tidak jelas mana yang lebih kuat kedudukannya, sebab hal itu merupakan sebahagian persoalan yang sangat pelik.

Jika ada yang mengatakan, misalnya, bahawa dia mengambilnya berdasarkan keyakinan yang kuat, namun yang dikeluarkannya tidak diketahuinya bahawa barang itu haram, lalu merupakan hal mungkin bahawa perkara yang haram itu masih dalam tangannya, maka bolehkah dia menggunakan barang itu? Jika hal ini boleh, nescaya boleh dikatakan, jika bangkai bercampur dengan sembilan haiwan sembelihan, maka bangkai itu adalah sepersepuluhnya. Sehingga dia boleh melemparkan salah satunya yang mana sahaja dan mengambil dan menghalalkan yang sisanya.

Namun, dalam hal ini boleh dikatakan mungkin bangkai itu masih termasuk dalam sembilan yang tersisa. Bahkan, jika dia melemparkan sembilan haiwan dari sepuluh haiwan itu dan tinggal satu, nescaya haiwan yang satu itu pun tidak halal.

Sebab, mungkin yang satu itu yang haram.

Oleh kerana itu kami menjawab bahawa pemikiran yang demikian itu sah, seandainya harta itu menjadi halal dengan mengeluarkan gantinya agar terjadi pergantian padanya. Sedangkan terhadap bangkai itu sendiri tidak terjadi pergantian padanya. Maka hendaknya tabir masalah ini dengan mengumpamakan pada dirham tertentu yang serupa dengan dirham yang lain pada orang yang mempunyai dua dirham. Salah satu dari kedua dirham itu haram dan serupa bendanya.

Ahmad bin Hanbal r.a. pernah ditanya tentang perkara yang seperti ini. Lalu beliau menjawab: “Semuanya harus ditinggalkan sampai jelas.” Lalu, suatu hari beliau menggadaikan bejananya. Kemudian ketika beliau melunasi hutangnya, orang yang menerima gadaian itu membawa kepadanya dua bejana seraya berkata: “Saya tidak tahu, mana bejana anda di antara dua bejana ini.” Maka Ahmad bin Hanbal pun meninggalkan keduanya. Kemudian yang menerima gadaian itu berkata: “Ini bejana anda. Aku hanya ingin mencoba anda.” Ahmad bin Hanbal pun melunasi hutangnya, tetapi beliau tidak mengambil barang gadaian itu.

Ini adalah tindakan menjaga diri namanya. Namun, kami mengatakan bahawa yang demikian itu tidak wajib. Maka hendaknya kita umpamakan persoalan tentang wang dirham yang pemiliknya hadir di situ. Lalu kami mengatakan bahawa jika salah satu dari dua dirham itu dikembalikan kepadanya dan dia rela dengan yang demikian itu dan dia mengetahui keadaan yang sebenarnya, nescaya halallah baginya dirham yang satunya lagi. Sebab, dirham yang dikembalikan itu pada ilmu Allah mungkin sahaja merupakan dirham yang diambil sebelumnya. Maka yang demikian sesuai dengan maksud.

Jika tidak demikian, maka sesungguhnya telah berhasillah bagi masing-masing sedirham ke dalam tangan pemiliknya. Sebagai tindakan berjaga-jaga ialah keduanya saling menjual dengan mengucapkan kata-kata. Jika yang demikian itu tidak dilaksanakan, nescaya terjadi tindakan saling mengambil dan saling mengganti dengan semata saling memberi.

Jika orang yang diseluk kehilangan satu dirham miliknya dalam tangan si penyeluk dan dia sendiri kesulitan menemukan dirham itu dan dia sendiri berhak menagihnya terhadap si penyeluk, maka manakala dia mengambil satu dirham dari si penyeluk, nescaya berhasillah pengembalian itu tanpa ada tanggungan lagi dari si penyeluk dengan semata diterimanya satu dirham itu oleh orang yang kena seluk.

Ini pada pihak yang kena seluk itu sudah terang. Sebab, orang yang ditanggung oleh si penyeluk telah memiliki tanggungan itu dengan semata menerima tanggungan itu tanpa kata-kata. Yang menimbulkan pertanyaan ialah dari sisi yang lain bahawa dirham itu tidak masuk ke dalam miliknya.

Menjawab yang demikian itu kami katakan bahawa kerana dia juga jika sudah menerima dirhamnya sendiri, nescaya lepaslah pula baginya dirham yang ada di tangan orang lain. Sehingga dirham itu tidak mungkin sampai kepadanya seperti barang yang jauh. Maka dirham itu menjadi miliknya pada ilmu Allah sebagai gantinya jika keadaannya benar seperti itu.

Maka terjadilah tindakan saling menggantikan pada ilmu Allah seperti halnya terjadinya tindakan saling mengambilkan jika masing-masing dari kedua orang menghilangkan dirham kepunyaan temannya. Bahkan, tentang masalah kita ini sendiri, jika masing-masing melemparkan apa yang di tangannya ke dalam laut atau membakarnya, maka seakan masing-masing orang telah menghilangkannya dan masing-masing tidak mempunyai janji terhadap yang lain untuk saling mengambilkannya. Maka begitu juga jika masing-masing tidak menghilangkannya.

Sesungguhnya mengatakan dengan itu lebih utama daripada kembali pada pandangan bahawa orang yang mengambil wang sedirham yang haram dan mencampakkannya ke dalam beribu-ribu dirham kepunyaan orang lain, maka semua harta itu pun menjadi dibekukan dan tidak dibolehkan melakukan tindakan apa pun terhadap harta itu. Pandangan ini mengarah pada yang demikian itu. Maka perhatikanlah betapa jauhnya pandangan itu dari kebenaran. Sedangkan tiada yang terkandung pada pendapat yang telah kami kemukakan selain meninggalkan kata-kata dan tindakan saling memberi merupakan tindakan menjual.

Sementara itu orang yang tidak menjadikan tindakan saling memberi sebagai tindakan menjual, hal itu membuat timbulnya kemungkinan menjual padanya. Sebab, perbuatan itu melemahkan keterangannya dan mungkin sahaja dia mengucapkan kata-kata. Di sini, penyerahan dan penerimaan itu jelas untuk tindakan saling menggantikan dan penjualan itu tidak mungkin. Sebab, barang yang dijual tidak ditunjukkan dan tidak diketahui barangnya.

Terkadang, barang itu termasuk barang yang tidak dapat dijual. Ini seperti halnya jika satu kati tepung dicampurkan dengan seribu kati tepung kepunyaan orang lain. Begitu juga manisan lebah, buah kurma yang belum kering, dan setiap

barang yang tidak dapat dijual sebahagiannya dengan sebahagian yang lain.

Jika ada orang yang mengatakan: Anda membolehkan penyerahan sesuai dengan haknya pada persoalan yang seperti ini dan kami menjadikannya penjualan.

Sebagai jawapannya kami katakan bahawa kami tidak menjadikannya sebagai penjualan. Namun, kami mengatakan bahawa hal itu sebagai ganti dari barang yang hilang dari tangannya. Maka memilikinya seperti halnya orang yang kehilangan buah kurmanya jika dia telah mengambil sebanyak barangnya. Ini jika dia ditolong oleh orang yang memiliki harta.

Sebaliknya jika dia tidak mendapat pertolongan dan kehilangan, lalu dia mengatakan: Aku tidak akan mengambil sama sekali dirham kecuali dirham milikku. Jika meragukan, maka saya tinggalkan, tidak akan saya berikan, dan saya akan biarkan hartamu tetap padamu."

Tentang hal ini saya katakan bahawa hakim harus menggantikannya dalam menerimanya sampai orang itu mahu menerima hartanya. Sebab, ini semata merupakan kedengkian dan perasaan kesal. Dan, agama tidak bermaksud demikian.

Jika dia tidak sanggup mencari hakim dan tidak menemukannya, maka hendaknya dia mencari seorang perantara (hakam) yang memiliki penghayatan keagamaan yang kuat, untuk menerima barang itu daripadanya. Jika dia tidak sanggup mencari perantara, maka hendaknya harta itu dia urus sendiri dan memisahkan sedirham dengan niat akan menyerahkan kepada orang itu dan menentukan dirham itu untuk orang tersebut, sedangkan sisanya untuk dirinya sendiri. Yang demikian ini, dalam kaitannya dengan barang campuran yang cair, lebih jelas dan sudah semestinya demikian.

Jika ada yang mengatakan bahawa jika halal bagi orang itu mengambil dan memindahkan hak ke dalam tanggungannya, maka apakah perlu lagi baginya terlebih dahulu memisahkannya dan kemudian menggunakan sisanya? Kami menjawab bahawa ada sejumlah ulama yang berpendapat bahawa halallah baginya mengambilnya selama hal haram yang masih ada hanya sebahagian kecil sahaja, tetapi tidak dibolehkan baginya mengambil semuannya.

Jika dia mengambil semuanya, maka hal itu tidak dibolehkan. Sementara itu sejumlah ulama lain berpendapat bahawa dia tidak boleh mengambilnya selama barang yang haram itu tidak dikeluarkan dengan bertaubat dan bermaksud

menggantinya.

Beberapa ulama yang lain lagi membolehkan mengambilnya bagi orang yang mengambilnya untuk menggunakannya, namun dia tidak boleh memberikannya kepada orang lain. Jika dia memberikannya kepada orang lain, maka dia berbuat maksiat dan orang yang mengambil daripadanya tidak berbuat maksiat. Apabila yang dibolehkan salah satunya, maka boleh mengambil semuanya. Yang demikian itu kerana jika si pemilik muncul, maka dia boleh mengambil haknya dari jumlah tersebut. Sebab, dia mengatakan: Semoga yang diserahkan kepadaku jatuh pada benda yang menjadi hakku sendiri.

Dengan penentuan, pengeluaran hak orang lain, dan pengasingannya, maka tertolaklah kemungkinan itu. Kerana dengan kemungkinan ini harta itu menjadi lebih kuat terhadap harta lainnya. Apa yang lebih mendekati pada haknya lebih didahulukan. Ini seperti lebih didahulukannya barang yang serupa dari segi benda dan nilainya daripadanya pada barang yang hanya serupa dari segi bendanya sahaja.

Demikian halnya barang yang dari segi keserupaannya mungkin dikembalikan, lebih didahulukan daripada barang yang mungkin dikembalikan dari segi nilainya. Dan barang yang mungkin dikembalikan tetap berupa barang aslinya lebih didahulukan daripada yang mungkin dikembalikan dari segi keserupaannya.

Jika terhadap perkara yang seperti itu boleh dikatakan demikian, maka boleh bagi pemilih dirham yang lain untuk mengambil dua dirham dan menggunakan kedua dirham itu seraya mengatakan:" Menjadi kewajipan atas diri saya untuk membayar hak anda dari tempat yang lain."

Sebab, percampuran itu dari dua belah pihak dan tidaklah milik salah seorang dari keduanya yang ditakdirkan hilang itu lebih utama dari milik yang lain kecuali dengan memperhatikan terhadap bahagian yang tersedikit, lalu diperkirakan hilang ke dalamnya. Atau dengan memperhatikan terhadap barang yang bercampur, lalu dengan tindakannya itu menjadikannya bercampur-baur dengan hak orang lain.

Kedua hal itu jauh sekali. Ini jelas pada barang-barang yang serupa. Sebab, hal itu terjadi sebagai ganti dari barang-barang yang hilang tanpa akad (jual-beli). Sedangkan jika yang serupa ialah sebuah rumah dengan beberapa rumah atau seorang hamba dengan beberapa orang hamba, maka tiada jalan untuk saling mendamaikan dan merelakan.

Jika seseorang enggan mengambil selain barang yang merupakan haknya sendiri dan dia tidak mampu melakukan yang demikian dan pihak yang lain bermaksud menghalangi terhadap semua miliknya, maka jika barang-barang itu sama nilainya, maka yang harus ditempuh ialah hakim menjual semua rumah itu dan membahagi-bahagikan harganya kepada mereka dengan nilai yang sebanding.

Jika perbandingan itu berlebih kurang, maka hakim mengambil dari orang yang meminta jual nilai rumah yang terbaik dan menyerahkannya kepada orang yang mencegah penjualan nilai yang paling sedikit. Sementara jumlah selisihnya ditangguhkan, kerana menunggu penjelasan atau perdamaian. Kerana hal itu merupakan masalah tersendiri.

Jika hakim tidak didapatkan, maka orang yang menghendaki penyelesaian, sedangkan semua barang itu berada dalam tangannya, harus mengurus hal itu. Ini merupakan suatu kemaslahatan. Kemungkinankemungkinan yang lainnya lemah, maka kami tidak memilihnya.

Dalam huraian di atas terdapat peringatan tentang sebab-musababnya. Ini merupakan perkara yang jelas pada gandum dan kurang pada mata wang. Sedangkan pada benda lebih tak jelas lagi. Sebab, sebahagiannya tidak dapat menjadi ganti bagi sebahagian yang lain. Maka hal itu perlu dijual. Selanjutnya akan kami huraikan beberapa masalah yang akan menyempurnakan penjelasan tentang pokok ini dengan masalahmasalah itu.

a. Masalah pertama

Jika seseorang bersama sejumlah orang lain mendapatkan warisan dan penguasa merampas harta para pewaris tersebut, lalu penguasa itu mengembalikan kepada para pewaris tersebut sebahagian dari harta itu, maka bahagian itu menjadi milik semua pewaris.

Sedangkan jika sebahagian dari harta tersebut dikembalikan oleh si penguasa, di mana yang sebahagian itu merupakan bahagian seorang pewaris, maka semua pewaris memperoleh bahagian dari bahagian itu. Sebab, bahagian untuk pewaris tersebut tidak dapat dibezakan. Sehingga dikatakan bahawa yang sebahagian itu ialah yang dikembalikan dan sisanyalah yang dirampas. Dan yang sebahagian itu tidak menjadi dapat dipisahkan dengan niat dari penguasa dan maksudnya dalam membatasi bahagian yang dirampas itu terhadap bahagian para ahli waris yang lain.

b. Masalah kedua

Jika di tangan seseorang terdapat harta yang diambilnya dari penguasa yang zalim, kemudian orang itu bertaubat dan harta itu benda yang tidak bergerak dan dari benda itu telah diperoleh keuntungan, maka semestinya diperkirakan sewa yang layak dengan lamanya benda itu berada di tangannya. Begitu juga semua barang yang dirampas yang bermanfaat atau memberikan tambahan. Sebab, taubatnya tidak sah selama wang sewanya tidak dikeluarkan dari barang yang dirampas itu. Begitu juga setiap tambahan yang yang berasal dari benda itu.

Penaksiran terhadap sewa hamba, kain, bejana dan hal-hal lainnya yang serupa dari barang-barang yang tidak biasa disewakan termasuk perkara yang susah. Yang demikian itu tidak dapat diketahui kecuali dengan ijtihad dan perkiraan. Begitu juga setiap penilaian yang terjadi dengan ijtihad. Yang merupakan tindakan menjaga diri ialah mengambil dengan tindakan yang lebih jauh. Sedangkan keuntungan yang diperolehnya dari harta rompakan pada seluruh akad jual-beli yang diadakannya dengan tidak secara kontan dan harganya dibayarnya dari harta itu, hal itu menjadi miliknya. Namun, pada harta itu terdapat syubhat, sebab harganya merupakan harta haram seperti halnya hukumnya telah dikemukakan sebelumnya.

Jika harga itu dibayar dengan barang dari harta itu, maka seluruh akadnya batal. Ada yang mengatakan bahawa akad-akad itu boleh dilaksanakan dengan menyewakan barang yang dirompak untuk suatu kepentingan, kerana sebenarnya orang yang kena rompaklah yang lebih berhak atas harta yang demikian. Sedangkan menurut analogi, seluruh akad itu dibatalkan, harganya minta dikembalikan, dan barang-barang itu dikembalikan. Jika tidak mampu, kerana banyaknya, maka semua harta yang diperoleh dalam tangannya adalah haram. Ini kerana bahagian orang yang kena rompak adalah sesuai dengan modal hartanya.

Sedangkan yang selebihnya adalah harta haram yang wajib dikeluarkan untuk disedekahkan dan tidak halal bagi yang merompak dan bagi yang kena rompak. Namun, hukumnya adalah hukum setiap perkara yang haram yang terdapat di dalam tangannya.

c. Masalah ketiga

Barangsiapa yang memperoleh harta warisan dan dia tidak tahu dari mana ahli warisnya mengusahakannya, apakah dari yang halal atau dari yang haram dan tidak ada di situ sesuatu tanda, maka harta itu halal menurut kesepakatan para

ulama. Sedangkan jika dia mengetahui bahawa pada harta warisan itu ada yang haram dan dia ragu tentang jumlahnya, dia harus mengeluarkan kadar yang haram itu dengan hatihati.

Jika dia tidak mengetahui yang demikian itu, tetapi dia tahu bahawa ahli warisnya bekerja untuk penguasa dan mungkin dia tidak ada mengambil sesuatu dalam pekerjaannya itu atau telah mengambilnya namun sekarang tidak lagi dalam tangannya sedikit pun, kerana sudah lama masanya, maka ini adalah harta syubhat yang semestinya bersikap menjaga diri daripadanya.

Jika dia mengetahui bahawa sebahagian harta ahli warisnya berasal dari tindakan yang aniaya, maka dia harus mengeluarkan kadar yang diperoleh secara tidak sah itu dengan ijtihad. Sebahagian ulama berpendapat bahawa yang demikian itu tidak wajib dan dosanya merupakan tanggungan orang yang mewariskan.

Ulama tersebut mengambil alasan dengan hadis yang diriwayatkan bahawa seorang lelaki di antara orang-orang yang ditugaskan mengurus harata penguasa yang meninggal dunia, lalu seorang sahabat Nabi s.a.w. pun berkata: "Kini, hartanya menjadi baik." Maksudnya, untuk para ahli warisnya.

Hadis tersebut lemah, kerana nama sahabat itu tidak dikemukakan. Mungkin, hadis itu timbul dari orang yang menganggap enteng terhadap hadis. Sesungguhnya di antara para sahabat ada yang memandang enteng terhadap hadis. Namun, kami tidak akan menyebutkan namanya, kerana demi kehormatan sahabat itu sendiri. Bagaimanakah kematian seseorang boleh menghalalkan sesuatu yang haram padahal diyakini bercampur aduk dengan harta lainnya? Juga, dari manakah harta itu diambil?

Memang jika tidak diyakini, maka boleh dikatakan bahawa harta itu tidak diambil dengan cara yang tidak diketahui. Maka lebih baik bagi para pewaris tidak mengetahui bahawa di dalam harta itu ada perkara haram yang diyakini.

2. Penggunaan harta

Jika harta yang haram itu telah dikeluarkan, maka harta itu memiliki tiga keadaan:

Pertama: Barang haram yang dikeluarkan dari tangan seseorang itu ada pemiliknya. Maka harta itu wajib diserahkan kepadanya atau kepada para ahli

warisnya. Sedangkan jika pemilik itu jauh, maka kedatangannya ditunggu atau hendaknya dia dihubungi. Selanjutnya jika barang itu mempunyai tambahan dan manfaat, maka hendaknya seluruh kegunaannya dikumpulkan, menunggu waktu kedatangan pemiliknya.

Kedua: Barang tersebut memiliki pemilik yang tidak jelas sehingga susah diketahui siapa orangnya. Juga tidak diketahui apakah dia sudah meninggal dunia, atau apakah ada para ahli warisnya atau tidak. Maka dalam hal ini barang tersebut tidak mungkin dikembalikan kepada pemiliknya dan ditangguhkan sampai persoalannya menjadi jelas. Terkadang barang itu tidak mungkin dikembalikan, kerana banyak pemiliknya, seperti halnya harta rampasan perang yang dicuri dengan diam-diam. Sebab, setelah para pejuang bercerai-berai, bagaimanakah mereka boleh dikumpulkan? Seandainya mereka boleh berkumpul, bagaimanakah satu dinar umpamanya boleh dibahagikan kepada seribu atau dua ribu pejuang? Maka harta tersebut semestinya disedekahkan.

Ketiga: Barang tersebut dari harta perang yang berupa benda yang tidak bergerak dan harta-harta yang ditujukan untuk kepentingan seluruh kaum Muslimin. Maka harta yang demikian itu hendaknya diserahkan untuk jambatan, masjid, surau, usaha-usaha di jalan menuju Makkah dan contoh-contoh seperti ini yang boleh bermanfaat untuk semua kaum Muslimin yang melalui jalan itu. Ini agar harta itu boleh dipergunakan oleh seluruh kaum Muslimin.

Hukum dari bahagian pertama tersebut tiada syubhat padanya. Sedangkan bersedekah dan membangun jambatan-jambatan, hal itu semestinya diurus oleh hakim. Jika didapatkan hakim yang berpenghayatan agama yang kuat, maka harta itu hendaknya diserahkan kepadanya. Namun jika hakim itu orang yang suka menghalalkan apa yang tidak jelas kehalalannya, maka dengan menyerahkan kepadanya dia menanggung jika dimulainya apa yang tidak menjadi tanggungannya. Maka bagaimanakah gugur daripadanya tanggungan yang telah tetap di atas bahunya?

Namun, hendaknya dalam hal ini diangkat seorang perantara yang berilmu dan yang beragama dari kalangan masyarakat. Sebab, pengangkatan perantara tersebut lebih utama daripada jika hakim itu sendirian. Jika tidak mampu mengangkat perantara, maka hendaknya dia mengurus sendiri yang demikian itu. Ini kerana yang dimaksudkan ialah pengurusan.

Sedangkan orang yang mengurus itu sendiri, sesungguhnya dia diminta mengurusi perkara-perkara yang berkaitan dengan kemaslahatannya. Maka, pokok urusan itu janganlah ditinggalkan kerana kelemahan orang yang mengurusnya, dimana dia lebih utama ketika memiliki kesanggupan untuk itu.

Jika ada yang menanyakan, apakah dalil keharusan bersedekah dengan barang yang haram? Bagaimanakah bersedekah dengan barang yang bukan milik sendiri? Sekelompok ulama berpendapat bahawa yang demikian itu tidak dibolehkan kerana hal itu haram.

Diriwayatkan dari al-Fudhail bahawa suatu hari dia menerima dua dirham. Kemudian ketika mengetahui kedua dirham itu diperoleh dengan secara tidak sah, maka dia pun membuang kedua dirham itu ke batu-batu seraya berkata: "Aku tidak bersedekah melainkan dengan yang baik. Dan aku tidak rela untuk orang lain dariku apa yang aku tidak rela untuk diriku sendiri." Maka di sini kami jawab, memang yang demikian itu memiliki alasan dan kemungkinan. Kami sendiri memilih pendapat yang sebaliknya, kerana ada dalil dari hadis, athar dan qiyas.

Adapun hadis ialah perintah Rasulullah s.a.w. agar kambing panggang yang dihidangkan kepada beliau disedekahkan. Perintah itu mengandungi erti bahawa kambing itu haram kerana beliau bersabda: "Berikanlah kambing panggang itu untuk makanan para tawanan."[57]

Dan ketika turun firman Allah SWT:

الٓمٓ ۝١ غُلِبَتِ ٱلرُّومُ ۝٢ فِيٓ أَدۡنَى ٱلۡأَرۡضِ وَهُم مِّنۢ بَعۡدِ غَلَبِهِمۡ سَيَغۡلِبُونَ ۝٣

"*Alif, Laam, Miim. Orang-orang Rom telah dikalahkan. Di negeri yang dekat sekali; dan mereka sesudah kekalahannya itu akan mengalahkan lawannya.*" (al-Rum: 1-3)

Firman Allah ini kemudian didustakan oleh kaum kafir musyrik. Mereka pun mengatakan kepada para sahabat Nabi s.a.w.: "Apakah pendapat kamu tentang apa yang dikatakan oleh temanmu (Nabi s.a.w.) yang mengatakan bahawa orang-orang Romawi akan kalah?" Lalu Abu Bakar r.a. bertaruh dengan mereka itu dengan seizin

---

[57] Diriwayatkan oleh Ahmad dari seorang Anshar. Sanad hadis ini baik.

Rasulullah s.a.w. Ketika kebenaran hal itu dibuktikan oleh Allah, Abu Bakar lalu datang membawa barang taruhan yang dia menangkan dalam pertaruhan dengan kaum kafir musyrik itu. Nabi s.a.w. pun bersabda: "Ini haram, maka sedekahkanlah barang itu."

Orang-orang yang beriman pun amat bergembira dengan pertolongan Allah. Dan turunlah ayat yang mengharamkan judi, sesudah Rasulullah s.a.w. mengizinkan kepada Abu Bakar r.a. untuk bertaruh - guna menghadang bahaya - dengan kaum kafir itu.[58]

Adapun dalil dari athar, antara lain, ialah bahawa suatu hari Ibn Mas'ud r.a. membeli seorang hamba perempuan. Namun, kemudian dia tidak menemukan pemiliknya untuk melunasi harganya. Maka Ibn Mas'ud mencari pemilik itu beberapa waktu lamanya, tetapi dia tetap tidak menemukannya. Lalu dia bersedekah dengan harganya seraya berdoa: "Ya Allah, ini adalah dari pemilik itu jika dia setuju. Dan jika tidak, maka pahalanya bagiku."

Suatu hari al-Hasan r.a. ditanya orang tentang taubat orang yang mengambil harta rampasan perang dengan secara diam-diam dan apa yang diambil dari harta itu sesudah pasukan itu bercerai-berai. AlHasan menjawab: "Harta itu hendaknya disedekahkan."

Diriwayatkan bahawa seorang lelaki kerana terdorong oleh nafsunya lalu dengan diam-diam dia mengambil wang seratus dinar dari harta rampasan perang. Kemudian, dia datang kepada penguasa daerahnya untuk mengembalikan wang itu. Namun, penguasa tersebut enggan menerimanya dan menjawab: "Agihkan kepada orang ramai."

Lalu orang tersebut datang kepada Mu'awiyah, tetapi Mu'awiyah juga enggan menerimanya. Kemudian dia datang kepada seorang yang banyak melaksanakan ibadat. Orang itu berkata: "Serahkan seperlimanya kepada Mu'awiyah dan sedekahkanlah sisanya."

Ketika ucapan orang itu sampai kepada Mu'awiyah, dia pun merasa sedih dan menyesal. Sebab, yang demikian itu tidak tergerak sama sekali dalam fikirannya. Pendapat yang seiring juga dikemukakan oleh Ahmad bin Hanbal, al-Harith al-

[58] Diriwayatkan oleh al-Baihaqi dari Ibnu Abbas.

Muhasibi, dan sekelompok orang-orang wara'.

Adapun dalil dari qiyas, antara lain, dikatakan bahawa harta tersebut terombang-ambing antara disia-siakan dan diserahkan di jalan kebajikan kerana harapan telah putus untuk boleh menemukan pemiliknya. Dengan mudah dapat dimengerti bahawa menyerahkannya di jalan kebajikan lebih utama daripada membuangnya ke laut. Sebab, jika harta itu kita buang ke dalam laut, maka kita telah menghilangkan harta itu terhadap diri kita sendiri dan terhadap pemiliknya.

Tindakan yang demikian tidak ada gunanya. Sedangkan jika harta itu kita serahkan ke tangan orang miskin yang berdoa kepada pemiliknya, maka terwujudlah keberkahan dari doa itu bagi pemiliknya. Sebaliknya orang miskin itu pun boleh memenuhi keperluannya. Terwujudnya pahala bagi si pemilik tanpa usahanya sendiri untuk bersedekah tidak semestinya dibantah. Ini kerana di dalam sebuah hadis shahih di kemukakan:

إِنَّ لِلزَّارِعِ وَالْغَارِسِ أَجْرًا فِي كُلِّ مَا يُصِيْبُهُ النَّاسُ وَالطُّيُورُ مِنْ ثِمَارِهِ وَزَرْعِهِ

"*Sesungguhnya bagi petani dan penanam ada pahala pada setiap buah-buahan dan tanamannya yang diperoleh manusia dan burung.*" (HR. Bukhari dari Anas) Yang demikian itu tanpa usahanya sendiri.

Tentang ucapan orang yang mengatakan: "Janganlah kita bersedekah kecuali dengan perkara yang baik (halal)." Yang demikian itu jika kita mencari pahala untuk diri kita sendiri. Padahal, kita saat ini sedang mencari cara melepaskan diri dari kezaliman, bukan pahala, dan kita ragu-ragu di antara menyia-nyiakan harta itu dan menyedekahkannya. Lalu, kita kuatkan segi menyedekahkannya daripada segi menyia-nyiakannya.

Dan ucapan orang yang mengatakan: "Kami tidak rela untuk orang lain dari kami, apa yang kami tidak rela untuk diri kami sendiri." Memang begitu. Namun, haram untuk kita sendiri, kerana kita tidak memerlukan harta itu. Sedangkan bagi kaum miskin harta itu halal, kerana harta itu dihalalkan oleh dalil agama bagi mereka.

Jika kemaslahatan menghendaki penghalalan harta itu, maka penghalalan tersebut wajib. Jika harta itu halal, maka kita rela bahawa harta yang halal itu

untuknya. Dan kami mengatakan bahawa dia boleh bersedekah kepada dirinya sendiri dan keluarganya jika keluarganya miskin.

Kebolehan bersedekah kepada keluarga dan kaum kerabatnya merupakan perkara yang jelas, kerana kemiskinan mewarnai diri mereka sekalipun mereka keluarga dan kaum kerabatnya. Bahkan, mereka orang-orang yang paling utama menerima sedekah. Sedangkan dia sendiri boleh mengambil sekadar keperluan, kerana dia pun orang miskin. Jika dia bersedekah kepada orang miskin lain, maka dibolehkan. Demikian halnya jika dia miskin.

Selanjutnya akan kami kemukakan beberapa masalah untuk menjelaskan pokok ini.

a. Masalah pertama

Jika di tangan seseorang terdapat harta yang berasal dari penguasa, maka sekelompok ulama mengatakan harta itu agar dikembalikan kepada si penguasa. Ini kerana si penguasalah yang lebih tahu tentang apa yang akan diperbuatnya, lalu dia pun menuruti kebiasaan perbuatan-perbuatan yang telah dilakukannya. Hal itu lebih baik daripada harta itu disedekahkan.

Al-Muhasibi memilih pendapat tersebut dan mengatakan: "Bagaimana harta itu disedekahkan? Sebab, mungkin harta itu ada pemiliknya. Jika yang demikian dibolehkan, tentu dibolehkan pula mencuri harta yang ada dalam tangan penguasa dan menyedekahkannya."

Sementara itu sekelompok ulama mengatakan: "Harta itu hendaknya disedekahkan jika diketahui bahawa si penguasa tidak akan mengembalikannya kepada pemiliknya. Sebab, yang demikian itu menolong orang yang zalim dan melipatgandakan sebab kezalimannya. Maka mengembalikan harta itu kepada si penguasa bererti menghilangkan hak pemiliknya."

Pendapat yang terpilih ialah jika diketahui dari kebiasaan penguasa bahawa dia tidak akan mengembalikan kepada pemiliknya, maka hendaknya dia menyedekahkannya sebagai ganti pemiliknya. Yang demikian itu lebih baik bagi si pemilik jika harta itu memiliki pemilik tertentu daripada jika harta itu dikembalikan kepada si penguasa. Sebab, terkadang suatu harta tidak ada yang memilikinya dan harta itu milik kaum Muslimin. Maka mengembalikannya kepada penguasa bererti menghilangkan harta itu, menolong penguasa yang zalim, dan menghilangkan

keberkahan doa orang miskin kepada si pemilik. Hal ini sudah jelas.

Jika di tangan seseorang terdapat harta pusaka orang dan dia tidak melampaui batas dalam mengambilnya dari penguasa, maka harta itu serupa dengan barang yang ditemukan di jalan yang tiada harapan untuk mengetahui pemiliknya. Maka dia tidak boleh menggunakan harta itu dengan menyedekahkannya sebagai ganti pemiliknya. Namun, dia boleh berniat memiliki harta itu.

Kemudian walaupun dia orang kaya yang telah menggunakan harta itu dari cara yang dibolehkan, iaitu berniat memiliki harta temuan, tetapi di sini harta itu tidak diperoleh dari cara mubah. Maka dalam hal ini lebih diutamakan mencegahnya dari niat memilikinya dan tidak diutamakan mencegahnya dari menyedekahkannya.

b. Masalah kedua

Jika di tangan seseorang ada harta yang tidak berpemilik, maka dibolehkan baginya mengambil sekadar keperluannya kerana kemiskinannya. Tentang kadar keperluannya ada beberapa pandangan yang telah kami kemukakan sebelumnya dalam Kitab tentang Rahsia Zakat. Beberapa ulama mengatakan: “Dia boleh mengambil sebatas yang mencukupi keperluan selama setahun bagi dirinya sendiri dan keluarganya. Jika dia mampu membeli barang atau berniaga, di mana dia berusaha dengan barang tersebut bagi keluarganya, maka hendaknya dia melakukannya.” Inilah pendapat yang dipilih oleh al-Muhasibi.

Namun, dia berkata: “Yang lebih utama ialah bersedekah dengan semuanya, jika dia memperoleh pada dirinya kekuatan tawakal dan menunggu kemurahan Allah SWT pada yang halal. Jika tidak mampu, maka dia boleh membeli barang atau menjadikannya sebagai modal yang membuatnya dapat hidup dengan hasil yang baik dan modal itu dan setiap hari memperoleh padanya rezeki halal yang dapat memenuhi keperluan hari itu. Maka jika telah habis, hendaknya dia kembali mencarinya lagi.

Jika kemudian dia memperoleh rezeki yang halal, maka hendaknya bersedekah sebanyak apa yang telah dia belanjakan sebelumnya. Yang demikian itu merupakan hutang baginya. Kemudian hendaknya dia memakan roti sahaja dan meninggalkan daging jika dia mampu. Jika tidak mampu, hendaknya dia memakan daging tanpa berlebihan dalam menikmatinya.”

Apa yang dikemukakan al-Muhasibi tersebut tidak berlebihan. Namun, menjadikan apa yang dibelanjakannya sebagai hutang bagi orang itu memerlukan huraian. Tidak diragukan lagi bahawa orang yang menjaga diri akan menjadikannya sebagai hutang. Oleh itu, dia bersedekah jika memperoleh rezeki yang halal, maka semestinya dia bersedekah sebanyak hutangnya.

Namun, walaupun yang demikian itu tidak diharuskan atas orang miskin yang bersedekah dengannya, maka tidak terlalu berlebihan untuk diwajibkan pula atasnya jika dia mengambilnya kerana kemiskinannya. Lebih-lebih jika kemudian mendapatkan harta pusaka dan dia tidak melakukan tindakan yang melampaui batas dengan perompakan dan usahanya. Sehingga beratlah urusan baginya dalam keadaan tersebut.

c. Masalah ketiga

Jika dalam tangan seseorang ada harta yang halal dan yang haram atau syubhat dan semua itu tidak melebihi keperluannya. Jika dia memiliki keluarga maka hendaknya mengkhususkan yang halal bagi dirinya sendiri, kerana alasan atasnya lebih kuat daripada bagi hambanya, keluarganya dan anakanaknya yang kecil mahupun yang besar, dalam memelihara mereka dari perkara yang haram. Ini jika yang demikian itu tidak menghantarkan mereka pada keadaan yang lebih susah lagi. Jika hal itu menghantarkan mereka pada keadaan lebih yang susah, maka hendaknya dia memberi mereka makanan sekadar yang diperlukan.

Ringkasnya, setiap yang dikhuatirkannya kepada diri orang lain, maka hal itu hendaknya dikhuatirkannya kepada dirinya sendiri dan malah lebih lagi. Iaitu tentang ilmu pengetahuan dan kekeluargaan yang kadang-kadang sukar jika tidak diketahui. Sebab tiada yang mengurus keadaan itu kecuali dirinya sendiri. Oleh kerana itu maka hendaknya dia memulai dengan yang halal untuk diri sendiri, kemudian dengan orang yang menjadi tanggungannya.

Jika dia meragukan terhadap hak dirinya sendiri, khusus antara makanan dan pakaiannya dan perkara-perkara yang lainnya dari pelbagai macam perbelanjaan, seperti upah berbekam, mencelup, menggunting, memikul, mencat dengan kapur dan minyak, membangun tempat tinggal, menyediakan kenderaan, mengisi lampu, harga kayu bakar dan minyak lampu, maka hendaknya dia mengkhususkan dengan perkara yang halal bagi makanan dan pakaiannya. Sebab, perkara-perkara yang berkaitan dengan tubuhnya dan merupakan keharusan, adalah lebih utama jika

merupakan perkara yang baik.

Sementara jika hal itu berkisar antara makanan dan pakaian, maka mungkin dikatakan bahawa makananlah yang lebih diutamakannya dengan perkara yang halal. Sebab, makanan bercampur dengan daging dan darahnya dan setiap daging yang tumbuh dari yang haram, maka nerakalah yang lebih utama baginya. Al-Harith al-Muhasibi mengatakan bahawa pakaian lebih didahulukan. Sebab, pakaian tinggal padanya beberapa lama dan makanan tidak tinggal padanya. Ini berdasarkan riwayat bahawa Nabi s.a.w. bersabda:

لاَ يَقْبَلُ اللهُ صَلاَةَ مَنْ عَلَيْهِ ثَوْبٌ اِشْتَرَاهُ بِعَشْرَةِ دَرَاهِمَ فِيْهَا دِرْهَمٌ حَرَامٌ

"Allah tidak akan menerima solat orang yang pada kain yang dibelinya dengan sepuluh dirham terdapat sedirham yang haram."[59]

Ini mungkin. Namun, contoh-contoh seperti ini juga diriwayatkan dalam kaitannya dengan "orang yang dalam perutnya ada perkara yang haram dan dagingnya tumbuh dari perkara yang haram." Maka memelihara daging dan tulang agar tumbuh dari perkara yang halal lebih utama. Oleh kerana itulah Abu Bakar ash-Shiddiq memuntahkan minuman haram yang telah diminumnya tanpa setahunya. Sehingga tidak tumbuh daripadanya daging yang tetap dan kekal.

Ada yang mengatakan bahawa jika semua itu menjurus pada maksudnya, maka apakah bezanya antara dirinya dan bukan dirinya dan antara satu pihak dan pihak yang lain dan apakah yang harus diketahui dari perbezaan ini?

Kami menjawab bahawa ketika Rafi' bin Khudaij r.a. meninggal dunia, dia meninggalkan seekor unta penyiram tanaman dan seorang hamba pembekam. Lalu Rasulullah s.a.w. ditanya tentang yang demikian itu. Ternyata beliau melarang memakan usaha hamba pembekam itu. Berkali-kali orang kembali menanyakan yang demikian kepada beliau, tetapi beliau tetap melarangnya. Lalu dikatakan kepada beliau bahawa Rafi' memiliki beberapa anak yatim, maka beliau menjawab: "Berikanlah hasil usaha pembekam itu untuk makanan unta penyiram tanaman."[60]

Ini menunjukkan perbezaan antara apa yang dimakan olehnya sendiri atau haiwannya. Jika telah nampak jelas perbezaan ini, maka bandingkanlah padanya

[59] Diriwayatkan oleh Ahmad dari Ibnu Umar.

[60] Diriwayatkan oleh Ahmad dan at-Tabrani dari Rifa'ah dan Khudaij.

huraian yang telah kami kemukakan itu.

d. Masalah keempat

Jika di tangan seseorang ada harta yang haram, lalu menyedekahkannya kepada orang-orang miskin, maka dia boleh memperluas pemberiannya kepada mereka. Sedangkan jika dia membelanjakannya untuk dirinya sendiri, maka hendaknya dia mempersulit pengeluarannya, cukup sekadarnya sahaja. Dan apa yang dia belanjakan untuk keluarganya, maka hendaknya dia berjimat dan hendaknya sedang sahaja antara meluaskan dan menyempitkan.

Oleh kerana itu hal itu menjadi tiga peringkat. Jika dia berbelanja untuk tamu yang datang kepadanya dan tamu itu orang miskin, maka hendaknya dia memperluasnya kepada tamu tersebut. Sedangkan jika tamu itu orang kaya, maka hendaknya dia tidak memberikan makanan itu kepadanya. Kecuali jika dia berada di padang sahara atau dia datang pada malam hari dan dia tidak memperoleh makanan. Sebab, orang kaya waktu itu berkedudukan sebagai orang fakir.

Jika orang miskin yang datang sebagai tamu itu orang yang bertakwa, jika dia tahu demikian, maka sebagai tindakan menjaga diri baginya terhadap orang itu, maka hendaknya makanan itu disajikan kepadanya dan diterangkan kepadanya, untuk memadukan antara hak seorang tamu dan meninggalkan penipuan. Tidak semestinya dia memuliakan saudaranya dengan apa yang tidak disukai saudaranya.

Tidak semestinya dia berbohong bahawa dia tidak tahu, lalu hal itu tidak membawa kesan buruk kepadanya. Sebab, jika perkara yang haram itu telah ada dalam perut, maka hal itu akan menimbulkan kesesatan hati, walaupun tidak diketahui oleh yang punya hati itu. Oleh kerana itulah Abu Bakar dan Umar r.a. memuntahkan minuman yang telah diminumnya, walaupun keduanya meminum tanpa mengetahui sama sekali.

Hendaknya ini dimengerti. Jika kami telah mengeluarkan fatwa dengan kehalalannya bagi orang-orang miskin, maka kami halalkan itu berdasarkan keperluan terhadap makanan itu. Hal itu seperti babi dan minuman keras yang kita halalkan ketika dalam keadaan darurat. Ini kerana hal itu tidak berkaitan dengan barang-barang yang baik.

e. Masalah kelima

Jika perkara yang haram atau yang syubhat itu ada di tangan ibubapa seseorang, maka hendaknya dia mencegah diri dari memakan bersama keduanya. Jika keduanya marah, maka hendaknya dia tidak menyetujuinya pada perkara yang haram, tetapi melarang keduanya. Sebab, tiada kewajipan taat kepada makhluk dalam berbuat maksiat kepada Allah SWT.

Jika harta itu syubhat dan mencegah diri dari memakannya merupakan tindakan menjaga diri, maka ini bertentangan dengan hal tersebut. Sebab, yang merupakan tindakan menjaga diri ialah mencari kerelaan keduanya. Bahkan, mencari kerelaan itu wajib. Maka hendaknya dia lemah-lembut dalam tidak menurutinya.

Jika dia tidak mampu berlemah-lembut, maka hendaknya dia menyetujuinya dan makanlah sedikit, dengan mengecilkan suap, memperlama pengunyahan makanan, dan tidak memakannya dengan lahap. Ini kerana penolakan itu menimbulkan permusuhan. Saudara lelaki dan saudara perempuan mendekati yang demikian itu. Sebab hak keduanya juga kuat.

Begitu juga jika dia diberi pakaian oleh ibunya dengan kain syubhat dan si ibu marah jika pemberian itu ditolak. Maka hendaknya dia menerimanya dan hendaknya memakainya di hadapan ibunya serta membukanya waktu di belakangnya. Juga, hendaknya dia menjaga benar tidak akan melakukan solat memakai kain itu kecuali ketika ibunya ada. Ketika ada ibunya, hendaknya dia melaksanakan solat pada kain tersebut seperti solatnya orang yang terpaksa.

Diriwayatkan dari Bisyr rahimahullah bahawa suatu hari ibunya menyerahkan kepadanya buah kurma yang belum kering seraya mengatakan: "Engkau harus memakan buah kurma ini." Padahal Bisyr tidak suka memakannya. Maka dia pun memakannya, lalu dia naik ke kamar atas, sementara ibunya naik di belakangnya. Selanjutnya ibunya melihatnya muntah-muntah. Dia berbuat demikian kerana dia ingin memadukan antara kerelaan ibu dan pemeliharaan perut dari perkara yang tidak halal.

Suatu hari ada orang yang mengatakan kepada Ahmad bin Hanbal bahawa Bisyr ditanya: "Haruskah mematuhi ibu-bapa dalam perkara yang syubhat?" Bisyr menjawab: "Tidak." Ahmad bin Hanbal pun berkata: "Ini keras sekali." Lalu kepada Ahmad bin Hanbal diriwayatkan bahawa suatu hari Muhammad bin Muqatil al-Abdani ditanya tentang perkara yang syubhat tersebut.

Muhammad bin Muqatil menjawab: "Berbuat baiklah kepada ibu-bapamu." Apakah yang akan anda katakan tentang hal itu?" Lalu Muhammad bin Muqatil berkata kepada si penanya: "Saya berharap anda mahu memaafkan saya. Sebab, sesungguhnya saya telah mendengar apa yang dikatakan oleh ibu-bapa itu." Ahmad bin Hanbal pun berkata: "Betapa baiknya anda jika anda mahu berbuat kebajikan kepada ibu-bapa anda."

f. Masalah keenam

Barangsiapa yang dalam tangannya terdapat harta haram sepenuhnya, maka dia tidak wajib menunaikan ibadat haji dengan harta itu dan dia tidak harus mengeluarkan kafarat harta, kerana dia orang yang muflis. Juga, tidak wajib atasnya zakat. Sebab, erti zakat ialah wajib mengeluarkan seperempat puluh harta miliknya sahaja. Padahal, dalam hal ini dia wajib mengeluarkan semuanya.

Sementara jika harta yang di tangannya adalah harta syubhat yang boleh sahaja merupakan harta yang halal, maka jika dia tidak mengeluarkannya dari tangannya, dia harus melaksanakan ibadat haji. Sebab, keadaan harta itu halal merupakan perkara yang mungkin dan ibadat haji tidak gugur kecuali dengan kemiskinan. Dalam hal ini kemiskinan tersebut tidak terwujud. Allah SWT berfirman:

وَلِلَّهِ عَلَى ٱلنَّاسِ حِجُّ ٱلْبَيْتِ مَنِ ٱسْتَطَاعَ إِلَيْهِ سَبِيلاً

"*Dan Allah mewajibkan manusia mengerjakan Ibadat Haji dengan mengunjungi Baitullah, iaitu sesiapa yang mampu sampai kepadanya.*"

(Ali Imran: 97)

Jika wajib atasnya bersedekah dengan harta yang melebihi dari keperluannya, sedangkan dia menduga kuat bahawa barang tersebut haram, maka zakatnya lebih utama diwajibkan. Sedangkan jika dia harus mengeluarkan kafarat, maka hendaknya dia memadukan antara puasa dan memerdekakan hamba agar dia terlepas dari kafarat itu dengan secara yakin. Beberapa ulama mengatakan bahawa dia harus berpuasa, bukan mengeluarkan makanan. Ini kerana dia tidak memiliki kemampuan yang diketahui. Al-Muhasibi berkata: "Cukup baginya dengan mengeluarkan makanan."

Pendapat yang kami pilih ialah bahawa setiap syubhat itu kita beri hukum wajib menjauhkannya dan kita haruskan mengeluarkannya dari tangan kita. Sebab, kemungkinan keharamannya lebih kuat, berdasarkan apa yang telah kami kemukakan sebelumnya. Maka dia harus memadukan antara puasa dan memberi

makanan. Dia wajib berpuasa kerana menurut hukum dia adalah orang muflis. Dan dia juga wajib memberikan makanan, kerana dia wajib menyedekahkan semua harta itu. Dan mungkin sahaja harta itu kepunyaannya, maka dia wajib mengeluarkan kafarat.

g. Masalah ketujuh

Barangsiapa yang dalam tangannya terdapat harta haram yang ditahannya untuk suatu keperluan, lalu dia bermaksud melaksanakan ibadat haji sunat, maka jika dia berjalan kaki, maka hal itu tidak mengapa. Sebab, dia akan memakan harta tersebut pada bukan ibadat. Sementara jika dia memakannya pada ibadat, maka hal itu lebih utama. Jika dia tidak mampu berjalan kaki dan memerlukan pada tambahan biaya untuk kenderaan, maka dia tidak dibolehkan mengambil untuk keperluan seperti ini di perjalanan, seperti halnya dia tidak dibolehkan membeli kenderaan di kampung (tidak di perjalanan).

Sedangkan jika dia mengharap akan mampu memperoleh perkara yang halal jika terus tinggal di kampung, dan dia tidak memerlukan pada hal haram lain, maka menetap di kampung untuk menunggu yang halal itu lebih utama daripada melaksanakan ibadat haji berjalan kaki dengan harta yang haram.

h. Masalah kelapan

Barangsiapa yang bertolak untuk melaksanakan ibadat haji wajib dengan harta yang padanya ada syubhat, maka hendaknya dia bersungguh-sungguh berusaha agar makanannya berasal dari perkara yang halal (yang baik). Jika dia tidak mampu, maka hendaknya dia memakan perkara yang halal itu sejak melakukan ihram sampai waktu tahallul.

Jika dia tetap tidak mampu, pada hari Arafah hendaknya dia berusaha benar-benar bahawa tegaknya di hadapan Allah dan doanya tidak diwarnai oleh makanan dan pakaian yang haram. Maka hendaknya dia berusaha sungguh-sungguh bahawa dalam perutnya itu tiada perkara yang haram dan di punggungnya pun tiada perkara yang haram.

Walaupun hal ini dibolehkan kerana perlu, namun hal itu merupakan semacam keadaan darurat dan harus kita kaitkan dengan perkara-perkara yang baik (yang halal). Jika dia tidak mampu, maka hendaknya dia mengharuskan hatinya

merasa takut dan susah, kerana dia terpaksa menggunakan sesuatu yang tidak baik (yang tidak halal) itu. Semoga Allah memandang kepadanya dengan pandangan rahmat. Juga, semoga dia melepaskannya dari keadaan itu kerana kegelisahannya, ketakutannya, dan kebenciannya terhadap perkara yang tidak baik itu.

i. Masalah kesembilan

Suatu hari Ahmad bin Hanbal rahimahullah ditanya orang dan orang yang bertanya itu menerangkan kepadanya: "Ayahku telah meninggal dunia dan meninggalkan harta. Ayahku pernah melakukan urus-niaga dengan orang yang dimakruhkan melakukan urus-niaga dengannya." Imam Ahmad bin Hanbal menjawab: "Hendaknya engkau meninggalkan dari hartanya sekadar dari keuntungan yang diperolehnya."

Si penanya selanjutnya berkata: "Dia memiliki piutang dan hutang." Imam Ahmad berkata: "Bayarlah hutangnya dan terimalah pembayaran piutangnya." Orang itu lalu bertanya: "Apakah engkau berpendapat demikian?" Maka Ahmad bin Hanbal menjawab: "Apakah engkau membiarkannya ditahan kerana hutangnya?"

Apa yang dikemukakan itu benar. Hal itu menunjukkan bahawa Imam Ahmad bin Hanbal memandang perlu berhati-hati dalam mengeluarkan bahagian yang haram. Sebab, Imam Ahmad bin Hanbal berkata: "Hendaknya engkau meninggalkan dari hartanya sekadar dari keuntungan yang diperolehnya." Dan dia melihat bahawa seluruh harta itu miliknya, sebagai ganti dari apa yang diberikannya pada urus-niaga yang batal dengan jalan saling membalas dan menerima. Manakala banyak terjadi urus-niaga dan susah mengembalikannya serta pembayaran hutangnya didasarkan pada keyakinan, maka hendaknya tidak ditinggalkan kerana syubhat.

E. Harta pemberian penguasa, yang halal mahupun yang haram

Ketahuilah bahawa sesiapa yang menerima harta dari seorang penguasa, maka semestinya dia memperhatikan tiga perkara: iaitu tentang sumber pemasukan harta itu ke tangan penguasa; dari mana harta itu, tentang sifatnya yang dengan sifat itu membuatnya berhak mengambilnya, dan tentang kadar yang diambilnya; apakah dia berhak jika disandarkan pada keadaannya dan keadaan sekutu-sekutunya dalam hak harta tersebut.

1. Sumber pemasukan penguasa

Seorang penguasa berhak dan dihalalkan mengambil harta dari kaum muslim untuk dibahagikan bagi kepentingan umum. Harta seperti itu terbahagi menjadi dua.

Pertama, harta yang diambil dari orang kafir, yakni harta rampasan perang (ghanimah), upeti, atau cukai (jizyah) yang diperoleh dari orang kafir tanpa peperangan, dan harta lainnya dari orang kafir untuk jaminan keamanan mereka yang hidup di bawah pemerintahan kaum muslim.

Kedua, harta yang diambil dari kaum muslim sendiri. Harta yang boleh (dihalalkan) untuk diambil penguasa dari kaum muslim iaitu harta warisan dan harta lainnya yang tidak pasti atau tidak ada pemiliknya. Di dalamnya juga termasuk harta wakaf yang tidak lagi ada pengurusnya. Mengambil harta di luar kedua jenis harta tersebut hukumnya diharamkan bagi seorang penguasa negeri. Seperti mengambil cukai (denda) yang dikenakan kepada kaum muslim, harta hasil paksaan, dan bermacammacam jenis wang sogok (rasuah).

Harta kekayaan penguasa yang dihalalkan dan yang diharamkan untuk dikeluarkan demi kepentingan umum ada lapan jenis, iaitu; cukai (jizyah), harta tanpa pemilik, wakaf, harta milik penguasa sendiri, cukai dari kaum Muslim, harta hasil kerja sama dengan pihak (negara) lain, dan harta simpanan negara.

Pertama: Berkenaan dengan cukai yang diambil dari kaum kafir sebagai jaminan keamanan bagi mereka atau jizyah, maka empat perlimanya harus dikeluarkan untuk kepentingan umum, dan satu perlimanya untuk pihak-pihak tertentu (terkait). Maka jika seperlima bahagian dari harta itu yang ditentukan bagi pihak-pihak itu atau empat perlima untuk sesuatu yang ada padanya kepentingan umum diambil dengan secara berhati-hati dalam hal kadarnya, maka harta itu halal dengan syarat bahawa jizyah itu tidak diwajibkan kecuali secara agama, dan harta itu tidak lebih dari sedinar atau empat dinar. Sebab, hal itu juga termasuk perkara-perkara yang berada pada tempat ijtihad.

Bagi penguasa boleh berbuat sesuatu terhadap apa yang ada pada tempat ijtihad dengan syarat bahawa orang dzimmi yang jizyahnya dipungut adalah orang yang berusaha dari perkara yang tidak diketahui keharamannya, sehingga pegawai penguasa itu tidak melakukan tindakan aniaya. Juga dia bukan penjual minuman keras, anak-anak, dan wanita. Ini kerana jizyah tidak dikenakan ke atas mereka.

Inilah perkara-perkara yang harus diperhatikan tentang cara mengenakan jizyah, kadarnya, sifat orang yang menerima jizyah, dan kadar yang akan diserahkan. Semua itu harus diperhatikan.

Kedua: Berkenaan dengan harta warisan dan harta yang tidak ada pemiliknya, maka harta itu harus dikeluarkan untuk kepentingan umum dari kaum muslim.

Tentang orang yang meninggalkan harta itu harus diperhatikan apakah semua hartanya haram atau yang terbanyak daripadanya atau bahagian yang tersedikit daripadanya. Pada pembahasan sebelumnya telah dihuraikan tentang hukumnya. Jika harta tersebut tidak haram, maka tinggal memperhatikan tentang sifat orang yang akan menerima harta tersebut dengan adanya kepentingan umum pada penyerahan kepadanya. Kemudian, tentang kadar harta yang diserahkan itu.

Ketiga: Berkenaan dengan harta wakaf, maka ia harus dikeluarkan untuk memenuhi kepentingan umum. Akan tetapi, juga harus sesuai dengan wakaf yang dikeluarkan oleh pelaku wakaf. Maksudnya, harta yang diserahkan harus seiring dengan kehendak orang yang mewakafkan.

Keempat: Berkenaan dengan harta milik penguasa itu sendiri, maka dia bebas mengeluarkan seberapa pun yang dikehendakinya. Hanya sahaja yang harus diperhatikan ialah bahawa penguasa menghidupkan kebanyakan harta yang dimilikinya itu dengan memaksa orang-orang yang diupahinya. Atau dengan memberikan upah kepada mereka dari harta yang haram.

Ini kerana harta yang dihidupkan oleh penguasa itu terjadi dengan menggali parit, tali air, membangun dinding, meratakan tanah, dan hal itu tidak dikerjakan oleh si penguasa sendiri. Jika orang-orang itu dipaksa bekerja, maka harta itu tidak menjadi milik penguasa dan tergolong harta yang haram. Sedangkan jika orang-orang itu diupahi, kemudian upahnya dibayar dari harta haram, maka ini menimbulkan perkara yang syubhat yang telah kami peringatkan tentang hubungan kemakruhan dengan wang ganti.

Kelima: Berkenaan dengan harta milik penguasa dari hasil pembelian tanpa kontan, seperti lahan (tanah), baju, kenderaan, maka penguasa di sini bebas mengeluarkannya sesuai dengan kemahuannya sendiri. Namun, jika dia akan melunasinya dari harta yang haram, maka yang demikian itu pada saat tertentu menimbulkan pengharaman dan pada saat yang lain menimbulkan syubhat. Huraian tentang hal itu telah dikemukakan sebelumnya.

Keenam: Berkenaan dengan harta hasil dari cukai atau denda atas kaum muslim, maka seorang penguasa diharamkan memakainya. Dan apabila terlanjur dilakukan, maka konsekuensinya semua yang ada di tangannya harus dikeluarkan untuk memenuhi kemaslahatan kaum muslim. Hal itu adalah haram sepenuhnya, tiada syubhat padanya. Hal itu sendiri merupakan bahagian terbanyak dari harta-harta pemberian pada zaman ini, kecuali tanahtanah di Irak. Ini kerana tanah-tanah itu, menurut Imam asy-Syafi'i r.a. adalah tanah-tanah yang diwakafkan untuk kepentingan kaum Muslimin.

Ketujuh: Berkenaan dengan harta dari hasil kerjasama penguasa itu dengan orang (negera) lain dalam bentuk usaha, maka boleh dikeluarkan seberapa pun dia mahu. Jika orang itu tidak melakukan urus-niaga dengan orang lain, maka hartanya seperti harta simpanan penguasa. Jika dia melakukan urus-niaga yang lebih banyak dengan orang-orang selain penguasa, maka apa yang diberikannya itu merupakan hutang atas penguasa, dan dia akan mengambil gantinya dari simpanan negara. Maka kecederaan itu merebak pada wang ganti. Pada pembahasan sebelumnya telah dihuraikan tentang hukum harga dari barang yang haram.

Kedelapan: Berkenaan dengan harta simpanan negara, maka penguasa tidak boleh mengeluarkannya, kecuali untuk kepentingan kaum Muslim. Maka jika diketahui cara wang masuk bagi penguasa, selain dari yang haram, maka hal itu adalah perkara yang haram sepenuhnya.

Sedangkan jika diketahui dengan yakin bahawa harta simpanan negara itu terdiri dari harta halal dan harta haram dan mungkin yang diserahkan kepada orang yang diberi itu terdiri dari harta yang halal, dengan kemungkinan yang mendekati keyakinan di dalam jiwa. Mungkin pula harta itu dari harta yang haram dan ini yang terbanyak, kerana kebanyakan harta penguasa haram pada masamasa sekarang ini. Dan yang halal dalam tangan mereka tidak ada atau sangat langka sekali, maka para ulama berselisih pendapat tentang hal ini.

Berkaitan dengan hak mengambil harta, sebahagian ulama mengatakan bahawa setiap harta yang tidak diyakini keharamannya, maka mereka dibolehkan untuk mengambilnya. Atau pendapat lain yang menyebutkan, bahawa tidak dihalalkan harta diambil selama tidak diyakini atas kehalalannya. Oleh kerana itu, harta yang mengandungi unsur syubhat tidaklah dihalalkan untuk dimiliki atau dimakan. Kedua pendapat di atas menurut saya tidak begitu tepat, kerana kalau ketentuan tentang yang diharamkan dan yang dihalalkan belum jelas, maka tidak

boleh hal itu ditentukan dengan keyakinan diri sendiri, akan tetapi harus dibuktikan secara saksama.

Hukum pun menyebutkan apabila harta itu sebahagian besar diharamkan, maka haramlah seluruhnya. Sedangkan apabila sebahagian besar dihalalkan, akan tetapi ada terselip yang diharamkan sedikit, maka hentikan dahulu sementara waktu dari memiliki mahupun memakannya, sampai bahagian yang diharamkan segera dipisahkan dan dikeluarkan terlebih dahulu dari yang dihalalkan.

Beberapa orang membolehkan menerima harta yang di dalamnya tercampur antara yang diharamkan dan yang dihalalkan (maksudnya syubhat) yang diberikan oleh penguasa terkait berdasarkan pada riwayat dari sebahagian sahabat.

Sebagaimana diriwayatkan, bahawa segolongan sahabat yang hidup pada masa penguasa yang zalim menerima juga harta dari penguasa yang zalim itu. Di antara para sahabat yang membolehkan hal demikian adalah Abu Hurairah, Abu Sa'id al-Khudri, Zaid bin Thabit, Abu Ayyub al-Anshari, Jabir serta Jabir bin Abdullah, Anas bin Malik, dan Al-Miswar bin Makhramah r.a.

Ada riwayat yang mengatakan, bahawa Abu Hurairah dan Abu Sa'id alKhudri r.a. pernah menerima pemberian hadiah dari Khalifah Marwan dan Yazid bin Abdul Malik. Ibnu Umar dan Ibnu Abbas r.a. juga pernah menerima hadiah dari Khalifah al-Hajjaj bin Yusuf. Demikian juga sejumlah orang dari kalangan tabi'in, seperti al-Sya'bi, Ibrahim, al-Hasan dan Ibnu Abu Laila rahimahumullah. Kemudian Imam al-Syafi'i Rahimahullah juga pernah menerima wang 1000 dinar dari Khalifah Harun al-Rasyid, dan Imam Malik Rahimahullah juga pernah menerima harta dari beberapa Khalifah.

Ali r.a. pernah mengatakan: "Ambillah apa yang diberikan penguasa kepada kamu sebagai hak kamu. Sebab, pemberian (hadiah) itu dihalalkan bagi kamu. Dan sesungguhnya orang-orang yang soleh tidak mahu menerimanya kerana sikap takut mereka kepada agama Allah SWT. Yakni kerana khuatir yang demikian itu akan membahayakan agamanya dan menghantarkannya pada perkara yang tidak halal. Tidakkah engkau ketahui ucapan Abu Dzar kepada al-Ahnaf bin Qais: "Ambillah pemberian apa yang ada dari pemberian itu. Jika pemberian itu menjadi harga agamamu, maka tinggalkanlah."

Abu Hurairah r.a. berkata: "Jika kami mendapat pemberian, maka pemberian itu kami terima. Sedangkan jika kami tidak mendapat pemberian, maka kami tidak

meminta."

Diriwayatkan dari Sa'ad bin alMusayyab bahawa Abu Hurairah r.a. jika diberikan sesuatu oleh Mua'wiyah, maka dia berdiam diri. Sedangkan jika dia tidak diberi sesuatu maka dia tidak merasa senang."

Asy-Syafi'i menyebutkan dari Masruq yang mengatakan: "Pemberian itu tetap dibolehkan bagi orang-orang yang menerima pemberian, sehingga mereka dimasukkan ke dalam neraka." Dengan kata lain orang tersebut terbawa oleh yang demikian pada yang haram, bukan pemberian itu sendiri yang haram.

Nafi' menyebutkan dari Ibnu Umar r.a. bahawa suatu hari al-Mukhtar mengirimkan harta kepada Ibnu Umar. Ternyata, Ibnu Umar menerima kiriman itu. Kemudian Ibnu Umar berkata: "Saya tidak meminta pada seseorang dan saya tidak menolak apa yang dianugerahkan oleh Allah kepadaku."

Pada saat yang lain al-Mukhtar menghadiahkan kepadanya seekor unta, maka Ibnu Umar pun menerima unta tersebut. Dan orang mengatakan bahawa unta itu adalah unta dari al-Mukhtar. Namun, ini berlawanan dengan apa yang diriwayatkan bahawa Ibnu Umar r.a. tidak menolak hadiah seseorang selain hadiah al-Mukhtar. Dan sandaran berita tentang penolakannya itu lebih kuat.

Diriwayatkan dari Nafi' bahawa dia berkata: "Suatu hari Ibnu Ma'mar mengirimkan kepada Ibnu Umar wang enam puluh ribu. Lalu, dia pun membahagi-bahagikannya kepada orang ramai. Kemudian datanglah kepadanya orang yang meminta bahagian. Dia berhutang untuk orang itu dari sebahagian orang yang telah diberinya, lalu dia pun memberikannya kepada orang itu."

Pada saat al-Hasan bin Ali r.a. datang kepada Khalifah Mu'awiyah, lalu Mu'awiyah memberinya hadiah wang senilai 400.000 dirham kepada alHasan, maka al-Hasan pun menerimanya sebagai sebuah pemberian (hadiah).

Diriwayatkan dari Habib bin Abu Thabit bahawa dia mengatakan: "Suatu hari saya melihat al-Mukhtar memberikan hadiah kepada Ibnu Umar dan Ibnu Abbas. Ternyata, keduanya menerima hadiah itu." Lalu orang pun bertanya kepadanya: "Apa bentuk hadiah itu?" Habib bin Abu Thabit menjawab: "Wang dan pakaian."

Diriwayatkan dari azZubair bin Adi bahawa Salman berkata: "Jika kamu mempunyai teman pekerja atau peniaga yang mengambil wang riba, lalu dia mengundang kamu makan atau perkara yang serupa atau dia memberikan sesuatu

kepadamu, maka terimalah. Sebab, kesenangan itu bagimu dan dosanya atasnya."

Jika yang demikian itu telah tetap pada orang yang mengambil wang riba, maka orang yang melakukan tindakan aniaya tiada bezanya.

Diriwayatkan dari Ja'far, yang menyebutkan dari bapanya, bahawa al-Hasan dan al-Husain r.a. menerima pemberian Mu'awiyah. Sementara itu Hakim bin Jubair berkata: "Suatu hari kami pergi kepada Sa'id bin Jubair, di mana dia dipekerjakan di daerah bawah sungai Eufrat. Lalu dia mengirim berita kepada orang-orang yang mengambil bahagian sepersepuluh dari hasil di situ: "Berikanlah kepada kami makanan dari apa yang ada padamu." Lalu mereka pun mengirim makanan itu. Maka Sa'id memakannya dan kami pun makan bersamanya.

Al-Ala' bin Zuhair al-Azadi berkata: "Suatu hari Ibrahim, seorang pekerja di Helwan, datang menemui ayahku. Lalu dia memberikan sesuatu kepada ayahku. Ternyata, ayahku menerima pemberian itu. Dan Ibrahim berkata: Tidak mengapa dengan pemberian para kaki-tangan kerajaan. Sebab, para kaki-tangan kerajaan mempunyai pengeluaran dan rezeki dan harta yang masuk ke rumahnya terdiri dari harta yang keji dan yang baik. Dan apa yang diberikannya kepada anda adalah sebahagian dari hartanya yang baik."

Melihat riwayat-riwayat tersebut maka menjadi semakin jelas, bahawa mereka semua menerima pemberian harta dari para penguasa yang dianggap zalim pada saat itu. Sebab, yang mereka kutuk adalah perbuatan penguasa yang mereka anggap zalim kepada Allah SWT. Para ulama yang membolehkan menerimanya berdalil, bahawa para ulama salaf (terdahulu) yang tidak mahu menerima, seperti para Khulafa al-Rasyidun, Abu Dzar, dan sejumlah orang soleh lainnya tidak menunjukkan bahawa harta itu diharamkan. Akan tetapi, yang demikian itu lantaran sikap wara' dan ketakwaan yang mereka tunjukkan mendekati kesempurnaan. Mereka hanya mahu menerima yang dihalalkan secara mutlak, tanpa ada setitik pun yang memiliki unsur haram yang tercampur (terselip) di dalamnya.

Sa'id bin al-Musayyab menyebutkan bahawa dia meninggalkan pemberian orang yang diterimanya dalam Baitulmal, sehingga terkumpul lebih dari 30.000. Juga, seperti yang diriwayatkan oleh al-Hasan: "Saya tidak akan mengambil wuduk dari air orang yang pekerjaannya menukarkan wang, meskipun waktu solat telah sempit. Ini kerana saya tidak mengetahui asal hartanya." Semua itu merupakan tindakan menjaga diri yang tidak dapat dibantah.

Mengikuti mereka atas yang demikian lebih baik daripada mengikuti mereka pada yang lebih luas. Namun, tidak pula haram mengikuti mereka pada perkara-perkara yang lebih luas itu. Inilah syubhat bagi orang yang membolehkan mengambil harta penguasa yang melakukan tindakan aniaya.

Jawapan untuk itu ialah bahawa apa yang diriwayatkan tentang orang-orang yang mengambil pemberian itu terbatas dan sedikit dibandingkan dengan apa yang diriwayatkan dari penolakan dan penentangan mereka. Jika penolakan mereka itu dapat dikatakan mungkin timbul dari tindakan menjaga diri, maka berlakulah pada pengambilan dari orang yang mengambil itu tiga kemungkinan yang berlainan peringkatnya sesuai dengan perbezaan peringkat mereka dalam kaitannya dengan tindakan menjaga diri.

Berkaitan dengan sikap wara' dalam menerima pemberian dari penguasa, ada empat tingkatan yang perlu untuk disemak berikut ini.

Tingkatan pertama, dan inilah darjat wara' serta sikap takwa yang paling tinggi, mereka tidak mahu menerima sedikit pun harta pemberian dari penguasa. Tingkatan ini dipunyai oleh Khulafa al-Rasyidun dan para wali Allah SWT lainnya. Sebagaimana diriwayatkan, bahawa Abu Bakar r.a. pernah menggunakan wang Baitulmal sebesar 6000 dirham, dan beliau menganggap itu sebagai hutang, kemudian beliau membayarnya lunas.

Suatu hari Umar bin al-Khattab r.a. sedang menghitung wang Baitulmal, lalu masuklah anak perempuannya dan mengambil satu dirham dari wang itu. Umar mengetahui kejadian itu, kemudian wang itu diambilnya kembali dan dimasukkan lagi ke Baitulmal seraya mengatakan: "Wahai saudara-saudaraku, tidaklah Baitulmal ini untukku dan keluargaku, akan tetapi untuk kamu semua, muslimin dan muslimat."

Sementara itu, suatu hari ketika Abu Musa al-Asy'ari menyapu Baitulmal, dia menemukan wang sedirham. Ketika anak Umar r.a. lalu di hadapannya, dia pun memberikan wang itu kepadanya. Ketika Umar melihat anak itu memegang wang dalam tangannya, dia pun menanyakannya. Anak itu menjawab: "Wang ini diberi oleh Abu Musa." Maka Umar pun berkata kepada Abu Musa: "Wahai Abu Musa! Tidak ada rumah penduduk Madinah yang lebih mudah bagimu daripada rumah keluarga Umar. Tetapi engkau bermaksud bahawa tidak tinggal dari umat Muhammad s.a.w. seorang pun melainkan menuntun kami dengan kezaliman."

Dia pun mengembalikan dirham itu ke Baitulmal. Padahal harta itu halal. Tetapi dia melepaskan diri untuk agamanya dan membatasi pada yang tersedikit kerana mengikuti sabda Nabi s.a.w.: "*Tinggalkanlah apa yang membuatmu ragu menuju apa yang tidak membuatmu ragu.*"[61] Juga kerana mengikuti sabda beliau: "*Barangsiapa yang meninggalkan perkara yang membuatnya ragu, sesungguhnya dia telah melepaskan diri untuk kehormatannya dan agamanya.*"[62]

Di samping itu juga kerana dia mendengar dari Rasulullah s.a.w. bahawa beliau bersikap keras terhadap harta penguasa. Sehingga Nabi s.a.w. bersabda ketika mengutus Ubadah bin ash-Shamit untuk memungut sedekah (zakat): "Takutlah kepada Allah, wahai Abu alWalid. Janganlah engkau datang pada hari kiamat dengan unta melenguh atau lembu yang melenguh atau kambing yang mengembik yang engkau pikul di atas tengkukmu."

Ubadah bertanya: "Apakah hal itu akan terjadi?" Beliau menjawab: "Ya, demi Allah yang nyawaku berada dalam kekuasaan-Nya, kecuali orang yang dikasihi Allah." Ubadah berkata: "Demi Allah yang mengutusmu dengan sebenarnya, saya tidak akan melakukan yang demikian itu selamanya."[63]

Nabi s.a.w. bersabda:

إِنِّي لاَ أَخَافُ عَلَيْكُمْ أَنْ تُشْرِكُوا بَعْدِي إِنَّمَا أَخَافُ عَلَيْكُمْ أَنْ تَنَافَسُوا

"*Sesungguhnya aku tidak khuatir bahawa kamu akan mempersekutukan Allah sesudahku. Namun, yang saya khuatirkan ialah kamu akan berlomba-lomba (untuk memburu dunia).*" (HR. Bukhari dan Muslim)

Sesungguhnya Nabi s.a.w. khuatir akan terjadi persaingan dalam memburu harta. Oleh kerana itulah Umar r.a. dalam suatu pembicaraan panjang yang antara lain membincangkan tentang harta Baitulmal, berkata: "Sungguh, saya tidak mendapati diri saya padanya selain seperti wali harta anak yatim. Jika saya tidak memerlukannya, maka saya menjaga diri saya dari mengambilnya. Dan jika saya memerlukannya, maka saya makan dengan baik (yang halal)."

---

[61] Diriwayatkan oleh an-Nasai, Tirmizi, dan al-Hakim dari al-Hasan bin Ali. Menurut Tirmizi dan al-Hakim, hadis ini shahih.

[62] Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim dari an-Nu'man bin Basyir.

[63] Hadis mursal ini diriwayatkan oleh asy-Syafi'i dari Tawus.

Diriwayatkan bahawa suatu hari salah seorang putera Tawus menulis surat, sebagai penyambung lidah ayahnya, kepada Umar bin Abdul Aziz. Lalu Umar memberikan kepadanya wang tiga ratus dinar. Mengetahui hal itu, Tawus pun menjual barangnya dan mengirimkan harganya sebanyak tiga ratus dinar kepada Umar. Inilah peringkat yang tertinggi dalam kaitannya dengan tindakan menjaga diri.

Tingkatan kedua, terimalah pemberian dari penguasa, jika kita benar-benar mengetahui bahawa harta itu berasal dari sumber yang dihalalkan. Apabila di kemudian hari harta itu ternyata terselip sesuatu yang diharamkan, maka kita tetap terbebas dari yang diharamkan itu. Inilah tingkatan yang banyak dinukilkan dari atsar dan riwayat para sahabat yang soleh.

Berdasar inilah semua athar atau sebahagian besar dari athar yang diriwayatkan atau athar yang khusus berkaitan dengan para sahabat dan orang-orang yang menjaga diri mereka, seperti Ibnu Umar, ditempatkan. Ini kerana dia termasuk di antara orang-orang yang sangat bersangatan menjaga diri. Maka bagaimanakah dia bersikap tenggang rasa terhadap harta penguasa? Padahal, dia termasuk orang-orang yang sangat menentang terhadap mereka dan yang mencela harta mereka.

Suatu hari orang-orang berkumpul di rumah Ibnu Amir yang sedang sakit. Dia merasa kasihan terhadap dirinya kerana pemerintahannya dan keadaannya yang akan diseksa pada sisi Allah SWT kerana pemerintahannya itu. Mereka pun bekata kepadanya: “Sungguh, kami mengharap kebajikan bagi anda. Engkau telah menggali sumur-sumur. Engkau juga telah menyuguhkan minuman kepada orang-orang yang menunaikan ibadat haji. Dan, engkau telah berbuat demikian, dan engkau telah berbuat demikian ...” Ternyata, Ibnu Umar berdiam diri sahaja.

Maka Ibnu Amir bertanya kepadanya: “Apakah yang akan engkau katakan, wahai Ibnu Umar?” Beliau menjawab: “Aku mengatakan yang demikian jika usaha itu baik, biaya itu pun bersih, dan semua itu akan dikembalikan sehingga engkau akan dapat melihatnya.”

Pada riwayat yang lain Ibnu Umar mengatakan: “Sesungguhnya yang keji itu tidak akan menutup yang keji. Padahal, engkau sekarang menjadi gabenor Basrah dan saya tidak menyangka melainkan engkau telah mendapatkan kejahatan daripadanya.” Maka Ibnu Amir pun berkata kepada Ibnu Umar: “Apakah engkau tidak berdoa kepadaku?” Ibnu Umar menjawab: “Aku mendengar Rasulullah s.a.w.

bersabda:

لاَ يَقْبَلُ اللهُ صَلاَةً بِغَيْرِ طُهُورٍ وَلاَ صَدَقَةً مِنْ غُلُولٍ

"*Allah tidak akan menerima suatu solat (seseorang) kecuali dalam keadaan suci. Juga, Dia tidak akan menerima sedekah dari harta yang haram.*" (HR. Muslim) Padahal, engkau sekarang menjadi gabenor Basrah."

Ini adalah ucapannya tentang apa yang diserahkan Ibnu Amir di jalan kebajikan. Dan diriwayatkan pula dari Ibnu Umar r.a. bahawa pada masa pemerintahan al-Hajjaj, dia berkata: "Saya tidak pernah mengisi perut saya sampai kenyang sejak saya menguasai gedung ini sampai hari ini."

Diriwayatkan pula, bahawa Ali r.a. memiliki sedikit tepung gandum, lalu dimasukkanlah tepung gandum itu dalam sebuah wadah yang tertutup rapat. Ada orang yang bertanya kepadanya: "Mengapa engkau melakukan hal seperti itu?" Ali menjawab: "Sesungguhnya, dengan menutup rapat wadah itu, aku tidak bermaksud untuk bersikap kikir, akan tetapi aku justeru takut dalam wadah tepungku ini akan tercampur tepung lain yang bukan milikku. Aku tidak mahu mengisi perutku selain dengan makanan yang baik dan dihalalkan oleh Allah SWT." Inilah yang biasa terjadi pada diri mereka.

Sementara itu setiap kali Ibnu Umar melihat sesuatu yang membuatnya merasa kagum, maka dia pun keluar daripadanya. Suatu hari Nafi' meminta wang daripadanya sebanyak tiga puluh ribu. Ibnu Umar menjawab: "Saya sangat khuatir akan terpedaya oleh dirham Ibnu Amir dan dia yang memintanya. Pergilah, engkau bebas."

Abu Sa'id al-Khudri berkata: "Tidak seorang pun di antara kita melainkan telah cenderung pada dunia, kecuali Ibnu Umar."

Hal ini dengan jelas menunjukkan tiadanya anggapan bahawa Ibnu Umar dan orang-orang yang memiliki kedudukan yang setingkat mengambil apa yang tidak mereka ketahui sebagai perkara yang halal.

Tingkatan ketiga, seseorang boleh menerima pemberian dari seorang penguasa dan menyedekahkan pemberian itu kepada fakir miskin, atau membahagi-bahagikan kepada orang yang lebih berhak menerimanya, walaupun penguasa itu

bersikap zalim kepada rakyatnya. Oleh kerana itu, banyak sahabat mahupun tabi'in diriwayatkan menerima pemberian dari para penguasa.

Telah diriwayatkan pula, bahawa Abdullah bin Umar r.a. setelah menerima pemberian dari penguasa, segera membahagi-bahagikan semua pemberian itu kepada fakir miskin. Sehinggakan Abdullah bin Umar membelanjakan wangnya sendiri sebesar 60.000 dirham untuk diberikan kepada fakir miskin yang belum mendapat bahagian pada proses pembahagian yang pertama; setelah menerima hadiah dari penguasa ketika itu. Sayyidah Aisyah r.a. pun kerap berbuat demikian.

Suatu hari Jabir bin Zaid menerima pemberian dari seseorang. Lalu dia menyedekahkan harta itu seraya berkata: "Aku berpendapat bahawa mengambil harta itu dari mereka dan kemudian menyedekahkannya lebih aku sukai daripada membiarkannya pada tangan mereka."

Begitu juga halnya dengan Imam al-Syafi'i Rahimahullah yang juga menerima hadiah dari Khalifah Harun al-Rasyid, dan kemudian membahagikan semuanya, tanpa ada yang tersisa sedikit pun, kepada fakir miskin.

Tingkatan keempat, pada tingkatan ini berkaitan dengan harta dari para penguasa yang kebanyakan daripadanya atau sebahagian besarnya diharamkan, dan oleh kerana itu tidak boleh diterima mahupun disedekahkan. Boleh diterima apabila harta itu kebanyakannya adalah yang dihalalkan.

Begitulah keadaan para khalifah pada zaman sahabat r.a. dan tabi'in sesudah para khalifah rasyidun. Kebanyakan harta mereka itu tidak haram. Yang demikian itu dibuktikan oleh pernyataan Ali r.a. yang mengatakan: "Apa yang diambilnya dari yang halal lebih banyak."

Inilah sebahagian dari apa yang dibolehkan oleh sekelompok ulama, kerana berpegang pada yang terbanyak. Kami sesungguhnya menghentikan persoalan ini dalam kaitannya dengan hak seseorang dan harta penguasa lebih menyerupai harta yang tidak terbatas. Maka tidak terlalu menghairankan jika ada mujtahid yang berpendapat tentang kebolehan mengambil apa yang terbanyak. Kami sendiri melarang mengambilnya jika yang terbanyak itu haram.

Jika anda telah memahami semua peringkat ini, nescaya anda dapat meyakini bahawa pemberian orang-orang yang melakukan tindakan aniaya pada zaman kita ini tidak berlaku sesuai dengan ketentuan tersebut. Pemberian-pemberian itu jelas

berbeza dengan hal itu dari dua segi:

Segi pertama ialah bahawa harta para penguasa pada masa kita sekarang ini haram, semuanya atau sebahagian besar di antaranya. Bagaimana tidak? Perkara-perkara yang halal, iaitu sedekah (zakat), fa'i, ghanimah, tidak ada sedikit pun yang masuk ke dalam tangan penguasa, sehingga tidak ada yang tinggal selain cukai (jizyah). Padahal, jizyah dipungut dengan pelbagai macam tindakan aniaya yang tidak halal mengambilnya. Para penguasa telah melewati batasbatas agama tentang barang yang diambil dan orang tempat diambil dan perkara-perkara yang berkaitan dengan syarat bagi barang yang diambil.

Kemudian, jika yang demikian itu anda bandingkan dengan cukai yang dikenakan kepada orang Islam, pengeluaran-pengeluaran, wang sogok, dan beraneka-ragam kezaliman yang membudaya bagi para penguasa, nescaya semua itu tidak akan sampai sepersepuluhnya.

Segi kedua ialah bahawa orang melakukan tindakan aniaya pada masa pertama pada pembahasan sebelumnya, kerana dekatnya masa mereka dengan zaman para khalifah rasyidun, menyedari tindakan aniaya yang mereka lakukan, mengharap pada kecenderungan hati sahabat dan tabi'in, dan berusaha agar pemberian dan hadiah mereka boleh diterima. Mereka mengirimkan pemberian itu kepada para sahabat dan tabi'in tanpa diminta dan tanpa diwarnai sikap menghina. Bahkan, mereka menikmati penerimaan itu dan bergembira kerananya. Sedangkan para sahabat dan tabi'in tersebut mengambil dari orang-orang yang melakukan tindakan aniaya itu dan mengagihkannya dan tidak akan mematuhi para penguasa itu dalam segala maksudnya.

Juga, tidak mendatangi tempat mereka, tidak membanyakkan bergaul dengan mereka, dan tidak suka mereka tetap berkuasa. Namun, para sahabat dan tabi'in mendoakan mereka, mengecam mereka, dan menentang segala kemungkaran mereka terhadap para sahabat dan tabi'in. Maka bahagian dari dunia yang mereka terima tidak ditakutkan akan membahayakan terhadap agama mereka dan mengambil pemberian itu tidak mengapa.

Sementara sekarang ini para penguasa merasa enggan memberikan sesuatu kecuali kepada orang yang diharapkan mahu berbakti dan membantu mereka dalam mewujudkan maksud-maksud mereka dan kepada orang-orang yang merasa bangga datang ke tempat-tempat mereka dan mahu mereka suruh untuk membiasakan

berdoa, memuji, mengatakan bersih dan menyanjung dengan pujian yang berlebih-lebihan kepada mereka, baik di hadapan mahupun di belakang mereka.

Oleh kerana itu seandainya orang yang mahu menerima pemberian itu, pertama-tama, tidak mahu menghinakan dirinya dengan meminta, kedua dengan bolak-balik melakukan suatu jasa, ketiga dengan pujian dan doa, keempat dengan pertolongan kepada si penguasa ketika dia diminta menolongnya, kelima dengan membanyakkan bergaul pada tempat dan rombongannya, keenam dengan melahirkan kecintaan, kepatuhan dan penentangan terhadap musuh-musuhnya, dan ketujuh dengan menutupi kezaliman, kekejian, dan keburukan segala amal perbuatannya, nescaya si penguasa itu tidak akan mengurniakan apa pun walau satu dirham sekalipun, meskipun orang itu memiliki kedudukan yang setingkat dengan asy-Syfai'i, misalnya.

Jadi pada masa kini tidak boleh mengambil dari mereka apa yang diketahui bahawa itu halal. Sebab, hal itu menghantarkan pada pengertian-pengertian tersebut. Maka boleh dibayangkan bagaimana halnya dengan apa yang diketahui bahawa harta itu haram atau diragukan? Oleh kerana itu barangsiapa yang memberanikan diri mengambil harta mereka dan menyerupakan dirinya dengan para sahabat dan tabi'in, sesungguhnya dia telah menganalogikan malaikat dengan tukang besi.

Sebab, mengambil harta para penguasa memerlukan pergaulan dengan mereka, menjaga, berkhidmat kepada para pegawai mereka, menanggung penghinaan dari mereka, memuji, dan pulangpergi datang ke pintu-pintu mereka. Semua itu adalah maksiat berdasarkan apa yang akan kami kemukakan pada bab yang berikut.

Jadi, telah jelas dari huraian pada pembahasan sebelumnya tentang sumber pemasukan harta mereka, apa yang halal dan apa yang tidak halal. Seandainya terbayang bahawa seseorang mengambil dari harta itu apa yang halal sekadar yang sesuai dengan haknya sementara dia tetap berada di rumahnya dan barang itu dihantarkan kepadanya, juga dia tidak memerlukan si pegawai dan jasanya, tidak memerlukan pujian dan pernyataan bersih mereka dari kesalahan dan tidak perlu memberi pertolongan kepada mereka, maka tidak haram mengambilnya. Namun, hal itu dimakruhkan kerana pengertian-pengertian yang akan kami peringatkan pada bab yang berikut ini.

2. Kadar dan sifat harta yang diambil

Jika seandainya harta itu merupakan sebahagian harta kepentingan umum, seperti empat perlima dari fa'i dan harta warisan, maka harta sisanya telah jelas siapa yang berhak atas harta itu, apakah berbentuk harta wakaf atau zakat atau seperlima fa'i atau seperlima harta rampasan perang (ghanimah) dan harta milik penguasa, baik berbentuk harta yang dihidupkannya mahupun yang dibelinya, maka si penguasa boleh memberikan apa yang dikehendakinya kepada orang yang dikehendakinya.

Yang harus diperhatikan ialah tentang harta yang pemiliknya hilang dan harta kepentingan umum. Maka harta-harta itu tidak boleh diserahkan kecuali kepada orang yang memiliki kaitan dengan kepentingan umum atau orang yang memerlukan barang itu kerana dia tidak mampu berusaha.

Sementara orang kaya tidak memiliki kaitan dengan kepentingan umum, maka dia tidak menerima harta Baitulmal. Inilah yang benar, walaupun para ulama berbeza pendapat tentang hal itu. Pada ucapan Umar r.a. yang telah dikemukakan sebelumnya ada yang menunjukkan bahawa setiap Muslim berhak terhadap harta Baitulmal, kerana dia Muslim yang berjasa terhadap Islam. Tetapi dalam pada itu, harta itu tidak dibahagikan kepada kaum Muslimin seluruhnya, tetapi hanya dibahagikan kepada orang-orang yang ditentukan dengan sifat-sifat tertentu.

Jika yang demikian itu telah jelas, maka setiap orang yang mengurus sesuatu pekerjaan yang erat kaitannya dengan kepentingan kaum Muslimin, dan mengerjakan sesuatu usaha namun dia tidak dapat melaksanakan pekerjaan tersebut, dia berhak mendapat dana yang mencukupi dari Baitulmal. Termasuk dalam kelompok tersebut ialah semua ulama, yakni para ahli di bidang ilmu-ilmu yang ada kaitannya dengan kepentingan agama, iaitu ilmu fikah, hadis, tafsir, dan qira'ah.

Juga, termasuk dalam kelompok ini ialah para guru (para pengajar ilmu-ilmu tersebut) dan orang-orang yang bertugas menyerukan azan. Para penuntut ilmu-ilmu tersebut juga termasuk ke dalamnya. Sebab, jika wang belanja mereka tidak mencukupi, nescaya mereka tidak mungkin belajar.

Termasuk juga dalam kelompok tersebut ialah pegawai, iaitu orang-orang yang pekerjaan mereka berkaitan dengan pelbagai kepentingan duniawi. Mereka antara lain, tentera yang digaji untuk menjaga kerajaan (negara) dengan pedang

dari serangan-serangan musuh, pemberontak, dan musuh-musuh Islam. Termasuk juga di dalamnya para juru tulis, penghitung harta negara, wakil pemerintah, dan semua orang yang diperlukan tenaganya untuk mengurus cukai. Yakni para pekerja pada seluruh harta yang halal, tidak pada harta yang haram. Sebab, harta tersebut untuk kepentingan umum.

Kepentingan itu ada kalanya berkenaan dengan agama atau dengan dunia. Ini kerana lantaran ulama dan agama terjaga. Sedangkan lantaran tentera, dunia terjaga. Agama dan pemerintahan adalah dua anak kembar, tidak mencukupi yang satu tanpa yang lain. Sementara doktor, walaupun ilmu pengetahuannya tidak berkaitan dengan urusan agama, namun kesihatan badan erat kaitannya dengan agama.

Oleh kerana itu, boleh baginya dan orang yang memiliki pekerjaan yang serupa dengan pekerjaan dokter dalam lapangan ilmu pengetahuan yang diperlukan demi kepentingan tubuh atau kepentingan negeri; mengambil pemberian dari harta-harta tersebut agar mereka dapat membaktikan dirinya untuk pengubatan kaum Muslimin. Yakni orang-orang yang mereka ubati tanpa bayaran. Tidak disyaratkan bahawa dalam keadaan memerlukan, namun mereka boleh diberi sekalipun mereka kaya.

Kadar harta yang diberikan pun tidak ditentukan, tetapi terserah pada pertimbangan penguasa. Dia boleh meluaskan, melipatgandakan, dan boleh mencukupkan sekadar mencukupi sesuai dengan yang dikehendaki oleh keadaan dan kemampuan harta. Al-Hasan r.a. telah mengambil dari Mu'awiyah sekaligus sebanyak empat ratus ribu dirham. Sedangkan Umar r.a. memberikan untuk suatu kelompok sebanyak dua belas ribu dirham selama setahun. Pemberian Umar r.a. tersebut dibenarkan oleh Aisyah r.a. Sementara untuk kelompok lain Umar r.a. memberikan sepuluh ribu dan untuk kelompok yang lain lagi sebanyak enam ribu. Begitulah seterusnya.

Itu adalah harta mereka, maka harta itu pun diagihkan kepada mereka. Sehingga tidak tinggal sedikit pun daripadanya. Kerananya jika ditentukan kepada salah seorang di antara mereka dengan harta banyak, hal itu tidak mengapa.

Begitu juga penguasa boleh menentukan harta itu sebagai pemberian dan anugerah untuk orangorang tertentu. Yang demikian itu telah dilakukan oleh generasi terdahulu (salaf). Namun, semestinya kepentingan umum lebih diutamakan. Manakala suatu pemberian ditentukan bagi seorang ulama atau seorang pemberani,

tentu yang demikian itu menggerakkan dan membangkitkan semangat orang lain untuk berkarya (berbakti) dan menyerupakan diri dengan orang itu.

Oleh kerana itulah kemanfaatan pemberian, anugerah, dan pelbagai macam penentuan yang lain tergantung pada pertimbangan penguasa. Sesungguhnya tinjuan tentang para penguasa yang zalim berkaitan dengan dua hal:

Pertama. Penguasa yang zalim itu dicegah dari memerintah. Baik berhenti atas kehendak sendiri mahupun harus diberhentikan. Sebab, bagaimanakah sesuatu boleh diambil daripadanya, sedangkan dia sebenarnya bukan penguasa?

Kedua. Harta penguasa itu tidak dibagi rata kepada semua orang yang berhak. Sebab bagaimanakah dibolehkan bagi setiap orang mengambilnya? Apakah mereka boleh mengambil sekadar bahagian mereka? Atau mereka tidak dibolehkan mengambilnya sama sekali? Atau setiap orang dibolehkan mengambil apa yang diberikan?

Yang pertama, menurut pendapat kami, tidak dilarang mengambil hak. Sebab, penguasa yang melakukan tindakan aniaya yang jahil, manakala dia ditopang oleh kekuasaan dan susah menjatuhkannya, sementara menggantinya boleh menimbulkan kekacauan besar yang susah dikendalikan, maka wajib mematuhi para penguasa. Ini kerana ada perintah Nabi s.a.w. yang memerintahkan taat kepada para penguasa dan melarang menarik tangan dari menolong mereka dengan beberapa perintah dan peringatan.

Oleh kerana itu, menurut pendapat kami, kekhalifahan yang dipegang oleh Bani Abbas r.a. adalah sah dan pemerintahan itu berlaku atas para penguasa di segala penjuru negeri dan orang-orang yang melakukan sumpah setia (bai'at) kepada khalifah.

Tentang hal itu telah kami kemukakan di dalam kitab Al-Mustazhhari yang dikutip dari Kitab *Kasyf al-Asraar wa Hatkul Astaar,* karya al-Qadhi Abu at-Tayyib, untuk menolak pelbagai aliran Rafidhah tentang apa yang menunjukkan pada kemaslahatan padanya.

Ringkasnya, kita harus menjaga sifat dan syarat-syarat tentang para penguasa kerana memperhatikan adanya kemaslahatan yang semakin meningkat. Jika kita putuskan dengan batalnya segala pemerintahan wilayah yang ada sekarang ini, maka dengan sendirinya batallah seluruh kemaslahatan itu. Maka, bagaimanakah modal

dibiarkan hilang untuk boleh meraih keuntungan? Namun, wilayah itu sekarang ini tidak diikuti kecuali oleh kekuasaan. Maka barangsiapa yang menerima bai'at dari yang mempunyai kekuasaan, maka dia adalah khalifah.

Sedangkan barangsiapa yang bertangan besi dengan kekuasaannya dan dia taat kepada khalifah pada pokok pidato jawatannya dan jalan lurus yang ditempuhnya, maka dia adalah penguasa yang hukum dan ketetapannya berlaku pada seluruh penjuru negeri, sebagai wilayah yang seluruh hukum ketetapannya berlaku. Landasan tentang hal ini telah kami terangkan pada pembahasan sebelumnya, tentang hukum kekuasaan di dalam Kitab *al-Iqtishaad fi al-I'tiqaad*. Oleh kerana itu, tidak perlu lagi untuk kami huraikan secara terinci.

Tentang kesulitan lain, iaitu jika penguasa tidak membahagi rata pemberian tersebut kepada semua orang yang berhak, maka bolehkah bagi seseorang mengambil daripadanya? Ini termasuk perkara yang diperselisihkan di antara para ulama menjadi empat peringkat. Sebahagian di antara mereka bersangatan benar dan mengatakan: "Semua apa yang diambil penguasa, maka semua kaum Muslimin memiliki hak bersama padanya. Dan penguasa itu tidak mengetahui bahagiannya dari barang itu walau satu daniq (seperenam dirham) atau sebiji. Maka hendaknya dia meninggalkan semuanya.

F. Hukum menghormati dan mematuhi penguasa yang zalim

Pada bab ini akan dibincangkan tentang halal dan haramnya mengunjungi penguasa yang nyata-nyata bersikap zalim dalam memimpin. Ada tiga keadaan berkenaan dengan mengunjungi penguasa yang zalim. Pertama, pengaruh buruk dari mengunjungi mereka. Kedua, cara masuk ke tempat mereka. Dan, ketiga, menjauhkan diri dari mereka.

Keadaan pertama: Berkunjung kepada para penguasa zalim dan orang-orang yang berada di sekitarnya (maksudnya, bawahan dan para pegawainya) adalah tercela menurut ketentuan syariat. Banyak sekali celaan terhadap perbuatan semacam ini yang diberikan oleh para ulama dan wali Allah SWT sebagaimana diterangkan dalam hadis dan athar.

Berikut ini kami nukilkan agar anda mengetahui celaan agama itu. Kemudian akan kami huraikan apa yang diharamkan, apa yang dibolehkan, dan apa yang dimakruhkan daripadanya menurut ketetapan fatwa di dalam ilmu zahir.

Tentang dalil dari hadis, antara lain, ialah ketika Rasulullah s.a.w. mengemukakan sifat para penguasa yang zalim, beliau bersabda: "*Barangsiapa yang menjaga diri dari mereka, maka akan selamatlah dia. Dan barangsiapa yang memisahkan diri dari mereka, maka telah dekatlah dia kepada keselamatan. Serta barangsiapa yang terperosok bersama mereka dalam tindak kezaliman, maka dia termasuk dalam golongan mereka.*"[64]

Yang demikian itu kerana orang yang mengasingkan diri dari para penguasa nescaya dia selamat dari dosa mereka. Namun, dia tidak selamat dari azab yang menimpa mereka, jika dia bergaul bersama mereka dengan meninggalkan tindakan mencampakkan dan menjauhi mereka.

Nabi s.a.w. bersabda:

سَيَكُونُ مِنْ بَعْدِي أُمَرَاءُ يَكْذِبُونَ وَيَظْلِمُونَ، فَمَنْ صَدَّقَهُمْ بِكَذِبِهِمْ وَأَعَانَهُمْ عَلَىٰ ظُلْمِهِمْ لَيْسَ مِنِّي وَلَسْتُ مِنْهُ وَلَمْ يَرِدْ عَلَيَّ الْحَوْضَ

"Akan datang masa setelah aku, dimana kamu akan diperintah oleh para penguasa yang pendusta dan bersikap zalim kepada rakyat. Barangsiapa yang membenarkan kedustaan mereka, atau membantu kezaliman yang mereka lakukan, maka dia bukan termasuk pengikutku, dan juga aku bukan bahagian daripadanya. Serta dia tidak akan diberi minuman dari telagaku di akhirat kelak (al-Kauthar)."[65]

Abu Hurairah r.a. meriwayatkan bahawa Nabi s.a.w. bersabda: "Para ahli qira'at (ahli membaca Al-Quran) yang sangat dimarahi Allah SWT ialah mereka yang mengunjungi para penguasa." Sedangkan di dalam sebuah hadis lain dikemukakan: "Penguasa yang baik ialah yang datang kepada para ulama dan ulama yang buruk ialah yang datang kepada penguasa."

Sementara di dalam sebuah hadis lain dikemukakan: "Para ulama adalah pemegang amanah para rasul terhadap para hamba Allah, selama mereka tidak bergaul rapat dengan penguasa. Maka jika mereka berbuat demikian, sesungguhnya

[64] Diriwayatkan oleh at-Tabrani dari Ibnu Abbas dengan sanad dhaif.

[65] Diriwayatkan oleh an-Nasai, Tirmizi, dan al-Hakim dari Ka'ab bin Ujrah. Menurut Tirmizi, hadis ini shahih.

mereka telah berkhianat kepada para rasul. Maka, waspadalah terhadap mereka dan jauhkanlah diri kamu daripadanya." Hadis ini diriwayatkan oleh Anas r.a.

Sementara dalil dari athar, antara lain, ialah penuturan Hudzaifah: "Jauhilah tempat-tempat fitnah." Lalu orang bertanya: "Yang manakah tempat-tempat fitnah itu?" Hudzaifah menjawab: "Pintu-pintu para penguasa yang dimasuki oleh salah seorang di antara kamu, lalu dia membenarkannya dengan kedustaan dan mengatakan apa yang tidak ada tentang penguasa itu."

Abu Dzar mengatakan kepada Salmah: "Wahai Salmah! Janganlah engkau mendatangi pintu-pintu para penguasa. Sebab, engkau tidak akan dapat memperoleh sedikit pun terhadap dunia mereka. Sebaliknya mereka akan membahayakan agamamu yang lebih utama daripadanya."

Sufyan berkata: "Di dalam neraka Jahanam ada sebuah lembah yang tidak ditempati kecuali oleh para ahli qira'at yang mengunjungi para penguasa."

Al-Auza'i berkata: "Tiada sesuatu yang lebih dimarahi Allah selain orang alim yang mengunjungi pegawai (yang bekerja) pada penguasa."

Dan Samnun berkata: "Betapa keji seorang ulama yang didatangi tempatnya, ternyata dia tidak berada di tempat. Ketika ditanyakan (di mana dia berada), maka orang menjawab: "Dia sedang menemui seorang penguasa."

Saya mendengar ada orang yang mengatakan: "Jika kamu melihat ulama yang mencintai dunia, maka curigailah agamanya." Yang demikian itu pun saya cuba. Maka setiap kali saya masuk ke tempat penguasa, saya selalu melakukan introspeksi terhadap diri saya setelah keluar, lalu saya melihat pada diri saya bekas perbuatan yang saya lihat pada mereka, seperti kekerasan dan pertentangan dengan hawa nafsu mereka.

Ubadah bin ash-Shamit berkata: "Kecintaan ahli qira'at yang kuat beribadat kepada para penguasa adalah sikap munafik dan kecintaannya kepada orang-orang kaya adalah sikap ingin menonjolkan diri."

Abu Dzar berkata: "Barangsiapa yang membanyakkan harta sekelompok orang, maka dia termasuk sebahagian di antara mereka." Maksudnya barangsiapa yang membanyakkan harta orang-orang yang melakukan tindakan aniaya.

Ibnu Mas'ud berkata: "Jika seseorang memasuki tempat penguasa dengan membawa serta agamanya, maka ketika dia keluar tiada lagi baginya agamanya." Lalu orang pun bertanya kepadanya: "Mengapa demikian?" Ibnu Mas'ud menjawab: "Kerana dia akan mencari kerelaan si penguasa dengan kemarahan Allah."

Suatu ketika Umar bin Abdul Aziz mempekerjakan seorang lelaki. Lalu orang mengatakan kepadanya bahawa lelaki itu pernah bekerja untuk al-Hajjaj. Maka Umar bin Abdul Aziz pun memberhentikan lelaki itu. Lelaki itu berkata: "Saya bekerja untuk al-Hajjaj hanya singkat sekali." Umar bin Abdul Aziz berkata: "Cukuplah bagimu menyertaimu sehari atau setengah hari bersama dengan keburukan dan kejahatannya."

Al-Fudhail berkata: "Semakin dekat seseorang dengan seorang penguasa, maka dia semakin jauh dari Allah."

Sa'id bin al-Musayyab, yang berniaga minyak mengatakan: "Sesungguhnya dengan minyak ini aku memperoleh kecukupan dari tidak mendekati para penguasa."

Wuhaib berkata: "Mereka yang masuk ke tempat para penguasa lebih menimbulkan kesan buruk terhadap umat daripada orang-orang yang bermain judi."

Muhammad bin Salmah berkata: "Lalat di atas kotoran lebih baik daripada ahli qira'at pada pintu mereka (para penguasa)."

Ketika az-Zuhri bergaul dengan penguasa, lalu salah seorang saudaranya seagama menulis surat kepadanya: "Semoga Allah melimpahkan kesihatan dan kecergasan kepada kita. Jagalah dirimu dari fitnah, wahai Abu Bakar (panggilan az-Zuhri)! Engkau telah menjadi dalam keadaan yang semestinya bagi orang yang mengenal engkau untuk berdoa kepada Allah semoga Dia melimpahkan rahmat-Nya kepadamu, seorang tokoh besar yang telah banyak menerima nikmat Allah. Sebab, Allah telah memberimu kurnia dalam memahami KitabNya dan mengajari engkau sunnah Nabi-Nya, Muhammad s.a.w. Bukanlah demikian? Allah telah mengambil ikatan perjanjian dengan para ulama. Allah SWT berfirman:

لَتُبَيِّنُنَّهُۥ لِلنَّاسِ وَلَا تَكۡتُمُونَهُۥ

"*Demi sesungguhnya, hendaklah kamu menerangkan isi Kitab itu kepada umat manusia, dan jangan sekali-kali kamu menyembunyikannya.*" (Ali Imran: 187)

Ketahuilah bahawa yang termudah dari apa yang telah engkau lakukan dan yang paling ringan dari yang telah engkau tanggung ialah engkau telah bergaul akrab dengan kekejaman orang yang melakukan tindakan zalim dan engkau telah memudahkan jalan kederhakaan dengan mendekati orang yang tidak menunaikan perkara yang benar dan tidak meninggalkan yang menyimpang ketika dia mendekatimu.

Mereka membuat engkau menjadi pusat kisaran roda kezaliman mereka. Juga, engkau dijadikannya sebagai jambatan yang mereka lalui menuju bencana yang mereka timbulkan, dan tangga yang mereka naiki menuju kesesatan. Kerana engkaulah, mereka memasukkan keraguan kepada para ulama dan mereka patuhkan dengan engkau hati orang-orang bodoh.

Maka betapa mudah apa yang mereka bangun untukmu dibanding apa yang mereka bebankan ke atas bahumu. Alangkah banyaknya yang mereka ambil darimu dibanding apa yang mereka rosakkan dari agamamu. Betapa tidak amannya engkau menjadi sebahagian dari orang yang difirmankan oleh Allah SWT tentang mereka:

فَخَلَفَ مِنۢ بَعۡدِهِمۡ خَلۡفٌ أَضَاعُواْ ٱلصَّلَوٰةَ وَٱتَّبَعُواْ ٱلشَّهَوَٰتِ

"*Kemudian mereka digantikan oleh keturunan-keturunan yang mencuaikan solat serta menurut hawa nafsu.*"

(Maryam: 59)

Sesungguhnya engkau bergaul dengan orang yang tidak bodoh dan menjauhkan engkau dari orang yang tidak lalai. Maka ubatilah agamamu yang telah terkena penyakit. Juga, siapkanlah perbekalanmu. Sebab, telah tiba saatnya engkau melakukan perjalanan jauh.

وَمَا يَخۡفَىٰ عَلَى ٱللَّهِ مِن شَيۡءٖ فِي ٱلۡأَرۡضِ وَلَا فِي ٱلسَّمَآءِ ﴿٣٨﴾

"*Dan tiada sesuatu pun di langit dan di bumi, yang tersembunyi bagi Allah.*"

(Ibrahim: 38)

Semua hadis dan athar tadi menunjukkan, bahawa bergaul dan berhubungan dekat dengan penguasa zalim akan mengakibatkan munculnya fitnah, kemunafikan sikap, dan pelbagai kerosakan akhlak lainnya. Orang yang masuk ke dalam lingkungan penguasa dan orang-orang yang zalim, maka sama sahaja dengan mengundang pelbagai kemaksiatan serta dosa untuk mendekatinya. Hingga segala

niat, ucapan, dan perbuatannya akan mengarah kepada sikap derhaka kepada Allah SWT.

Bergaulnya seseorang dengan penguasa yang zalim seringkali nampak dari sisi sikapnya. Seperti, membungkukkan tubuh, menundukkan kepala, mencium tangan, bermanis-manis muka, dan beramahtamah. Yang kesemua itu dilakukannya untuk berkhidmat dan menghormati para penguasa yang zalim. Dan, semua perbuatan berkhidmat kepada para penguasa yang zalim itu merupakan tindak kemaksiatan yang mengandungi unsur dosa.

Tentang perbuatan, maka memasuki tempat para penguasa dalam banyak hal adalah memasuki rumah-rumah hasil rampasan. Melangkahkan kaki dan memasuki rumah-rumah yang demikian itu, tanpa seizin pemiliknya adalah haram. Janganlah engkau terpedaya oleh pandangan orang yang mengatakan bahawa hal seperti itu termasuk sebahagian dari apa yang dimaafkan manusia, seperti halnya mengambil sebiji buah kurma atau beberapa potong roti.

Sesungguhnya yang demikian itu benar terhadap yang bukan barang yang dirampas, sedangkan pada barang yang dirampas tidaklah demikian. Sebab, jika dikatakan bahawa setiap duduk sejenak tidak mengurangi hak milik, maka yang demikian itu merupakan perkara yang dimaafkan. Begitu juga singgah sebentar. Maka berlakulah hal itu pada setiap orang dan kumpulan orang. Perompakan sendiri hanya sempurna dengan perbuatan sekumpulan orang dan dimaafkan jika dilakukan hanya oleh seseorang sendirian. Ini kerana jika hal itu diketahui oleh pemiliknya, terkadang dia tidak merasa benci kepada orang yang mengambil hak miliknya.

Jika yang demikian itu menjadi jalan untuk meniadakan kebersamaan, maka hukum pengharaman itu tertarik atas semua orang. Maka tidak boleh mengambil milik seseorang menjadi jalan, kerana berpegang pada pandangan bahawa setiap orang yang lalu sesungguhnya mengayunkan langkah yang tidak mengurangi hak milik. Ini kerana kumpulan oranglah yang menghilangkan hak milik.

Hal itu, seperti pukulan yang ringan pada pengajaran, dibolehkan, tetapi dengan syarat sendirian. Maka jika sekelompok orang memukul yang mengakibatkan kematian seseorang, maka hukum kisas wajib dijatuhkan ke atas mereka semua. Sedangkan masing-masing dari pukulan itu, jika sendiri-sendiri, nescaya tidak mewajibkan kisas.

Jika diumpamakan bahawa orang yang melakukan tindakan aniaya itu berada pada tempat yang bukan hasil rompakan, seperti pada tanah yang tidak bertuan, maka berada di bawah khemah atau payung dari harta orang yang melakukan tindakan aniaya tersebut merupakan perkara yang haram. Masuk ke dalamnya juga tidak dibolehkan. Sebab, yang demikian itu mengambil manfaat dengan perkara yang haram dan bernaung di bawah perkara yang haram. Jika diumpamakan semua itu halal, maka bukan merupakan perbuatan maksiat dengan masuk ke dalamnya dari segi memasukinya.

Mengucapkan salam di tempat itu juga bukan merupakan perbuatan maksiat. Namun, jika seseorang melakukan sujud atau rukuk atau dia berdiri tegak dalam mengucapkan salamnya dan pelayanannya, maka hal itu bererti dia memuliakan orang yang melakukan tindakan aniaya kerana pemerintahannya menjadi jalan (sebab) kezalimannya.

Merendahkan diri kepada orang yang melakukan tindakan aniaya juga merupakan perbuatan maksiat. Sedangkan orang yang duduk merendahkan diri kepada orang kaya, yang tidak melakukan tindakan aniaya kerana kekayaannya, tidak kerana sebab lain yang menghendaki merendahkan diri, maka hal itu mengurangi dua pertiga agamanya. Maka bagaimana halnya jika dia tunduk merendahkan diri kepada orang yang melakukan tindakan aniaya. Oleh kerana itu, tidak dibolehkan selain dari mengucapkan salam sahaja.

Sementara mencium tangan dan membungkuk dalam melayani, hal itu juga merupakan perbuatan maksiat. Kecuali ketika takut atau hal itu dilakukan terhadap penguasa yang adil, ulama, atau orang yang berhak menerima perlakuan demikian kerana faktor keagamaan.

Suatu hari Abu Ubaidah bin al-Jarrah r.a. mencium tangan Ali r.a. ketika bertemu dengannya di Syam. Ali r.a. tidak membantahnya. Sebahagian dari generasi terdahulu bersikap keras sampai tidak mahu menjawab salam orang-orang yang melakukan tindakan aniaya dan memalingkan muka dari mereka untuk melecehkan mereka. Mereka memandang yang demikian itu sebagai bahagian dari pendekatan diri yang terbaik kepada Allah SWT.

Sementara berdiam diri dari menjawab salam, maka tentang hal ini perlu diperhatikan. Sebab, menjawab salam adalah wajib. Maka kewajipan tersebut tidak gugur kerana kezaliman. Jika orang yang masuk ke tempat orang yang melakukan

tindakan aniaya tersebut meninggalkan semua hal itu dan membatasi diri pada salam sahaja, maka dia tidak terlepas dari duduk pada tempat duduk mereka. Jika kebanyakan harta orang yang melakukan tindakan aniaya itu haram, maka tidak boleh duduk pada tempat duduk mereka. Ini, dari segi perbuatan.

Tentang diam, maka orang yang masuk itu akan melihat pada tempat duduk hamparan sutera, bejana perak, dan kain sutera yang dipakai oleh mereka dan para hamba mereka. Semua itu berasal dari barang-barang yang haram. Padahal, setiap orang yang melihat kejahatan dan berdiam diri terhadap kejahatan itu, maka dia bersekutu pada kejahatan tersebut. Bahkan, dia akan mendengar dari percakapan mereka sesuatu yang keji, dusta, makian, dan perkara yang menyakitkan.

Berdiam diri dari semua itu haram. Bahkan, dia akan melihat mereka memakai kain haram, memakan makanan haram, dan segala apa yang dalam tangan mereka pun haram. Berdiam diri terhadap yang demikian itu tidak boleh. Maka wajib atas orang yang masuk itu mengajak kepada kebajikan dan melarang dari perkara yang munkar dengan lisannya, jika dia tidak mampu maka dia harus melakukannya dengan perbuatannya.

Jika engkau mengatakan bahawa dia takut terhadap dirinya, maka dia dimaafkan dengan berdiam diri. Memang, hal itu benar. Namun, dia tidak perlu datang untuk mengerjakan apa yang tidak dibolehkan, kecuali jika ada halangan.

Sesungguhnya jika dia tidak masuk dan tidak menyaksikan kemungkaran-kemungkaran itu, nescaya kewajipan itu tidak ada. Sehingga gugurlah kewajipan itu kerana halangan tersebut. Tentang hal ini saya berpendapat bahawa barangsiapa yang mengetahui suatu kerosakan pada suatu tempat dan dia mengetahui bahawa dia tidak mampu menghilangkannya, maka dia tidak boleh datang ke tempat tersebut sehingga perbuatan itu terjadi di hadapannya dan dia menyaksikannya.

Tentang ucapan, antara lain, ialah mendoakan orang yang melakukan tindakan aniaya, atau memujinya, atau membenarkan kebatilan yang dikatakannya dengan perkataannya secara jelas, atau dengan menganggukkan kepalanya, atau dengan kegembiraan yang terlihat pada wajahnya. Atau dia menampakkan kasih-sayang, ketundukan dan rindu untuk menemuinya, dan mengharap agar usia dan kedudukan orang yang melakukan tindakan aniaya itu panjang dan kekal. Sebab, yang demikian itu biasanya tidak terbatas sekadar memberi salam sahaja, tetapi juga berbincang-bincang dan perbincangannya tidak lebih dari semua itu.

Sementara mendoakan orang yang melakukan tindakan aniaya tidak diperkenankan kecuali dengan mengucapkan "Semoga Allah meluruskan engkau, atau semoga Allah memberimu petunjuk pada kebaikan, atau semoga Allah tetap memelihara engkau dalam meniti kebaikan, atau semoga Allah memanjangkan usia engkau dalam mematuhi-Nya." Atau dengan doa yang semisalnya.

Sedangkan doa seperti penjagaan dari Allah, lanjut usia, dan limpahan nikmat, dan dengan sebutan panutan dan yang searti dengan itu, maka hal itu tidak boleh. Nabi s.a.w. bersabda: "*Barangsiapa yang mendoakan orang yang melakukan tindakan aniaya semoga orang itu tetap bertahan, sesungguhnya dia menyukai orang itu berbuat maksiat kepada Allah di bumi-Nya.*"[66]

Jika doa itu mengandungi pula pujian, lalu dia menyebutkan apa yang tiada pada orang yang dipujinya, maka dia berbohong, bersikap munafik, dan memuliakan orang yang melakukan tindakan aniaya. Ini merupakan tiga perbuatan maksiat. Nabi s.a.w. bersabda: "*Sesungguhnya Allah marah jika orang fasik dipuji.*"[67] Dan di dalam hadis lain dikemukakan: "*Barangsiapa yang memuliakan orang fasik, sesungguhnya dia menolong meruntuhkan Islam.*"[68]

Jika yang demikian itu berkembang menjadi membenarkan apa yang dikatakannya, memandangnya bersih, dan memuji apa yang dikerjakannya, maka dia melakukan perbuatan maksiat dengan membenarkan dan memberi pertolongan kepada orang yang melakukan tindakan aniaya itu. Sebab, memandang bersih dan memuji tersebut merupakan sokongan terhadap kemaksiatan dan menggerakkan untuk gemar melakukan yang demikian itu.

Ini seperti halnya mendustakan, mencela, dan mengejikan, hal itu adalah menghardik dari perbuatan itu dan melemahkan faktor-faktor yang menghantarkan kepadanya. Menolong perbuatan maksiat sama sahaja dengan melakukan perbuatan maksiat, walaupun hanya dengan sepatah kata.

Suatu hari Sufyan ath-Thauri rahimahullah ditanya orang tentang orang yang melakukan tindakan aniaya, yang hampir binasa di padang sahara, apakah orang itu boleh diberi air minum? Dia menjawab: "Biarkan sahaja sampai dia mati, kerana

[66] Hadis ini telah disebutkan pada pembahasan sebelumnya.

[67] Hadis ini telah disebutkan pada pembahasan sebelumnya.

[68] Hadis ini telah disebutkan pada pembahasan sebelumnya.

yang demikian itu bererti memberikan pertolongan kepadanya."

Ulama lain berkata: "Hendaknya dia diberi minum, sampai jiwanya kembali. Kemudian, hendaknya dia ditinggalkan."

Jika yang demikian sampai menimbulkan kasih-sayang, rindu untuk menemuinya, dan berharap agar orang yang melakukan tindakan aniaya itu berusia panjang, maka dia berbohong dan melakukan perbuatan yang sama dengan perbuatan maksiat pembohongan dan kemunafikan.

Sedangkan jika dia benar, maka dia melakukan perbuatan maksiat kerana dia senang terhadap orang yang melakukan tindakan aniaya itu tetap bertahan. Padahal, sebenarnya dia harus memarahinya dan melaknatnya demi Allah. Sebab, memarahi orang kerana Allah adalah wajib, sedangkan mencintai dan menyambut perbuatan maksiat sama halnya dengan orang yang melakukan perbuatan maksiat.

Barangsiapa yang mencintai orang yang melakukan tindakan aniaya, jika dia mencintai orang tersebut kerana kezalimannya, maka dia melakukan perbuatan maksiat kerana kecintaannya. Dan jika dia mencintai orang tersebut kerana sebab lain, maka dia melakukan perbuatan maksiat dari segi bahawa dia tidak memarahinya, padahal dia wajib memarahinya.

Jika pada diri seseorang ada kebajikan dan kejahatan yang berpadu, nescaya dia wajib dikasihi kerana kebajikannya dan dimarahi kerana kejahatannya. Di dalam Kitab tentang Persaudaraan dan Orang-orang yang Saling Mengasihi di Jalan Allah akan dihuraikan cara memadukan antara kemarahan dan kasih-sayang. Maka jika dia selamat dari semua hal itu - tetapi betapa jauh yang demikian itu - maka dia tidak selamat dari kerosakan yang merebak ke dalam hatinya. Sebab, dia memandang meluasnya yang demikian itu sebagai kenikmatan dan memandang ringan segala nikmat Allah kepadanya serta memperkuat larangan Rasulullah s.a.w. yang bersabda: "Wahai kaum Muhajirin, janganlah kamu masuk ke (tempat) orang-orang yang sibuk dengan urusan duniawi. Sebab, dunia menimbulkan kemarahan terhadap rezeki."

Yang demikian itu masih disertai dengan tindakan orang lain yang mengikutinya dalam memasuki tempat orang yang melakukan tindakan zalim, dan memperbanyak harta orang-orang yang melakukan tindakan zalim dengan dirinya sendiri, serta memandang baik orang-orang yang melakukan tindakan zalim itu. Jika dia termasuk orang yang memandang baik terhadap hal itu, maka yang demikian itu

ada kalanya termasuk perkara yang makruh atau dilarang.

Suatu hari Sa'id bin al-Musayyab diajak untuk melakukan bai'at kepada Walid dan Sulaiman, keduanya adalah putera Abdul Malik bin Marwan. Sa'id menjawab: "Saya tidak akan melakukan bai'at kepada dua orang, selama masih berganti siang dan malam. Ini kerana Nabi s.a.w. melarang dua bai'at. Saya masuk dari pintu yang satu dan keluar dari pintu yang lain." Maka dia berkata dengan tegas: "Tidak! Demi Allah! Tidak seorang pun dari manusia yang mengikuti saya." Maka dia diseksa dengan pukulan seratus kali pukul dan diberi pakaian yang menghapuskan bekas pukulan itu.

Tidak dibolehkan masuk ke rumah orang-orang yang melakukan tindakan zalim kecuali kerana dua perkara yang membolehkan:

Pertama: Ada perintah yang mengharuskan dari mereka, bukan perintah memuliakan. Dan dia tahu bahawa jika dia tidak mahu, nescaya dia akan diseksa, atau kepatuhan rakyat kepada mereka akan rosak serta suasana politik terhadap mereka berguncang. Yang demikian itu membuat wajib memenuhi perintah itu, bukan mematuhi mereka, namun untuk menjaga kepentingan rakyat agar pemerintah tidak menjadi kacau-bilau.

Kedua: Memasuki tempat mereka kerana menolak kezaliman kepada orang Muslim yang lain atau pada dirinya sendiri. Ada kalanya dengan jalan berbuat kebaikan atau dengan jalan bersabar terhadap kezaliman. Yang demikian itu merupakan suatu kelapangan. Ini dengan syarat bahawa dia tidak berbohong, tidak memuji, dan tidak memberikan nasihat yang mereka harapkan.

Keadaan kedua: Apabila penguasa zalim yang berkunjung, maka menjawab salam serta berdiri kerana menghargai jawatannya dibolehkan atau tidak diharamkan; sebagai balasan atas kunjungannya itu. Maka dengan memuliakan ilmu dan agama seseorang berhak untuk mendapat pujian. Seperti halnya dengan kezaliman berhak untuk dijauhkan. Tindakan memuliakan hendaknya dibalas dengan memuliakan, dan salam dijawab dengan salam.

Namun, yang lebih utama ialah dia tidak berdiri jika dia bersama penguasa yang datang itu berada pada suatu tempat yang sepi. Ini agar dengan yang demikian itu nampak kemegahan agama dan kehinaan kezaliman dan melahirkan kemarahannya kerana agama. Dan dengan berpaling dari orang yang berpaling dari jalan Allah, maka Allah SWT pun berpaling dari orang itu.

Jika penguasa yang datang kepadanya ketika dia berada di tengah-tengah kerumunan orang, maka penting menjaga perasaan malu orang-orang yang mempunyai wilayah di antara rakyat banyak. Maka tidak mengapa berdiri berdasarkan niat tersebut. Sedangkan jika dia mengetahui bahawa yang demikian itu tidak menimbulkan kerosakan terhadap rakyat dan tidak memperoleh seksaan dari kemarahannya, maka meninggalkan pemuliaan dengan berdiri lebih utama.

Kemudian, setelah terjadi pertemuan itu, dia wajib menasihatinya. Jika penguasa itu melakukan perkara yang tidak diketahuinya haram dan akan meninggalkannya jika mengetahui hal tersebut, maka hendaknya dia memberitahukan yang demikian itu kepadanya. Yang demikian itu wajib.

Adapun menyebutkan haramnya apa yang telah diketahuinya haram tentang tindakan berlebihan dan kezaliman, maka tidak ada faedah padanya. Namun dia harus menakut-nakuti penguasa itu tentang segala maksiat yang dilakukannya, manakala berat dugaannya bahawa tindakan menakut-nakuti itu mempunyai kesan kepadanya.

Juga, dia harus menunjukkan kepadanya jalan kemaslahatan, jika dia mengetahui jalan yang seiring dengan agama, di mana maksud dari orang yang zalim itu terwujud tanpa maksiat, untuk mencegahnya dari kezaliman. Jadi, dia wajib memberitahu kepadanya tentang tempat kebodohannya dan menakut-nakutinya tentang tindakan yang dilakukannya dan menunjukkan hal-hal kezaliman yang dilalaikannya.

Inilah tiga perkara yang harus dilakukannya, jika dia berharap agar kata-katanya memiliki kesan. Juga yang demikian itu merupakan keharusan atas setiap orang yang kebetulan masuk ke tempat penguasa dengan suatu alasan yang membolehkan atau tidak.

Diriwayatkan dari Muhammad bin Shalih bahawa dia mengatakan: "Suatu hari saya berada di rumah Hammad bin Salmah. Kebetulan dalam rumah itu tidak ada apa-apa selain sehelai tikar. Dia duduk di atasnya dengan memegang sebuah mushhaf yang sedang dibacanya, sebuah bungkusan tempat dia menyimpan ilmunya, dan sebuah tempat bersuci di mana dia mengambil wuduk daripadanya. Ketika saya berada di rumah itu, tiba-tiba ada orang yang mengetuk pintu di luar, iaitu Muhammad bin Sulaiman. Lalu dia pun diizinkan masuk. Maka dia masuk dan duduk di hadapan Hammad bin Salmah. Kemudian Muhammad bin Sulaiman berkata kepada Hammad bin Salmah: "Mengapakah jika saya melihat anda, saya

merasa sangat ketakutan kepada anda?"

Hammad menjawab: "Kerana Nabi s.a.w. bersabda: Sesungguhnya jika orang yang berilmu menghendaki wajah Allah dengan ilmunya, nescaya segala sesuatu takut kepadanya. Sedangkan jika dia menghendaki akan memenuhi gudang dengan ilmunya itu, nescaya dia takut terhadap segala sesuatu."

Kemudian Hammad memberikan kepada Muhammad bin Sulaiman wang sebanyak empat puluh ribu dirham seraya berkata: "Ambillah wang ini dan engkau akan memperoleh pertolongan dengannya."

Muhammad bin Sulaiman berkata: "Wang ini akan saya kembalikan kepada orang yang engkau aniaya dengan wang ini." Hammad pun berkata: "Demi Allah, tidak saya berikan kepada engkau selain dari apa yang saya pusakai." Muhammad bin Sulaiman berkata: "Saya tidak memerlukan wang ini." Hammad bin Salmah pun berkata: "Ambillah wang ini dan bagi-bagikanlah."

Kemudian Muhammad bin Sulaiman berkata: "Seandainya saya adil dalam mengagihkannya, maka saya takut dikatakan oleh sebahagian orang yang tidak memperoleh daripadanya: "Dia tidak adil dalam mengagihkannya." Maka berdosalah orang itu, sementara orang-orang lain memperoleh wang itu dariku."

Keadaan ketiga: Dia mengasingkan diri dari para penguasa, sehingga dia tidak melihat mereka dan mereka tidak melihatnya. Yang demikian itu wajib kerana tiada keselamatan selain pada yang demikian itu. Maka dia harus berkeyakinan akan kemarahan orang ramai atas kezaliman mereka dan tidak menyukai kekekalan mereka, tidak memuji mereka, tidak menanyakan berita tentang keadaan mereka, tidak berhubungan dengan orang-orang yang dekat dengan mereka, dan tidak merasa sedih kerana berpisah dengan mereka. Yang demikian itu jika keadaan mereka tergerak di hatinya. Sedangkan jika dia melupakan mereka, maka hal itu lebih baik.

Jika di hatinya tergerak bayang-bayang tentang kesenangan mereka, maka hendaknya dia mengingat apa yang diucapkan oleh Hatim al-Asham: "Sesungguhnya antaraku dan para penguasa ada satu hari sahaja. Adapun kelmarin, mereka tidak memperoleh kelazatannya. Sedangkan pada hari esok saya dan mereka ada pada ketinggian dan kemuliaan. Dan sesungguhnya dia adalah hari ini dan apa yang diharapkannya ada pada hari ini."

Juga hendaknya dia mengingat apa yang diucapkan oleh Abu ad-Darda': "Orang-orang yang berharta itu makan dan kita pun makan. Mereka minum dan kita pun minum. Mereka berpakaian dan kita pun berpakaian. Mereka mempunyai kelebihan harta yang mereka pandang dan kita pun memandang harta itu bersama mereka. Namun, merekalah yang akan dihisab, sedangkan kita bebas daripadanya."

Setiap orang yang mengetahui kezaliman orang yang melakukan tindakan aniaya dan kemaksiatan orang yang melakukan perbuatan maksiat, semestinya yang demikian itu turun darajatnya pada hatinya. Hal demikian ini wajib atas orang yang mengetahui hal itu. Sebab, orang yang timbul daripadanya apa yang tidak disukainya, maka tidak diragukan lagi bahawa kedudukan orang itu berkurang di dalam hatinya.

Padahal, perbuatan maksiat semestinya tidak disenangi. Ini kerana ada kalanya dia lalai dari perbuatan maksiat itu, atau menyenanginya, atau membencinya. Padahal, tiada kelalaian dengan mengetahuinya dan tiada jalan untuk menyenangi kemaksiatan itu, maka tidak boleh tidak dia harus membencinya. Penganiayaan setiap orang terhadap Allah seperti penganiayannya terhadap hak anda sendiri.

Jika engkau mengatakan bahawa para ulama salaf masuk ke tempat para penguasa. Maka saya menjawab: "Benar, tetapi pelajarilah cara masuk mereka, kemudian masuklah. Ini seperti halnya diceritakan bahawa Hisyam bin Abdul Malik datang menunaikan ibadat haji ke Makkah. Ketika dia memasuki Makkah, dia berkata: "Bawalah menghadap kepadaku salah seorang di antara para sahabat Nabi s.a.w." Maka orang pun menjawab: "Wahai Amirul Mukminin, mereka tiada lagi. Semuanya sudah meninggal." Hisyam kemudian berkata: "Dari kalangan tabi'in." Tawus alYamani pun dibawa menghadap kepadanya.

Ketika Tawus tiba di hadapan Khalifah Hisyam, dia membuka alas kakinya pada tepi permaidani dan tidak mengucapkan salam kepada khalifah itu dengan panggilan "Amirul Mukminin." Namun dia mengatakan: "Assalamu 'alaika, wahai Hisyam!" Juga, dia tidak memanggilnya dengan kunyahnya. Dan dia terus duduk di hadapannya seraya bertanya: "Apa berita, wahai Hisyam?"

Maka Hisyam sangat marah melihat perilaku Tawus yang demikian itu, sehingga dia hampir membunuhnya. Maka Hisyam berkata: "Engkau buka kedua alas kakimu pada tepi permaidaniku, engkau tidak mencium tanganku, engkau tidak menyebut kuniyahku, engkau duduk di hadapunku tanpa izinku, dan engkau

mengatakan: “Apa berita, wahai Hisyam.”

Tawus menjawab: “Tentang apa yang saya lakukan, membuka alas kaki pada tepi permaidani anda, saya pun membuka kedua alas kaki itu di hadapan Tuhan, Yang Memiliki Kekuasaan, setiap hari lima kali dan Dia tidak menyeksa saya dan tidak memarahi saya.

Tentang ucapan anda: ‘Engkau tidak mencium tanganku,’ saya mendengar Amirul Mukminin Ali bin Abu Talib r.a. berkata: ”Tidak halal bagi sesorang mencium tangan orang lain, kecuali isterinya kerana nafsu syahwat, atau anaknya kerana kasih sayang.”

Tentang ucapan anda: “Engkau tidak mengucapkan salam kepada saya dengan panggilan Amirul Mukminin”, maka tidak semua orang suka terhadap pemerintahan anda. Oleh kerana itu saya tidak suka berbohong.

Tentang ucapan anda: “Engkau tidak menyebut kuniyahku,” sesungguhnya Allah SWT menyebut nama nabi-Nya dan wali-Nya. Allah SWT memanggil: ”Wahai Yahya, wahai Isa.” Dan Allah SWT menyebut kuniyah musuh-musuh-Nya dengan firmanNya:

تَبَّتْ يَدَآ أَبِى لَهَبٍ وَتَبَّ ﴿١﴾

“*Binasalah kedua-dua tangan Abu Lahab, dan binasalah dia bersama!*”

(al-Lahab: 1)

Tentang ucapan anda: “Engkau duduk di hadapanku,” saya mendengar Amirul Mukminin Ali r.a. berkata: “Jika engkau bermaksud melihat salah seorang penghuni neraka, maka lihatlah orang yang duduk dan di sekelilingnya orang ramai berdiri.”

Maka Hisyam pun berkata kepada Tawus: “Berilah saya nasihat.” Tawus berkata: “Aku mendengar Amirul Mukminin Ali r.a. berkata: Sesungguhnya dalam nereka Jahannam terdapat banyak ular seperti bukit dan kala-jengking seperti keledai yang menggigit setiap penguasa yang tidak berlaku adil terhadap rakyatnya.” Kemudian Tawus berdiri dan berlalu.

Diriwayatkan dari Sufyan ath-Thauri rahimahullah, dia berkata: “Suatu ketika saya menemui Abu Ja’far al-Manshur di Mina. Lalu beliau berkata kepadaku: “Sampaikanlah kepada kami segala keperluanmu.” Saya pun berkata kepadanya:

"Bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya bumi ini telah penuh dengan kezaliman dan kejahatan."

Sufyan melanjutkan: "Lalu Abu Ja'far al-Manshur menundukkan kepalanya, kemudian mengangkatnya dan berkata: "Sampaikanlah kepada kami segala keperluanmu." Saya jawab: "Engkau menempati kedudukan ini dengan pedang kaum Muhajirin dan Anshar, sedangkan anak-anak mereka mati kelaparan. Maka bertakwalah kepada Allah dan sampaikanlah kepada mereka hak mereka."

Lalu Abu Ja'far menundukkan kepalanya, kemudian mengangkatnya dan berkata: "Sampaikanlah kepada kami segala keperluanmu." Saya jawab: "Ketika Umar bin alKhattab r.a. selesai menunaikan ibadat haji, beliau lalu bertanya kepada bendaharanya: "Berapakah biaya yang telah engkau keluarkan?" Bendaharanya menjawab: "Sepuluh dirham lebih sedikit." Sementara di sini saya melihat terdapat banyak harta yang terlalu berat untuk diangkut dengan unta." Lalu, Sufyan ath-Thauri pun keluar.

Begitulah cara mereka memasuki tempat para penguasa jika terpaksa. Mereka mempertaruhkan nyawa mereka untuk menuntut balas atas kezaliman para penguasa kerana Allah.

Suatu hari Ibnu Abu Syumailah masuk ke tempat Abdul Malik bin Marwan. Lalu Khalifah Abdul Malik berkata kepadanya: "Bercakaplah!" Maka berkatalah Ibnu Syumailah kepada khalifah: "Pada hari kiamat kelak sesungguhnya manusia tidak akan terlepas dari kesempitan dan kepahitan kiamat dan menyaksikan kebinasaan padanya, kecuali orang yang mencari keredaan Allah dengan kemarahan dirinya." Maka menangislah Abdul Malik seraya berkata: "Saya akan benar-benar menjadikan kalimat ini sebagai kata-kata hikmah di depan mataku selama hidupku."

Ketika Usman bin Affan mengangkat Abdullah bin Amr sebagai penguasa, maka para sahabat Rasulullah s.a.w. pun datang menemuinya. Kecuali Abu Dzar yang datang terlambat, padahal Abu Dzar berteman baik dengan Abdullah. Abdullah pun menyesalinya. Abu Dzar berkata: "Aku mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda: "Sesungguhnya seseorang jika memerintah suatu wilayah, maka Allah menjauh daripadanya."[69]

[69] Saya tidak menemukan asal usul hadis ini.

Suatu hari Malik bin Dinar memasuki tempat penguasa Basrah, lalu beliau berkata: "Wahai penguasa, saya membaca pada sebahagian kitab bahawa Allah SWT berfirman: "Betapa bodohnya seorang penguasa! Betapa bodohnya orang yang menderhakai Aku! Betapa mulianya orang yang merasakan kemuliaan dengan-Ku! Wahai pengembala kejahatan! Aku serahkan kepadamu kambing yang gemuk dan sihat, lalu engkau memakan dagingnya, engkau pakai bulunya, dan engkau tinggalkan tulang belulangnya berserakan."

Maka penguasa Basrah itu pun bertanya: "Tahukah engkau apakah yang membuatmu berani terhadap kami dan yang menjauhkan kami darimu?" Malik bin Dinar menjawab: "Saya tidak tahu." Maka si penguasa Basrah itu pun berkata: "Kurang rakus terhadap apa yang ada pada kami dan meninggalkan sikap terikat pada apa yang ada di tangan kami."

Suatu hari Umar bin Abdul Aziz bersama Sulaiman bin Abdul Malik. Ketika Sulaiman mendengar bunyi petir, dia pun merasa takut dan meletakkan dadanya pada bahagian depan kenderaannya. Maka Umar berkata kepadanya: "Ini adalah suara rahmat-Nya, maka bagaimanakah jika engkau mendengar suara azab-Nya?" Kemudian Sulaiman memandang kepada orang ramai dan berkata: "Betapa banyaknya orang-orang yang ada." Umar menjawab: "Mereka semua lawanmu wahai Amirul Mukminin." Lalu Sulaiman berkata kepada Umar: "Engkau diuji oleh Allah dengan mereka."

Diriwayatkan bahawa suatu hari Sulaiman bin Abdul Malik datang ke Madinah dan dia bermaksud menuju Makkah. Maka dia mengirim utusan kepada Abu Hazim untuk mengundangnya. Ketika Abu Hazim menghadap, maka Sulaiman pun berkata kepadanya: "Wahai Abu Hazim, mengapakah kita tidak menyukai mati?" Abu Hazim menjawab: "Kerana engkau meruntuhkan akhiratmu dan membangun duniamu. Oleh kerana itu, kami tidak suka beralih dari pembangunan menuju keruntuhan."

Sulaiman bertanya lagi: "Wahai Abu Hazim, bagaimanakah sebaiknya kita datang menghadap kepada Allah?" Abu Hazim menjawab: "Wahai Amirul Mukminin, adapun orang yang berbuat baik, maka dia seperti orang yang baru selesai melakukan dan datang kepada keluarganya. Sedangkan orang yang berbuat jahat, maka dia seperti hamba yang lari, lalu kembali kepada majikannya."

Maka menangislah Sulaiman seraya berkata: "Duh, celakanya aku, bagaimanakah halnya diriku ini di sisi Allah?" Abu Hazim berkata: "Arahkanlah

dirimu pada kitab Allah, dimana Allah berfirman:

إِنَّ ٱلْأَبْرَارَ لَفِى نَعِيمٍ ﴿١٣﴾ وَإِنَّ ٱلْفُجَّارَ لَفِى جَحِيمٍ ﴿١٤﴾

"*Sesungguhnya orang-orang yang berbakti (dengan taat dan amal kebajikan), tetap berada dalam syurga yang penuh nikmat. Dan sesungguhnya orang-orang yang bersalah, bertempat dalam neraka yang menjulang-julang.*"

(al-Infitar: 13-14)

Sulaiman: "Di manakah rahmat Allah?"

Abu Hazim: "Dekat dengan orang-orang yang berbuat kebajikan."

Sulaiman: "Wahai Abu Hazim! Hamba Allah manakah yang paling mulia?"

Abu Hazim: "Yang berbuat kebajikan dan bertakwa."

Sulaiman: "Perbuatan apakah yang lebih utama?"

Abu Hazim: "Menunaikan perkara yang fardu dan menjauhkan perkara yang haram."

Sulaiman: "Perkataan manakah yang lebih didengar?"

Abu Hazim: "Perkataan yang benar kepada orang yang engkau takuti dan harapkan."

Sulaiman: "Orang beriman manakah yang paling pintar?"

Abu Hazim: "Orang yang bekerja dengan mematuhi Allah dan mengajak manusia kepada-Nya."

Sulaiman: "Orang beriman manakah yang merugi?"

Abu Hazim: "Orang yang melangkah dalam mengikuti hawa nafsu saudaranya dan orang itu melakukan tindakan aniaya. Maka dia menjual akhiratnya dengan mengambil dunia orang lain."

Sulaimaa: "Bagaimanakah pendapatmu tentang keadaan kami?"

Abu Hazim: "Apakah engkau memaafkan saya?"

Sulaiman: "Tentu, kerana hal itu adalah nasihat yang engkau berikan kepadaku."

Abu Hazim: "Wahai Amirul Mukminin, sesungguhnya bapa-bapamu suka memaksa manusia dengan pedang dan merebut kekuasaan ini dengan kekerasan,

tanpa bermusyawarah dengan kaum Muslimin dan tanpa kerelaan mereka. Sehingga terbunuhlah sebahagian dari kaum muslimin dalam suatu peperangan yang dahsyat. Mereka semua telah pergi, seandainya engkau merasakan apa yang mereka katakan dan apa yang dikatakan kepada mereka…"

Salah seorang yang hadir berkata: "Betapa buruk apa yang engkau katakan itu."

Abu Hazim: "Sesungguhnya Allah telah mengambil ikatan janji terhadap para ulama untuk menerangkannya kepada manusia dan tidak menyembunyikannya."

Sulaiman: "Bagaimanakah cara kita memperbaiki kerosakan ini?"

Abu Hazim: "Hendaknya engkau ambil perkara yang halal, lalu letakkan pada perkara yang benar."

Sulaiman: "Siapakah yang sanggup melakukan yang demikian itu?"

Abu Hazim: "Orang yang mencari syurga dan takut terhadap neraka."

Sulaiman: "Berdoalah untukku."

Abu Hazim: "Ya Allah, jika Sulaiman seorang wali-Mu, maka mudahkanlah dia dalam meraih kebajikan dunia dan akhirat! Sedangkan jika dia musuh-Mu, maka ambillah puncak kepalanya sesuai dengan apa yang Engkau sukai dan redai."

Sulaiman: "Berilah aku nasihat."

Abu Hazim: "Aku menasihati: Agungkanlah Tuhanmu dan sucikanlah Dia bahawa Dia melihatmu, dimana Dia melarang anda atau tidak melihat anda dimana Dia menyuruh anda."

Sementara itu Umar bin Abdul Aziz pun pernah berkata kepada Abu Hazim: "Berilah saya pengajaran." Abu Hazim menjawab: "Berbaringlah, kemudian jadikanlah mati pada kepala anda. Kemudian lihatlah apa yang engkau sukai ada pada dirimu ketika kematian, maka ambillah sekarang. Dan apa yang tidak engkau sukai ada pada dirimu ketika kematian, maka tinggalkanlah sekarang. Barangkali kematian itu sudah dekat waktunya."

Suatu hari seorang Arab Badui masuk ke tempat Sulaiman bin Abdul Malik. Sulaiman berkata: "Bercakaplah wahai Arab Badui." Orang itu menjawab: "Wahai

Amirul Mukminin, sesungguhnya aku akan mengemukakan suatu persoalan kepada anda, maka teribahkan, walaupun tidak engkau sukai. Kerana di balik itu ada sesuatu yang engkau sukai, jika engkau mahu menerimanya."

Sulaiman lalu berkata: "Wahai Arab Badui, sesungguhnya kami bermurah hati dengan luasnya penanggungan kami atas orang yang tidak kami harapkan nasihatnya dan kami tidak merasa aman daripadanya. Maka bagaimanakah halnya dengan orang yang kami merasa aman dari tipuannya dan kami mengharap nasihatnya?"

Orang Arab Badui itu lalu berkata: "Wahai Amirul Mukminin, sesungguhnya engkau dikelilingi oleh orang-orang yang berbuat jahat dalam memilih bagi diri mereka sendiri. Mereka membeli dunia mereka dengan agama mereka dan kerelaan anda dengan kemarahan Tuhan mereka. Mereka takut kepada anda dalam kaitannya dengan hak Allah SWT dan mereka tidak takut kepada Allah dalam kaitannya dengan hak anda. Mereka memerangi akhirat dan menyelamatkan dunia.

"Maka janganlah engkau menyerahkan amanah kepada mereka apa yang diamanahkan Allah SWT kepada anda. Sebab, mereka tidak melambatkan kesia-siaan pada amanah itu dan kehinaan dan kezaliman pada umat. Engkau bertanggung jawab atas apa yang mereka lakukan dan mereka tidak bertanggung jawab atas apa yang engkau lakukan. Tidak aneh jika dunia mereka tidak menjadi lurus dengan rosaknya akhirat anda. Sesungguhnya orang yang amat merugi ialah orang yang menjual akhiratnya dengan dunia orang lain."

Maka Sulaiman berkata: "Wahai Arab Badui! Sesungguhnya engkau telah melepaskan lidahmu, iaitu bahagian yang paling tajam dari dua sisi pedangmu."

Arab Badui itu menjawab: "Benar, wahai Amirul Mukminin! Namun untuk keselamatan anda, bukan untuk kerugian anda."

Diriwayatkan bahawa suatu hari Abu Bakrah masuk ke tempat Mu'awiyah. Lalu, dia pun berkata: "Bertakwalah kepada Allah, wahai Mu'awiyah. Ketahuilah bahawa apa yang keluar darimu setiap hari dan apa yang datang kepadamu setiap malam tidaklah menambah dunia itu darimu melainkan semakin jauh, dan dari akhirat itu melainkan semakin dekat.

"Di atas jejakmu ada yang mencari yang tidak dapat engkau sirnakan dan dia telah menegakkan bagimu pengetahuan yang tidak dapat engkau lampaui. Maka

betapa cepat apa yang engkau sampaikan dengan ilmu itu! Sesungguhnya kita dan apa yang kita berada di dalamnya akan hilang. Sedangkan apa yang kita tuju dengan langkah kita adalah kekal! Jika hal itu baik, maka balasannya pun baik, dan jika buruk maka balasannya pun buruk."

Begitulah perilaku orang-orang yang berilmu, yakni para ulama akhirat, yang masuk ke tempat para penguasa. Sementara para ulama dunia masuk ke tempat itu untuk mendekatkan diri kepada mereka. Lalu mereka menghulurkan timbanya kepada penguasa dengan harga yang murah.

Mereka mencarikan alasan untuk para penguasa dengan pelbagai jalan keluar yang ringkas tentang apa yang sejalan dengan maksud mereka. Jika mereka berkata-kata, seperti apa yang kami kemukakan sebelumnya tentang pengajaran, hal itu bukan untuk perbaikan, namun untuk mencari kemegahan dan sambutan dari para penguasa. Dalam hal ini ada dua penipuan yang memperdayakan orang-orang bodoh:

Pertama: Dia mengatakan dengan kata-kata bahawa maksud masuk ke tempat penguasa ialah memperbaiki mereka dengan nasihat. Kadangkadang mereka menyerukan kepada dirinya yang demikian itu. Sesungguhnya yang menggerakkan mereka berbuat demikian ialah keinginan yang tersembunyi untuk memperoleh ketenaran dan berhasil berkenalan dengan mereka.

Tanda kebenaran pada usaha mencari perbaikan ialah jika nasihat itu dilaksanakan oleh orang lain, dari kalangan orang-orang yang menjadi temannya dalam ilmu pengetahuan dan mendapat sambutan serta menampakkan bekas perbaikan, maka semestinya dia bergembira dan bersyukur kepada Allah SWT atas kemampuannya dalam melaksanakan usaha yang penting tersebut.

Ini seperti halnya orang yang harus mengubati orang sakit yang tidak berkeluarga. Jika ada orang lain yang mengubatinya, maka betapa besar kegembiraannya. Sedangkan jika dia menemui dalam hatinya keinginan untuk memperkuat perkataannya terhadap perkataan orang lain, maka dia terpedaya.

Kedua: Dia mengatakan, "Maksudku adalah untuk menolong sesama Muslim dalam menolak kezaliman." Ini juga merupakan tempat sangkaan penipuan. Ukurannya adalah apa yang telah dikemukakan sebelumnya.

Jika jalan masuk kepada para penguasa telah jelas, maka perlu kami gambarkan pula perkara-perkara yang timbul akibat bergaul dengan para penguasa dan memegang harta benda mereka dengan beberapa masalah:

a. Masalah pertama

Jika penguasa mengirim kepada anda wang untuk diagihkan kepada fakir miskin, maka jika wang itu kepunyaan seorang pemilik tertentu, maka tidak halal mengambilnya. Sedangkan jika tidak ada pemiliknya yang tertentu, tetapi hukumnya wajib menyedekahkan kepada orang-orang miskin seperti halnya telah dihuraikan pada pembahasan sebelumnya. Maka boleh mengambilnya dan mengurus pembahagian itu dan anda tidak melakukan perbuatan maksiat dengan mengambilnya.

Namun sebahagian para ulama melarang mengambilnya. Dalam hal ini yang lebih utama perlu diperhatikan. Menurut kami bahawa yang lebih utama ialah mengambilnya jika anda merasa aman dari tiga godaan:

Pertama: Kerana tindakan anda dalam mengambilnya, lalu si penguasa menyangka bahawa hartanya baik, dan jika hartanya tidak baik tentu anda tidak akan menghulurkan tangan padanya. Juga, anda tidak akan memasukkannya ke dalam tanggunganmu. Jika demikian halnya, maka janganlah engkau mengambilnya. Sebab yang demikian itu harus diwaspadai. Dan tidak sempurna kebajikan pada pelaksanaan pembahagian anda dengan keberanian anda di atas usaha harta yang haram.

Kedua: Anda dipandang oleh orang-orang lain, baik dari kalangan para ulama mahupun orang-orang yang bodoh, lalu mereka meyakini hal itu halal. Maka mereka pun mengikuti anda dalam mengambilnya dan mereka berdalilkan dengan yang demikian tentang pembolehannya. Kemudian, harta itu tidak mereka bahagi-bahagikan.

Perkara yang kedua ini lebih berbahaya daripada yang pertama. Kerana sebahagian di antara mereka mengambil dalil berdasarkan pendapat asy-Syafi'i r.a. tentang kebolehan mengambilnya. Namun, mereka lupa mengagihkannya dan mengambilnya dengan niat untuk mengagihkannya. Maka orang yang mengikuti dan menyerupakan diri dengan orang tersebut semestinya benar-benar memelihara diri dari hal ini. Kerana perbuatannya menjadi sebab kesesatan orang ramai.

Wahab bin Munabbih menceritakan bahawa suatu hari seorang lelaki dibawa menghadap kepada seorang raja di hadapan orang ramai untuk dipaksa memakan daging babi. Tetapi, orang itu tidak mahu memakannya. Lalu dibawa ke hadapannya daging kambing dan dia dipaksa untuk memakannya dengan ancaman acungan pedang, tetapi dia tetap tidak mahu memakannya.

Kemudian dia ditanya tentang sikapnya itu. Dia menjawab: "Orang-orang meyakini bahawa saya dipaksa untuk memakan daging babi. Maka jika saya keluar dengan selamat, bererti saya telah memakannya. Sebab mereka tidak mengetahui apa sebenarnya yang telah saya makan, maka mereka pun sesat dengan yang demikian."

Pada kesempatan yang lain Wahab bin Munabbih dan Tawus masuk ke tempat Muhammad bin Yusuf, saudara al-Hajjaj, dan dia adalah seorang pegawai. Waktu itu pagi yang dingin dan mereka berada di tempat yang terbuka. Lalu Muhammad berkata kepada pembantunya: "Bawalah ke mari tailasan (jubah hijau yang biasa dipakai oleh ulama Persia) itu dan berikanlah kepada Abu Abdurrahman." Maksudnya adalah Tawus, yang telah duduk di atas kerursi. Lalu baju itu diserahkan kepadanya. Maka Tawus pun menggerak-gerakkan kedua bahunya sampai baju itu lepas. Melihat hal itu Muhammad bin Yusuf marah.

Maka Wahab pun berkata kepadanya: "Engkau tidak perlu memarahinya jika engkau mahu mengambil baju tersebut dan menyedekahkannya." Muhammad bin Yusuf berkata: "Ya, seandainya tidak akan dikatakan oleh orang-orang sesudahku bahawa baju itu telah diambil oleh Tawus dan dia tidak melakukan apa yang aku lakukan dengan baju tersebut, nescaya aku lakukan yang demikian itu."

Ketiga: Hati anda tergerak untuk mencintainya, kerana harta itu ditentukan untuk anda dan anda lebih mendapat keutamaan dengan apa yang dilakukannya untuk anda. Jika seperti itu, maka janganlah engkau mahu menerimanya. Sebab, yang demikian itu adalah racun yang membunuh dan penyakit yang tersembunyi. Dengan kata lain, itu merupakan perkara yang disukai oleh orang-orang zalim bagi anda. Kerana orang yang anda kasihi semestinya engkau selalu menjaganya dan mengambil muka."

Aisyah r.a. berkata: "Merupakan tabiat manusia mengasihi orang yang berbuat baik kepadanya."

Nabi s.a.w. berdoa:

اَللَّهُمَّ لاَ تَجْعَلْ لِفَاجِرٍ عِنْدِي يَدًا فَيُحِبَّهُ قَلْبِى

"Ya Allah, janganlah Engkau jadikan bagi orang zalim kekuasaan atas diriku, lalu hatiku pun jatuh cinta kepadanya."[70]

Nabi s.a.w. menerangkan bahawa hati hampir tidak dapat mencegah diri dari yang demikian itu.

Diriwayatkan bahawa suatu hari seorang penguasa mengirimkan wang sebanyak sepuluh ribu dirham kepada Malik bin Dinar. Lalu Malik pun menyedekahkan semua wang itu. Maka Muhammad bin Wasi' pun datang kepadanya seraya berkata: "Apakah yang engkau lakukan terhadap wang yang diberikan kepada anda oleh orang ini?" Malik bin Dinar menjawab: "Tanyakanlah kepada para sahabatku." Para sahabatnya menjawab: "Dia telah menyedekahkan semua wang itu."

Muhammad bin Wasi' berkata: "Semoga Allah menolong anda! Apakah hati anda bertambah cinta kepadanya sekarang atau sebelum dia mengirimkan wang kepada anda?" Malik bin Dinar menjawab: "Sebelumnya tidak, tetapi sekarang ya!" Muhammad bin Wasi' berkata: "Sungguh, inilah yang aku khuatirkan."

Benar apa yang dia katakan. Sebab, jika dia telah mencintai si penguasa, nescaya dia akan mencintai kekekalannya dan tidak menyukai kejatuhannya, bahaya yang menimpanya, dan kematiannya. Sebaliknya dia bergembira jika orang itu bertambah luas kekuasaannya dan banyak hartanya. Semua itu cinta terhadap faktor-faktor penyebab terjadinya kezaliman dan itu tercela.

Salman dan Ibnu Mas'ud r.a. berkata: "Barangsiapa yang menyukai sesuatu, walaupun dia tidak ada di situ, nescaya dia seperti orang yang menyaksikannya."

Allah SWT berfirman:

وَلَا تَرْكَنُوٓاْ إِلَى ٱلَّذِينَ ظَلَمُواْ

"*Dan janganlah kamu cenderung kepada orang-orang yang berlaku zalim…*" (Huud: 113)

---

[70] Diriwayatkan oleh Ibnu Mardawaih dari Kathir bin Atiyyah.

Ada yang mengatakan bahawa maksudnya: “Janganlah kamu rela terhadap seluruh perbuatan mereka.”

Oleh kerana itu jika engkau memiliki pendirian yang kukuh bahawa kecintaan anda kepadanya tidak akan bertambah dengan mengambil pemberiannya itu, maka tidak mengapa mengambilnya.

Diriwayatkan dari sebahagian orang yang gemar beribadat di Basrah bahawa suatu hari dia mengambil harta yang diberikan para penguasa dan membahagi-bahagikannya. Lalu orang bertanya kepadanya: “Apakah engkau tidak khuatir bahawa engkau akan mencintainya?” Dia menjawab: “Jika seseorang mengambil tanganku dan memasukkan aku ke dalam syurga, kemudian dia berbuat maksiat kepada Tuhannya, nescaya hatiku tidak akan mencintainya. Sebab, Tuhan yang memudahkannya untuk mengambil tanganku adalah Tuhan yang memarahinya kerana hal tersebut sebagai tanda syukur bagi-Nya atas dimudahkan-Nya yang demikian itu.”

Dengan ini, kini jelas bahawa mengambil harta dari para penguasa, walaupun harta itu sendiri dari segi yang halal, adalah ditakuti dan dicela. Sebab, hal itu tidak terlepas dari godaan-godaan itu.

b. Masalah kedua

Kalau orang berkata: “Jika boleh mengambil hartanya dan mengagihkannya, maka apakah boleh mencuri harta itu? Atau menyembunyikan simpanannya dan memungkiri simpanan tersebut serta membahagikannya kepada orang ramai?” Kami menjawab bahawa yang demikian itu tidak boleh. Sebab, mungkin harta itu ada pemiliknya yang tertentu dan dia berharap boleh mengembalikannya kepada si pemiliknya.

Ini tidak seperti jika harta itu dikirimkan kepada anda. Sebab, orang yang berakal sihat tidak akan berfikiran bahawa orang yang mengirimkannya akan bersedekah dengan harta yang pemiliknya diketahui. Penyerahan harta itu sendiri menunjukkan bahawa dia tidak mengenal pemiliknya. Jika dia termasuk orang-orang yang merasa kesulitan dengan perkara yang seperti itu, maka hendaknya dia tidak menerima harta dari orang itu selama yang demikian itu belum dikenalnya.

Kemudian, bagaimana dia mencurinya, padahal merupakan perkara yang mungkin hak miliknya telah diperoleh menerusi pembelian dengan secara

dzimmah (tidak dengan secara tunai)? Sebab, tangan (yang memegang barang itu) menunjukkan pada hak milik. Maka tiada jalan untuk mencurinya. Bahkan, jika dia memperoleh barang temuan dan ternyata pemiliknya memperolehnya dengan pembelian secara dzimmah atau cara lain, nescaya dia wajib mengembalikan barang itu kepadanya.

Jadi, tidak boleh mencuri harta mereka. Tidak boleh mencuri, baik dari para penguasa itu sendiri ataupun dari orang-orang yang menyimpan harta itu. Juga, tidak boleh memungkiri simpanan mereka. Dan wajib menghukum orang yang mencuri harta mereka, kecuali jika si pencuri mengatakan bahawa harta itu bukan milik para penguasa itu. Ketika itu gugurlah hukuman seksaan dengan pernyataan tersebut.

c. Masalah ketiga

Mengadakan urus-niaga dengan mereka haram, kerana kebanyakan harta mereka haram. Maka apa yang diambil sebagai wang penggantinya adalah haram. Jika harganya dibayar dari tempat yang diketahui kehalalannya, maka tinggal memperhatikan apa yang diserahkan kepada mereka. Jika diketahui bahawa mereka berbuat maksiat kepada Allah dengan barang itu, seperti jika menjual sutera kepada mereka dan diketahui mereka akan memakai sutera itu, maka yang demikian itu haram seperti halnya menjual buah anggur kepada pembuat minuman keras. Hanya sahaja di sini terdapat perbezaan faham tentang kesahihannya.

Jika hal tersebut mungkin dan mungkin pula sutera itu akan dipakai oleh isterinya, maka hal itu adalah syubhat yang makruh. Ini tentang harta yang dibuat untuk kemaksiatan pada benda dari harta itu sendiri. Sama erti dengan itu ialah menjual kuda kepada mereka. Lebih-lebih jika kuda itu dinaiki untuk memerangi kaum Muslimin atau merompak harta mereka. Sebab, yang demikian itu menolong mereka dengan kudanya. Dan, hal itu terlarang.

Sementara menjual dirham dan dinar kepada mereka dan barangbarang yang seperti dirham dan dinar dari benda-benda yang tidak ada perbuatan padanya, maka hal itu makruh. Ini kerana hal itu menolong mereka dalam melakukan kezaliman. Sebab, mereka memperoleh pertolongan dalam melakukan kezalimannya dengan harta, haiwan, dan sebab-sebab lainnya. Kemakruhan tersebut berlaku pada pemberian hadiah kepada mereka dan bekerja untuk mereka tanpa upah. Bahkan, juga dalam mengajar mereka dan mengajar anak-anak mereka tulis-baca, membuat

surat, dan berhitung.

Adapun mengajar Al-Quran tidak dimakruhkan kecuali dari segi mengambil upahnya. Mengambil upah tersebut haram, kecuali dari segi yang diketahui kehalalannya. Jika mereka mengangkat seorang wakil yang akan membeli di pasar tanpa imbuhan atau upah, maka hal itu makruh dari segi memberi pertolongan.

Sedangkan jika dibeli untuk mereka sesuatu, yang diketahui akan digunakan untuk kemaksiatan, seperti hamba, sutera untuk alas dan pakaian, kuda sebagai kenderaan untuk melakukan kezaliman dan pembunuhan, maka hal itu haram. Jika telah jelas untuk tujuan maksiat dengan barang yang dibeli itu, nescaya timbul pengharamannya. Dan jika tidak jelas dan hanya mungkin menurut keadaan dan petunjuk keadaan, maka kemakruhanlah yang timbul.

d. Masalah keempat

Tentang pasar yang dibangun dengan harta haram, maka haram berniaga di dalamnya dan tidak boleh menempatinya. Maka jika seorang peniaga menempatinya dan dia berusaha di situ dengan ketentuan yang sesuai dengan agama, nescaya usahanya tidak haram dan dia berbuat maksiat dengan menempatinya. Sedangkan bagi orang ramai boleh membeli padanya. Tetapi jika ada kedai lain di luar pasar tersebut, maka yang lebih utama ialah membeli pada kedai yang lain itu. Sebab, yang demikian itu menolong tempat mereka dan memperbanyak sewa toko-toko mereka.

Begitu juga melakukan urus-niaga di pasar yang bebas cukai bagi para penguasa lebih disunnahkan daripada melakukan urus-niaga pada pasar yang ada padanya cukai bagi para penguasa. Sekelompok ulama lebih bersangatan, sehingga mereka menyerahkan apa yang memberikan pertolongan terhadap para penguasa. Ini terlalu berlebihan dalam pemahaman agama dan menyulitkan bagi kaum Muslimin. Ini kerana cukai telah merata atas segala tanah dan manusia tidak terlepas dari menggunakan tanah dan tiada ertinya untuk melarangnya.

Jika pelarangan itu boleh, maka haram atas si pemilik tanah menanami tanah sehingga tidak dimintakan cukainya. Yang demikian itu termasuk perkara yang memerlukan huraian yang panjang lebar. Dan hal itu menimbulkan pelbagai perkara yang menutup pintu kehidupan.

e. Masalah kelima

Melakukan urus-niaga dengan para hakim dari kalangan para penguasa, para pegawai, dan para pembantu mereka adalah haram. Bahkan, lebih sangat keharamannya. Tentang para hakim, ini kerana mereka mengambil harta penguasa yang jelas keharamannya, membanyakkan pengumpulannya, dan memperdaya orang ramai dengan pakaian mereka. Sebab, mereka berpenampilan dengan pakaian ulama. Lalu, mereka bergaul dengan para penguasa dan mengambil harta mereka.

Merupakan salah satu tabiat manusia ialah tertarik untuk menyerupakan diri dan mengikuti orang-orang yang mempunyai kemegahan dan keangkuhan. Maka hal itu menjadi sebab tunduknya orang ramai kepada para penguasa.

Sementara para pembantu dan kaum keluarganya, maka kebanyakan harta mereka berasal dari harta rompakan yang nyata. Mereka tidak menerima harta kepentingan umum, harta warisan dan cukai, juga tidak menerima harta dari cara yang halal dengan harta mereka.

Tawus berkata: "Aku tidak akan memberikan persaksian terhadap apa yang ada pada mereka, walaupun aku yakin. Sebab, aku khuatir mereka akan berbuat aniaya terhadap orang yang aku memberikan persaksian kepadanya."

Ringkasnya, sesungguhnya rakyat rosak dengan rosaknya para penguasa dan para penguasa rosak dengan rosaknya para ulama. Maka jika para hakim tidak melakukan tindakan yang jahat dan para ulama juga tidak melakukan tindakan yang jahat, nescaya kerosakan para penguasa tidak merajalela, kerana khuatir terhadap penentangan mereka. Oleh kerana itulah Nabi s.a.w. bersabda:

لاَ تَزَالُ هٰذِهِ الأُمَّةُ تَحْتَ يَدَي اللهِ وَكَنَفِهِ مَا لَمْ يُمَالِئْ قُرَّاؤُهَا أُمَرَاءَهَا

"Umat ini akan sentiasa di bawah rahmat dan lindungan Allah selama para ahli qira'atnya tidak menolong para penguasanya."[71]

Disebutkannya para ahli qira'at (al-qurra') kerana mereka adalah para ulama. Pengetahuan mereka sesungguhnya tentang AlQuran dan segala pengertiannya yang difahami dengan sunnah Nabi s.a.w. Sedangkan ilmu-ilmu yang lain di balik itu muncul sesudah mereka.

[71] Diriwayatkan oleh Abu Amr ad-Dani dari al-Hasan. Hadis ini mursal.

Sufyan berkata: “Janganlah engkau bergaul dengan penguasa dan jangan pula dengan orang yang bergaul dengan penguasa.”

Sufyan juga berkata: “Orang yang memiliki pena, memiliki dakwat, memiliki kertas, dan memiliki perekat bekerja sama satu sama lain.”

Benar apa yang dikatakan Sufyan, kerana dalam kaitannya dengan minuman keras, Rasulullah s.a.w. melaknat sepuluh kelompok orang, termasuk di antaranya orang yang memerasnya dan orang yang menerima perasan.[72]

Ibnu Mas’ud r.a. berkata:

آكِلُ الرِّبَا وَمُوكِلُهُ وَشَاهِدَاهُ وَكَاتِبُهُ مَلْعُونُونَ عَلَى لِسَانِ مُحَمَّدٍ

“Pemakan riba, orang yang mewakilkannya, orang yang menjadi saksi, dan penulisnya, semuanya terkutuk menurut sabda Nabi s.a.w.”[73]

Demikian juga yang diriwayatkan oleh Jabir dan Umar dari Rasulullah s.a.w.

Ibnu Sirin berkata: “Janganlah engkau membawakan buku apa pun kepada penguasa sebelum mengetahui isinya.”

Sufyan rahimahullah menolak untuk memberikan dakwat di hadapannya kepada khalifah pada masanya dan mengatakan: “Sebelum saya ketahui apa yang akan engkau tuliskan dengan dakwat itu.”

Oleh kerana itu semua orang yang berada di sekeliling para penguasa, dari pembantu-pembantu dan pengikut-pengikutnya, adalah orang-orang zalim seperti orang-orang yang wajib dimarahi di jalan Allah.

Diriwayatkan dari Usman bin Zaidah bahawa suatu hari dia ditanya oleh seorang tentera: “Manakah jalan itu?” Mendengar pertanyaan itu Usman berdiam diri dan menampakkan dirinya seperti orang yang pekak. Dia khuatir tentera itu akan menuju pada suatu perbuatan yang zalim. Lalu dengan menunjukkan jalan itu bererti dia memberikan pertolongan kepada tentera tersebut.

---

[72] Diriwayatkan oleh Tirmizi dan Ibnu Majah dari Anas. Hadis ini gharib.

[73] Diriwayatkan oleh Muslim dan para penyusun as-sunan daru Ibnu Mas’ud.

Tindakan berlebihan seperti ini tidak diriwayatkan dari generasi terdahulu bersama orang-orang yang fasik, dari peniaga-peniaga, tukangtukang jahit, tukang bekam, penjaga tempat pemandian umum, tukang emas, tukang celup dan orang-orang yang mempunyai bermacammacam perusahaan, serta banyaknya pembohongan dan kefasikan pada mereka, bahkan orang-orang kafir dari kalangan orang-orang dzimmi. Ini kerana maksiat terbahagi menjadi yang tetap dan yang merebak.

Kefasikan itu tetap dan tidak menjalar. Begitu juga kekafiran, iaitu penganiayaan terhadap hak Allah SWT, balasannya Allah-lah yang menentukan. Sedangkan maksiat para penguasa dengan kezaliman menjalar. Maka beratlah urusannya kerana yang demikian itu. Sesuai dengan kadar merebaknya kezaliman dan meratanya pelanggaran hak itu, bertambahlah laknat terhadap mereka pada sisi Allah. Maka wajib menjauh dari mereka dan memelihara diri dari bergaul dengan mereka. Nabi s.a.w. bersabda: "*Dikatakan kepada polis: Tinggalkanlah cemetimu dan masuklah ke dalam neraka.*"[74]

Nabi s.a.w. bersabda:

مِنْ أَشْرَاطِ السَّاعَةِ رِجَالٌ مَعَهُمْ سِيَاطٌ كَأَذْنَابِ الْبَقَرِ

"*Sebahagian dari pertanda kiamat ialah (munculnya) orang-orang yang membawa cemeti seperti ekor lembu.*"[75]

Inilah hukum mereka. Barangsiapa yang dikenal demikian dari mereka, sesungguhnya dia telah dikenal. Sedangkan barangsiapa yang tidak dikenal, maka pertandanya ialah baju panjang, kumis melintang dan bentuk-bentuk lain yang terkenal. Orang yang terlihat dalam penampilan yang demikian itu harus dijauhi. Bukanlah yang demikian itu merupakan buruk sangka. Sebab, orang itu sendirilah yang menganiaya dirinya, kerana berpakaian dengan pakaian mereka. Padahal, persamaan pakaian menunjukkan pada persamaan hati dan tidak berbuat gila kecuali orang gila. Juga, tidak menyerupakan diri dengan orang-orang fasik kecuali orang fasik.

---

[74] Diriwayatkan oleh Abu Ya'la dari Anas dengan sanad dhaif.

[75] Diriwayatkan oleh Ahmad dan al-Hakim dari Abu Umamah. Menurut al-Hakim, hadis ini shahih.

Memang, orang fasik kadang-kadang menimbulkan keraguan, sehingga dia menyerupai orang-orang soleh. Sebaliknya orang-orang yang soleh tidak menyerupakan diri dengan orang-orang yang berperilaku buruk. Sebab, yang demikian itu melipatgandakan jumlah mereka. Tentang yang demikian itu telah turun firman Allah SWT:

إِنَّ ٱلَّذِينَ تَوَفَّىٰهُمُ ٱلۡمَلَٰٓئِكَةُ ظَالِمِيٓ أَنفُسِهِمۡ

"*Sesungguhnya orang-orang yang diambil nyawanya oleh malaikat semasa mereka sedang menganiaya diri sendiri.*" (al-Nisa': 97)

Yang dimaksud dengan mereka ialah suatu kaum dari kalangan kaum Muslimin kerana mereka melipatgandakan kelompok orang-orang musyrik menerusi pergaulan dengan mereka.

Diriwayatkan bahawa Allah SWT menurunkan wahyu kepada Yusya' bin Nun: "Sesungguhnya Aku membinasakan dari kaummu sebanyak empat puluh ribu orang dari orang-orang baik dan enam puluh ribu dari orang-orang jahat di antara mereka." Yusya' pun bertanya: "Bagaimanakah halnya orang baik-baik itu?" Maka Allah SWT berfirman: "Mereka tidak marah kerana marah-Ku, Bahkan, mereka makan bersama mereka dan minum bersama mereka." Dengan ini jelas bahawa marah kepada orang-orang zalim dan marah kerana Allah kepada mereka merupakan perkara yang wajib.

Ibnu Mas'ud meriwayatkan dari Nabi s.a.w.:

إِنَّ اللهَ لَعَنَ عُلَمَاءَ بَنِي إِسْرَائِيلَ إِذْ خَالَطُوا الظَّالِمِينَ فِي مَعَاشِهِمْ

"*Sesungguhnya Allah mengutuk para ulama Bani Israil kerana mereka bergaul dengan orang-orang zalim dalam kehidupan mereka.*"[76]

f. Masalah keenam

Tempat-tempat yang dibangun oleh orang-orang zalim, seperti jambatan, surau, masjid, dan tempat-tempat persediaan minuman, maka semestinya berhati-hati terhadap semua itu dan mewaspadainya. Tentang jambatan, maka boleh melaluinya kerana perlu. Yang merupakan tindakan memelihara diri ialah

[76] Diriwayatkan oleh Abu Daud, Tirmizi, dan Ibnu Majah dari Ibnu Mas'ud.

memelihara diri selama mungkin.

Jika boleh diperoleh jalan yang berpaling dari jambatan itu, nescaya lebih layak untuk memelihara diri. Kami memperbolehkan melewatinya, walaupun seseorang boleh berpaling dari jambatan itu, kerana jika dia telah tahu pemilik dari barang-barang yang menjadi bahan jambatan tersebut, nescaya hukumnya ialah bahawa barangbarang itu ditujukan bagi kebajikan. Ini baik.

Jika diketahui bahawa tanah bakar dan batu diambil dari rumah yang dikenal atau dari kuburan atau masjid tertentu, maka tidak halal sama sekali melaluinya. Kecuali kerana darurat yang menghalalkan perkara yang seperti itu dari harta orang lain. Kemudian, dia harus meminta izin dari pemiliknya yang dikenalnya.

Tentang masjid yang dibangun pada tanah yang dirampas atau dengan kayu yang dirampas dari masjid lain atau kepunyaan orang tertentu, maka tidak dibolehkan sama sekali masuk ke dalamnya dan tidak untuk solat Jumaat. Bahkan, jika berdiri imam di dalam masjid itu, maka hendaknya dia bersolat di belakang imam dan dia berdiri di luar masjid.

Sesungguhnya solat pada tanah yang dirampas memenuhi kewajipan dan sah dalam hal mengikuti imam tersebut. Oleh kerana itulah kami perbolehkan bagi orang yang mengikuti untuk mengikuti orang yang mengerjakan solat pada tanah yang dirampas, walaupun yang melaksanakan solat itu berbuat maksiat dengan berdiri pada tanah yang dirampas.

Jika masjid itu berasal dari harta yang tidak dikenal pemiliknya, maka yang merupakan tindakan memelihara diri ialah beralih ke masjid yang lain jika ada. Jika masjid lain tidak didapatkan maka janganlah meninggalkan solat Jumaat dan jamaah di masjid itu. Sebab, mungkin masjid itu didirikan oleh pemiliknya, walaupun berdasarkan pemikiran yang jauh.

Jika masjid itu tidak mempunyai pemilik yang jelas, maka masjid itu untuk kemaslahatan kaum Muslimin. Manakala ada dalam masjid besar bangunan bagi penguasa yang zalim, maka tiada halangan bagi orang yang mengerjakan solat di dalamnya dan memperluas masjid.

Tentang tindakan memelihara diri, suatu hari kepada Ahmad bin Hanbal ditanya: "Apakah alasan anda tidak keluar untuk menunaikan solat berjamaah ketika kami berada di al-Askar?" Ahmad bin Hanbal menjawab: "Alasanku ialah

bahawa al-Hasan dan Ibrahim at-Taimi, keduanya khuatir difitnah oleh al-Hajjaj dan aku pun khuatir mendapat fitnah."

Tentang pelicinan dan pengkapuran masjid, maka tidak dilarang untuk memasuki masjid tersebut. Kerana hal itu tidak diambil kemanfaatannya dalam solat dan hal itu hanya hiasan belaka. Yang lebih utama ialah tidak melihat padanya. Sedangkan tentang alas yang dihamparkan, maka jika ada pemiliknya yang jelas, maka haram duduk padanya. Jika tidak ada pemiliknya yang tertentu, maka sesudah memperhatikan kemaslahatan umum, nescaya boleh duduk di atasnya. Namun, yang merupakan tindakan memelihara diri ialah berpaling daripadanya. Sebab, hal itu merupakan tempat syubhat.

Tentang tempat penyediaan minuman, maka hukumnya seperti yang telah kami kemukakan sebelumnya. Bukan merupakan tindakan memelihara diri berwuduk, meminum daripadanya, dan masuk ke tempat itu. Kecuali jika seseorang khuatir terlambat melakukan solat, maka hendaknya dia berwuduk dengan air itu.

Tentang surau dan sekolah, maka jika tanahnya adalah tanah yang dirampas atau tanah bakarnya dipindahkan dari suatu tempat tertentu mungkin dikembalikan kepada yang berhak, maka tidak dibolehkan masuk ke dalamnya. Sedangkan jika si pemiliknya diragukan, maka perlu diperhatikan dari kebajikannya. Yang merupakan tindakan menjaga diri ialah menjauhinya, namun tidak mesti menjadi fasik dengan memasukinya.

Jika bangunan-bangunan tersebut berasal dari usaha-usaha para pembantu penguasa, maka persoalannya menjadi lebih berat lagi. Ini kerana mereka tidak berhak menyerahkan harta-harta yang hilang dari pemiliknya untuk kemaslahatan umum. Yang demikian itu hanya dibolehkan bagi para penguasa negeri dan orang-orang yang bertanggung jawab.

g. Masalah ketujuh

Jika tanah yang dirampas dijadikan jalan raya, maka sama sekali tidak dibolehkan melewatinya. Sedangkan jika tanah itu tidak mempunyai pemilik yang tertentu, maka dibolehkan melewatinya. Yang merupakan tindakan memelihara diri ialah berpaling daripadanya, jika mungkin. Jika jalan raya itu jalan yang dibolehkan dan di atas jalan tersebut ada atap, nescaya boleh dilalui.

Juga, boleh duduk di bawah atap itu seperti halnya berdiri pada jalan besar kerana suatu urusan. Jika atap tersebut digunakan untuk melindungi diri dari terik matahari atau hujan atau lainnya, maka hal itu haram. Sebab, atap itu tidak dimaksudkan selain untuk yang demikian itu.

Begitulah hukum orang yang memasuki masjid atau tanah yang dibolehkan yang diberi atap atau pagar dengan harta yang dirampas. Sebab, dengan semata melangkah tidaklah dia mengambil manfaat dengan pagar dan atap itu. Kecuali jika dinding dan atap itu memiliki kemanfaatan, kerana panas atau dingin atau menutup dari penglihatan atau lainnya. Maka yang demikian itu haram.

Ini kerana hal itu bererti mengambil manfaat perkara yang haram. Sebab, tidaklah haram duduk di atas tanah yang dirampas kerana menyentuhnya, malah kerana kemanfaatannya. Tentang tanah yang dimaksudkan untuk ditinggali atap untuk bernaung dengannya maka tiada perbezaan di antara keduanya.

"Barangsiapa yang dikehendaki oleh Allah kebaikan padanya, nescaya dia akan dikurniakan oleh Allah teman yang baik. Jika dia lupa, maka temannya akan memberikan peringatan kepadanya. Dan jika dia ingat, maka teman itu membantunya."

B A B 15
ADAB SALING MENGASIHI DAN BERSAHABAT DENGAN ORANG LAIN

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah yang memberikan kurnia, rahmat dan nikmat berlimpah kepada hamba-hamba pilihan-Nya. Tuhan Yang telah menyatukan hati mereka sehingga mereka menjadi bersaudara berkat nikmat-Nya. Tuhan Yang mencabut kedengkian dari hati mereka sehingga mereka sentiasa berkawan dan bersahahabat di dunia dan di akhirat.

Semoga selawat sentiasa dilimpahkan kepada Muhammad dan keluarganya serta para sahabatnya yang mengikuti dan menuruti jejaknya, dengan perkataan dan perbuatan, dengan keadilan dan kebaikan.

Amma ba'du:

Sesungguhnya mengasihi di jalan Allah dan menjalin persaudaraan di jalan agama-Nya adalah cara paling utama untuk mendekatkan diri kepada-Nya. Tetapi semua itu mempunyai syarat-syarat yang dengannya terjalin hubungan antara orang-orang yang bersahabat dengan orangorang yang saling mengasihi di jalan Allah. Lantas pada syaratsyarat tersebut terdapat hak-hak yang dengan memeliharanya, maka bersihlah persaudaraan itu dari segala kekotoran dan gangguan syaitan.

Maka dengan menegakkan hak-hak tersebut, mereka akan menjadi dekat kepada Allah dalam tingkatannya. Dan dengan menjaga hak-hak tersebut, maka mereka akan berjaya meraih darjat yang tinggi.

Kami akan menerangkan maksud kitab ini di dalam tiga bab:

Bab Pertama: Tentang keutamaan saling mengasihi dan bersaudara di jalan Allah SWT, syarat-syarat, darjat-darjat dan faedah faedahnya.

Bab Kedua: Tentang hak-hak persahabatan, adabnya, hakikat dan segala keharusannya.

Bab Ketiga: Tentang hak orang Muslim, keluarga, tetangga dan hamba sahaya yang dimiliki dan cara bergaul dengan orang-orang yang memperoleh ujian berupa sebab-sebab tersebut.

A. Keutamaan saling mengasihi dan bersaudara di jalan Allah

1. Kelebihan saling mengasihi dan bersaudara

Ketahuilah bahawa saling mengasihih adalah buah daripada kebaikan akhlak dan bercerai-berai adalah buah daripada keburukan akhlak. Maka kebaikan akhlak menyebabkan timbulnya sikap saling mengasihi, bersikap lemah lembut dan saling memahami. Sedangkan keburukan akhlak akan menyebabkan timbulnya rasa marah, dengki dan tidak peduli. Ketika yang membuat munculnya buah itu adalah sesuatu yang terpuji, maka buahnya adalah sesuatu yang terpuji.

Di dalam Islam, keutamaan dan kelebihan akhlak yang baik tidak terlihat jelas. Dan kebaikan akhlak itulah yang dipuji oleh Allah SWT akan Nabi-Nya, di mana Dia berfirman:

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ ﴿٤﴾

"Dan sesungguhnya kamu mempunyai budi pekerti yang tinggi."

(al-Qalam: 4)

Dan Nabi s.a.w. bersabda:

أَكْثَرُ مَا يُدْخِلُ النَّاسَ الْجَنَّةَ فَقَالَ: تَقْوَى اللهِ وَحُسْنُ الْخُلُقِ.

"Yang menyebabkan manusia masuk syurga, kebanyakannya disebabkan takwa kepada Allah dan kebaikan akhlak."[77]

[77] Diriwayatkan oleh Tirmizi dan al-Hakim dari Abu Hurairah. Dia mengatakan bahawa isnad hadis ini sahih.

Usamah bin Syuraik berkata: "Kami pernah bertanya: "Wahai Rasulullah! Apakah sesuatu (paling baik) yang diberikan kepada manusia?" Nabi s.a.w. menjawab: "Akhlak mulia."

Nabi s.a.w. bersabda:

بُعِثْتُ لِأُتَمِّمَ مَكَارِمَ الأَخْلاَقِ.

"Aku diutus untuk menyempurnahan akhlak mulia."[78]

Nabi s.a.w. bersabda: "Sesuatu paling berat yang diletakkan di dalam al-Mizan (timbangan amal) ialah budi pekerti yang baik."

Nabi s.a.w. bersabda: "Wahai Abu Hurairah! Hendaklah kamu berakhlak mulia." Abu Hurairah r.a. bertanya: "Bagaimanakah akhlak mulia itu, wahai Rasulullah? Nabi s.a.w. menjawab:

تَصِلُ مَنْ قَطَعَكَ وَتَعْفُوْا عَمَّنْ ظَلَمَكَ وَتُعْطِى مَنْ حَرَمَكَ.

"Engkau menyambung silaturahmi dengan orang yang memutuskannya daripada kamu, kamu memaafkan orang yang berbuat zalim kepada kamu dan kamu memberi kepada orang yang tidak mahu memberi kepada kamu."[79]

Tidak diragui lagi bahawa buah daripada kebaikan akhlak itu ialah saling mengasihi dan hati yang saling terpaut. Ketika sesuatu yang mendatangkan buah itu baik, nescaya baik pulalah buahnya. Bagaimana tidak? Bukankah pujian telah diberikan kepada jiwa yang saling mengasihi, khususnya jika ikatannya itu adalah takwa, agama, dan cinta kepada Allah yang berlandaskan ayat-ayat, hadis-hadis dan atsar yang penjelasannya memuaskan.

Allah SWT berfirman dalam menjelaskan keagungan nikmat-Nya kepada manusia berupa hati yang bersatu (saling terpaut):

لَوْ أَنفَقْتَ مَا فِي ٱلْأَرْضِ جَمِيعًا مَّآ أَلَّفْتَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَلَٰكِنَّ ٱللَّهَ

[78] Diriwayatkan oleh Ibnu Majah dengan isnad yang sahih.

[79] Diriwayatkan oleh Ahmad, al-Baihaqi dan al-Hakim dari Abu Hurairah. Menurutnya, hadis ini sahih.

أَلَّفَ بَيْنَهُمْ ۚ

"Walaupun kamu membelanjakan semua (kekayaan) yang berada di bumi, nescaya kamu tidak dapat menyatukan hati mereka, akan tetapi Allah telah menyatukan hati mereka."

(al-Anfal: 63)

Allah SWT juga berfirman:

فَأَصْبَحْتُم بِنِعْمَتِهِۦٓ إِخْوَٰنًا

"Maka dengan nikmat Allah, kamu menjadi bersaudar.a."

(Ali Imran: 103)

Iaitu dengan hati yang saling terpaut dan saling mengasihi.

Kemudian Allah SWT mencela perpecahan dan memperingatkan supaya perpecahan itu ditinggalkan. Maka Maha Agunglah Dia yang berfirman:

وَٱعْتَصِمُوا۟ بِحَبْلِ ٱللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا۟ ۚ وَٱذْكُرُوا۟ نِعْمَتَ ٱللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ كُنتُمْ أَعْدَآءً فَأَلَّفَ بَيْنَ قُلُوبِكُمْ فَأَصْبَحْتُم بِنِعْمَتِهِۦٓ إِخْوَٰنًا وَكُنتُمْ عَلَىٰ شَفَا حُفْرَةٍ مِّنَ ٱلنَّارِ فَأَنقَذَكُم مِّنْهَا ۗ كَذَٰلِكَ يُبَيِّنُ ٱللَّهُ لَكُمْ ءَايَـٰتِهِۦ لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ ﴿١٠٣﴾

"Dan berpeganglah kamu semuanya kepada tali (agama) Allah, dan janganlah kamu bercerai-berai dan ingatlah akan nikmat Allah kepadamu ketika kamu dahulu (masa jahiliyah) bermusuh-musuhan, lalu Allah menyatukan hatimu, sehingga dengan kurnia-Nya kamu menjadi bersaudara, sedangkan (ketika itu) kamu berada di tepi jurang neraka, lalu Allah menyelamatkan kamu daripadanya (neraka). Demikianlah Allah menerangkan ayat-ayatNya kepadamu agar kamu mendapat petunjuk."

(Ali Imran: 103)

Nabi s.a.w. bersabda:

إِنَّ أَقْرَبَكُمْ مِنِّى مَجْلِسًا أَحَاسِنُكُمْ أَخْلاَقًا الْمُوَطَّؤُوْنَ أَكْنَفًا اللَّذِيْنَ

يَأْلِفُوْنَ وَيُؤْلَفُوْنَ.

"Sesesungguhnya yang paling lebih dekat kedudukan kamu kepadaku ialah yang paling baik akhlaknya daripada kamu yang berkelakuan lemah lembut daripada mereka, di mana mereka itu menjinakkan hati orang dan orang-orang menjinakkan hati mereka."[80]

Nabi s.a.w. bersabda:

الْمُؤْمِنُوْنَ إِلْفٌ مَأْلُوْفٌ وَلاَ خَيْرَ فِيْمَنْ لاَ يَأْلُفْ وَلاَ يُؤْلَفْ.

"Orang mukmin itu ialah yang menjinakkan hati orang dan dijinakkan hatinya. Dan tiadalah kebajikan pada orang yang tidak menjinakkan dan tidak dijinakkan hatinya."[81]

Nabi s.a.w. bersabda memuji persaudaraan dalam agama:

مَنْ أَرَادَ اللهُ بِهِ خَيْرًا رَزَقَهُ خَلِيْلاً صَالِحًا إِنْ نَسِيَ ذَكَرَهُ وَإِنْ ذَكَرَ أَعَانَهُ.

"Barangsiapa yang dikehendaki oleh Allah kebaikan padanya, nescaya dia akan dikurniakan oleh Allah teman yang baik. Jika dia lupa, maka temannya akan memberikan peringatan kepadanya. Dan jika dia ingat, maka teman itu membantunya."[82]

Nabi s.a.w. bersabda:

مَثَلُ الْأَخَوَيْنِ إِذَا الْتَقِيَا مِثْلُ الْيَدَيْنِ تَغْسِلُ إِحْدَاهُمَا الْأُخْرَى وَمَا الْتَقَى

---

[80] Diriwayatkan oleh Thabrani dari Jabir dengan sanad yang dha'if.

[81] Diriwayatkan oleh Ahmad dan Thabrani dari Sahl bin Sa'ad dan al-Hakim dari Abu Hurairah dan beliau menilai hadis ini sahih.

[82] Al-Iraqi mengatakan bahawa hadis dengan lafaz seperti ini tidak dikenal. Adapun yang dikenali ialah hadis dengan lafaz yang diriwayatkan oleh Abu Daud dari Aisyah r.a. yang berbunyi:

إِذَا أَرَادَ اللهُ بِالْأَمِيْرِ خَيْرًا جَعَلَ لَهُ وَزِيْرًا صِدْقٌ إِنْ نَسِيَ ذَكَرَهُ وَإِنْ ذَكَرَ أَعَانَهُ.

"Apabila Allah mengehendaki kebaikan pada seorang pemimpin, nescaya dikurniakan kepadanya menteri yang benar. Jika dia lupa, maka menteri tersebut akan mengingatkannya dan jika dia ingat, maka menteri tersebut akan membantunya."

مُؤْمِنَانِ قَطُّ إِلاَّ أَفَادَ اللهُ أَحَدَهُمَا مِنْ صَاحِبِهِ خَيْرًا.

"Jika dua orang yang bersaudara berjumpa, maka keduanya seumpama dua tangan, yang satu membasuh yang lain. Dan tidaklah sekali-kali dua orang mukmin itu bertemu melainkan diberi faedah oleh Allah dengan kebajikan salah seorang daripada keduanya dari temannya."

Nabi s.a.w. bersabda tentang mengajak kepada persaudaraan di jalan Allah:

مَنْ آخَى أَخًا فِي اللهِ رَفَعَهُ اللهُ دَرَجَةً فِي الْجَنَّةِ لاَ يَنَالُهَا بِشَيْءٍ مِنْ عَمَلِهِ.

"Barangsiapa yang mempersaudarakan seseorang saudara di jalan Allah, nescaya dia akan ditinggikan oleh Allah satu tingkat di dalam syurga, yang tiada akan dapat dia capai dengan sesuatu daripada amalannya."

Abu Idris al-Khaulani berkata kepada Muaz: "Sesungguhnya aku mencintaimu di jalan Allah." Muaz menjawab: "Bergembiralah kamu! Bergembiralah kamu! Kerana sesungguhnya aku mendengar Rasulullah S.A.W. bersabda: "Akan diletakkan untuk segolongan manusia beberapa kerusi di sekeliling Arasy pada hari kiamat dan wajah mereka seperti bulan pada malam purnama. Jika kumpulan manusia lainnya dalam ketakutan, mereka tidak takut dan jika manusia lain risau, mereka tidak risau. Mereka itu ialah wali-wali Allah yang tidak ada ketakutan dan kerisauan bagi mereka."

Kemudian ada yang bertanya: "Siapakah mereka itu wahai Rasulullah!" Nabi s.a.w. menjawab: "Mereka itu adalah orang-orang yang saling mengasihi di jalan Allah SWT.

Hadis ini diriwayatkan oleh Abu Hurairah r.a. dan dia menjelaskan bahawa sesungguhnya di sekeliling Arasy terdapat beberapa mimbar dari nur, di mana di atasnya terdapat suatu kaum yang pakaiannya nur dan wajahnya nur. Mereka itu bukanlah nabi-nabi dan orang-orang syahid, tetapi mereka disenangi oleh nabi-nabi dan orang-orang syahid."

Lalu para sahabat bertanya: "Wahai Rasulullah! Terangkanlah kepada kami siapa mereka!" Maka Nabi s.a.w. menjawab: "Mereka itu adalah orang-orang

yang saling mengasihi di jalan Allah, sama-sama duduk di jalan Allah dan saling mengunjungi di jalan Allah."[83]

Nabi s.a.w. bersabda:

مَا تَحَابَّ اثْنَانِ فِي اللهِ إِلاَّ كَانَ أَحَبُّهُمَا إِلَى اللهِ أَشَدُّهُمَا حُبًّا لِصَاحِبِهِ.

"Tidaklah dua orang saling mengasihi di jalan Allah, melainkan yang lebih dicintai oleh Allah daripada keduanya ialah yang paling mencintai temannya."[84]

Dan dikatakan bahawa jika di antara dua orang bersaudara di jalan Allah salah seorangnya memiliki kedudukan yang lebih tinggi daripada saudaranya, maka Allah akan meninggikan darjat saudaranya yang lebih rendah mengikuti darjat saudaranya yang lebih tinggi. Dia akan berhubung dengannya, sebagaimana keturunan berhubung dengan kedua ibu bapa dan keluarga, sebahagiannya dengan sebahagian yang lain.

Allah SWT berfirman:

أَلْحَقْنَا بِهِمْ ذُرِّيَّتَهُمْ وَمَآ أَلَتْنَٰهُم مِّنْ عَمَلِهِم مِّن شَيْءٍ ۚ

"Kami hubungkan (himpunkan) zuriat keturunannya itu dengan mereka (di dalam syurga); dan Kami (dengan itu) tidak mengurangi sedikit pun dari pahala amal-amal mereka."

(al-Thur: 21)

Nabi s.a.w. bersabda:

إِنَّ اللهَ عَزَّ وَجَلَّ يَقُولُ حَقَّتْ مَحَبَّتِي لِلَّذِينَ يَتَزَاوَرُونَ مِنْ أَجْلِي وَحَقَّتْ مَحَبَّتِي لِلَّذِينَ يَتَحَابُّونَ مِنْ أَجْلِي وَحَقَّتْ مَحَبَّتِي لِلَّذِينَ يَتَبَاذَلُونَ مِنْ أَجْلِي وَحَقَّتْ مَحَبَّتِي لِلَّذِينَ يَتَنَاصَرُونَ مِنْ أَجْلِي.

[83] Diriwayatkan oleh al-Nasa'i dengan para perawi yang tsiqah.

[84] Diriwayatkan oleh Ibnu Hibban dan al-Hakim dari Anas. Al-Hakim juga mengatakan bahawa isnad hadis ini sahih.

"Sesungguhnya Allah Azza wa Jalla berfirman: 'Kasih sayang-Ku berhak diberikan kepada mereka yang saling mengunjungi kerana Aku; kasih sayang-Ku berhak diberikan kepada mereka yang saling mengasihi kerana Aku; kasih sayang-Ku berhak diberikan kepada mereka yang saling memberi kerana Aku; dan kasih sayang-Ku berhak diberikan kepada mereka yang saling tolong menolong kerana Aku'."[85]

Nabi s.a.w. bersabda:

إِنَّ اللهَ يَقُولُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ أَيْنَ الْمُتَحَابُّونَ بِجَلاَلِي الْيَوْمَ أُظِلُّهُمْ فِي ظِلِّي يَوْمَ لاَ ظِلَّ إِلاَّ ظِلِّي.

"Sesungguhnya Allah SWT berfirman pada hari kiamat: "Di manakah sekarang mereka yang saling mengasihi kerana kebesaran-Ku? Pada hari ini Aku menaungi mereka dengan naungan-Ku di mana pada hari ini tidak ada naungan selain naungan-Ku."[86]

Nabi s.a.w. bersabda :

سَبْعَةٌ يُظِلُّهُمُ اللهُ فِي ظِلِّهِ يَوْمَ لاَ ظِلَّ إِلاَّ ظِلُّهُ إِمَامٌ عَادِلٌ وَشَابٌّ نَشَأَ بِعِبَادَةِ اللهِ وَرَجُلٌ كَانَ قَلْبُهُ مُعَلَّقًا بِالْمَسْجِدِ إِذَا خَرَجَ مِنْهُ حَتَّى يَعُودَ إِلَيْهِ وَرَجُلاَنِ تَحَابَّا فِي اللهِ فَاجْتَمَعَا عَلَى ذَلِكَ وَتَفَرَّقَا وَرَجُلٌ ذَكَرَ اللهَ خَالِيًا فَفَاضَتْ عَيْنَاهُ وَرَجُلٌ دَعَتْهُ امْرَأَةٌ ذَاتُ حَسَبٍ وَجَمَالٍ فَقَالَ: إِنِّي أَخَافُ اللهَ وَرَجُلٌ تَصَدَّقَ بِصَدَقَةٍ فَأَخْفَاهَا حَتَّى لاَ تَعْلَمَ شِمَالُهُ مَا تُنْفِقُ يَمِينُهُ.

"Ada tujuh golongan yang dinaungi oleh Allah dalam naungan-Nya pada hari di mana tidak ada naungan selain naungan-Nya: Imam yang adil, pemuda yang membesar dalam beribadat kepada Allah, seseorang

---

[85] Diriwayatkan oleh Ahmad dari Amr bin Absah dan selainnya.

[86] Diriwayatkan oleh Muslim.

yang hatinya selalu bergantung pada masjid ketika meninggalkannya sehingga kembali ke masjid tersebut.

"Dua orang yang saling *mencintai kerana Allah, lalu mereka bertemu dan berpisah kerana Allah, seorang yang ingat Allah di saat sepi lalu menangis, seorang lelaki yang digoda oleh seorang perempuan bangsawan dan cantik, lalu lelaki tersebut berkata: 'Aku takut kepada Allah', dan seorang yang bersedekah dengan sembunyi-sembunyi sehingga tangan kirinya tidak mengetahui apa yang diberikan oleh tangan kanannya."*[87]

Nabi s.a.w. juga bersabda:

مَا زَارَ رَجُلٌ رَجُلاً فِي اللهِ شَوْقًا إِلَيْهِ وَرَغْبَةً فِي لِقَائِهِ إِلاَّ نَادَاهُ مَلَكٌ مِنْ خَلْفِهِ: طِبْتَ وَطَابَ مَمْشَاكَ وَطَابَتْ لَكَ الْجَنَّةُ.

"Tiadalah seorang lelaki mengunjungi lelaki lainnya di jalan Allah kerana rindu kepadanya dan ingin menjumpainya, melainkan dia dipanggil oleh malaikat dari belakangnya dengan ucapan: "Semoga kamu dalam keadaan baik dan baik pula jalanmu dan semoga syurga menjdi milikmu."[88]

Nabi s.a.w. pernah bersabda: "Seorang lelaki mengunjungi saudaranya di jalan Allah. Maka Allah mengrimkan kepadanya malaikat untuk bertanya: 'Ke mana kamu hendak pergi?' Lelaki tersebut menjawab: 'Mengunjungi saudaraku si Polan'. Lalu Malaikat itu bertanya lagi: 'Apakah kamu memiliki keperluan padanya?' Lelaki itu menjawab: 'Tidak ada!' Malaikat itu bertanya lagi: 'Apakah ada hubungan kekeluargaan di antara kamu dan dia?' Lelaki itu menjawab: 'Tidak.'

"Malaikat itu bertanya lagi: 'Apakah disebabkan pemberiannya kepadamu?' Lelaki itu menjawab: 'Tidak!' Malaikat itu bertanya lagi: 'Kalau begitu, apakah sebabnya?' Lelaki itu menjawab: 'Aku mencintainya kerana Allah'. Lalu malaikat itu berkata: 'Sesungguhnya Allah SWT telah mengutus aku kepadamu untuk menerangkan bahawa Dia mencintaimu, kerana kecintaanmu kepada saudaramu

[87] Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim dari Abu Hurairah r.a.

[88] Diriwayatkan oleh Ibnu Adi dari Anas r.a.

itu. Dan Dia telah mewajibkan syurga untukmu'."[89]

Nabi s.a.w. bersabda:

أَوْثَقُ عُرَى الْإِيْمَانِ الْحُبُّ فِي اللهِ وَالْبُغْضُ فِى اللهِ.

"Tali iman yang yang paling kukuh ialah mengasihi kerana Allah dan membenci kerana Allah."[90]

Di dalam satu riwayat disebutkan bahawa Allah SWT menurunkan wahyu kepada salah seorang nabi dengan berfirman: "Adapun zuhudmu di dunia (kebencianmu terhadap dunia) akan membuatmu segera beristirehat. Adapun keterputusanmu dari dunia kerana beribadat kepadaKu, maka sesungguhnya kamu telah memperoleh kemuliaan dengan Aku. Tetapi adakah kamu memusuhi seorang musuh di jalan-Ku? Dan adakah kamu mengasihi seorang kekasih di jalan-Ku?"

Nabi tersebut pun berdoa:

اللَّهُمَّ لاَ تَجْعَلْ لِفَاجِرٍ عَلَيَّ مِنَّةً فَتَرْزُقَهُ مِنِّيْ مَحَبَّةً.

"Ya Allah! Janganlah Engkau menjadikan apa yang menjadi kepunyaan orang zalim ada padaku, lalu Engkau kurniakan kecintaanku kepadanya!"[91]

Di dalam sebuah riwayat juga disebutkan bahawa Allah SWT pernah menurunkan wahyu kepada Nabi Isa a.s.: "Jika engkau mengerjakan ibadat seperti ibadat seluruh penduduk langit dan bumi, tetapi tidak ada cinta di jalan Allah serta tidak ada benci di jalan-Nya, maka ibadatmu itu tidak akan pernah cukup bagimu."

Oleh itu, Nabi Nabi Isa Alaihissalam berwasiat kepada kaumnya: "Berkasih-sayanglah kamu di jalan Allah SWT dengan kemarahan terhadap para pembuat maksiat kerana Dia semata-mata. Juga mendekatlah kepada Allah SWT dengan menjauhkan diri daripada mereka, serta carilah keredaan Allah dengan membenci mereka kerana Dia."

---

[89] Diriwayatkan oleh Muslim dari Abu Hurairah r.a.

[90] Diriwayatkan oleh Ahmad dari Barra' bin Azib dan al-Khara'iti dari Ibnu Mas'ud dengan sanad yang dha'if.

[91] Takhrijnya telah dijelaskan dalam pembahasan terdahulu.

Mendengar ini, para sahabat pun bertanya: “Wahai Rasulullah, lantas dengan siapa kami harus bersahabat?” Beliau menjawab: “Bersahabatlah kamu dengan orang yang dapat mengingatkan kamu kepada Allah SWT ketika kamu melihat mereka, yang kata-katanya menambahkan amalan kamu, dan yang dapat membangkitkan keghairahan dan semangatmu dalam beramal bagi kepentingan akhirat ketika kamu memandang mereka.”

Di dalam riwayat yang lain disebutkan bahawa Allah ‘Azza wa Jalla menurunkan wahyu kepada Nabi Musa Alaihissalam: “Wahai putera Imran, hendaklah kamu mencari seorang sahabat jika hatimu tergoda. Sahabat yang mampu menolong kamu tanpa reda-Ku bererti dia adalah musuhmu.”

Allah ‘Azza wa Jalla juga pernah berfirman kepada Nabi Daud a.s.: “Wahai Daud, mengapa engkau berada dalam kesendirian setelah meninggalkan manusia lain?” Daud menjawab: “Ya Allah, Tuhanku, aku lebih memilih bersendirian karena Engkau.” Allah SWT pun berfirman: “Wahai Daud, berhati-hatilah, carilah sahabat dan jangan pilih sahabat yang tidak dapat menolong kamu dengan reda-Ku. Sebab, mereka itu pada hakikatnya adalah musuhmu. Mereka akan membuat hatimu menjadi keras sekali gus menjauhkan kamu daripada Aku.”

Di dalam sebuah riwayat disebutkan bahawa Nabi Daud a.s. pernah berdoa kepada Allah SWT: “Wahai Tuhanku, bagaimana caranya agar semua manusia mengasihiku dan bersikap patuh kepada ajaran agama yang aku sampaikan?” Allah SWT menjawab: “Bergaullah dengan mereka mengikut watak mereka dan berbuat baiklah dengan segala sesuat yang ada di antara kamu dan Aku.”

Riwayat lainnya menyebutkan: “Perlakukanlah penduduk dunia dengan adab dunia dan perlakukan penduduk akhirat dengan adab akhirat.”

Rasulullah s.a.w. bersabda:

إِنَّ أَحَبَّكُمْ إِلَى اللهِ الَّذِيْنَ يَأْلِفُوْنَ وَيُؤْلَفُوْنَ وَإِنْ أَبْغَضَكُمْ إِلَى اللهِ الْمُشَاءُوْنَ بِالنَّمِيْمَةِ الْمُفَرِّقُوْنَ بَيْنَ الإِخْوَانِ.

"Yang amat dikasihi di antara kamu oleh Allah, ialah mereka yang menjinakkan hati orang lain dan yang dijinakkan hatinya oleh orang lain. Dan yang amat dimarahi di antara kamu oleh Allah, ialah orang-orang yang menyiarkan khabar fitnah, yang mencerai-beraikan di

antara sesama saudar.a."[92]

Baginda juga bersabda: "Sesungguhnya Allah mempunyai Malaikat, setengahnya daripada api dan setengahnya daripada salji, di mana Malaikat itu berdoa: 'Wahai Allah Tuhanku! Sebagaimana Engkau jinakkan antara salji dan api, maka demikian pula, jinakkanlah antara hati segala hamba-Mu yang soleh."[93]

Baginda juga bersabda: "Tidaklah seorang hamba menjalin persaudaraan di jalan Allah, melainkan Allah berikan kepadanya suatu tingkatan di dalam syurga."[94]

Baginda juga bersabda: "Mereka yang berkasih-kasihan di jalan Allah berada di atas sebuah tiang mutiara yaqut berwarna merah. Di puncak tiang itu terdapat tujuh puluh ribu kamar. Mereka menoleh kepada penduduk syurga yang mana kebaikan mereka memberikan cahaya kepada penduduk syurga tersebut, sebagaimana matahari memberi cahaya kepada penduduk dunia, maka berkatalah penduduk syurga: "Pergilah bersama kami agar kami dapat melihat orang-orang yang berkasih-kasihan di jalan Allah!" Lantas kebaikan mereka menyinari penduduk syurga sebagaimana matahari bersinar. Pada mereka terdapat kain sutera hijau yang bertulis di dahi mereka: 'Orang-orang yang berkasih-kasihan di jalan Allah."[95]

Di dalam atsar yang pernah disampaikan oleh para sahabat dan tabi'in, Ali bin Abu Thalib r.a. pernah berkata: "Hendaklah kamu banyak menjalin persahabatan (berkawan). Sebab, mereka akan menjadi wasilah di dunia dan di akhirat kelak. Apakah kamu belum mendengar ucapan para penghuni neraka sebagaimana yang difirmankan oleh Allah SWT:

فَمَا لَنَا مِن شَـٰفِعِينَ ﴿١٠٠﴾ وَلَا صَدِيقٍ حَمِيمٍ ﴿١٠١﴾

"*Kami tiada mempunyai orang-orang yang akan menolong. Dan tiada mempunyai teman yang setia.*"

(al-Syu'ara': 100-101)

---

[92] Diriwayatkan oleh Imam ath-Thabrani di dalam *al-Ausath* dan *al-Shaghir* daripada hadis Abu Hurairah r.a. dengan sanad yang lemah (dhaif).

[93] Dirwaytkan leh Abu al-Syeikh Ibnu Hibban di dalam Kitab al-Azhamah daripada hadis Muaz bn Jabal.

[94] Dirwayatkan oleh Ibnu Abu Duny di dalam Ktab al-Ikhwan daripada hadis Anas yang telah disebutkan sebelumnya.

[95] Diriwayatkan oleh Tirmizi di dalam al-Nawadir daripada hadis Ibnu Mas'ud dengan sanad yang dha'if.

Abdullah bin Umar r.a. juga pernah berkata: "Demi Allah, seandainya aku berpuasa sepanjang hari dan mendirikan solat sepanjang malam, serta menginfakkan semua hartaku di jalan Allah SWT tanpa perhitungan, tetapi aku mati pada hari aku mati tanpa ada cinta kepada seseorang yang mentaati Allah Azza wa Jalla, dan tidak ada rasa marah kepada orang yang menderhakai-Nya, maka semua itu tidak bermanfaat sedikit pun."

Ibnus Sammak berdoa ketika akan meninggal dunia: "Wahai Allah Tuhanku! Sesungguhnya Engkau mengetahui bahawa meskipun aku menderhakai-Mu, tetapi aku mencintai orang yang mentaati-Mu. Maka jadikanlah yang demikian itu mendekatkan aku kepada-Mu!"

Al-Hasan berkata sebaliknya: "Wahai anak Adam! Janganlah kamu terpedaya dengan perkataan orang yang mengatakan: 'Manusia itu bersama orang yang dikasihinya', kerana kamu tidak akan memperoleh darjat orang yang baik-baik kecuali dengan kamu mengamalkan semua amalan mereka. Sesungguhnya orang Yahudi dan Nasrani mencintai nabi-nabinya, tetapi mereka tidak bersama nabi-nabi mereka. Ini menunjukkan bahawa semata-mata mengasihi para nabi tanpa mengamalkan sebahagian amalan mereka atau seluruhnya, maka itu tidak bermanfaat."

Al-Fudlail pernah berkata: "Wah, kamu ingin menempati syurga Firdaus dan mendekati Tuhan Yang Maha Pengasih di rumah-Nya bersama para nabi, para siddiq, para syahid dan orang-orang soleh. Lantas amalan apakah yang telah kamu lakukan? Syahwat apakah yang telah kamu tinggalkan? Kemarahan apakah yang kamu tahan? Silaturahmi manakah yang telah putus lantas kamu sambungkan? Kesalahan manakah bagi saudaramu yang telah kamu maafkan? Orang dekat manakah yang telah kamu jauhi kerana Allah? Orang jauh manakah yang telah kamu dekati kerana Allah?"

Diriwayatkan pula bahawa Allah SWT telah menurunkan wahyu kepada Nabi Musa a.s.: "Apakah amalan-amalan yang kamu lakukan semata-mata hanya kerana ingin memperoleh keredaan-Ku?" Musa a.s. menjawab: "Ya Allah, Tuhanku, aku mendirikan solat, berpuasa, bersedekah, dan menunaikan perintah zakat hanya untuk-Mu."

Maka Allah SWT berfirman: "Sesungguhnya, solat adalah bukti yang jelas bagimu. Puasa merupakan perisai bagimu. Sedangkan sedekah adalah naungan

bagimu serta zakat adalah cahayamu. Tetapi, amalan apakah yang telah kamu buat untuk-Ku?" Musa a.s. menjawab: "Ya Allah, Tuhanku, jika demikian, tunjukkan kepadaku amalan yang Engkau maksudkan."

Allah SWT berfirman: "Wahai Musa, apakah kamu telah bersahabat dengan seseorang kerana Aku, dan membenci seseorang juga karena Aku?" Lalu Musa mengetahui bahawa amalan yang paling utama ialah berkasih-sayang dengan seseorang kerana Allah (di jalan Allah SWT) dan membenci seseorang juga kerana-Nya semata-mata.

Ibnu Mas'ud r.a. berkata: "Jika ada seorang lelaki berdiri mengerjakan solat di antara ar-rukn (sudut Ka'bah) dan al-Maqam (Maqam Ibrahim dekat Ka'bah), serta beribadat kepada Allah selama tujuh puluh tahun, nescaya dia akan dibangkitkan oleh Allah pada hari kiamat bersama orang yang dikasihinya."

Al-Hasan al-Bashri juga pernah berkata: "Membenci orang yang fasik adalah jalan untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT."

Seorang lelaki berkata kepada Muhammad bin Wasi': "Sesungguhnya aku mencintai kamu kerana Allah." Maka Muhammad bin Wasi' menjawab: "Kamu akan dicintai Allah ketika kamu mencintai aku kerana-Nya." Kemudian Muhammad bin Wasi' memalingkan wajahnya dan berdoa: "Ya Allah, ya Tuhanku! Sesungguhnya aku berlindung kepada-Mu ketika aku mencintai kerana Engkau, tetapi Engkau marah kepadaku."

Seorang lelaki masuk ke tempat Daud ath-Tha'i, lantas Daud bertanya kepadanya: "Apakah keperluanmu?"

Lelaki itu menjawab: "Mengunjungi kamu."

Maka Daud berkata lagi: "Adapun kamu, sesungguhnya kamu telah berbuat kebajikan ketika berkunjung ke mari. Tetapi perhatikanlah apa yang menimpa diriku ketika seseorang bertanya kepadaku: "Siapakah kamu sehingga kamu dikunjungi? Adakah kamu termasuk seorang yang zuhud? Tidak demi Allah! Adakah termasuk orang seorang ahli ibadat? Tidak, demi Allah! Adakah kamu termasuk orang soleh? Tidak, demi Allah!"

Kemudian, beliau meneruskan ucapannya untuk menunjukkan kekuarangannya dengan berkata: "Adapun aku ketika muda dahulu adalah seorang fasiq. Lantas ketika sudah tua, aku menjadi seorang yang riyak. Demi Allah, orang yang riyak itu

lebih jahat daripada orang yang fasiq."

Umar bin al-Khattab r.a. juga pernah berkata: "Ketika seseorang di antara kamu dicintai oleh saudaranya, maka hendaklah dia berpegang teguh dan memperhatikan perkara tersebut dengan baik. Sebab, sangat sedikit orang yang memperoleh anugerah seperti itu."

Al-Fudhail juga pernah berkata: "Barangsiapa yang memandang wajah saudaranya dengan kasih dan sayang, maka perbuatannya itu menjadi ibadat baginya."

2. Pengertian persaudaraan di jalan Allah

Berkenaan dengan perbezaan antara cinta kerana Allah SWT dan cinta kerana dunia, maka ketahuilah bahawa cinta kerana Allah atau cinta di jalan-Nya, dan juga benci kerana Allah merupakan perkara yang masih masih memerlukan penjelasan yang lebih terperinci. Semoga apa yang akan kita bincangkan di sini dapat menyingkapkan bahagian yang tersembunyi daripadanya. Pada hakikatnya, nilai-nilai persahabatan itu dibahagi menjadi dua: Yang pertama, persahabatan kerana Allah SWT. Dan yang kedua, persahabatan yang dilandasi oleh keinginan yang berkaitan dengan kepentingan dunia.

Bukan disebut cinta kerana Allah SWT apabila sekadar bergaul dengan tetangga, membaca al-Quran bersama-sama, berniaga di pasar yang sama, atau bersama-sama dalam suatu perjalanan jauh. Namun, apabila dilandasi dengan niat dan maksud demi mencapai cinta kita kepada Allah SWT, maka yang demikian itu dapat disebut sebagai cinta kerana Allah. Hingga menjadi semakin jelas, bahawa tidak tersedia pahala manakala suatu perbuatan tidak dilakukan dengan niat yang dilandasi oleh kecintaan kepada Allah SWT. Dan, kecintaan itu timbul atau lahir daripada amalan yang dibuat di atas pilihan sendiri.

Pada hakikatnya, cinta memiliki dua syarat utama, iaitu: Pertama, sesuatu itu dicintai kerana zatnya itu sendiri, dan bukan untuk menghantarkan kepada yang dicintai disebabkan bantuannya, atau bukan pula untuk sesuatu yang serupa lainnya di sebalik munculnya rasa cinta itu. Kedua, sesuatu itu dicintai kerana diharapkan dapat menghantarkan kepada tujuan melalui pertolongannya. Tujuan ini juga tidak hanya terbatas pada dunia ini sahaja, tetapi lebih dikaitkan dengan kepentingan akhirat atau terhadap pencapaian keredaan Allah SWT.

Dalam perkara ini, terdapat empat jenis sikap mencintai, iaitu:

Pertama: Seseorang dicintai kerana diri orang tersebut. Secara semula jadi, seseorang mungkin menjadi objek cinta orang lain ketika dia melihatnya, berkenalan dengannya, dan berprasangka baik terhadapnya setelah menyaksikan sifat dan perilakunya. Sesuatu yang indah merupakan objek kesenangan bagi seseorang yang menyukai keindahan. Tetapi, bukan hanya bentuk dan wujud zahir sahaja yang dapat menimbulkan kecintaan kita. Ada sesuatu yang lain, iaitu kualiti-kualiti batin. Rasulullah s.a.w. bersabda:

الأَرْوَاحُ جُنُودٌ مُجَنَّدَةٌ فَمَا تَعَارَفَ مِنْهَا ائْتَلَفَ وَمَا تَنَاكَرَ مِنْهَا اخْتَلَفَ.

”Jiwa) roh (seumpama tentera yang berbaris teratur .Yang saling mengenal akan saling mencintai di antara mereka .Sedangkan yang tidak saling mengenal ,nescaya akan saling berselisih di antara mereka[96]*“.*

Penyebab perbezaan dan perselisihan pendapat yang hebat di antara manusia adalah ketiadaan pengetahuan antara yang satu terhadap yang lainnya. Adapun cinta di antara kita tumbuh kerana sikap saling mengenali. Cinta akan secara fitrah lahir kerana pengenalan yang lebih mendalam.

Di dalam riwayat lain disebutkan, Rasulullah s.a.w. juga pernah bersabda: “Sesungguhnya arwah (jiwa) di alam mereka sana berkumpul dan bersahabat, laksana barisan tentera yang saling bertegur sapa.”

Sebahagian ulama menjelaskan tentang perkara ini dengan cara kinayah (sindiran) iaitu bahawa setelah menciptakan jiwa-jiwa manusia, Allah SWT lalu membiarkan mereka bebas bertebaran dan berkeliling di sekitar ‘Arsy. Jiwa-jiwa yang saling mengenal di sana akan bertemu di alam dunia, dan kemudian saling mengasihi.

Rasulullah s.a.w. bersabda:

إِنَّ رُوْحَي الْمُؤْمِنَيْنِ الْمُتَّقِيَيْنِ لَيَلْتَقِيَانِ عَلَى مَسِيْرَةِ يَوْمٍ، فَمَا رَأَى أَحَدُهُمَا صَاحِبَهُ قَطُّ.

---

[96] **Diriwayatkan oleh Imam Muslim daripada Abu Hurairah r.a.**

"Sesungguhnya arwah (jiwa) dua orang mukmin yang bertakwa akan bertemu dalam jarak perjalanan sehari. Padahal sebelum itu di antara keduanya tidak pernah bertemu."[97]

Di dalam sebuah riwayat disebutkan bahawa di Makkah ada seorang wanita yang suka mebuat wanita lain ketawa dan dia memiliki teman yang sama seperti dirinya di Madinah. Lantas wanita Makkah tadi datang ke Madinah dan menjumpai Aisyah r.a. serta membuat beliau ketawa. Maka Aisyah r.a. bertanya: "Di manakah kamu menginap?" Wanita tadi menyebutkan kepada Aisyah r.a. nama temannya. Maka Aisyah r.a. berkata: "Sungguh benar Allah dan Rasul-Nya. Aku mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda: "Jiwa itu adalah seumpana tentara yang berkumpul ... sampai akhir hadis di atas tadi."

Yang jelas pandang memandang dan percubaan menjadi saksi kejinakan hati ketika terdapat kesesuaian. Sedangkan kesesuaian watak dan akhlak secara batin dan zahir adalah sesuatu yang dapat difahami. Adapun sebab-sebab yang mengharuskan persesuaian itu, maka manusia tidak mampu untuk mendalaminya.

Maka tidak ada ertinya memasuki perkara yang tidak terbuka rahsianya (sirr) bagi umat manusia. Itu kerana tidak dikurniakan kepada kita ilmu pengetahuan kecuali sedikit sahaja. Cukuplah bagi kita percubaan dan penyaksian membenarkan yang demikian itu.

Berkenaan masalah ini, ada hadis yang menyebutkan bahawa Nabi s.a.w. bersabda: "Ketika seorang mukmin memasuki sebuah majlis yang di dalamnya terdapat seratus orang munafik dan seorang mukmin, maka dia akan duduk di dekat orang yang mukmin itu. Demikian pula jika seorang munafik memasuki sebuah majlis yang terdiri daripada seratus orang mukmin dan hanya terdapat seorang munafik, nescaya dia akan duduk di dekat orang munafik tersebut."[98]

Ini menunjukkan, bahawa kesamaan tabi'at akan saling menarik satu sama lain, walaupun mereka (pemilik tabi'at) itu sebelumnya tidak saling mengenal.

Malik bin Dinar berkata: "Di antara sepuluh orang, sekurang-kuranya ada dua orang yang tidak dapat secocok antara satu sama lain, kecuali jika kedua-duanya

[97] Diriwayatkan oleh Imam Ahmad daripada hadis Abdullah bin Umar r.a.

[98] Diriwayatkan oleh al-Baihaqi, sebagai hadis mauquf (terhenti) pada Ibnu Mas'ud.

memiliki watak yang sama."

Sesungguhnya jenis-jenis manusia, adalah seperti jenis-jenis burung. Tidak akan bersepakat dua jenis burung untuk terbang bersama, kecuali di antara keduanya ada kesesuaian." Lalu Malik bin Dinar meneruskan ucapannya dengan mengatakan bahawa pada suatu hari beliau melihat seekor burung gagak bersama seekor burung merpati.

Disebabkan hairan melihatnya, beliau pun berkata: "Kedua-duanya itu telah bersepakat meskipun kedua-duanya itu bukan daripada satu jenis burung." Kemudian, kedua ekor burung itu terbang dan ternyata kedua-duanya pincang. Maka Malik bin Dinar berkata: "Dari sisi inilah kedua-duanya sepakat."

Oleh itu, setengah ahli hikmah berkata: "Tiap-tiap manusia akan bersimpati kepada yang sejenis dengannya sebagaimana masing-masing burung itu terbang bersama jenisnya. Dan apabila dua orang bersahabat pada suatu waktu dan keadaan tidak serupa, maka keduanya mesti akan berpisah."

Dengan demikian, jelaslah bahawa kadang-kadang manusia mencintai sesuatu kerana zat benda tersebut, bukan kerana suatu faedah yang akan diperolehinya pada masa sekarang atau masa yang akan datang. Tetapi, kerana semata-mata kesejenisan dan kesesuaian pada sifat-sifat batin dan budi pekerti yang tersembunyi. Termasuk dalam bahagian ini ialah cinta kerana kecantikan apabila tidak ada maksudnya untuk melepaskan nafsu syahwat.

Sesungguhnya, rupa yang cantik adalah sedap dipandang mata, walaupun diumpamakan tidak ada nafsu syahwat sama sekali. Sehingga menjadi sedap memandang buah-buahan, sinar, bunga- bungaan, buah epal yang warnanya bercampur dengan kemerah-merahan, memandang air yang mengalir dan benda yang kehijau-hijauan tanpa suatu maksud selain daripada disebabkan zat benda itu sendiri.

Kecintaan tersebut tidak termasuk kecintaan kepada Allah. Tetapi ia adalah kecintaan dengan watak (sifat masing-masing) dan hawa nafsu. Yang demikian itu tergambar daripada orang yang tidak beriman kepada Allah, kecuali jika perkara tersebut mempunyai hubungan dengan suatu maksud yang tercela, maka jadilah ia tercela. Seperti kecintaan kepada rupa yang cantik untuk melepaskan hawa nafsu padahal tidak halal melepaskannya. Dan jika tidak berhubungan dengan suatu maksud yang tercela, maka ia dibenarkan (mubah), iaitu yang tidak disifatkan

dengan pujian dan celaan. Itu kerana kecintaan tersebut ada kalanya terpuji, ada kalanya tercela dan ada kalanya mubah, atau tidak terpuji dan tidak tercela.

Kedua: Bahawa mencintai sesuatu untuk memperoleh sesuatu daripada benda itu selain zatnya. Dengan demikian, benda tersebut menjadi wasilah (jalan) untuk sampai kepada yang dicintainya, selain daripada zat benda tersebut. Adapun wasilah kepada yang dicintai adalah sesuatu yang dicintai juga. Jika apa yang dicintai untuk kecintaan yang lain, maka hakikat yang lain itu adalah sesuatu yang dicintai. Maka jalan kepada yang dicintai adalah sesuatu yang dicintai juga.

Manusia mencintai emas dan perak, tetapi yang dia kehendaki bukanlah keduanya. Itu kerana ia tidak diambil untuk menjadi makanan dan pakaian. Tetapi kedua-duanya adalah wasilah untuk memperoleh apa yang dicintai.

Oleh itu, di antara manusia ada yang dicintai sebagaimana emas dan perak dicintai sebagai wasilah kepada sesuatu yang dikehendaki. Itu kerana dengannya, dia dapat mencintai kemewahan atau harta atau ilmu pengetahuan. Sebagaimana seseorang mencintai sultan (penguasa) kerana dapat menggunakan hartanya atau kemewahannya. Atau mencintai orang-orang dekat sultan agar mereka menyebutkan perkara-perkara baik tentang dirinya di hadapan sultan sehingga dia memperoleh perhatian sultan.

Apabila manfaat wasilah yang digunakan untuk sampai kepadanya terbatas pada dunia sahaja, maka kecintaannya itu tidak termasuk dalam sejumlah kecintaan di jalan Allah. Jika tidak terbatas faedahnya pada dunia sahaja, tetapi tidak dimaksudkan selain untuk dunia, seperti kecintaan murid kepada gurunya, maka itu juga di luar kecintaan kerana Allah. Itu kerana mencintai guru bertujuan untuk memperoleh ilmu pengetahuan daripadanya. Maka yang dicintainya adalah ilmu pengetahuan.

Apabila tidak dimaksudkan dengan ilmu pengetahuan itu untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT, tetapi untuk memperoleh kemewahan, harta dan penerimaan orang ramai, maka yang dicintainya adalah kemewahan dan penerimaan orang ramai tersebut.

Adapun ilmu pengetahuan di sini menjadi wasilah (jalan) kepadanya, dan guru adalah wasilah kepada ilmu pengetahuan. Maka tidak ada sedikit pun dalam yang demikian itu kecintaan kepada Allah. Itu kerana semuanya itu tidak wujud pada orang yang tidak beriman kepada Allah SWT.

Kemudian, yang demikian ini terbahagi kepada dua, iaitu yang tercela dan yang mubah. Apabila yang dimaksudkan dengan kecintaan itu agar tercapai maksud-maksud yang tercela seperti pemaksaan teman-teman, pengambilan harta anak-anak yatim, kezaliman pemimpin-pemimpin dengan urusan kehakiman atau selainnya, maka kecintaan seperti ini tercela. Manakala jika yang dimaksudkan dengan kecintaan itu untuk mencapai sesuatu yang mubah (yang dibenarkan), maka itu adalah mubah.

Jika wasilah itu diniatkan untuk mencapai sesuatu yang mubah, maka hukum menggunakan wasilah tersebut dan sifatnya mengikut tujuan yang hendak dicapai dan tidak berdiri sendiri.

Ketiga: Mencintai sesuatu, bukan kerana zat sesuatu tersebut, tetapi untuk sesuatu yang lain di mana sesuatu yang lain tersebut tidak kembali kepada bahagiannya di dunia, tetapi kembali kepada bahagiannya di akhirat.

Maka ini pun jelas, tidak ada kesamaran di dalamnya. Ini sama seperti orang yang mencintai guru dan syeikhnya. Itu kerana melalui guru dan syeikhnya itu dia berjaya memperoleh ilmu dan kepandaian dalam beramal. Adapun yang menjadi tujuannya dengan memiliki ilmu dan amal itu ialah untuk memperoleh kemenangan di akhirat.

Dengan demikian, ia termasuk dalam jumlah orang-orang yang mencintai di jalan Allah. Begitu juga orang yang mencintai muridnya disebabkan murid itu memperoleh ilmu daripadanya. Sedangkan dia mencapai pangkat pengajar melalui perantaraan muridnya itu. Melalui ini pula dia mencapati darjat yang tinggi, iaitu pengagungan di alam yang tinggi (alam malakut). Itu kerana Isa a.s. berkata: “Barangsiapa yang belajar, mengamalkan dan mengajar, maka orang tersebut dinamakan sebagai orang besar di alam yang tinggi.”

Mengajar tidak akan sempurna tanpa adanya murid. Maka murid itu adalah alat (medium) untuk memperoleh kesempurnaan tersebut. Apabila dia mencintai murid disebabkan dia menjadi alatnya dengan menjadikan dadanya sebagai ladang tempat guru bercucuk tanam sehingga guru mencapai tingkatan pengagungan di alam malakut, maka dia mencintai di jalan Allah.

Bahkan orang yang bersedekah dengan hartanya kerana Allah, dikumpulkannya tetamu dan dihidangkan untuk mereka makanan yang lazat dan jarang dijumpai untuk mendekatkan diri kepada Allah, lalu dia menyayangi tukang masak kerana

baik pekerjaannya dalam memasak, maka dia itu termasuk dalam golongan orang-orang yang mencintai di jalan Allah.

Begitu juga jika dia mencintai orang yang dia utus untuk menyampaikan sedekah (zakat) kepada orang yang berhak menerimanya, maka sesungguhnya dia mencintai orang itu di jalan Allah. Bahkan kami tambahkan di atas ini lagi: "Apabila dia mencintai orang yang menjadi pelayannya dalam mencuci pakaiannya, menyapu rumahnya dan memasak makanannya sehingga dengan itu dia dapat mengabdikan seluruh waktunya untuk ilmu pengetahuan atau amal perbuatan atau agar dia dapat menyerahkan seluruh waktunya untuk beribadat, maka dia termasuk mencintai di jalan Allah."

Bahkan kami tambahkan lagi: "Apabila dia mencintai orang yang membelanjainya dengan harta, yang menolongnya dengan pakaian, makanan, tempat tinggal dan semua maksud yang dimaksudkannya di dunia, dan tujuannya adalah agar dapat menggunakan seluruh waktunya untuk kepentingan ilmu dan amal yang mendekatkan kepada Allah, maka dia dianggap mencintai di jalan Allah."

Dahulu ada sekumpulan orang yang keperluannya ditanggung oleh beberapa orang kaya. Maka orang yang menolong dan yang ditolong itu termasuk bahagian daripada orang-orang yang cinta-mencintai di jalan Allah.

Bahkan kami tambahkan lagi bahawa orang yang berkahwin dengan seorang wanita soleh agar dia terpelihara dengan wanita itu daripada gangguan syaitan dan dapat menjaga agamanya dengan wanita itu, atau supaya dia memperoleh daripada wanita itu anak yang soeh, yang akan berdoa untuknya dan dia mencintai isterinya itu disebabkan dia menjadi alat untuk mencapai maksud-maksud keagamaan tersebut, maka dia termasuk orang yang mencintai di jalan Allah."

Oleh kerana itu, banyak hadis yang menerangkan tentang kesempumaan pahala dan balasan bagi orang yang membelanjai keluarganya sehingga sesuap makanan yang dimasukkan oleh seorang lelaki ke dalam mulut isterinya. Bahkan kami katakan bahawa tiap-tiap orang yang terkenal mencintai Allah, mencintai keredaan-Nya dan mencintai perjumpaan dengan-Nya di negeri akhirat, maka apabila dia mencintai orang lain, nescaya dia mencintai di jalan Allah. Itu kerana tidak tergambar dia mencintai sesuatu kecuali ada kesesuaian untuk yang menjadi kecintaannya, iaitu keredaan Allah *Azza wa Jalla*.

Bahkan aku tambahkan bahawa apabila berkumpul di dalam hatinya dua kecintaan, iaitu kecintaan kepada Allah dan kecintaan kepada dunia serta berkumpul pada seseorang dua maksud bersama-sama, sehingga patut untuk dia memperoleh wasilah (jalan) kepada Allah dan kepada dunia. Maka apabila dicintainya itu untuk kebaikan kedua perkara tersebut, nescaya dia termasuk orang-orang yang mencintai di jalan Allah.

Ini seperti orang yang mencintai gurunya yang mengajarnya ilmu agama dan mencukupkan baginya segala keperluan dunia, dengan memberikan harta. Maka dia mencintai gurunya itu di mana menurut sifatnya ialah mencari kesenangan di dunia dan kebahagian di akhirat. Lantas gurunya itu adalah wasilah kepada keduanya. Maka dia termasuk mencintai di jalan Allah.

Dan tidak termasuk syarat mencintai Allah bahawa dia tidak mencintai sedikit pun kebahagiaan di dunia. Itu kerana doa yang diajarkan oleh para nabi yang meghimpun antara dunia dan akhirat. Di antara doa tersebut ialah doa:

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةً.

"Wahai Tuhan kami! Datangkanlah kepada kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat!"

Nabi Isa a.s. berdoa: "Ya Allah! Janganlah Engkau kecewakan musuhku, disebabkan aku! Janganlah Engkau burukkan temanku, disebabkan aku! Janganlah Engkau jadikan bahaya yang menimpa diriku ke atas agamaku! Janganlah Engkau jadikan dunia sebagai cita-citaku yang paling besar!" Maka menolak kekecewaan musuh termasuk bahagian daripada dunia. Isa a.s. tidak mengatakan: "Janganlah Engkau jadikan dunia sebagai cita-cita utamaku!" Tetapi dia mengatakan: "Janganlah Engkau jadikan dunia itu sebagai cita-citaku yang paling besar!"

Nabi Muhammad s.a.w. berdoa:

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ رَحْمَةً أَنَالُ بِهَا شَرَفَ كَرَامَتِكَ فِي الدُّنْيَا وَ الآخِرَةِ.

"Ya Allah! Sesungguhnya aku memohonkan rahmat kepada-Mu yang dengan rahmat itu aku dapat mencapai kemuliaan limpahan kurnia-Mu di dunia dan di akhirat!"

Nabi s.a.w. berdoa:

اللهُمَ عَافِنِي مِنْ بَلاَءِ الدُّنْيَا وَعَذَابِ الآخِرَةِ.

"Ya Allah! Selamatkanlah aku daripada bencana dunia dan bencana akhirat."

Kesimpulannya, apabila kecintaan terhadap kebahagiaan di akhirat tidak berlawanan dengan kecintaan kepada Allah SWT, lantas bagaimana boleh kecintaan kepada keselamatan, kesihatan, kecukupan dan kemuliaan di dunia berlawanan dengan kecintaan kepada Allah?"

Dunia dan akhirat adalah dua perkara atau keadaan yang satu sama lain sebenarnya lebih dekat daripada yang kita perkirakan. Sehingga apabila seseorang tidak menyukai kebahagiaan hari ini dan kebahagiaan di dunia ini, bagaimana mungkin dia mampu mencintai kebahagiaan esok hari? Dia tentu akan mencintai kebahagiaan esok hari, kerana esok hari adalah keadaan yang kekal dan abadi.

Ada dua jenis kesenangan dan kenikmatan dunia ini. Pertama, yang bertentangan dengan kesenangan akhirat, dan merupakan penghalang yang sangat nyata. Para Nabi dan kekasih Allah SWT sangat berhati-hati dengan jenis kesenangan yang demikian ini. Kedua, kesenangan yang tidak bertentangan dengan kesenangan akhirat, dan ini tidak terlarang bagi mereka. Sebagaimana pernikahan, menyantap makanan yang dihalalkan, dan sebagainya.

Tidaklah dapat dibantah bahawa kecintaanmu kepada seseorang manusia akan bertambah kuat disebabkan sejumlah maksud-maksud yang terikat satu sama lain terhadap orang itu. Maka jika sebahagian daripada maksud-maksud itu terhambat, nescaya berkuranglah kecintaanmu kepadanya. Dan jika bahagian daripada maksud-maksud itu bertambah, nescaya kecintaanmu menjadi bertambah.

Maka tidaklah kecintaanmu kepada emas, seperti kecintaanmu kepada perak, apabila jumlahnya bersamaan. Itu kerana emas menyampaikan kepada maksud-maksud yang lebih banyak berbanding apa yang dapat disampaikan oleh perak. Jadi, kecintaan itu bertambah dengan bertambahnya maksud.

Keempat: Dia mencintai kerana Allah dan di jalan Allah, bukan untuk memperoleh ilmu atau pekerjaan daripadanya atau untuk sebagai wasilah (medium) kepada sesuatu di sebalik diri orang itu sendiri, dan inilah darjat yang paling tinggi! Cinta semacam ini sangat dimungkinkan, kerana ia tidak berbatas, atau melampaui segala batasan yang ada. Cinta jenis ini menyebar kepada segala sesuatu dan apa sahaja yang mempunyai hubungan dengan yang dicintai.

Seorang pecinta bahkan mencintai segala yang ada pada apa yang dicintainya, dan dia bahkan mencintai apa pun serta siapa pun yang dicintai oleh orang yang dicintainya itu. Seorang pecinta juga mencintai orang yang mengabdi kepada yang dicintainya, mencintai orang yang memuji dan memuliakan orang yang dicintainya, serta berusaha untuk selalu menyenangkan perasaannya.

Baqiyah bin al-Walid pernah berkata: "Ketika seorang mukmin mencintai mukmin lainnya, maka dia akan mencintainya bahkan sehingga haiwan peliharaannya."

Apabila cinta telah tertanam dengan kuat, maka cinta itu akan menyebar luas bukan hanya kepada orang yang dicintai sahaja, akan tetapi juga kepada beberapa perkara di luar diri yang dicintai. Cinta kepada Allah Azza wa Jalla pun tidak berbeza dengan itu. Ketika cinta kepada Allah SWT membalut hati seorang hamba, maka ia akan menguasai hati tersebut dan akan berkembang menjadi cinta kepada segala sesuatu di sekelilingnya.

Oleh kerana itu, ketika seorang hamba mencintai Allah SWT, maka dia akan melihat kekuasaan-Nya berada di dalam segala sesuatu. Orang yang mencintai seseorang, maka ia akan mencintai setiap hasil ciptaan, tulisan, dan perbuatan orang tersebut. Oleh itu, ketika buah-buahan segar yang baru dipetik dipersembahkan kepada Rasulullah s.a.w., maka beliau meletakkannya di hadapan mata, begitu menghargai dan mengaguminya, kemudian bersabda: "Ia berada di dekatku sekarang ini berkat kebaikan dari sisi Tuhanku."

Cinta akan mengurangkan, bahkan menghilangkan semua rasa sakit seorang pecinta, jika itu berkaitan dengan orang yang dicintai. Sehingga sekumpulan pecinta yang cintanya mencapai darjat tertinggi, mereka akan berkata: "Kami tidak membezakan antara penderitaan dan kebahagiaan, kerana semua berasal dari sisi Allah SWT dan kami merasa reda dengan apa yang diredai-Nya."

Seseorang yang mencintai seorang pemimpin, sudah tentu dia juga akan mencintai orang yang dicintai oleh pemimpin tersebut. Seorang kekasih Allah SWT pernah berkata: "Apabila rasa sakit mampu memberi kebahagiaan, apakah luka yang terbuka masih pula menimbulkan rasa sakit?" Besarnya cinta seseorang kepada orang lain berbanding lurus dengan pemberian ke atas apa yang dicintainya. Itu kerana cinta kepada seseorang telah membalut sanubarinya sehingga cinta kepada perkara yang lain tidak ditemui lagi di dalam dirinya.

Oleh kerana itu, seorang kekasih akan mempersembahkan segala apa yang dimilikinya untuk mengharapkan keredaan Allah SWT. Sehingga dapat difahami bahawa Abu Bakar r.a. tidak meninggalkan apa pun bagi diri dan keluarganya ketika Rasulullah s.a.w. memerintahkan untuk berinfak di jalan Allah SWT.

Umar bin al-Khattab r.a. bercerita: "Ketika Rasulullah s.a.w. sedang duduk bersama Abu Bakar yang memakai baju berlubang di bahagian dadanya, tiba-tiba malaikat Jibril a.s. diutus turun dan berkata kepada Rasulullah: 'Ya Rasulullah, mengapa Abu Bakar memakai baju berlubang seperti itu?' Baginda menjawab: 'Itu kerana seluruh hartanya telah dia infakkan sebelum penaklukan kota Makkah.'

Malaikat Jibril pun berkata:'Sampaikan salam sejahtera daripada Allah SWT kepadanya, dan katakan bahawa Tuhannya telah berfirman kepadanya: 'Apakah engkau reda atau tidak dengan kemiskinanmu itu?' Rasulullah s.a.w. melihat kepada Abu Bakar lalu berkata, 'Wahai Abu Bakar, telah datang malaikat Jibril yang menyampaikan salam sejahtera kepadamu langsung dari sisi Allah kerana pengorbananmu.' Baginda lantas menyampaikan apa yang baru sahaja dikatakan oleh malaikat Jibril.' Maka Abu Bakar pun menangis dan berkata: 'Aku reda dengan apa yang telah diredai oleh Tuhanku'."[99]

Maka dapatlah diambil kesimpulan, bahawa tiap-tiap orang yang mencintai orang alim atau orang abid atau mencintai orang yang menggemari ilmu atau ibadat atau kebajikan, maka sesungguhnya dia mencintai orang yang tersebut tadi di jalan Allah dan kerana Allah. Kemudian dia memperoleh pahala dan ganjaran mengikut kekuatan cintanya.

Maka inilah huraian tentang kecintaan di jalan Allah dan tingkatan-tingkatannya. Dengan ini, menjadi jelas pula tentang kemarahan di jalan Allah. Tetapi di sini akan kami tambahkan lagi penjelasannya.

3. Maksud kemarahan di jalan Allah

Berkaitan dengan sikap marah yang dilandasi oleh keredaan Allah SWT, maka orang yang mencintai-Nya tidak mempunyai pilihan lain kecuali benci kerana Allah. Sebab, orang yang mencintai orang lain kerana perbuatan baiknya

[99] Diriwayatkan oleh Ibnu Hibban dan al-'Uqaili di dalam *al-Du'afa'*. Sedangkan Imam al-Zahabi berkata di dalam al-Mizan bahawa hadis ini adalah tidak memiliki asas (dusta).

akan membenci —pada kesempatan yang berbeza- kepada orang itu diakibatkan perbuatan maksiatnya.

Kedua-dua perkara ini, cinta dan benci, berhubungan erat satu sama lain dan sukar untuk dipisahkan. Ketika kedua perkara itu diungkapkan dalam kata-kata, maka kedua-duanya disebut sebagai persahabatan dan permusuhan. Allah Azza wa Jalla telah berfirman kepada Nabi Musa a.s.: “Apakah kamu mengambil teman dan lawan kerana Aku? Engkau tidak mencintai seseorang kecuali kerana kesetiaan dan ketaatannya, dan kamu tidak membenci seseorang kecuali kerana kejahatan dan kederhakaannya?”

Bermacam-macam perbuatan bersatu pada diri seseorang. Sebahagian disukai, sedang sebahagian lainnya cenderung dibenci oleh manusia. Anda mencintai kerana satu alasan, dan membenci kerana alasan yang lain. Seorang isteri cantik yang bersikap derhaka dicintai oleh suaminya kerana satu sifat, dan dibenci kerana sifat lainnya. Seorang muslim boleh jadi dicintai kerana keislamannya, dan boleh jadi pula dibenci kerana perbuatan dosa yang telah dia lakukan. Kebencian dapat diungkapkan melalui kata-kata dan perbuatan.

Apabila kebencian harus dinyatakan melalui kata-kata, maka seharusnya kita tidak lagi bercakap kepada si penderhaka yang kadang-kadang kita menggunakan kalimat-kalimat yang kasar. Apabila kebencian diungkapkan melalui tindakan, maka kadang-kadang kita menyakiti si pelaku dosa dan menghancurkan semua rancangan jahatnya. Itu semua boleh dilakukan jika sebanding dan sesuai dengan dosanya.

Akan tetapi, jika dia mahu bertaubat, hendaklah kita berusaha menutupi keburukan perbuatannya. Ketika kita membenci seseorang, kita boleh membenci dirinya kerana kesalahan yang telah dia lakukan. Itu pun dilakukan dengan cara-cara yang sesuai dengan tuntunan Islam. Kita boleh memprotes perbuatan dosanya, menjauhinya, tidak mahu menemuinya, dan sebagainya. Dengan catatan, semua itu harus dilandasi dengan sikap membenci atas perbuatan dosanya. Bukan membenci orangnya.

Kita tidak seharusnya membuang rasa simpati daripada para pelaku kesalahan. Justeru, seharusnya kita berusaha memberikan bantuan yang dia perlukan. Selain itu, kita juga seharusnya melakukan usaha-usaha lain yang boleh membantunya keluar daripada persoalan yang mengandungi dosa tersebut.

Masitah bin Atsatsah pernah menyebarkan fitnah (berita bohong) tentang Aisyah r.a. Sayyidina Abu Bakar r.a., sebagai ayah Aisyah, yang biasa memberikan bantuan kepada Masitah, ketika mendengar berita tersebut, beliau pun menghentikan bantuan yang biasa dia berikan kepadanya. Abu Bakar juga bersumpah tidak akan memberi bantuan lagi kepadanya untuk selama-lamanya.

Lalu turunlah ayat berikut ini kepada Rasulullah s.a.w. yang mengingatkan tentang apa yang tidak seharusnya dilakukan oleh Abu Bakar r.a.:

وَلَا يَأْتَلِ أُولُوا الْفَضْلِ مِنكُمْ وَالسَّعَةِ أَن يُؤْتُوا أُولِي الْقُرْبَىٰ وَالْمَسَاكِينَ وَالْمُهَاجِرِينَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ ۖ وَلْيَعْفُوا وَلْيَصْفَحُوا ۗ أَلَا تُحِبُّونَ أَن يَغْفِرَ اللَّهُ لَكُمْ ۗ وَاللَّهُ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٢٢﴾

"Dan janganlah orang yang mempunyai kelebihan dan kelapangan di antara kamu bersumpah bahawa mereka (tidak) akan memberi (bantuan) kepada kerabat(nya), orang miskin dan orang yang berhijrah di jalan Allah dan hendaklah mereka memaafkan dan berlapang dada. Apakah kamu tidak suka bahawa Allah mengampuni kamu? Dan Allah Maha Pengampun, lagi Maha Penyayang."

(al-Nur: 22)

Meskipun dosa Masitah sangat besar, namun Abu Bakar merasa tidak tenang jiwanya disebabkan sikapnya terhadap Masitah, sehingga turunlah ayat tersebut. Memberi maaf kepada orang yang berbuat zalim kepada kita adalah sebahagian daripada kebiasaan serta akhlak para siddiqin.

Berkaitan dengan kumpulan orang yang suka berbuat maksiat, dan perlakuan yang seharusnya terhadap mereka, maka ada dua kumpulan yang berhubungan dengan mereka. Iaitu, mereka dalam keadaan tidak beriman, atau mereka melakukan maksiat serta dosa hanya dalam amal dan perilaku. Sementara iman kepada Allah masih tertanam di hatinya.

Orang yang tidak memiliki iman di dalam hatinya disebut orang kafir, musyrik, atau para pelaku bid'ah — dalam urusan akidah—. Ada dua kumpulan pelaku bid'ah jenis ini. Kumpulan pertama ialah pelaku bid'ah yang menyerukan kepada pemikiran dan pandangan yang bertentangan dengan syariat. Sedangkan kumpulan

yang kedua adalah pelaku bid'ah yang hanya diam sahaja; tidak menyebarkan kesesatannya.

Adapun kumpulan yang tidak aktif menyebarkan pemikiran serta pandangan yang menyesatkan tersebut, mungkin mereka dipaksa melakukan perkara yang demikian, atau atas asas kemahuan mereka sendiri. Oleh kerana itu, ada tiga kumpulan pelaku maksiat yang berkaitan dengan keimanan.

Pertama: Orang kafir. Apabila dia kafir harbi atau orang kafir yang memerangi serta menaikkan bendera peperangan terhadap kaum muslimin, maka dia boleh dibunuh atau ditawan untuk kemudian dijadikan hamba. Tidak ada lagi hukuman baginya kecuali dibunuh atau dijadikan hamba sahaya. Sedangkan kafir zimmi (orang kafir yang meminta mahupun telah diberi perlindungan, suaka) tidak boleh disakiti.

Namun demikian, apabila mereka berusaha melawan umat Islam, maka boleh dihukum dengan cara melakukan kerja paksa. Untuk menghinakannya, penguasa muslim boleh melakukan perkara itu dengan cara menyempitkan penghidupan mereka. Selain itu, kita dilarang lebih dahulu mengucapkan salam kepada mereka, tidak bergaul dengan mereka seperti kepada sahabat kita sendiri, atau tidak melakukan jual-beli dengan mereka yang keuntungannya dapat dialihkan kepada sesama muslim.

Juga tidak bersikap lembut dalam erti berkasih-sayang seperti terhadap sesama Muslim. Sebagaimana Allah SWT telah berfirman:

لَّا تَجِدُ قَوْمًا يُؤْمِنُونَ بِٱللَّهِ وَٱلْيَوْمِ ٱلْـَٔاخِرِ يُوَآدُّونَ مَنْ حَآدَّ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ وَلَوْ كَانُوٓا۟ ءَابَآءَهُمْ أَوْ أَبْنَآءَهُمْ أَوْ إِخْوَٰنَهُمْ أَوْ عَشِيرَتَهُمْ ۚ أُو۟لَـٰٓئِكَ كَتَبَ فِى قُلُوبِهِمُ ٱلْإِيمَـٰنَ وَأَيَّدَهُم بِرُوحٍ مِّنْهُ ۖ وَيُدْخِلُهُمْ جَنَّـٰتٍ تَجْرِى مِن تَحْتِهَا ٱلْأَنْهَـٰرُ خَـٰلِدِينَ فِيهَا ۚ رَضِىَ ٱللَّهُ عَنْهُمْ وَرَضُوا۟ عَنْهُ ۚ أُو۟لَـٰٓئِكَ حِزْبُ ٱللَّهِ ۚ أَلَآ إِنَّ حِزْبَ ٱللَّهِ هُمُ ٱلْمُفْلِحُونَ ﴿٢٢﴾

"Kamu (wahai Muhammad) tidak akan mendapati suatu kaum yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, saling berkasih sayang dengan orang yang menentang Allah dan Rasul-Nya, sekalipun orang itu

bapanya, anaknya, saudaranya atau keluarganya.

"Mereka itulah orang yang dalam hatinya telah ditanamkan oleh Allah keimanan dan Allah telah menguatkan mereka dengan pertolongan yang datang daripada-Nya. Lalu dimasukkan-Nya mereka ke dalam syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai, mereka kekal di dalamnya. Allah reda terhadap mereka dan mereka pun merasa puas terhadap (limpahan rahmat)Nya. Merekalah golongan Allah (para pendukung agama-Nya). Ingatlah, sesungguhnya golongan Allah itulah yang beruntung."

(al-Mujadilah: 22)

Allah SWT juga telah berfirman:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ لَا تَتَّخِذُواْ عَدُوِّي وَعَدُوَّكُمۡ أَوۡلِيَآءَ تُلۡقُونَ إِلَيۡهِم بِٱلۡمَوَدَّةِ وَقَدۡ كَفَرُواْ بِمَا جَآءَكُم مِّنَ ٱلۡحَقِّ يُخۡرِجُونَ ٱلرَّسُولَ وَإِيَّاكُمۡ أَن تُؤۡمِنُواْ بِٱللَّهِ رَبِّكُمۡ إِن كُنتُمۡ خَرَجۡتُمۡ جِهَٰدٗا فِي سَبِيلِي وَٱبۡتِغَآءَ مَرۡضَاتِيۚ تُسِرُّونَ إِلَيۡهِم بِٱلۡمَوَدَّةِ وَأَنَا۠ أَعۡلَمُ بِمَآ أَخۡفَيۡتُمۡ وَمَآ أَعۡلَنتُمۡۚ وَمَن يَفۡعَلۡهُ مِنكُمۡ فَقَدۡ ضَلَّ سَوَآءَ ٱلسَّبِيلِ ١

"Wahai orang yang beriman! Janganlah kamu menjadikan musuh-Ku dan musuh kamu sebagai teman-teman rapat sehingga kamu sampaikan kepada mereka (berita-berita Muhammad), kerana rasa kasih sayang; padahal mereka telah ingkar kepada kebenaran yang disampaikan kepadamu. Mereka telah mengusir Rasulullah dan kamu sendiri (dari Tanah Suci Makkah) kerana kamu beriman kepada Allah, Tuhanmu.

"Jika kamu benar-benar keluar untuk berjihad pada jalan-Ku dan untuk mencari keredaan-Ku (janganlah kamu berbuat demikian). (Tidak ada sebarang faedahnya) kamu mengadakan hubungan kasih sayang dengan mereka secara sulit sedangkan Aku lebih mengetahui apa yang kamu sembunyikan dan apa yang kamu zahirkan. Dan barangsiapa di antara kamu yang melakukannya, maka sesungguhnya dia telah tersesat dari jalan yang lurus."

(al-Mumtahanah: 1)

Kedua: Pelaku bid'ah. Para pelaku bid'ah seringkali menyeru orang lain agar berbuat bid'ah. Apabila bid'ah yang dilakukannya membawa orang lain kepada kekufuran, hukumannya lebih berat daripada hukuman bagi kafir zimmi. Sebab, dia tidak boleh diberi keringanan sebagaimana kafir zimmi. Apabila dia tidak membawa orang lain kepada kekufuran, maka hukumannya lebih ringan daripada hukuman bagi kafir zimmi. Bid'ah mengajak orang kepada kesesatan kerana pelakunya percaya bahawa pandangannya benar. Oleh kerana itu, kejahatan bid'ah juga besar sekali.

Cara terbaik untuk mengungkapkan kemarahan dan kebencian terhadapnya adalah menjauhkan manusia dari para pelaku bid'ah, serta memperlihatkan kemarahan kepadanya kerana bid'ah yang dilakukan. Sebagaimana Rasulullah s.a.w. pernah bersabda:

"Allah SWT akan memenuhi sanubari dengan kedamaian dan keimanan bagi seorang hamba yang sangat membenci kepada tindakan ahli bid'ah. Allah SWT juga akan menaungi seorang hamba yang gemar meluruskan tindakan dari para pelaku bid'ah -saat berada di alam dunia- pada hari di mana terjadi kegundahan yang luar biasa (di Mahsyar). Dan bagi sesiapa yang menganggap remeh tindakan bid'ah serta menganggap mulia para pelaku bid'ah, maka seolah dia memandang sebelah mata terhadap apa (risalah) yang diturunkan oleh Allah SWT kepada Muhammad s.a.w."[100]

Ketiga: Orang awam yang melakukan bid'ah. Apabila orang lain tidak mengikutinya atau ia tidak sanggup membawa orang lain mengikuti pandangannya, maka urusannya lebih mudah daripada yang pertama dan yang kedua. Sebaiknya ia diperlakukan secara tegas sejak awal. Apabila perlakuan itu tidak efektif, akan lebih baik jika ia dijauhi.

Keempat: Para pelaku dosa dan maksiat. Mereka yang berbuat dosa dan maksiat lazimnya adalah orang yang tidak taat kepada perintah Allah SWT dalam perbuatan, serta bukan kerana keimanan. Pelaku dosa dan maksiat ini terbahagi menjadi dua. Yang pertama, adalah orang yang menyebabkan orang lain merasa sakit, sulit atau terganggu oleh tindakannya seperti penganiayaan, perampasan,

[100] Diriwayatkan oleh Imam Abu Nu'aim dalam al-Hilyah. Juga oleh Imam al-Harawi dalam *Zam al-Kalam* daripada hadis Ibnu Umar r.a. dengan sanad yang daif.

kesaksian palsu, fitnah, caci-maki, dan sebagainya. Yang kedua, adalah orang yang tidak menimbulkan rasa sakit, kesulitan atau gangguan kepada orang lain dengan perbuatannya itu.

Para pelaku dosa dan maksiat semacam itu juga terbagi menjadi dua. Yang pertama, mereka yang mengajak orang lain kepada perbuatan dosa dan maksiat. Dan, yang kedua, mereka yang tidak mengajak orang lain kepada perbuatan dosa serta maksiat, seperti; seorang peminum arak, namun tidak mengajak orang lain minum arak.

Dengan demikian, ada tiga jenis pelaku maksiat. Perbuatan maksiat jenis pertama mendatangkan mudarat bagi orang ramai, misalnya berbuat zalim, membuat kesaksian palsu, mengumpat serta memfitnah, dan sebagainya. Adalah lebih utama apabila kita tidak bergaul dengan mereka, menjauhkan diri dari mereka, dan tidak melakukan transaksi apa pun dengan mereka.

Ada tiga kumpulan pelaku maksiat jenis ini. Iaitu, jenis pertama, orang yang mudah membunuh, orang yang mengambil harta bergerak orang lain dengan jalan batil (tidak sah, dengan berlaku zalim serta aniaya), dan orang yang mengambil harta tidak bergerak milik orang lain dengan jalan yang batil (zalim serta aniaya). Sebaiknya kita tidak bergaul dengan mereka. Lebih besar kesalahan, akan lebih besar pula hukumannya.

Jenis kedua, pelaku maksiat menciptakan penyebab gangguan dan memudahkan kepada jalan kerosakan bagi banyak orang. Mereka memang tidak merosak dan menimbulkan kesukaran atau rasa sakit secara langsung pada urusan dunia orang ramai, tetapi kerana perbuatannya itu mereka mengganggu urusan akhirat ramai orang. Pelaku maksiat jenis ini mula-mula harus diperlakukan dengan lemah-lembut dan hubungan dengannya mesti dibatasi.

Jenis ketiga, orang yang melakukan dosa besar, seperti minum arak, meninggalkan yang wajib atau melakukan yang terlarang yang tidak menjadi lebih ringan persoalannya. Apabila kita melihat dia melakukan perbuatan dosa besar tersebut, kita wajib melarangnya. Caranya boleh dengan menegurnya atau dengan tindakan lain, kerana melarang atau mencegah perbuatan jahat hukumnya wajib.

Apabila orang itu sudah biasa melakukan perbuatan demikian, maka kita mesti memberi nasihat; kalau masih ada kemungkinan baginya meninggalkan perbuatan itu. Apabila ada manfaatnya memperlakukan orang itu dengan tegas, kita harus

melakukannya. Tetapi, apabila memberikan nasihat akan dirasa sia-sia, maka dia harus dibimbing oleh kesedarannya sendiri untuk mengambil tindakan yang tepat.

Ada riwayat yang menceritakan bahawa seorang pemabuk dipukul beberapa kali di hadapan Rasulullah s.a.w., tetapi orang berkenaan tetap tidak meninggalkan minum arak. Seorang sahabat berkata: "Semoga kutukan Allah SWT ditimpakan ke atas peminum arak." Tetapi Rasulullah s.a.w. bersabda: "Janganlah kamu menjadi penolong bagi syaitan berkenaan dengan perkara saudaramu."[101]

Ini menunjukkan, bahawa perkataan yang demikian sudah cukup baginya. Kita tidak boleh bersikap kasar atau menghinanya. Berkenaan dengan syarat-syarat yang diperlukan dalam menjalin hubungan persahabatan, ketahuilah wahai pembaca yang baik, tidak setiap manusia sesuai untuk dijadikan teman atau sahabat. Rasulullah s.a.w. bersabda:

الْمَرْءُ عَلَى دِينِ خَلِيلِهِ فَلْيَنْظُرْ أَحَدُكُمْ مَنْ يُخَالِلُ.

"Manusia itu mengikuti kebiasaan sahabat dekatnya. Oleh kerana itu, hendaklah salah seorang dari kamu memikirkan siapa yang akan dijadikan sebagai sahabat dekatnya."[102]

Oleh itu, hendaklah kita melihat terlebih dahulu watak, perilaku, dan sifat orang yang akan kita jadikan sebagai teman atau sahabat. Buatlah persyaratan berdasarkan manfaat yang dapat diambil daripada seorang sahabat, dan selidikilah terlebih dahulu, manfaat dunia mahupun akhirat yang akan kita dapatkan daripada persahabatan dengannya. Harta, nama baik, dan pergaulan merupakan bahagian dari manfaat dunia. Semua ini bukan menjadi objek perbincangan kita sekarang ini.

Sedangkan manfaat-manfaat keagamaan daripada persahabatan antara lain ialah: Pertama, memperoleh pengetahuan dan melatih melakukan amal kebaikan. Kedua, menjaga diri dari kemegahan dan kemasyhuran yang dapat menyebabkan perasaan menjadi risau. Ketiga, memperoleh harta untuk mencukupkan diri dengannya. Keempat, mendapatkan pertolongan dalam perkara yang penting serta sangat diperlukan dalam keadaan bahaya mahupun sulit, dan dalam banyak urusan

---

[101] Diriwayatkan oleh Imam Abu Nu'aim dalam *al-Hilyah*. Juga oleh Imam al-Harawi di dalam Zam al-Kalam dan hadis Ibnu Umar r.a. dengan sanad yang lemah.

[102] Diriwayatkan oleh Imam Abu Daud, juga oleh Imam al-Tirmizi dan beliau menilainya hasan.

lainnya. Kelima, mendapatkan berkat daripada doa seorang sahabat. Keenam, mengharapkan syafa'at daripada seorang sahabat di akhirat kelak.

Seorang ulama salaf pernah brkata: "Banyakkanlah sahabat, kerana sesungguhnya setiap mukmin berhak untuk memperoleh syafa'at. Mudah-mudahan engkau akan dimasukkan oleh Allah SWT ke dalam surga-Nya kerana syafa'at berasal daripada sahabatmu."

Allah SWT berfirman:

وَيَسْتَجِيبُ ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ وَعَمِلُواْ ٱلصَّٰلِحَٰتِ وَيَزِيدُهُم مِّن فَضْلِهِۦ

"Dia memperkenankan doa orang-orang beriman, serta mereka yang mengerjakan amal soleh, dan menambahkan pahala mereka daripada kurnia-Nya.

(al-Syura: 26)

Untuk menjelaskan makna ayat di atas, terdapat sebuah hadis yang menyebutkan bahawa orang-orang yang beriman dan beramal soleh dapat memberi syafa'at bagi sahabat-sahabatnya dan Allah SWT akan memasukkan mereka ke dalam syurga bersama para sahabatnya itu. Dalam membahas ayat ini disebutkan pula bahawa ketika seorang hamba diberi keampunan oleh Allah SWT, maka dia akan memperoleh hak syafa'at bagi para sahabat karibnya.

Ada beberapa syarat untuk memperoleh manfaat tersebut yang akan dijelaskan di sini. Orang yang akan kita ikat dengan tali persahabatan harus mempunyai lima perkara pada dirinya, iaitu; akal, akhlak yang baik, tidak berbuat fasik (bukan penggemar tindakan maksiat), bukan ahli bid'ah, tidak bersikap rakus dan mabuk dengan urusan dunia.

Pertama: Berakal. Akal adalah pokok atau asas daripada kekayaan. Berteman dengan orang bodoh dan tidak berpengetahuan tidak akan mendatangkan kebaikan sama sekali.

Teman yang bodoh akan meninggalkan kawannya dalam bencana. Meskipun barangkali dia ingin sekali memberikan manfaat, tetapi dia membawa mudarat kepada kawannya disebabkan kebodohannya.

Oleh kerana itu, seorang ahli hikmah berkata di dalam syairnya:

Aku merasa lebih aman daripada musuh yang berakal

Dan aku merasa takut kepada sahabat yang gila

Akal adalah seni dan aku mengetahui jalan untuk mensiasatinya

Sementara kegilaan sukar diteka arahnya.

Seorang yang bijak dan sentiasa menggunakan akalnya adalah orang yang memahami setiap tindakannya. Adapun seorang yang bodoh adalah orang yang tidak mengetahui yang hak (yang benar) dan yang batil (yang salah). Seorang bodoh tidak mengerti kebenaran dan kebatilan, sekalipun diberi penjelasan oleh orang lain.

Kedua: Memiliki akhlak yang mulia. Seorang kawan haruslah orang yang memiliki akhlak atau budi pekerti yang baik. Sebab, banyak orang yang bijak dan berakal lazimnya mengetahui segala sesuatu secara benar. Adapun jika seorang bodoh marah, maka nafsu syahwat, kebakhilan, dan ketakutan menguasai dirinya. Dia akan bertindak menuruti hawa nafsunya, serta melakukan perkara-perkara yang bertentangan dengan fungsi akalnya. Maka tidak ada gunanya mempunyai sahabat seperti itu.

Ketiga: Tidak bersikap fasik. Seorang sahabat harus memiliki perilaku keagamaan yang baik, dan tidak bersahabat dengan seorang yang fasik. Tidak ada kebaikan bersahabat dengan para pelaku maksiat. Orang yang bertakwa kepada Allah SWT tidak mungkin terlibat dalam dosa. Tetapi, jika seseorang tidak bertakwa kepada Allah SWT, boleh jadi kita tidak selamat daripada perbuatannya yang bodoh, dan kita tidak boleh percaya kepada perkataannya. Dia akan mudah berubah fikiran, sesuai dengan perubahan kepentingan pada dirinya.

Allah SWT berfirman:

وَلَا تُطِعْ مَنْ أَغْفَلْنَا قَلْبَهُۥ عَن ذِكْرِنَا وَٱتَّبَعَ هَوَىٰهُ وَكَانَ أَمْرُهُۥ فُرُطًا

"D*an janganlah kamu mengikuti orang yang hatinya telah Kami lalaikan daripada mengingati Kami, serta menuruti hawa nafsunya dan adalah keadaannya itu melewati batas.*"

(al-Kahfi: 28)

Allah SWT berfirman:

فَلَا يَصُدَّنَّكَ عَنْهَا مَن لَّا يُؤْمِنُ بِهَا وَٱتَّبَعَ هَوَىٰهُ فَتَرْدَىٰ ﴿١٦﴾

"*Maka sekali-kali janganlah kamu dipalingkan daripadanya oleh orang yang tidak beriman kepadanya dan oleh orang yang mengikut hawa nafsunya, menyebabkan kamu binasa.*"

(Taha: 16)

Keempat: Pelaku bid'ah. Wajib hukumnya bagi kita untuk tidak bergaul dengan para ahli bid'ah. Apa manfaat yang akan diperoleh daripadanya? Sayyidina Umar bin al-Khattab r.a. memberikan isyarat berkenaan tingkah laku keagamaan seorang sahabat.

Beliau berkata: "Hendaklah kamu bersahabat dengan orang-orang yang benar menjaga dirinya daripada melakukan bid'ah. Itu kerana kamu akan hidup dalam naungan mereka jika tidak ikut mengerjakannya. Sesungguhnya, mereka akan meningkatkan kegembiraan ketika sedang bergembira dan menghilangkan kesedihan ketika sedang menderita.

"Bertimbang rasalah dengan urusan teman-temanmu, jauhkanlah dirimu daripada musuhmu, dan berilah peringatan kepada temanmu. Tetapi, jangan pernah jauhi orang-orang yang dapat dipercayai. Orang yang tidak takut kepada Allah bukanlah orang yang dapat dipercaya. Janganlah bersahabat dengan orang yang derhaka kepada Allah dan gemar berbuat dosa besar. Jangan dedahkan rahsia kamu kepadanya. Bahaslah urusan kamu dengan orang-orang yang takut kepada Allah SWT."

Seorang ahli hikmah bernama Alqamah al-Ataraidi berwasiat kepada anak lelakinya ketika dia akan meninggal dunia: "Wahai anakku, apabila kamu merasa perlu untuk bersahabat, maka bersahabatlah dengan orang yang akan menyelamatkanmu jika engkau menyelamatkannya, yang akan meningkatkan keindahan akhlakmu jika kamu bersahabat dengannya, yang akan membantumu ketika kamu berada dalam kesulitan.

"Apabila kamu menghulurkan tanganmu kepadanya, dia akan menghulurkan tangannya kepadamu. Dia akan membantumu dalam melakukan perbuatan baik yang kamu kerjakan. Dia akan cuba menghilangkan keburukan apabila dia melihatnya ada pada dirimu. Dia akan memberimu apabila kamu menghendaki sesuatu daripadanya.

"Dia akan memulai perbincangan denganmu ketika kamu hanya berdiam diri. Dia akan menolongmu ketika bencana menimpa dan menyakitkanmu. Dia akan

membenarkan perkataanmu ketika kamu berniat akan mengerjakan suatu amal kebajikan. Dia akan mendudukkan pendapatmu di tempat terhormat ketika berlaku perbezaan pendapat di antara kamu."

Al-Junaid juga pernah berkata: "Persahabatan dengan seorang fasik yang berakhlak baik lebih aku sukai daripada persahabatan dengan seorang terpelajar namun berakhlak buruk."

Seorang sufi terkenal bernama Bisyir juga pernah berkata: "Ada tiga macam sahabat. Yang pertama, sahabat bagi akhiratmu. Yang kedua, sahabat bagi duniamu. Dan yang ketiga, sahabat untuk untuk menghaluskan hatimu."

Seorang bijak mengatakan bahawa manusia itu seumpama pepohonan, sebahagian di antaranya dapat memberikan naungan namun tidak berbuah. Pepohonan yang demikian itu seumpama orang yang tidak mempunyai manfaat bagi akhirat, dan hanya bermanfaat di dunia ini sahaja. Manfaat di dunia akan segera lenyap seperti lenyapnya naungan dalam waktu sekejap.

Di antara manusia ada yang dapat diumpamakan pohon yang berbuah, namun tidak memiliki naungan. Mereka seperti orang yang tidak ada manfaatnya di dunia ini, namun bermanfaat bagi akhirat. Sebahagian pohon memiliki buah dan sekali gus dapat dijadikan sebagai tempat bernaung.

Sebahagian lainnya tidak berbuah, dan tidak memiliki naungan sama sekali, seperti sebuah pohon yang durinya membuat pakaian koyak, dan yang tidak memiliki sesuatu yang dapat dimakan daripadanya. Mereka seperti ular dan tikus.

Sayyidina Ali bin Abu Talib r.a. pernah mengatakan di dalam sebuah syair:

Sahabatmu yang sejati adalah sesiapa yang setia bersamamu, yang rela menderita demi kebaikanmu

Yang apabila engkau tengah ditimpa musibah dia mendatangimu, dan yang sedia berkorban demi menolongmu

Dalam kalangan orang-orang salafus soleh yang masih memegang teguh hukum-hukum syarak, terdapat tradisi mencari ahli waris keluarga dan sahabat yang sudah meninggal dunia selama empat puluh tahun lamanya. Setelah bertemu, mereka berusaha membantu memenuhi keperluan ahli waris sahabat itu. Bahkan hampir setiap hari mereka bersilaturahmi untuk memberikan harta yang mereka miliki. Mereka berharap, para ahli waris yang ditinggalkan sahabatnya (arwah)

itu tidak merasa kehilangan si ayah yang sudah tiada. Bahkan, ahli waris yang ditinggalkan melihat mereka sebagai figur yang tidak berbeza dengan arwah ayahnya ketika masih hidup.

Abu Zarr al-Ghiffari r.a. juga pernah berkata: "Kesendirian lebih baik daripada sahabat yang berakhlak buruk. Dan, sahabat yang berakhlak baik lebih baik daripada kesendirian."

Allah SWT berfirman:

وَعِبَادُ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلَّذِينَ يَمْشُونَ عَلَى ٱلْأَرْضِ هَوْنًا وَإِذَا خَاطَبَهُمُ ٱلْجَٰهِلُونَ قَالُوا۟ سَلَٰمًا ﴿٦٣﴾

"*Adapun hamba-hamba Tuhan Yang Maha Pemurah itu adalah orang yang berjalan di bumi dengan rendah hati dan apabila orang bodoh menyapa mereka (dengan kata-kata yang menghina), mereka mengucapkan salam.*"

(Surah al-Furqan: 63)

Maksud daripada ayat di atas adalah: "Kami selamat daripada perbuatan maksiat kamu, dan kamu terlepas daripada keburukan kami."

Ali r.a. pernah berkata: "Barangsiapa yang menghidupkan amalan kamu, maka hidupkan agama kamu dengan bersahabat dengannya."

Luqman al-Hakim r.a. pernah menasihati puteranya: "Wahai anakku, sering-seringlah kamu duduk bersama para ulama. Sebab sesungguhnya hatimu akan hidup dengan kebijaksanaan mereka, sebagaimana tanah menjadi hidup kerana disiram air hujan."

B. Hak-hak persaudaraan dan persahabatan

Ketahuilah, bahawa ikatan persaudaraan atau persahabatan tidak berbeza dengan ikatan perkahwinan antara suami dan isteri. Sebagaimana hak-hak dan kewajipan muncul daripada ikatan perkahwinan, demikian pula sejumlah hak dan kewajipan lahir daripada ikatan persaudaraan dan persahabatan. Hak-hak persahabatan dan persaudaraan tersebut ada lapan:

1. Hak dalam kekayaan dan kepemilikan

Rasulullah s.a.w. bersabda:

مَثَلُ الْأَخَوَيْنِ مَثَلُ الْيَدَيْنِ تُغْسَلُ إِحْدَاهُمَا الْأُخْرَى.

"Dua orang yang bersaudara laksana kedua belah tangan, di mana yang satu akan membasuh yang lain."

Demikian pula persahabatan antara dua orang akan sempurna apabila satu sama lain saling menjaga, seolah-olah mereka adalah satu jasad serta tujuan, dan mereka saling menolong serta berbagi suka mahupun duka. Ada tiga tingkat pengorbanan diri demi orang lain atau sahabat.

Tingkatan yang paling rendah adalah menempatkannya pada tingkat seorang hamba atau pelayan, dan memenuhi segala keperluannya dengan membelanjakan kelebihan harta yang dimiliki. Ketika dia mempunyai hajat atau keperluan, kamu sudah seharusnya memberikan kelebihan hartamu kepadanya tanpa diminta. Apabila kamu sampai memaksa dia meminta kepadamu, maka kamu boleh dianggap termasuk melanggar batas-batas hak dan kewajipan persahabatan.

Tingkatan yang kedua adalah menempatkan sahabat pada kedudukan yang setingkat denganmu, dan kamu rela berbahagi dengannya sama ada dalam harta mahupun kepemilikan sejenis lainnya. Kamu juga menempatkan kedudukan dirinya satu darjat dengan dirimu, hingga kamu pun menjadi kawan yang sejajar dengannya.

Imam al-Hasan al-Basri pernah berkata: "Seorang sahabat pernah membahagi kainnya menjadi dua dan memberikan satu bahagian kepada sahabatnya."

Tingkatan yang ketiga ialah menempatkan keperluan kawan di atas keperluan peribadi. Ini adalah darjat orang siddiq (orang yang benar dalam setiap tindakan dan juga membenarkan). Sebahagian daripada buahnya ialah mengorbankan keperluan dirinya sendiri demi kepentingan orang lain.

Di alam sebuah riwayat disebutkan ada sekumpulan orang jahat tengah memfitnah sekumpulan sufi di hadapan Khalifah. Akibatnya, Khalifah memerintahkan agar para salafussoleh itu dibunuh. Di antara mereka terdapat Abul Hasan al-Nuri. Sebelum yang lain maju, dia tampil ke hadapan algojo (juru pancung) sambil berkata: "Gantunglah aku terlebih dahulu."

Ketika ditanya alasannya, dia menjawab: “Aku ingin menyelamatkan jiwa para sahabatku, walaupun hanya beberapa saat sahaja sebagai pengganti hidupku.” Inilah yang menjadi penyebab bahawa hidup para salafussoleh itu terselamatkan.

Tingkatan yang paling rendah umumnya tidak disenangi oleh orang-orang yang soleh dan berpegang teguh pada agamanya. Diriwayatkan pula bahawa Utbah al-Ghulam pada suatu hari pergi ke rumah sahabatnya dan berkata: “Aku memerlukan empat ribu dinar daripada hartamu.” Sahabatnya berkata: “Ambillah dua ribu sahaja.”

Utbah meninggalkan sahabatnya itu sambil berkata: “Aku mengambil Allah sebagai pengganti dunia ini dan kamu memilih dunia, bukannya Allah SWT. Apakah kamu tidak malu mengatakan persahabatan di jalan Allah, namun menempatkan cinta kepada dunia lebih tinggi daripada persahabatan?”

Di alam dunia ini hendaklah kita tidak bersahabat dengan orang-orang yang masih berada di tingkatan paling rendah dalam persahabatan ini. Abu Hazm pernah berkata: “Apabila kamu memiliki sahabat di jalan Allah SWT, maka jangan pernah kamu libatkan dirinya dalam urusan duniamu.”

Tingkatan yang paling tinggi memiliki sifat-sifat yang dipuji oleh Allah SWT, sebagaimana yang telah dijelaskan di dalam firman Allah:

وَٱلَّذِينَ ٱسْتَجَابُوا۟ لِرَبِّهِمْ وَأَقَامُوا۟ ٱلصَّلَوٰةَ وَأَمْرُهُمْ شُورَىٰ بَيْنَهُمْ وَمِمَّا رَزَقْنَـٰهُمْ يُنفِقُونَ ﴿٣٨﴾

“Dan juga (bagi) orang yang menerima (mematuhi) seruan Tuhan dan melaksanakan solat, sedang urusan mereka (diputuskan) dengan musyawarah di antara mereka; dan mereka menginfakkan sebahagian daripada rezeki yang Kami berikan kepada mereka.”

(al-Syura: 38)

Dengan perkataan lain, mereka mencampur-adukkan harta mereka dalam erti tidak membeza-bezakannya. Apabila salah seorang mengatakan: “Ini alas kakiku,” maka mereka tidak mahu bersahabat dengannya. Sebab, perkataan tersebut bererti bahawa barang tersebut tetap miliknya, bukan milik bersama.

Suatu hari Fath al-Mausuli pergi ke rumah sahabatnya, dan kebetulan sahabatnya itu sedang tidak berada di rumah. Dia lantas berkata kepada pelayan

perempuan daripada sahabatnya itu: “Bawakan kepadaku peti wang milik tuanmu.” Ketika si pelayan mengeluarkan peti wang yang diminta, al-Mausuli mengambil daripadanya beberapa keping wang sesuai dengan apa yang menjadi keperluannya. Si pelayan memberitahukan kemudian kepada tuannya tentang perkara tersebut, maka tuannya berkata: “Jika kamu benar, maka kamu aku merdekakan. Sebab, apa yang kamu sampaikan adalah khabar gembira buatku.”

Pada suatu hari, seorang lelaki datang kepada Abu Hurairah r.a. dan berkata kepadanya: “Aku ingin bersahabat denganmu kerana Allah SWT.”

Abu Hurairah menjawab: “Tahukah kamu, apa sahaja hak-hak seorang sahabat?” Dia berkata: “Beritahukan itu, wahai Abu Hurairah.” Kata Abu Hurairah: “Salah satu daripada hak-hak persahabatan iaitu, bahawa hakmu ke atas hartamu dan kepemilikanmu tidak lebih besar daripada hakku ke atasnya.” Orang itu kemudian berkata: “Aku belum sampai kepada tingkatan seperti itu.” Maka Abu Hurairah berkata: “Jika demikian, pergilah menjauh daripadaku.”

Pada suatu ketika, seorang lelaki datang kepada Ibrahim bin Adham yang ingin pergi ke Baitul Maqdis (masjid suci yang terdapat di Yerussalem). Dia berkata: “Aku ingin sekali menemanimu.” Ibrahim berkata kepadanya: “Ya, aku mahu, dengan syarat aku lebih berhak ke atas wangmu brbanding kamu sendiri.” Orang itu menjawab: “Tidak.” Lalu Ibrahim berkata: “Kesungguhanmu menakjubkanku.”

Orang itu kemudian menjelaskan: “Apabila ingin bersahabat dengan seseorang, Ibrahim tidak akan berbeaza pendapat dengan orang itu. Sebab, dia tidak pernah bersahabat kecuali dengan orang yang sependapat dengannya.”

Ibnu Umar r.a. juga pernah berkata: “Pada suatu ketika seorang lelaki mempersembahkan kepala kambing kepada seorang sahabat yang lain. Sahabat itu kemudian mengirimkan kepala kambing tersebut kepada sahabat lain yang dianggapnya lebih memerlukan. Yang terakhir ini lalu mengirimkannya kepada yang lain lagi, demikian seterusnya. Kepala kambing itu berpindah tangan hingga tujuh kali (tujuh orang), dan akhirnya kembali kepada pemberi yang pertama.”

Ketika Rasulullah s.a.w. mempersaudarakan antara Abdurrahman bin Auf dan Sa’id bin ar-Rabi’, Abdurrahman menawarkan pilihan kepada saudaranya itu berkenaan harta kepemilikannya seraya berkata: “Allah SWT telah menganugerahi aku harta yang berlimpah. Oleh kerana itu, ambillah daripadanya apa yang engkau

inginkan."[103] Sa'id bin al-Rabi' memiliki kualiti persamaan dan Abdurrahman memiliki kualiti pengorbanan diri yang lebih baik daripada persamaan.

Sayyidina Ali bin Abu Talib r.a. pernah berkata: "Membelanjakan dua puluh dirham kepada seorang sahabat kerana Allah SWT lebih aku sukai daripada memberi sedekah seratus dirham kepada orang miskin dan lemah."

Sudah seharusnya kita mengikuti keteladanan Nabi kita Muhammad s.a.w. berkaitan dengan pengorbanan diri, sebagaimana yang juga telah dilakukan oleh para sahabat Baginda. Pernah suatu ketika, Baginda masuk ke sebuah pedalaman bersama beberapa sahabat dan mengambil dua potong kayu untuk bersiwak. Yang satu lurus dan yang lainnya agak bengkok. Beliau memberikan yang lurus kepada seorang sahabat yang kemudian berkata: "Ya Rasulullah, demi Allah, engkau lebih sederhana daripada aku. Oleh kerana itu, engkau lebih berhak terhadap yang lurus daripada aku."

Kemudian Rasulullah s.a.w. bersabda: "Apabila seseorang bersahabat dengan sesamanya, walaupun hanya sesaat sahaja dalam sehari, soalan akan diajukan oleh Allah SWT kepadanya tentang hak-hak persahabatannya itu, apakah dia menegakkannya atau justeru mensia-siakannya."[104]

Rasulullah s.a.w. pernah pergi ke sebuah tempat mandi untuk membersihkan tubuh Baginda. Seorang sahabat dekat Baginda yang bernama Huzaifah r.a. menutupi tempat Baginda mandi dengan sehelai kain sampai selesai.

Setelah setelah mandi, Nabi akan menutupi Huzaifah dengan kain itu untuk bergantian, tetapi dia berkata kepada Baginda: "Wahai Rasulullah, demi ayah dan ibuku, jangan lakukan itu." Tetapi, Rasulullah tetap memegangi kain itu sehingga Huzaifah menyelesaikan mandinya.[105] Kemudian Baginda bersabda: "Setiap dua orang yang bersahabat, maka yang lebih dicintai oleh Allah di antara keduanya ialah yang lebih bersikap lembut (sayang) kepada sahabatnya."[106]

---

[103] Diriwayatkan oleh Imam Bukhari dan hadis Anas bin Malik r.a.

[104] Tidak kami temukan sumber rujukan dengan lafaz seperti ini.

[105] Tidak kami temukan pula sumber rujukan dengan lafaz seperti ini.

[106] Takhrijnya telah kami sampaikan pada pembahasan sebelum ini dengan sedikit perbezaan pada redaksinya, namun maknanya serupa.

Ada sebuah riwayat yang menceritakan bahawa Malik bin Dinar dan Muhammad bin Wasi' pergi ke rumah al-Hasan al-Basri. Namun al-Hasan al-Basri tidak ada di rumah. Muhammad bin Wasi' mengeluarkan satu wadah makanan yang berada di bawah tempat tidur al-Hasan lalu memakannya. Malik bin Dinar berkata: "Tahanlah tanganmu sehingga pemiliknya datang."

Tiba-tiba al-Hasan al-Basri muncul di situ, lalu berkata: "Wahai Malik, begitulah kebiasaan kami, tidak ada halangan apa pun di antara kami dalam perkara seperti ini. Sebab, Allah SWT telah memerintahkan kepada kita semua agar memperlakukan sahabat kita dengan sebaik-baiknya."

Allah SWT berfirman:

أَوۡ مَا مَلَكۡتُم مَّفَاتِحَهُۥٓ أَوۡ صَدِيقِكُمۡۚ

"Atau di rumah yang kamu miliki kuncinya, atau di rumah sahabat-sahabatmu."

(al-Nur: 61)

Ketika itu, seorang sahabat menyerahkan kunci rumahnya kepada sahabatnya yang kerana itu dia dibenarkan untuk membelanjakan apa sahaja yang dikehendaki. Tetapi, sahabatnya itu menahan diri daripada menikmati kemudahan tersebut kerana perasaan takut kepada Allah SWT. Sebab, Allah SWT berfirman: "Perintahkan kepada mereka untuk menghormati saudaranya sebagai sahabat, dan berikan makanan kepada mereka agar mereka puas."

2. Menolong kawan yang memerlukan sebelum dia minta

Ada beberapa tingkatan dalam urusan pertolongan kepada sahabat. Tingkatan yang paling rendah daripada pertolongan seseorang kepada sahabatnya adalah memenuhi keperluan (pokok) yang bersangkutan dengan reda dan ikhlas, ketika dia meminta untuk itu.

Sebahagian orang bijak berkata: "Apabila seseorang meminta sahabatnya memenuhi suatu keperluan, lantas yang diminta tidak memenuhinya, maka ingatkan untuk kedua kalinya, siapa tahu dia lupa. Apabila dia masih tidak memenuhinya juga tanpa penjelasan apa pun, maka bertakbirlah, lalu bacakanlah ayat berikut ini:

وَٱلۡمَوۡتَىٰ يَبۡعَثُهُمُ ٱللَّهُ

"Dan orang-orang yang mati akan dibangkitkan oleh Allah."

(al-An'am: 36)

Ini bererti, bahawa dia tidak berbeza dengan mereka yang sudah meninggal dunia.

Diriwayatkan juga bahawa ada seorang sufi yang menjaga dan melindungi anggota keluarga sahabatnya selama empat puluh tahun setelah kematian sahabatnya itu.

Rasulullah s.a.w. bersabda:

أَلاَ وَإِنَّ لِلّٰهِ أَوَانِيْ فِيْ أَرْضِهِ وَهِيَ الْقُلُوْبُ فَأَحَبُّ الْأَوَانِيْ إِلَى اللهِ تَعَالَى أَصْفَاهَا وَأَصْلَبُهَا وَأَرَقُّهَا أَصْفَاهَا مِنَ الذُّنُوْبِ وَأَصْلَبُهَا فِي الدِّيْنِ وَأَرَقُّهَا عَلَى الْإِخْوَانِ

"Ketahuilah ,bahawa Allah SWT mempunyai bejana-bejana di bumi-Nya ,iaitu hati .Adapun bejana yang paling disukai oleh Allah SWT adalah hati yang paling bersih ,paling jernih ,dan paling lembut .Paling bersih daripada noda dosa ,paling jernih dalam urusan agama ,dan paling lembut dalam bersikap kepada sahabat[١٠٧]*".*

Adapun yang dimaksudkan dengan" Yang paling bersih "ialah bersih daripada noda dosa .Sedangkan" Yang paling jernih "bererti tegas dalam beragama ,dan "Yang paling lembut "ertinya baik kepada sahabat dan kerabat.

Dengan kata lain ,hendaklah kita memerhatikan dan memenuhi keperluan sahabat ,seperti terhadap diri kita sendiri atau bahkan lebih daripada itu .Sebab ,kita selalu peduli terhadap keperluan sendiri ,maka demikian pulalah hendaknya kita bersikap terhadap keperluan sahabat kita .Jangan sampai dia meminta kita untuk memenuhi keperluannya .Usahakan dengan sebaik-baiknya untuk menghilangkan kesukaran dan kesusahan sahabat kita.

[107] Diriwayatkan oleh Imam al-Thabrani daripada hadis Abu 'Utbah al-Khaulani dengan sedikit perbezaan pada redaksinya, namun maknanya serupa. Adapun status dari isnadnya adalah jayyid (baik).

Imam al-Hasan al-Basri pernah berkata" :Sahabat boleh jadi lebih kita kasihi berbanding isteri dan anak kita .Sebab ,biasanya keluarga kita memperingatkan kita tentang urusan dunia ini .Akan tetapi ,sahabat kita di jalan Allah akan sentiasa mengingatkan kita kepada urusan akhirat".

Di dalam sebuah atsar disebutkan: "Barangsiapa yang mengunjungi seorang sahabat untuk bersilaturahmi kerana Allah, maka seorang malaikat akan menyeru-nya dari belakangnya: 'Khabar baik, khabar baik, syurga telah disediakan untukmu'!"[108]

Rasulullah s.a.w. pernah bersabda kepada Ibnu Umar r.a.:

إِذَا أَحْبَبْتَ أَحَدًا فَسَلْهُ عَنِ اسْمِهِ وَاسْمِ أَبِيْهِ وَعَنْ مَنْزِلِهِ فَإِنْ كَانَ مَرِيْضًا عُدْتَهُ وَإِنْ كَانَ مَشْغُوْلاً أَعَنْتَهُ.

"Apabila kamu mengasihi seseorang, maka tanyakan namanya, nama ayahnya dan juga alamatnya. Jika dia sakit, pergilah menjenguknya. Dan jika dia tengah banyak pekerjaan, maka segeralah membantunya."[109]

Suatu ketika, Ibnu Abbas r.a. pernah ditanya: "Siapa orang yang paling engkau cintai?" Jawabnya: "orang yang menjadi sahabat dudukku sebanyak tiga kali, sekalipun tidak ada keperluannya terhadapku, dan tidak mengharapkan keuntungan apa pun daripadaku. Dan, aku tahu bahawa tujuannya adalah bukan untuk kepentingan dunia ini."

3. Hak lidah untuk diam dan bercakap

Kadang-kadang engkau perlu bercakap dengan seorang sahabat, dan terkadang juga tidak. Janganlah engkau membuka rahsia sahabatmu, apalagi jika dia meminta untuk merahsiakannya, bahkan kepada sahabat-sahabatnya yang lain sekalipun. Jangan pula membuka rahsia sahabatmu, sekalipun ia berada di tempat yang sangat jauh. Sebab, membuka rahsia sahabat kepada orang lain merupakan ciri dari budi pekerti (akhlak) yang sangat buruk. Jangan membicarakan sesuatu

---

[108] Takhrijnya telah disampaikan pada bahasan terdahulu.

[109] Diriwayatkan oleh Imam al-Kharraithi di dalam bahasan tentang *Makarim al-Akhlaq*. Juga oleh Imam al-Baihaqi di dalam al-Syu'ab al-Iman dengan sanad yang lemah (daif).

yang buruk tentang seorang sahabat, isteri mahupun anak-anaknya.

Anas bin Malik r.a. pernah berkata: "Rasulullah s.a.w. tidak pernah berkata sesuatu pun yang dirasa buruk mengenai pembicaraan seseorang di hadapan Baginda. Sebab, sesiapa sahaja yang mengulang perkara tersebut kepada seseorang yang lain, maka itu bererti sama dengan mengumpatnya."[110]

Kita tidak boleh kedekut dalam menyampaikan pujian terhadap seorang sahabat, ataupun menyembunyikan pujian itu kepada dirinya. Sebab, menyembunyikan dan merahsiakan pujian dipandang sebagai salah satu bentuk sikap dengki kepada orang lain. Janganlah kita memfitnah sahabat atau anggota keluarganya. Sebagaimana Ibnu al-Mubarak pernah berkata: "Seorang mukmin mencari jalan untuk memaafkan, sedangkan seorang munafik lebih gemar kepada mencari-cari kesalahan pihak lain."

Rasulullah s.a.w. bersabda: "Aku berlidung kepada Allah daripada tetangga yang buruk. Apabila dia melihat sesuatu yang baik, lalu disembunyikannya. Dan apabila mendapati sesuatu yang buruk, segera didedahkannya."[111]

Tidak ada orang seperti itu yang disebut baik, kerana sebahagian daripada akhlaknya seperti itu. Dan, boleh disebut buruk kerana sebahagian akhlaknya yang lain. Ada sebuah hadis yang menyebutkan bahawa suatu ketika seorang lelaki memuji orang lain di hadapan Rasulullah s.a.w., dan pada hari berikutnya justeru mencelanya.

Lalu Rasulullah s.a.w. pun bersabda: "Engkau telah memujinya kelmarin dan kamu mencelanya hari ini." Dia berkata: "Demi Allah, aku tidak berbohong tentang dia kelmarin, dan aku juga tidak berdusta terhadapnya hari ini. Dia menyenangkanku kelmarin, lalu aku katakan bahawa yang aku ketahui tentang dia adalah baik. Hari ini dia membangkitkan kemarahanku sehingga aku mengatakan bahawa yang aku ketahui tentangnya adalah buruk."

---

[110] Diriwayatkan oleh Imam Abu Daud dan Imam al-Tirmizi dalam al-Syamaili Juga oleh Imam al-Nasai dalam al-Yaum wa al-Lailah dengan sanad yang lemah.

[111] Diriwayatkan oleh Imam Bukhari di dalam al-Tarikh daripada hadis Abu Hurairah r.a. dengan sanad yang lemah. Diriwayatkan pula oleh Imam al-Nasa'i dan hadis Abu Hurairah dan Abu Sa'id al-Khudri r.a. dengan sanad yang baik. akan tetapi dengan menggunakan lafaz yang sedikit berbeza. namun maknanya serupa.

Kemudian Rasulullah s.a.w. bersabda: "Pada sebahagian daripada kefasihan bercakap (penjelasan yang disampaikan) terselip sejenis sihir yang melenakan terhadap manusia (sesiapa yang mendengarnya)."[112]

Beliau menyamakan kefasihan bercakap dengan sejenis sihir yang mampu memikat para pendengarnya. Di dalam hadis lainnya, Rasulullah s.a.w. bersabda:

الْبَذَاءُ وَالْبَيَانُ شُعْبَتَانِ مِنَ النِّفَاقِ.

"Kefasihan dan kepetahan dalam bercakap sama-sama mengarah kepada dua cabang dari perbuatan nifak."[113]

Rasulullah s.a.w. juga pernah bersabda: "Allah SWT membenci pendedahan yang disampaikan mengenai sesuatu." Sebagaimana yang disampaikan oleh Imam al-Syafi'i: "Tidak ada seorang muslim yang mentaati Allah SWT dan tidak mentaati-Nya pada saat yang bersamaan. Juga tidak ada seorang muslim yang berbuat maksiat kepada Allah SWT, namun sekali gus berbuat taat (tidak bermaksiat) kepada-Nya pada saat yang bersamaan. Seorang yang adil adalah mereka yang apabila kebaikannya jauh melebihi dosa-dosanya."

Jangan pernah berprasangka buruk terhadap atau tentang seorang sahabat. Sebab, sikap seperti itu merupakan fitnah yang sangat terlarang. Kebanyakan prasangka buruk bertumpu pada kekeliruan. Rasulullah s.a.w. bersabda: "Sesungguhnya Allah SWT mengharamkan empat perkara bagi seorang mukmin, iaitu; menumpahkan darah sesama mukmin, merosakkan atau merampas hartanya, melanggar kehormatannya, dan berprasangka buruk terhadapnya."[114]

Di dalam hadis lainnya, Rasulullah s.a.w. juga bersabda:

إِيَّاكُمْ وَالظَّنَّ، فَإِنَّ الظَّنَّ أَكْذَبُ الْحَدِيثِ.

---

[112] Diriwayatkan oleh Imam al-Tabrani di dalam al-Ausath. Juga oleh Imam al-Hakim dalam al-Mustadrak daripada hadis Abu Bakrah dengan sedikit perbezaan dalam redaksinya, namun maknanya serupa.

[113] Diriwayatkan oleh Imam al-Tirmizi. Lalu Baginda mengatakan bahawa statusnya adalah hasan gharib. Juga diriwayatkan oleh Imam al-Hakim. Lantas beliau menyebutkan bahawa kedudukannya adalah sahih atas persyaratan Imam Bukhari dan Imam Muslim (al-Syaikhain) daripada hadis Abu Umamah r.a.

[114] Diriwayatkan oleh Imam al-Hakim di dalam al-Tarikh daripada hadis Ibnu Abbas r.a. dengan lafaz yang sedikit berbeza, namun maknanya serupa. Adapun rijal (para perawi dari hadis ini berkedudukan tsiqah (kuat).

"Berhati-hatilah kamu terhadap prasangka buruk .Sebab ,prasangka buruk adalah sikap yang paling membahayakan di antara ucapan-ucapan yang bernilai keliru[١١٥]“.

Rasulullah s.a.w. juga bersabda:

وَلاَ تَحَسَّسُوا، وَلاَ تَجَسَّسُوا، وَلاَ تَقَاطَعُوْا، وَلاَ تَدَابَرُوا، وَكُونُوا عِبَادَ اللهِ إِخْوَانًا.

"Janganlah kamu saling menyebarkan rahsia ,jangan saling mencari-cari rahsia pihak lain, dan janganlah kamu saling memutuskan hubungan silaturahmi. Jangan saling berpaling. Dan hendaklah kamu menjadi hamba-hamba Allah yang saling bersaudara."[116]

Tujuan mencapai keredaan Allah SWT adalah agar manusia bersedia menghias dirinya dengan sifat-sifat Ilahiah. Sebab, Allah SWT merupakan penjaga segala bentuk rahsia, pemberi keampunan atas segala jenis dosa dan berbuat baik kepada semua hamba-Nya. Oleh itu, bagaimana mungkin kamu merasa aman tenang dengan tidak memberi maaf kepada orang yang lebih tinggi atau yang lebih rendah dari kamu darjatnya.

Nabi Isa a.s. pernah menanyakan kepada para sahabatnya: "Apakah yang kamu lakukan ketika angin menyingkapkan pakaian sahabat kamu di dalam tidurnya, sehingga membuatnya telanjang?" Mereka menjawab: "Kami menutup auratnya dengan pakaian yang ada di sisi kami."

Nabi Isa kemudian bersabda: "Akan tetapi, aku melihat kamu justeru membuka auratnya." Mereka berkata: "Subhanallah, siapa yang melakukan itu?" Beliau berkata: "Seseorang di antara kamu yang mendengar satu kata rahsia tentang saudaranya kemudian menambahnya dengan kata-kata lain, lalu menyebarkannya lebih banyak daripada itu."

---

[115] Diriwayatkan oleh Imam Bukhari dan Imam Muslim (Muttafaq 'Alaih) daripada hadis Abu Hurairah r.a.

[116] Diriwayatkan oleh Imam Bukhari dan Imam Muslim (Muttafaqun Alaih) daripada hadis Abu Hurairah r.a.

Ketahuilah, bahawa keimanan seseorang tidak sempurna apabila dia tidak mencintai saudaranya seperti dia mencintai dirinya sendiri. Tingkatan yang paling rendah daripada persahabatan adalah engkau menghormati dan menghargai sahabatmu seperti penghormatan dan penghargaan yang kamu harapkan daripada seorang sahabatmu.

Allah SWT berfirman:

وَيْلٌ لِّلْمُطَفِّفِينَ ۝١ ٱلَّذِينَ إِذَا ٱكْتَالُوا۟ عَلَى ٱلنَّاسِ يَسْتَوْفُونَ ۝٢ وَإِذَا كَالُوهُمْ أَو وَّزَنُوهُمْ يُخْسِرُونَ ۝٣

"Celakalah bagi orang yang curang! (Iaitu) apabila mereka menerima sukatan daripada orang lain, mereka meminta dipenuhi. Dan apabila mereka menyukat atau menimbang (untuk orang lain), mereka mengurangkannya."

(al-Muthaffifin: 1-3)

Rasulullah s.a.w. bersabda:

مَنْ سَتَرَ عَوْرَةَ أَخِيهِ الْمُسْلِمِ سَتَرَهُ اللهُ تَعَالَى فِي الدُّنْيَا وَالآخِرَةِ.

"Barangsiapa yang menutupi aurat saudaranya di dunia ini, maka Allah SWT akan menutupi auratnya di dunia dan akhirat."[117]

Rasulullah s.a.w. juga bersabda: "Seakan-akan dia menghidupkan kembali (dengan izin Allah) orang yang telah mati (anak perempaun mereka yang telah mereka tanam hidup-hidup)."[118]

Rasulullah s.a.w. juga bersabda: "Sesungguhnya majlis yang berisikan dua orang sahabat adalah amanah. Tidak halal bagi salah seorang dari mereka

---

[117] Diriwayatkan oleh Imam Ibnu Majah dari hadis Ibnu Abbas r.a. dengan lafaz yang sedikit berbeza, namun maknanya serupa. Diriwayatkan pula oleh Imam Muslim dari hadis Abu Hurairah r.a. juga dengan lafaz yang sedikit berbeza, namun maknanya serupa. Diriwayatkan pula oleh Imam Bukhari dan Imam Muslim (al-Syaikhain) dan hadis Abdullah bin Umar r.a. juga dengan lafaz yang sedikit berbeza, namun maknanya serupa.

[118] Diriwayatkan oleh Imam Abu Daud, Imam al-Nasa'i dan Imam al-Hakim dari hadis Uqbah bin Amir r.a. dengan lafaz yang sedikit berbeza, tetapi maknanya serupa.

mengatakan sesuatu yang tidak disukai oleh yang lain."[119]

Seorang bijak pernah ditanya: "Bagaimana kamu menjaga rahsia ke atas suatu masalah?" Dia menjawab: "Aku berlaku seperti kubur (orang yang sudah meninggal dunia) terhadap masalah itu."

Hati seseorang yang jahil tercermin pada lisannya, dan lisan orang yang bijak menjadi cerminan bagi hatinya. Dengan kata lain, seorang yang jahil tidak dapat menjaga rahsia yang tersimpan di dalam benaknya dan membukanya di mana sahaja tanpa dia sedar.

Oleh kerana itu, jadilah kamu termasuk orang yang menampakkan kebaikan dan menutupi keburukan dirimu sendiri, dan saudaramu sesama muslim. Sebab, Allah SWT sentiasa disifatkan seperti itu di dalam setiap doa hamba-hamba-Nya, iaitu: "Wahai Tuhan yang menampakkan kebaikan dan menutupi keburukan."

Ketahuilah, bahawa sesungguhnya orang yang diredai di sisi Allah SWT adalah orang yang berakhlak dengan akhlak-Nya. Allah SWT itu Maha Menutupi keburukan hamba-hamba-Nya lagi Maha Pengampun ke atas segala dosa, kecuali dosa syirik. Dan ketahuilah, bahawa keimanan seseorang tidak dianggap sempurna, sebelum dia mencintai saudaranya sebagaimana dia mencintai dirinya sendiri.

Tidak diragui lagi bahawa apa yang selalu diharapkan oleh sahabatmu daripada dirimu ialah kamu mahu menutupi aibnya, memaafkan kesalahannya, dan menyimpan rapat-rapat rahsianya.

Al-Abbas r.a. pernah berkata kepada puteranya, Abdullah: "Aku melihat Umar bin Khattab r.a. mengutamakan kamu berbanding sahabat-sahabat (Rasulullah) yang sudah tua. Oleh itu, ingatlah selalu lima perkara berikut ini: Pertama, janganlah kamu dedahkan apa yang menjadi rahsianya (Umar). Kedua, janganlah kamu mencela seseorang di hadapannya. Ketiga, janganlah kamu berdusta kepadanya. Keempat, janganlah kamu bersikap derhaka kepadanya. Dan kelima, hendaklah dia tidak mendapatimu berkhianat."

Ibnu Abbas r.a. pernah berkata: "Janganlah kamu bertengkar dengan orang yang kurang memanfaatkan akalnya jika kamu tidak ingin dia membawa masalah

---

[119] Diriwayatkan oleh Imam Abu Daud dan Imam al-Tirmizi daripada hadis Jabir bin Abdullah r.a. dengan darjat hasan, sebagaimana yang disampaikan oleh Imam al-Tirmizi.

yang berterusan untukmu. Janganlah kamu bertengkar dengan orang yang bijak jika kamu tidak ingin dia mencemburuimu."

Rasulullah s.a.w. bersabda:

لاَ تَدَابَرُوا وَلاَ تَبَاغَضُوا وَلاَ تَحَاسَدُوا وَلاَ تَقَاطَعُوْا وَكُونُوْا عِبَادَ اللهِ إِخْوَانًا. الْمُسْلِمُ أَخُو الْمُسْلِمِ لاَ يَظْلِمُهُ وَلاَ يَحْرِمُهُ وَلاَ يَخْذُلُهُ بِحَسْبِ الْمَرْءِ مِنَ الشَّرِّ أَنْ يَحْقِرَ أَخَاهُ الْمُسْلِمَ.

"Janganlah kamu saling belakang-membelakangi, marah-memarahi, dengki-mendengki dan putus-memutuskan silaturahmi! Dan jadilah kamu semuanya hamba Allah yang bersaudara! Orang muslim adalah saudara kepada orang muslim. Tidak akan dizaliminya, tidak akan diharamkannya dan tidak akan dihinakannya. Cukuplah bagi seserang keburukan jika dia menghinakan saudaranya yang muslim."[120]

Abu Umamah al-Bahili pernah mengatakan: "Pada suatu kesempatan Rasulullah s.a.w. datang kepada kami, dan pada ketika itu kami sedang berselisih faham. Maka beliau terlihat sangat marah sambil bersabda: "Tinggalkanlah pertengkaran, kerana tidak ada sedikit pun kebaikan padanya. Tinggalkanlah perselisihan, kerana sedikit sekali manfaatnya, dan justeru akan menambah permusuhan di antara dua orang bersahabat yang sebelumnya telah terjalin dengan sangat baik."[121]

Seorang ulama salaf pernah mengatakan: "Barangsiapa yang bertengkar dengan sahabatnya, maka nilai kemanusiaannya pergi, dan demikian pula dengan kehormatannya."

---

[120] Diriwayatkan oleh Imam Muslim dari hadis Abu Hurairah r.a. Pada bahagian awal dan lafaz ini diriwayatkan oleh Imam Bukari dan Imam Muslim (Muttafaqun Alaih) dan hadis Abu Hurairah dan Anas bin Malik r.a., sebagaimana yang pernah disampaikan pada pembahasan terdahulu.

[121] Diriwayatkan oleh Imam al-Tabrani di dalam al-Kabir daripada hadis Abu Umamah, Abu Zarr al-Ghiffari, Watsilah dan Anas bin Malik r.a. dengan lafaz yang sedikit berbeza, namun maknanya serupa. Diriwayatkan pula oleh Imam Abu Mansur al-Dailami di dalam Musnad al-Firdaus dan hadis Abu Umamah r.a. sahaja.

Rasulullah s.a.w. bersabda:

لاَ تُمَارِ أَخَاكَ وَلاَ تُمَازِحْهُ وَلاَ تَعِدْهُ مَوْعِدًا فَتُخْلِفَهُ.

"*Jangan bertingkah dengan saudaramu, dan jangan sakiti perasaannya, serta jangan ingkar janji kepadanya.*"[122]

Beliau juga bersabda:

إِنَّكُمْ لاَ تَسَعُوْنَ النَّاسَ بِأَمْوَالِكُمْ وَلَكِنْ لِيَسَعُهُمْ مِنْكُمْ بَسْطَ وَجْهٍ وَحُسْنِ خُلُقٍ.

"Sesungguhnya kamu tidak akan dapat memberikan perasaan lapang kepada manusia dengan harta-harta kamu ,akan tetapi rasa lapang dapat kamu berikan melalui kejernihan raut wajah dan keindahan akhlak[١٢٣]".

4. Hak untuk bercakap

Sesungguhnya persaudaraan itu sebagaimana dia menghendaki berdiam diri daripada perkara-perkara yang tidak disukai, maka ia jua menghendaki pengucapan perkara-perkara yang disukai. Bahkan itulah yang lebih utama dalam persaudaraan. Itu kerana orang yang merasa puas dengan berdiam diri, maka dia telah berteman dengan orang-orang yang berada di dalam kubur.

Oleh itu, ucapkan perkataan yang disukai sahabat kita. Gunakan pula kata-kata yang bersahabat dan perlihatkan kasih sayang dan tunjukkan bahawa kita ikut merasai kesedihannya dan membahagi kebahagiaan kita dengannya.

Rasulullah s.a.w. bersabda:

إِذَا أَحَبَّ أَحَدُكُمْ أَخَاهُ فَلْيُخْبِرْهُ.

---

[122] Diriwayatkan oleh Imam al-Tirmizi, lalu dikatakan bahawa kedudukannya adalah gharib, dan kami tidak mendapati kecuali dari jalur ini, iaitu dari hadis Laits bin Abu Salim, dimana jumhur ulama hadis melemahkan kedudukannya.

[123] Diriwayatkan oleh Abu Ya'la al-Mausuli dan al-Thabrani.

"*Apabila seorang di antara kamu mencintai saudaranya, maka hendaklah dia mengungkapkan cintanya kepada saudaranya itu.*"[124]

Dengan mengungkapkan cinta, maka akan bertambahlah kasih sayang. Apabila dia mengetahui bahawa kita mencintainya, nescaya dia akan pula mencintai kita. Seterusnya, apabila kita kemudian mengetahui bahawa dia juga mencintai kita, maka cinta kita kepadanya akan bertambah.

Oleh itu, cinta dan kasih-sayang akan bertambah daripada kedua belah pihak. Keberadaan cinta dan kasih-sayang di antara kaum mukminin merupakan tujuan dari syariat serta agama. Oleh itu, hendaklah kita saling memperlihatkan kasih-sayang di antara kita. Sebagaimana Rasululllah s.a.w. mengajarkan kepada kita:

تَهَادُوْا تَحَابُّوْا.

"*Hendaklah kamu saling memberi hadiah (untuk menunjukkan kasih-sayang di antara kamu), nscaya kamu akan saling mengasihi*."[125]

Rasulullah s.a.w. memberi perumpamaan dua orang teman sebagai dua belah tangan, salah satunya bekerja untuk yang lainnya. Dengan kata lain, seorang kawan akan saling membantu dengan kawannya dalam setiap urusan.

Rasulullah s.a.w. bersabda:

اَلْمُسْلِمُ أَخُوْ الْمُسْلِمِ لاَ يَظْلِمُهُ وَلاَ يَخْذُلُهُ وَلاَ يُثْلِمُهُ.

"Seorang muslim adalah saudara bagi seorang muslim lainnya .Dia tidak menganiaya saudaranya, tidak menghinanya, dan tidak mencemarkan nama baiknya."

Oleh itu, hendaklah kita tidak mengumpat apatah lagi memfitnah sahabat. Sebab, Allah SWT mengumpamakan mengumpat dan memfitnah seperti memakan daging saudaranya yang sudah meninggal.

---

[124] Diriwayatkan oleh Imam Abu Daud dan Imam al-Tirmizi. Lalu dikatakan bahawa statusnya adalah hasan sahih. Diriwayatkan juga oleh Imam al-Hakim dari hadis al-Miqdam bin Ma'di Yakrib.

[125] Diriwayatkan oleh al-Baihaqi daripada Abu Hurairah.

Allah SWT berfirman:

أَتُحِبُّ أَحَدُكُمْ أَن يَأْكُلَ لَحْمَ أَخِيهِ مَيْتًا فَكَرِهْتُمُوهُ

"Apakah ada di antara kamu yang suka memakan daging saudaranya yang sudah mati? Tentu kamu merasa jijik."

(al-Hujurat: 12)

Rasulullah s.a.w. bersabda kepada Abu Hurairah:

أَحْسِنْ مُجَاوَرَةَ مَنْ جَاوَرَكَ تَكُنْ مُسْلِمًا وَأَحْسِنْ مُصَاحَبَةَ صَاحِبِكَ تَكُنْ مُؤْمِنًا.

"Perlakukan dengan baik jiran kamu ,maka kamu adalah seorang muslim yang baik .Perlakukan dengan baik orang yang berteman baik dengan kamu ,maka kamu adalah seorang mukmin[126]*".*

Lihatlah, bagaimana iman iman dijadikan balasan bagi persahabatan dan Islam balasan bagi perjiranan. Rasulullah s.a.w. juga bersabda:

اَلْمُؤْمِنُ مِرْآةُ الْمُؤْمِنِ.

"Seorang Mukmin adalah cermin bagi Mukmin lainnya[127]*".*

Makna hadis di atas adalah kita memperoleh manfaat daripada para sahabat kita sedemikian rupa sehingga mereka melihat dan mengingatkan kekurangan kita yang selama ini mungkin tidak kita ketahui.

Pada suatu kesempatan, seorang soleh bernama Mus'ir ditanya: "Apakah engkau suka kepada orang yang menceritakan kekuranganmu?" Jawabnya: "Kalau dia menasihati aku tentang kekuranganku secara langsung, maka aku suka. Akan tetapi, kalau dia mencela aku di hadapan sekumpulan orang, maka aku tidak suka."

Yang dikatakan Mus'ir adalah benar, kerana menceritakan kekurangan sahabat di hadapan orang raami adalah perbuatan tercela. Seorang soleh lainnya

[126] Diriwayatkan oleh Imam al-Tirmizi dan Imam Ibnu Majah dengan lafaz di atas dari hadis Abu Hurairah r.a. Kemudian Imam al-Tirmizi meriwayatkan pula dengan lafaz yang sedikit berbeza, namun maknanya serupa.

[127] Diriwayatkan oleh Imam Abu Daud dari hadis Abu Hurairah r.a. dengan isnad hasan.

bernama Zun Nun al-Misri pernah berkata: “Janganlah kamu berhubung dengan Allah SWT tanpa mentaati seluruh perintah-Nya. Janganlah kamu berhubung dengan manusia tanpa saling menasihati satu sama lain. Janganlah kamu berhubung dengan nafsumu tanpa menjauhkan diri daripadanya. Dan janganlah engkau berhubung dengan syaitan tanpa menjadikan dirimu sebagai musuhnya.”

Umar bin al-Khattab r.a. juga pernah berkata: “Barangsiapa yang menunjukkan kesalahan-kesalahan saudaranya terus di hadapannya, maka Allah SWT akan menunjukkan rahmat kepadanya.”

Oleh kerana itu, Umar bin al-Khattab r.a. pernah berkata kepada Salman al-Farisi r.a.: “Yang manakah di antara perbuatanku yang salah dalam pandanganmu agar aku dapat meminta maaf ke atasnya?” Salman menjawab: “Maaf, aku tidak dapat mengatakannya.”

Ketika Umar meminta berkali-kali, maka dia pun berkata: “Aku dengar bahawa kamu mempunyai dua helai pakaian; satu helai kamu pakai di siang hari dan yang satu helai lainnya kamu pakai pada malam hari. Aku juga mendengar bahawa kamu memakan dua jenis makanan dalam satu hidangan.” Umar kemudian berkata: “Tidak satu pun di antara keduanya benar. Apakah kamu mendengar perkara lainnya?” Salman menjawab: “Tidak.”

Allah SWT berfirman:

“Tetapi kamu tidak menyukai orang yang memberi nasihat.”

(al-A’raf: 79)

Abu ‘Ali al-Ribati berkata: “Aku pernah menemani Abdullah al-Razi memasuki sebuah desa. Lantas beliau berkata: “Adakah yang menjadi pemimpin kamu atau aku!” Maka aku menjawab: “Andalah pemimpinnya!” Maka Abdullah al-Razi menjawab: “Kalau demikia, maka kamu harus patuh!” Lalu aku menjawab: “Baiklah!” Beliau lantas mengambil sebuah keranjang rumput dan meletakkan keranjang tersebut di atas belakangnya (dia pikul).

Apabila aku berkata kepadanya: “Biarkan aku yang membawanya!”, maka beliau menjawab: “Bukankah aku telah mengatakan: “Kamu harus patuh?” Pada suatu malam, kami terkena hujan deras. Maka beliau pun berdiri melindungi kepalaku sampai pagi dengan pakaian dan aku duduk terlindung daripada hujan.

Maka aku berkata di dalam hatiku: "Seandainya aku mati, maka aku tidak perlu mengatakan: "Kamu adalah pemimpin!"

5. Hak memaafkan kesalahan teman

Apabila temanmu melakukan suatu kesalahan dan secara berterusan dalam keadaan demikian, berilah dia nasihat dengan kata-kata yang baik (bijak). Apabila dia kembali, itu lebih baik baginya. Apabila dia tidak segera insaf dan tidak kembali kepada kebenaran, maka menurut Abu Zar r.a., hubungan dengannya harus segera diputuskan. Sedangkan menurut Abu al-Darda', hubungan dengannya tidak boleh diputuskan, kerana pada suatu ketika dia pernah berjalan di jalan lurus dan pada waktu yang lain berjalan di jalan yang bengkok.

Di dalam sebuah hadis disebutkan:

اِتَّقُوْا زَلَّةَ الْعَالِمِ وَلاَ تَقْطَعُوْهُ وَانْتَظِرُوْا فَيْئَتَهُ.

"Takutlah pada keterlanjuran orang yang berilmu, dan jangan putuskan hubungan dengannya, serta berharaplah agar dia kembali."[128]

Di dalam riwayat yang lain juga disebutkan bahawa salah satu daripada dua sahabat jatuh cinta kepada seorang wanita dan memberitahu perkara tersebut kepada sahabatnya. Dia berkata: "Apabila mahu, kamu boleh memutuskan persahabatan denganku." Temannya berkata: "Apakah aku akan kehilangan teman hanya kerana satu dosa yang telah dibuatnya?"

Kemudian dia berjanji akan berpuasa hingga temannya terlepas daripada cintanya kepada wanita itu. Dia berpuasa selama empat puluh hari dan hasilnya, cinta sahabatnya kepada wanita tersebut lenyap dari hatinya. Setelah itu, barulah dia berbuka berhenti berpuasa.

Ketika salah satu daripada dua orang sahabat berada di dalam kesesatan, seseorang bertanya kepada yang satunya: "Mengapa kamu tidak memutuskan hubungan dengan temanmu yang sedang tersesat itu?" Jawabnya: "Aku ingin tetap bersamanya lebih daripada sekarang. Aku harus mengangkatnya dari lembah kesesatan itu dengan memegang tangannya. Aku harus mengingatkannya dengan

---

[128] Diriwayatkan oleh Imam al-Baghawi dalam al-Mu'jam. Juga oleh Imam Ibnu Adi di dalam al-Kamil daripada hadis Amru bin Auf al-Mazni, dan beliau melemahkannya.

kata-kata lembut, dan aku harus mengajaknya kembali kepada keadaan yang semula.”

Di dalam riwayat yang lain juga disebutkan bahawa dua orang yang bersahabat daripada kalangan Bani Israel sibuk beribadat kepada Tuhan mereka di sebuah bukit dan keduanya termasuk ‘abid (ahli ibadat). Pada suatu hari, salah seorang di antara keduanya turun dari bukit dan pergi ke pasar membeli daging. Dia melihat seorang wanita dan jatuh cinta kepadanya. Dia mengajak wanita tersebut (yang bukan wanita baik-baik) ke tempat sepi dan mereka pun berbuat zina. Peristiwa itu berlangsung selama tiga hari.

Sahabat yang satunya yang masih berada di atas bukit pun menyusul untuk mencarinya dan mendapati sahabatnya itu bersama seorang wanita. Dia lalu memeluk dan mencium sahabatnya kemudian berkata: “Aku mengetahui keadaanmu dan apa yang telah berlaku. Sekarang, mari kita kembali ke bukit untuk melanjutkan ibadat kita.” Maka sahabatnya itu kembali ke atas bukit dan bertaubat atas dosa-dosanya.

Sebaiknya kita tidak memutuskan persahabatan dengan kerabat (keluarga) disebabkan suatu kesalahan yang telah terlanjur dilakukan. Allah SWT telah berfirman kepada Rasul-Nya berkenaan hubungan Baginda dengan keluarga Baginda:

فَإِنۡ عَصَوۡكَ فَقُلۡ إِنِّي بَرِيٓءٞ مِّمَّا تَعۡمَلُونَ ﴿٢١٦﴾

”Kemudian jika mereka menderhakaimu, maka katakanlah (wahai Muhammad): ‘Sesungguhnya aku tidak bertanggungjawab terhadap apa yang kamu kerjakan’.”

(al-Syu’ara’: 216)

Oleh itu, Baginda tidak mengatakan: “Aku reda dengan perbuatanmu.” Tetapi, Baginda lebih suka mengatakan: “Aku tidak bertangung jawab terhadap apa yang kamu lakukan.” Ini semua untuk menjaga hak kekeluargaan dan zuriat.

Persaudaraan dalam agama lebih kuat berbanding persahabatan biasa. Seorang ahli hikmah pernah ditanya: “Mana yang lebih kamu kasihi, sahabat atau saudara?” Dia menjawab: “Apabila saudaraku adalah sahabatku, maka dia lebih aku kasihi.”

Al-Hasan al-Bashri pernah berkata: “Betapa banyak saudara yang tidak lahir dari rahim ibumu.”

Oleh itu, dikatakan: "Cinta diperlukan bagi kekeluargaan, akan tetapi kekeluargaan tidak diperlukan untuk urusan cinta."

Para ulama sepakat bahawa memelihara ikatan persahabatan hukumnya wajib. Seseorang tidak boleh menjalin persahabatan dengan orang fasik sejak awal. Tetapi, apabila persahabatan itu sudah terjalin sebelumnya, maka ia tidak boleh diputuskan. Rasulullah s.a.w. bersabda:

شِرَارُ عِبَادِ اللهِ الْمَشَّاءُوْنَ بِالنَّمِيْمَةِ الْمُفَرِّقُوْنَ بَيْنَ الأَحِبَّةِ.

"Hamba Allah yang paling jahat adalah mereka yang menyebarkan fitnah ke sana kemari dan yang memisahkan orang-orang yang saling mengasihi."[129]

Ketika seseorang melakukan perbuatan maksiat dan kawannya menghinanya, Nabi s.a.w. melarang kawannya itu: "Hentikan, jangan menghinanya dan jangan menjadi penolong syaitan dalam perkara sahabatmu."[130]

Maka, lebih baik menjauhkan diri daripada orang-orang fasik sejak awal berbanding memutuskan persahabatan dengan mereka setelah persahabatan itu terjalin.

Imam al-Syafi'i berkata: "Orang yang dibuat marah tetapi dia tidak marah, maka dia sama seperti keldai. Dan, orang yang keredaannya diminta tetapi dia tidak memberikannya, maka dia sama seperti syaitan."

Oleh itu, janganlah kamu menjadi keldai atau syaitan dengan alasan mencari keredaan sahabatmu. Carilah itu pada dirimu sendiri dan berjaga-jagalah dirimu daripada menjadi syaitan dengan tidak menerima keredaan daripada sisinya.

Seorang bijak pernah berkata: "Aku tidak pernah mencaci seseorang. Itu kerana, jika seorang yang berperangai buruk mencaciku, maka aku akan selamat daripada serangannya dengan tidak menjawab caciannya."

[129] Diriwayatkan oleh Imam Ahmad dari hadis Asma' binti Yazid r.a. dengan sanad yang lemah.

[130] Diriwayatkan oleh Imam Bukhari dari hadis Abu Hurairah r.a. sebagaimana dijelaskan pada pembahasan terdahulu.

Apabila seorang kawan meminta maaf, maka hendaklah kita memberinya maaf, terlepas apakah dia berpura-pura atau bersungguh-sungguh dalam permintaan maafnya.

Rasulullah s.a.w. bersabda:

مَنِ اعْتَذَرَ إِلَيْهِ أَخُوْهُ فَلَمْ يَقْبَلْ عُذْرَهُ فَعَلَيْهِ مِثْلُ إِثْمِ صَاحِبِ الْمَكْسِ.

"Barangsiapa yang tidak bersedia menerima permintaan maaf yang diajukan oleh sahabatnya, maka dia berdosa sebagaimana dosa pemungut pajak di jalanan (tidak rasmi)."[131]

Rasulullah s.a.w. bersabda: "Orang mukmin adalah orang yang boleh marah, tetapi cepat memaafkan."[132]

Di dalam riwayat di atas disebutkan bahawa Baginda s.a.w. tidak mengatakan bahawa orang mukmin tidak mungkin boleh marah.

Allah SWT berfirman: "Dan yang sanggup menahan marahnya." (Ali Imran: 134) Allah SWT tidak mengatakan: "Yang tidak mempunyai sikap marah" atau "tidak dapat marah". Hendaklah, kemarahan itu mudah reda dan tidak sampai melukakan perasaan orang berkenaan atau orang yang dimarahi terlalu keras. Akan tetapi, lebih baik bersabar dan bertahan daripada kepedihan serta persoalan yang ditimbulkan oleh perbuatan seorang kawan.

Menyingkirkan rasa marah dari hati adalah perbuatan yang mustahil dilakukan. Sebab, sikap marah itu merupakan sifat watak manusia yang telah Allah SWT kurniakan kepada setiap manusia. Meredakannya dan melakukan perkara yang bertentangan dengan sifat tersebut bukan tidak mungkin untuk dilakukan. Berbuat sesuai dengan rasa marah yang dimiliki, iaitu melakukan pembalasan atau pelampiasan kepada kawan, dan melakukan perbuatan yang bertentangan dengan sifat watak tersebut adalah tidak melakukan pembalasan atau pelampiasan

---

[131] Diriwayatkan oleh Imam Ibnu Majah dan Imam Abu Daud di dalam al-Marasil daripada hadis Jaudan, di mana statusnya sebagai sahabat masih diperdebatkan dan Imam Abu Hatim menganggapnya majhul.

[132] Tidak kami temukan sumber rujukannya dengan lafaz yang seperti ini. Diriwayatkan oleh Imam al-Tirmizi, dan beliau menghasankannya daripada hadis Abu Sa'id al-Khudri r.a. dengan dua lafaz yang berbeza, namun maksud serta maknanya sama.

kepadanya.

Rasulullah s.a.w. bersabda:

أَحْبِبْ حَبِيبَكَ هَوْنًا مَا عَسَى أَنْ يَكُونَ بَغِيضَكَ يَوْمًا مَا وَأَبْغِضْ بَغِيْضَكَ هَوْنًا مَا عَسَى أَنْ يَكُونَ حَبِيبَكَ يَوْمًا مَا.

"Cintailah sahabatmu secara tidak berlebih-lebihan, sebab pada suatu ketika boleh jadi dia akan menjadi musuhmu. Marahlah kepada musuhmu secara tidak berlebih-lebihan, sebab pada suatu ketika boleh jadi dia akan menjadi sahabat terbaikmu."[133]

Umar bin al-Khattab r.a. juga pernah mengatakan: "Janganlah kecintaan kamu kepada sesama kamu melebihi batas, dan janganlah pula kebencian kamu membawa kamu sampai kepada kebinasaan."

6. Berdoa untuk teman ketika hidup dan sesudah matinya

Apabila kita biasa berdoa untuk diri dan keluarga kita, maka hendaklah kita juga berdoa untuk teman kita setelah kematian mereka. Rasulullah s.a.w. bersabda:

إِذَا دَعَا الرَّجُلُ لِأَخِيْهِ فِي ظَهْرِ الْغَيْبِ قَالَ الْمَلَكُ وَلَكُ مِثْلُ ذَلِكَ.

"Barangsiapa yang berdoa untuk saudaranya yang tidak berada di hadapannya, maka para malaikat akan berkata: 'Untukmu juga doa yang sama'."[134]

Di dalam hadis dan riwayat lain disebutkan bahawa Rasulullah s.a.w. juga bersabda: "Allah SWT berfirman:

بِكَ أَبْدَأُ يَا عَبْدِيْ.

" Wahai hamba-Ku ,aku mulakan dengan dirimu[١٣٥]*".*

---

[133] Diriwayatkan oleh Imam al-Tirmizi dari hadis Abu Hurairah r.a. Lalu dikatakan bahawa statusnya adalah gharib. Imam al-Hafizh al-'Iraqi mengatakan bahawa para perawinya merupakan rijal yang tsiqah (terpercaya) sesuai dengan persyaratan Imam Muslim. Walaupun demikian darjat periwayatannya hanya sampai pada kedudukan marfu'.

[134] Diriwayatkan oleh Muslim daripada Abu ad-Darda'.

[135] Menurut al-Iraqi, beliau tidak pernah menjumpai hadis ini.

Disebutkan juga di dalam sebuah hadis bahawa Rasulullah s.a.w .bersabda:

يُسْتَجَابُ لِلرَّجُلِ مَا لاَ يُسْتَجَابُ فِي نَفْسِهِ.

" Diterima bagi seseorang brkaitan dengan saudaranya, apa yang tidak diterima baginya tentang dirinya sendiri."[136]

Rasulullah s.a.w. juga bersabda:

دَعْوَةُ الرَّجُلِ لِأَخِيْهِ فِي ظَهْرِ الغَيْبِ لاَ تُرَدُّ.

"Doa seseorang bagi saudaranya di belakang saudaranya itu, tidak ada akan tertolak."[137]

Dan Abu Darda' berkata: "Sesungguhnya aku berdoa untuk tujuh puluh orang daripada saudara-saudaraku di dalam sujudku dengan menyebutkan nama mereka semuanya."

Muhammad bin Yusuf al-Asfahani berkata: "Di manakah teman yang baik itu? Keluargamu membahagikan warisan yang kamu tinggalkan dan bersenang-senang dengan apa yang kamu tinggalkan. Adapun teman yang baik akan merasai kesedihanmu, mementingkan apa yang kamu bawa. Dia berdoa untukmu di dalam kegelapan malam sedangkan kamu berada di bawah tanah. Seakan-akan teman baik itu mengikuti malaikat. Di dalam sebuah hadis disebutkan:

إِذَا مَاتَ الْعَبْدُ قَالَ النَّاسُ مَا خَلَّفَ وَقَالَ الْمَلاَئِكَةُ مَا قَدَّمَ.

"Apabila seorang hamba meninggal dunia, orang ramai akan akan bertanya: 'Apakah yang telah ditinggalkannya? Sedangkan malaikat bertanya: 'Apakah yang dibawanya'."[138]

Para malaikat itu akan senang dengan orang tersebut disebabkan apa yang dibawanya. Mereka bertanya tentang dia dan merasa sayang kepadanya.

Ada yang mengatakan: "Barangsiapa yang sampai kepadanya berita tentang kematian saudaranya, lalu dia memohonkan rahmat dan keampunan untuknya,

---

[136] Al-Iraqi juga tidak menjumpai lafaz ini.

[137] Diriwayatkan oleh Imam al-Daruqutni di dalam al-Ilali daripada hadis Abu al-Darda' r.a.

[138] Diriwayatkan oleh al-Baihaqi di dalam al-Syu'ab daripada hadis Abu Hurairah dengan sanad yang dha'if.

nescaya dituliskan baginya seolah-olah dia mengunjungi jenazahnya dan menyolatkannya."

Rasulullah s.a.w. juga bersabda: "Seorang yang telah meninggal dunia berada di dalam kuburnya seumpama orang yang tenggelam. Dia berada di dasar bumi dan berhasil menangkap apa-apa yang dapat digapainya untuk menyelamatkan diri. Demikian pula seorang yang telah meninggal dunia berharap-harap mendapat doa daripada sanak saudara seperti anak, saudara kandung, sahabat dan kerabat dekatnya. Doa orang-orang yang ditinggalkan (yang masih hidup) menyerap ke dalam kubur orang yang telah meninggal dunia seumpama bukit yang dikelilingi cahaya."[139]

Seorang alim dari kalangan salaf pernah berkata: "Doa orang yang hidup bagi orang yang telah meninggal dunia seumpama hadiah. Para malaikat membawa sebuah dulang berisi cahaya dan mendatangi si mati sambil berkata: 'Inilah hadiah bagimu daripada sahabatmu si Polan. Atau, ini ada hadiah daripada kerabatmu si Polan.' Lalu bergembiralah si mati kerana hadiah itu sebagaimana halnya orang hidup yang sangat senang menerima hadiah."

7. Hak memperoleh kesetiaan dan keikhlasan

Wafa' atau kesetiaan bererti tetap kuat dalam ikatan persahabatan hingga kematian memisahkan. Bahkan, apabila seorang sahabat (kawan) sudah meninggal dunia, ikatan tersebut masih tetap dipelihara dengan isteri, anak-anak, para sahabat dan kerabatnya, serta menaruh kepedulian terhadap nasib mereka. Adapun sikap ikhlas ialah memenuhi kewajipan kepada sahabat tanpa pamrih selain mengharapkan keredaan Allah SWT semata-mata. Tujuan daripada persahabatan kerana Allah SWT dan di jalan-Nya ialah untuk memperoleh manfaat serta keuntungan di negeri akhirat kelak.

Rasulullah s.a.w. menyebutkan bahawa ada tujuh golongan manusia yang akan memperoleh perlindungan di dalam naungan 'Arsy pada Hari Berbangkit. Di antaranya adalah dua orang sahabat yang saling mengasihi kerana Allah SWT.[140]

---

[139] Diriwayatkan oleh Imam Abu Mansur ad-Dailami di dalam Musnad al-Firdaus dari hadis Abu Hurairah r.a. Imam al-Zahabi mengatakan di dalam al-Mizan bahawa khabar ini sangat munkar (munkar jiddan).

[140] Takhrijnya telah disampaikan pada bahasan terdahulu.

Pada suatu hari, seorang wanita tua datang menghadap Rasulullah s.a.w. sedangkan Baginda menunjukkan sikap hormat kepada wanita tersebut. Ketika ditanya mengapa Baginda bersikap demikian, Baginda menjawab: "Dia adalah seorang wanita yang sering datang ke rumah kami ketika Sayyidah Khadijah r.a. masih hidup."[141]

Menghargai dan menghormati hak persahabatan merupakan bahagian daripada menjaga kualiti keimanan. Tunjukkanlah sikap yang baik kepada kawan-kawan sebagaimana yang disebutkan di dalam firman Allah SWT:

وَقُل لِّعِبَادِى يَقُولُوا۟ ٱلَّتِى هِىَ أَحْسَنُ ۚ إِنَّ ٱلشَّيْطَـٰنَ يَنزَغُ بَيْنَهُمْ ۚ إِنَّ ٱلشَّيْطَـٰنَ كَانَ لِلْإِنسَـٰنِ عَدُوًّا مُّبِينًا ﴿٥٣﴾

"*Dan katakanlah kepada hamba-hambaKu: 'Hendaklah mereka mengucapkan perkataan yang lebih baik (benar). Sesungguhnya syaitan itu menimbulkan perselisihan di kalangan mereka. Sesungguhnya syaitan itu adalah musuh yang nyata bagi manusia'.*" (al-Isra': 53)

Allah SWT juga telah berfirman mengenai Nabi-Nya Yusuf as.:

مِنۢ بَعْدِ أَن نَّزَغَ ٱلشَّيْطَـٰنُ بَيْنِى وَبَيْنَ إِخْوَتِىٓ ۚ إِنَّ رَبِّى لَطِيفٌ لِّمَا يَشَآءُ ۚ إِنَّهُۥ هُوَ ٱلْعَلِيمُ ٱلْحَكِيمُ ﴿١٠٠﴾

"*Setelah syaitan merosakkan (hubungan) antaraku dan saudara-saudaraku. Sesungguhnya Tuhanku Maha Lembut terhadap apa yang Dia kehendaki. Sesungguhnya Dia-lah Yang Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.*" (Yusuf: 100)

Persahabatan akan kekal apabila dijalankan untuk mengharapkan keredaan Allah SWT semata-mata. Jika seseorang menjalin persahabatan dengan orang lain demi tujuan tertentu, maka persahabatan seperti itu akan berakhir tepat ketika tujuan itu telah terpenuhi.

Akibat daripada persahabatan kerana Allah SWT adalah ketiadaan rasa iri dan dengki, sama ada dalam masalah yang bersifat sementara (dunia) mahupun spiritual

[141] Diriwayatkan oleh Imam al-Hakim dan hadis Aisyah r.a.

(akhirat). Allah SWT berfirman tentang cinta yang dilandasi oleh keredaan-Nya:

وَلَا يَجِدُونَ فِي صُدُورِهِمْ حَاجَةً مِّمَّآ أُوتُواْ وَيُؤْثِرُونَ عَلَىٰٓ أَنفُسِهِمْ وَلَوْ كَانَ بِهِمْ خَصَاصَةٌ

"Dan mereka tiada menaruh keinginan di dalam hati mereka terhadap apa-apa yang diberikan kepada mereka) kaum Muhajirin ,(serta mereka mengutamakan kaum Muhajirin lebih dari diri mereka sendiri". (al-Hasyr: 9)

Adapun "menaruh keinginan di dalam hati," maksudnya ialah sikap iri mahupun dengki.

8. Tidak menyusahkan orang lain

Hendaklah kita tidak membebankan masalah kepada seorang sahabat dan tidak memberikan beban yang berat kepadanya lalu hanya memikirkan yang ringan untuk diri sendiri. Janganlah kita meminta sesuatu daripada harta dan kepemilikannya yang pada akhirnya akan memberatkan diri dan keluarga sahabat kita itu.

Dan juga jangan berharap mendapatkan keuntungan daripada nama dan ketenarannya. Hendaklah kita tidak mengatakan kepadanya: "Jagalah aku dan penuhilah kewajipanmu terhadapku." Tetapi, berharaplah balasan daripada doanya, bersilaturahmilah dengannya dan bantulah dia dalam melaksanakan kewajipan agamanya, serta carilah keredaan Allah SWT dengan memenuhi kewajipan-kewajipanmu terhadap-Nya.

Aisyah r.a. pernah berkata: "Seorang mukmin adalah saudara bagi mukmin lainnya. Dia tidak memperoleh ghanimah atas saudaranya, lagi pula tidak akan pernah menyusahkannya."

Seorang ahli hikmah juga pernah mengatakan: "Bergaullah secara baik dengan orang yang sibuk dalam urusan dunia, bergaullah dengan orang yang sibuk dalam urusan akhirat dengan ilmu, dan bergaullah dengan orang yang takut kepada Allah SWT seperti yang kamu kehendaki."

Hendaklah kita mengetahui, bahawa di alam dunia ini ada tiga golongan manusia. Engkau hanya akan memperoleh manfaat daripada persahabatanmu

dengan golongan pertama di antara mereka. Engkau memberikan manfaat kepada golongan kedua, tetapi tidak akan memperoleh mudarat daripada perbuatan mereka, dan juga tidak akan mendapat manfaat dari sisi mereka.

Engkau tidak memberikan manfaat kepada golongan ketiga, tetapi akan mendapat mudarat akibat persahabatanmu dengan mereka. Sebab, orang-orang seperti ini bersikap jahil dan berbudi pekerti (akhlak) buruk. Janganlah kamu menjauhkan diri daripada golongan yang kedua, kerana mereka akan memberikan manfaat kepadamu di akhirat disebabkan syafa'at dan doa-doa mereka untukmu.

Allah SWT telah berfirman kepada Nabi Musa as.: "Jika kamu taat kepada-Ku, maka kamu akan mempunyai banyak sahabat." Dengan kata lain: "Jika kamu memperlihatkan simpati kepada mereka, dengan banyak menolong, bersikap sabar dalam menanggung beban mereka, dan tidak membenci mereka, maka kamu akan mempunyai banyak sahabat."

Seorang yang soleh dan ahli hikmah juga pernah berkata: "Cinta seseorang kepada orang lain akan berkekalan jika dia tidak saling membebani dengan orang tersebut."

Sebahagian sahabat r.a. juga pernah berkata: "Allah SWT mengutuk orang yang membebani dan menyusahkan orang lain." Rasulullah s.a.w. bersabda:

أَنَا وَالْأَتْقِيَاءُ مِنْ أُمَّتِي بِرَّاءٌ مِنَ التَّكَلُّفِ.

"Aku dan orang-orang yang bertakwa kepada Allah SWT di antara umatku tidak akan saling menyusahkan dan memberatkan antara satu dengan lainnya[142]".

Rasulullah s.a.w. bersabda:

الْمَرْءُ عَلَى دِيْنِ خَلِيْلِهِ وَلاَ خَيْرَ فِي صُحْبَةِ مَنْ لاَ يَرَى لَكَ مِثْلَ مَا تَرَى لَهُ.

"Manusia mengikut agama sahabatnya .Tidak ada kebaikan dalam persahabatan dengan seorang sahabat yang tidak memandang baik

[142] Diriwayatkan oleh ad-Daraqutni dan az-Zubair bin al-Awwam, isnadnya da'if.

keperluan sahabatnya atas sesuatu yang dianggap baik bagi dirinya sendiri[١٤٣]*"*.

Oleh kerana itu, pandanglah sahabatmu dengan satu pandangan yang penuh kasih, sehingga dia mengetahui kasihmu tercurah kepadanya. Lihatlah keutamaannya, dan janganlah lihat kekurangan serta kekeliruannya.

Diriwayatkan juga bahawa siapa pun yang duduk di hadapan Rasulullah s.a.w., Baginda sentiasa menghadapkan wajahnya kepada orang yang berada di hadapan Baginda. Setiap orang yang duduk di hadapan Baginda merasa bahawa dirinya lebih dihormati oleh Baginda berbanding yang lain dan Baginda juga suka mendengar keluhan.

Percakapan Baginda dengan orang yang duduk di dekat Baginda dilakukan dengan sangat manis, santun, sederhana, dan penuh kepercayaan diri. Rasulullah s.a.w. selalu berwajah manis serta murah senyum di hadapan para sahabat, dan Baginda memperlihatkan kegembiraan pada segala bentuk perkara yang memuaskan para sahabat.

Daripada apa yang dicontohkan oleh Nabi s.a.w. dapat disimpulkan:

Pertama: Apabila kita menghendaki persahabatan yang baik, temui dan kunjungilah para sahabatmu, serta musuh-musuhmu dengan wajah yang dibalut keramahan dan senyuman. Janganlah kamu menunjukkan sikap yang menghinakan mereka. Janganlah kamu menakut-nakuti dan menakutkan mereka, tetapi jangan pula kamu merasa takut kepada mereka. Jangan bersikap sombong di hadapan mereka. Tunjukkan rasa hormat tanpa harus merendahkan diri di hadapan mereka.

Kedua: Menunjukkan sikap berlebihan terhadap setiap tindakan tidaklah terpuji. Jangan melihat sebelah sisi daripada diri kita sahaja dan jangan menatap segala sesuatu terlalu lama. Jangan pula berdiri di dalam majlis di hadapan orang ramai yang sedang duduk. Jika kita duduk, maka duduklah dengan selesa dan tenang.

Hendaklah kita tidak membuat suara dengan jari-jari kita, tidak menggerak-gerakkan janggut atau cincin, tidak membersihkan gigi dengan tusuk gigi di hadapan

[143] Diriwayatkan oleh Imam Ibnu 'Adi di dalam al-Kamil dan hadis Anas bin Malik r.a. dengan sanad yang lemah.

orang lain tanpa ditutupi dan tidak memasukkan jari ke dalam lubang hidung, tidak terlalu sibuk mengusir lalat atau nyamuk di hadapan sahabatmu, tidak banyak menguap di hadapan orang ramai ketika mendirikan solat dan perbuatan lainnya.

Jadikan majlis sebagai forum untuk memperoleh petunjuk dan buatlah pembicaraan kita teratur serta tersusun kemas. Gunakan kata-kata yang manis dan lembut terhadap lawan bicara kita dan jangan terlalu berlebihan dalam menyikapi suatu perkar.a. Hendaklah kita tidak meminta orang mengulang perbincangan atau ucapan yang telah disampaikannya. Tetap diamlah di hadapan orang yang sedang ketawa atau bercerita.

Kita tidak boleh membincangkan tentang kepuasan seksual kita terhadap anak-anak, pembantu, mahupun melalui pelbagai media yang tidak patut kita sampaikan. Hendaklah kita tidak sibuk bercerita seperti para pelayan dan para pekerja kasar yang gemar menyebarkan isu. Kita jangan terlalu banyak memakai wewangian atau celak sehingga menimbulkan rasa risih pihak lain.

Jangan suka mempermainkan lendir di hidung mahupun ludah. Jangan sebut penindas sebagai pemberani. Jangan beritahu orang yang tidak berhak tentang besarnya kekayaan dan kepemilikan lainnya yang ada pada diri kita, kecuali kepada mereka yang berhak mengetahuinya. Sebab, jika mereka mengetahui bahawa kekayaan kita kecil, maka kita akan menjadi terhina di hadapan mereka. Apabila mereka mengetahui kekayaan kita begitu banyak, maka kita tidak akan mampu memenuhi keinginan mereka.

Jangan menakutkan pihak lain, kerana mereka dapat memperlakukan kita dengan kasar. Tetapi, jangan pula terlalu bersikap lunak, kerana mereka akan meremehkan dan memperhamba diri kita. Jangan pula bersenda-gurau dengan para pelayan atau membuat gurauan lain, kerana boleh jadi kehormatan kita berkurang disebabkan itu. Tetaplah menjaga kehormatan ketika sedang bertengkar, dan berhati-hati terhadap kejahilan diri kita.

Jauhilah sikap tergesa-gesa dalam mengambil keputusan dan berfikirlah tentang alasan yang mesti kita siapkan. Jangan terlalu banyak menunjuk dengan tangan. Perhatikan orang yang berada di belakang, tetapi jangan terlalu banyak menoleh ke arah belakang. Jangan berjongkok di atas lutut, jangan pula bercakap ketika sedang marah, dan mulalah bercakap setelah perasaan marah mula hilang.

Apabila seorang pemimpin atau penguasa melantik kita menjadi salah satu penasihat dekatnya, maka berhati-hatilah terhadapnya sebagaimana kita berhati-hati terhadap dua mata pisau. Apabila dia ketawa kepada kita, maka jangan merasa aman dengan perubahan sikap yang tiba-tiba terhadap kita. Perlakukanlah dia sebagaimana layaknya pihak lain yang sedang memerlukan bantuan kita.

Bercakaplah sesuai dengan keinginannya, kecuali dia memerintahkan untuk berbuat maksiat yang tidak boleh kita penuhi. Jika dia memperlihatkan kebaikan kepada kita, maka jangan perlakukan isteri dan anak-anaknya secara tidak adil untuk sekadar memperoleh keuntungan daripadanya. Berhati-hatilah terhadap sikap pihak lain yang sangat baik kepada kita, kerana sikap seperti itu justeru merupakan musuh yang paling besar. Selain itu, janganlah menghargai kekayaan lebih daripada kehormatan.

Ketika kita memasuki sebuah majlis, maka yang pertama kita ucapkan adalah salam kepada mereka yang telah lebih dahulu hadir berbanding kita. Jangan melangkahi orang yang sudah datang lebih awal. Duduklah di tempat yang masih kosong dan jangan bersesak-sesakan. Berilah salam kepada orang yang datang ketika kita sedang duduk. Jangan duduk di tengah jalan sehingga menghalang jalan orang yang hendak melintas.

Apabila kita terpaksa berada di tengah kerumunan orang, maka tundukkan pandangan, bantulah orang yang dizalimi dan orang yang lemah, serta berilah petunjuk kepada orang yang sedang tersesat. Jawablah orang yang memberi salam kepada kita, dan jangan enggan memberi sedekah kepada para peminta-minta.

Jangan segan menyuruh berbuat baik serta melarang berbuat jahat (amar makruf nahi munkar), dan meludahlah pada tempatnya, jangan meludah ke arah kiblat, serta jangan meludah ke sebelah kanan. Jika terpaksa melakukan itu, maka hendaklah kita meludah ke sebelah kiri atau ke bawah kaki kiri.

Hendaklah kita tidak duduk bersama para pemimpin dan penguasa yang zalim. Kalau kita terpaksa duduk bersama mereka, janganlah mengeluarkan cacian kepada mereka mahupun golongan lain. Jauhi kebohongan dan jagalah perkara-perkara yang bersifat rahsia. Kurangkan bercakap dengan mereka tentang keperluan kita dan bergaullah dengan mereka dengan menggunakan kata-kata seorang yang terhormat, serta bercakap dengan jelas mengenai akhlak bersama. Selain itu, jangan banyak bersenda gurau dengan mereka.

Hendaklah sentiasa menjaga diri di hadapannya, walaupun kasih-sayangnya terhadap kita nampak jelas. Hendaklah kita menghormati mereka, tetapi tidak takut kepada mereka. Hendaklah kita tidak bersendawa di hadapan mereka dan tidka membersihkan gigi dengan cungkil gigi setelah makan bersama mereka. Dengarkan setiap kata yang keluar di hadapan seorang penguasa, tetapi jangan pula membuka rahsia yang mesti kita sembunyikan dan jangan mengampu kepada mereka untuk memperoleh kemudahan daripada orang-orang di sekeliling mereka.

Jangan terlalu banyak duduk bersama orang awam. Jika terpaksa duduk bersama mereka, maka hindarkanlah perbincangan yang tidak bermanfaat. Jangan hiraukan kata-kata jahat dan keji yang keluar dari lisan mereka. Bergaullah dengan mereka seperlunya atau pada masa-masa yang diperlukan. Janganlah bersenda-gurau dengan orang yang berilmu, dan orang yang jahil. Sebab, pada diri orang yang berilmu akan muncul sikap dengki kepadamu dan orang yang jahil akan menentangmu.

Senda-gurau dan ketawa yang berlebihan akan melenyapkan rasa takut, memudahkan jalan melanggar kehormatan, menambahkan rasa iri dan dengki, menjauhkan kasih dan sayang yang wajar, menjatuhkan kebijaksanaan orang berilmu, memberikan keberanian kepada orang jahil, menjauhkan kehormatan di hadapan orang berilmu dan meningkatkan kedengkian. Itu juga akan menjadikan hati kita menjadi beku.

Inilah yang menyebabkan Allah SWT menjauh daripada kita sehingga banyak tindakan kita yang tidak terkawal.

Rasulullah s.a.w. bersabda:

مَنْ جَلَسَ فِى مَجْلِسٍ فَكَثُرَ فِيهِ لَغَطُهُ فَقَالَ قَبْلَ أَنْ يَقُومَ مِنْ مَجْلِسِهِ ذَلِكَ سُبْحَانَكَ اللهُمَّ وَبِحَمْدِكَ أَشْهَدُ أَنْ لاَ إِلَهَ إِلاَّ أَنْتَ أَسْتَغْفِرُكَ وَأَتُوبُ إِلَيْكَ. إِلاَّ غُفِرَ لَهُ مَا كَانَ فِى مَجْلِسِهِ ذَلِكَ.

.*"Barangsiapa yang duduk di sebuah majlis yang di dalamnya banyak diperbincangkan perkara yang sia-sia, maka sebelum bangkit daripada majlis itu hendaklah dia membaca:* 'Subhanakallahumma wa bihamdika, asyhadu anla ilaha illa anta, astaghfiruka wa atubu ilaik' *(Maha Suci Engkau, ya Allah, segala bentuk pujian hanya bagi-Mu. Aku bersaksi*

bahawa tidak ada Tuhan selain Engkau, dan aku memohon keampunan kepada-Mu, serta aku bertaubat kepada-Mu), maka akan diampunkan dosa-dosanya selama di dalam majlis itu."[144]

C. Hak terhadap keluarga, tetangga dan hamba sahaya

Ketahuilah bahawa kadang-kadang manusia sendirian dan kadang-kadang bersama orang lain. Apabila kehidupan manusia mesti bercampur-baur dengan orang-orang yang sebangsa dengannya, maka manusia itu mesti mempelajari adab kesopanan dalam berhubung antara satu sama lain. Adab kesopanan itu mengikut kadar haknya dan haknya itu mengikut kadar ikatan, di mana dengan ikatan itu berlakulah perhubungan.

Ikatan itu ada kalanya bersifat kekeluargaan, dan inilah yang paling khusus. Ada kalanya bersifat persaudaraan Islam dan itulah yang paling umum. Dalam pengertian persaudaraan itu tercakup pertemanan dan persahabatan.

Ikatan itu kadang-kadang juga bersifat kejiranan dan ada kalanya bersifat persahabatan dalam perjalanan dan di tempat belajar. Ada kalanya pula disebabkan persahabatan atau persaudaraan di mana tiap-tiap ikatan itu mempunyai tingkatan. Kekeluargaan itu mempunyai hak di mana hak kekeluargaan yang haram dikahwini (mahram) lebih kuat. Dan mahram itu sendiri mempunyai hak tetapi hak ibu-bapa, adalah lebih kuat. Begitu juga hak jiran. Tetapi hak itu berlainan mengikut dekat dan jauhnya rumah.

Hak seorang muslim menjadi kuat dengan kuatnya perkenalan dan perkenalan itu mempunyai tingkatan. Maka tidaklah hak orang yang dikenal dengan melihat dengan mata sendiri sama seperti hak orang yang dikenali dengan mendengar. Perkenalan setelah berlakunya perkenalan itu menjadi lebih kuat dengan bercampur-baur.

Begitu juga persahabatan, tingkatannya dapat berlebih dan berkurang. Maka hak persahabatan di sekolah lebih kuat berbanding hak persahabatan di perjalanan. Apabila persabahatan telah kuat, maka ia akan menjadi persaudaraan. Apabila persaudaraan itu bertambah kuat, maka ia akan menyebabkan timbulnya kasih-

---

[144] Diriwayatkan oleh Imam al-Tirmizi daripada hadis Abu Hurairah r.a. dan beliau mensahihkannya.

sayang. Jika kasih sayang itu bertambah, nescaya ia akan menjadi cinta kasih. Kasih sayang adalah sesuatu apa yang menetap di dalam hati sedangkan cinta kasih adalah sesuatu yang menyelang-nyelangi rahsia hati. Maka tiap-tiap teman yang penuh dengan cinta-kasih adalah teman yang dikasihi.

Bertambah dan berkurangnya darjat persahabatan tidak tersembunyi kerana ia mengikut hukum penyaksian dengan mata dan percubaan. Adanya persahabatan yang berlandaskan cinta kasih itu melebihi persaudaraan.

Kesimpulannya, tidak ada ikatan sebelum berkenalan dan tidak ada sesudah cinta kasih itu tingkatan yang lebih tinggi lagi. Tingkatan selain yang dua itu (berkenalan dan cinta-kasih) adalah tingkatan yang berada di antara keduanya. Telah kami sebutkan dahulu hak persahabatan dan persaudaraan dan termasuklah ke dalam keduanya apa yang ada di belakang keduanya, iaitu: kasih sayang dan cinta kasih.

Sesungguhnya bertambah dan berkurangnya tingkatan hak-hak tersebut ialah sebagaimana telah disebutkan dahulu, iaitu mengikut bertambah dan berkurangnya kasih-sayang dan persaudaraan sehingga tingkatan penghabisan yang mewajibkan penyerahan jiwa dan harta, sebagaimana yang diserahkan oleh Abu Bakar r.a. kepada Nabi s.a.w. Juga seperti yang dilakukan oleh Thalhah dengan menyerahkan badannya, iaitu dengan menjadikan dirinya sebagai perisai bagi Nabi yang mulia.

Berikut ini kami akan menyebutkan hak persaudaraan Islam, hak kekeluargaan, hak ibu bapa, hak tetangga dan hak pemilikan iaitu: pemilikan hamba. Itu kerana pemilikan disebabkan perkahwinan telah kami sebutkan hak-haknya di dalam "Adab Perkahwinan".

1. Hak-hak seorang muslim

Berkenaan kewajipan terhadap sesama muslim, lebih kurang ada dua puluh enam perintah yang dapat kita amalkan sehari-hari dalam kehidupan bermasyarakat.

Pertama: Apabila kita berjumpa dengan seorang muslim, hendaklah kita yang terlebih dahulu memberi salam kepadanya. Jika seorang muslim mengundang kita, maka hendaklah kita memenuhi undangan tersebut. Apabila dia bersin lalu membaca Alhamdulillah dan kita mendengarnya, maka hendaklah kita membaca tasymit, iaitu mengucapkan *Yarhamukallah*.

Jika kita mendengar seorang muslim sakit, maka hendaklah kita menjenguk atau melawatnya. Apabila dia meninggal dunia, maka hendaklah kita uruskan jenazahnya dengan mensolatkannya ke kuburnya. Hendaklah kita memberi nasihat kepadanya jika dia meminta nasihat kepada kita.

Apabila dia meninggalkan rumah dan pergi jauh selama beberapa hari, hendaklah kita ikut menjaga dan memelihara harta benda miliknya. Hendaklah kita mencintai mereka seperti kita mencintai diri kita sendiri, dan membenci sesuatu yang mereka benci.

Rasulullah s.a.w. bersabda:

أَرْبَعٌ مِنْ حَقِّ الْمُسْلِمِيْنَ عَلَيْكَ أَنْ تُعِيْنَ مُحْسِنَهُمْ وَأَنْ تَسْتَغْفِرَ لِمُذْنِبِهِمْ وَأَنْ تَدْعُوْ لِمُدَبِّرِهِمْ وَأَنْ تُحِبَّ تَائِبَهُمْ.

"Ada empat kewajipan kamu terhadap sesama muslim, iaitu; menolong orang yang berbuat kebaikan di antara mereka, meminta keampunan kepada Allah SWT bagi yang berdosa di antara mereka, menyantuni yang tidak beruntung di antara mereka, dan mengasihi yang bertaubat kepada Allah di antara mereka."[145]

Allah SWT berfirman:

رُحَمَآءُ بَيْنَهُمْ ۖ

"Berkasih sayang di antara mereka." (al-Fath: 29)

Ibnu Abbas r.a. menjelaskan makna ayat tersebut dengan berkata: "Orang yang soleh di antara mereka memohonkan keampunan ke atas perbuatan maksiat dan dosa yang dilakukan oleh orang fasik di antara kaum muslimin. Apabila orang fasik dalam kalangan kaum muslimin memandang orang yang soleh di antara kaum muslimin, maka mereka berdoa: "Ya Allah, limpahkanlah kepadanya berkat kebaikan yang telah Engkau janjikan kepadanya, dan kukuhkanlah dia dalam kebaikan itu, serta berilah kami manfaat dari kebaikan itu."

[145] Disampaikan oleh penulis kitab al-Firdaus, tanpa menyebutkan jalur periwayatannya.

Dan, apabila orang soleh melihat orang fasik di antara kaum muslimin, mereka berdoa: "Ya Allah, Tuhanku, berilah kepadanya petunjuk, terimalah taubatnya, dan ampunilah dosa-dosanya."

Kedua: Seorang mukmin hendaklah mencintai apa yang dicintai oleh kaum mukminin sebagaimana dia mencintainya untuk dirinya sendiri dan tidak menyukai apa yang tidak disukai oleh kaum mukminin sebagaimana dia tidak menyukainya untuk dirinya sendiri. Rasulullah s.a.w. bersabda:

مَثَلُ الْمُؤْمِنِينَ فِى تَوَادِّهِمْ وَتَرَاحُمِهِمْ وَتَعَاطُفِهِمْ مَثَلُ الْجَسَدِ إِذَا اشْتَكَى مِنْهُ عُضْوٌ تَدَاعَى لَهُ سَائِرُ الْجَسَدِ بِالسَّهَرِ وَالْحُمَّى.

"Seorang muslim dengan muslim lainnya seumpama satu tubuh dalam berkasih-kasihan dan bersayang-sayangan. Apabila salah satu anggota badan merasa sakit, maka seluruh badan akan merasakan sakit dan tidak dapat tidur serta menderita demam."[146]

Rasulullah s.a.w. bersabda:

الْمُؤْمِنُ لِلْمُؤْمِنِ كَالْبُنْيَانِ يَشُدُّ بَعْضَهُ بَعْضًا.

"Seorang mukmin bagi mukmin lainnya ialah seumpama sebuah bangunan, di mana satu bahagian menguatkan bahagian lainnya."[147]

Ketiga: Seorang muslim tidak boleh menyakiti perasaan muslim lainnya, atau mencelakakan mereka, sama ada dengan perkataan mahupun melalui perbuatannya. Rasulullah s.a.w. bersabda:

الْمُسْلِمُ مَنْ سَلِمَ الْمُسْلِمُوْنَ مِنْ لِسَانِهِ وَيَدِهِ.

"Seorang muslim adalah orang yang selamat muslim lainnya daripada lidah dan tangannya[١٤٨]*".*

---

[146] Diriwayatkan oleh Imam Bukhari dan Imam Muslim (Muttafaq 'Alaih) daripada hadis Nu'man bin Bisyir r.a.

[147] Diriwayatkan oleh Imam Bukhari dan Imam Muslim (Muttafaq 'Alaih) daripada hadis Abu Musa al-Asy'ari r.a.

[148] Diriwayatkan oleh Imam Bukhari dan Imam Muslim (Muttafaqun Alaih) daripada hadis Abdullah bin Umar r.a.

Di dalam sebuah khutbah yang panjang, Rasulullah s.a.w. menganjurkan agar kaum muslimin melakukan pelbagai amal dan perbuatan yang terpuji serta mulia. Baginda bersabda di tengah-tengah khutbah tersebut: "Jika kamu tidak mampu melaksanakan sendiri amal dan perbuatan itu, maka nasihatilah saudaramu untuk meninggalkan keburukan, kerana nasihat itu adalah sedekah sehingga nasihatmu kepada sesamamu akan dinilai sebagai sedekah bagimu."[149]

Rasulullah s.a.w. juga bersabda: "Muslim yang terbaik adalah mereka yang tangan dan lidahnya tidak menyakiti kaum muslimin lainnya."[150]

Di dalam riwayat lainnya juga disebutkan bahawa pada suatu hari Rasulullah s.a.w. bertanya kepada para sahabat: "Tahukah kamu siapakah yang disebut sebagai seorang muslim?" Mereka menjawab: "Allah dan Rasul-Nya yang lebih mengetahui." Lalu Baginda bersabda: "Orang muslim adalah orang yang akan selamat orang muslim lainnya daripada lisan dan tangannya."

Mereka kemudian mengajukan soalan: "Lantas siapakah yang disebut sebagai orang mukmin itu?" Baginda menjawab: "Iaitu orang yang diri dan harta kaum mukminin lainnya aman daripada perbuatannya." Lalu mereka bertanya kembali: "Siapakah orang yang berhijrah itu?" Baginda menjawab: "Iaitu orang yang meninggalkan keburukan dan menjauhkan diri daripadanya."

Seorang lelaki bertanya kepada Rasulullah s.a.w.: "Wahai Rasulullah, apakah Islam itu?" Nabi s.a.w. menjawab: "Mengorbankan hatimu kerana Allah SWT dan kaum muslimin selamat daripada lisan dan tanganmu." Lalu ditanyakan kembali: "Jika demikian, maka siapakah orang yang berhijrah itu?" Baginda s.a.w. menjawab dengan bersabda: "Seorang yang berhijrah itu pasti akan meninggalkan dan menjauhi keburukan."[151]

---

[149] Diriwayatkan oleh Imam Bukhari dan Imam Muslim (Muttafaq 'Alaih) daripada hadis Abu Zarr al-Ghifari r.a.

[150] Diriwayatkan oleh Imam Bukhari dan Imam Muslim (Muttafaqun Alaih) daripada hadis Abu Musa al-Asy'ari r.a.

[151] Diriwayatkan oleh Imam al-Thabrani dan Imam al-Hakim serta disahihkan oleh beliau daripada hadis Fadhalah bin Ubaid r.a. dengan beberapa lafaz yang berbeza, namun maknanya sama.

Rasulullah s.a.w. bersabda:

لَقَدْ رَأَيْتُ رَجُلاً يَتَقَلَّبُ فِي الْجَنَّةِ فِي شَجَرَةٍ قَطَعَهَا عَنْ ظَهْرِ الطَّرِيْقِ كَانَتْ تُؤْذِي الْمُسْلِمِيْنَ.

"Sesungguhnya aku melihat seorang lelaki berjalan ke sana ke mari di syurga ,sebagai balasan bagi perbuatannya memotong pohon yang menghalangi jalan bagi kaum muslimin[١٥٢] *".*

Pada suatu hari, Abu Hurairah r.a. bertanya kepada Rasulullah s.a.w.: "Wahai Rasulullah, berilah aku nasihat yang mudah-mudahan bermanfaat bagiku." Lalu Rasulullah s.a.w. memberinya nasihat (pesan bijak):

اِعْزَلِ الْأَذَى عَنْ طَرِيْقِ الْمُسْلِمِيْنَ.

"Buanglah apa-apa yang dapat melukai atau menyakiti kaum muslimin dari jalanan yang banyak mereka lalui[١٥٣] *".*

Rasulullah s.a.w. juga bersabda: "Barangsiapa yang menjauhkan sesuatu yang mungkin dapat menyakiti atau melukai seseorang daripada jalan kaum muslimin, maka Allah SWT akan menuliskan untuknya satu kebajikan. Dan barangsiapa yang baginya telah dituliskan oleh Allah SWT suatu kebajikan, nescaya Dia mewajibkan baginya masuk syurga."[154]

Rasulullah s.a.w. juga bersabda:

لاَ يَحِلُّ لِمُسْلِمٍ أَنْ يُشِيْرَ إِلَى أَخِيْهِ بِنَظْرَةٍ تُؤْذِيْهِ.

"Tidak halal bagi seorang muslim melihat dengan pandangan menyakitkan kepada kaum muslimin lainnya."[155]

---

[152] Diriwayatkan oleh Imam Muslim dari hadis Abu Hurairah r.a.

[153] Diriwayatkan oleh Imam Muslim dari hadis Abu Hurairah r.a.

[154] Diriwayatkan oleh Imam Ahmad dari hadis Abu ad-Darda' r.a. dengan sanad yang lemah.

[155] Diriwayatkan oleh Imam Ibnu al-Mubarak di dalam al-Zuhd daripada hadis Hamzah bin Ubaid r.a. secara mursal dengan sanad yang lemah.

Keempat: Bersikap santun kepada setiap muslim yang ditemui. Hendaklah kita tidak memperlakukan saudara kita sesama muslim dengan kasar dan tidak menyombongkan diri di hadapan mereka. Sebab sesungguhnya Allah SWT tidak menyukai orang-orang yang berlaku sombong lagi bersikap angkuh di hadapan saudaranya. Rasulullah s.a.w. bersabda:

إِنَّ اللهَ تَعَالَى أَوْحَى إِلَيَّ أَنْ تَوَاضَعُوْا حَتَّى لاَ يَفْخَرَ أَحَدٌ عَلَى أَحَد.

”Sesungguhnya Allaah' Azza wa Jalla menurunkan wahyu kepadaku: 'Saling bersikap santunlah kamu antara satu sama lain ,dan janganlah menyombongkan diri antara yang satu terhadap yang lainnya[١٥٦] *“.*

Apabila ada orang yang menyombongkan diri kepada kamu, maka bersabarlah. Sebagaimana Allah SWT telah memerintahkan kepada Rasul-Nya melalui firman-Nya:

خُذِ ٱلۡعَفۡوَ وَأۡمُرۡ بِٱلۡعُرۡفِ وَأَعۡرِضۡ عَنِ ٱلۡجَٰهِلِينَ ١٩٩

“Jadilah engkau pemaaf, dan suruhlah orang mengerjakan yang makruf serta berpalinglah dari orang-orang yang jahil.”

(al-A'raf: 199)

Diriwayatkan oleh Ibnu Abu Aufa, bahawa Rasulullah s.a.w. selalu bersikap tawaduk kepada setiap muslim, dan Baginda tidak pernah berlaku kasar kepada mereka, serta tidak segan atau tidak pernah enggan melakukan pekerjaan yang diperlukan oleh orang miskin dan para janda.[157]

Kelima: Tidak mendengarkan fitnah lalu menyebarkannya kepada orang lain.

Rasulullah s.a.w. bersabda:

لاَ يَدْخُلُ الْجَنَّةَ قَتَّاتٌ.

”Tidak akan masuk syurga orang yang suka memfitnah[١٥٨]*“.*

---

[156] Diriwayatkan oleh Imam Abu Daud dan Imam Ibnu Majah, sedangkan lafaz ini adalah milik Imam Ibnu Majah, daripada hadis Iyad bin Jammaz. Adapun rijalnya merupakan para perawi yang sahih.

[157] Diriwayatkan oleh Imam al-Nasa'i dengan isnad yang sahih.

[158] Diriwayatkan oleh Imam Bukhari dan Imam Muslim (Muttafaq 'Alaih) dari hadis Abu Ayyub r.a.

Keenam: Menjauhi perselisihan dan pertengkaran. Apabila kamu marah kepada orang lain (orang muslim), maka dilarang untuk tidak bertegur sapa lebih daripada tiga hari. Rasulullah s.a.w. pernah bersabda:

لاَ يَحِلُّ لِمُسْلِمٍ أَنْ يَهْجُرَ أَخَاهُ فَوْقَ ثَلاَثٍ يَلْتَقِيَانِ فَيُعْرِضُ هَذَا وَيُعْرِضُ هَذَا وَخَيْرُهُمَا الَّذِي يَبْدَأُ بِالسَّلاَمِ.

"Tidak halal bagi seorang muslim untuk tidak bertegur sapa dengan saudaranya lebih daripada tiga hari, padahal mereka berjumpa. Yang ini memalingkan muka dan yang satu lagi memalingkan muka. Adapun yang terbaik di antara kedua orang muslim yang saling bertemu ialah yang pertama kali memberi salam kepada saudaranya."[159]

Rasulullah s.a.w. juga bersabda: "Barangsiapa yang memaafkan kesalahan seorang muslim, nescaya Allah SWT akan memaafkan kesalahannya pada Hari Berbangkit kelak."[160]

Aisyah r.a. pernah bercerita: "Rasulullah s.a.w. tidak pernah menaruh dendam kerana kesalahan peribadi seseorang, kecuali kerana melanggar hak Allah SWT."[161]

Rasulullah s.a.w. juga bersabda: "Sesungguhnya harta tidak akan berkurang kerana disedekahkan. Dan Allah sekali-kali tidak akan menambah kemuliaan seseorang, kecuali kerana dia suka memaafkan kesalahan orang lain. Allah SWT juga akan mengangkat darjat seseorang yang bersikap santun kerana niat meraih keredaan-Nya."[162]

Ketujuh: Berbuat baik semampu mungkin kepada setiap orang yang berjasa (telah berbuat baik) kepada kita atau tidak berjasa (tidak berbuat baik) kepada kita, sama ada kerabat ataupun bukan kerabat.

---

[159] Diriwayatkan oleh Imam Bukhari dan Imam Muslim (Muttafaq 'Alaih).

[160] Diriwayatkan oleh Imam Abu Daud dan Imam al-Hakim, sebagaimana yang telah dijelaskan dalam pembahasan terdahulu.

[161] Diriwayatkan oleh Imam Bukhari dan Imam Muslim (Muttafaq 'Alaih) dengan sedikit perbezaan pada lafaznya, namun maknanya sama.

[162] Diriwayatkan oleh Imam Muslim dan hadis Abu Hurairah r.a.

Rasulullah s.a.w. bersabda:

اِصْنَعِ الْمَعْرُوْفَ فِي أَهْلِهِ وَفِي غَيْرِ أَهْلِهِ فَإِنْ أَصَبْتَ أَهْلَهُ فَهُوَ أَهْلُهُ وَإِنْ لَمْ تُصِبْ أَهْلَهُ فَأَنْتَ مِنْ أَهْلِهِ.

"Berbuatlah yang baik kepada keluarganya dan yang bukan keluarganya! Jika engkau memperoleh keluarganya, maka itulah keluarganya. Dan jika engkau tidak mendapati keluarganya, maka engkaulah keluarganya."[163]

Rasulullah s.a.w. juga bersabda:

رَأْسُ الْعَقْلِ بَعْدَ الدِّيْنِ التَّوَدُّدُ إِلَى النَّاسِ وَاصْطِنَاعُ الْمَعْرُوْفِ إِلَى كُلِّ بِرٍّ وَفَاجِرٍ.

"Akar daripada kebijaksanaan) hikmah (setelah agama adalah mencintai manusia) sesama ,(dan berbuat baik kepada setiap orang ,yang baik mahupun yang bersikap buruk) jahat)."[١٦٤]

Abu Hurairah r.a. juga pernah menceritakan bahawa ketika bersalaman, Rasulullah s.a.w. tidak pernah lebih dahulu menarik tangan baginda daripada orang lain sebelum orang itu menarik tangannya.[165]

Kelapan: Memperlakukan setiap orang dengan baik dan bercakap kepada mereka sesuai dengan tingkatan atau pemahaman akal mereka. Apabila kita bertemu dengan seorang yang kurang pemahaman akalnya, maka hendaklah kita bercakap dengan ungkapan yang bijak berlandaskan ilmu tentang hal itu. Adapun berdebat dengan orang yang jahil akan mendatangkan masalah baru bagi kita.

[163] Diriwayatkan oleh Imam al-Daruquthni di dalam al-Hal dengan darjat yang lemah.

[164] Diriwayatkan oleh Imam al-Thabrani di dalam al-Ausath. Juga diriwayatkan oleh Imam al-Khattabi di dalam al-Tarikh al-Thalibin. Daripada sumber yang sama juga diriwayatkan oleh Imam Abu Nu'aim di dalam al-Hilyah dengan lafaz yang sedikit berbeza, namun maknanya sama.

[165] Diriwayatkan oleh Imam al-Thabrani di dalam al-Ausath dengan isnad yang hasan. Diriwayatkan pula oleh Imam Abu Daud, Imam al-Tirmizi, dan Imam Ibnu Majah dengan lafaz yang serupa daripada hadis Anas bin Malik r.a. dengan sanad yang lemah.

Rasulullah s.a.w. bersabda:

الاِسْتِئْذَانُ ثَلاَثٌ فَالْأُوْلَى يَسْتَنْصِتُوْنَ وَالثَّانِيَةُ يَسْتَصْلِحُوْنَ وَالثَّالِثَةُ يُأْذَنُوْنَ أَوْ يُرَدُّوْنَ.

"Meminta izin itu diberlakukan sebanyak tiga kali. Yang pertama, diperhatikan oleh yang memiliki rumah atas orang yang meminta izin untuk masuk. Yang kedua, pemilik rumah menyediakan tempat duduk yang layak dan perlakuan lainnya. Dan yang ketiga, pemilik rumah boleh mengizinkan tetamunya untuk masuk atau menolaknya."[166]

Kesembilan: Menghormati dan memuliakan sahabat kedua ibu bapa. Juga keluarga kepada sahabat kedua ibu bapa kita yang sudah meninggal dunia, dan menyayangi anak-anak mereka.

Rasulullah s.a.w. bersabda:

لَيْسَ مِنَّا مَنْ لَمْ يُوَقِّرْ كَبِيْرَنَا وَلَمْ يَرْحَمْ صَغِيْرَنَا.

"Bukan termasuk golongan kami orang yang tidak memuliakan orang-orang tua dan yang tidak menyayangi orang-orang muda di antara kami."[167]

Rasulullah s.a.w. juga bersabda:

مِنْ إِجْلاَلِ اللهِ إِكْرَامُ ذِي الشَّيْبَةِ الْمُسْلِمِ.

"Menghormati atau memuliakan seorang muslim yang sudah tua adalah sebahagian daripada memuliakan Allah SWT[١٦٨]".

Memuliakan orang yang sudah tua, atau yang lebih tua daripada kita belum sempurna, jika kita berkata-kata di hadapannya pada suatu kesempatan tanpa

---

[166] Diriwayatkan oleh Imam al-Daruqutni dalam al-Ifrad dengan sanad yang lemah {dha'if). Di dalam al-Sahihain juga diriwayatkan dengan lafaz yang sedikit berbeza, namun maknanya serupa daripada hadis Abu Musa al-Asy'ari r.a.

[167] Diriwayatkan oleh Imam al-Thabrani dalam al-Ausath dengan sanad yang lemah (dha'if). Demikian pula yang diriwayatkan pula oleh Imam Abu Daud. Diriwayatkan pula oleh Imam Bukhari di dalam al-Adab daripada hadis Abdullah bin Umar r.a. dengan sanad hasan.

[168] Diriwayatkan oleh Imam Abu Daud dari hadis Abu Musa al-Asy'ari dengan isnad hasan.

izin daripadanya. Jabir bin Abdullah r.a. pernah meriwayatkan: "Pada suatu hari, utusan suku Juhainah datang menghadap Rasulullah s.a.w. Seorang pemuda tiba-tiba bangkit dan bercakap kepada Baginda atas nama suku itu. Baginda berkata: 'Sebentar, di manakah pemimpin kamu?"[169]

Di dalam sebuah hadis yang lain, Rasulullah s.a.w. juga bersabda: "Apabila seorang yang masih berusia muda memuliakan seorang yang lebih tua, maka Allah SWT akan menetapkan baginya umur panjang seperti orang tua yang dimuliakannya itu."[170]

Ini bererti, bahawa dia akan hidup hingga tua. Oleh itu, jika kita memperlihatkan penghormatan dan sikap memuliakan kepada seorang yang sudah berusia lanjut, maka insya Allah, Allah 'Azza wa Jalla akan memanjangkan usia kita. Rasulullah s.a.w. bersabda: "Kiamat tidak akan datang, hingga seorang anak berlaku kasar kepada orang tuanya, hujan lama tidak turun (kemarau panjang), para penebar fitnah muncul di mana-mana, orang mulia semakin langka, anak muda berani kepada orang yang lebih tua, dan orang hina berani melawan orang yang mulia."[171]

Selain itu, hendaklah kita juga bersikap dan berlaku lemah-lembut serta penuh kasih sayang kepada anak kecil, atau barangsiapa yang lebih muda usianya berbanding kita. Sebab, perlakuan seperti itu merupakan kebiasaan yang dicontohkan oleh Rasulullah s.a.w.[172]

Ketika Rasulullah s.a.w. kembali daripada perjalanan jauh, anak-anak kecil menyambut kedatangan Baginda sementara Baginda menunggu dan berdiri di hadapan mereka dengan senyuman di bibir Baginda. Kemudian Baginda mengangkat anak-anak itu, sebahagian digendong di depan, dan sebahagian lainnya digendong

---

[169] Diriwayatkan oleh Imam al-Hakim dan beliau menshahihkan isnadnya.

[170] Diriwayatkan oleh Imam al-Tirmizi dan hadis Anas bin Malik r.a. dengan lafaz yang sedikit berbeza, namun maknanya serupa. Lalu dikatakan, bahawa hadis ini gharib. Sedangkan pada sebahagian riwayat lainnya dinyatakan darjatnya yang hasan. Itu kerana di dalam susunan perawinya terdapat seseorang yang bernama Abu al-Rijal, dan dia dinyatakan lemah oleh para ulama hadis.

[171] Diriwayatkan oleh al-Khara'iti di dalam Makarim al-Akhlaq dariapda Aisyah r.a. Hadis ini juga diriwayatkan oleh Imam al-Tabrani daripada hadis Ibnu Mas'ud.

[172] Diriwayatkan oleh Imam al-Bazzar dari hadis Anas bin Malik r.a. Diriwayatkan pula oleh Imam Bukhari dan Imam Muslim dalam al-Sahihain dengan lafaz yang sedikit berbeza namun maknanya sama. Dan masih terdapat beberapa jalur periwayatan serupa.

di belakang Baginda yang mulia.[173]

Para sahabat kemudian diajar oleh Rasulullah s.a.w. untuk mengikuti apa yang pernah beliau lakukan terhadap kanak-kanak lain. Beliau pernah mengambil kanak-kanak yang lebih kecil, lalu meletakkan mereka di pangkuan beliau. Bahkan, sebahagian dari mereka ada yang sempat kencing di pakaian Baginda.[174]

Kesepuluh: Sentiasa bermuka jernih dan bersikap lembut kepada setiap orang. Rasulullah s.a.w. pernah bertanya kepada para sahabat: "Tahukah kamu untuk siapakah neraka diharamkan?" Para sahabat menjawab: "Allah dan Rasul-Nya yang lebih mengetahui." Lalu Baginda bersabda: "Neraka diharamkan bagi orang yang berlaku lemah-lembut, menyenangkan dalam bergaul dan bersifat kekeluargaan."[175]

Rasulullah s.a.w. juga bersabda:

إِنَّ اللهَ يُحِبُّ السَّهْلَ الطَّلْقُ الْوَجْهَ.

"Sesungguhnya Allah SWT mengasihi orang yang bersikap sederhana, dan sentiasa bermuka manis dalam pergaulan[١٧٦] *".*

Seorang sahabat pernah bertanya kepada Rasulullah s.a.w.: "Wahai Rasulullah, beri aku petunjuk amalan yang dapat memasukkan aku ke dalam syurga." Baginda s.a.w. menjawab:

---

[173] Diriwayatkan oleh Imam Muslim dari hadis Abdullah bin Ja'far r.a. dengan lafaz yang sedikit berbeza, namun maknanya sama. Di dalam al-Sahihain juga terdapat riwayat serupa daripada hadis Abdullah bin Jafar r.a. yang mengatakan kepada Ibnu Zubair (Abdullah bin al-Zubair) r.a. dengan lafaz yang serupa. Dan lafaz ini adalah milik Imam Muslim. Sedangkan Imam Bukhari mengatakan bahawa justeru Abdullah bin al-Zubair-lah yang mengatakan kepada Abdullah bin Ja'far r.a. Wallallu a'lam.

[174] Diriwayatkan oleh Imam Muslim dari hadis Aisyah r.a. dengan lafaz yang sedikit berbeza, namun maknanya sama. Sedangkan asal dan periwayatan ini disampaikan oleh Imam Bukhari dan Imam Muslim (Muttafaq 'Alaih).

[175] Diriwayatkan oleh Imam al-Tirmizi dari hadis Ibnu Mas'ud r.a. dengan lafaz yang sedikit berbeza, namun maknanya serupa. Diriwayatkan pula oleh Imam al-Kharraithi dari riwayat Muhammad bin Abu Mu'aiqib, dari pakciknya. Imam al-Tirmizi mengatakan, bahawa kedudukannya adalah hasan gharib.

[176] Diriwayatkan oleh Imam al-Baihaqi dalam al-Syu'ab al-Iman daripada hadis Abu Hurairah r.a. dengan sanad yang lemah. Juga diriwayatkan daripada hadis Muwarriq al-'Ajli secara mursal.

إِنَّ مِنْ مُوْجِبَاتِ الْمَغْفِرَةِ بَذْلُ السَّلاَمِ وَحُسْنُ الْكَلاَمِ.

"*Sebahagian daripada cara untuk mendapatkan keampunan dari sisi Allah SWT adalah, gemar memberi salam dan bersikap baik dalam bercakap*"[177]

Di lain kesempatan, Rasulullah s.a.w. bersabda:

اِتَّقُوْا النَّارَ وَلَوْ بِشَقِّ تَمْرَةٍ فَمَنْ لَمْ يَجِدْ فَبِكَلِمَةٍ طَيِّبَةٍ.

"Selamatkan dirimu daripada panas api neraka, walaupun hanya dengan memberi sedekah berupa sepotong biji tamar (kurma). Jika kamu tidak sanggup melakukan yang demikian, maka selamatkanlah dirimu dengan bersikap baik dalam bercakap."[178]

Rasulullah s.a.w. juga bersabda:

إِنَّ فِيْ الْجَنَّةِ لَغُرَفًا يُرَى ظُهُورُهَا مِنْ بُطُونِهَا وَبُطُونُهَا مِنْ ظُهُورِهَا. فَقَامَ إِلَيْهِ أَعْرَابِيٌّ فَقَالَ: لِمَنْ هِيَ يَا رَسُولَ اللهِ؟ قَالَ : هِيَ لِمَنْ أَطَابَ الْكَلاَمَ وَأَطْعَمَ الطَّعَامَ وَصَلَّى بِاللَّيْلِ وَالنَّاسُ نِيَامٌ.

"Sesungguhnya di syurga nanti terdapat bilik-bilik yang bahagian dalamnya dapat dilihat dari luar dan bahagian luarnya dapat dilihat dari dalam." Lantas seorang Badwi bertanya: "Untuk siapakah bilik-bilik itu, wahai Rasulullah?" Baginda menjawab: "Untuk orang yang bersikap baik dalam bercakap kepada saudaranya, memberi makan fakir miskin, dan menyibukkan diri dengan beribadat (solat malam) ketika saat orang lain sedang tertidur lena."[179]

---

[177] Diriwayatkan oleh Imam Ibnu Abu Syaibah dalam kitabnya. Diriwayatkan pula oleh Imam al-Thabrani dan Imam al-Kharraithi di dalam Makarim al-Akhlaq dengan lafaz yang berasal daripadanya.

[178] Diriwayatkan oleh Imam Bukhari dan Imam Muslim (Muttafaq 'Alaih) dari hadis 'Adi bin Hatim r.a., sebagaimana dijelaskan dalam pembahasan tentang zakat.

[179] Diriwayatkan oleh Imam al-Tirmizi daripada hadis Ali bin Abu Talib r.a., lalu dikatakan bahawa status periwayatan ini adalah gharib.

Anas bin Malik r.a. pernah meriwayatkan: "Pada suatu hari, seorang wanita datang kepada Rasulullah s.a.w. dan berkata: 'Aku mempunyai suatu keperluan dengan tuan.' Ketika itu beberapa orang sahabat sedang bersama Rasulullah s.a.w. Baginda bersada: 'Duduklah di atas tanah ini, di mana pun yang kamu kehendaki, maka aku akan duduk bersamamu untuk memenuhi apa yang menjadi keperluanmu'."[180] Maka wanita itu pun duduk dan Baginda juga duduk. Kemudian Dia mengutarakakan keperluannya kepada Rasulullah dan Baginda pun memerhatikan keperluan itu sampai selesai.

Wahab bin Munabbih berkata: "Seorang lelaki daripada Bani Israel telah berpuasa selama tujuh puluh tahun. Dia berbuka pada tiap-tiap tujuh hari. Maka orang itu bermohon kepada Allah agar Dia memperlihatkan kepadanya bagaimana cara syaitan menipu manusia.

Ketika dia telah lama bermohon tetapi belum juga diperkenankan oleh Allah, maka dia berkata: "Jika aku melihat kepada kesalahanku dan dosaku di antara aku dan Tuhanku adalah lebih baik bagiku daripada apa yang aku minta."

Maka Allah SWT mengutuskan kepadanya malaikat. Lalu malaikat itu berkata kepadanya: "Sesungguhnya Allah mengutus aku kepadamu dan Dia berfirman kepadamu: "Sesungguhnya perkataan yang kamu ucapkan itu adalah lebih Aku sukai daripada ibadat yang telah kamu lakukan. Dan sesungguhnya Allah telah membuka matamu, maka lihatlah!

Kemudian orang itu melihat tiba-tiba tentera Iblis telah mengelilingi bumi. Sehingga tidak ada seorang manusia pun melainkan syaitan-syaitan berada di sekelilingnya seperti serigala. Lantas orang itu berdoa: "Wahai Tuhanku! Siapakah yang dapat terlepas daripada keadaan ini?" Allah berfirman: "Orang warak yang lemah-lembut."

Kesebelas: Menepati janji kepada kaum muslimin. Apabila berjanji kepada orang lain pada umumnya, dan kepada kaum muslimin pada khususnya, hendaklah kita menepati janji itu. Rasulullah s.a.w. bersabda:

العِدَّةُ عَطِيَّةٌ.

---

[180] Diriwayatkan oleh Imam Muslim dari Anas bin Malik r.a.

"Janji itu seumpama pemberian yang wajib (zakat)."[181]

Rasulullah s.a.w. juga bersabda:

العِدَّةُ دَيْنٌ.

"Janji itu seperti hutang (yang harus ditunaikan)."[182]

Rasulullah s.a.w. juga bersabda:

ثَلاَثٌ فِي الْمُنَافِقِ إِذَا حَدَّثَ كَذَّبَ وَإِذَا وَعَدَ أَخْلَفَ وَإِذَا ائْتُمِنَ خَانَ.

"Ada tiga tanda pada diri orang-orang munafik ,iaitu ;apabila berjanji ,maka dia selalu mengingkari .Apabila bercakap ,maka dia gemar berdusta .Dan apabila diberi amanat ,maka dia akan cenderung berkhianat[١٨٣]*".*

Kedua belas: Bertindak adil kepada orang lain (sesama muslim), dan tidak datang kepada mereka kecuali dengan apa yang disukai oleh mereka.

Rasulullah s.a.w. bersabda:

لاَ يَسْتَكْمِلُ الْعَبْدُ الإِيْمَانَ حَتىَّ يَكُوْنَ فِيْهِ ثَلاَثُ خِصَالٍ الإِنْفَاقُ مِنَ الإِقْتَارِ وَالإِنْصَافُ مِنْ نَفْسِهِ وَبَذْلُ السَّلاَمِ.

"Tidak sempurna keimanan seorang hamba ,hingga terdapat tiga perkara yang menjadi ciri dirinya ,iaitu membelanjakan hartanya sekalipun dalam keadaan miskin ,bertindak adil kepada dirinya sendiri dan orang lain ,gemar memberi salam[١٨٤]*".*

---

[181] Diriwayatkan oleh Imam al-Thabrani dalam al-Ausath daripada hadis Qubbats bin Usyaim r.a. denqan sanad yang lemah.

[182] Diriwayatkan oleh Imam al-Thabrani dalam al-Ausath al-Majma' dan juga al-Ausath al-Asghar daripada hadis Ali bin Abu Talib dan Ibnu Mas'ud r.a. dengan sanad yang terdapat di dalam susunannya seorang perawi yang tidak diketahui.

[183] Diriwayatkan oleh Imam Bukhari dan Imam Muslim (Muttafaq 'Alaih) daripada hadis Abu Hurairah r.a. dengan lafaz yang sedikit berbeza, namun maknanya sama.

[184] Diriwayatkan oleh Imam al-Kharaithi di dalam Makarim al-Akhlaq daripada hadis 'Ammar bin Yasir r.a., sebagaimana yang juga diriwayatkan oleh Imam Bukhari daripada sumber periwayatan yang sama dengan lafaz yang sedikit berbeza, namun maknanya sama.

Rasulullah s.a.w .juga bersabda:

مَنْ سَرَّهُ أَنْ يُزَحْزَحَ عَنِ النَّارِ وَيَدْخُلَ الْجَنَّةَ فَلْتَأْتِهِ مَنِيَّتُهُ وَهُوَ يَشْهَدُ أَنْ لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُوْلُ اللهِ وَلْيُؤْتِ إِلَى النَّاسِ مَا يُحِبُّ أَنْ يُؤْتَى إِلَيْهِ.

“Barangsiapa yang menghendaki neraka jauh daripadanya dan dimasukkan ke dalam syurga, hendaklah ketika sakaratul maut dia mengakui bahawa tidak ada Tuhan selain Allah dan Muhammad adalah Rasul-Nya. Dan hendaknya dia memperlakukan orang lain dengan cara yang dia suka jika cara itu diperlakukan kepada dirinya sendiri.”[185]

Rasulullah s.a.w. juga bersabda:

يَا أَبَا الدَّرْدَاءِ أَحْسِنْ مُجَاوَرَةَ مَنْ جَاوَرَكَ تَكُنْ مُؤْمِنًا وَأَحِبَّ لِلنَّاسِ مَا تُحِبُّ لِنَفْسِكَ تَكُن مُسْلِمًا.

”Wahai Abu al-Darda ,‘perlakukan jiranmu dengan baik ,maka kamu adalah seorang mukmin yang baik .Cintailah orang lain sebagaimana kamu mencintai dirimu sendiri ,maka kamu adalah seorang muslim yang baik[١٨٦] *“.*

Nabi Musa as. pernah bertanya kepada Allah SWT: “Wahai Tuhanku, siapakah di antara para hamba-Mu yang paling adil?” Allah berfirman: “Hamba-Ku yang bersikap paling adil kepada dirinya sendiri.”

Ketiga belas: Memuliakan dan menghormati orang yang wajib dan layak dimuliakan serta dihormati. Sudah selayaknya kita memuliakan seseorang yang kita ketahui kedudukan, perilaku, perbuatan, penampilan, dan sifatnya yang mulia lagi terhormat.

---

[185] Diriwayatkan oleh Imam Muslim daripada hadis Abdullah bin Amru bin al-‘As r.a. dengan lafaz yang sedikit berbeza, namun maknanya sama. Juga diriwayatkan oleh Imam al-Kharaithi di dalam Makarim al-Akhlaq dengan lafaz yang sama dengan milik Imam Muslim.

[186] Diriwayatkan oleh Imam al-Kharaithi di dalam Makarim al-Akhlaq dengan sanad yang lemah. Diketahui bahawa pesan yang dimaksudkan ditujukan oleh Rasulullah s.a.w. kepada Abu Hurairah r.a., bukan kepada Abu al-Darda’ r.a. sebagaimana yang dijelaskan di dalam pembahasan terdahulu.

Di dalam sebuah riwayat disebutkan bahawa ketika Aisyah r.a. berada di dalam sebuah khemah pada suatu perjalanan, seorang peminta-minta mendatanginya ketika makanan telah dihidangkan dan meminta makanan kepadanya. Maka Aisyah berkata: "Berikan kepadanya sepotong roti."

Setelah itu, melintaslah seseorang dengan menaiki kuda. Melihat orang itu, Aisyah berkata: "Undanglah orang itu untuk ikut makan bersama." Dia ditanya: "Engkau memberikan roti kepada pengemis, lalu engkau mengundang penunggang kuda untuk makan bersama. Mengapa yang demikian itu engkau lakukan?" Jawab Aisyah: "Sesungguhnya Allah Azza wa Jalla menempatkan manusia pada kedudukan yang berbeza-beza. Kita harus memperlakukan mereka sesuai dengan tingkatan masing-masing. Peminta-minta itu merasa cukup dengan sepotong roti, tetapi memberi orang kaya dengan sepotong roti adalah kurang tepat."

Di dalam riwayat yang disebutkan bahawa pada suatu ketika Rasulullah s.a.w. memasuki salah satu bahagian rumah Baginda dan para sahabat datang kepada Baginda sehingga rumah itu menjadi sesak. Kemudian datanglah Jabir bin Abdullah r.a. bersama salah seorang kepala suku. Tetapi tidak ada lagi tempat baginya sehingga dia harus duduk berhampiran pintu.

Melihat keadaan itu, Rasulullah s.a.w. memberikan kain serban Baginda kepada Jabir dan tetamu terhormatnya untuk duduk di sana. Jabir lalu mencium serban itu dan menyerahkannya kembali kepada Baginda sambil berkata: "Semoga Allah SWT memuliakan tuan sebagaimana tuan rumah yang telah memuliakan aku sebagai tamunya."

Dalam kesempatan lain, Rasulullah s.a.w. bersabda: "Apabila datang kepada kamu orang mulia dari suatu kaum, maka muliakanlah dia."[187]

Begitu juga tiap-tiap orang yang mempunyai hak yang sudah lama padanya, maka hendaklah dia memuliakannya! Diriwayatkan bahawa pada suatu ketika ibu susuan Rasulullah s.a.w., Halimatus Sa'diyah r.a. datang kepada Baginda. Lalu Rasulullah s.a.w. membentangkan serbannya untuk wanita itu dan bersabda

---

[187] Pada awal kisah dari riwayat ini berkaitan dengan diri Jarir bin Abdullah r.a. yang diriwayatkan oleh Imam al-Hakim daripada hadis Jabir (saudara kandung Jarir) bin Abdullah r.a. Lalu dikatakan bahawa isnadnya adalah sahih, sebagaimana dijelaskan di dalam pembahasan tentang zakat secara lebih ringkas.

kepadanya: “Selamat datang wahai ibuku!” Kemudian Baginda dudukkan ibu susuannya itu di atas serbannya dan bersabda kepadanya: “Mintalah syafa’at, nescaya engkau akan diberikan syafa’at dan mintalah nescaya engkau diberi!”

Halimatus Sa’diyah r.a. berkata: “Aku memohon syafa’atmu bagi kaumku juga.” Maka Rasulullah s.a.w. bersabda: “Sesungguhnya hakku dan hak Bani Hasyim ada padamu, wahai ibu.” Kemudian Baginda memberikan seluruh bahagian ghanimah (harta rampasan perang) dalam perang Hunain[188] yang menjadi bahagian Baginda kepada Halimah. Ghanimah itu lalu dia jual kepada ‘Utsman bin ‘Affan r.a. dengan harga yang berpatutan, iaitu seratus ribu dirham.[189]

Keempat belas: Mendamaikan pertelingkahan dan perselisihan di antara kaum muslimin jika ada jalan untuk itu.

Rasulullah s.a.w. bersabda:

أَلاَ أُخْبِرُكُمْ بِأَفْضَلَ مِنْ دَرَجَةِ الصِّيَامِ وَالصَّلاَةِ وَالصَّدَقَةِ. قَالُوا: بَلَى. قَالَ: إِصْلاَحُ ذَاتِ الْبَيْنِ وَفَسَادُ ذَاتِ الْبَيْنِ الْحَالِقَةُ.

“Mahukah kamu aku beri tahu tentang ibadat yang lebih utama daripada solat, puasa, dan zakat?” Para sahabat menjawab: “Tentu sahaja, wahai Rasulullah.” Baginda bersabda lagi: “Iaitu mendamaikan perselisihan di antara kaum muslimin yang sedang berselisih. Sebab, perselisihan di antara dua orang muslim dapat membinasakan seluruh umat.”[190]

Rasulullah s.a.w. juga bersabda:

أَفْضَلُ الصَّدَقَةِ إِصْلاَحُ ذَاتُ البَيِّنِ.

“Mendamaikan perselisihan antara dua orang muslim adalah sedekah

---

[188] Diriwayatkan oleh Imam Abu Daud, juga Imam al-Hakim, dan beliau mensahihkannya dan hadis Abu al-Thufail secara lebih ringkas lafaznya.

[189] Diriwayatkan oleh Imam Ahmad daripada hadis Abdullah bin Umar r.a. dengan lafaz yang sedikit berbeza, namun maknanya sama. Adapun isnadnya adalah sahih.

[190] Diriwayatkan oleh Imam Abu Daud, juga oleh Imam al-Tirmizi. dan beliau mensahihkannya daripada hadis Abu al-Darda’ r.a.

yang paling utama."[191]

Di dalam hadis yang lain lagi, Rasulullah s.a.w. bersabda:

اتَّقُوا اللهَ وَأَصْلِحُوا ذَاتَ بَيْنِكُمْ فَإِنَّ اللهَ تَعَالَى يُصْلِحُ بَيْنَ الْمُؤْمِنِيْنَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ.

"Bertakwalah kamu kepada Allah Azza wa Jalla, dan damaikan pertengkaran di antara kamu, nescaya Allah akan mendamaikan pertengkaran di antara kaum mukminin secara keseluruhan pada hari kiamat kelak."[192]

Rasulullah s.a.w. juga bersabda:

لَيْسَ بِكَذَّابٍ مَنْ أَصْلَحَ بَيْنَ اثْنَيْنِ فَقَالَ خَيْرًا.

"Barangsiapa yang berbohong dengan maksud untuk mendamaikan perselisihan di antara dua orang yang sedang berselisih, maka dia tidak disebut sebagai pembohong."

Rasulullah s.a.w. juga bersabda:

كُلُّ الْكَذِبِ مَكْتُوْبٌ إِلاَّ أَنْ يَكْذِبَ الرَّجُلُ فِي الْحَرْبِ.

"Setiap dusta akan dicatatkan sebagai perbuatan dosa, kecuali dusta seseorang dalam peperangan."[193]

Sesungguhnya peperangan adalah tipu-daya. Selain itu, boleh berdusta untuk mendamaikan perselisihan di antara dua orang muslim yang sedang berselisih dan dusta seorang suami untuk membahagiakan isterinya."

Kelima belas: Menjaga atau menutupi rahsia kaum muslimin.

---

[191] Diriwayatkan oleh Imam al-Thabrani dalam al-Kabir. Juga oleh Imam al-Kharaithi di dalam Makarim al-Akhlaq daripada hadis Abdullah bin Umar r.a.

[192] Diriwayatkan oleh Imam al-Kharraiti dalam Makarim al-Akhlaq dan diriwayatkan juga oleh Imam al-Hakim, lalu dikatakan bahawa isnadnya adalah sahih.

[193] Diriwayatkan oleh Imam Bukhari dan Imam Muslim (Muttafaq 'Alaih) dari hadis Ummu Kultsum binti Uqbah bin Abu Mu'ith r.a.

Rasulullah s.a.w. bersabda:

مَنْ سَتَرَ عَلَى مُسْلِمٍ سَتَرَهُ اللهُ تَعَالَى فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ.

"Barangsiapa yang menutupi perkara-perkara yang menjadi aib seorang muslim, maka Allah SWT akan menutupi dosanya di dunia dan di akhirat."[194]

Rasulullah s.a.w. juga bersabda:

لاَ يَسْتُرُ عَبْدٌ عَبْدًا إِلاَّ سَتَرَهُ اللهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ.

"Tiadalah seorang hamba menutupi aib seorang hamba yang lain, melainkan dia ditutupi oleh Allah aibnya pada hari kiamat."[195]

Rasulullah s.a.w. juga bersabda:

لاَ يَرَى الْمُؤْمِنُ مِنْ أَخِيهِ عَوْرَةً فَيَسْتُرُهَا عَلَيْهِ إِلاَّ دَخَلَ الْجَنَّةِ.

"Tidaklah seorang mukmin melihat aurat (aib) saudaranya lantas menutupinya, melainkan dia akan masuk syurga."[196]

Ketika Ma'iz mengaku kepada Rasulullah s.a.w. bahawa dia yang telah berzina, maka Baginda bersabda: "Kalau kamu tutupi dia dengan kainmu, nescaya lebih baik bagimu."[197]

Abu Bakar r.a. juga pernah berkata: "Ketika melihat seorang pemabuk, aku berharap dalam hatiku semoga Allah SWT menutupi dosanya. Begitu juga ketika mendapati seorang pencuri, maka aku berharap dalam hatiku semoga Allah SWT menutupi dosanya."

Diriwayatkan bahawa Umar r.a. berjalan meronda pada suatu malam di Madinah. Lalu beliau melihat seorang lelaki dengan seorang wanita berbuat keji

---

[194] Diriwayatkan oleh Imam Muslim dari hadis Abu Hurairah r.a. Diriwayatkan pula oleh Imam al-Syaikhain dari hadis Abdullah bin Umar r.a. dengan lafaz yang berbeza namun maknanya sama.

[195] Diriwayatkan oleh Imam Muslim daripada hadis Abu Hurairah r.a.

[196] Diriwayatkan oleh ath-Thabrani dengan sanad yang dha'if.

[197] Diriwayatkan oleh Abu Daud dan al-Nasa'i daripada Na'im bin Hizai.

(berbuat zina). Esok harinya, dia berkata di hadapan orang ramai: "Apakah pendapat kamu jika seorang pemimpin negeri menyaksikan seorang lelaki dan seorang wanita berzina, lalu dia hendak mengamalkan hukum yang diperintahkan di dalam al-Quran ke atas mereka?" Mereka berkata: "Sesungguhnya engkau adalah Imam kami. Engkau mempunyai kuasa mutlak dalam menentukan putusan ini."

Ali r.a. berkata: "Hukuman dalam perkara ini tidak sah, bahkan engkau akan dijatuhi hukuman kerana dianggap memfitnah. Sebab, hukuman bagi yang berzina tidak boleh dijatuhkan tanpa kesaksian empat orang yang adil."

Setelah peristiwa itu, Umar menjadi bimbang selama berhari-hari. Sekali lagi, dia bertanya kepada orang ramai dan mereka menjawab seperti jawapan yang pernah disampaikan. Umar sendiri cenderung kepada pendapat Ali dan mengambil keputusan untuk tidak menghukum lelaki dan perempuan tersebut.

Riwayat ini adalah bukti kuat yang menunjukkan bahawa dosa kaum muslimin harus ditutupi. Sedangkan empat orang saksi yang adil diperlukan bagi menjatuhkan hukuman ke atas perbuatan zina dan ini sukar untuk diwujudkan.

Rasulullah s.a.w. juga bersabda:

إِنَّ اللهَ إِذَا سَتَرَ عَلَى عَبْدٍ عَوْرَتَهُ فِي الدُّنْيَا فَهُوَ أَكْرَمُ مِنْ أَنْ يَكْشِفَهَا فِي الْآخِرَةِ وَإِنْ كَشَفَهَا فِي الدُّنْيَا فَهُوَ أَكْرَمُ مِنْ أَنْ يَكْشِفَهَا مَرَّةً أُخْرَى.

"Sesungguhnya apabila Allah menutupi aurat (aib) seorang hamba di dunia, maka Allah adalah Maha Mulia daripada membukakannya pada hari akhirat. Dan jika Allah membukakannya di dunia, maka Dia adalah Maha Mulia daripada membukakannya pada kali yang lain."[198]

Abdurrahman bin Auf r.a. menceritakan, bahawa dia pernah keluar bersama Umar bin al-Khattab r.a. secara diam-diam. Lalu mereka berjalan-jalan di kota Madinah pada malam hari. Katanya: "Pada waktu kami berjalan, nampaklah oleh kami seberkas cahaya dari pelita di dalam sebuah rumah. Lalu kami berjalan menuju

[198] Diriwayatkan at-Tirmizi, Ibnu Majah dan al-Hakim daripada Ali r.a.

rumah itu. Ketika kami telah hampir, kami dapati Rabi'ah bin Umayyah bin Khalaf di dalam rumah yang pintunya tidak tertutup itu sedang mabuk kerana arak. Aku berkata: 'Jangan mengintai.' Maka Umar segera meninggalkan rumah itu."

Rasulullah s.a.w. pernah bersabda kepada Muawiyah r.a.:

إِنَّكَ إِنْ تَتَبَّعْتَ عَوْرَاتَ النَّاسِ أَفْسَدْتَهُمْ أَوْ كِدْتَ تُفْسِدُهُمْ.

"Apabila engkau mencari-cari (menyelidiki) rahsia orang lain, bererti engkau telah membinasakan mereka."[199]

Rasulullah s.a.w. juga pernah bersabda: "Wahai manusia yang beriman dengan lidahnya, akan tetapi qalbunya belum dimasuki cahaya Islam, janganlah kamu mengumpat kaum muslimin, jangan pula membuka aurat mereka. Sebab, barangsiapa yang membuka aib mereka, nescaya Allah SWT akan membuka aibnya. Allah akan menghinakan seseorang dengan membukakan aibnya, sekalipun orang itu berada di dalam rumah yang terkunci rapat."[200]

Abu Bakar r.a. juga pernah berkata: "Kalau aku melihat seseorang melakukan perbuatan keji, maka aku tidak akan menghukumnya atau memerintahkan seseorang untuk menghukumnya, hingga ada beberapa orang bersamaku yang juga ikut menyaksikan perbuatan keji tersebut."

Berikut ini adalah kisah tentang pencuri lelaki pertama yang dibawa kepada Rasulullah s.a.w. Baginda memerintahkan agar tangan lelaki itu dipotong, lalu dipotonglah tangan orang itu. Namun, wajah Baginda kemudian nampak berubah kerana peristiwa pemotongan tangan tersebut.

Para sahabat lantas bertanya kepada Baginda: "Apakah tuan tidak senang tangannya dipotong, wahai Rasulullah?" Baginda menjawab: "Apa yang dapat menghalang aku (melakukannya)? Janganlah kamu menjadi penolong syaitan terhadap kepentingan saudaramu." Para sahabat bertanya lagi: "Lantas mengapa tuan tidak memaafkan kesalahannya?"

Baginda bersabda: "Sesungguhnya, ketika seseorang dibawa ke hadapan seorang penguasa kerana melakukan suatu kejahatan yang jelas, maka dia wajib

[199] Diriwayatkan Abu Daud dengan isnad sahih daripada Muawiah.

[200] Diriwayatkan Abu Daud daripada Abu Barzah dengan isnad baik.

menegakkan hukum ke atas orang tersebut. Sesungguhnya Allah Maha Pemaaf dan suka memberi keampunan kepada hamba yang mahu memohon keampunan kepada-Nya." Kemudian Baginda s.a.w. membacakan firman Allah SWT:

وَلۡيَعۡفُواْ وَلۡيَصۡفَحُوٓاْۗ أَلَا تُحِبُّونَ أَن يَغۡفِرَ ٱللَّهُ لَكُمۡۚ وَٱللَّهُ غَفُورٞ رَّحِيمٌ

"Dan hendaklah mereka memaafkan serta berlapang dada. Apakah engkau tidak ingin bahawa Allah mengampunimu? Dan Allah adalah Zat Yang Maha Pengampun lagi Maha Penyayang."

(al-Nur: 22)[201]

Diriwayatkan bahawa Umar r.a. meronda malam hari di Madinah. Lalu beliau mendengar suara seorang lelaki pada suatu rumah bernyanyi-nyanyi. Maka beliau panjat dinding rumah itu. Lalu beliau dapati di samping lelaki tadi seorang wanita. Dan pada sisi lelaki tersebut khamar.

Maka Umar r.a. berkata: "Wahai musuh Allah! Adakah kamu menyangka, bahawa Allah menutupi kesalahan engkau dan engkau berbuat maksiat kepada-Nya?" Lelaki itu menjawab: "Dan engkau, wahai Amirul Mukminin, janganlah terburu-buru menuduh! Sesungguhnya aku hanya melakukan satu maksiat kepada Allah. Sedangkan anda telah melakukan tiga maksiat kepada Allah.

"Bukankah Allah SWT telah berfirman: 'Janganlah kamu mencari-cari keburukan orang lain,' (al-Hujurat: 12) dan engkau telah mencari-cari keburukan kami sehingga engkau telah melakukan satu dosa. Allah SWT juga berfirman: 'Dan bukanlah kebajikan bagimu memasuki rumah dari belakangnya,' (al-Baqarah: 189) sedangkan engkau telah memanjat dinding dari belakang rumahku sehingga engkau telah melakukan satu dosa. Kemudian Allah SWT juga berfirman: 'Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu memasuki rumah yang bukan rumah kamu sebelum meminta izin dan memberi salam kepada penghuninya,' (al-Nur: 27) dan engkau telah memasuki rumahku tanpa izinku serta tidak memberi salam."

Mendengar itu, Umar bin al-Khattab r.a. berkata: "Adakah kebaikan bagi kamu jika aku maafkan kamu?" Jawab orang itu: "Demi Allah, wahai Amirul Mukminin, jika engkau memaafkan perbuatan kami ini, nescaya kami tidak akan

[201] Diriwayatkan oleh Imam al-Hakim dari hadis Ibnu Mas'ud r.a. dan dikatakan bahawa isnadnya sahih.

melakukan perbuatan tersebut lagi untuk selama-lamanya." Umar pun memaafkan mereka dan segera meninggalkan rumah mereka.

Seorang lelaki pernah bertanya kepada Abdullah bin Umar: "Wahai Abu Abdur Rahman! Bagaimanakah engkau mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda tentang pembicaraan rahsia pada hari kiamat?" Abdullah bin Umar menjawab: "Aku mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda: 'Sesungguhnya Allah mendekatkan orang mukmin kepada-Nya. Lalu meletakkan naungan-Nya ke atas orang itu dan menutupkan kesalahannya daripada manusia.' Maka Allah berfirman: "Adakah engkau ketahui dosa yang begitu? Adakah engkau ketahui dosa yang begitu? Orang mukmin itu menjawab: "Ada! Wahai Tuhanku!"

Sehingga apabila orang itu telah menetapkan segala dosanya, lalu melihat pada dirinya dan mendapat bahawa dia telah binasa, maka Allah berfirman kepadanya: "Wahai hamba-Ku! Sesungguhnya Aku tidak menutupi segala dosamu di dunia, kecuali Aku bermaksud untuk mengampunkannya untukmu pada hari ini. Lalu orang itu diberi catatan segala amal kebaikannya. Adapun orang-orang kafir dan munafik, maka para saksi berkata: "Mereka itu adalah orang-orang yang mendustakan Tuhannya. Ketahuilah, semoga kutukan Allah ditimpakan ke atas orang-orang zalim."[202]

Nabi s.a.w. bersabda:

كُلُّ أُمَّتِي مُعَافِي إِلاَّ الْمُجَاهِرِيْنَ وَإِنَّ مِنَ الْمُجَاهِرَةِ أَنْ يَعْمَلَ الرَّجُلُ السُّوْءَ سِرًّا ثُمَّ يُخْبِرُ بِهِ.

"Tiap-tiap umatku dimaafkan, kecuali orang-orang yang berterang-terangan dengan kesalahannya. Dan termasuk berterang-terangan, ialah mengerjakan kejahatan secara sembunyi, kemudian menceritakannya."[203]

Nabi s.a.w. bersabda:

مَنِ اسْتَمَعَ خَبَرَ قَوْمٍ وَهُمْ لَهُ كَارِهُوْنَ صُبَّ فِي أُذُنِهِ الآنِكِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ.

[202] Diriwayatkan al-Bukhari dan Muslim daripada Ibnu Umar.

[203] Diriwayatkan Al-Bukhari dan Muslim daripada Abu Hurairah.

"Barangsiapa mendengar berita tentang suatu golongan dan golongan itu benci kepada berita itu, nescaya dituangkan ke dalam telinganya timah cair pada hari qiamat."[204]

Keenam belas: Menjauhkan diri dari tempat-tempat yang dapat menimbulkan sangkaan buruk dan fitnah sedemikian rupa, sehingga menjaga perasaan manusia untuk tetap terbebas dari sangkaan buruk terhadapnya.

Allah SWT berfirman:

وَلَا تَسُبُّوا۟ ٱلَّذِينَ يَدْعُونَ مِن دُونِ ٱللَّهِ فَيَسُبُّوا۟ ٱللَّهَ عَدْوًۢا بِغَيْرِ عِلْمٍ ۗ

"Dan janganlah kamu memaki sembahan-sembahan yang mereka sembah selain Allah .Sebab ,mereka nanti akan memaki Allah dengan melampaui batas tanpa pengetahuan".

(al-An'am: 108)

Rasulullah s.a.w. bersabda: "Bagaimana pendapat kamu tentang seseorang yang mencaci-maki orang tuanya?" Para sahabat bertanya: "Apakah ada orang yang berbuat demikian, ya Rasulullah?" Maka jawab beliau: "Ada, iaitu dia mencaci-maki ibu bapa dari orang lain, lalu orang lain balik mencaci-maki ibu bapanya."[205]

Untuk menghindari sangkaan buruk orang lain, hendaklah seseorang tidak bercakap-cakap dengan isterinya di jalanan atau di depan umum. Pada suatu hari, Umar bin al-Khattab r.a. melintas di dekat seorang lelaki yang sedang bercakap dengan seorang perempuan di tepi jalan. Ketika Umar hendak menegurnya, lelaki itu berkata: "Wahai Amirul Mukminin, dia adalah isteriku." Lalu Umar berkata: "Mengapa kamu tidak bercakap-cakap dengannya di tempat yang tidak dilihat oleh orang lain?"

Diriwayatkan daripada Anas bin Malik r.a. bahawa Rasulullah s.a.w. bercakap-cakap dengan salah seorang daripada isterinya. Maka lalulah di situ seorang lelaki. Lalu Rasulullah s.a.w. memanggil orang itu dan bersabda: "Hai Polan! Ini adalah isteriku Safiyah". Orang itu menjawab: "Wahai Rasulullah! Siapakah yang

[204] Diriwayatkan al-Bukhari daripada Ibnu Abbas.

[205] Diriwayatkan oleh Imam Bukhari dan Imam Muslim (Muttafaq 'Alaih) daripada hadis Abdullah bin Umar r.a. dengan lafaz yang sedikit berbeza, tetapi maknanya sama.

berperasangka padanya? Sesungguhnya aku tidak menyangka apa-apa pada tuan.”

Maka Nabi s.a.w. bersabda: ”Sesungguhnya syaitan berjalan di dalam tubuh anak Adam pada tempat jalan darah.”[206] Dalam suatu riwayat disebutkan bahawa Nabi s.a.w. menambahkan: “Sesungguhnya aku takut jika syaitan itu menuduh sesuatu di dalam hati kamu berdua.”

Ketujuh belas: Memberikan pertolongan kepada mereka yang memerlukan. Meminta pertolongan kepada seseorang yang mempunyai kemampuan untuk mengatasi kesulitan seorang muslim serta berupaya sekuat tenaga untuk memenuhi keperluannya.

Rasulullah s.a.w. bersabda: “Apabila salah seorang di antara kamu meminta sesuatu dariku, aku ingin pada suatu kali dapat memberikan itu kepadanya. Akan tetapi, apabila salah seorang di antara kamu tetap berada di dekatku, maka aku berharap orang lain akan memberikan pertolongan kepadanya. Sebab, dia akan mendapatkan pahala kerana perbuatan tersebut. Oleh kerana itu, berikanlah pertolongan, agar kamu mendapatkan pahala. Sebab sesungguhnya Allah SWT akan melakukan sesuatu yang dikehendaki-Nya melalui tangan para Rasul-Nya.”[207]

Rasulullah s.a.w. juga bersabda:

اشْفَعُوْا إِلَيَّ لَتُؤْجَرُوْا إِنِّيْ أُرِيْدُ الأَمْرَ وَأُؤَخِّرُهُ كَيْ تَشْفَعُوْا إِلَيَّ فَتُؤْجَرُوْا.

”Berilah pertolongan kepadaku ,nescaya kamu akan memperoleh pahala .Sesungguhnya ,aku menunda melakukan sesuatu meskipun aku dapat melakukannya sedemikian rupa ,sehingga kamu boleh memperoleh pahala dengan memberikan pertolongan kepadaku[٢٠٨]“.

Nabi s.a.w. bersabda: “Tiadalah sedekah yang lebih utama daripada sedekah lidah.” Lalu seseorang bertanya kepada Nabi s.a.w.: “Bagaimanakah yang demikian itu?”

Nabi s.a.w. menjawab: “Iaitu syafa’at (pertolongan), di mana dengan syafa’at itu, terpeliharalah daripada menumpahkan darah. Dan dengan syafa’at itu,

[206] Diriwayatkan Muslim.

[207] Diriwayatkan al-Bukhari dan Muslim daripada Abu Musa.

[208] Diriwayatkan Abu Daud dan An-Nasa’i daripada Muawiah.

terbawalah manfaat kepada orang lain dan tertolaklah dengan syafa'at itu perkara-perkara yang tidak disukai daripada orang lain."[209]

Diriwayatkan oleh Ikrimah daripada Ibnu Abbas r.a.: "Suami Burairah adalah seorang hamba bernama Mughits. Seakan-akan aku melihat dia di belakang isterinya menangis dan air matanya mengalir membasahi janggutnya. Lantas Nabi s.a.w. bertanya kepada Abbas: "Tidakkah kamu hairan betapa hebatnya cinta Mughits kepada Burairah dan betapa hebatnya kebencian Burairah kepada Mughits?"

Maka Nabi s.a.w. bersabda kepada Burairah: "Jika kamu kembali bercakap-cakap dengan dia, maka sesungguhnya dia adalah ayah kepada anakmu!" Burairah menjawab: "Wahai Rasulullah! Apakah tuan menyuruhku untuk melakukan sesuatu? Maka aku akan mengerjakannya." Nabi s.a.w. menjawab: "Tidak! Aku hanya memberi syafa'at (pertolongan)."[210]

Kelapan belas: Memberi salam kepada mereka sebelum memulai bercakap atau menyampaikan sesuatu. Sebelum memberi salam hendaklah berjabatan tangan dengan mereka. Rasulullah s.a.w. bersabda:

مَنْ بَدَأَ بِالْكَلاَمِ قَبْلَ السَّلاَمِ فَلاَ تُجِيْبُوْهُ حَتَّ يَبْدَأُ بِالسَّلاَمِ.

"Janganlah menanggapi pembicaraan seseorang jika dia tidak memulakan pembicaraan itu dengan mengucapkan salam sebelumnya[٢١١] *".*

Seorang sahabat pernah berkata" :Aku pernah masuk ke tempat Rasulullah s.a.w .dan lupa memberi salam kepada Baginda serta lupa minta izin .Maka Rasulullah s.a.w .pun berkata" :Kembali ,dan ucapkan :Assalamu Alaikum, kemudian masuklah[٢١٢]".'

Diriwayatkan pula oleh Jabir bin Abdullah r.a ,.bahawa Rasulullah s.a.w. pernah bersabda" :Apabila kamu hendak memasuki rumah sendiri ,maka hendaklah kamu memberi salam kepada penghuninya .Sebab ,apabila salah seorang di antara

---

[209] Diriwayatkan al-Kharaithi dan ath-Thabrani daripada Samrah bin Junduh, dengan sanad dhaif.

[210] Diriwayatkan oleh al-Bukhari.

[211] Diriwayatkan Ath-Thabrani dari Abu Nairn daripada Ibnu Umar.

[212] Diriwayatkan Abu Daud dan at-Tirmizi daripada Kaldah bin al-Hanbal dan hadis ini hasan.

kamu memberi salam ,maka syaitan) yang berkebetulan berada di luar rumah itu(tidak dapat ikut masuk ke dalamnya[٢١٣]".

Anas r.a. berkata: "Aku melakukan perkhidmatan (menjadi pelayan) Nabi s.a.w. selama lapan tahun dan Baginda pernah bersabda kepadaku:

يَا أَنَسُ أَسْبِغِ الْوُضُوْءَ يَزِدْ فِي عُمْرِكَ وَسَلِّمْ عَلَى مَنْ لَقِيْتَهُ مِنْ أُمَّتِي تَكْثُرُ حَسَنَاتِكَ وَإِذَا دَخَلْتَ مَنْزِلَكَ فَسَلِّمْ عَلَى أَهْلِ بَيْتِكَ يَكْثُرُ خَيْرَ بَيْتِكَ.

"*Wahai Anas! Ratakanlah wudukmu, nescaya bertambah umurmu! Berilah salam kepada orang yang engkau jumpai daripada umatku nescaya bertambahlah kebajikanmu! Dan apabila engkau masuk ke tempatmu, maka berilah salam kepada keluargamu, nescaya banyaklah kebajikan rumah tanggamu!*"[214]

Anas r.a. berkata: Rasulullah s.a.w. juga pernah bersabda: "Apabila bertemu dua orang mukmin, lalu keduanya berjabatan tangan, nescaya dibahagikan di antara keduanya tujuh puluh keampunan. Enam puluh sembilan ialah kepada yang paling baik menyambut daripada keduanya."

Allah Ta'ala berfirman:

وَإِذَا حُيِّيتُم بِتَحِيَّةٍ فَحَيُّواْ بِأَحْسَنَ مِنْهَآ أَوْ رُدُّوهَآ

"*Apabila ada orang memberi hormat (salam) kepada kamu, balaslah hormat (salamnya) dengan cara yang lebih baik atau balas penghormatan itu (serupa dengan penghormatannya)*."

(al-Nisa': 86)

Nabi s.a.w. bersabda: "Demi Tuhan, yang diriku di dalam tangan kekuasaan-Nya! Kamu tidak akan masuk syurga sehingga kamu beriman. Dan kamu tidak beriman, sehingga berkasih-kasihan. Mahukah aku tunjukkan kamu suatu perbuatan,

---

[213] Diriwayatkan oleh Imam al-Kharaithi di dalam Makarim al-Akhlaq, di mana statusnya adalah dha'if.

[214] Diriwayatkan al-Kharaithi dan al-Baihaqi dengan isnad yang daif.

di mana apabila kamu kerjakan perbuatan itu, nescaya kamu berkasih-kasihan?" Para sahabat menjawab: "Tentu, ya Rasulullah." Baginda kemudian bersabda: "Tebarkan salam (kedamaian) di antara kamu."

Rasulullah s.a.w. juga bersabda: "Apabila seorang muslim memberi salam kepada muslim lainnya, lalu dibalasnya salam tersebut, maka para malaikat akan berdoa tujuh puluh kali bagi keduanya."[215]

Rasulullah s.a.w. juga bersabda: "Apabila orang yang berkenderaan memberi salam kepada yang duduk. Apabila salah satu dari sekumpulan orang memberi salam, maka itu sudah cukup."[216]

Berjabat tangan dan memberi salam hukumnya sunat. Seorang lelaki pernah datang kepada Rasulullah s.a.w. dan mengucapkan: 'Assalamu Alaikum'. Maka Baginda bersabda: "Baginya dituliskan sepuluh pahala kebaikan." Setelah itu, datang pula seorang lelaki lain kepada beliau lalu mengucapkan: 'Assalamu Alaikum warahmatullahi." Maka Baginda bersabda: "Dituliskan baginya dua puluh pahala kebaikan." Lalu datanglah seorang lelaki lainnya kepada Baginda dan mengucapkan: 'Assalamu Alaikum warahmatullahi wabarakatuhu." Baginda bersabda: "Dituliskan baginya tiga puluh pahala kebaikan."[217]

Anas bin Malik r.a. ketika berlalu di tempat berkumpul kanak-kanak, dia selalu mengucapkan salam. Sebab, Rasulullah s.a.w. selalu melakukan hal yang demikian.[218]

Rasulullah s.a.w. bersabda: "Janganlah kamu memulai memberi salam kepada Yahudi dan Nasrani! Dan apabila kamu bertemu dengan seseorang mereka di jalan, maka desakkanlah dia ke tempat yang tersempit."[219]

---

[215] Diriwayatkan oleh penulis kitab al-Firdaus daripada hadis Abu Hurairah r.a., tetapi tidak diisnadkan oleh puteranya di dalam al-Musnad al-Firdaus.

[216] Diriwayatkan oleh Imam Malik dalam al-Muwatta' daripada hadis Zaid bin Aslam r.a. secara mursal.

[217] Diriwayatkan oleh Imam Abu Daud dan Imam al-Tirmizi daripada hadis Imran bin Husain.

[218] Diriwayatkan oleh Imam Bukhari dan Imam Muslim (Muttafaq Alaih) dari hadis Anas bin Malik r.a.

[219] Diriwayatkan Muslim daripada Abu Hurairah.

Rasulullah s.a.w. juga bersabda: "Janganlah kamu berjabat tangan dengan kafir zimmi, dan janganlah kamu memulai memberi salam kepada mereka! Apabila kamu bertemu dengan mereka di jalan, maka desakkanlah mereka itu ke jalan yang tersempit."

Aisyah r.a. berkata: "Sekumpulan orang Yahudi pernah datang kepada Rasulullah s.a.w. lalu mereka berkata: '*Assamu 'alaik* (kecelakaan bagimu).' Maka Rasulullah s.a.w. menjawab: "*Wa 'alaikum* (bagimu juga).' Kemudian Aisyah berkata: '*Bal 'alaikumussam walla'nah* (Bahkan bagi kamu juga kecelakaan dan laknat Allah)."

Seterusnya, Rasulullah s.a.w. bersabda: "Wahai Aisyah, sesungguhnya Allah menyukai kasih sayang pada tiap-tiap sesuatu." Aisyah r.a. berkata lagi: "Apakah tuan tidak mendengar apa yang dikatakan oleh mereka?" Baginda berkata: "Aku juga berkata: '*Wa Alaikum* (bagimu juga kecelakaan)."[220]

Rasulullah s.a.w. juga bersabda:

يُسَلِّمُ الرَّاكِبُ عَلَى الْمَاشِى وَالْمَاشِى عَلَى الْقَاعِدِ وَالْقَلِيلُ عَلَى الْكَثِيرِ وَالصَّغِيرُ عَلَى الْكَبِيرِ.

"Hendaklah yang sedang menaiki kenderaan memberi salam kepada yang berjalan kaki, dan yang berjalan kaki memberi salam kepada yang duduk, yang sedikit memberi salam kepada yang banyak, dan yang muda memberi salam kepada yang tua."[221]

Imam al-Hasan al-Bashri juga pernah berkata: "Berjabat tangan dapat menambahkan kasih sayang."

Rasulullah s.a.w. bersabda:

تَمَامُ تَحِيَّاتِكُمْ الْمُصَافَحَةُ

[220] Diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim daripada Aisyah.

[221] Diriwayatkan oleh Imam Bukhari dan Imam Muslim (Muttafaq Alaih) daripada hadis Abu Hurairah r.a.

*"Kesempurnaan tahiyat) ucapan salam (kamu adalah dengan b*erjabat tangan."[222]

Seorang Muslim tidak dilarang mencium tangan orang yang soleh, orang yang dimuliakan dan dihormati dalam agama. Ibnu Umar r.a. juga pernah berkata: "Kami pernah mencium tangan Rasulullah s.a.w."[223]

Seorang Badwi pernah datang kepada Rasulullah s.a.w. dan berkata: "Wahai Rasulullah, perkenankanlah aku mencium kepala dan tangan tuan? Baginda pun mengizinkannya melakukan apa yang dikehendakinya. Lalu dia pun melaksanakannya."[224]

Al-Barra' bin Azib r.a. menjelaskan bahawa ketika dia memberi salam kepada Nabi waktu Baginda berwuduk, Baginda tidak membalas salam itu sehingga Baginda selesai berwuduk. Setelah selesai berwuduk, Baginda membalas salam al-Barra' dan berjabat tangan dengannya. Al-Barra' berkata: "Ini adalah kebiasaan orang 'ajam (bukan Arab), wahai Rasulullah." Baginda bersabda: "Apabila dua orang Muslim bertemu lalu saling berjabat tangan, nescaya berguguranlah dosa keduanya."[225]

Adapun membungkuk ketika memberi salam tidak dibenarkan. Anas bin Malik r.a. berkata: "Kami bertanya kepada Rasulullah s.a.w., 'Wahai Rasulullah, apakah kami harus saling membungkukkan badan ketika memberi salam?' Baginda menjawab: 'Tidak.' Mereka bertanya lagi, "Apakah kami harus saling mencium tangan masing-masing?' Baginda menjawab: 'Tidak.' Tanya mereka lagi: 'Apakah kami harus saling berjabat tangan?' Baginda menjawab: 'Ya'."[226]

Abu Zarr r.a. pernah berkata: "Setiap kali aku bertemu Rasulullah s.a.w., Baginda menjabat tanganku. Pada suatu hari, Baginda mencariku, tetapi aku tidak

---

[222] Diriwayatkan oleh Imam al-Kharraithi dalam Makarim al-Akhlaq dan lafaz ini merupakan riwayat milik Imam al-Tirmizi daripada hadis Abu Umamah r.a.

[223] Diriwayatkan oleh Imam Abu Daud dengan isnad yang hasan.

[224] Diriwayatkan oleh Imam al-Hakim dari hadis Buraidah dengan lafaz yang sedikit berbeza, namun maknanya sama.

[225] Diriwayatkan oleh Imam al-Kharaithi dengan sanad yang lemah. Diriwayatkan pula oleh Imam al-Tirmizi, Imam Abu Daud dan Imam Ibnu Majah dengan lafaz ringkas.

[226] Diriwayatkan oleh Imam al-Tirmizi dan Imam Ibnu Majah, tetapi ia dilemahkan oleh Imam Ahmad dan Imam al-Baihaqi.

berada di rumah. Ketika mendengar ini, aku kemudian menjumpai Baginda dan mendapati beliau sedang duduk di atas tikar. Beliau pun bangkit daripda tikar itu dan memelukku. Ini menunjukkan bahawa yang demikian itu sangat baik, sangat baik."[٢٢٧]

Berdiri menyambut kedatangan seseorang kerana kebesaran dan kekuasaan orang yang bersangkutan adalah makruh. Tetapi, berdiri menyambut untuk menghargai kemuliaan seseorang dalam perkara agama tidaklah makruh.

Anas bin Malik r.a. pernah berkata: "Tidak ada orang yang lebih kami cintai berbanding Rasulullah s.a.w. Tetapi ketika kami melihat Baginda, kami tidak berdiri menyambut Baginda kerana kami tahu bahawa Baginda tidak suka akan hal itu."[٢٢٨]

Pada suatu hari Nabi s.a.w. bersabda kepada para sahabat:

إِذَا رَأَيْتُمُوْنِي فَلاَ تَقُوْمُوْا كَمَا تَصْنَعُ الأَعَاجِمُ.

"Apabila kamu melihat aku, jangan berdiri untuk menyambutku, sebagaimana perbuatan orang-orang 'ajam (selain 'Arab)."[229]

Sabda Rasulullah s.a.w. lainnya: "Barangsiapa yang merasa gembira kerana penghormatan orang lain kepadanya dengan berdiri menyambutnya, bererti dia telah menyediakan tempat duduknya di neraka."[230]

Dalam hadis yang lain Rasulullah s.a.w. diriwayatkan pernah bersabda:

لاَ يُقِمِ الرَّجُلُ الرَّجُلَ مِنْ مَجْلِسِهِ ثُمَّ يَجْلِسُ فِيْهِ وَلَكِنْ تَوَسَّعُوْا وَتَفْسَحُوْا.

"Janganlah seseorang meminta orang lain bangkit dari tempat duduknya, lalu dia mengambil tempat duduk tersebut untuk diduduki .Akan tetapi, hendaklah mereka memberi keluasaan dan keselesaan dalam berkumpul

---

[227] Diriwayatkan oleh Imam Abu Daud.

[228] Diriwayatkan oleh at-Tirmizi, hadis hasan sahih.

[229] Diriwayatkan oleh Abu Daud dan Ibnu Majah daripada Abu Umamah.

[230] Diriwayatkan oleh Abu Daud dan At-Tirmidzi daripada Muawiah.

di dalam sebuah majlis[231] *".*

Diriwayatkan pula, bahawa seorang lelaki memberi salam kepada Rasulullah s.a.w. ketika beliau sedang buang air kecil. Baginda tidak menjawab salam tersebut, dan tidak suka dengan salam yang diucapkan ketika Baginda sedang buang air besar mahupun kecil.[232]

Makruh mengucapkan pada permulaan salam: "Alaikas salam" kerana seorang lelaki pernah mengucapkan demikian kepada Rasulullah s.a.w. dan Baginda bersabda: "Alaikassalam itu adalah salam kepada orang mati." Nabi s.a.w. mengucapkan kalimat tersebut sebanyak tiga kali kemudian bersabda:

إِذَا لَقِيَ أَحَدُكُمْ أَخَاهُ فَلْيَقُلِ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ.

"Apabila salah seorang kamu bertemu dengan seorang temannya, maka hendaklah mengucapkan "Assalaamu 'alaikum warahmatullah."[233]

Disunatkan bagi orang yang masuk apabila telah memberi salam dan tidak memperoleh tempat duduk, supaya tidak pergi. Tetapi hendaklah dia duduk di belakang saf. Ketika Rasulullah s.a.w. duduk di dalam masjid, tiba-tiba datang tiga orang untuk berjumpa Baginda. Salah seorang daripada mereka memperoleh tempat kosong dan dia pun duduk di tempat itu. Sedangkan yang kedua lalu duduk di belakang orang ramai. Adapun orang yang ketiga pergi meninggalkan tempat itu.[234]

Rasulullah s.a.w. juga bersabda: "Apabila dua orang muslim bertemu lalu berjabat tangan, maka akan diampuni dosa mereka hingga berpisah satu sama lain."[235]

Kesembilan belas: Memberi pertolongan kepada yang sedang mengalami kesulitan dan menderita. Hendaklah seorang muslim berusaha sekuat kemampuannya untuk menjaga dan menolong saudaranya sesama muslim daripada penindasan orang lain atas kehormatan ,kekayaan ,dan kehidupannya kerana ukhuwah Islamiyah.

---

[231] Diriwayatkan oleh al-Baghawi daripada Ibnu Syaibah. Para perawinya dapat dipercaya.

[232] Diriwayatkan oleh Muslim daripada Ibnu Umar.

[233] Diriwayatkan oleh Abu Daud, at-Tirmidzi dan an-Nasa'i daripada Ibnu Jara al-Hujaimi. At-Tirmizi mengatakan bahawa hadis ini hasan sahih.

[234] Diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim daripada Abu Waqid al-Laitsi.

[235] Diriwayatkan oleh Abu Daud, at-Tirmidzi dan Ibnu Majah daripada al-Barra' bin 'Azib.

Pada suatu hari ,seorang lelaki menuduh lelaki lain di hadapan Rasulullah s.a.w. Lalu lelaki yang dituduh itu menolak tuduhan tersebut .Maka ,Rasulullah s.a.w. bersabda:

مَنْ رَدَّ عَنْ عِرْضِ أَخِيْهِ كَانَ لَهُ حِجَابًا مِنَ النَّارِ.

"Barangsiapa yang menyelamatkan kehormatan saudaranya sesama muslim, maka perbuatannya itu menjadi dinding baginya daripada neraka."[236]

Baginda s.a.w. juga pernah bersabda: "Apabila seorang muslim menjaga kehormatan muslim lainnya, maka menjadi kewajipan Allah untuk menjauhkan orang itu daripada api neraka pada hari kiamat."[237]

Di dalam riwayat yang lain disebutkan bahawa Rasulullah s.a.w. pernah bersabda:

مَنْ حَمَى عَنْ عَرْضِ أَخِيْهِ الْمُسْلِمِ فِي الدُّنْيَا بَعَثَ اللهُ تَعَالَى لَهُ مَلَكًا يَحْمِيْهِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ مِنَ النَّارِ.

"Barangsiapa yang menjaga kehormatan saudaranya sesama muslim di dunia ,maka Allah akan mengirimkan kepadanya seorang malaikat pada Hari Berbangkit untuk menyelamatkan dari api neraka[٢٣٨]".

Rasulullah s.a.w .bersabda" :Barangsiapa yang menolong saudaranya sesama muslim di suatu tempat di mana kehormatannya menjadi taruhan ,maka Allah akan menolongnya di suatu tempat di mana pertolongan akan bergantung pada-Nya. Di pihak lain ,barangsiapa yang menghina saudaranya sesama muslim dan tidak berusaha menolongnya sesuai kemampuannya serta tidak memperlihatkan simpati kepada saudaranya itu ,maka Allah akan menghinakan dan menjatuhkan namanya di suatu tempat di mana dia menunggu pertolongan[٢٣٩]".

---

[236] Diriwayatkan oleh at-Tirmidzi dan dinilainya sebagai hadis hasan.

[237] Diriwayatkan oleh Imam Ahmad daripada hadis Asma' binti Yazid r.a. dengan lafaz yang sedikit berbeza tetapi maknanya sama.

[238] Diriwayatkan oleh Imam Abu Daud dari hadis Muaz bin Anas r.a. dengan lafaz yang sedikit berbeza namun maknanya sama.

[239] Diriwayatkan oleh Imam Abu Daud dengan isnad yang masih diperselisihkan di kalangan ulama hadis.

Kedua puluh: Mengucapkan tasymit kepada orang yang bersin. Nabi s.a.w. bersabda tentang orang yang bersin:

يَقُوْلُ: الْحَمْدُ لِلّٰهِ عَلَى كُلِّ حَالٍ. وَيَقُوْلُ الَّذِيْ يُشَمِّتُهُ: يَرْحَمُكُمُ اللهُ، وَيَرُدُّ عَلَيْهِ الْعَاطِسُ فَيَقُوْلُ: يَهْدِيْكُمُ اللهُ وَيُصْلِحُ بَالَكُمْ.

"Hendaklah orang yang bersin mengucapkan, 'Alhamdulillah ala kulli hal (Segala puji bagi Allah dalam setiap keadaan)' dan yang mendengarnya hendaklah mengucapkan: 'Yarhamukumullah (Semoga Allah merahmatimu).' Lalu orang yang bersin mengucapkan lagi: 'Yahdikumullah wayuslih balakum (Semoga Allah memberi petunjuk kepadamu dan Allah memperbaiki keadaanmu)'."[240]

Pada suatu ketika, Rasulullah s.a.w. menjawab bersin seseorang dan pada kesempatan lain tidak menjawab bersin seseorang lainnya. Ketika ditanya mengapa Baginda berbuat demikian, Baginda menjawab: "Apabila seorang muslim bersin sampai tiga kali, maka jawablah bersinnya itu. Jika dia bersin lebih dari tiga kali, maka itu adalah penyakit."

Ketika Nabi s.a.w. bersin, Baginda menutup mulutnya dengan tangan atau kain. Seorang Yahudi penah bersin di hadapan Nabi s.a.w. dengan harapan memperoleh ucapan 'Yarhamukumullah', tetapi Baginda tidak mengucapkannya.

Di dalam hadis yang lain disebutkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda:

الْعَطَاسُ مِنَ اللهِ وَالتَّثَاؤُبُ مِنَ الشَّيْطَانِ فَإِذَا تَثَاءَبَ أَحَدُكُمْ فَلْيَضَعْ يَدَهُ عَلَى فِيْهِ فَإِذَا قَالَ هَا هَا فَإِنَّ الشَّيْطَانَ يَضْحَكُ مِنْ جَوْفِهِ.

"Bersin itu daripada Allah dan menguap itu daripada syaitan. Apabila menguap seorang kamu, maka hendaklah meletakkan tangannya pada mulutnya. Apabila dia mengatakan ha-ha (bunyi waktu menguap), maka sesungguhnya syaitan tertawa dari dalam perutnya."[241]

[240] Diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Abu Daud daripada Abu Hurairah.

[241] Diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim daripada Abu Hurairah.

Ka’ab mengatakan bahawa Nabi Musa a.s. pernah berdoa: “Wahai Tuhanu, apakah Engkau dekat denganku sehingga aku dapat bercakap dengan-Mu dengan berbisik-bisik? Atau, apakah Engkau jauh denganku sehingga aku harus menyeru Engkau dengan suara keras?” Maka Allah SWT berfirman: “Aku bersama sepert orang yang selalu ingat kepada-Ku.” Kemudian Musa berkata: “Sesungguhnya kami kadang-kadang ingat kepada-Mu dalam keadaan kotor atau tidak sopan, seperti dalam keadaan junub atau ketika buang air besar.” Lalu Allah SWT berfirman: “Ingatlah kepada-Ku dalam setiap keadaan.”

Kedua puluh satu: Memberikan pertolongan ketika terkena musibah, bencana, dan penderitaan.

Allah SWT berfirman:

وَيَدْرَءُونَ بِٱلْحَسَنَةِ ٱلسَّيِّئَةَ

“*Dan mereka menolak kejahatan dengan kebaikan.”*

(al-Ra’du: 22)

Allah SWT juga berfirman:

ٱدْفَعْ بِٱلَّتِى هِىَ أَحْسَنُ ٱلسَّيِّئَةَ

“*Tolaklah perbuatan buruk mereka dengan yang lebih baik.”*

(al-Mu’minun: 96)

Ibnu Abbas r.a. menjelaskan bahawa pengertian menolak kejahatan atau perbuatan buruk ini dengan kebaikan ialah menunjukkan sikap dan perlakuan yang baik (antara lain memberi salam) serta lemah-lembut sebagai tindak balas atas perlakuan kasar dan menyakitkan daripada orang lain.

Allah SWT berfirman:

وَلَوْلَا دَفْعُ ٱللَّهِ ٱلنَّاسَ بَعْضَهُم بِبَعْضٍ لَّفَسَدَتِ ٱلْأَرْضُ

”*Seandainya Allah tidak menolak) kerakusan (sebahagian manusia dengan sebahagian yang lain ,pasti rosaklah bumi ini“.*

(al-Baqarah: 251)

Ibnu Abbas r.a. menjelaskan bahawa makna ‘sebahagian yang lain’ ialah orang yang berperilaku penuh harap, tawaduk, sederhana, dan lemah-lembut.

Rasulullah s.a.w. bersabda: "Wahai Aisyah, sesungguhnya seburuk-buruk manusia di sisi Allah pada hari kiamat adalah orang yang ditinggalkan manusia kerana mereka takut terhadap kekejiannya."

Baginda juga bersabda di dalam hadis yang lain: "Barangsiapa yang tetap bersabar dalam menjaga kehormatannya ketika mendengar ucapan yang menghina dirinya, maka perbuatan itu adalah sedekah baginya."

Kedua puluh dua: Tidak berkumpul dan bergaul rapat dengan orang kaya tetapi berkumpul dan bercampur gaul dengan kaum miskin dan melakukan kebajikan kepada anak yatim.

Rasulullah s.a.w. bersdoa:

اللهُمَّ أَحْيِنِيْ مِسْكِيْنًا وَأَمِتْنِي مِسْكِيْنًا وَاحْشُرْنِي فِي زُمْرَةِ الْمَسَاكِيْنِ.

"Ya Allah ,hidupkan aku sebagai orang miskin ,dan matikan aku sebagai orang miskin dan bangkitkan aku bersama orang miskin".

Ketika Nabi Sulaiman a.s .melihat seorang yang miskin ,beliau duduk bersamanya dan berkata" :Orang miskin duduk bersama dengan orang yang miskin ".Diriwayatkan bahawa tidak ada yang lebih disukai oleh Nabi Isa a.s. kecuali perkataan yang menyebutnya sebagai seorang miskin.

Rasulullah s.a.w .pernah bersabda:

إِيَّاكُمْ وَمَجَالِسَةَ الْمَوْتَى قِيْلَ وَمَنِ الْمَوْتَى يَا رَسُوْلَ اللهِ؟ قَالَ: الأَغْنِيَاءُ.

"Berhati-hatilah kamu duduk bersama dengan orang mati ".Para sahabat lantas bertanya" :Wahai Rasulullah ,siapakah mereka yang demikian itu "?Baginda menjawab" :Orang-orang kaya[٢٤٢]".

Nabi Musa a.s. berdoa kepada Allah: "Wahai Tuhanku, di manakah aku mencari Engkau?" Allah SWT berfirman: "Hampirilah orang-orang yang hancur perasaannya."

[242] Diriwayatkan oleh at-Tirmidzi dan al-Hakim dan sahih isnadnya daripada Aisyah.

Rasulullah s.a.w. bersabda:

لاَ تُغْبِطَنَّ فَاجِرًا بِنِعْمَةٍ فَإِنَّكَ لاَ تَدْرِي إِلَى مَا يُصِيْرُ بَعْدَ الْمَوْتِ فَإِنَّ مِنْ وَرَائِهِ طَالِبًا حَثِيْثًا.

"Janganlah kamu iri dengan peruntungan para pelaku maksiat ,kerana kamu tidak mengetahui apa yang terjadi padanya sesudah kematiannya. Sesungguhnya di belakang mereka ada orang yang mencari-carinya dengan tergesa-gesa[٢٤٣]*.*

Mengenai anak yatim ,Rasulullah s.a.w .bersabda:

مَنْ ضَمَّ يَتِيْمًا مِنْ أَبَوَيْنِ مُسْلِمَيْنِ حَتَّى يَسْتَغْنِي فَقَدْ وَجَبَتْ لَهُ الْجَنَّةُ أَلْبَتَّةُ.

"Barangsiapa yang mengambil anak yatim (untuk diasuh) daripada orang tua yang muslim sehingga anak itu baligh, maka wajib baginya syurga."[244]

Rasulullah s.a.w. juga bersabda:

أَنَا وَكَافِلُ الْيَتِيمِ فِى الْجَنَّةِ هَكَذَا. وَهُوَ يُشِيْرُ بِأُصْبُعَيْهِ.

"Aku dan orang yang memelihara anak yatim berada di dalam syurga seperti dua jari ini", sambil mengisyaratkan dua jarinya.[245]

Di dalam riwayat yang lain, Baginda bersabda:

مَنْ وَضَعَ يَدَهُ عَلَى رَأْسِ يَتِيْمٍ تَرَحُّمًا كَانَتْ لَهُ بِكُلِّ شَعْرَةٍ تَمُرُّ عَلَيْهَا يَدُهُ حَسَنَةٌ.

"Barangsiapa yang meletakkan tangannya di atas kepala anak yatim kerana mengasihinya ,maka baginya kebaikan sebanyak rambut yang

---

243 Diriwayatkan oleh al-Bukhari dan ath-Thabrani.

244 Diriwayatkan oleh Ahmad dan ath-Thabrani daripada Malik bin Umar.

245 Diriwayatkan oleh al-Bukhari daripada Sahl bin Sa'ad.

dilalui oleh tangannya[٢٤٦]*“.*

Di dalam hadis yang lain ,Rasulullah s.a.w .bersabda:

خَيْرُ بَيْتٍ مِنَ الْمُسْلِمِينَ بَيْتٌ فِيهِ يَتِيمٌ يُحْسَنُ إِلَيْهِ وَشَرُّ بَيْتٍ مِنَ الْمُسْلِمِينَ بَيْتٌ فِيهِ يَتِيمٌ يُسَاءُ إِلَيْهِ.

“Sebaik-baik rumah orang muslim adalah rumah yang di dalamnya terdapat anak yatim yang diperlakukan dengan baik dan seburuk-buruk rumah orang muslim adalah rumah yang di dalamnya terdapat anak yatim yang diperlakukan dengan buruk.”[247]

***Kedua puluh tiga**:* Memberi nasihat kepada setiap muslim dan bersungguh-sungguh dalam menggembirakan hati saudaranya.

Rasulullah s.a.w. bersabda:

الْمُؤْمِنُ يُحِبُّ لِلْمُؤْمِنِ كَمَا يُحِبُّ لِنَفْسِهِ.

“Hendaklah seorang mukmin mencintai mukmin lainnya sebagaimana dia mencintai dirinya sendiri.”[248]

Rasulullah s.a.w. juga bersabda:

لاَ يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّى يُحِبَّ لأَخِيهِ مَا يُحِبُّ لِنَفْسِهِ.

“Tidak dianggap beriman salah seorang di antara kamu sebelum dia ingin berlaku terhadap saudaranya apa yang dia ingini berlaku terhadap dirinya sendiri.”

Rasulullah s.a.w. juga bersabda:

إِنَّ أَحَدَكُمْ مِرْآةُ أَخِيهِ فَإِنْ رَأَى بِهِ أَذًى فَلْيُمِطْهُ عَنْهُ.

“Sesungguhnya seorang di antaramu adalah cermin bagi saudaranya. Ketika melihat sesuatu yang tidak patut pada diri saudaranya, hendaklah

---

[246] Diriwayatkan oleh Ahmad dan ath-Thabrani, isnadnya lemah.

[247] Diriwayatkan oleh Ibnu Majah daripada Abu Hurairah, hadis ini lemah.

[248] Menurut al-Iraqi, dia tidak menjumpai hadis dengan lafaz seperti ini.

dia berusaha untuk menghilangkannya."[249]

Rasulullah s.a.w. juga bersabda: "Barangsiapa yang menghabiskan waktu sesaat untuk berusaha menghilangkan penderitaan saudaranya pada siang atau malam hari, maka itu lebih baik daripada i'tikaf dua bulan berturut-turut, sama ada penderitaan itu hilang atau tidak."[250]

Rasulullah s.a.w. juga bersabda: "Barangsiapa yang mencuba untuk menghilangkan ketakutan seorang mukmin atau menolong seorang yang dizalimi, nescaya Allah SWT akan mengampuni tujuh puluh tiga dosanya."[251]

Rasulullah s.a.w. juga bersabda: "Amal perbuatan yang dicintai oleh Allah 'Azza wa Jalla adalah menyenangkan hati seorang mukmin, membayarkan hutangnya atau memberi makanan ketika dia kelaparan."[252]

Rasulullah s.a.w. juga bersabda: "Barangsiapa yang menyelamatkan seorang mukmin daripada muslihat orang munafk, nescaya pada Hari Kebangkitan nanti Allah SWT akan mengirimkan kepadanya seorang malaikat yang melindungi tubuhnya dari api neraka."

Rasulullah s.a.w. juga bersabda: "Tidak ada dosa yang lebih besar daripada dua perkara berikut ini, iaitu: menyekutukan dan mendatangkan kemudaratan bagi para hamba Allah. Tidak ada kebajikan yang lebih baik daripada dua perkara berikut ini, iaitu: beriman kepada Allah SWT dan melakukan sesuatu yang bermanfaat bagi hamba-hamba Allah."[253]

Rasulullah s.a.w. juga bersabda: "Orang muslim yang hatinya tidak tersentuh melihat penderitaan kaum muslimin, maka dia tidak termasuk golongan muslim."

Kedua puluh empat: Mengunjungi orang yang sakit di antara kaum muslimin. Apabila ada seorang muslim yang sakit, kunjungilah atau rawatlah dia. Beberapa adab berikut harus diikuti ketika melawat orang sakit. Jangan berlama-lama

---

[249] Diriwayatkan oleh Abu Daud dan al-Tirmizi.

[250] Diriwayatkan oleh al-Hakim daripada Ibnu Abbas dan dinilai sahih

[251] Diriwayatkan oleh al-Kharaithi dan Ibnu Hibban, hadis ini dhaif.

[252] Diriwayatkan oleh ath-Thabrani daripada Ibnu Umar, sanad hadis ini dhaif.

[253] Diriwayatkan oleh penulis kitab al-Firdaus daripada Ali.

duduk di depan yang sakit, jangan banyak bertanya, mintalah informasi tentang kesihatannya dengan lemah-lembut, dan berdoa bagi kesembuhannya.

Rasulullah s.a.w. bersabda:

تَمَامُ عِيَادَةِ الْمَرِيضِ أَنْ يَضَعَ أَحَدُكُمْ يَدَهُ عَلَى جَبْهَتِهِ أَوْ قَالَ عَلَى يَدِهِ فَيَسْأَلَهُ كَيْفَ هُوَ وَتَمَامُ تَحِيَّاتِكُمْ الْمُصَافَحَةُ.

"Kesempurnaan mengunjungi orang sakit, ialah salah seorang kamu meletakkan tangannya di atas dahi atau atas tangan orang sakit. Dan menanyakan, bagaimanakah keadaannya. Dan kesempurnaan tahiyyahmu (salammu), ialah berjabat tangan."

Rasulullah s.a.w. juga bersabda:

مَنْ عَادَ مَرِيْضًا قَعَدَ فِيْ مَخَارِفِ الْجَنَّةِ حَتَّى إِذَا قَامَ وُكِّلَ بِهِ سَبْعُوْنَ أَلْفِ مَلَكٍ يُصَلُّوْنَ عَلَيْهِ حَتَّى اللَّيْلِ.

"Barangsiapa mengunjungi orang sakit, nescaya dia duduk di dalam pagar kebun syurga. Sehingga apabila dia bangun berdiri, nescaya diwakilkan kepadanya tujuh puluh ribu malaikat, yang berdoa kepadanya sampai malam."[254]

Rasulullah s.a.w. bersabda:

إِذَا عَادَ الرَّجُلُ الْمَرِيضَ خَاضَ فِيْ الرَّحْمَةِ حَتَّى فَإِذَا قَعَدَ عِنْدَهُ قَرَّتْ فِيْهِ.

"Apabila seseorang mengunjungi saudaranya yang sakit, maka dia ada dalam lindungan rahmat Allah. Dan apabila dia duduk di sisi tempat tidur si sakit, maka rahmat itu tetap berada padanya."[255]

[254] Diriwayatkan oleh al-Hakim dan lain-lain perawi daripada Ali.

[255] Diriwayatkan oleh al-Hakim dan al-Baihaqi daripada Jabir.

Rasulullah s.a.w. bersabda:

إِذَا عَادَ الْمُسْلِمُ أَخَاهُ أَوْ زَارَهُ قَالَ اللهُ عَزَّ وَجَلَّ طِبْتَ وَطَابَ مَمْشَاكَ وَتبوَّأْتَ مَنْزِلاً فِي الْجَنَّةِ.

"*Apabila seorang muslim mengunjungi saudaranya sesama muslim yang sedang sakit atau berziarah kepadanya, maka Allah SWT berfirman: 'Barakah atasmu dan juga setiap langkahmu dan engkau menempah tempat tinggalmu di syurga.*"[256]

Rasulullah s.a.w. bersabda:

مَنْ يُرِدِ اللهُ بِهِ خَيراً يُصِبْ مِنْهُ.

"*Barangsiapa dikehendaki oleh Allah kebajikan, nescaya dia diberi musibah.*"[257]

Pada suatu hari, Nabi s.a.w. mengunjungi seseorang yang sakit, lalu beliau berdoa:

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ أُعِيْذُكَ بِاللهِ الْأَحَدِ الصَّمَدِ الَّذِي لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُوْلَدُ وَلَمْ يَكُنْ لَهُ كُفُوًا أَحَدٌ مِنْ شَرِّ مَا تَجِدُ.

"Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Aku mohon perlindungan bagi-Mu kepada Allah; Tuhan Yang Maha Esa. Tempat meminta, yang tidak beranak dan tidak diperanakkan dan tidak ada bagi-Nya sesuatu pun yang menyamai-Nya, daripada kejahatan apa yang kamu perolehi."[258]

Pada suatu ketika, Nabi s.a.w. masuk ke tempat Ali bin Abu Thalib r.a. yang sedang sakit. Lantas Nabi s.a.w. bersabda kepadanya: "Bacalah!

---

[256] Diriwayatkan oleh Tirmizi dan Ibnu Majah daripada hadis Abu Hurairah.

[257] Diriwayatkan oleh al-Bukhari daripada Abu Hurairah.

[258] Diriwayatkan oleh ath-Thabrani dan al-Baihaqi daripada Utsman bin Affan, dengan sanad yang baik.

اللهُمَّ إِنِّيْ أَسْأَلُكَ تَعْجِيْلَ عَافِيَتِكَ أَوْ صَبْرًا عَلَى بَلِيَّتِكَ أَوْ خُرُوْجًا مِنَ الدُّنْيَا إِلَى رَحْمَتِكَ فَإِنَّكَ سَتُعْطِى إِحْدَاهُنَّ.

"Ya Allah! Sesungguhnya aku bermohon kepada-Mu akan segera datang kesihatan daripada-Mu atau kesabaran di atas cubaan-Mu atau keluar daripada dunia kepada rahmat-Mu. Sesungguhnya Engkau akan menganugerahkan salah satu daripada yang tersebut itu."[259]

Disunatkan juga bagi orang sakit untuk membacakan:

أَعُوْذُ بِعِزَّةِ اللهِ وَقُدْرَتِهِ مِنْ شَرِّ مَا أَجِدُ وَأُحَاذِرُ

"Aku berlindung dengan keagungan dan kekuasaan Allah, daripada keburukan yang aku peroleh dan aku takuti."

Rasulullah s.a.w. juga pernah bersabda:

أَغْبُوْا فِي الْعِيَادَةِ وَأَرْبِعُوْا فِيْهَا.

"*Jarang-jarangkanlah mengunjungi orang sakit dan kunjungilah empat-empat hari sekali.*"[260]

Kedua puluh lima: Mengiringi jenazah ke perkuburan. Besar pahalanya kita ikut menyembahyangkan jenazah, apalagi kalau kita ikut ke perkuburan. Rasulullah s.a.w. bersabda:

مَنْ شَيَّعَ جَنَازَةً فَلَهُ قِيْرَاطٌ مِنَ الأَجْرِ فَإِنْ وَقَفَ حَتىَّ تُدْفَنُ فَلَهُ قِيْرَاطَانِ.

"Barangsiapa yang mengiringi jenazah seorang muslim ke kubur, maka baginya pahala satu qirat. Kalau dia menunggu sampai pengebumian selesai, maka baginya pahala dua qirat."[261]

[259] Diriwayatkan oleh Ibnu Abu ad-Dunya daripada Anas dengan sanad yang dhaif.

[260] Diriwayatkan oleh Ibnu Abu ad-Dunya daripada Jabir r.a.

[261] Diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim daripada Abu Hurairah.

Rasulullah s.a.w. juga bersabda: "Satu qirat besarnya sama dengan bukit Uhud."[262]

Rasulullah s.a.w. juga bersabda:

يَتْبَعُ الْمَيِّتَ ثَلاَثٌ فَيَرْجِعُ اثْنَانِ وَيَبْقَى وَاحِدٌ يَتْبَعُهُ أَهْلُهُ وَمَالُهُ وَعَمَلُهُ فَيَرْجِعُ أَهْلُهُ وَمَالُهُ وَيَبْقَى عَمَلُهُ.

"Ada tiga perkara yang mengiringi seseorang yang meninggal ,dua akan kembali dan satu yang tetap bersamanya .Keluarga atau kerabatnya dan kekayaannya akan kembali ,dan amalnya tetap bersamanya[٢٦٣] *".*

Kedua puluh enam: Berziarah ke kubur kaum muslimin. Adapun tujuan berziarah ke kubur saudara sesama muslim ialah untuk mendoakannya, mengambil pengajaran daripada si mati dan untuk melembutkan hatinya. Rasulullah s.a.w. bersabda:

مَا رَأَيْتُ مَنْظَرًا إِلاَّ وَالْقَبْرُ أَفْظَعُ مِنْهُ.

"*Aku tidak pernah melihat pemandangan yang lebih mengerikan daripada kubur*."[264]

Ketika Rasulullah s.a.w. berziarah ke kubur ibu Baginda, Aminah, Baginda berkata: "Aku meminta izin kepada Allah untuk berziarah ke kubur ibuku dan Dia mengizinkanku. Kemudian aku meminta izin untuk memintakan keampunan baginya, tetapi Dia tidak mengizinkannya."[265]

Ketika tiba di sebuah kubur, Umar bin al-Khattab r.a. menangis. Dia berkata: "Aku mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda:

إِنَّ الْقَبْرَ أَوَّلُ مَنَازِلِ الآخِرَةِ فَإِنْ نَجَا مِنْهُ صَاحِبُهُ فَمَا بَعْدَهُ أَيْسَرُ وَإِنْ

---

[262] Diriwayatkan oleh Muslim daripada Tsauban dan Abu Hurairah.

[263] Diriwayatkan oleh Muslim daripada Anas.

[264] Diriwayatkan oleh at-Tirmidi, Ibnu Majah dan al-Hakim daripada Utsman dan isnadnya sahih.

[265] Diriwayatkan oleh Muslim daripada Abu Hurairah.

لَمْ يَنْجُ مِنْهُ فَمَا بَعْدَهُ أَشَدُّ.

"Kuburan adalah tahapan permulaan menuju akhirat. Jika penghuninya terbebas daripada seksa kubur, maka apa yang berlaku setelahnya akan lebih mudah. Dan jika penghuninya tidak terbebas dari seksanya, maka keadaan setelahnya lebih sukar lagi."[266]

Pada suatu ketika, Abu al-Darda r.a. duduk di sebuah kubur. Lantas beliau ditanya mengapa demikian. Beliau pun menjawab: "Aku duduk di atas kubur kaum yang mengingatkan aku kepada hari kembaliku. Jika aku meninggalkan mereka, maka mereka tidak mencaci aku."

Rasulullah s.a.w. bersabda: "Tiada satu malam pun di mana seorang penyeru tidak menyerukan, 'Wahai ahli kubur, kepada siapa engkau cemburu?' Mereka menjawab, 'Kami cemburu kepada ahli masjid, kerana mereka berpuasa dan kami tidak berpuasa, mereka mengerjakan solat dan kami tidak mengerjakan solat, mereka berzikir kepada Allah dan kami tidak berzikir kepada-Nya."[267]

Sufyan berkata: "Barangsiapa yang banyak mengingati kubur, nescaya dia akan mendapati kubur itu sebagai kebun daripada kebun-kebun syurga. Dan barangsiapa lalai daripada mengingatinya, nescaya dia akan mendapati kubur itu sebagai sebuah lubang daripada lubang-lubang neraka."

Ar-Rabi' bin Khaitsam telah menggali kubur di rumahnya. Ketika dia mendapati pada hatinya terdapat kekesatan, dia pun segera masuk ke dalam kubur itu dan tidur di dalamnya beberapa lama. Kemudian dia membaca ayat:

رَبِّ ٱرۡجِعُونِ ﴿٩٩﴾ لَعَلِّيٓ أَعۡمَلُ صَٰلِحٗا فِيمَا تَرَكۡتُۚ

"*Wahai Tuhanku! Kembalikanlah aku (hidup)! Mudah-mudahan aku mengerjakan perbuatan baik yang telah aku tinggalkan itu*."

(al-Mu'minun: 99 -100)

[266] Diriwayatkan oleh at-Tirmizi, Ibnu Majah dan al-Hakim, dan beliau menilai isnad hadis ini sahih.

[267] Menurut al-Iraqi, beliau tidak pemah menjumpai hadis ini.

Kemudian beliau mengatakan kepada dirinya sendiri: “Wahai Rabi’! Engkau telah dikembalikan! Maka beramallah sekarang, sebelum engkau tidak dikembalikan lagi!”.

Maimun bin Mahran berkata: “Aku pergi bersama Umar bin Abdul Aziz ke sebuah kubur. Ketika dia memandang ke kubur tersebut, dia menangis dan berkata: ‘Wahai Maimun! Inilah kubur bapa-bapaku daripada Bani Ummayyah! Seolah-olah mereka itu tidak berkongsi kesenangan dengan penduduk dunia. Apakah kamu tidak melihat, mereka itu gila sehingga mereka mendapat pelbagai azab dan mereka mengalami kehausan?”

Kemudian dia menangis dan berkata: “Demi Allah! Aku tidak ada tahu seorang pun yang lebih memperoleh nikmat daripada orang yang telah datang ke kubur ini lantas dia selamat daripada azab Allah.”

Adab bagi orang yang bertakziah ialah merendahkan diri, menampakkan kesedihan, menyedikitkan bercakap dan meninggalkan senyuman. Sedangkan adab mengiringi jenazah ialah menundukkan diri, tidak berkata-kata, memerhatikan keadaan mati, bertafakkur tentang kematian dan menyiapkan diri bagi orang yang mati. Hendaklah berjalan di hadapan jenazah dengan mendekatinya. Adapun segera menghantarkan jenazah ke kubur adalah sunat.”[268]

Demikianlah beberapa adab yang mengingatkan kepada sopan-santun dalam bergaul dengan makhluk secara umum. Adapun kesimpulannya, ialah bahawa tidak memandang kecil seseorang daripada mereka, sama ada yang masih hidup atau yang sudah mati. Jika tidak demikian, maka kamu akan binasa kerana kamu tidak mengetahui mungkin dia lebih baik berbanding kamu. Itu kerana meskipun dia seorang yang fasik (berbuat dosa), tetapi mudah-mudahan hidupnya diakhiri dengan kebaikan.

Sebaliknya, janganlah memandang manusia dengan penuh keagungan disebabkan urusan dunia yang ada pada mereka, kerana dunia itu kecil di sisi Allah. Apabila ada penduduk dunia yang kamu agungkan, maka sesungguhnya kamu telah mengagungkan dunia dan kamu jatuhlah dalam pandangan Allah. Janganlah kamu berikan agamamu kepada manusia dengan tujuan agar kamu memperoleh dunia

---

[268] Hadis yang menerangkan tentang segera menghantarkan jenazah ke kubur, diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim daripada Abu Hurairah.

yang ada pada mereka sehingga kamu menjadi kecil dalam pandangan mereka.

Janganlah kamu mengharapkan sesuatu yang ada dalam tangan mereka, kerana kamu akan menyegerakan untuk memperoleh kehinaan dan kamu tidak dapat memperoleh tujuanmu! Janganlah engkau meninggi diri terhadap mereka kerana kesombongan disebabkan kamu tidak memiliki keperluan pada mereka. Sesungguhnya Allah akan menyandarkan kamu kepada mereka sebagai seksaan akibat kesombonganmu.

Apabila engkau meminta kepada seorang teman akan sesuatu hajat keperluan, lalu dipenuhinya, maka teman itu adalah teman yang bermanfaat. Sedangkan jika dia tidak memenuhinya, maka janganlah kamu mencacinya sehigga dia menjadi musuh yang berterusan kekerasan hatinya kepada kamu.

Janganlah engkau memberi nasihat pengajaran kepada orang yang tidak nampak padanya tanda-tanda penerimaan sehingga dia tidak akan mendengar nasihat itu daripada kamu dan dia akan memusuhi kamu. Hendaklah nasihat pengajaranmu itu bersfat lepas dan tidak tertuju kepada seseorang! Manakala kamu melihat pada mereka itu kemuliaan dan kebajikan, maka bersyukurlah kepada Allah yang memudahkan mereka untuk mematuhimu dan berlindunglah kepada Allah.

Apabila sampai kepada kamu cacian daripada mereka atau kamu melihat daripada mereka kejahatan atau menimpa ke atas diri kamu daripada mereka itu sesuatu yang buruk bagi kamu, maka serahkanlah urusan mereka kepada Allah dan berlindunglah kepada Allah daripada kejahatan mereka.

Janganlah kamu menyibukkan dirimu dengan pembalasan yang setimpal sehingga bertambahlah kemelaratanmu dan menjadi sia-sialah umurmu dengan urusan itu.

2. Hak-hak dalam berjiran

Ketahuilah, bahawa jiran itu memiliki hak di samping hak-hak persaudaraan sesama muslim. Tetangga muslim berhak ke atas apa-apa yang menjadi hak setiap muslim, bahkan hanya lebih daripada itu. Itu kerana Nabi s.a.w. bersabda: “Jiran itu ada tiga: Jiran yang mempunyai satu hak, jiran yang mempunyai dua hak dan jiran yang mempunyai tiga hak. Adapun jiran yang mempunyai tiga hak ialah jiran muslim yang mempunyai hubungan kekeluargaan. Maka dia mempunyai hak kejiranan, hak sesama muslim dan hak kekeluargaan.

Adapun jiran yang mempunyai dua hak ialah jiran muslim. Maka dia mempunyai hak kejiranan dan hak sesama muslim. Adapun jiran yang mempunyai satu hak ialah jiran yang musyrik (bukan muslim)!"[269] Maka, perhatikanlah, bagaimana Nabi s.a.w. menetapkan hak bagi orang musyrik itu disebabkan kejiranan semata-mata.

Nabi s.a.w. bersabda:

أَحْسِنْ مُجَاوَرَةَ مَنْ جَاوَرَكَ تَكُنْ مُسْلِمًا.

"Berbaiklah bertetangga dengan orang yang berjiran dengan kamu, nescaya kamu layak disebut sebagai muslim"[270]

Nabi s.a.w. bersabda:

مَا زَالَ جِبْرِيْلُ يُوْصِيْنِي بِالْجَارِ حَتَّى ظَنَنْتُ أَنَّهُ سَيُوْرِثُهُ.

"*Sentiasalah Jibril menasihati aku mengenai tetangga, sehingga aku menyangka bahawa tetangga itu akan menerima pusaka daripada tetangganya*."[271]

Nabi s.a.w. juga bersabda:

مَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللهِ وَالْيَوْمِ الآخِرِ فَلْيُكْرِمْ جَارَهُ

"*Barangsiapa beriman dengan Allah dan hari akhirat, maka hendaklah dia memuliakan tetangganya*."[272]

Nabi s.a.w. bersabda:

لاَ يَدْخُلُ الْجَنَّةَ مَنْ لاَ يَأْمَنُ جَارَهُ بَوَائِقَهُ.

"Tidak beriman seorang hamba sebelum jirannya aman daripada kejahatan-kejahatannya."[273]

---

[269] Diriwayatkan oleh al-Hasan bin Sufyan dan al-Bazzar, hadis ini dhaif.

[270] Sudah dijelaskan sebelumnya.

[271] Diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim daripada Aisyah.

[272] Diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim daripada Abu Syuraih.

[273] Diriwayatkan oleh al-Bukhari daripada Abu Syuraih juga.

Rasulullah s.a.w. juga bersabda:

إِذَا رَمَيْتَ كَلْبَ جَارِكَ فَقَدْ آذَيْتَهُ.

"Jika kamu melempar anjing jiranmu dengan sebuah batu, bererti kamu telah menyakiti hatinya."[274]

Pada suatu hari Rasulullah s.a.w. bersabda:

أَلاَ إِنَّ أَرْبَعِينَ دَارًا جَارٌ.

"Ketahuilah bahawa empat puluh rumah di sekellingmu adalah jiran."[275]

Dengan kata lain, kewajipan seorang muslim kepada jirannya adalah sebagai berikut:

1. Memberi salam terlebih dahulu.
2. Tidak terlalu lama berbincang-bincang dengannya.
3. Tidak bertanya secara berpanjangan tentang keadaannya.
4. Mengunjunginya jika dia sakit.
5. Berta'ziah kepadanya ketika dia terkena musibah.
6. Memberi maaf jika jiran berbuat salah.
7. Senang dengan kegembiraan yang dirasai oleh jiran dan ikut bergembira dengan kebahagiaannya.
8. Tidak melihat ke dalam rumah jiran dari atas rumahnya.
9. Tidak mempersulit jiran dengan meletakkan kayu di atas dinding rumahnya.
10. Tidak membiarkan air dari halaman sendiri mengalir ke halaman jiran.
11. Tidak menutup pembuangan air dari rumahnya yang melalui batas rumah.
12. Tidak mempersempit jalan masuk ke rumahnya.
13. Tidak membuka dan menyebarkan jika jiran memiliki kesalahan.
14. Membantu menghilangkan atau mengurangkan penderitaannya.
15. Menjaga dan merawat rumahnya jika dia menitipkannya.

---

[274] Hadis ini tiak ditemui asalnya.

[275] Diriwayatkan oleh Abu Daud di dalam al-Marasil.

16. Tidak mendengarkan kata-kata ghibah tentang dirinya.
17. Bercakap kepada anak-anaknya dengan lemah-lembut.
18. Memberi tahu apa yang tidak diketahuinya tentang urusan dunia dan agama.

Rasulullah s.a.w. bersabda: "Apakah kamu tahu hak-hak jiran? Kalau dia meminta tolong kepadamu bantulah, kalau dia ingin berhutang kepadamu berilah dia pinjaman, kalau memerlukan sesuatu penuhilah keperluannya itu, kalau sakit jenguklah, kalau meninggal hantarkan dia ke kuburnya, kalau dia memperoleh kegembiraan ucapkan selamat kepadanya, kalau memperoleh musibah hendaklah kamu bertakziah kepadanya, jangan meninggikan bangunan tinggi-tinggi tanpa izin jiran kerana dapat mengganggu udara masuk ke rumahnya, dan jangan menyakiti perasaannya.

Apabila kamu membeli buah-buahan, berikan sebahagian kepada jiran. Apabila kamu tidak dapat melakukan itu, maka jangan sampai jiran melihatnya. Jangan sampai anakmu membawa buah-buahan itu keluar sehingga menimbulkan ketidaksukaan anaknya. Jangan kamu mengganggu jiran dengan asap dari dapurmu. Hendaklah kamu mengirimkan makanan yang kamu masak kepada jiran."

Di dalam hadis lainnya, Rasulullah s.a.w. bersabda: "Apakah kamu tahu hak-hak jiran? Demi Allah, di mana jiwaku berada dalam genggaman-Nya tiada orang yang dapat memenuhi hak-hak itu selain orang yang dianugerahi rahmat Allah SWT."

Aisyah r.a. pernah berkata: "Wahai Rasulullah, aku punya dua jiran, yang satu rumahnya dekat dengan rumahku dan yang lain rumahnya agak jauh. Hak siapakah yang lebih besar?" Baginda menjawab: "Hak yang lebih besar dimiliki oleh jiran yang lebih dekat dengan rumahmu."[276]

Aisyah r.a. juga pernah berkata: "Ada sepuluh sifat yang dimiliki oleh orang yang terhormat. Kesepuluh sifat itu ditemui pada diri seorang lelaki, tetapi tidak ditemui pada ayahnya. Dijumpai pada diri seorang hamba sahaya namun tidak dijumpai pada tuannya.

[276] Diriwayatkan oleh al-Bukhari daripada Aisyah.

Sifat-sifat itu diberikan oleh Allah SWT kepada orang yang dicintai-Nya, iaitu berkata benar, berbuat baik kepada orang lain, memberi sesuatu kepada yang meminta, membantu dalam pekerjaan rumah tangga, berbuat baik kepada kerabat, menunaikan amanah, menjalankan kewajipan terhadap jiran, memelihara persahabatan, memuliakan tamu, dan malu. Sifat-sifat ini menjadi dasar bagi setiap kebajikan manusia."

Rasulullah s.a.w. pernah bersabda:

يَا مَعْشَرَ الْمُسْلِمَاتِ لاَ تَحْقِرَنَّ جَارَةٌ لِجَارَتِهَا وَلَوْ فُرْسَنُ شَاةٍ.

"Wahai wanita muslimah, jangan kamu melecehkan pemberian jiran walaupun hanya sepotong kuku kambing."[277]

Rasulullah s.a.w. juga bersabda:

إِنَّ مِنْ سَعَادَةِ الْمَرْءِ الْمُسْلِمِ الْمَسْكَنُ الْوَاسِعُ وَالْجَارُ الصَّالِحُ وَالْمَرْكَبُ الْهَنِئُ.

"Sesungguhnya di antara kebahagiaan seorang muslim adalah memiliki tempat tinggal yang luas, jiran yang baik dan kenderaan yang menyenangkan."[278]

Seorang lelaki bertanya: "Bagaimana aku mengetahui seseorang itu baik atau jahat?" Maka beliau menjawab: "Iaitu kalau kamu mendengar jirannya berkata: 'Ya baik' maka dia betul-betul baik. Jika kamu mendengar jirannya berkata, 'Ya jahat,' maka dia betul-betul jahat."[279]

Abu Hurairah mengatakan bahawa Rasulullah s.a.w. membenarkan seseorang meletakkan kayu di dinding rumah jirannya yang bersebelahan dengan rumahnya, sama ada jiran setuju atau tidak dengan perbuatan itu.[280]

---

[277] Diriwayatkan oleh al-Bukhari daripada Abu Hurairah.

[278] Diriwayatkan oleh Ahmad daripada Nafi' bin Abdul Haris dan Sa'ad bin Abu Waqqas.

[279] Diriwayatkan oleh Ahmad dan ath-Thabrani dengan isnad yang baik.

[280] Diriwayatkan oleh al-Kharaithi daripada Abu Hurairah.

Rasulullah s.a.w. juga bersabda:

لاَ يَمْنَعَنَّ أَحَدُكُمْ جَارَهُ أَنْ يَضَعَ خَشَبَةً فِي جِدَارِهِ.

"Janganlah seorang daripada kamu melarang jirannya meletakkan kayu di dinding rumahnya."

3. Hak-hak kerabat dan saudara mara

Rasulullah s.a.w. bersabda:

يَقُوْلُ اللهُ تَعَالَى أَنَا الرَّحْمَنُ وَهَذِهِ الرَّحِمُ شَقَقْتُ لَهَا اِسْمًا مِنْ اسْمِيْ فَمَنْ وَصَلَهَا وَصَلْتُهُ وَمَنْ قَطَعَهَا بَتَتُّهُ.

"Allah 'Azza wa Jalla berfirman: "Aku al-Rahman (Pengasih) dan al-Rahim (kerabat, keluarga atau kasih sayang) dijabarkan dari nama-Ku. Maka barangsiapa yang menyambungkannya (kekeluargaan atau kasih sayang) nescaya akan Aku sambungkan dia dan barangsiapa yang memutuskannya nescaya akan Aku putuskan dia."[281]

Rasulullah s.a.w. juga bersabda:

مَنْ سَرَّهُ أَنْ يُنْسَأَ لَهُ أَثَرُهُ وَيُوْسَعُ عَلَيْهِ فِى رِزْقِهِ فَلْيَصِلْ رَحِمَهُ.

"Barangsiapa yang menginginkan panjang umur dan lapang rezekinya, hendaklah dia bertakwa kepada Allah SWT dan menyambungkan silaturahmi."[282]

Pada suatu hari Baginda ditanya: "Siapakah orang yang paling utama?" Beliau bersabda: "(Iaitu orang) yang paling bertakwa kepada Allah, yang paling sering menyambung silaturahmi dan yang paling banyak melakukan amar makruf nahi munkar."

Abu Zarr al-Ghifari r.a. berkata: "Teladanku (Nabi Muhammad s.a.w.) menasihati aku untuk selalu menyambungkan silaturahmi dengan kerabat meskipun

[281] Diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim daripada Aisyah.

[282] Diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim daripada Anas.

mereka bersikap tidak baik kepadaku. Baginda menyuruhku untuk mengatakan yang benar walaupun pahit."

Ketika Rasulullah s.a.w. bersiap-siap hendak bertolak menakluki kota Makkah, seorang lelaki datang kepada Baginda dan berkata: "Jika tuan ingin mengahwini perempuan cantik dan memperoleh unta berbulu merah, maka hendaklah tuan terlebih dahulu menakluki Suku Mudlij." Baginda menjawab: "Sesungguhnya Allah SWT melarang aku memerangi mereka yang memiliki hubungan kekeluargaan denganku."

Di dalam hadis lainnya, Rasulullah s.a.w. bersabda:

الصَّدَقَةُ عَلَى الْمَسَاكِيْنِ صَدَقَةٌ وَعَلَى ذِي الرَّحِمِ اثْنَانِ.

"Bersedekah kepada seorang miskin akan memperoleh satu pahala kebaikan dan bersedekah kepada kerabat yang miskin akan memperoleh dua pahala kebaikan."[283]

Allah SWT berfirman:

لَن تَنَالُواْ ٱلْبِرَّ حَتَّىٰ تُنفِقُواْ مِمَّا تُحِبُّونَ ۚ

"*Kamu sekali-kali tidak sampai kepada kebajikan yang sempurna, sebelum kamu menafkahkan sebahagian harta yang kamu cintai.*" (Ali Imran: 92)

Abu Thalhah sangat tertarik mendengar ayat tersebut dan ingin menyedekahkan kebun kurma dan kemudian berkata kepada Rasulullah: "Wahai Rasulullah, aku menyedekahkan kebunku ini kepada fakir dan miskin." Rasulullah s.a.w. bersabda: "Pahala daripada Allah SWT pasti akan dilimpahkan kepadamu. Maka bahagikanlah harta kekayaanmu itu di antara kerabat dekatmu."

Di dalam sebuah riwayat disebutkan bahawa Umar bin al-Khattab r.a. pernah mengirimkan perintah kepada para gabenornya: "Perintahkan kepada rakyat kamu untuk saling mengunjungi di antara para kerabat."

---

[283] Diriwayatkan oleh at-Tirmidzi dan an-Nasa'i daripada Salman bin Amir adh-Dhabbi.

4. Hak-hak kedua ibu bapa dan anak

Tidak diragui lagi bahawa jika hak kerabat dan saudara mara demikian kuat, maka hubungan keluarga yang lebih khusus dan lebih melekat ialah hubungan antara anak dengan orang tua. Oleh itu, kewajipan terhadap ibu bapa adalah kewajipan paling besar. Rasulullah s.a.w. bersabda:

لَنْ يُجْزِى وَلَدٌ وَالِدَهُ حَتَّى يَجِدَهُ مَمْلُوْكًا فَيَشْتَرِيَهُ فَيُعْتِقَهُ.

"Seorang anak tidak dapat memenuhi kewajipan membalas jasa kebaikan terhadap ayahnya .Akan tetapi ,dia dapat memenuhi sebahagian daripadanya apabila dia mendapati ayahnya sebagai hamba kepada orang lain lalu dia membelinya dan memerdekakannya[284]".

Rasulullah s.a.w. juga bersabda:

بِرُّ الْوَالِدَيْنِ أَفْضَلُ مِنَ الصَّلاَةِ وَالصَّدَقَةِ وَالصَّوْمِ وَالْحَجِّ وَالْعُمْرَةِ وَالْجِهَادِ فِي سَبِيْلِ اللهِ.

"Berbuat baik kepada ibu bapa lebih baik daripada solat, puasa, haji, zakat, umrah dan jihad fi sabilillah."[285]

Rasulullah s.a.w. bersabda: "Barangsiapa yang pada pagi hari membuat kedua orang tuanya senang, maka dibukakan baginya dua pintu syurga. Apabila dia melakukan hal demikian pada petang hari, maka dia akan memperoleh pahala kebaikan yang sama. Apabila dia menyenangkan hati salah satu daripada keduanya, maka satu pintu syurga dibukakan untuknya walaupun orang tuanya berbuat zalim kepadanya.

Apabila seseorang pada pagi hari membuat marah kedua orang tuanya, maka dua pintu neraka akan dibukakan baginya. Apabila dia membuat salah satu daripadanya marah, maka satu pintu neraka dibukakan baginya sekalipun mereka berdua berlaku zalim kepadanya."[286]

---

[284] Diriwayatkan oleh Muslim daripada Abu Hurairah.

[285] Menurut al-Iraqi, beliau tidak menjumpai hadis dengan lafaz demikian.

[286] Diriwayatkan oleh al-Baihaqi dan Ibnu Abbas, tetapi hadis ini tidak sahih.

Di dalam riwayat yang disebutkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda: "Sesungguhnya aroma syurga akan tercium dari perjalanan lima ratus tahun. Barangsiapa yang derhaka kepada orang tuanya dan memutuskan silaturahmi maka dia tidak akan mencium aroma tersebut."[287]

Rasulullah s.a.w. juga bersabda:

بِرَّ أُمَّكَ وَأَبَاكَ وَأُخْتَكَ وَأَخَاكَ ثُمَّ أَدْنَاكَ فَأَدْنَاكَ.

"Berbuat baiklah kepada ibumu, kemudian ayahmu, kemudian saudara perempuanmu, lalu saudara lelakimu dan kemudian kerabat terdekat lalu kerabat dekatmu."[288]

Allah 'Azza wa Jalla telah berfirman kepada Nabi Musa as.: "Wahai Musa, barangsiapa yang taat dan berbuat baik kepada orang tuanya tetapi banyak berbuat dosa, maka Aku akan memasukkannya ke dalam golongan orang-orang yang taat. Barangsiapa yang taat kepada-Ku tetapi derhaka kepada orang tuanya, maka Aku akan memasukkannya ke dalam golongan orang-orang yang derhaka."

Di dalam riwayat yang lain disebutkan bahawa ketika Nabi Ya'qub (Israel) datang kepada Nabi Yusuf a.s., Yusuf tidak berdiri untuk menghormati ayahnya, maka Allah SWT menurunkan wahyu kepadanya: "Apakah engkau merasa dirimu lebih besar daripada ayahmu sehingga tidak berdiri menghormatinya? Demi keagungan-Ku dan kebesaran-Ku, Aku tidak akan mengeluarkan seorang nabi pun dari tulang sulbimu."

Rasulullah s.a.w. bersabda: "Tidak mengapa seseorang apabila bermaksud bersedekah dengan suatu sedekah, bahawa dijadikannya sedekah itu bagi kedua ibu bapanya, apabila keduanya itu muslim. Maka pahalanya adalah bagi kedua ibu bapanya. Dan baginya adalah seperti pahala bagi kedua ibu bapanya itu tanpa kurang sedikit pun daripada pahala keduanya."[289]

Pada suatu hari, seorang lelaki bertanya kepada Rasulullah s.a.w.: "Wahai Rasulullah, apakah masih ada baki kewajipanku kepada orang tuaku setelah mereka meninggal dunia?" Baginda menjawab: "Ya, berdoalah untuk mereka, memohon

---

[287] Diriwayatkan oleh ath-Thabrani daripada Abu Hurairah, isnad da'if.

[288] Diriwayatkan oleh an-Nasa'i, Ahmad dan al-Hakim daripada Abu Ramtsah.

[289] Diriwayatkan oleh ath-Thabrani daripada Amr bin Syu'aib, dengan sanad yang dha'if.

keampunan bagi mereka, menunaikan janji yang belum terpenuhi semasa mereka hidup, memuliakan sahabat keduanya dan menyambung tali silaturahmi dengan kerabat mereka."[290]

Rasulullah s.a.w. juga bersabda:

إِنَّ مِنْ أَبَرِّ الْبِرِّ أَنْ يَصِلَ الرَّجُلُ أَهْلَ وُدِّ أَبِيْهِ بَعْدَ أَنْ يُوَلِّيَ الْأَبُ.

"Bakti kepada orang tua yang paling tinggi ialah menjalin hubungan dengan orang-orang yang dikasihi oleh ayahnya setelah dia meninggal dunia."[٢٩١]

Rasulullah s.a.w. bersabda:

بِرُّ الْوَالِدَةِ عَلَى الْوَلَدِ ضِعْفَانِ.

"Hak seorang ibu dalam memperoleh bakti anaknya dua kali lipat berbanding hak seorang ayah[٢٩٢]*".*

Rasulullah s.a.w. juga bersabda: "Doa seorang ibu bagi anak-anaknya sangat cepat diterima." Para sahabat bertanya: "Ya Rasulullah, mengapa demikian?" Baginda menjawab: "Itu kerana kekeluargaan ibu lebih dekat berbanding ayah. Dan doa daripada kerabat ibu tidak akan sia-sia."[293]

Seorang lelaki pernah bertanya kepada Rasulullah: "Wahai Nabi, kepada siapa aku harus berbuat baik?" Jawab beliau: "Orang tuamu." Kemudian dia melanjutkan: "Aku tidak mempunyai ibu bapa lagi." Baginda bersabda: "Berbuat baiklah kepada anakmu. Sebagaimana kita mempunyai kewajipan kepada ibu bapa, demikian pula kita mempunyai kewajipan terhadap anak-anak kita."[294]

Rasulullah s.a.w. bersabda:

رَحِمَ اللهُ وَالِدًا أَعَانَ وَلَدَهُ عَلَى بِرِّهِ.

---

[290] Diriwayatkan oleh Abu Daud, Ibnu Majah dan lain-lain. Isnad hadis ini sahih.

[291] Diriwayatkan oleh Muslim daripada Ibnu Umar.

[292] Menurut al-Iraqi bunyi hadis ini tidak terkenal, tetapi ada tiga hadis lain yang ertinya seperti hadis ini.

[293] Menurut al-Iraqi, dia tidak menjumpai hadis ini.

[294] Diriwayatkan oleh Abu Umar an-Nauqati daripada Utsman bin Affan.

"Allah menganugerahkan rahmat kepada seorang ayah yang menolong anaknya untuk berbakti kepadanya."

Maksudnya, dia tidak membawa anaknya kepada kederhakaan disebabkan perbuatan buruknya.

Ketika Rasulullah s.a.w. sedang sujud dalam solat, tiba-tiba datanglah cucu Baginda (Husain) lalu menaiki belakang Baginda. Maka Rasulullah s.a.w. memanjangkan sujudnya sehingga para sahabat yang menjadi makmum di belakang Baginda menyangka bahawa wahyu telah turun kepada Baginda. Selepas solat, Nabi s.a.w. bercerita: "Tadi Husain menjadikan aku tunggangannya dan aku tidak ingin menurunkannya sampai dia menyelesaikan apa yang dilakukannya."[295]

Di dalam hadis yang lain Rasulullah s.a.w. bersabda:

رِيْحُ الْوَلَدِ مِنْ رِيْحِ الْجَنَّةِ.

"Bau seorang anak adalah bau syurga."

Pada suatu hari, datanglah seorang pemuda dari Yaman ke Madinah menghadap Nabi s.a.w. untuk ikut berperang di jalan Allah. Nabi bertanya kepadanya: "Apakah kamu masih punya ibu bapa?" Jawabnya: "Betul, ya Rasulullah." Baginda bertanya lagi: "Apakah mereka mengizinkan kamu berjihad?" Pemuda itu menjawab: "Tidak, wahai Rasulullah." Baginda kemudian bersabda: "Kembalilah kepada orang tuamu dan mintalah izin kepada mereka. Apabila mereka tidak memberi izin, maka berbuat baiklah kepada mereka, kerana di antara semua kebajikan yang menyebabkan kamu akan berjumpa dengan Allah setelah tauhid, maka berbuat kebajikan kepada kedua ibu bapa adalah yang terbaik."[296]

Pada kesempatan lain, seorang lelaki meminta nasihat kepada Nabi untuk bergabung dalam jihad fi sabilillah. Baginda bertanya kepada lelaki itu: "Apakah kamu masih mempunyai ibu." Jawabnya: "Betul, ya Rasulullah." Lalu Baginda bersabda: "Jika demikian, tinggallah bersamanya, kerana syurga berada di bawah telapak kakinya."

---

[295] Diriwayatkan oleh an-Nasa'i daripada Abdullah bin Syaddad. Dan Diriwayatkan oleh al-Hakim yang menilai hadis ini sahih.

[296] Diriwayatkan oleh an-Nasa'i, Ibnu Majah dan al-Hakim daripada Mu'awiah bin Yahimah, isnad hadis ini sahih.

Pada suatu hari, seorang pemuda menghadap kepada Nabi s.a.w. dan bersumpah setia kepada Baginda dan berkata: "Ibu bapa saya menangis ketika saya meninggalkan mereka." Nabi s.a.w. pun bersabda: "Kembalilah dan gembirakanlah mereka kerana engkau telah membuat mereka menangis."[297]

Nabi s.a.w. bersabda di dalam hadis lainnya:

حَقُّ كَبِيْرِ الإِخْوَةِ عَلَى صَغِيْرِهِمْ كَحَقِّ الْوَالِدِ عَنْ وَلَدِهِ.

"Hak seorang abang terhadap adiknya ialah seperti hak seorang ayah terhadap anaknya[٢٩٨]*".*

5. Hak-hak hamba abdi

Di antara nasihat terakhir yang disampaikan oleh Rasulullah s.a.w. berkenaan hamba sahaya ialah:

اِتَّقُوْا اللهَ فِيْمَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ أَطْعِمُوْهُمْ مِمَّا تَأْكُلُوْنَ وَاكْسُوْهُمْ مِمَّا تَلْبِسُوْنَ وَلاَ تُكَلِّفُوْهُمْ مِنَ الْعَمَلِ مَا لاَ يُطِيْقُوْنَ فَمَا أَحْبَبْتُمْ فَأَمْسِكُوْا وَمَا كَرِهْتُمْ فَبِيْعُوْا وَلاَ تُعَذِّبُوْا خَلْقَ اللهِ فَإِنَّ اللهَ مَلَّكَكُمْ إِيَّاهُمْ وَلَوْ شَاءَ لَمَلَّكَهُمْ إِيَّاكُمْ.

"Takutlah kepada Allah ,berilah mereka makanan seperti yang kamu makan ,berilah mereka pakaian seperti yang kamu kenakan ,dan janganlah bebani mereka dengan pekerjaan di luar kesanggupannya. Jika kamu sudah tidak ingin mempekerjakan mereka, mintalah mereka pergi dan jangan memberi hukuman atas hamba-hamba Allah.

"Allah telah menempatkan mereka di bawah kekuasaan kamu. Jika Dia menghendaki, Dia dapat menempatkan kamu di bawah kekuasaan mereka." Beliau pun pernah bersabda: "Berilah makanan dan pakaian

[297] Diriwayatkan oleh Abu asy-Syaekh Ibnu Hibban daripada Abu Hurairah.

[298] Diriwayatkan oleh Abu Mansur ad-Dailami daripada al-Husain bin Ali bin Abu Thalib dengan sanad yang dhaif.

kepada hamba-hamba kamu secara adil dan jangan bebani mereka dengan pekerjaan di luar batas kemampuannya."[299]

Nabi s.a.w. bersabda:

لِلْمَمْلُوْكِ طَعَامُهُ وَكِسْوَتُهُ بِالْمَعْرُوْفِ وَلاَ يُكَلَّفُ مِنَ الْعَمَلِ مَا لاَ يُطِيْقُ.

"Hamba yang dimiliki itu berhak memperoleh makanan dan pakaian yang baik dan tidak dibebani dengan pekerjaan yang tidak sanggup dia lakukan."[300]

Nabi s.a.w. bersabda:

لاَ يَدْخُلُ الْجَنَّةَ خِبٌّ وَلاَ مُتَكَبِّرٌ وَلاَ خَائِنٌ وَلاَ سَيِّئُ الْمَلَكَةِ.

"Tidak akan masuk syurga penipu, penyombong, pengkhianat dan yang jahat bagi hamba yang dimilikinya."[301]

Rasulullah s.a.w. bersabda: "Telah datang kepadaku berita tentang tiga golongan manusia yang pertama-tama akan masuk syurga dan tiga golongan manusia yang pertama-tama akan masuk neraka. Tiga golongan manusia yang pertama-tama akan masuk syurga ialah para syuhada, kemudian seorang hamba yang bagus ibadatnya kepada Allah dan bagus layanannya kepada tuannya, dan seorang yang menjaga diri daripada meminta-minta meskipun dia sangat memerlukan kerana ahli keluarganya yang besar.

"Adapun tiga golongan manusia yang pertama-tama akan masuk neraka ialah penguasa yang zalim, orang kaya yang tidak mahu menunaikan kewajipannya kepada Allah dan orang kafir yang sombong."

Abu Mas'ud al-Ansari berkata: "Ketika aku sedang memukul hambaku, aku mendengar suara di belakangku: "Wahai Abu Mas'ud.' Ketika aku berpaling ke

[299] Hadis ini berpisah-pisah daripada beberapa hadis dan ada yang diriwayatkan Abu Daud daripada Ali dan ada yang diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim daripada Anas dan selainnya.

[300] Diriwayatkan oleh Muslim daripada Abu Hurairah.

[301] Diriwayatkan oleh Ahmad, at-Tirmizi dan Ibnu Majah daripada Abu Bakar.

belakang, ternyata Rasulullah s.a.w. yang menyeru. Aku pun segera membuang cemeti dari tanganku. Melihat itu, Baginda bersabda: "Demi Allah, Allah lebih berkuasa ke atas kamu berbanding kamu ke atas hamba ini."

Rasulullah s.a.w. bersabda:

إِذَا أَتَى أَحَدُكُمْ خَادِمَهُ بِطَعَامِهِ فَلْيَجْلِسْهُ وَلْيَأْكُلْ مَعَهُ فَإِنْ لَمْ يَفْعَلْ فَلْيُنَاوِلْهُ لُقْمَةً.

"Jika seorang pelayan datang kepada salah seorang di antara kamu dengan membawa makanan, maka hendaklah dia meminta pelayan itu duduk dan makan bersamanya. Apabila dia tidak berbuat demikian, hendaklah dia memberi pelayannya itu makanan tersebut."[302]

Di dalam riwayat yang lain disebutkan bahawa ketika seorang pelayan menyiapkan makanan dan memberikan pertolongan kepada kita, maka sebahagian daripada makanan itu dan penghargaan atas pekerjaannya adalah cukup jika kita berikan kepadanya. Maka hendaklah kita menyuruh pelayan duduk bersama kita lalu makan bersama kita. Jika kita tidak berbuat demikian, maka hendaklah kita mengambilkan sebahagian makanan itu atau menyuruhnya mengambil sendiri makanan itu atau menaruh sebahagian makanan itu di tangannya dan berkata kepadanya: "Makanlah ini."

Rasulullah s.a.w. juga bersabda:

كُلُّكُمْ رَاعٍ وَكُلُّكُمْ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ.

"Setiap kamu adalah pemimpin dan masing-masing kamu akan diminta pertanggung-jawapannya atas orang yang dipimpinnya."[303]

Jadi, hak dan kewajipan terhadap pelayan dan hamba yang kita miliki adalah:

a. Memperkenankan mereka ambil bahagian dalam makanan yang kita makan dan pakaian yang kita pakai.

b. Jangan membebankan pekerjaan di luar kesanggupannya.

---

[302] Diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim.

[303] Diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim daripada Ibnu Umar.

c. Jangan memandang mereka dengan pandangan benci dan menghina.

d. Memberi maaf atas kesalahan dan kekeliruannya.

e. Ketika marah kepadanya kita hendaknya berfikir bahawa Allah SWT mempunyai kekuasaan untuk menghukum kita kerana dosa dan kesalahan kita dan bahawa Dia mempunyai kekuasaan lebih besar daripada kita terhadap hamba dan pelayan kita.

Rasulullah s.a.w. bersabda: "Tiga kumpulan manusia tidak akan ditanya satu pertanyaan pun, iaitu orang yang memisahkan diri dari jamaah, orang yang menderhakai imamnya lalu meninggal dalam perbuatan maksiat, dan seorang wanita yang suaminya sedang pergi setelah mencukupkan belanja baginya tetapi dia memperlihatkan kecantikan zahirnya."[304]

Alhamdulillah, telah selesai pembahasan tentang menjalin hubungan dengan orang lain. Semoga selawat dan salam sentiasa dicurahkan ke atas Nabi Muhammad s.a.w.

[304] Diriwayatkan oleh ath-Thabrani dan al-Hakim dan dipandangnya sahih.

"Dan janganlah kamu menyerupai orang yang bercerai-berai dan berselisih sesudah datang keterangan yang jelas kepada mereka."
(Ali Imran: 105)

B A B 16
ADAB MELAKUKAN UZLAH (MENGASINGKAN DIRI)

Segala pujian bagi Allah yang amat membesarkan nikmat kepada makhluk-Nya yang paling baik dan paling bersih, yakni Muhammad s.a.w., yang dengan dia mereka memalingkan seluruh cita-cita mereka kepada usaha untuk medekati Allah SWT. Dia membanyakkan bahagian mereka daripada bersenang-senang dengan menyaksikan segala nikmat dan kebesaran-Nya. Dia menyenangkan batin mereka dengan bermunajat (berbisik-bisik) untuk berlemah-lembutan dengan Dia.

Dia membuat di dalam hati mereka perasaan hina dalam melihat kepada harta benda dunia. Sehingga bergembiralah dengan uzlah itu tiap-tiap orang yang telah terlipat hijab (tabir) daripada pemikirannya. Maka dia merasa selesa dan tenteram dengan membaca tasbih-tasbih kepada Allah SWT. Dengan demikian, dia merasa hatinya liar daripada berlemah-lembut dengan manusia walaupun manusia itu adalah seseorang yang paling khusus bagi Allah SWT.

Semoga selawat dilimpahkan kepada penghulu kita, Muhammad, penghulu para nabi dan orang pilihan Allah SWT. Juga dilimpahkan kepada para keluarga dan sahabatnya.

Sesungguhnya, manusia mempunyai banyak perbezaan pendapat berkenaan pengasingan diri (al-uzlah) dan percampur-bauran (al-mukhalatah) serta pengutamaan salah satu daripada keduanya berbanding yang lain. Tiap-tiap daripada kedua-danya tidak terlepas daripada pelagai marabahaya yang mesti dijauhi dan faedah-faedah yang membawa kepadanya, serta kecondongan kebanyakan hamba dan orang zuhud untuk memilih al-uzlah dan mengutamakannya daripada bercampur-bauran (al-mukhalathah).

Adapun yang telah kami sebutkan dahulu di dalam pembahasan tentang "Kitab Berteman" berkenaan keutamaan percampur-bauran dan persaudaraan hampir bertentangan dengan apa yang telah dicenderungi oleh kebanyakan manusia kepadanya. Iaitu: memilih kebebasan hati daripada orang ramai dan memilih untuk menyendiri.

Maka menyingkapkan tutup daripada kebenaran pada yang demikian itu adalah penting. Dan yang demikian itu berhasil dengan menggambarkan dua bab:

Bab Pertama: Tentang aliran-aliran (mazhab-mazhab) dan dalil-dalil (hujjah-hujjah) mengenai yang demikian.

Bab Kedua: Tentang penyingkapan tutup daripada kebenaran dengan pembatasan faedah dan marabahaya.

A. Tentang aliran-aliran (mazhab) dan dalilnya

Ada perbezaan pendapat dalam kalangan para ulama berkenaan dengan hidup mengasingkan diri (beruzlah) dan hidup bermasyarakat (berhubung dengan orang ramai). Mereka yang menyokong pendapat untuk mengutamakan hidup beruzlah berbanding hidup bermasyarakat adalah para ulama Sufi seperti Sufyan al-Tsauri, Ibrahim bin Adham, Daud al-Thai, Fudhail bin Iyadh, Sulaiman al-Khawwas, Yusuf bin Asbath, Huzailah al-Mar'asyi, Bisyr al-Hafi dan sebagainya.

Adapun para tabi'in (generasi setelah sahabat) kebanyakan adalah penyokong hidup bermasyarakat. Mereka beralasan bahawa dengan hidup bersama masyarakat, seseorang dapat berbuat baik kepada orang lain, berkasih-sayang dengan mereka, menjalin hubungan persaudaraan, persahabatan, saling menolong di antara kaum mukmininin serta saling membantu atas dasar kebajikan dan takwa. Dan menurut mereka, itu lebih baik daripada hidup ber'uzlah.

Di antara para tabi'in dan ulama yang menyokong pendapat kedua ini ialah Sa'id bin al-Musayyab, al-Sya'bi, Ibnu Abu Laila, Hisyam bin Urwah, Ibnu Syibrimah, Syuraih, Suraik bin Abdillah, Ibnu Uyainah, Ibnu Mubarak, Imam Syafi'i, Imam Ahmad bin Hanbal, dan sebagainya.

Perkataan yang dinukilkan daripada para ulama terbahagi kepada kata-kata mutlak yang menunjukkan cenderungan kepada salah satu daripada dua pendapat itu dan kepada perkataan yang disertai dengan apa yang menunjukkan kepada sebab

kecenderungan tersebut.

Mari kita nukilkan perkataan mutlak tersebut untuk menerangkan aliran-aliran yang wujud padanya dan apa yang menyertai penyebutan sebab tersebut.

Umar bin al-Khattab r.a. pernah berkata: "Ambillah bahagian daripada al-uzlah!". Ibnu Sirin berkata: "Al-uzlah itu adalah ibadat." Al-Fudlail berkata: "Cukuplah mencintai Allah sahaja, berhubung dengan al-Quran dan mengambil pengajaran daripada kematian."

Abu ar-Rabi' az-Zuhud berkata pada Daud ath-Tha'i: "Berilah aku pengajaran!". Daud ath-Tha'i menjawab: 'Berpuasalah daripada godaan dunia dan putuskanlah hubungan dengannya agar kamu apat membuka kunci kehidupan akhirat. Larilah daripada manusia seperti kamu lari daripda singa."

Hasan Bashri berkata: "Aku ingat bahawa di dalam Taurat disebutkan: 'Kamu akan bebas daripada ketergantungan terhadap manusia jika kamu puas dengan yang ada (qana'ah), kamu akan selamat jika kamu mengambil jarak daripada masyarakat, kamu akan memperoleh kenikmatan kebebasan jika kamu meninggalkan nafsu syahwat, kehormatan dirimu akan terpelihara jika kamu meninggalkan sifat dengki, dan kamu akan mendapatkan kesenangan yang berkekalan jika kamu dapat bersabar daripada kesenangan sementara."

Wahib bin al-Ward berkata: "Aku pernah mendengar bahawa hikmah itu terdiri daripada sepuluh bahagian, sembilan di antaranya adalah hidup bersendirian." Yusuf bin Muslim berkata: "Aku pernah hidup bersama masyarakat tetapi aku tidak bercakap-cakap dengan mereka." Sufyan Tsauri berkata: "Sekarang tiba masanya untuk berdiam diri dan tinggal di sudut rumah."

Ibrahim al-Nakha'i berkata: "Carilah ilmu fikah lalu hiduplah bersendirian." Al-Rabi' bin Khaitsam berkata bahawa Imam Malik pernah hadir dalam solat jenazah, mengunjungi orang sakit dan menunaikan kewajipan terhadap para sahabatnya. Tetapi, akhirnya dia beransur-ansur meninggalkan itu semua. Sa'ad bin Abu Waqqas dan Sa'id bin Zaid pernah tinggal di Aqiq, berhampiran Madinah. Mereka tidak pernah datang ke Madinah untuk solat Jumaat berjemaah atau untuk sesuatu yang lain dan meninggal dunia di Aqiq.

Sufyan al-Tsauri berkata: "Demi Allah, sekarang ini uzlah dihalalkan." Bisyri bin Abdillah berkata: "Bergaullah dengan sedikit manusia kalau kamu tidak tahu

apa yang akan berlaku pada hari kiamat. Jika kamu tercela, maka tidak banyak orang yang tahu."

Seorang penguasa bertanya kepada Hatim al-Ashim: "Apakah kamu memiliki sesuatu keperluan kepadaku?" Jawab Hatim: "Ya." Penguasa itu bertanya: "Apakah keperluan itu, wahai Hatim?" Hatim pun menjawab: "Janganlah kamu kunjungi aku dan aku tidak ingin mengunjungimu serta janganlah kamu berkenalan denganku."

Seseorang bertanya kepada Sahl Tastari: "Aku ingin berkawan denganmu." Kata Sahl: "Apabila salah seorang di antara kita mati, lantas dengan siapakah kamu akan berkawan?" Orang itu menjawab: "Dengan Allah." Sahl berkata lagi: "Jika demikian, lebih baik kamu berkawan dengan Allah sahaja sejak sekarang."

Al-Fudhail berkata: "Semakin banyak seseorang berkenalan dengan manusia, maka semakin sedikitlah kebijaksanaannya." Ibnu'Abbas r.a. berkata: "Majlis terbaik adalah majlis di dalam rumah sendiri. Kamu tidak melihat seseorang di sana dan tidak seorang pun melihat kamu." Itu semua adalah perkataan orang-orang yang cenderung mengasingkan diri, hidup bersendirian atau beruzlah.

1. Dalil-dalil keutamaan bergaul dengan masyarakat

Mereka yang menyokong hidup bermasyarakat (mukhalathah) mengemukakan dalil-dalil berikut. Allah 'Azza wa Jalla berfirman:

وَلَا تَكُونُواْ كَٱلَّذِينَ تَفَرَّقُواْ وَٱخْتَلَفُواْ مِنۢ بَعْدِ مَا جَآءَهُمُ ٱلْبَيِّنَٰتُ

"Dan janganlah kamu menyerupai orang yang bercerai-berai dan berselisih sesudah datang keterangan yang jelas kepada mereka."

(Ali Imran: 105)

Allah SWT juga berfirman:

فَأَلَّفَ بَيْنَ قُلُوبِكُمْ

"Maka Allah mempersatukan sanubari kamu (dalam agama Allah)."

(Ali 'Imran: 103)

Allah mengurniakan nikmat kepada manusia disebabkan oleh persatuan hati tersebut. Dalil ini adalah lemah kerana yang dimaksudkan dengan berpecah belah dan berselisih itu ialah berpecah belah dalam berpendapat dan mazhab berkenaan

maksud ayat-ayat Allah dan pokok- pokok syariat.

Adapun yang dimaksudkan dengan persatuan hati ialah mencabut marabahaya dari dada yang merupakan sebab timbulnya fitnah dan yang menggerakkan permusuhan. Al-uzlah tidak meniadakan yang demikian dan mereka berdalilkan sabda Nabi s.a.w.:

الْمُؤْمِنُ إِلْفٌ مَأْلُوْفٌ وَلاَ خَيْرَ فِيْمَنْ لاَ يَأْلَفُ وَلاَ يُؤْلَفُ.

"Orang mukmin itu bersatu lagi dipersatukan hatinya. Dan tidak ada kebaikan pada orang yang tidak mencinta atau dicinta."[305]

Dalil ini juga lemah, kerana hadis ini berkenaan dengan celaan terhadap akhlak yang buruk, yang dipandang sebagai penghalang bagi kasih mengasihi di antara kaum mukminin, bukan berkenaan dengan celaan terhadap hidup mengasingkan diri.

Mereka juga berdalil dengan sabda Nabi s.a.w.: "Barangsiapa yang memisahkan diri dari ummat Muslim walaupun hanya setengah jengkal bererti dia telah melepaskan ikatan Islam dari lehernya."

Sabda Baginda lainnya ialah:

مَنْ فَارَقَ الْجَمَاعَةَ شِبْرًا خَلَعَ رِبْقَةَ الإِسْلاَمِ مِنْ عُنُقِهِ.

"*Siapa yang meninggalkan jamaah meskipun hanya satu jengkal, sungguh ia telah melepas ikatan Islam dari lehernya*.."[306]

Dalil ini lemah, kerana yang dimaksud dengan hadis tadi, ialah orang ramai (jemaah) yang telah sepakat pendapat mereka atas seseorang imam dengan mengikatkan bai'ah (janji setia dan tunduk). Maka keluar daripada kesepakatan itu adalah melawan imam (memberontak kepada penguasa yang telah disepakati). Dan itu adalah menyalahi pendapat orang ramai dan keluar daripada orang ramai.

Perbuatan ini dilarang kerana rakyat memerlukan seorang imam yang ditaati dan yang demikian tidak akan berlaku kecuali dengan bai'ah daripada golongan yang paling banyak. Maka menyalahi bai'ah adalah tindakan yang dapat menimbulkan

[305] Diriwayatkan oleh Muslim daripada hadis Abu Hurairah.

[306] Diriwayatkan oleh Muslim daripada Abu Hurairah.

fitnah. Dengan demikian, di dalam dalil ini tidak menyinggung masaah al-uzlah (mengasingkan diri).

Dalil keempat yang dinukil adalah bahawa Nabi s.a.w. melarang untuk tidak bertemu dan bercakap kepada saudaranya sesama muslim lebih daripada tiga hari. Rasulullah s.a.w. bersabda:

مَنْ هَجَرَ أَخَاهُ فَوْقَ ثَلاَثٍ فَمَاتَ دَخَلَ النَّارَ.

"Barangsiapa tidak ada bercakap-cakap dengan saudaranya lebih daripada tiga hari, lalu dia meninggal dunia, maka dia akan masuk neraka."[307]

Dalil ini juga lemah kerana yang dimaksudkan dengan hadis tersebut ialah marah kepada orang ramai dan kedengkian kepada mereka dengan memutuskan bercakap-cakap, memutuskan memberi salam dan pergaulan yang dibiasakan. Maka tidaklah masuk ke dalamnya meninggalkan pergaulan tanpa ada kemarahan. Adapun tidak bercakap lebih daripada tiga hari itu dibenarkan pada dua keadaan: Pertama, jika tidak bercakap dengan seseorang, akan membuat orang tersebut menjadi lebih baik. Kedua, jika dia melihat adanya keselamatan ketika tidak bercakap tersebut.

Meskipun larangan tersebut bersifat umum, namun dua keadaan di atas adalah pengkhususan berdalilkan hadis yang diriwayatkan daripada Aisyah r.a. bahawa Nabi s.a.w. tidak bercakap-cakap dengan dia (Aisyah r.a.) pada bulan Zul Hijjah, bulan Muharram dan setengah bulan Safar."[308]

Dalil kelima yang dinukilkan ialah hadis Nabi s.a.w.: "Kesabaran salah seorang di antara kamu di negeri Islam yang tidak aman lebih baik berbanding beribadat selama empat puluh tahun di tempat sunyi sendirian (mengasingkan diri)."

Hadis ini membicarakan perihal masa di mana Islam berada dalam bahaya. Pada kesempatan lain, ketika sejumlah sahabat lebih suka tempat yang sunyi dan hidup sendiri di mana di tempat itu terdapat sumber air, Nabi s.a.w. bersabda: "Jangan berbuat demikian, kerana darjat salah seorang di antara kamu yang

---

[307] Diriwayatkan oeh Abu Daud daripada Abu Hurairah dengan isnad yang sahih.

[308] Diriwayatkan oleh Abu Daud daripada Aisyah.

berperang di jalan Allah lebih baik daripada ibadat selama enam puluh tahun. Apakah kamu tidak suka jika Allah mengampuni dosa kamu dan kamu masuk syurga? Maka berperanglah di jalan Allah, kerana barangsiapa yang berperang di jalan Allah meskipun hanya beberapa saat, nescaya Allah akan memasukkannya ke dalam syurga."

Dalil lainnya adalah hadis berikut ini, yakni Nabi s.a.w. bersabda: "Sesungguhnya syaitan yang ada di dalam diri manusia ibarat singa di tengah-tengah sekumpulan domba. Serigala menyerang, baik domba yang dekat mahupun yang jauh. Jangan berpecah-belah dan ikatkan diri kamu dengan persatuan umat, jamaah masjid, dan orang awam."

Hadis ini megandungi makna bahawa hidup mengasingkan diri dilarang sebelum pengetahuan seseorang sempurna. Dan akan datang keterangan yang demikian bahawa ia dilarang kecuali disebabkan sesuatu yang bersifat darurat.

2. Dalil keutamaan Uzlah (mengasingkan diri)

Mereka berdalil dengan firman Allah SWT yang menceritakan tentang Nabi Ibrahim a.s.:

وَأَعْتَزِلُكُمْ وَمَا تَدْعُونَ مِن دُونِ ٱللَّهِ وَأَدْعُواْ رَبِّى عَسَىٰٓ أَلَّآ أَكُونَ بِدُعَآءِ رَبِّى شَقِيًّا ﴿٤٨﴾

"Dan aku akan menghindar daripada kamu dan daripada apa yang kamu sembah; selain daripada Allah dan aku memohon kepada Tuhanku, mudah-mudahan aku dalam memohonkan doaku itu tiadalah menjadi orang yang tidak beruntung."

(Maryam: 48)

Kemudian Allah SWT berfirman:

فَلَمَّا ٱعْتَزَلَهُمْ وَمَا يَعْبُدُونَ مِن دُونِ ٱللَّهِ وَهَبْنَا لَهُۥٓ إِسْحَـٰقَ وَيَعْقُوبَ ۖ وَكُلًّا جَعَلْنَا نَبِيًّا ﴿٤٩﴾

"Setelah dia menghindarkan diri daripada mereka dan daripada apa yang mereka sembah selain daripada Allah itu, Kami berikan kepadanya

Ishaq dan Yaakub dan masing-masing Kami jadikan Nabi."

(Maryam: 49)

Ini mengisyaratkan bahawa yang demikian itu adalah berkat al-uzlah.

Dalil ini adalah lemah. Itu kerana berhubung (bergaul) dengan orang-orang kafir itu tidak bermanfaat selain untuk mengajak mereka kepada Islam. Adapun ketika orang-orang kafir tadi tidak menyambut perhubungan tersebut, maka tidak ada jalan selain meninggalkan (tidak ada bercakap-cakap) dengan mereka.

Dan sesungguhnya yang diperkatakan di sini ialah tentang berhubung (bergaul) dengan kaum muslimin dan keberkatan yang ada padanya. Itu kerana di dalam sebuah riwayat disebutkan bahawa seseorang pernah bertanya kepada Nabi s.a.w.: "Wahai Rasulullah! Apakah berwuduk daripada bekas yang tertutup lebih tuan sukai berbanding di tempat bersuci ini di mana orang ramai bersuci padanya?" Rasulullah s.a.w. menjawab: "Aku lebih suka bersuci di tempat-tempat orang bersuci ini kerana mengharap berkat tangan kaum muslimin."[309]

Di dalam sebuah riwayat disebutkan bahawa ketika Nabi s.a.w. telah selesai melaksanakan tawaf, Baginda lalu kembali ke sumur Zamzam untuk minum. Tiba-tiba ada kurma kering yang direndam di tempat pengumpulan makanan dan sudah dicampur-aduk oleh orang ramai dengan tangan mereka di mana mereka telah mengambil dan meminum airnya. Kemudian Nabi s.a.w. meminta minuman itu dengan bersabda: "Berikan minuman itu kepadaku."

Lalu Abbas berkata: "Sesungguhnya nabiz (buah anggur kering) ini adalah minuman yang telah dicampuradukkan oleh tangan-tangan orang ramai. Apakah tidak aku bawakan kepada tuan minuman yang lebih bersih daripada ini, iaitu: daripada kendi yang tertutup di dalam rumah?"

Nabi s.a.w. menjawab: "Berikan kepadaku minuman daripada bekas ini, yang daripadanya orang ramai minum! Aku mencari berkat tangan orang-orang muslim." Maka Nabi s.a.w. pun minum daripadanya."[310]

---

[309] Diriwayatkan oleh ath-Thabrani daripada Ibnu Amr, tetapi hadis ini dhaif.

[310] Diriwayatkan oleh al-Azraqi daripada Ibnu Abbas dengan sanad yang dha'if.

Lantas, bagaimanakah mengambil dalil dengan mengasingkan orang-orang kafir dan patung-patung berhala menjadi mengasingkan diri daripada kaum muslimin, sedangkan berkat ada pada kaum muslimin itu?

Orang-orang yang mengutamakan al-uzlah juga mengemukakan dalil berupa ucapan Musa a.s.:

وَإِن لَّمْ تُؤْمِنُوا۟ لِى فَٱعْتَزِلُونِ ﴿٢١﴾

"Dan jika kamu tidak percaya kepadaku, beruzlahlah daripadaku!"

(al-Dukhan: 21)

Sesungguhnya dia menuju kepada al-uzlah ketika berputus-asa daripada mereka itu. Dan Allah SWT berfirman tentang orang-orang yang mendiami gua (ashab al-kahfi):

وَإِذِ ٱعْتَزَلْتُمُوهُمْ وَمَا يَعْبُدُونَ إِلَّا ٱللَّهَ فَأْوُۥٓا۟ إِلَى ٱلْكَهْفِ يَنشُرْ لَكُمْ رَبُّكُم مِّن رَّحْمَتِهِۦ

"Dan ketika kamu beruzlah daripada mereka (meninggalkan mereka) dan apa yang mereka sembah, selain Allah, maka carilah tempat perlindungan ke dalam gua, nanti Tuhan kamu akan menyebarkan kurnia-Nya kepada kamu."

(al-Kahf: 16)

Tuhan menyuruh mereka untuk beruzlah. Nabi kita s.a.w. juga beruzlah (memisahkan diri) daripada orang Quraisy ketika mereka menyakiti dan memutuskan silaturahmi dengan Baginda. Baginda juga menyuruh para sahabat untuk mengasingkan diri daripada orang-orang Quraisy tersebut dan berhijrah ke negeri Habsyah (Ethiopia). Kemudian, para sahabat tadi menyusuli Nabi s.a.w. ke Madinah sesudah kalimah Allah tegak di sana. Ini juga merupakan pengasingan diri daripada orang-orang kafir sesudah merasa berputus-asa daripada orang-orang kafir tersebut.

Sesungguhnya Nabi s.a.w. tidaklah mengasingkan diri daripada kaum muslimin dan tidak daripada orang-orang kafir yang diharapkan keislamannya. Orang-orang yang menempati gua itu tidak beruzlah daripada sesama mereka, iaitu sesama orang-orang mukmin. Sesungguhnya mereka itu mengasingkan diri

daripada orang-orang kafir. Sedangkan di sini yang menjadi pembahasan ialah beruzlah daripada orang-orang muslimin. Mereka itu berdalil dengan sabda Nabi s.a.w. kepada Abdullah bin Amir al-Jahani semasa dia bertanya: "Wahai Rasulullah! Apakah yang dapat melepaskan daripada kejahatan?"

Nabi s.a.w. menjawab:

لِيَسَعْكَ بَيْتُكَ وَأَمْسِكْ عَلَيْكَ لِسَانَكَ وَابْكِ عَلَى خَطِيْئَتِكَ.

"Hendaklah rumahmu melapangkan bagimu (hendaklah kamu berdiam di rumahmu), tahanlah lidahmu atas dirimu dan menangislah di atas kesalahanmu."[311]

Di dalam sebuah riwayat disebutkan bahawa Rasulullah s.a.w. pernah ditanya: "Manusia manakah yang lebih utama?" Baginda menjawab: "Orang mukmin yang berjihad dengan jiwanya dan hartanya di jalan Allah (fi sabilillah)." Lalu ditanyakan lagi: "Kemudian, siapa?" Baginda menjawab: "Orang yang mengasingkan diri (beruzlah) ke salah satu kampung dan beribadat kepada Tuhannya dan meninggalkan manusia daripada kejahatannya."[312]

Dalam hal mengambil dalil dengan hadis-hadis tadi, hendaklah ada perhatian. Adapun sabda Nabi s.a.w. kepada Abdullah bin Amir al-Juhaini, maka tidaklah mungkin menempatkannya kecuali kepada apa yang telah dikenali oleh Nabi s.a.w. dengan nur kenabian tentang keadaannya. Tetap berdiam di rumah adalah lebih baik dan lebih menyelamatkannya daripada bercampur-baur atau bergaul dengan orang ramai. Nabi s.a.w. tidak menyuruh semua sahabatnya yang demikian.

Ramai orang yang memperoleh keselamatan dengan beruzlah, tidak dalam berhubung (bercampur-baur) sebagaimana kadang-kadang keselamatannya itu ada dalam berdiam di rumah dan tidak keluar untuk berjihad. Tetapi, ini tidak menunjukkan bahawa meninggalkan jihad adalah lebih utama. Itu kerana di dalam berhubung dengan orang ramai juga terdapat berjihad dan menanggung kepedihan.

Oleh kerana itu Nabi s.a.w. bersabda:

---

[311] Diriwayatkan oleh at-Tirmizi daripada Uqbah yang mengatakan bahawa hadis ini adalah baik (hasan).

[312] Diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim daripada Abu Said al-Khudri.

الَّذِي يُخَالِطُ النَّاسَ وَيَصْبِرُ عَلَى أَذَاهُمْ خَيْرٌ مِنَ الَّذِي لاَ يُخَالِطُ النَّاسَ وَلاَ يَصْبِرُ عَلَى أَذَاهُمْ.

"*Orang yang bercampur-baur dengan manusia dan bersabar atas kesakitan daripada mereka, adalah lebih baik daripada orang yang tidak bercampur-baur dengan manusia dan tidak bersabar atas kesakitan daripada mereka*."[313]

Di atas inilah ditempatkan sabda Nabi s.a.w.: "Orang yang beruzlah untuk beribadat kepada Tuhannya dan meninggalkan orang ramai daripada kejahatannya." Ini adalah isyarat kepada orang yang jahat budi pekertinya, yang menyakiti manusia dengan berhubung (bercampur-baur) dengan dia.

Adapun sabda Nabi s.a.w.: "Sesungguhnya Allah mengasihi orang yang bertakwa dan menyembunyikan diri," adalah isyarat kepada memilih untuk melembutkan suara dan menjaga diri daripada terkenal (asy-syuhrah). Tetapi ini tidka berkenaan dengan al-uzlah.

Maka berapa ramai rahib (pendeta) yang mengasingkan diri tetapi dikenali oleh seluruh manusia. Juga berapa ramai orang yang bercampur-baur, yang lemah suaranya (tidak banyak bersuara), tidak ada sebutan dan tidak terkenal. Maka ini adalah sesuatu yang tidak berkenaan dengan al-uzlah.

Orang-orang yang cenderung untuk mengutamakan al-uzlah berdalil dengan riwayat yang menyebutkan bahawa Nabi s.a.w. pernah bersabda kepada para sahabatnya: "Tidakkah aku beritahukan kepadamu, tentang manusia yang penuh dengan kebajikan?" Para sahabat menjawab: "Belum, wahai Rasulullah!"

Lantas Baginda menunjuk dengan tangannya ke arah matahari terbenam dan bersabda: "Orang yang mengambil kekang kudanya (mengenderai kuda) fi sabilillah, yang menunggu untuk menyerang atau diserang. Tidakkah aku beritahukan kepadamu, manusia yang penuh dengan kebajikan sesudah itu?" Lantas Baginda menunjuk dengan tangannya ke arah negeri Hijaz dan bersabda: "Orang yang dalam kawanan kambingnya masih menegakkan solat, menyerahkan zakat

[313] Diriwayatkan oleh at-Tirmidzi dari Ibnu Majah dan daripada Ibnu Umar.

dan mengetahui hak Allah pada hartanya, mengasingkan diri daripada kejahatan manusia."[314]

Apabila telah jelas bahawa dalil-dalil daripada kedua belah pihak tadi tidak mengandungi jawapan yang tegas, maka hendaklah dilakukan penyimpulan faedah-faedah al-uzlah dan mudarat-mudaratnya lantas membandingkan sebahagiannya dengan sebahagian yang lain supaya jelas mana yang benar.

B. Manfaat Uzlah, bahaya serta keutamaannya

Ketahuilah bahawa perbezaan pendapat tentang ini menyerupai perbezaan pendapat tentang keutamaan nikah dan membujang (tidak berkahwin). Kami telah terangkan bahawa hukumnya menjadi berbeza dengan wujudnya perbezaan keadaan dan peribadi berkenaan sebagaimana yang telah kami huraikan sebelumnya berkaitan dengan bahaya-bahaya perkahwinan dan faedah-faedahnya.

Uzlah mungkin baik bagi sebahagian orang tetapi mungkin juga buruk bagi sebahagian yang lain. Kebaikan atau keutamaan hidup mengasingkan diri antara lain ialah dapat melakukan ibadat kepada Allah lebih fokus, mendalam, khusyuk, memperoleh kesempatan lebih banyak untuk merenung atau bertafakur berkenaan agamanya, dan terbebas daripada dosa seperti riyak, mengumpat (ghibah), berkawan dan bersahabat dengan para pelaku dosa dan maksiat.

Adapun kebaikan daripada segi dunia adalah bahawa seseorang dapat mengerjakan urusan-urusan dunianya dengan hati damai. Oleh itu, ada enam keutamaan dan kebaikan hidup mengasingkan diri daripada keramaian dunia, iaitu:

1. Kesempatan untuk beribadat dan merenung kebesaran Allah

Seseorang dapat memperoleh kesempatan cukup besar untuk beribadat kepada Allah SWT dan merenungkan kebesaran-Nya. Tafakur yang paling besar ialah bertafakur merenungkan masalah ketuhanan, iaitu bertafakur tentang keagungan ciptaan Allah SWT dan tentang keperkasaan dan kekuasaan-Nya. Jika seseorang hidup dalam masyarakat, maka kesempatan baik tersebut tidak mungkin diperoleh secara mudah.

---

[314] Diriwayatkan oleh ath-Thabrani daripada Ummu Mubasysyir.

Sebahagian ahli hikmah mengatakan bahawa mustahil seseorang hidup menyendiri kecuali dia berpegang teguh pada Kitabullah. Orang yang berpegang teguh pada Kitabullah adalah orang yang merasa tenteram dengan dunia material dan spiritual. Mereka yang selalu ingat kepada Allah akan hidup dalam zikir kepada-Nya dan menemui Allah di dalam zikir kepada-Nya. Oleh itu, Rasulullah s.a.w. pada masa awal kenabiannya suka mengasingkan diri (bertafakkur) di Gua Hira.

Meskipun jasad Baginda hidup bersama orang lain, tetapi hati Baginda selalu berzikir kepada Allah SWT. Junaid al-Baghdadi berkata: "Selama tiga puluh tahun terakhir, aku bercakap-cakap secara rahsia dengan Allah, tetapi orang menganggap aku bercakap dengan mereka."

Seorang ahli hikmah ditanya: "Bagaimana engkau bersabar dalam kesendirian?" Dia menjawab: "Aku tidak sendirian, Allah-lah sahabatku. Apabila aku ingin bercakap secara rahsia dengan-Nya, maka aku bermunajat kepada-Nya dan melaksanakankan solat."

Seorang ahli hikmah ditanya: "Apakah kebaikan yang kamu perolehi dalam zuhud terhadap dunia?" Dia menjawab: "Cinta kepada Allah."

Sufyan bin Uyainah berkata: "Aku bertemu dengan Ibrahim bin Adham r.a. di negeri Syam. Lalu aku berkata kepadanya: "Wahai Ibrahim! engkau telah meninggalkan Khurasan". Ibrahim bin Adham r.a. menjawab: "Aku tidak memperoleh ketenteraman hidup kecuali di sini. Aku lari bersama agamaku dari bukit ke bukit."

Orang menanyakan Ghazwan ar-Raqqasyi: "Mengapakah engkau tidak tertawa? Apakah yang melarang kamu daripada duduk-duduk bersama teman-temanmu?" Ghazwan ar-Raqqasyi menjawab: "Sesungguhnya aku memperoleh ketenangan hati duduk-duduk dengan Tuhan Yang Maha Agung yang pada-Nya terdapat keperluanku."

Suatu ketika Hasan Basri bertanya kepada seorang ahli hikmah: "Apa yang menghalang anda daripada berhubung dengan masyarakat?" Si sufi menjawab: "Tidak ada waktu di mana aku tidak berada di antara nikmat dan melakukan perbuatan dosa. Aku tetap sibuk dengan nikmat Allah untuk mengungkapkan rasa syukur kepada-Nya dan mengharapkan keampunan daripada-Nya disebabkan perbuatan dosaku."

Al-Fudlail berkata: "Apabila aku melihat malam datang di hadapanku, maka aku bergembira dan berkata: "Aku akan berkhulwah (berdua-duaan) dengan Tuhanku. Dan apabila aku melihat pagi mendapati aku, nescaya kembalilah kebencianku berjumpa dengan orang ramai kerana akan datang kepadaku orang-orang yang mengganggguku dalam berhubung dengan Tuhanku."

Abdullah bin Zaid berkata: "Amat baiklah orang yang hidup di dunia dan hidup di akhirat!" Maka orang bertanya kepadanya: "Bagaimanakah yang demikian itu?" Abdullah bin Zaid menjawab: 'Bermunajat dengan Allah di dunia dan bermujawarah (berjiran) dengan Allah di akhirat.'

Zun nun al-Mishri berkata: "Kegembiraan dan kesenangan seorang Mukmin terletak pada zikir kepada Tuhannya."

Berkata Ibnu Al-Mubarak: "Alangkah baiknya keadaan orang yang memutuskan hubungan dengan yang lain untuk berhubungan dengan Allah SWT."

Diriwayatkan daripada sebahagian orang-orang soleh yang mengatakan: "Ketika aku sedang berjalan di sebahagian negeri Syam (Syria), tiba-tiba aku berjumpa dengan seorang 'abid (orang yang sentiasa beribadat kepada Allah Ta'ala) keluar dari bukit-bukit tersebut. Ketika dia memandang ke arahku, dia segera menepi ke balik sebatang kayu dan menutupi dirinya dengan batang kayu itu.

Aku pun berkata: "Subhanallah (Maha Suci Allah)! Engkau kikir kepadaku untuk memandang kepadamu."

'Abid itu menjawab: "Wahai saudara! Sesungguhnya aku telah menetap di bukit ini dalam masa yang lama. Aku mengubati hatiku dalam bersabar terhadap dunia dan penduduknya. Maka dalam yang demikian itu kepayahanku sudah berlangsung lama dan telah lenyaplah umurku padanya. Aku bermohon kepada Allah agar Dia tidak menjadikan bahagianku daripada hari-hari kehidupanku dalam mujahadah kalbuku. Maka Allah menenteramkannya daripada keguncangan dan menjinakkannya dalam kesendirian."

Tambahnya lagi: "Oleh itu, ketika aku memandang kepadamu, aku takut jika aku terjatuh dalam urusan yang dahulu aku alami. Biarlah kamu jauh daripada aku dan aku berlindung daripada kejahatanmu dengan Tuhan segala manusia yang berma'rifah dan kecintaan setiap orang yang berdoa." Kemudian dia memalingkan wajahnya daripadaku.

Kemudian, dia menggerakkan kedua tangannya dan berkata: "Biarlah engkau jauh daripadaku, wahai dunia, untuk orang selain aku. Maha Suci Tuhan yang memberikan lazatnya perkhidmatan ke dalam hati orang-orang yang berma'rifah dan manisnya bersendirian dalam menemani-Nya! Dia tidak melalaikan hati mereka daripada mengingati syurga dan bidadari yang cantik-cantik. Dia mengumpulkan cita-cita mereka untuk mengingati-Nya. Maka tidak ada satu pun yang lebih lazat pada mereka selain bermunajah dengan Dia."

Kemudian 'abid itu meneruskan ucapannya: "Quddusun - Quddusun (Dia Maha Qudus - Dia Maha Qudus)." Jadi, dalam ber-khalwat 'abid tersebut berjinak-jinakan dengan berzikir kepada Allah dan membanyakkan mengenali (ma'rifah) Allah."

Seorang ahli hikmah berkata: "Cinta pada manusia adalah tanda kerugian (muflis) dalam agama."

2. Terselamat daripada berbuat dosa

Seseorang dapat terlepas daripada dosa yang dilakukan dalam hidup bermasyarakat ialah dengan mengambil sikap hidup mengasingkan diri. Dosa yang dilakukan dalam hidup bermasyarakat terbahagi menjadi empat:

Pertama: Mengumpat (ghibah) dan mendengar umpatan (terlibat dalam ghibah).

Kedua: Tidak melakukan amar makruf (menyuruh kepada kebaikan) dan nahi munkar (mencegah kejahatan).

Ketiga: Beramal atau melakukan perbuatan, sama ada kerana pamer kepada orang lain atau riyak.

Keempat: Membiarkan perilaku buruk serta perbuatan jahat.

Selain orang yang siddiq, maka tidak seorang pun yang dapat selamat daripada mengumpat dan memfitnah. Jika anda bercampur-baur dengan orang ramai dan anda menyetujui perbuatan mereka, nescaya anda berdosa dan anda mendatangi kemarahan Allah Ta'ala. Tetapi jika anda berdiam diri, nescaya anda adalah sekutu mereka. Orang yang mendengar menjadi seorang daripada orang-orang yang mengupat. Jika anda membantah, nescaya mereka marah kepada anda.

Mereka meninggalkan orang yang diumpati itu lalu mereka mengumpat anda. Maka mereka menambahkan umpatan kepada umpatan.

Adapun amar-makruf dan nahi-munkar, adalah setengah daripada pokok-pokok agama. Dan adalah suatu kewajipan sebagaimana akan datang penjelasannya di akhir bab ini.

Barangsiapa bercampur-baur dengan manusia, maka dia tidak dapat terlepas daripada menyaksikan kemunkaran-kemunkaran. Kalau dia diam, maka dia menderhakai Allah dan kalau dia mencegahnya, nescaya akan mendatangkan pelbagai kesukaran untuk dirinya. Maka dengan uzlah, seseorang akan terlepas daripada dosa-dosa tersebut.

Abu Bakar r.a. pernah berkata di dalam sebuah khutbahnya: “Wahai manusia, sesungguhnya kamu memerlukan ayat ini:

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ عَلَيْكُمْ أَنفُسَكُمْ ۖ لَا يَضُرُّكُم مَّن ضَلَّ إِذَا ٱهْتَدَيْتُمْ ۚ

“Wahai orang-orang yang beriman, jagalah diri kamu, tiadalah orang yang sesat itu akan memberi mudarat kepada kamu apabila kamu telah mendapat petunjuk.”

(al-Ma’idah: 105)

Dan kamu tidak menerapkan ayat tersebut pada tempat yang seharusnya. Sesungguhnya aku telah mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda:

إِذَا رَأَى النَّاسُ الْمُنْكَرَ فَلَمْ يُغَيِّرُوْهُ أَوْشَكَ أَنْ يَعُمَّهُمُ اللهُ بِعِقَابٍ.

”Apabila manusia melihat yang munkar lalu tidak merubahkannya, nescaya hampirlah mereka itu diratakan oleh Allah dengan seksaan.”[315]

Rasulullah s.a.w. juga bersabda: “Allah akan bertanya kepada hamba-Nya, bahkan Dia akan mengajukan soalan berikut: ‘Jika kamu melihat kemunkaran, mengapa kamu tidak berusaha untuk mencegahnya?’ Ketika Allah memberikan bukti, hamba itu akan berkata: ‘Ya Allah, aku takut kepada manusia tetapi aku mengharapkan keampunan-Mu.“

[315] Diriwayatkan oleh at-Tirmizi dan lain-lain. Dia mengatakan bahawa hadis ini hasan sahih.

Ini jika dia takut akan pukulan atau perintah yang tidak disanggupinya. Sedangkan batas-batas yang demikian itu adalah sukar dan mengandungi kesukaran. Maka dengan beruzlah (mengasingkan diri) seseorang dapat melepaskan diri daripada keadaan ini. Itu kerana amar-makruf dan nahi-mungkar dapat mengobarkan permusuhan dan menimbulkan marabahaya bagi hati.

Orang yang mencuba beramar-makruf biasanya menyesal. Amar-makruf itu adalah seperti dinding yang miring, lalu ada orang yang bermaksud untuk meluruskannya. Maka hampirlah dinding itu jatuh menimpa dirinya. Apabila jatuh menimpa dirinya, maka dia akan berkata: "Sekiranya aku tinggalkan dinding itu dalam keadaan miring!"

Jika dia memperoleh penolong-penolong yang dapat memegang dinding itu sehingga dia boleh mengukuhkannya dengan tiang, maka dinding itu akan lurus. Tetapi sekarang ini, kamu tidak akan memperoleh penolong-penolong itu. Oleh itu, tinggalkanlah mereka dan berlepas dirilah kamu dengan dirimu sendiri.

Adapun riyak adalah penyakit yang menyusahkan dan sukar bagi wali-wali dan pemuka-pemuka agama untuk menjaga diri daripadanya. Tiap-tiap orang yang bercampur-baur dengan manusia, nescaya dia akan berlemah-lembut dengan mereka. Dan orang yang berlemah-lembut itu berbuat riyak dengan mereka. Lantas orang yang berbuat riyak dengan mereka akan terjatuh ke dalam sesuatu yang mereka jatuh ke dalamnya sehingga binasalah dia sebagaimana mereka itu binasa. Oleh itu, sekurang-kurangnya yang harus padanya ialah sifat nifaq (sifat bermuka dua).

Sesungguhnya jika anda bercampur-baur dengan dua orang yang bermusuh-musuhan dan anda tidak menemukan cara yang sesuai dengan masing-masing daripada keduanya, nescaya anda akan dimarahi oleh kedua-duanya. Tetapi jika anda berusaha untuk menilai benar kedua-duanya (bermuka dua), nescaya anda termasuk orang yang jahat.

Nabi s.a.w. bersabda:

تَجِدُوْنَ مِنْ شَرَارِ النَّاسِ ذَا الْوَجْهَيْنِ يَأْتِي هَؤُلاَءِ بِوَجْهٍ وَهَؤُلاَءِ بِوَجْهٍ.

"Engkau mendapati daripada manusia yang jahat itu orang yang bermuka dua. Dia datang kepada orang-orang ini begini dan kepada

orang-orang itu begitu."[316]

Nabi s.a.w. bersabda:

إِنَّ مِنْ شَرِّ النَّاسِ ذَا الْوَجْهَيْنِ يَأْتِي هَؤُلاَءِ بِوَجْهٍ وَهَؤُلاَءِ بِوَجْهٍ.

"Sesungguhnya termasuk manusia yang jahat ialah orang yang bermuka dua. Dia datang kepada orang-orang ini begini dan kepada orang-orang itu begitu."[317]

Ketika al-Fudlail duduk sendirian di dalam Masjidil Haram, saudaraya datang kepadanya. Lantas beliau bertanya: "Apakah yang menyebabkan kamu datang ke mari?" Saudaranya menjawab: "Untuk menjinak-jinakan hati, wahai Abu Ali."

Al-Fudlail (Abu Ali) menjawab: "Wahai kiranya, berjinak-jinakan itu adalah lebih menyerupai dengan berliar-liaran hati! Adakah yang kamu kehendaki selain menghias aku (dengan kata-kata) dan aku menghias kamu dengan perkara yang sama? Kamu berdusta untukku dan aku berdusta untukmu. Kemudian kamu bangkit meninggalkan aku atau aku yang bangkit meninggalkan kamu?"

Ketika Thaus masuk ke tempat Khalifah Hisyam dan bertanya: Bagaimana keadaanmu wahai Hisyam?", maka Hisyam marah kepadanya dan berkata: "Mengapa kamu tidak memanggilku dengan Amirul Mukminin?" Thaus menjawab: "Disebabkan semua kaum muslimin tidak bersetuju ke atas kekhalifahanmu, maka aku takut aku menjadi seorang pendusta dengan memanggilmu demikian."

Orang yang dapat menjaga dirinya, hendaklah dia bercampur-baur dengan manusia. Tetapi jika tidak, maka hendaklah dia bersetuju untuk dicantumkan namanya dalam senarai orang-orang munafik.

Diriwayatkan daripada Ibnu Umar r.a. bahawa ketika sampai kepadanya berita bahawa Husain r.a. bertolak menuju Irak, Ibnu Umar menyusulnya sehingga mereka bertemu sesudah perjalanan tiga hari. Ibnu Umar lalu bertanya kepada Husain: "Ke mana kamu akan pergi?" Husain menjawab: "Ke Irak!" Ketika itu Husain membawa serta lembaran-lembaran keterangan dan surat-surat.

---

[316] Diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim daripada Abu Hurairah.

[317] Diriwayatkan oleh Muslim daripada Abu Hurairah.

Lantas Husain menyambung ucapannya: “Inilah surat-surat dan sumpah setia (bai’ah) mereka!” Ibnu Umar menjawab: “Janganlah kamu memandang kepada surat-surat mereka dan janganlah kamu datang kepada mereka!” Tetapi Husain enggan menerima nasihat Ibnu Umar.

Kemudian Ibnu Umar berkata: “Aku akan jelaskan kepadamu sebuah hadis yang menyebutkan bahawa pada suatu ketika Jibril datang kepada Nabi s.a.w. dan dia menyuruh Nabi s.a.w. untuk memilih antara dunia dan akhirat. Maka Nabi s.a.w. memilih akhirat berbanding dunia. Adapun kamu adalah sepotong daging daripada tubuh Rasulullah s.a.w.” Tetapi Husain enggan untuk kembali. Maka Ibnu Umar memeluk Husain dan menangis tersedu-sedu sambil berkata: “Aku serahkan kamu kepada Allah sama ada ketika kamu terbunuh atau tertawan!”

Ketika seseorang menyaksikan dosa besar orang lain dalam masa yang ama, nescaya dia akan memandang remeh segala dosa kecil yang ada pada dirinya sendiri. Oleh itu, orang yang selalu melihat orang kaya akan memandang kecil nikmat Allah yang ada padanya sehingga duduk bersama orang kaya membuat seseorang memandang kecil apa yang ada padanya. Demikian juga sebaliknya, duduk-duduk brsama orang fakir dan miskin akan membuatnya menganggap besar nikmat yang dikurniakan kepadanya.

Begitu juga melihat orang-orang yang taat dan orang yang melakukan maksiat. Ini akan meninggalkan kesan bagi watak seseorang. Maka orang yang memusatkan penglihatannya kepada keadaan para sahabat dan tabiin dalam beribadat dan membersihkan diri daripada dunia, nescaya dia akan sentiasa memandang kecil ibadatnya sendiri. Selama dia melihat dirinya itu lalai, maka dia tidak terlepas daripada panggilan kesungguhan kerana menginginkan penyempurnaan dengan mengikuti jejak para sahabat dan tabi’in tersebut.

Orang yang melihat keadaan yang banyak berlaku di dalam masyarakat zamannya berupa keberpalingan mereka daripada Allah, mengutamakan dunia dan biasa mengerjakan perbuatan maksiat, nescaya orang itu akan memandang besar dirinya sendiri dengan sedikit kebaikan yang gemar dia lakukan dan dia jumpai di dalam hatinya.

Adapun yang demikian itu adalah kebinasaan kerana hanya semata-mata mendengar kebajikan atau kejahatan, maka ia sangat berkesan untuk dapat merubah watak seseorang, apatah lagi menyaksikannya.

Dengan pengertian yang halus ini, dapat diketahui rahsia sabda Nabi s.a.w.:

عِنْدَ ذِكْرِ الصَّالِحِيْنَ تَنْزِلُ الرَّحْمَةُ.

"Dalam penyebutan tentang orang-orang soleh itu akan turun rahmat."[318]

Sesungguhnya rahmat itu berupa masuk syurga dan bertemu dengan Allah. Tetapi bukan itu yang turun ketika menyebutkannya, kerana yang turun ialah sebabnya. Iaitu membangkitnya kegemaran hati dan keinginan untuk mengikuti orang-orang soleh tersebut serta mencegahnya daripada riyak dan kelalaian.

Permulaan rahmat ialah berbuat kebajikan dan permulaan berbuat kebajikan ialah kegemaran. Sedagkan permulaan kegemaran ialah menyebutkan tentang hal-ehwal orang-orang soleh. Maka inilah erti turunnya rahmat.

Apabila ini yang berlaku dalam penyebutan orang-orang soleh dan orang-orang fasiq, maka bagaimana menurut anda jika seseorang menyaksikan mereka? Rasulullah s.a.w. bersabda:

مَثَلُ الْجَلِيْسِ السُّوْءِ كَمَثَلِ الْكِيْرِ إِنْ لَمْ يَحْرِقْكَ بِشَرَرِهِ عَلَّقَ بِكَ مِنْ رِيْحِهِ.

"Teman duduk yang jahat adalah seumpama tungku api tukang besi. Jika tungku api itu tidak membakarmu dengan percikan apinya, nescaya angingnya (bahang panasnya) akan melekat padamu."[319]

Maka sebagaimana angin itu melekat pada kain tanpa disedari oleh orang itu, demikian pula halnya kerosakan masuk ke dalam hati tanpa disedari. Nabi s.a.w. juga bersabda:

مَثَلُ الْجَلِيْسِ الصَّالِحِ مِثْلُ صَاحِبِ الْمِسْكِ إِنْ لَمْ يَهِبْ لَكَ مِنْهُ تَجِدْ رِيْحَهُ.

"Teman duduk yang soleh adalah seumpama orang yang mempunyai kesturi.

---

[318] Menurut al-Iraqi, ini bukan hadis tetapi ucapan Sufyan bin Uyaynah.

[319] Diriwayatkan Al-Bukhari dan Muslim daripada Abu Musa.

Jika dia tidak memberikan kepadamu sebahagian daripada kesturinya, nescaya kamu akan memperoleh keharumannya."

Oleh itu, aku katakan bahawa barangsiapa yang mengetahui sebuah kesilapan daripada seorang yang berilmu, maka dia tidak boleh menceritakannya disebabkan dua perkara:

Pertama: Bahawa menceritakan itu sama dengan mengumpat.

Kedua: Bahawa menceritakannya itu menimbulkan kesan mudah pada para pendengar kesilapan itu sehingga terhapus dari hati mereka rasa beratnya mengerjakan kesilapan itu. Jika sudah semikian, maka mereka akan mudah melakukan perbuatan maksiat tadi. Jika dia yakin bahawa perbuatan yang seperti itu tidak akan dilakukan oleh seorang ulama dan seseorang yang memperoleh taufik, nescaya sukarlah baginya tampil dengan alasan tadi.

Hendaklah anda memperhatikan dengan baik penjelasan ini dan larilah daripada manusia sebagaimana larinya anda daripada singa! Itu kerana anda tidak akan menyaksikan daripada manusia itu selain perkara-perkara yang menambahkan ketamakanmu terhadap dunia dan melalaikanmu daripada akhirat. Membuat kamu mudah melakukan maksiat dan melemahkan kegemaranmu terhadap ketatan.

Jika kamu memperoleh seorang teman yang mengingatkan kamu kepada Allah dengan melihat wajahnya dan perjalanan hidupnya, maka rapatilah dan janganlah kamu berpisah dengannya! Rampaslah hatinya dan janganlah kamu memandang hina kepadanya! Sebab inilah rampasan yang baik bagi orang yang berakal dan orang mukmin.

Yakinlah bahawa teman yang soleh itu lebih baik daripada sendirian dan sendirian itu lebih baik daripada teman yang jahat. Ketika anda telah memahami segala pengertian ini dan anda memerhatikan perwatakan anda dan anda menoleh kepada keadaan orang yang anda kehendaki bercampur-baur dengannya, nescaya tidak tersembunyi bagi anda bahawa yang lebih utama ialah menjauhkan diri daripada orang itu dengan mengasingkan diri (uzlah).

Berhati-hatilah dalam mengutamakan secara mutlak antara uzlah atau bercampur-baur. Itu kerana tiap-tiap daripada keduanya memerlukan penghuraian. Maka mengatakan secara mutlaq perkara ini dengan tidak atau ya adalah menyalahi daripada perkataan itu sendiri semata-mata. Dan tidaklah benar pada yang

memerlukan kepada huraian, melainkan dengan huraian.

3. Membebaskan diri daripada perselisihan

Membebaskan diri daripada pertengkaran dan perselisihan serta menyelamatkan diri daripada percakapan yang tidak berguna dan sia-sia. Rasulullah s.a.w. bersabda: "Apabila kamu menyaksikan manusia yang ingkar janji dan amanah yang dipercayakan kepada mereka dan apabila mereka kemudian menjadi begini (Baginda memasukkan jari-jari satu tangan ke dalam jari-jari tangan lainnya), maka mereka akan sibuk dengan pertengkaran dan perselisihan."

Seseorang kemudian bertanya: "Lalu apa yang harus kami lakukan, wahai Rasulullah?" Jawab Baginda: "Tetaplah berada di rumah kamu, jaga lidah kamu baik-baik dan ambil apa yang kamu ketahui dan tinggalkan apa yang tidak kamu ketahui. Oleh itu, tetap sibuklah dengan urusan kamu sendiri dan tinggalkan urusan orang ramai."

Rasulullah s.a.w. bersabda: "Sebaik-baik harta kekayaan seorang muslim pada suatu masa (yang tidak akan lama lagi datang) adalah kambing dan biri-biri. Dia akan berkeliaran di gua-gua dan perbukitan. Dia akan berpindah dari satu tempat ke tempat lain untuk menyelamatkan agamanya daripada fitnah dan bencana."

Abdullah bin Mas'ud meriwayatkan bahawa Nabi s.a.w. bersabda: "Akan datang kepada manusia suatu masa, di mana bagi orang yang beragama tidak akan selamat agamanya, selain orang yang lari dengan agamanya dari kampung ke kampung, dari dataran tinggi ke dataran tinggi dan daripada batu ke batu, seperti pelanduk yang pergi ke sana ke mari."

"Lalu ada yang menanyakan kepada Nabi s.a.w.: "Bilakah yang demikian itu berlaku, wahai Rasulullah?" Nabi s.a.w. menjawab: "Apabila kehidupan itu tidak diperoleh kecuali dengan perbuatan maksiat kepada Allah SWT, maka apabila masa itu tiba, nescaya halallah membujang (tidak berkahwin)."

Mereka lantas bertanya lagi: "Bagaimanakah yang demikian itu, wahai Rasulullah, sedangkan tuan menyuruh kami berkahwin?" Nabi s.a.w. menjawab: "Apabila masa itu tiba, kebinasaan seseorang itu ada di tangan ibu bapanya. Jika dia tidak memiliki ibu bapa, maka ada pada kedua tangan isteri dan anaknya. Jika itu juga tidak ada, maka pada kedua tangan keluarganya."

Mereka juga bertanya: “Bagaimanakah yang demikian itu, wahai Rasulullah?” Nabi s.a.w. menjawab: “Mereka menghinakannya dengan menyempitkan tangan (tidak mahu memberikan). Lalu terpaksalah dia mengerjakan pekerjaan berat yang tidak disanggupinya sehingga yang demikian itu mendatangkannya ke tempat-tempat kebinasaan.”[320]

Hadis ini, walaupun mengenai persoalan membujang, tetapi pengasingan diri (uzlah) dapat difahami daripadanya. Itu kerana orang yang berkeluarga tidak dapat menyingkirkan diri daripada kehidupan bercampur-baur. Kemudian, dia tidak akan memperoleh kehidupan itu kecuali dengan berbuat maksiat kepada Allah SWT. Dan tidaklah aku mengatakan bahawa inilah masanya zaman itu. Sesungguhnya masa itu telah ada pada beberapa zaman sebelum masa yang sekarang ini.

Ulama Sufi, Sufyan al-Tsauri berkata: “Demi Allah, sudah tiba masanya untuk beruzlah yang dihalalkan.” Sa’ad bin Abu Waqqas tidak mahu bergabung dengan kumpulan Muawiyah atau Ali ketika mereka berperang disebabkan masalah kekhalifahan. Dikisahkan bahawa ketika al-Husain bin Ali r.a. beserta rombongannya berada di dalam perjalanan menuju Irak, Ibnu Umar mencegah cucu Rasulullah itu pergi ke Irak. Tetapi al-Husain bin Ali tidak mahu kembali dengan pertimbangan bahawa orang Irak sudah bersumpah setia kepadanya dan akan berdiri di belakangnya (melantiknya sebagai khalifah) untuk melawan kekhalifahan Yazid yang tidak sah.

Ibnu Umar kemudian membacakan sebuah hadis Rasulullah s.a.w.: “Suatu kali Jibril a.s. datang kepada Rasulullah s.a.w. dan menawarkan kepada beliau untuk memilih salah satu dari dua pilihan, iaitu dunia ini atau akhirat kelak, dan Rasulullah s.a.w. pun memilih yang terakhir. Ya Husain, engkau adalah kucuran darah dan potongan daging Rasulullah s.a.w., demi Allah, tidak seorang pun di antara kamu yang akan menjadi penguasa dunia materi yang telah terpisahkan darimu.”

Meskipun telah mendengar nasihat seperti itu, Husain tidak mahu kembali. Ketika perang berkecamuk, hanya kurang daripada 40 orang yang bersamanya daripada sepuluh ribu orang Irak yang berbai’at kepadanya.

[320] Hadis ini sudah diterangkan dulu di dalam bab nikah.

4. Menyelamatkan diri daripada cercaan orang lain

Beruzlah untuk mengasingkan diri dapat menyelamatkan diri daripada gangguan atau cercaan orang lain. Umar bin al-Khattab r.a. berkata: "Kesendirian lebih baik daripada sahabat yang buruk perilakunya." Ibnu al-Samad berkata, salah seorang sahabat kami berkata: "Manusia ibarat ubat yang dengannya mereka menyembuhkan penyakit. Manusia kini telah berubah menjadi penyakit yang tidak lagi ada penawar baginya. Oleh itu, larilah daripada manusia sebagaimana kamu lari dari singa."

Al-Hasan al-Bashri berkata: "Tsabit al-Banani adalah wali Allah. Ketika aku berniat naik haji, dia ingin menyertaiku. Kemudian aku berkata: "Apabila kita tinggal bersama-sama, maka boleh jadi ada beberapa perilaku di antara kita yang mungkin menyebabkan kita saling membenci."

Kebaikan hidup mengasingkan diri akan disebutkan di sini. Kesendirian dapat menjaga diri dalam perkara agama, keperibadian, akhlak dan perilaku, kemiskinan dan keadaan-keadaan internal yang ada. Allah Azza wa Jalla memuji orang yang dapat menjaga diri dengan firman-Nya:

يَحْسَبُهُمُ ٱلْجَاهِلُ أَغْنِيَآءَ مِنَ ٱلتَّعَفُّفِ

"Orang yang tidak tahu menyangka mereka orang kaya kerana memelihara diri dari meminta-minta." (al-Baqarah: 273)

Abu al-Darda' r.a. juga pernah berkata: "Dahulu manusia boleh diibaratkan seperti daun yang tidak berduri. Tetapi sekarang, ia adalah duri yang tidak berdaun." Itu brlaku pada abad pertama Hijriah, lalu betapa buruknya keadaan sekarang ini! Sufyan bin Uyainah berkata: "Sufyan al-Tsauri berkata kepadaku sama ada semasa dia hidup mahupun setelah wafatnya, iaitu di dalam mimpiku: "Kurangkanlah berkenalan dengan orang ramai kerana akan sukar bagimu untuk melepaskan diri daripada mereka."

Latas muncul pemikiran di dalam benakku bahawa dosa-dosa yang aku lakukan adalah disebabkan oleh pergaulanku dengan orang ramai." Seseorang lantas bertanya kepadanya: "Mengapa kamu menjauhkan diri daripada masyarakat?" Dia menjawab: "Aku takut jika aku tercabut daripada agamaku tanpa aku sedari."

Abu Darda' berkata: "Bertakwalah kepada Allah dan takutlah kepada manusia, kerana manusia suka menaiki unta tetapi menyebabkan luka terhadapnya

dan mereka menunggang kuda, namun memecutnya dan mereka banyak mencederai hati dan jiwa seorang mukmin."

Sebahagian ulama berkata: "Jangan terlalu banyak berkenalan dengan manusia, supaya agama dan hatimu akan tetap selamat dan kewajipanmu terhadap mereka tidak terlalu banyak. Lebih banyak kenalan bererti lebih banyak kewajipan terhadap mereka."

5. Supaya tidak bergantung kepada orang ramai

Putusnya harapan orang ramai ke atas kita dan putusnya harapan kita kepada orang ramai kerana mustahil memperoehi kerelaan orang ramai dan memuaskan keinginan mereka. Oleh itu, lebih baik terus dan tetap sibuk membaguskan akhlak dan perilaku serta meningkatkan amal sendiri. Imam al-Syafi'i pernah berkata: "Berbuat baik kepada pelaku maksiat adalah pangkal daripada setiap permusuhan. Apabila seseorang sejak awal melihat bahawa dunia hanyalah hiasan, maka sifat rakus atau serakah terhadap dunia mustahil tumbuh di dalam dirinya."

Oleh itu, Allah SWT berfirman:

وَلَا تَمُدَّنَّ عَيْنَيْكَ إِلَىٰ مَا مَتَّعْنَا بِهِۦٓ أَزْوَٰجًا مِّنْهُمْ

"Dan janganlah kamu tujukan kedua matamu kepada apa yang telah Kami berikan kepada golongan-golongan dari mereka."

(Taha: 131)

Rasulullah s.a.w. bersabda:

اُنْظُرُوْا إِلَى مَنْ هُوَ دُوْنَكُمْ وَلاَ تَنْظُرُوْا إِلَى مَنْ هُوَ فَوْقَكُمْ فَإِنَّهُ أَجْدَرُ أَنْ لاَ تَزْدَرُوْا نِعْمَةَ اللهِ عَلَيْكُمْ.

"Lihatlah kepada orang yang lebih miskin berbanding kamu dan janganlah melihat kepada orang yang lebih kaya daripada kamu .Dengan demikian ,kamu akan sentiasa mensyukuri nikmat Allah ke atasmu[321] *".*

[321] Diriwayatkan oleh Muslim dari Abu Hurairah.

Aun bin Abdullah berkata: “Aku dahulu suka duduk-duduk bersama orang kaya. Aku melihat pakaian mereka lebih bagus daripada pakaianku, kenderaan mereka lebih baik daripada kenderaanku. Kemudian aku suka duduk-duduk bersama orang miskin, maka hatiku menjadi tenteram.”

Diceritakan bahawa al-Mazani r.a. keluar daripada pintu masjid Jamik al-Fusthat lantas datanglah di hadapannya Ibnu Abdul Hakam dalam rombongannya. Maka al-Mazani tercegang dengan apa yang dilihatnya daripada kebagusan keadaan dan bentuknya daripada rombongan itu. Lalu beliau membaca firman Allah SWT:

وَجَعَلْنَا بَعْضَكُمْ لِبَعْضٍ فِتْنَةً أَتَصْبِرُونَ ۗ

“Dan Kami jadikan sebahagian kamu menjadi ujian kepada yang lain. Sabarkah kamu?”

(al-Furqan: 20)

Kemudian al-Mazani berkata: “Ya, sabar dan rela”. Dan adalah Al-Mazani seorang miskin yang sedikit sekali mempunyai harta. Maka orang di dalam rumahnya tidaklah mendapat cubaan seperti cubaan-cubaan ini.

Maka sesungguhnya orang yang menyaksikan perhiasan dunia, ada kalanya membuat agama dan keyakinannya kuat, lalu dia bersabar. Maka dia perlu meneguk kepahitan sabar, dan itu lebih pahit daripada sabar itu sendiri. Atau membangkitkan keinginannya sehingga dia berusaha sekuat tenaga untuk mencari dunia. Maka binasalah dia untuk selama-lamanya.

6. Aman daripada kejahatan orang jahil

Jika orang yang bodoh dan orang yang perangainya buruk mengambil kehidupan uzlah, maka masyarakat akan aman daripada kebodohan dan keburukan perangainya. Bertemu dengan orang bodoh ibarat kehilangan penglihatan. Al-A’masy pernah ditanya: “Bagaimana kamu kehilangan penglihatanmu?” Dia menawab: “Kerana memandang orang yang buruk perangainya.”

Pada suatu ketika, Abu Hanifah datang kepada al-A’masy dan berkata: “Rasulullah s.a.w. bersabda: ‘Apabila Allah mencabut penglihatan kedua mata seseorang, maka sebagai gantinya Dia akan memberinya sesuatu yang lebih baik daripada penglihatan tersebut. Apakah yang akan diberikan Allah kepadamu sebagai ganti penglihatanmu yang hilang itu?” Al-A’masy berkata dengan sedikit

bergurau: “Allah telah memberikan kepadaku penglihatan sebagai ganti orang yang perangainya buruk dan kamu termasuk dalam golongan itu.”

Berkaitan dengan kebaikan hidup bermasyarakat, maka ketahuilah wahai kaum muslimin, ada beberapa masalah agama yang mustahil dijalankan tanpa bergaul dalam masyarakat. Faedah dan manfaat yang diperoleh daripada bergaul dalam masyarakat mejadi lenyap kerana hidup mengasingkan diri daripada masyarakat. Manfaat hidup bermasyarakat di antaranya adalah:

Pertama: Seseorang dapat mengajarkan dan belajar ilmu (agama) yang merupakan ibadat yang nilainya sangat tinggi di dunia ini. Pendidikan mempunyai ruang lingkup lebih besar. Sejumlah ilmu hukumnya wajib dan sebahagian lainnya sunat. Seandainya hidup mengasingkan diri dijalankan tanpa mempelajari ilmu yang fardu, maka dia mudah terperosok ke dalam maksiat. Apabila dia memiliki kemampuan sebagai sorang pakar dalam suatu bidang ilmu, maka boleh jadi itu akan menjadi penyebab kerugian jika kita mengambil hidup mengasingkan diri.”

Oleh itu, Ibrahim al-Nakha’i dan sejumlah ulama berkata: “Carilah ilmu agama dahulu dan bertempat tinggallah di tempat yang sunyi dan sendirian. Apabila seseorang beribadat sepanjang hari tanpa pengetahuan yang cukup, maka jiwa dan raganya tidak akan terbebas daripad kesombongan dan kebohongan. Jadi, ilmu dan pendidikan adalah asas agama.”

Kedua: Dengan bergaul dengan masyarakat, kita dapat bekerja dan memperoleh manfaat daripada orang ramai, seperti memperoleh wang dengan cara berniaga dengan mereka. Tanpa bercampur dalam masyarakat, itu mustahil dapat dicapai.

Jika seseorang terikat oleh kewajipan untuk memperoleh penghidupan, maka wajib baginya bermasyarakat. Memperoleh manfaat bererti membantu orang ramai dengan mendapat bayaran berupa penghidupan dan kekayaan dan untuk menghilangkan kesulitan yang dialami kaum muslimin.

Ketiga: Dengan hidup bermasyarakat, kita dapat melakukan usaha keras untuk memperoleh kesabaran menuju jalan keselamatan. Dengan bercampur di dalam masyarakat, seseorang boleh mendapatkan kualiti sabar yang tinggi disebabkan perilaku jahat orang lain. Ini menuntut usaha yang keras dan kesabaran yang luar biasa.

Keempat: Bergaul dengan masyarakat dapat memunculkan rasa saling mengasihi dan berjinak hati dengan orang lain, saling memberikan dan menerima cinta. Keutamaan dan kebaikan lain bercampur-gaul dengan orang lain adalah seseorang dapat memberi kasih-sayang kepada orang lain dan menerima kasih-sayang daripada mereka. Rasulullah s.a.w. bersabda: "Sesungguhnya Allah SWT tidak akan pernah bosan hingga kamu bosan."

Kesendirian bukanlah tanpa kedamaian yang tidak terganggu sama sekali. Rasulullah s.a.w. bersabda: "Sesungguhnya agama ini kukuh dan kuat, maka masuklah dengan kebaikan hati." Ibnu Abbas r.a. berkata: "Seandainya aku tidak takut kepada rasa was-was, nescaya aku tidak akan duduk-duduk dengan manusia."

Dia juga berkata: "Siapakah yang menyakiti dan merosakkan manusia kecuali manusia juga?" Rasulullah s.a.w. bersabda: "Manusia itu bergantung (mengikut) kepada agama kawannya. Maka lihatlah seseorang itu dengan siapa dia berkawan."

Kelima: Dengan hidup bermasyarakat, kita dapat memperoleh pahala dan menghasilkan pahala bagi orang lain. Di dalam suatu masyarakat muslim, seseorang diharuskan hadir dalam solat berjemaah, solat jenazah, mengunjungi yang sakit, dan sebagainya.

Keenam: Hidup bercampur dengan orang lain menyebabkan kita dapat memperoleh kualiti kesederhanaan dan kerendahan hati. Kualiti-kualiti ini tidak dapat diperoleh dalam hidup mengasingkan diri dan hidup dalam kesendirian yang kadang-kadang menimbulkan kesombongan dan kebanggaan diri.

Dikisahkan bahawa seorang ulama ahli hikmah daripada Bani Israel telah menulis sekitar 360 judul buku tentang hikmah dan pemikiran sehingga dirinya merasa telah memperoleh darjat tinggi di sisi Allah SWT. Disebabkan perasaannya itu, Allah kemudian menurunkan wahyu kepada Nabi-Nya masa itu: "Katakanlah kepadanya (ahli hikmah itu): 'Engkau telah mengisi dunia dengan kemunafikan. Aku (Allah) tidak menerima satu bahagian kecil pun daripada kemunafikanmu itu.'

Si ahli hikmah kemudian tidak lagi menulis buku dan mengasingkan diri di dalam gua, jauh daripada keramaian. Setelah itu dia berfikir: 'Kini aku telah memperoleh keredaan Allah.' Tetapi, Allah menurunkan wahyu kepada Nabi-Nya: 'Katakan kepadanya: 'Engkau tidak akan memperoleh keredaan Allah hingga kamu bercampur dengan masyarakat dan memikul beban kesulitan dan kesakitan

daripada mereka.' Setelah itu dia hidup di tengah-tengah masyarakat. Kemudian Allah menurunkan wahyu kepada Nabi-Nya: 'Katakan kepadanya: 'Kini engkau memperoleh keredaan Allah'."

Di dalam sebuah riwayat disebutkan bahawa Ali bin Abu Talib r.a. biasa mengangkut keperluan sehari-hari untuk keluarganya dari pasar dan beliau berkata: "Kesempurnaan seorang manusia yang sempurna tidak berkurang sekalipun dia mengangkut sesuatu untuk keluarganya." Abu Hurairah, Huzaifah, Ubay dan Ibnu Mas'ud dan lain-lain r.a. pernah mengangkut kayu bakar dan tepung di atas punggung atau bahu mereka.

Abu Hurairah r.a. adalah gabenor Madinah pada suatu masa tertentu. Ketika membawa kayu bakar dan bahan makanan di atas kepalanya, orang ramai berkata: "Berilah jalan kepada penguasa kamu." Rasulullah s.a.w. juga pernah membawa barang-barang keperluan sehari-hari Baginda dari pasar. Sebahagian sahabat lantas berkata kepada Baginda: "Berikan kepadaku beban itu untuk kami bawa." Tetapi Baginda menjawab: "Pemilik barang itulah yang lebih berhak membawanya."

Al-Hasan bin Ali r.a., pernah berjalan-jalan di tengah kota Madinah, melalui sekumpulan orang miskin. Kemudian mereka berkata kepadanya: "Wahai cucu Rasulullah, makanlah bersama kami." Hasan bin Ali lantas turun dari kenderaannya lalu dia menyempatkan diri untuk duduk dan makan bersama mereka. Cucu Nabi itu kemudian berkata: "Allah tidak suka dengan orang yang sombong."

Alasan lain adalah bahawa orang yang terus sibuk mencari keredaan orang ramai sering mudah terjatuh ke dalam kesalahan dan dosa. Tetapi bagi orang yang mengenali Allah dengan sempurna, maka dia akan mengetahui bahawa tidak ada kebaikan pada keredaan orang ramai tanpa keredaan Allah SWT.

Dia juga percaya bahawa setiap kerosakan (kerugian atau mudarat) dan kebaikan (keuntungan dan manfaat) berada di tangan Allah. Tidak ada yang dapat memberi manfaat dan mudarat selain Dia. Barangsiapa yang mencari keredaan manusia seraya mengabaikan perintah Allah, maka Allah akan murka kepadanya dan manusia pun tidak suka kepadanya.

Apabila tujuan seseorang hidup bermasyarakat hanya untuk mengharapkan kesukaan orang ramai, maka tujuan itu tidak akan terpenuhi. Hanya Allah-lah yang seharusnya menjadi objek (tujuan) cinta dan pencarian manusia.

Ketujuh: Dengan hidup bermasyarakat, kita dapat memperoleh pengalaman hidup di tengah-tengah pergaulan dengan orang lain. Orang yang hanya mempunyai akal alamiah sahaja belum cukup memahami dunia material dan spiritual ini, maka kesendirian dan hidup mengasingkan diri tidaklah baik baginya. Apabila seorang anak muda tanpa pengalaman mencuba untuk beruzlah, maka boleh jadi dia akan tersesat. Oleh itu, dia harus terus berusaha belajar dan mendidik diri sendiri. Setiap pengalaman hidup dalam kesendirian atau mengasingkan diri bersifat rahsia.

Orang-orang yang berjalan di jalan akhirat terus berusaha membersihkan hati dan menceburkan dirinya dalam ujian dan cubaan berat. Apabila hati merasa bangga dan takabur, mereka harus berusaha keras menyingkirkan perasaan dan hati demikian.

Bahkan sebahagian daripada mereka mengangkut sendiri pundi-pundi air atau kayu bakar dan barang keperluan sehari-hari dari pasar. Dari sini, mereka memperoleh pengalaman. Dengan demikian, kesombongan mungkin akan sirna.

Oleh itu, faedah dan manfaat besar hidup bermasyarakat adalah kesalahan dan kelemahan seseorang menjadi jauh dan lenyap. Oleh itu, boleh dikatakan bahawa perjalanan dapat mengungkapkan akhlak dan perilaku seseorang, sebab itu merupakan akibat daripada pergaulannya di tengah-tengah masyarakat.

Daripada apa yang sudah dijelaskan di atas tentang kebaikan dan keburukan hidup mengasingkan diri, jelaslah bagi kita bahawa kadang-kadang bersendirian itu baik dan kadang-kadang tidak baik. Ini bergantung pada keadaan setiap orang dan lingkungan tempat seseorang tinggal. Juga bergantung pada teman dan sahabat orang berkenaan.

Sebahagian ahli hikmah berkata: “Memisahkan diri daripada orang ramai adalah sebab timbulnya kebencian dan bergaul dalam masyarakat kadang-kadang bererti bersahabat dengan orang yang berakhlak buruk. Oleh itu, janganlah mengasingkan diri daripada orang ramai dan jangan pula bergaul rapat dengan mereka, tetapi hendaklah mengambil jalan kesendirian di tengah-tengah orang ramai.”

Berkenaan dengan adab mahupun aturan hidup bersendirian, ada dua belas cara yang dapat dilakukan, iaitu:

1. Dalam melakukan uzlah hendaknya seseorang bertujuan untuk menyelamatkan diri daripada bahaya yang disebabkan oleh orang lain.
2. Bertujuan dan berniat untuk mencari keselamatan dari bahaya yang diakibatkan orang lain.
3. Bertujuan dan berniat untuk bebas dan terhindar daripada kesalahan dan kekurangan dalam memenuhi kewajipan terhadap kaum muslimin.
4. Dalam beruzlah hendaklah seseorang bermaksud melakukan ibadat.
5. Dalam beruzlah hendaklah seseorang sibuk belajar, berzikir, bertafakur, dan ibadat-ibadat lainnya.
6. Tidak mengajak orang lain bersama dirinya.
7. Tidak mengizinkan orang lain bertanya dan mempertanyakan dirinya.
8. Hendaklah tidak menanyakan berita apa pun tentang seseorang atau suatu tempat dan keadaan.
9. Hendaknya tetap puas dan reda dengan sesuatu yang sedikit atau tetap bersikap qana'ah.
10. Hendaklah tetap bersabar ke atas celaan dan cercaan daripda jiran jika ada.
11. Hedanklah menutup telinga daripada pujian orang lain.
12. Hendaklah mengetahui manfaat, faedah, dan kebaikan jalan akhirat. Dengan kata lain, dia harus mengikuti aturan dan ketentuan zikir dengan rendah hati (tawaduk), berfikir tentang keajaiban ciptaan Allah, di bumi dan langit, matahari, bulan, bintang dan kebesaran Allah, berfikir tentang hidup dan mati serta keadaan di alam kubur setelah kematian.

Apabila kita tidak dapat melepaskan nafsu dan godaan dunia ini, kesabaran kita dalam hidup beruzlah menjadi kurang sempurna. Hati kita menjadi tidak bersih daripada kotoran-kotoran yang membuat harapan menjadi pendek dan nafsu kita tidak memiliki kekuatan untuk memperpanjang kehidupan.

Setelah bangun dari tidur di pagi hari, hendaklah kita berfikir bahawa hidup kita boleh jadi tidak sampai malam nanti. Dengan cara ini, kita dapat mengurangkan hasrat kita terhadap dunia dan dapat mengawal nafsu kita.

Yakinkan diri kita bahawa barangsiapa yang tidak memperoleh kecintaan daripada Allah dan tidak selalu ingat kepada-Nya, maka dia tidak akan dapat memikul beban kesendirian setelah kematian.

Barangsiapa yang mampu mencapai sifat dan darjat seperti ini, nescaya dia akan mampu memikul beban tersebut, kerana kematian tidak dapat mengganggu dan menyingkirkan cinta dan zikir kepada Allah SWT. Dia nescaya akan hidup di tengah-tengah limpahan kasih sayang Allah. Oleh itu, Allah SWT telah berfirman tentang orang yang syahid di jalan Allah:

وَلَا تَحْسَبَنَّ ٱلَّذِينَ قُتِلُوا۟ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ أَمْوَٰتًۢا ۚ بَلْ أَحْيَآءٌ عِندَ رَبِّهِمْ يُرْزَقُونَ ﴿١٦٩﴾

"Janganlah kamu menyangka bahawa orang yang gugur di jalan Allah itu mati, tetapi mereka itu hidup di sisi Tuhan mereka dengan memperoleh rezeki." (Ali Imran: 169)

Dengan mengucap syukur kepada Allah SWT, telah selesai pembahasan tentang tatacara beruzlah. Semoga selawat berserta salam sentiasa dicurahkan ke atas junjungan kita, Nabi Muhammad s.a.w. Setelah ini, kita akan membahaskan tentang adab musafir. Segala bentuk pujian hanya layak kita haturkan ke hadirat Allah SWT, sama ada di awal mahupun di akhirnya.

B A B 17
ADAB-ADAB MUSAFIR

Segala pujian bagi Allah, yang membuka mata hati para wali-Nya dengan hikmat dan ibarat. Dan mengikhlaskan cita-cita mereka untuk menyaksikan keajaiban ciptaan-Nya, di tempat tinggal mereka dan dalam perjalanan mereka. Maka jadilah mereka itu rela dengan yang berlaku menurut takdir.

Mereka membersihkan hati mereka daripada berpaling kepada segala yang disenangi mata selain di atas jalan mengambil ibarat dengan apa yang dituangkannya ke dalam segala petunjuk penglihatan dan perjalanan pemikiran. Maka samalah pada mereka daratan dan lautan, dataran yang mudah dilalui, yang menakutkan, desa dan kota.

Selawat kepada Muhammad, penghulu manusia dan kepada keluarganya serta sahabatnya yang mengikuti jejaknya dalam akhlak dan perjalanan hidup. Semoga Allah SWT mengurniakan kesejahteraan yang banyak kepada mereka!

Amma ba'du,

Perjalanan adalah jalan untuk menghindarkan diri dari sesuatu yang tidak menyenangkan atau sesuatu yang tidak diharapkan, atau untuk mendapatkan obyek cinta. Perjalanan terbahagi kepada dua jenis. Pertama, perjalanan fizikal dari tempat asal seseorang ke suatu tempat lain yang berjarak jauh. Kedua, perjalanan mental atau spiritual menuju Allah SWT di syurga.

Dari kedua jenis perjalanan tersebut, perjalanan rohani atau perjalanan spiritual jauh lebih bermakna berbanding perjalanan fizikal. Namun perjalanan mental atau perjalan spiritual penuh dengan bahaya dan kesulitan. Perjalanan

itu tidak dimengerti dan tidak dikenali. Para musafir (orang yang menempuh perjalanan) yang berada dalam perjalanan spiritual lazimnya tidak ambil peduli dengan harta dan kekayaan. Oleh itu, musafir dalam perjalanan ini sangat langka. Mengenai perjalanan spiritual, Allah SWT berfirman:

سَنُرِيهِمْ ءَايَـٰتِنَا فِى ٱلْـَٔافَاقِ وَفِىٓ أَنفُسِهِمْ

"Kami akan memperlihatkan kepada mereka tanda-tanda (kekuasaan) Kami di segenap ufuk dan pada diri mereka sendiri." (Fussilat: 53)

Allah SWT juga berfirman:

وَفِى ٱلْأَرْضِ ءَايَـٰتٌ لِّلْمُوقِنِينَ ﴿٢٠﴾ وَفِىٓ أَنفُسِكُمْ ۚ أَفَلَا تُبْصِرُونَ ﴿٢١﴾

"Dan di bumi itu terdapat tanda-tanda kekuasaan Allah bagi orang-orang yang yakin .Dan juga pada diri kamu sendiri .Maka apakah kamu tiada memperhatikan"? (al-Zariyat: 20-21)

Sebuah perjalanan mempunyai syarat-syarat dan adab-adab kesopanan yang jika disia-siakan, maka pelakunya termasuk orang-orang yang berbuat untuk dunia dan pengikut-perigikut syaitan. Sebaliknya, jika dia melakukan sebuah perjalanan di atas syarat-syarat dan adab kesopanan tersebut, nescaya perjalanannya tidak terlepas daripada faedah-faedah yang menghubungkannya dengan pengamal-pengamal akhirat di dalam dua bahagian, insya Allah.

Bahagian Pertama: Tentang adab-adab kesopanan, sejak bertolak sampai kembalinya, niat perjalanan dan faedahnya. Bahagian ini terdiri daripada dua fasal.

Bahagian Kedua: Tentang perkara-perkara yang mesti dilakukan oleh seorang musafir dan mempelajarinya daripada kemudahan-kemudahan (rukhsah) perjalanan, penunjuk-penunjuk qiblat dan waktu-waktu solat.

A. Faedah perjalanan, keutamaan dan niatnya

Ketahuilah, bahawa musafir (mengadakan perjalanan jauh) adalah sejenis pergerakan badan dan percampur-bauran dengan orang ramai. Perjalanan tersebut mengandungi banyak faedah dan bahaya sebagaimana telah kami sebutkan dalam pembahasan pada "Kitab Berteman dan Uzlah".

Boleh jadi seseorang berpindah dari tempat tinggalnya kerana agama atau kerana mencari penghidupan, nafkah atau mata pencaharian. Oleh itu, ada dua jenis tujuan melakukan perjalanan, iaitu untuk mencari sesuatu yang bersifat dunia dan mencari sesuatu yang bersifat akhirat.

Mencari nama, kemasyhuran, harta, kekayaan, kemakmuran, kekuasaan, pengaruh dan sebagainya merupakan tujuan-tujuan dunia daripada sebuah perjalanan. Sedangkan menuntut ilmu termasuk perjalanan yang bersifat agama. Ada dua jenis perjalanan menuntut ilmu, iaitu perjalanan untuk menuntut ilmu agama dan untuk memperbaiki akhlak dan perilaku, dan perjalanan untuk menuntut ilmu berkenaan tanda-tanda kekuasaan Allah SWT, seperti perjalanan Iskandar Zulqarnain.

Perjalanan mencari ilmu untuk amal juga dibahagi menjadi dua jenis, iaitu: Pertama, mengunjungi tempat-tempat suci, seperti Makkah, Madinah, dan Baitul Maqdis. Kedua, perjalanan untuk menjaga batas-batas wilayah Islam.

Perjalanan juga dilakukan untuk mengunjungi kubur para pemimpin agama (ulama) dan wali Allah serta orang-orang soleh yang telah meninggal dunia. Dengan demikian, dapat kita lihat bahawa ada beberapa tujuan perjalanan. Berikut ini akan kita bahaskan beberapa tujuan tersebut.

Pertama: Perjalanan untuk menuntut ilmu. Ada perjalanan yang hukumnya wajib dan ada yang hukumnya sunat. Keduanya bergantung pada hukum menuntut ilmunya. Apabila hukum menuntut ilmu tersebut wajib, maka hukum perjalanannya juga wajib. Apabila hukum menuntut ilmu sunat, maka hukum perjalanannya juga sunat. Rasulullah s.a.w. bersabda:

مَنْ خَرَجَ مِنْ بَيْتِهِ فِي طَلَبِ الْعِلْمِ فَهُوَ فِي سَبِيْلِ اللهِ حَتَّى يَرْجِعَ.

"Barangsiapa yang keluar dari rumahnya untuk menuntut ilmu, maka dia tetap berada di jalan Allah (fi sabilillah) sampai dia kembali ke rumahnya."[322]

Rasulullah s.a.w. juga bersabda:

مَنْ سَلَكَ طَرِيْقًا يَلْتَمِسُ فِيْهِ عِلْمًا سَهَّلَ اللهُ لَهُ طَرِيْقًا إِلَى الْجَنَّةِ.

[322] Diriwayatkan oleh at-Tirmidzi daripada Anas, hadis ini adalah hasan gharib.

"Barangsiapa yang berjalan di jalan menuntut ilmu, maka Allah memudahkan jalannya menuju syurga."[323]

Sa'id bin al-Musayyab r.a. menempuh perjalanan selama berhari-hari untuk mencari sebuah hadis.

Dalam kaitan dengan perjalaan menuntut ilmu ada dua jenis perjalanan, iaitu:

Jenis pertama: Perjalanan menuntut ilmu untuk membaiki akhlak dan perilaku seseorang. Berjalan di atas jalan akhirat tidak mungkin tanpa akhlak dan perilaku yang baik. Orang yang tidak dapat melakukan introspeksi atau muhasabah atas kesalahan dan kekeliruan yang tersembunyi dalam dirinya, maka dia tidak dapat membersihkan dan menyucikan hatinya.

Sesungguhnya maksud dan tujuan perjalanan adalah untuk memperbaiki akhlak dan perilaku buruk sehingga Allah SWT membuka hijab rahsia dari langit dan bumi. Sesungguhnya perjalanan jauh dalam bahasa Arab disebut safar, yang ertinya membuka. Sehingga, dalam perjalanan, akhlak manusia terungkap dan terbuka.

Pada suatu ketika, seseorang dibawa ke hadapan Umar bin al-Khattab r.a. sebagai saksi, kemudian Umar bertanya kepada orang tersebut: "Apakah dia temanmu dalam suatu perjalanan yang menyebabkan kamu mengenali akhlaknya?" Dia menjawab: "Tidak!" Umar berkata: "Jka demikian, maka menurut saya kamu tidak mengenalinya."

Jenis kedua: Perjalanan menuntut ilmu untuk melihat tanda-tanda kekuasaan atau keajaiban ciptaan Allah SWT. Tidak ada sesuatu pun di dunia, seperti gunung, laut, langit, dan pelbagai jenis ciptaan Allah yang tidak menjadi saksi atau tanda wahdaniyah (keesaan) Allah SWT. Orang yang menyedari ini akan dapat melihat dan mendengar tanda-tanda kekuasaan Allah tersebut.

Adapun orang yang tidak menaruh perhatian atau tidak mempedulikan tanda-tanda kekuasaan Allah itu, maka dia tidak akan memahaminya. Adapun pendengaran yang dimaksudkan di sini ialah pendengaran batin atau telinga hati. Telinga tidak dapat mendengar tanpa ada suara dan ia tidak dapat memaklumi keadaan yang ada.

---

[323] Diriwayatkan oleh Muslim dan sudah diterangkan terlebih dahulu dalam "Bab Ilmu".

Ini sama seperti ucapan seorang lelaki yang menceritakan kisah tentang dinding dan paku. Dinding itu berkata kepada paku: “Janganlah kamu menyusahkan aku!” Lalu paku menjawab: “Tanyakanlah kepada orang yang memukul aku dan palu yang berada di belakangku mengapa dia tidak membiarkan aku?”

Tidak ada tanda di langit dan di bumi yang tidak menjadi saksi ke atas keunikan dan keesaan Allah Azza wa Jalla. Inilah yang disebut sebagai tauhid. Segala sesuatu yang terdapat di langit dan di bumi mengagungkan asma-Nya. Apabila seseorang tidak melakukan perjalanan spiritual, maka dia tidak dapat memahami pengagungan (tasbih) mereka kepada Allah.

Apabila perjalanan spiritual tidak dilakukan, nescaya Nabi Sulaiman a.s. tidak mampu memahami bahasa burung dan Nabi Musa a.s. pun tidak dapat berdialog dengan Yang Maha Pencipta.

Dialog Nabi Musa a.s. dengan Allah SWT tanpa perkataan atau suara. Tanda-tanda tertanamnya keesaan Allah (al-khutut al-Ilahiyah) pada benda-benda mati hanya dapat difahami dan dimengerti oleh orang yang pemahamannya sangat dalam.

Dengan demikian, perjalanan fizikal tidak begitu diperlukan. Dia hanya mementingkan atau memerlukan perjalanan spiritual. Orang yang demikian memiliki tujuan kenikmatan spiritual dengan mendengarkan suara Ilahi. Dia dapat menundukkan matahari, bulan, dan bintang. Maksudnya, matahari, bulan dan bintang berkelana di dalam penglihatan orang yang mempunyai mata hati (basirah), sekali, dua kali atau beberapa kali dalam sebulan atau setahun.

Apabila seseorang mengelilingi sebuah masjid seperti dia bertawaf mengelilingi Ka’bah (kerana memang dia diperintahkan untuk bertawaf mengelilingi Ka’bah), maka perbuatan tersebut akan dianggap aneh.

Apabila seseorang diperintah untuk menjelajahi dan mengelilingi langit tetapi dia malah menjelajahi dan mengelilingi bumi, maka perbuatan itu tentu dianggap aneh. Begitu juga seorang musafir yang tidak mengembara di dunia dapat tetap berada di dalam rumahnya tanpa harus melintasi pelbagai tempat untuk mencapai Allah SWT.

Oleh itu, orang yang soleh berkata: “Ketika orang-orang berkata, ‘Bukalah matamu, maka kamu akan melihat tanda-tanda kekuasaan Allah!” Tetapi aku

berkata: “Tutuplah matamu, maka kamu akan melihat tanda-tanda kekuasaan-Nya.”

Kedua pendapat tadi benar sekali. Orang pertama menjelaskan tentang tempat yang dekat dengan rumahnya atau negerinya, sedangkan orang kedua menjelaskan tentang tempat yang sangat jauh dari negerinya. Tanpa adanya kepuasan jiwa pada seorang musafir, tempat yang jauh tidak mungkin dapat diseberangi. Kadang-kadang, seorang musafir yang tersesat mengembara selama bertahun-tahun hanya di satu tempat. Kadang-kadang juga kasih sayang Allah menunjukkan kepadanya jalan yang lurus, tetapi orang yang memperoleh kurnia demikian sangat sedikit.

Mereka yang diberi taufiq-Nya dapat mencapai jalan lurus yang benar, namun hanya sedikit orang yang dapat memperoleh peruntungan yang kekal seperti ini. Mereka yang melakukan perjalanan dengan taufiq ini dapat memperoleh kemenangan abadi. Sebagaimana kedaulatan dan kekuasaan di dunia material ini, begitu juga kedaulatan dan kekuasaan di dunia spiritual.

Pertama-tama, mereka yang mencari dan mendapat taufik hanyalah sedikit dan kebanyakan yang mencari taufiq itu mengalami kebinasaan sehingga jumlahnya sangat berkurang ketika mencapai tujuan. Mereka yang lemah dan pengecut tidak akan dapat meraih kedaulatan dan kekuasaan itu.

Untuk mendapatkan darjat yang tinggi, seseorang harus berusaha keras melalui malam tanpa tidur dalam tempoh yang sangat panjang. Allah SWT tidak akan memberikan taufik-Nya kepada orang yang malas dan pengecut.

Kedua: Perjalanan untuk beribadat kepada Allah SWT, seperti naik haji, jihad fi sabilillah dan sebagainya, berziarah ke makam para nabi, sahabat Rasulullah s.a.w., para tabi’in, ulama, dan wali. Berkat yang diperoleh dengan menemui mereka pada masa hidupnya akan diperoleh juga dengan menziarahi makam mereka. Perjalanan untuk tujuan demikian dibenarkan dan hadis berikut bukan merupakan penghalang untuk melakukan perjalanan semacam itu.

Rasulullah s.a.w. bersabda:

لاَ تُشَدُّ الرِّحَالُ إِلاَّ إِلَى ثَلاَثَةِ مَسَاجِدَ مَسْجِدِى هَذَا وَمَسْجِدِ الْحَرَامِ وَمَسْجِدِ الأَقْصَى.

“Tidak digalakkan perjalanan jauh (untuk ibadat), kecuali kepada tiga masjid: Masjidku ini (Masjid Madinah), Masjidil Haram (di Makkah)

dan Masjidil Aqsa (di Baitul Maqdis)."[324]

Keutamaan dan manfaat bertemu dengan para sahabat, tabi'in, ulama dan wali semasa hidupnya lebih besar dibanding bertemu dengan mereka yang telah wafat dengan menziarahi makamnya. Telah termaktub di dalam Taurat: "Temuilah saudaramu sesama muslim kerana Allah, meskipun harus berjalan empat mil." Telah dijelaskan tentang keutamaan mengunjungi atau berziarah ke Masjid Nabawi di Madinah dan Masjidil Haram di Makkah. Begitu juga mengunjungi Masjidil Aqsha di Yerussalem (Baitul Maqdis) sangat utama.

Pada suatu ketika Ibnu Umar r.a. menempuh perjalanan dari Madinah menuju Baitul Maqdis dan melaksanakan solat lima waktu di dalam Masjidil Aqsa, kemudian beliau kembali ke Madinah keesokan harinya.

Nabi Sulaiman a.s. pernah memohon kepada Allah Azza wa Jalla: "Ya Allah, apabila seorang hamba-Mu hendak mengunjungi masjid ini (Baitul Maqdis) dan dia tidak punya kepentingan yang lain selain solat di dalamnya, maka janganlah Engkau palingkan pandangan-Mu daripadanya selama dia menetap di dalam masjid ini. Apabila dia keluar dari masjid ini, keluarkanlah dia dari segala dosanya seperti pada hari dia dilahirkan oleh ibunya." Maka Allah SWT mengabulkan permohonan Nabi Sulaiman tersebut.

Ketiga: Perjalanan untuk melarikan diri daripda sebab-sebab yang merosakkan agama. Perjalanan jenis ini adalah perjalanan yang baik. Lari daripada sesuatu yang berada di luar kesanggupan dirinya untuk mengerjakan atau mengatasinya adalah termasuk sunnah para nabi dan rasul. Melarikan diri untuk membebaskan hati dan fikiran daripada perbuatan, nama, kemasyhuran, dan kekuasaan merupakan perkara yang wajib.

Agama seseorang tidak akan sempurna melainkan dengan hati dan fikiran yang kosong daripada selain Allah SWT. Jika ini tidak mungkin, semakin sering seseorang membebaskan diri daripada pelbagai masalah dan kesulitan, maka semakin baik bagi hati dan fikirannya kerana terbebas daripada perkara-perkara yang menjadi beban tersebut.

Hati dan fikiran dapat dibuat ringan atau dibuat susah. Orang yang tidak terbebani oleh dunia dan tidak mementingkan perkara-perkara dunia, maka mer-

[324] Hadis ini telah diterangkan di dalam "Bab Haji."

eka akan selamat. Sebaliknya, orang yang dibebani oleh dunia dan mementingkan perkara-perkara dunia, maka mereka akan binasa.

Tidak aman bagi seseorang yang mementingkan dunia untuk bebas daripada kecemasan kecuali dengan mengadakan perjalanan ke tempat yang jauh dan mengosongkan hati daripada segala yang bersifat dunia. Hati tidak memiliki jarak, sama ada bagi Khalik mahupun bagi makhluk. Ada sebahagian manusia seperti para nabi dan sufi yang memiliki kekuatan spiritual seperti sebahagian manusia yang memiliki kekuatan fizikal yang besar.

Sesungguhnya tiap-tiap orang memiliki kekuatan fizikal yang berbeza-beza. Ramai orang yang sanggup mengangkat dua muatan yang sangat berat, sementara muatan itu tidak dapat dibawa oleh orang-orang yang lemah. Tetapi kekuatan fizikal itu dapat ditingkatkan dengan usaha yang berterusan dan teratur.

Begitu juga dengan kekuatan rohani. Untuk mencapai tingkatan kekuatan spiritual yang tinggi, diperlukan usaha yang berterusan dan teratur. Oleh itu, para ulama sufi terdahulu biasa tinggal jauh dari negeri sendiri.

Sufyan al-Tsauri berkata: "Zaman sekarang ini sangat membahayakan. Apabila pada zaman sekarang ini orang biasa mengalami kerugian besar, lalu bagaimana dengan orang-orang yang terkenal dan memiliki ketenaran? Sehingga orang pada zaman sekarang sudah seharusnya berpindah dari kediaman mereka ke negeri lain sehingga tidak dikenali orang di negeri lain itu."

Abu Na'im berkata: "Pada suatu ketika aku melihat Sufyan ats-Tsuri menggantungkan bekas airnya di tangan dan belakangnya. Lalu aku bertanya: 'Ke mana anda akan pergi, wahai Abu Abdillah?' Sufyan ats-Tsuri menjawab: "Telah sampai berita kepadaku daripada suatu desa, di mana harga barang-barangnya murah. Aku ingin tinggal di desa itu".

Maka aku bertanya kepadanya: "Apakah anda akan benar-benar berbuat demikian?" Sufyan menjawab: "Ya! Apabila sampai kepadamu bahawa di suatu desa barang-barangnya murah, maka tinggallah di desa itu! Kerana yang demikian itu, lebih dapat menyelamatkan agamamu dan lebih menyedikitkan kesusahanmu."

Orang-orang khawwas (orang-orang khas yang sangat taat kepada Allah) tidak bermukim di suatu negeri lebih daripada empat puluh hari. Orang-orang itu termasuk orang-orang yang bertawakal dan memandang bermukim secara

berkekalan sebagai salah satu sebab yang dapat merosakkan kepasrahan (tawakal). Dan akan datang penjelasan rahsia-rahsia berpegang kepada sebab-sebab di dalam pembahasan tentang "Kitab Tawakal," insya Allah.

Keempat: Menyelamatkan diri daripada sesuatu yang dapat merosakkan badan seperti wabak penyakit cacar, kolera, pes dan sebagainya. Atau melarikan diri daripada sesuatu yang apat merosakkan harta seperti berpindah ke tempat lain yang barangan keperluan asas di tempat yang dituju masih murah.

Kadang-kadang perjalanan atau perpindahan semacam itu menjadi wajib dan kadang-kadang sunat. Apabila suatu wabak penyakit berjangkit di suatu daerah, maka seseorang tidak seharusnya berpindah ke daerah lain seperti yang disebutkan oleh Rasulullah s.a.w.:

"Penyakit ini adalah azab yang dengannya sebahagian umat sebelum kamu diazab. Kemudian dia kekal berada di bumi sesudahnya. Maka barangsiapa yang mendengar penyakit itu berjangkit di suatu negeri, maka janganlah dia datang ke negeri tersebut! Barangsiapa yang berada di suatu negeri di mana berjangkit penyakit tersebut, maka janganlah dia keluar dari negeri tersebut."[325]

Rasulullah s.a.w. bersabda: "Sesungguhnya umatku akan dibinasakan oleh ta'un." Lalu Aisyah r.a. bertanya: "Apakah ta'un itu, ya Rasulullah?" Rasulullah s.a.w. menjawab: "Ta'un adalah wabak penyakit seperti penyakit unta. Penyakit ini menyebar pada urat daging mereka. Seorang muslim yang meninggal kerana penyakit yang mematikan ini termasuk mati syahid. Orang yang menetap di tempat lain kerana mencari pahala Allah adalah seperti orang yang mengikatkan diri pada jihad fi sabilillah. Orang yang lari dari tempat ini seperti orang yang lari dari barisan jihad."[326]

Rasulullah s.a.w. bersabda kepada salah seorang sahabatnya: "Janganlah kamu mempersekutukan Allah dengan sesuatu, walaupun kamu diseksa dan dibakar. Taatilah ibu bapamu. Apabila mereka menyuruhmu keluar daripada sesuatu yang menjadi milikmu, maka keluarlah. Janganlah kamu meninggalkan solat dengan sengaja. Barangsiapa yang meninggalkan solat dengan sengaja, maka terlepaslah dia daripada tanggungan Allah.

---

[325] Diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim daripada Usamah bin Zaid.

[326] Diriwayatkan oleh Ahmad dan Ibnu Abdil Bar dengan isnad yang baik.

“Janganlah kamu meminum khamar (arak), kerana arak adalah kunci daripada segala kejahatan. Tinggalkan maksiat, kerana maksiat membuat Allah marah. Janganlah kamu lari dari barisan jihad, apabila sebuah wabak penyakit yang mematikan menyerang manusia dan kamu berada di dalamnya, maka tetaplah tinggal bersama mereka. Belanjailah keluargamu menurut kesanggupanmu. Janganlah kamu angkat tongkatmu kepada mereka sehingga mereka takut kepadamu.”

Dari hadis tersebut nampak bahawa lari daripada suatu penyakit yang disebut ta’un dilarang dan begitu juga dilarang mendatangi tempat di mana wabak penyakit itu berjangkit.

Daripada huraian tersebut di atas ditemui bahawa ada beberapa jenis perjalanan, iaitu perjalanan yang terpuji dan tercela. Perjalanan yang tercela kadang-kadang dapat berubah menjadi haram, seperti larinya seorang hamba daripada tuannya atau larinya seorang tahanan daripada rumah tahanan. Perjalanan tercela kadang-kadang berubah menjadi perbuatan makruh, seperti meninggalkan suatu negeri yang sedang terjangkit penyakit kolera.

Perjalanan yang terpuji terkadang berubah menjadi wajib dan terkadang berubah menjadi sunat. Perjalanan untuk mengerjakan ibadat haji dan menuntut ilmu adalah wajib. Adapun perjalanan untuk bertemu dengan para ulama dan menziarahi makam mereka adalah sunat.

Perjalanan yang dibenarkan (mubah) bergantung pada niat atau maksud seseorang melakukan perjalanan tersebut. Apabila perjalanan dilakukan dengan niat untuk mencari nafkah agar terhindar dari perbuatan meminta-minta (mengemis) atau untuk memelihara dan menjaga kehormatan dirinya serta keluarganya atau musafir dengan niat untuk bersedekah adalah diperbolehkan (mubah). Kerana niat dari perbuatan-perbuatan itu termasuk dalam amalan akhirat.

Rasulullah s.a.w. bersabda:

إِنَّمَا الأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ.

”Sesungguhnya segala amalan itu tergantung pada niat[٣٢٧]“.

[327] Diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim daripada Umar.

Hadis tersebut dapat diterapkan dalam perjalanan wajib, sunat, dan mubah. Seorang ulama berkata: “Sesungguhnya Allah telah melantik para malaikat untuk mendampingi para musafir. Para malaikat itu akan melihat niat mereka dan mereka diberi keberkatan berdasarkan niatnya.”

Sebahagian ulama salaf berkata: “Sesungguhnya Allah mengirimkan malaikat menyertai para musafir untuk memperhatikan maksud mereka di mana tiap-tiap musafir akan diberikan sesuatu mengikut niatnya. Maka orang yang niatnya itu untuk memperoleh dunia, nescaya dia diberi sesuatu daripada dunia yang dikurangkan daripada bahagian akhiratnya beberapa kali ganda. Cita-citanya akan dicerai-beraikan, kesibukannya akan dibanyakkan dengan ketamakan dan kegemaran kepada dunia.

Sedangkan orang yang niatnya untuk memperoleh akhirat, nescaya dia dikurnai mata hati (basirah), hikmah dan kecerdikan. Kemudian dibukakan baginya ingatan dan pengertian menurut kadar niatnya. Dikumpulkan baginya cita-cita dan para malaikat berdoa untuknya. Para malaikat itu meminta keampunan dosa baginya.

Adapun soalan yang bertanyakan apakah musafir lebih utama berbanding mukim (tidak musafir), maka soalan ini sama seperti soalan tentang manakah yang lebih utama, mengasingkan diri (uzlah) atau bercampur-baur (mukhalathah). Masalah ini telah kami jelaskan di dalam pembahasan tentang “Kitab al-uzlah”. Maka hendaklah masalah ini difahami ini dengan merujuk kepada pembahasan tersebut.

B. Adab sejak bertolak hingga kembali pulang

1. Mengembalikan hak-hak orang lain

Mengembalikan semua hak orang yang dizalimi, membayar semua hutang dan pinjaman. Hendaklah kita menyediakan perbelanjaan bagi orang-orang yang menjadi tanggungan kita dan mengembalikan semua amanat yang dititipkan orang kepada kita. Hendaklah kita tidak mengambil sesuatu untuk perjalanan kecuali yang baik dan yang halal. Selain itu, hendaklah kita membawa bekalan yang cukup sehingga dapat membantu serta melapangkan kesulitan orang lain yang kita temui dalam perjalanan.

Ibnu Umar r.a. pernah berkata: "Membantu orang lain dalam perjalanan dengan bekalan yang halal adalah sesuatu yang sangat mulia. Bersikap baiklah kepada teman seperjalanan, sama ada ketika mengerjakan haji ataupun berziarah. Berilah mereka makanan yang baik dan perlihatkan sikap yang baik kepada mereka kerana sesungguhnya perjalanan menyingkap penyakit dan cacat hati yang tersembunyi."

Seorang bijak berkata: "Apabila seseorang dipuji oleh teman-temannya dalam perniagaan atau perjalanan, maka tidak diragui lagi bahawa dia adalah orang yang baik." Seorang ulama lainnya berkata: "Ada tiga orang yang tidak dapat disalahkan kerana kecemasan mereka, iaitu orang yang berpuasa, orang yang sakit dan orang yang musafir."

Akhlak seorang musafir menjadi sempurna apabila dia berbuat dan bersikap baik kepada sesama musafir, membantu mereka dalam kesusahan, menunjukkan simpati dan belas kasihan kepada mereka, dan membantu mereka untuk meringankan bebannya serta tidak memberi mereka beban dirinya.

2. Membawa teman yang baik

Membawa teman yang baik dalam perjalanan. Ertinya tidak melakukan perjalanan sendirian. Membawa seorang teman yang baik akan dapat membantu dalam pelbagai amal perbuatan dan agama. Apabila kita lupa, dia akan mengingatkan kita. Apabila kita memerlukan bantuan, dia akan menolong kita, kerana menurut ajaran Islam, setiap orang adalah teman. Rasulullah s.a.w. melarang kita melakukan perjalanan tanpa teman.

Beliau bersabda:

الثَّلاَثَةُ نَفَرٌ.

"Tiga orang adalah suatu jamaah[٣٢٨]*".*

Sabda beliau lainnya:

إِذَا كُنْتُمْ ثَلاَثَةٌ فِي السَّفَرِ فَأَمِّرُوْا أَحَدَكُمْ.

[328] Menurut al-Iraqi, ini adalah ucapan Ali r.a. dan bukan hadis.

"Apabila tiga orang dari kamu melakukan perjalanan, maka pilihlah salah seorang sebagai pemimpin."[329]

Para sahabat sudah biasa melakukan perkara demikian. Mereka berkata: "Inilah pemimpin kami," lalu Rasulullah s.a.w. mengangkatnya sebagai pemimpin. Orang yang dilantik sebagai pemimpin adalah orang yang terbaik akhlaknya di antara jemaah, yang paling baik dan paling kasih kepada teman-temannya dan mengutamakan kepentingan orang lain di atas kepentingan sendiri.

Urusan-urusan dunia akan teratur jika ada seseorang yang dipercaya untuk mengaturnya sebagaimana Allah SWT sendirilah yang mengatur alam semesta ini. Apabila ada dua Tuhan, tentu mereka akan bertelingkah, berselisih untuk saling berebut kekuasaan dan mengendalikan segala urusan, sehingga urusan alam raya akan rosak dan binasa.

Kewajipan seorang pemimpin seharusnya dipelajari daripada contoh berikut ini. Dikisahkan ada dua orang teman, Abdullah al-Maruzi dan Abu Ali al-Ribati yang melakukan perjalanan. Abdullah berkata kepada Ribati: "Engkaulah pemimpinku." Ribati pun berkata kepada Abdullah: "Engkaulah pemimpinku." Kemudian Abdullah yang menjadi pemimpin di antara mereka berdua. Oleh itu, Abdullah memikul bekalannya sendiri dan bekalan Ribati pada belakangnya.

Pada suatu malam, turun hujan dan Abdullah memegang sehelai selimut di atas kepala temannya itu sepanjang malam. Setiap kali Ribati berkata kepadanya: "Wahai Abdullah, jangan berbuat demikian." Abdullah pun menjawab: "Bukankah kamu yang memilihku sebagai pemimpin? Maka janganlah kamu menyuruh atau mengatur aku. Janganlah melakukan sesuatu selain apa yang aku perintahkan untuk kamu lakukan." Kemudian Abu Ali al-Ribati berkata: "Aku kemudian merasa seharusnya aku mati dan aku berfikir tidak seharusnya aku berkata kepada Abdullah: 'Engkaulah pemimpinku'."

Demikianlah seharusnya kewajipan seorang pemimpin dalam perjalanan atau dalam pemerintahan. Rasulullah s.a.w. bersabda:

خَيْرُ الأَصْحَابِ أَرْبَعَةٌ.

[329] Diriwayatkan oleh ath-Thabrani daripada Ibnu Mas'ud dengan isnad baik.

"Sebaik-baik teman dalam perjalanan adalah empat orang."[330]

Tentunya ada beberapa pengajaran yang dapat diambil daripada sabda Rasulullah s.a.w. tersebut. Ada dua kewajipan seorang musafir, iaitu melindungi atau menjaga bekalan dan membawa barang-barang yang diperlukan. Semua ini dapat dilakukan dengan baik jika ada empat orang melakukan perjalanan.

3. Mengucapkan selamat tinggal kepada keluarga

Hendaklah kita mengucapkan selamat tinggal kepada keluarga, saudara, dan teman-teman. Ketika akan berangkat, hendaklah kita mengucapkan doa sebagai berikut: "Aku percayakan agamamu kepada Allah SWT, amanahmu dan hasil daripada amalmu." Rasulullah s.a.w. biasa mengucapkan doa tersebut ketika hendak bepergian. Rasulullah s.a.w. bersabda:

إِذَا أَرَادَ أَحَدُكُمْ سَفَرًا فَلْيُوَدِّعْ إِخْوَانَهُ فَإِنَّ اللهَ تَعَالَى جَاعِلٌ لَهُ فِي دُعَائِهِمُ الْبَرَكَةَ.

"Apabila seseorang di antara kamu bermaksud mengadakan perjalanan, hendaklah dia berdoa untuk teman-temannya (yang ditinggalkan), kerana Allah SWT memberikan berkat kepada mereka berkat doa tersebut."

Rasulullah s.a.w. juga bersabda: "Apabila kamu ditinggalkan oleh orang lain untuk suatu perjalanan, maka berdoalah:

زَوَّدَكَ اللهُ التَّقْوَى وَغَفَرَ ذَنْبَكَ وَوَجَّهَكَ إِلَى الْخَيْرِ حَيْثُ كُنْتَ.

"*Semoga Allah membekalimu dengan takwa, mengampuni dosa-dosamu dan memberkatimu dengan kebaikan ke mana pun kamu pergi*."

Inilah doa yang seharusnya diucapkan oleh orang yang ditinggal kepada seorang yang hendak melakukan perjalanan.

Apabila anda percaya kepada Allah SWT, maka percayakan segala sesuatu kepada-Nya dan bukan hanya perkara-perkara tertentu sahaja. Akibat daripada mempercayakan sesuatu yang tertentu kepada Allah dapat kita temui pada kisah

[330] Diriwayatkan oleh Abu Daud dan lain-lain daripada Ibnu Abbas.

sebagai berikut.

Diriwayatkan bahawa seorang lelaki bersama anaknya datang kepada Umar bin al-Khattab r.a. ketika beliau membahagikan sedekah kepada orang ramai. Lalu Umar r.a. berkata kepada lelaki tersebut: "Aku belum pernah menemukan kesamaan seperti kesamaan anak ini denganmu." Lalu orang itu berkata kepada Umar r.a.: "Wahai Amirul Mukminin, aku akan meceritakan suatu cerita kepadamu. Ketika dia masih berada di dalam kandungan ibunya, aku mula melakukan perjalanan.

"Ketika hendak bertolak, aku berkata kepada ibunya: 'Aku titipkan anak di dalam kandunganmu ini kepada Allah.' Kemudian aku pergi. Ketika kembali, aku melihat ibunya (isteriku) telah meninggal dunia. Kemudian ketika aku pergi ke kuburnya, aku melihat api memancar di atas kuburnya. Lantas aku bertanya kepada orang ramai: 'Kenapa ada api itu?' Mereka menjawab: 'Inilah kubur isterimu. Setiap malam, kami melihat api itu.'

"Kemudian aku menggali kuburnya dan melihat sebuah pelita di dalam kubur itu dan anak ini sedang bermain dengan pelita tersebut. Kemudian aku mendengar suara dari langit: 'Kamu telah menitipkan anak ini kepada-Ku. Sekiranya kamu juga menitipkan ibunya kepada-Ku, nescaya kamu akan berjumpa lagi dengannya setelah kamu kembali."

4. Mengerjakan solat Istikharah sebelum musafir

Mengerjakan solat istikharah sebelum mula musafir. Seorang lelaki menghadap Rasulullah s.a.w. dan berkata: "Sesungguhnya, aku bernazar akan musafir dan aku telah menulis wasiatku. Katakan kepadaku ya Rasulullah, kepada siapakah aku harus menyerahkan wasiatku ini? Apakah kepada anak lelakiku, ayahku, atau saudara lelakiku?"

Rasulullah s.a.w. menjawab: "Apabila seseorang melakukan solat empat rakaat di rumahnya sebelum berangkat menempuh perjalanan (musafir), maka dia tidak meninggalkan sesuatu yang lebih baik daripada itu. Dia mengerjakan solat istikharah empat rakaat ini setelah memakai pakaian perjalanannya.

Di dalam rakaat-rakaat solatnya itu dia membaca surah al-Fatihah dan surah al-Ikhlas dan kemudian dia berdoa:

اللهُمَّ إِنِّي أَتَقَرَّبُ بِهِنَّ إِلَيْكَ فَاخْلُفْنِي بِهِنَّ فِي أَهْلِي وَمَالِي.

"Wahai Allah! Sesungguhnya aku menghampirkan diriku kepada-Mu dengan solat empat rakaat ini. Maka gantikanlah akan daku dengan dia pada keluargaku dan hartaku!"[331]

Seterusnya, solat istikharah itu menjadi pengganti dirinya bagi keluarga dan hartanya serta menjaga sekeliling rumahnya sampai dia kembali kepada keluarganya.

5. Membaca doa sebelum berangkat

Apabila sudah siap hendak berangkat (berada di pintu rumah) untuk melakukan perjalanan, hendaknya membaca doa:

بِسْمِ اللهِ تَوَكَّلْتُ عَلَى اللهِ وَلاَ حَوْلَ وَلاَ قُوَّةَ إِلاَّ بِاللهِ رَبِّ أَعُوْذُ بِكَ أَنْ أَضِلَّ أَوْ أُضَلَّ أَوْ أَزِلَّ أَوْ أُزَلَّ أَوْ أَظْلِمَ أَوْ أُظْلَمَ أَوْ أَجْهَلَ أَوْ يُجْهَلُ عَلَيَّ.

"*Dengan nama Allah, aku menyerah diri (bertawakal) kepada Allah. Tidak ada daya dan upaya, melainkan dengan Allah. Wahai Tuhan! Aku berlindung dengan Engkau daripada tersesat atau menyesatkan orang lain, terjerumus atau menjerumuskan orang lain, mezalimi atau dizalimi, membodohi orang lain atau dibodohi oleh orang lain.*"

Apabila sudah berjalan, hendaklah kita berdoa:

اللهُمَّ بِكَ انْتَشَرْتُ وَعَلَيْكَ تَوَكَّلْتُ وَبِكَ اعْتَصَمْتُ وَإِلَيْكَ تَوَجَّهْتُ اللهُمَّ أَنْتَ ثِقَتِي وَأَنْتَ رَجَائِي فَاكْفِنِي مَا أَهَمَّنِي وَمَا لاَ أَهْتَمُّ بِهِ وَمَا أَنْتَ أَعْلَمُ بِهِ مِنِّي عَزَّ جَارُكَ وَجَلَّ ثَنَاؤُكَ وَلاَ إِلَهَ غَيْرُكَ. اللهُمَّ زَوِّدْنِي التَّقْوَى وَاغْفِرْ لِي ذَنْبِي وَوَجِّهْنِي لِلْخَيْرِ أَيْنَمَا تَوَجَّهْتُ.

[331] Diriwayatkan oleh al-Kharaithi dan di antara perawi-perawinya ada orang yang tidak dikenali.

"Ya Allah, aku keluar rumah dengan pertolongan-Mu, kepada-Mu aku bertawakal, Engkaulah pelindungku dan kepada-Mu aku hadapkan wajahku. Ya Allah Tuhanku. Engkaulah tujuan kepercayaanku dan Engkaulah harapanku. Cukup Engkau sahaja yang menjadi penolong atas apa yang menyulitkanku dan apa yang Engkau lebih tahu daripada aku. Maka mulialah orang-orang yang menjadi jiran-Mu dan agunglah pujian bagi Engkau, dan tiadalah Tuhan selain Engkau! Wahai Allah Tuhanku! Kurniakanlah untukku bekalan takwa! Ampunilah dosaku! Dan hadapkanlah aku kepada kebajikan ke mana sahaja aku menghadap."

Hendaklah doa ini dibaca pada tiap-tiap tempat, di mana dia akan berangkat daripada tempat itu.

Apabila telah naik ke atas kenderaan, maka hendaklah membaca:

بِسْمِ اللهِ وَبِاللهِ وَاللهُ أَكْبَرُ تَوَكَّلْتُ عَلَى اللهِ وَلاَ حَوْلَ وَلاَ قُوَّةَ إِلاَّ بِاللهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيْمِ مَا شَاءَ اللهُ كَانَ وَمَا لَمْ يَشَأْ لَمْ يَكُنْ سُبْحَانَ الَّذِي سَخَّرَ لَنَا هَذَا وَمَا كُنَّا لَهُ مُقْرِنِيْنَ وَإِنَّا إِلَى رَبِّنَا لَمُنْقَلِبُوْنَ.

"Dengan nama Allah, dengan Allah, dan Allah Yang Maha Besar. Aku bertawakal kepada Allah. Tidak ada daya dan tidak ada upaya melainkan dengan Allah Yang Maha Tinggi dan Maha Besar. Apa yang dikehendaki oleh Allah, nescaya ada dan apa yang tidak dikehendaki-Nya, nescaya tidak ada. Maha Suci Allah yang telah mengadakan semua ini untuk kita dan kita tidak dapat mengawalnya (kecuali dengan kurnia Allah). Sesungguhnya kita akan kembali kepada Tuhan kita!"

Apabila kenderaan telah berjalan, maka hendaklah membaca:

الْحَمْدُ للهِ الَّذِي هَدَانَا لِهَذَا وَمَا كُنَّا لِنَهْتَدِيَ لَوْلاَ أَنْ هَدَانَا اللهُ اللهُمَّ أَنْتَ الْحَامِلُ عَلَى الظَّهْرِ وَأَنْتَ الْمُسْتَعَانُ عَلَى الأُمُوْرِ.

"*Segala pujian bagi Allah yang menunjuki kita kepada pekerjaan ini. Sesungguhnya tidaklah kita memperoleh petunjuk jika tidak ditunjuki oleh Allah. Wahai Allah Tuhanku! Engkaulah yang membawa di atas belakang (kenderaan ini) dan Engkaulah yang menolong atas segala*

pekerjaan."

6. Keluar (berangkat) pagi hari

Keluar dari rumah untuk melakukan perjalanan pada pagi hari. Rasulullah s.a.w. bertolak pada hari Khamis pagi untuk musafir ke Tabuk lalu Baginda berdoa:

اللهُمَّ بَارِكْ لِأُمَّتِيْ فِي بُكُوْرِهَا.

"Ya Allah Tuhanku, berkatilah ummatku pada pagi hari mereka."[332]

Kita disunatkan untuk bertolak pada hari Khamis dan Rasulullah s.a.w. jarang keluar untuk musafir selain pada hari Khamis. Doa Rasulullah s.a.w. lainnya ialah:

اللهُمَّ بَارِكْ لِأُمَّتِي فِي بُكُوْرِهَا يَوْمَ السَّبْتِ.

"Ya Allah ,Tuhanku ,kurniakanlah keberkatan kepada ummatku pada Sabtu pagi".

Apabila Rasulullah s.a.w. mengutus satu pasukan, maka Baginda melakukannya pada pagi hari. Diriwayatkan daripada Abu Hurairah r.a. bahawa Nabi s.a.w. berdoa:

اللهُمَّ بَارِكْ لأُمَّتِي فِي بُكُورِهَا يَوْمَ خَمِيْسِهَا

"Wahai Allah Tuhanku! Kurniakanlah kepada umatku keberkatan pada pagi hari Khamis mereka."[333]

Abdullah bin Abbas berkata: "Apabila kamu mempunyai suatu keperluan kepada seseorang, maka mintalah keperluan itu daripadanya, pada siang hari. Dan janganlah kamu memintanya pada malam hari. Atau mintalah di pagi hari. Sesungguhnya aku mendengar Rasulullah s.a.w. berdoa:

اللهُمَّ بَارِكْ لِأُمَّتِي فِي بُكُوْرِهَا.

"Wahai Allah Tuhanku! Anugerahilah kiranya barakah bagi umatku pada pagi harinya."

---

[332] Diriwayatkan oleh al-Kharaithi daripada Shakhar al-Amiri. At-Tirmizi menyebutkan bahawa hadis ini baik.

[333] Diriwayatkan oleh Ibnu Majah dan al-Kharaithi dengan isnad yang dha'if.

Hendaklah tidak musafir sesudah terbit fajar di hari Jumaat sehingga perjalanan tersebut menjadi maksiat kerana meninggalkan Jumaat. Itu kerana permulaan hari itu adalah setengah daripada sebab-sebab wajibnya Jumaat.

Menghantarkan musafir untuk perpisahan adalah disunatkan. Iaitu sunnah Nabi s.a.w. yang bersabda: "Sesungguhnya bahawa aku menghantarkan mujahid (pejuang) fi sabilillah, lalu aku mengelilinginya di atas kenderaannya pada pagi hari atau petang hari adalah lebih aku sukai berbanding dunia dan isinya."[334]

7. Tidak berhenti dalam perjalanan

Tidak berhenti dalam perjalanan sebelum siang hari yang panas. Ini hukumnya sunat kerana kebanyakan perjalanan Rasulullah s.a.w. dilakukan pada malam hari. Rasulullah s.a.w. bersabda: "Kamu seharusnya melakukan perjalanan pada malam hari kerana sesungguhnya bumi tidak dilipatkan pada siang hari dan dilipatkan pada malam hari."

Apabila berhenti di suatu tempat pemberhentian, hendaklah melaksanakan solat dua raka'at dan berdoa.

Ketika malam telah tiba, hendaklah dia berdoa:

يَا أَرْضُ رَبِّى وَرَبُّكِ اللهُ أَعُوذُ بِاللهِ مِنْ شَرِّكِ وَشَرِّ مَا فِيْكِ وَشَرِّ مَا خُلِقَ فِيكِ وَشَرِّ مَا دَبَّ عَلَيْكِ أَعُوذُ بِاللهِ مِنْ شَرِّ كُلِّ أَسَدٍ وَأَسْوَدٍ وَحَيَّةٍ وَعَقْرَبٍ وَمِنْ شَرِّ سَاكِنِ الْبَلَدِ وَمِنْ شَرِّ وَالِدٍ وَمَا وَلَدَ.

"Wahai bumi! Tuhanku dan Tuhanmu adalah Allah, Aku berlindung dengan Allah daripada kejahatanmu, daripada kejahatan isimu dan daripada kejahatan apa-apa yang merayap di atasmu. Aku berlindung dengan Allah daripada kejahatan setiap singa dan singa-singa, ular dan kala jengking, daripada kejahatan penduduk negeri. Dan daripada kejahatan orang tua dan anaknya."

Ketika orang musafir itu mendaki, hendaklah dia berdoa:

---

[334] Diriwayatkan oleh Ibnu Majah daripada Mu'az dengan sanad yang dha'if.

اللهُمَّ لَكَ الشَّرَفُ عَلَى كُلِّ شَرَفٍ وَلَكَ الْحَمْدُ عَلَى كُلِّ حَمْدٍ.

"Wahai Allah Tuhanku! Bagi Engkaulah ketinggian di atas tiap-tiap ketinggian! Bagi Engkaulah pujian di atas tiap-tiap pujian."

Ketika dia menurun, hendaklah dia membaca tasbih dan ketika takut kerana keadaan yang sepi, hendaklah dia membaca:

سُبْحَانَ الْمَلِكِ الْقُدُّوْسِ رَبُّ الْمَلَائِكَةِ وَالرُّوْحِ جَلَّلَتِ السَّمٰوَاتِ بِالْعِزَّةِ وَالْجَبَرُوْتِ.

"Maha Suci Raja (Tuhan) Yang Maha Suci, Tuhan bagi segala malaikat dan Ruh (Jibril), agunglah segala langit dengan kemuliaan dan keperkasaan."

8. Tidak memisahkan diri daripada rombongan

Tidak memisahkan diri daripada rombongan untuk menghindarkan diri daripada penculikan atau pembunuhan. Pada malam hari, seharusnya ada yang berjaga untuk menjaga orang lain yang sedang tidur.

Dalam perjalanan, apabila Rasulullah s.a.w. tidur di awal malam, Baginda merebahkan kedua tangannya dan apabila tidur pada di akhir malam, Baginda menegakkan kedua lengannya dan meletakkan kepalanya di atas lengannya. Baginda biasa melakukan itu agar tidak tidur terlalu lena. Apabila dua orang sedang di dalam perjalanan, maka hendaklah keduanya tidur bergantian. Apabila seorang tidur, maka yang lainnya berjaga-jaga.

9. Menyayangi binatang tunggangan

Memperlihatkan rasa belas kasihan kepada binatang kenderaan (tunggangan) dan tidak memberi bebanan di luar kesanggupannya. Tidak memukul muka binatang tersebut, kerana itu dilarang. Hendaklah tidak tidur (malam hari) di atas belakang binatang tersebut, kerana itu akan memberatkannya.

Rasulullah s.a.w. bersabda: "Janganlah kamu membuat belakang binatang kenderaanmu menjadi kerusi untuk keselesaanmu." Disunatkan untuk turun

daripada binatang kenderaan itu pada pagi dan petang hari untuk memberikan waktu istirehat baginya kerana yang demikian itu akan menyenangkannya.

10. Membawa enam benda dalam perjalanan

Membawa enam benda di dalam perjalanan. Aisyah r.a. mengatakan bahawa apabila Rasulullah s.a.w. musafir, Baginda selalu membawa lima benda, iaitu cermin, celak, gunting, sugi, dan sisir.

Di dalam riwayat lainnya disebutkan enam benda, iaitu cermin, botol minyak wangi, sugi, gunting, celak, dan sisir. Ummu Sa'd al-Ansariyah berkata: "Rasulullah selalu membawa cermin dan celak ketika melakukan safar (perjalanan)." Rasulullah s.a.w. bersabda: "Ketika akan tidur, hendaklah kamu memakai celak, kerana celak dapat membaiki penglihatan dan menumbuhkan bulu mata."[335] Diriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. bercelak tiga kali pada mata kanan dan kiri.

Kaum sufi menambahkan tempat air dan tali. Mereka lalu berkata: "Apabila bersama orang miskin tidak ada tempat air dan tali, maka hal itu menunjukkan kekurangan agamanya." Sesungguhnya mereka menambahkan ini, kerana mereka melihat untuk penjagaan pada kesucian air dan pencucian kain. Tempat air itu untuk menjaga air yang suci dan tali untuk mengeringkan kain yang dicuci dan untuk mengambil air dari sumur.

Orang-orang dahulu mencukupkan sahaja dengan tayamum dan tidak perlu mengambil air. Mereka tidak risau berwuduk di saluran-saluran air selama mereka yakin air tersebut tidak bernajis. Umar r.a. bahkan pernah berwuduk dengan air yang berasal dari bekas seorang Nasrani.

11. Membaca takbir ketika mendaki

Adab kembali daripada perjalanan. Setiap kali Rasulullah s.a.w. kembali daripada peperangan, haji atau umrah, atau selesai melaksanakan amalan lainnya, Baginda membaca takbir tiga kali ketika mendaki. Baginda membaca:

لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيْكَ لَهُ لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ

[335] Diriwayatkan oleh al-Kharaithi dengan sanad yang dhaif.

شَيْءٍ قَدِيْرٌ آيِبُوْنَ تَائِبُوْنَ عَابِدُوْنَ سَاجِدُوْنَ لِرَبِّنَا حَامِدُوْنَ صَدَقَ اللهُ وَعْدَهُ وَنَصَرَ عَبْدَهُ وَهَزَمَ الأَحْزَابَ وَحْدَهُ.

"Tidak ada yang disembah, melainkan Allah Yang Maha Esa, yang tidak ada sekutu bagi-Nya, Baginya kerajaan dan bagi-Nya segala pujian, Maha Kuasa atas segala-galanya. Kami kembali, bertaubat, beribadat, bersujud kepada Tuhan kami dan memuji-Nya. Allah membenarkan janji-Nya, menolong hamba-Nya dan menghancurkan segala golongan kafir oleh-Nya sendirian."

Kemudian sampaikan berita kedatangan kita melalui seseorang kepada keluarga kita. Janganlah menemui mereka secara langsung, kerana mungkin kamu akan melihat sesuatu yang tidak diinginkan. Hendaknya jangan pula mendatangi keluarga kita dari perjalanan pada malam hari, kerana Rasulullah s.a.w. pernah melarang hal itu.

Apabila musafir telah mendekati kawasan tempat tinggalnya, hendaklah dia berdoa:

اللهُمَّ اجْعَلْ لَنَا بِهَا قَرَارًا وَرِزْقًا حَسَنًا.

"Wahai Allah Tuhanku! Jadikanlah bagi kami padanya ketetapan dan rezeki yang baik."

Kemudian, hendaklah dia mengirim orang kepada keluarganya, yang akan menyampaikan berita gembira dengan kedatangannya. Ini bertujuan agar dia tidak datang secara tiba-tiba sehingga dia melihat apa yang tidak disukainya. Hendaklah dia tidak mengetuk pintu mereka itu pada malam hari. Kerana ada larangan agama berkenaan demikian.

Apabila Nabi s.a.w. datang daripada perjalanan, Baginda pertama-tama masuk masjid dan mengerjakan solat dua raka'at. Kemudian baru Baginda masuk rumah, dan ketika masuk, Baginda membaca:

تَوْبًا تَوْبًا لِرَبِّنَا أَوْبًا أَوْبًا لاَ يُغَادِرُ عَلَيْنَا حُوْبًا.

"Aku bertaubat kepada Tuhan kami, kembali kepada-Nya, suatu taubat yang tidak meninggalkan dosa."

Di dalam sebuah riwayat disbutkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda: "Apabila seseorang tidak mampu membawa sesuatu (buah tangan atau cendera mata), hendaklah dia membawa sedikit batu di dalam begnya." Rasulullah s.a.w. menganjurkan umatnya untuk membawa buah tangan atau cendera mata, kerana ini akan mempererat cinta dan kasih sayang.

Berkenaan dengan adab batiniah dalam melakukan perjalanan, maka pada umumnya seorang muslim tidak boleh melakukan perjalanan kecuali untuk meningkatkan amalan agamanya. Apabila ada kemungkinan sebahagian dari agamanya hilang kerana melakukan perjalanan, maka seorang muslim harus pulang ke rumahnya.

Setiap kali keluar untuk melakukan perjalanan, niatkan untuk menemui ulama-ulama di tempat itu dan ingin menarik manfaat daripada mereka, sama ada ilmu mahupun hikmah atau akhlak. Janganlah menetap atau bermukim di satu tempat selama lebih daripada satu minggu atau sepuluh hari. Apabila musafir hendak menemui kerabatnya di tempat itu, maka hendaklah dia tidak menetap di sana selama lebih daripada tiga hari. Itu kerana tiga hari adalah batas waktu untuk bertamu, kecuali sukar bagi saudaranya itu berpisah dengannya.

Apabila bermaksud menziarahi syeikh (guru), maka hendaklah tidak bermukim padanya lebih daripada sehari semalam dan tidak menyibukkan dirinya dengan berjinak-jinakan dengannya. Itu kerana yang demikian itu akan menghilangkan berkat perjalanannya. Setiap kali dia memasuki suatu negeri, hendaklah dia tidak melakukan selain menziarahi guru (syeikh) yang ada di negeri tersebut.

Jika syeikh itu di rumah, maka hendaklah pintu rumahnya tidak diketuk atau diminta keizinannya sampai dia keluar. Apabila dia telah keluar, maka datanglah kepadanya dengan adab. Lalu berilah salam kepadanya dan tidak berkata-kata di hadapannya kecuali jika dia menanyakannya. Jika syeikh itu bertanya, maka hendaklah dia menjawab apa yang ditanyakan sahaja, dan hendaklah dia tidak menanyakan tentang sesuatu persoalan sebelum meminta izin terlebih dahulu.

C. Perkara-perkara yang dibenarkan (rukhsah) bagi orang musafir

Ketahuilah bahawa seorang musafir di awal perjalanannya, memerlukan persediaan bekalan untuk dunia dan untuk akhiratnya. Adapun bekalan dunia, iaitu: makanan, minuman dan perbelanjaan yang diperlukan. Jika dia keluar dengan

bertawakal, tanpa bekalan, maka tidak mengapa, apabila perjalanannya itu bersama kafilah (rombongan), atau di antara desa-desa yang saling berhubungan antara satu sama lain.

Jika dia menempuh perjalanan di padang sahara sendirian atau bersama orang ramai dengan tidak membawa makanan dan minuman, maka jika dia termasuk orang yang tahan lapar selama seminggu atau sepuluh hari umpamanya, atau sanggup makan cukup dengan daun-daunan, maka dia boleh berbuat demikian.

Sedangkan jika dia tidak kuat menahan lapar dan tidak sanggup makan hanya dengan daun- daunan, maka keluarnya untuk musafir tanpa bekalan itu adalah perbuatan dosa. Itu kerana dia membawa dirinya dengan tangannya sendiri kepada kebinasaan. Ini mempunyai rahsia yang akan dijelaskan pada bab Tawakal.

Tawakal bukan bererti menjauhkan diri secara keseluruhan daripada sebab-sebab. Jika yang berlaku adalah demikian, maka tawakal menjadi batal dengan mencari timba, tali dan mengambil air dari sumur. Dan wajiblah bersabar, sehingga didatangkan Allah baginya seorang malaikat atau orang lain, untuk menuangkan air ke dalam mulutnya.

Jika menjaga timba dan tali tidak merosakkan tawakal dan itu adalah alat yang menyampaikan kepada minuman, maka membawa makanan dan minuman yang tidak dapat diharapkan akan ada di perjalanan adalah lebih tidak merosakkan tawakal. Akan datang penjelasan "Hakikat Tawakal" pada tempatnya nanti. Ini kerana tawakal tidaklah begitu jelas, kecuali bagi ulama-ulama yang melakukan kajian.

Adapun perbekalan akhirat, iaitu pengetahuan yang diperlukan berkenaan taharah (bersuci), puasa, solat dan ibadat-ibadat lainnya. Dengan demikian, mempunyai bekalan pengetahuan ini adalah suatu keharusan. Ini kerana kadang-kadang perjalanan itu meringankan beberapa perkara. Maka perlulah mengetahui batasan yang diringankan oleh perjalanan itu, seperti menqasar dan menjamak solat dan berbuka puasa.

Dan sewaktu-waktu diberatkan beberapa perkara, di mana di negeri sendiri tidak perlu mengetahuinya, seperti pengetahuan tentang qiblat dan waktu solat. Jika di negeri sendiri, maka ia cukup dengan selainnya daripada pengetahuan tersebut. Iaitu dengan melihat mihrab masjid dan mendengar azan muazzin. Di dalam perjalanan, kadang-kadang diperlukan sesuatu yang diketahui sendiri.

Yang jelas, apa yang dihajati untuk mengetahuinya terbahagi kepada dua:

1. Pengetahuan tentang rukhsah

Pengetahuan tentang perkara-perkara yang memperoleh rukhsah (keringanan) dalam perjalanan. Safar itu memberi dua rukhsah dalam bersuci, iaitu menyapu dua khuff dan bertayamum. Di dalam solat fardu dua rukhsah. Iaitu menqasar dan menjamakkan solat. Di dalam solat sunat dua rukhsah, iaitu mengerjakannya di atas kenderaan dan sedang berjalan kaki. Sedangkan dalam berpuasa, satu rukhsah, iaitu boleh berbuka puasa. Berikut ini adalah tujuh jenis rukhsah di dalam perjalanan:

Pertama: Menyapu dua khuff. Sofwan bin Assal berkata: "Rasulullah s.a.w. menyuruh kami apabila kami musafir atau dalam perjalanan untuk tidak membuka khuff kami selama tiga hari beserta malam-malamnya."

Maka tiap-tiap orang yang memakai khuff sesudah bersuci yang membolehkan untuk solat, kemudian dia berhadas, maka dia boleh menyapu khuff-nya setelah berhadas tadi selama tiga hari tiga malam jika dia adalah dalam keadaan musafir. Atau sehari-semalam, jika dia adalah orang yang muqim (bukan orang musafir). Tetapi ini boloh dilakukan dengan lima syarat:

Syarat pertama: Bahawa khuff tersebut dipakai sesudah bersuci dengan sempurna. Jika kaki kanan dibasuhnya dan dimasukkan dalam khuff, kemudian kaki kiri dibasuhnya, lalu dimasukkan ke dalam khuff, nescaya tidak dibenarkan menyapu khuf tersebut, menurut mazhab Asy- Syafie r.a., sebelum khuf kaki kanan dibuka dan diulang kembali memakainya.

Syarat kedua: Khuff itu kuat yang memungkinkan berjalan kaki dengannya. Boleh menyapu khuff walau tidak memakai selipar sekalipun. Itu kerana berlaku kebiasaan, berulang-ulangnya, dengan khuff tersebut di tempat-tempat perhentian. Itu kerana pada umumnya khuff itu kuat. Berbeza dengan alas kaki kaum sufi. Maka tidak dibenarkan untuk menyapunya dan demikian juga dengan jurmuq (khuff yang dipakai di atas khuff biasa disebabkan suhu udara yang sangat dingin) yang lemah."

Syarat ketiga: Hendaklah tidak ada yang koyak di tempat yang wajib dibasuh. Jika ada yang koyak sehingga terbuka tempat yang perlu dibasuh, maka tidak dibenarkan menyapu khuff tersebut. Menurut qaul qadim daripada asy-Syafi'i r.a. ia dibenarkan, selama masih melekat pada kaki. Ini juga adalah pendapat mazhab Maliki dan tidak mengapa mengikuti mazhab Maliki kerana ia dipandang perlu dan

kerana sukar menjahit dalam perjalanan setiap waktu. Kasut yang ditenun boleh disapu jika tertutup sehingga kulit tidak nampak dari celah-celahnya. Begitu juga kasut yang pecah, yang pada tempat pecahnya itu, diikat dengan benang kerana keperluan meminta semua itu.

Maka tidaklah yang diperhatikan selain bahawa khuff itu tertutup sampai ke atas dua buku lali. Sedangkan jika tertutup sebahagian dari belakang tapak kaki dan yang lain tertutup dengan pembalutan, maka khuff tersebut tidak boleh disapu.

Syarat keempat: Hendaklah khuff tidak dibuka sesudah disapu. Jika dibuka, maka yang lebih utama baginya ialah mengulang wuduk (mengambil air sembahyang). Jika dia menyingkatkan dengan membasuh dua tapak kaki sahaja, maka dibenarkan.

Syarat kelima: Hendaklah khuff itu disapu pada tempat yang setentang dengan tempat yang perlu dibasuh atau tidak di atas betis. Sekurang-kurangnya yang disapu ialah apa yang dapat disebut dengan menyapu di atas belakang tapak kaki khuff tersebut. Apabila disapu dengan tiga anak jari, mak ia mencukupi. Adapun yang lebih utama ialah keluar daripada perbezaan ijtihad ulama yang mendatangkan keraguan.

Sedangkan yang lebih sempurna ialah menyapu bahagian atasnya dan bahagian bawah khuff itu dengan sekali gus (sekali jalan) tanpa berulang-ulang. Demikianlah yang diamalkan oleh Rasulullah s.a.w.

Caranya ialah dengan membasahkan dua tangan dan meletakkan hujung anak jari tangan kanan di atas hujung jari kaki kanan. Lalu menyapukannya dengan menarik jari-jari itu ke arah dirinya. Setelah itu meletakkan hujung jari tangan kirinya di atas tumitnya dari bawah khuff dan melalukannya ke hujung tapak kaki.

Manakala menyapu khuff waktu sedang bermukim (tidak musafir), kemudian dia musafir atau waktu sedang musafir, kemudian dia mukim, maka yang diamalkan ialah hukum mukim. Maka hendaklah disingkatkan kepada sehari semalam sahaja. Bilangan tiga hari itu dikira sejak waktu berhadasnya selepas menyapu khuff.

Jika khuff tersebut dipakai di tempatnya mukim (belum musafir) dan menyapunya juga masih di tempatnya mukim, kemudian baru dia keluar berjalan dan berhadas dalam perjalanan pada waktu matahari tergelincir (waktu zawal) umpamanya, mak dia boleh menyapu khuff tiga hari tiga malam sejak waktu zawal

tadi sampai kepada zawal hari keempat.

Apabila matahari telah zawal pada hari keempat, maka dia tidak boleh mengerjakan solat, kecuali sesudah membasuh dua kaki. Setelah dia membasuh kedua kakinya dan memakai khuff lagi, hedaklah dia menjaga waktu hadas dan mengulang kembali hitungan dari waku hadas tersebut.

Jika dia berhadas sesudah memakai khuff di kampung (di tempat tinggalnya), kemudian dia keluar musafir sesudah berhadas, maka dia boleh menyapu khuff selama tiga hari. Itu kerana kadang-kadang adat kebiasaan menghendaki pemakaian khuff sesudah keluar untuk musafir. Kemudian tidak mungkin menjaga diri daripada hadas. Apabila menyapu di kampung, kemudian musafir, nescaya disingkatkan menurut waktu menyapunya orang mukim (sehari semalam).

Disunatkan bagi tiap-tiap orang yang bermaksud memakai khuff di kampung atau dalam perjalanan bahawa membalikkan khuff-nya dan menggerak-gerakkan apa yang di dalamnya kerana menjaga daripada ular atau kala jengking atau duri.

Sesungguhnya diriwayatkan daripada Abu Amamah bahawa Abu Amamah berkata: "Rasulullah s.a.w. pernah meminta kedua khuff-nya. Lantas Baginda memakai salah satu daripada keduanya. Maka datanglah seekor burung gagak. Lalu burung gagak itu membawa yang sebelah lagi daripada khuff tersebut. Kemudian dia melemparkannya. Lalu keluar daripada khuff tadi seekor ular. Maka Rasulullah s.a.w. bersabda:

مَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللهِ وَالْيَوْمِ الآخِرِ فَلاَ يَلْبِسْ خُفَّيْهِ حَتَّى يَنْفَضُهُمَا.

"Barangsiapa beriman kepada Allah dan hari akhirat, maka janganlah dia memakai kedua khuf-nya sebelum menggerak-gerakkannya."

Kedua: Bertayamum dengan debu sebagai ganti daripada air ketika ada halangan (uzur). Sesungguhnya keuzuran daripada memakai air disebabkan air itu jauh dari tempatnya, di mana suara keras pun tidak terdengar atau jika pada air itu terdapat musuh atau binatang buas. Maka boleh bertayamum walaupun air itu dekat. Demikian juga jika dia memerlukan air itu kerana sangat dahaga, sama ada pada hari itu atau sesudahnya disebabkan ketiadaan air di hadapannya. Maka dia boleh bertayamum.

Demikian juga jika dia memerlukan air itu kerana salah seorang temannya sangat dahaga. Maka dia tidak boleh berwuduk dan harus memberikan air itu.

Sama ada dengan memperoleh bayaran atau tanpa bayaran. Jika dia memerlukan air tadi untuk memasak sayur atau daging atau untuk membasahkan makanan yang sudah dihancurkan dan dikumpulkannya dengan air tadi, maka dia tidak boleh bertayamum. Tetapi dia mesti mencukupkan diri dengan makanan hancur dan kering itu tanpa kuah.

Ketika dia diberi air oleh seseorang, nescaya dia wajib menerimanya. Sedangkan jika yang diberikan kepadanya adalah harganya, maka dia tidak wajib menerimanya. Itu kerana dalam menerima harga itu terdapat cercaan. Jika air dijual oleh seseorang kepadanya dengan harga yang berpatutan, maka hendaklah dia membelinya. Jika dijual dengan harga yang lebih tinggi daripada harga yang berpatutan tersebut, maka air tersebut tidak harus dibeli.

Apabila tidak ada air padanya dan dia bermaksud untuk bertayamum, maka yang pertama-tama harus dilakukannya, ialah mencari air jika dia mungkin sampai kepada air dengan cara dicari. Yang demikian itu ialah dengan pulang-pergi di sekeliling tempat tinggalnya dengan memeriksa kenderaan-kenderaan dan mencari baki yang ada di tempat-tempat air dan tempat-tempat membersihkan sesuatu dengan air.

Jika dia lupa akan air yang ada di kenderaannya atau dia lupa kepada sumur yang hampir dengannya, maka dia harus mengulang solatnya. Itu kerana kelalaiannya dalam mencari air. Jika dia mengetahui bahawa dia akan memperoleh air di akhir waktu solat, maka yang lebih utama ialah dia mengerjakan solat dengan tayamum di awal waktu. Itu kerana umur kita tidak dapat dipercayai akan berterusan sedangkan awal waktu adalah keredaan Allah.

Ketika Ibnu Umar r.a. bertayamum, seseorang bertanya kepadanya: “Adakah anda bertayamum, sedangkan dinding kota Madinah memandang kepada anda?” Ibnu Umar r.a. menjawab: “Apakah aku akan kekal (tidak meninggal) sampai aku dapat memasuki kota Madinah itu?” Manakala air diperoleh sesudah masuk dalam solat, nescaya solatnya tidak batal dan dia tidak wajib berwuduk. Sedangkan jika dia memperoleh air sebelum masuk dalam solat, maka hendaklah dia berwuduk.”

Manakala air itu telah dicari, lalu tidak diperoleh, maka hendaklah dia menuju tanah yang baik (yang suci), di mana di atasnya terdapat debu yang terbang daripadanya debu.

Adapun cara bertayamum iaitu kedua telapak tangan yang sudah dirapatkan jari-jarinya ditepukkan satu kali ke atas tanah yang berdebu (yang suci). Dengan kedua tapak tangan itu wajah disapu dan kemudian kedua telapak tangan menepuk sekali lagi ke atas tanah dan disapukan pada kedua tangan sampai pada kedua siku-sikunya.

Apabila solat fardu telah dikerjakan dengan tayamum, maka kita boleh mengerjakan solat sunat sebanyak yang dikehendaki dengan satu tayamum itu. Satu solat fardu dilakukan dengan satu tayamum. Apabila dia bermaksud menjamak dua solat fardu, maka kita harus mengulang tayamum untuk solat fardu berikutnya sehingga tidak dikerjakan dua solat fardu kecuali dengan dua kali tayamum.

Hendaklah tayamum untuk solat tidak dilakukan sebelum masuk waktunya. Jika ini dilakukan, maka dia wajib mengulangi tayamum ketika masuk waktu solat.

Jika diperolehnya air yang cukup untuk sebahagian taharahnya, maka hendaklah air itu digunakan. Kemudian hendaklah bertayamum sesudah memakai air tadi dengan tayamum yang sempurna.

Ketiga: Meringkas atau mengqashar solat fardu. Solat Zhuhur, Ashar dan Isyak boleh diringkas menjadi dua rakaat. Adapun syarat meringkas solat fardu antara lain. Pertama, solat itu dilaksanakan pada waktunya. Kedua, berniat mengqashar. Dan, ketiga, tidak mengikuti imam yang menyempurnakan solatnya empat raka'at atau tidak berimam kepada orang yang tidak musafir (orang yang bermukim). Menurut mazhab Hanafi, qashar boleh dilakukan setelah melewati jarak perjalanan 48 mil dari tempat kediamannya.

Keempat: Menjamak solat fardu. Di dalam perjalanan, solat Zhuhur boleh ditunda sampai tiba waktu solat Ashar atau sebaliknya solat Ashar boleh dikerjakan pada waktu solat Zhuhur. Begitu juga halnya dengan solat Maghrib dan solat Isyak, keduanya boleh dilaksanakan berurutan dalam satu waktu solat. Solat Maghrib boleh dilaksanakan pada waktu Isyak atau solat Isyak dilaksanakan pada waktu Maghrib. Dalam perjalanan, kita diperbolehkan meninggalkan solat Jumaat kerana ini termasuk sebahagian daripada rukhsah.

Ini semuanya adalah dalam perjalanan yang jauh dan mubah (diperbolehkan, tidak dilarang oleh agama). Dan batas perjalanan (safar) dari segi permulaan dan kesudahannya, mengandungi perkara-perkara yang penuh pertanyaan. Maka ia harus diketahui. Perjalanan (safar) ialah perpindahan dari tempat tinggal disertai

maksud menuju suatu tempat yang sudah diketahui. Orang yang berkelana dan orang yang tidak tentu tujuannya tidak diberi rukhsah. Iaitu orang yang tidak menuju ke suatu tempat yang tertentu.

Dan dia tidak menjadi musafir, sebelum dia meninggalkan tempat yang ramai didiami oleh manusia daripada negerinya. Dan tidak disyaratkan dia melalui tempat-tempat yang roboh (tidak didiami lagi) dan kebun-kebun (taman-taman) di mana anak negeri keluar ke taman-taman tersebut untuk istirehat. Adapun desa, maka musafir dari desa akan melalui kebun-kebunnya yang dipagari.

Jika si musafir itu kembali ke kampungnya untuk mengambil sesuatu yang dilupainya, maka dia tidak memperoleh rukhsah apabila kampung tersebut adalah tempat tinggalnya sendiri, selama dia tidak melalui tempat yang ramai didiami oleh penduduk. Jika yang demikian itu bukan tempat tinggalnya sendiri, maka dia memperoleh rukhsah kerana telah menjadi seorang musafir dengan kesukaran berpisah dan keluar dari tempatnya.

Kelima: Boleh mengerjakan solat sunat di atas kenderaan. Rasulullah s.a.w. mengerjakan solat di atas kenderaannya dengan menghadap ke arah mana sahaja haiwan tunggangan Baginda menghadap. Rasulullah s.a.w. mengerjakan Solat Witir di atas kenderaan.

Orang yang mengerjakan solat sunat di atas kenderaan tidak perlu rukuk dan sujud kecuali dengan isyarat sahaja. Iaitu dengan membuat sujudnya lebih rendah daripada rukuknya. Juga tidak wajib membungkuk sampai kepada batas yang dapat mendatangkan bahaya disebabkan kenderaan. Berbeza jika berada di tempat tidur, maka hendaklah dia menyempurnakan rukuk dan sujud kerana sanggup melakukannya.

Adapun menghadap kiblat, maka tidak wajib dilakukan sama ada di awal solat ataupun ketika sedang melaksanakannya. Itu kerana arah jalan adalah ganti kiblat. Maka, dalam semua solatnya hendaklah dia mengikuti arah yang dilalui kenderaannya.

Jika dia memalingkan kenderaannya dari jalan yang semestinya dengan sengaja, maka batallah solatnya. Kecuali jika dia memalingkan kenderaannya itu ke aras kiblat. Tetapi jika dia memalingkannya kerana lupa dan dalam masa yang tidak terlalu lama, maka solatnya tidak batal. Adapun dalam masa yang lama, maka para ulama berbeza pendapat tentang hukumnya.

Apabila kenderaannya itu melawan dan berpaling, maka solatnya tidak batal kerana yang demikian itu banyak berlaku sehingga tidak perlu sujud sahwi. Itu kerana perlawanan binatang tunggangan tidak disangkutkan kepadanya. Sebaliknya, jika dia berpaling kerana lupa, maka hendaklah dia melakukan sujud sahwi dengan isyarat.

Mengerjakan solat sunat bagi orang yang berjalan kaki dibenarkan dengan melakukan isyarat untuk rukuk dan sujud. Dia juga tidak perlu duduk untuk ber-tasyahhud kerana yang demikian akan menghilangkan faedah rukhsah. Hukum orang yang berjalan kaki itu sama dengan hukum orang yang berkenderaan.

Namun hendaklah orang yang berjalan kaki itu bertakbiratul ihram untuk solat itu dengan menghadap kiblat. Ini kerana berhenti sesaat untuk melakukannya tidak mengandungi kesukaran kecuali orang yang berkenderaan. Sebab, memalingkan kenderaan meskipun tali kawalan binatang kenderaan itu ada di tangannya adalah sukar.

Hendaklah tidak berjalan kaki di tempat yang ada najis basah dengan sengaja. Jika yang demikian itu dilakukan, maka solatnya batal. Berbeza jika binatang orang yang berkenderaan itu memijak najis. Dia juga tidak harus mengganggu perjalanannya dengan menjaga najis-najis yang biasanya tidak ada di jalan tersebut.

Tiap-tiap orang yang melarikan diri daripada musuh atau banjir atau binatang buas, boleh mengerjakan solat fardu dengan berkenderaan atau berjalan kaki, sebagaimana telah kami sebutkan dahulu dalam mengerjakan solat sunat.

Keenam: Orang yang sedang melakukan perjalanan diperbolehkan melaksanakan solat sunat dengan isyarat dan gerak dan tidak harus duduk ketika ber-tasyahhud. Sebab, ia menghilangkan maksud rukhsah.

Ketujuh: Berbuka (tidak berpuasa). Ketika seorang musafir berpuasa, maka dia boleh berbuka puasa, kecuali pada pagi hari dia bermukim kemudian musafir. Maka hendakla dia menyempurnakan puasa pada hari itu. Jika di awal pagi ses-erang telah menjadi musafir yang berpuasa, kemudian dia bermukim, maka harus-lah menyempurnakan puasa. Kalau bermukim dengan berbuka puasa, maka tidak wajib imsak (menahan diri daripada yang membatalkan puasa) pada baki hari itu.

Jika pada pagi hari seseorang musafir dengan tetap berpuasa, maka tidak wajib baginya berpuasa dan boleh berbuka jika dia mahu. Tetapi berpuasa lebih utama

daripada berbuka. Men-qasar-kan solat lebih utama daripada menyempurnakannya untuk keluar daripada syubhat khilaf (perbezaan pendapat di antara ulama sehingga menimbulkan keraguan). Juga kerana dia tidak dalam tanggungan qadha puasa.

Sebaliknya orang yang berbuka puasa, maka dia berada dalam tanggungan qadha. Kadang-kadang sukar baginya yang demikian disebabkan sebuah halangan. Maka tetaplah puasa itu dalam tanggungannya kecuali apabila puasa mendatangkan mudarat baginya, maka berbuka menjadi lebih utama.

Inilah tujuh jenis rukhsah. Tiga di antaranya bergantung pada perjalanan jauh, iaitu: qashar solat, berbuka puasa dan menyapu khuff (kasut) selama tiga hari. Sedangkan dua lainnya bergantung pada perjalanan, sama ada jauh ataupun dekat, iaitu: gugur kewajipan solat Jumaat dan gugur kewajipan qadha ketika mengerjakan solat dengan tayamum.

Adapun solat sunat dalam perjalanan, sama ada dengan berjalan kaki atau berkenderaan, terdapat perbezaan pendapat dalam kalangan ulama. Yang lebih sahih (yang lebih kuat) ialah ia dibenarkan dalam perjalanan yang dekat. Sedangkan men-jamak-kan dua solat, terdapat perbezaan pendapat di antara ulama. Yang lebih zahir (yang lebih kuat) ialah melakukan jamak ialah dalam perjalanan yang jauh. Adapun solat fardu ketika sedang berkenderaan atau berjalan kaki disebabkan rasa takut, maka tidak ada hubungannya dengan safar (perjalanan).

Demikian juga memakan bangkai dan menunaikan solat pada waktunya dengan tayamum ketika tidak ada air. Berkaitan dengan perkara-perkara tersebut, sama hukumnya antara orang yang mukim dan orang yang musafir ketika terdapat sebab-sebabnya. Jika anda bertanya: "Pengetahuan tentang rukhsah-rukhsah tadi, adakah wajib bagi musafir untuk mempelajarinya sebelum melakukan perjalanan, ataukah hanya disunatkan.

Ketahuilah, bahawa jika musafir itu bercita-cita tidak menyapu khuff, tidak men-qashar, tidak menjama', tidak berbuka puasa dan tidak mengerjakan solat sunat dengan berkenderaan dan berjalan kaki, maka tidak wajib mengetahui syarat-syarat rukhsah pada yang demikian, kerana menggunakan rukhsah tidaklah wajib atasnya.

Adapun pengetahuan tentang rukhsah tayamum, maka wajib dipelajari kerana ketiadaan air tidak bergantung padanya kecuali dia musafir di tepi sungai yang

dipercayai tetap ada airnya. Atau di dalam perjalanannya dia disertai oleh seorang alim yang dapat memberinya fatwa ketika diperlukan. Maka boleh mengemudiankan pelajaran itu sampai ketika diperlukan.

Apabila berat sangkaannya tidak ada air dan tidak ada sertanya seorang alim, maka sudah pasti, maka dia wajib mempelajarinya. Jika anda bertanya: "Jika tayamum itu diperlukan untuk solat yang belum masuk waktunya, lantas bagaimanakah boleh menjadi wajib mengetahui ilmu bersuci untuk solat yang belum wajib dan kadang-kadang tidak akan wajib?"

Aku menjawab: "Orang yang antaranya dan Ka'bah terdapat suatu jarak yang jauh dan tidak dapat ditempuh selain dalam satu tahun, maka dia wajib memulakan perjalanan sebelum datangnya bulan haji. Dia juga wajib belajar manasik haji jika dia merasa yakin bahawa dia tidak akan menemui seorang yang dapat mengajarnya tentang perkara tersebut di jalan. Itu kerana sesuatu yang tidak dapat sampai kepada yang wajib kecuali dengannya, maka ia menjadi wajib.

Oleh itu, seorang musafir tidak boleh melakukan perjalanan sebelum dia belajar pengetahuan tayamum. Jika dia berazam kepada rukhsah-rukhsah yang lain, maka dia juga wajib belajar sekadar yang telah kami sebutkan daripada ilmu tayamum dan rukhsah-rukhsah lainnya.

Kelapan: Kewajipan yang timbul disebabkan perjalanan (safar), iaitu belajar ilmu tentang penetapan arah kiblat dan waktu-waktu solat.

Yang demikian itu wajib juga di tempat mukim (tidak dalam perjalanan). Tetapi di tempat mukim, bagi orang yang mencukupkan diri dengan mihrab yang telah disepakati untuk menunjukkan arah kiblat, maka dia tidak perlu lagi mencari kiblat.

Begitu juga ketika ada muazzin yang menjaga waktu solat, maka dia tidak perlu lagi mencari ilmu tentang waktu-waktu solat. Ketika seorang musafir ragu tentang arah kiblat dan tentang waktu-waktu solat, maka dia mesti mengetahui tanda-tanda yang menunjukkan kiblat dan waktu-waktu solat.

Adapun tanda-tanda kiblat ada tiga:

a. Tanda-tanda di bumi, seperti mengambil tanda (dalil) melalui bukit (gunung), desa dan sungai.

b. Tanda-tanda di udara, seperti mengambil tanda (dalil) melalui angin, dari Utara dan Selatan, Timur dan Barat.

c. Tanda-tanda di langit, iaitu bintang-bintang.

Adapun tanda-tanda di bumi dan udara, maka ia berlainan antara satu negeri dengan negeri lainnya. Itu kerana kadang-kadang ada jalan yang padanya terdapat bukit tinggi yang diketahui bahawa di kanan, atau kiri, atau belakang atau hadapan bukit itu ada orang yang menghadap kiblat. Maka hendaklah diketahui dan dipelajari yang demikian.

Begitu juga angin, kadang-kadang ia menunjuk kepada sebahagian negeri. Maka hendaklah yang demikian itu dipelajari dan kami tidak sanggup menyelidiki yang demikian kerana bagi masing-masing negeri memiliki ketentuan sendiri-sendiri.

Adapun tanda langit, maka dalil-dalilnya terbahagi kepada: tanda siang dan tanda malam. Tanda siang, iaitu matahari. Maka hendaklah ia diperhatikan sebelum keluar dari negerinya apakah matahari itu telah tergelincir (zawal) atau belum dan di mana kedudukannya, apakah ia berada di antara dua bulu kening atau di atas mata kanan atau mata kiri atau ia cenderung lebih banyak kepada dahi daripada yang tadi.

Sesungguhnya matahari di negeri-negeri bahagian utara tidak melampaui tempat-tempat tersebut sehingga jika yang demikian itu dihafalkan, maka ketika diketahui zawal dengan dalilnya yang akan kami sebutkan, nescaya kedudukan kiblat akan diketahui.

Kemudian hendaklah diingat kedudukan matahari di waktu Asar kerana pada dua waktu ini (Zuhur dan Asar) kedudukan kiblat daat diketahui dengan mudah. Tetapi ini juga berbeza antra satu negeri dengan negeri lainnya. Adapun kiblat pada waktu Maghrib, maka dapat diketahui dengan tempat terbenamnya matahari. Yang demikian itu, dengan mengingat bahawa matahari terbenam dari sebelah kanan orang yang menghadap kiblat. Atau matahari itu condong ke arah muka atau kuduknya.

Kemudian dengan syafaq (cahaya merah setelah terbenam matahari), dapat diketahui kiblat untuk solat Isyak dan dengan tempat terbit matahari dapat diketahui kiblat untuk solat Subuh. Maka seolah-olah matahari itu menunjukkan kiblat bagi

solat lima waktu.

Tetapi yang demikian itu berlainan pada musim dingin dan musim panas. Sesungguhnya tempat terbit dan terbenam matahari itu banyak, walaupun terbatas pada dua arah. Maka perkara ini juga mesti dipelajari. Tetapi, kadang-kadang solat Maghrib dan Isyak dikerjakan sesudah hilang syafaq. Maka tidak mungkin mendapat petunjuk kepada kiblat dengan syafaq sehingga yang harus diperhatikan ialah kedudukan qutub, iaitu bintang yang dinamai sebagai jadyi (anak domba).

Ia adalah bintang yang beredar (kaukab), seperti bintang tetap. Tidak terang gerakannya dari tempatnya. Yang demikian itu, ada kalanya bintang itu berada di atas kuduk orang yang menghadap qiblat. Atau di atas bahunya yang kanan daripada belakangnya. Atau bahunya yang kiri. Di negeri-negeri bahagian utara dari Makkah dan negeri-negeri bahagian selatan, seperti Yaman dan sekitarnya, bintang itu berada di hadapan orang yang menghadap kiblat. Maka hendaklah yang demikian itu dipelajari.

Jika telah nyata baginya bahawa dia salah dalam menghadap kiblat dari arah-arah yang empat, maka hendaklah dia menqadha solatnya. Jika dia keluar dari kedudukan kiblat yang sebenar, tetapi tidak keluar dari arahnya, maka dia tidak wajib menqadha solat itu.

Dengan mengucap syukur kepada Allah SWT telah selesai pembahasan tentang tata cara musafir. Semoga selawat dan salam sentiasa dicurahkan ke atas junjungan alam, Nabi Muhammad s.a.w. Setelah ini, kita akan memasuki pembahasan tentang alat muzik dan nyanyian. Segala bentuk pujian hanya layak kita berikan ke hadirat Allah SWT, sama ada di awal mahupun akhirnya.

"Katakanlah! Siapakah yang mengharamkan perhiasan Allah dan memakan rezeki yang baik yang disediakan-Nya untuk hamba-Nya?"

(al-A'raf: 32)

BAB 18
ADAB MENDENGAR NYANYIAN DAN KESANNYA DI HATI

Segala pujian bagi Allah yang membakar hati para wali-Nya dengan api kasih-sayang-Nya. Melemah-lembutkan cita-cita dan jiwa mereka dengan kerinduan untuk bertemu dan bermusyahadah dengan-Nya. Menegakkan pandangan zahir dan pandangan batin mereka kepada memerhatikan keelokan hadharat-Nya. Sehingga jadilah mereka mabuk daripada hembusan kelazatan perhubungan itu. Dan jadilah hati mereka memerhatikan kesucian keagungan itu, tenggelam dan hairan.

Di dalam dua alam itu (alam ghaib dan alam nyata) mereka tidak melihat sesuatu selain Allah. Tidaklah disebutkan sesuatu pada dua negeri itu (dunia dan akhirat) selain Dia. Jika didatangkan kepada mata mereka suatu bentuk, maka mata hati mereka akan teringat kepada Pembentuknya.

Jika pendengaran mereka diketuk oleh bunyi yang merdu, maka segala gurisan jiwa mereka akan mendahului menuju Yang Dicintai. Jika datang kepada mereka suara yang mengejutkan atau yang menggembirakan atau yang menyedihkan atau yang mengesankan atau yang merindukan atau yang menyemangatkan, maka kekejutan mereka itu bukan selain kepada-Nya.

Tidaklah kegembiraan mereka itu, melainkan dengan Dia. Tidaklah keterkejutan mereka itu, melainkan kepada-Nya. Tidaklah kesedihan mereka itu, melainkan pada-Nya. Tidaklah kerinduan mereka itu, melainkan kepada apa yang ada di sisi-Nya (daripada kenikmatan yang abadi). Tidaklah gerakan mereka itu melainkan kerana-Nya.

Tidaklah mereka bolak-balik, melainkan di sekeliling-Nya. Maka daripada-Nyalah pendengaran mereka dan kepada-Nya pula perhatian pendengaran mereka itu. Tertutuplah daripada yang lain, penglihatan dan pendengaran mereka. Mereka itu ialah orang-orang yang dipilih oleh Allah untuk menjadi wali-Nya dan Dia beri kurnia.

Selawat dan salam semoga sentiasa dilimpahkan oleh Allah SWT kepada Muhammad yang diutus dengan membawa risalah-Nya, juga kepada keluarga dan para sahabat Baginda, para imam dan pahlawan kebenaran.

Amma ba'du:

Sesungguhnya hati dan isi hati (sarirah) itu adalah gudang segala rahsia dan tambang bagi segala intan permata. Sesungguhnya di dalam hati tersembunyi segala intan permatanya, sebagaimana tersembunyinya api pada besi dan batu. Ketersembunyian segala intan permata itu adalah sebagaimana tersembunyinya air di bawah tanah dan tanah liat.

Tidak ada jalan untuk mengetahui rahsia yang tersembunyi itu selain melalui pendengaran, dan tidak ada yang dapat menghembuskan kepada hati selain melalui pendengaran yang menjadi tempat masuknya.

Oleh itu, segala dengungan yang berirama dan sedap didengar itu mengeluarkan apa yang ada di dalamnya dan melahirkan segala yang baik atau segala yang buruk daripadanya. Maka tidaklah lahir daripada hati, ketika digerakkan, selain apa yang dikandungnya. Sebagaimana tidak disaring daripada tempat air, selain apa yang ada di dalamnya. Maka pendengaran bagi hati itu seumpama batu asah.

Maka hakikat pendengaran tidak akan sampai kepada hati kecuali setelah bergerak di dalamnya apa yang menguasainya (daripada kebajikan atau kejahatan); Apabila hati itu menurut sifatnya patuh kepada pendengaran, sehingga ia melahirkan dengan segala yang datang kepada pendengaran itu, mendedahkan segala yang tersembunyi di dalam hati, membuka segala keburukan dan melahirkan segala kebaikannya, maka wajib dihuraikan perkataan tentang mendengar nyanyian dan kesannya di hati.

Juga menjelaskan segala faedah dan bahaya yang ada pada keduanya, apa yang disunatkan pada keduanya daripada adab-adab dan cara-cara, serta akibat yang timbul disebabkan mendengar nyanyian dan kesannya di dalam hati. Selain itu,

perlu dijelaskan tentang perselisihan para ulama berkenaan apa-apa yang dilarang atau yang dibenarkan dalam mendengar nyanyian dan kesannya di hati.

Masalah ini akan kami jelaskan di dalam dua bab:

1. Kebolehan mendengar nyanyian.
2. Adab mendengar dan kesan-kesan mendnegar nanyian terhadap hati dengan perasaan dan kesannya terhadap anggota badan dengan tarian, suara keras dan pengoyakan kain.

A. Mendengar nyanyian, kehalalan dan keharamannya

Ketahuilah bahawa mendengar adalah awal sebuah urusan, dan pendengaran menimbulkan suatu keadaan di hati yang disebut sebagai al-Wajd (kesan di hati) yang kemudian menyebabkan penggerakan anggota badan. Kadang-kadang gerakan tersebut tidak mempunyai perimbangan yang disebut sebagai keguncangan, dan kadang-kadang dengan perimbangan. Maka ia dinamai sebagai tepukan tangan dan tarian.

Marilah kita mulakan pembahasan ini dengan masalah berkenaan hukum mendengar dan inilah yang pertama. Akan kami nukilkan padanya kata-kata yang lahir daripada mazhab-mazhab. Kemudian, kami sebutkan dalil atas pembolehannya. Kemudian, kami ikutkan dengan penjawaban daripada apa yang menjadi pegangan orang-orang yang mengatakan pengharamannya.

Tentang menukilkan mazhab-mazhab, telah diceritakan oleh al-Qadi Abu ath-Thayyib ath-Thabari daripada Imam asy-Syafi'i r.a., Imam Malik r.a., Imam Abu Hanifah r.a., Sufyan dan segolongan ulama kata-kata yang menunjukkan bahawa mereka mengharamkannya.

Asy-Syafi'i r.a. berkata di dalam Kitab Adab Pengadilan (Kitab Adab al-Qadha') bahawa sesungguhnya nyanyian adalah makruh, menyerupai batil. Barangsiapa yang membanyakkan menyanyi, maka dia itu adalah orang bodoh (safih) yang ditolak kesaksiannya. Al-Qadhi Abu ath-Thayyib berkata: "Mendengar nyanyian daripada wanita yang bukan mahram tidak boleh menurut para sahabat asy-Syafi'i r.a. dalam keadaan apa pun juga. Sama ada keadaan wanita itu terbuka ataupun di belakang hijab dan sama ada wanita itu merdeka ataupun hamba sahaya."

Al-Qadhi berkata: “Asy-Syafi’i r.a. mengatakan bahawa orang yang punya hamba perempuan, apabila mengumpulkan manusia untuk mendengar nyanyian hamba tersebut, maka dia adalah safih (dungu) yang ditolak kesaksiannya.”

Al-Qadhi juga berkata: “Diceritakan daripada asy-Syafi’i, bahawa beliau memandang makruh memukul kuku-kuku binatang dengan kayu. Beliau juga mengatakan bahawa alat permainan itu diadakan oleh orang-orang zindiq (orang yang tidak beragama) supaya mereka melalaikan daripada Al-Quran.”

Asy-Syafi’i r.a. berkata: “Dimakruhkan menurut hadis, permainan muzik dengan nard[336], lebih banyak daripada makruhnya permainan dengan sesuatu alat permainan yang lain. Aku tidak menyukai permainan catur dan aku memandang makruh setiap sesuatu yang menjadi permainan manusia. Itu kerana permainan itu bukan berasal daripada ahli agama dan orang yang memiliki maruah.”

Adapun Malik r.a., maka beliau melarang nyanyian dan berkata: “Apabila kamu membeli hamba wanita, lalu kamu mendapatinya sebagai seorang penyanyi, maka kamu boleh mengembalikannya kepada penjualnya.” Pendapat ini adalah pendpat mazhab penduduk Madinah lainnya selain Ibrahim bin Sa’d.

Adapun Abu Hanifah r.a., beliau memandang makruh yang demikian dan menganggap mendengar nyanyian termasuk dosa. Begitu juga Ahli Kufah lainnya, seperti: Sufyan ats-Tsuri, Hammad, Ibrahim, asy-Sya’bi dan lain-lain.

Ini semuan dinukilkan oleh al-Qadhi Abu ath-Thayyib Ath-Thabari. Juga dinukilkan oleh Abu Thalib al-Makki pendapat yang membolehkan mendengarkan nyanyian-nyanyian daripada golongan ulama. Dia berkata: “Pendapat ini diterima daripada sahabat Nabi s.a.w., ‘Abdullah bin Ja’far, Abdullah bin az-Zubair, al-Mughirah bin Syu’bah, Mu’awiah dan lain-lain”.

Abu Thalib al-Makki lantas berkata: ”Telah diperbuat demikian oleh kebanyakan salaf (ulama terdahulu) yang soleh, sama ada shahabat atau tab’in, dengan sebaik-baiknya.” Seterusnya, beliau mengatakan: “Hendaklah orang-orang Hijaz sentiasa bersama kami di Makkah untuk mendengar nyanyian pada hari-hari yang utama. Iaitu hari-hari yang terbilang, yang Allah menyuruh hamba-

[336] Sejenis alat muzik yang diciptakan oleh seorang raja Persia dahulu kala dan terbuat daripada batang kurma.

Nya dengan berzikir (mengingati-Nya) seperti: hari-hari tasyriq. Dan sentiasalah penduduk Madinah itu, seperti penduduk Makkah yang terbiasa mendengar lagu, sampai zaman kita sekarang ini.

Oleh itu, kami dapati Abu Marwan al-Qadhi mempunyai hamba-hamba wanita, yang memperdengarkan nyanyiannya kepada orang ramai. Sesungguhnya mereka itu disediakan untuk orang-orang sufi." Abu Thalib al-Makki berkata: "Atha' mempunyai dua hamba wanita yang bernyanyi. Maka teman-temannya mendengar nyanyian kedua hamba wanita itu."

Abu Thalib al-Makki berkata: "Abu al-Hasan bin Salim pernah ditanya: "Bagaimana tuan menolak mendengar lagu, padahal al-Junaid, Surrai as-Saqathi dan Zun Nun telah mendengarnya?"

Abul Hasan menjawab: "Bagaimana aku menolak untuk mendengar lagu, padahal telah diperbolehkan dan didengar oleh orang-orang yang lebih baik daripadaku. Sesungguhnya adalah Abdullah bin Ja'far ath-Thayyar mendengar lagu. Dan yang aku tantang, ialah senda-gurau permainan dalam mendengar lagu itu".

Abu Thalib al-Makki berkata: "Ibnu Mujahid tidak memperkenankan suatu undangan, kecuali ada padanya nyanyian." Dan bukan seorang yang menceritakan bahawa Abu Thalib berkata: "Kami berkumpul pada suatu undangan dan bersama kami, Abul Qasim bin Bintu Muni', Abu Bakar bin Daud dan Ibnu Mujahid bersama teman-teman mereka. Maka datanglah nyanyian. Lalu Ibnu Mujahid mendorong Abul Qasim bin Bintu Muni' supaya mengajak Ibnu Daud mendengarnya. Maka Ibnu Daud menjawab: "Disampaikan kepadaku oleh ayahku, daripada Ahmad bin Hambal, bahawa Ahmad bin Hambal memandang makruh mendengar nyanyian. Ayahku pun kemudian memakruhkannya dan aku sependapat dengan mazhab ayahku."

Abdul Qasim bin Binti Mani' berkata: "Adapun nenekku ialah Ahmad bin binti Mani'. Beliau menceritakan kepadaku daripada Soleh bin Ahmad bahawa ayahnya mendengar nyanyian Ibnu al- Khabbazah."

Abu Thalib al-Makki berkata: "Abul Hasan al-Asqalani al-Aswad termasuk wali yang mendengar nyanyian dan terpesona ketika mendengar nyanyian itu. Dia mengarang suatu kitab tentang nyanyian dan menolak orang-orang yang menentang nyanyian." Begitu juga suatu jemaah daripada mereka menyusun kitab

untuk menolak orang-orang yang menantang nyanyian.

Diceritakan daripada seorang syeikh tasawwuf yang berkata: “Aku pernah bertemu dengan Abul Abbas al-Khidlir a.s. lalu aku bertanya: “Apakah pendapat tuan tentang mendengar nyanyian ini yang diperselisihkan oleh sahabat-sahahabat kami?”

Al-Khidlir menjawab: “Mendengar nyanyian itu adalah sesuatu yang bersih tetapi menggelincirkan dan tidak ada yang tetap di atasnya selain tapak kaki para ulama.”

Mimsyad al-Dainuri berkata: “Aku bermimpi bertemu Rasulullah s.a.w., lalu aku bertanya kepada Baginda: ‘Wahai Rasulullah, apakah tuan tidak menyukai sesuatu daripada nyanyian?’ Baginda menjawab: “Aku bukan tidak menyukai nyanyian, tetapi katakan kepada mereka bahawa mereka harus memulakan nyanyian itu dengan sebuah ayat al-Quran dan mengakhirinya dengan sebuah ayat al-Quran juga.”

Diceritakan daripada Tahir bin Bilal al-Hamdani al-Warraq dan dia adalah termasuk ahli ilmu yang mengatakan: “Aku kerap ber-iktikaf di masjid jami’ Jeddah yang ada ditepi laut. Pada suatu hari, aku melihat sekumpulan orang menyanyikan sebuah nyanyian di sebuah sudut masjid tersebut dan mereka mendengarnya. Lalu aku pun menolak perbuatan tersebut dengan hatiku dan berkata kepada diriku: “Di dalam salah satu rumah Allah mereka mengucapkan pantun.”

Thahir meneruskan ceritanya: “Lalu pada malam itu aku bermimpi berjumpa Rasulullah s.a.w. yang sedang duduk di sudut masjid tersebut bersama Abu Bakar ash-Shiddiq r.a. Tiba-tiba, Abu Bakar mengucapkan sesuatu daripada nyanyian itu dan Nabi s.a.w. mendengarkannya dengan meletakkan tangannya di atas dadanya seperti orang yang terpesona dengan nyanyian tersebut.

Lalu aku berkata kepada diriku: “Aku tidak semestinya menolak mereka yang mendengar itu kerana Rasulullah s.a.w. mendengar ketika Abu Bakar melagukan sebuah lagu. Lalu Rasulullah s.a.w. berpaling kepadaku dan bersabda: “Ini adalah kebenaran yang disertai oleh kebenaran.” Atau Baginda bersabda: “Ini adalah kebenaran daripada kebenaran.” Aku ragu mana di antara dua perkataan itu yang diucapkan oleh Nabi s.a.w.

Al-Junaid berkata: "Diturunkan rahmat kepada golongan ini, (golongan sufi) pada tiga tempat, iaitu: Pertama, ketika makan, kerana mereka tidak makan kecuali ketika merasa sangat lapar. Kedua, ketika membicarakan ilmu pengetahuan (muzakarah) kerana mereka tidak bersoal jawab kecuali tentang kedudukan orang-orang siddiq (orang yang benar-benar membenarkan agama). Ketiga, ketika mendengar nyanyian kerana mereka itu mendengar dengan hati yang berkesan dan mengakui kebenaran."

Diriwayatkan daripada Ibnu Juraij bahawa dia memandang ringan nyanyian. Lalu dia ditanya oleh seseorang: "Adakah nyanyian itu didatangkan pada hari kiamat dalam jumlah kebaikanmu atau keburukanmu?" Ibnu Juraij menjawab: "Tidak dalam kebaikan dan tidak dalam keburukan, kerana nyanyian itu menyerupai perbuatan yang sia-sia."

Allah SWT berfirman:

لَّا يُؤَاخِذُكُمُ ٱللَّهُ بِٱللَّغْوِ فِىٓ أَيْمَـٰنِكُمْ

"Allah tidak menganggap kamu bersalah tentang sumpah kamu yang tidak dimaksudkan (untuk bersumpah)."

(al-Baqarah: 225)

1. Dalil yang membolehkan mendengar nyanyian

Ketahuilah, bahawa ucapan orang yang mengatakan: "Mendengar nyanyian itu haram." Itu bererti Allah SWT telah menyeksakannya. Ini adalah sesuatu perkara yang tidak dapat diketahui dengan akal semata-mata, tetapi dengan mendengar dalil agama. Mengenali hukum keagamaan itu terbatas pada nas (dalil agama yang tegas). Atau qiyas (analogi) kepada sesuatu yang disebut di dalam nas.

Adapun yang dimaksudkan dengan nas ialah sesuatu yang dijelaskan oleh Nabi s.a.w. dengan perkataan atau perbuatannya. Sedangkan yang dimaksudkan dengan qiyas ialah pengertian yang difahami daripada perkataan-perkataan dan perbuatan-perbuatan Nabi s.a.w. Jika padanya tidak ada nas dan tidak lurus padanya qiyas kepada yang di-nas-kan, nescaya batallah perkataan mengharamkannya. Lalu tinggallah sebagai perbuatan yang tidak ada apa-apa padanya, seperti perbuatan-perbuatan lain yang dibolehkan (perbuatan mubah). Tidak ada nas dan qiyas yang menunjukkan haramnya mendengar nyanyian. Yang demikian itu jelas dalam jawapan kami daripada dalil-dalil mereka yang cenderung kepada

mengharamkannya.

Manakala telah sempurna jawapan daripada dalil-dalil mereka, maka yang demikian itu merupakan jalan cukup untuk menetapkan maksud ini. Tetapi kami mulakan dengan mengatakan: "Sesungguhnya bersama-sama nas dan qiyas menunjukkan kepada membolehkannya.

Adapun qiyas, iaitu bahawa sesungguhnya nyanyian itu, berkumpul padanya segala pengertian, yang semestinya dibahaskan masing-masing daripadanya, kemudian daripada keseluruhannya. Maka sesungguhnya pada nyanyian itu, ada nyanyian dengan suara merdu yang bertimbangan (mempunyai notasi) dan difahami maksudnya, yang menggerakkan hati.

Maka sifat yang lebih umum ialah bahawa nyanyian itu, suara yang merdu. Kemudian suara yang merdu itu terbahagi kepada: nada yang bertimbangan dan ada yang tidak bertimbangan. Yang bertimbangan terbahagi kepada: yang difahami, seperti: pantun-pantun, dan yang tidak difahami, seperti bunyi barang-barang keras dan binatang-binatang lainnya.

Sedangkan mendengar suara yang merdu daripada segi kemerduannya, maka tidak semestinya diharamkan. Tetapi ia halal dengan nas dan qiyas.

Adapun qiyas, iaitu kembali kepada mendapat kelazatan indera (perasaan) mendengar, dengan memperoleh perkara yang dengan pendengaran itu. Dan manusia itu, mempunyai akal-fikiran dan lima panca indera.

Masing-masing panca indera itu, mempunyai perasaan dalam memperoleh sesuatu. Sedangkan pada yang didapati oleh panca indera itu ada sesuatu yang melazatkan. Kelazatan memandang adalah pada pandangan-pandangan yang cantik, seperti: sayur-sayuran yang menghijau, air yang mengalir dan muka yang cantik. Pada umumnya, segala warna yang cantik lainnya dan itu adalah kebalikan dari apa yang tidak disukai daripada warna-warna yang keruh lagi buruk. Penciuman mempunyai aroma yang harum dan itu adalah kebalikan daripada bau busuk yang tidak disukai.

Perasaan mempunyai makanan yang lazat rasanya, seperti: lemak, manis dan masam dan itu adalah kebalikan rasa pahit. Penyentuhan, mempunyai kelazatan lembut, licin dan halus dan itu adalah kebalikan daripada kasar. Akal fikiran, mempunyai kelazatan ilmu dan pengenalan, dan itu adalah kebalikan daripada

bodoh dan dungu.

Maka, demikian juga dengan suara-suara yang diperoleh melalui pendengaran, terbahagi kepada yang dilazati (disenangi), seperti suara burung murai dan bunyi serunai. Sedangkan yang tidak disenangi ialah seperti suara keldai dan sebagainya. Dengan demikian, alangkah jelasnya kiasan panca indera ini dan kelazatannya beranding panca indera lain dan kelazatannya.

Adapun nas, ia menunjukkan kepada bolehnya mendengar suara yang merdu kerana ia adalah salah satu nikmat Allah kepada hamba-Nya. Dia berfirman:

يَزِيدُ فِي ٱلۡخَلۡقِ مَا يَشَآءُۚ

"Dia (Allah) menambahkan kepada makhluq-Nya apa yang dikehendaki-Nya."

(Fathir: 1)

Ada yang mengatakan bahawa yang dimaksudkan dengan 'menambahkan' di dalam ayat tersebut ialah suara yang merdu.

Rasulullah s.a.w. bersabda:

Di dalam sebuah hdis disebutkan:

مَا بَعَثَ اللهُ نَبِيًّا إِلاَّ حُسْنُ الصَّوْتِ.

"Tidaklah Allah mengutus seorang Nabi melainkan yang bagus suaranya."[337]

Baginda s.a.w. juga bersabda: "Barangsiapa yang membaca al-Quran dengan suara merdu, maka Allah SWT akan mendengarkan bacaannya lebih daripada seseorang mendengar nyanyian daripada penyanyi (hamba) wanitanya."

Ada sebuah hadis yang memuji Nabi Daud a.s., iaitu: "Sesungguhnya Nabi Daud a.s. biasa bernyanyi dengan suara demikian merdu sehingga manusia, jin, binatang liar dan burung berkumpul bersama untuk mendengarkan suaranya itu." Hampir empat ratus jenazah dibawa ke hadapan Nabi Daud a.s. dan beliau menyanyikan lagu-lagu dengan suara merdunya. Pada suatu hari Rasulullah s.a.w.

[337] Diriwayatkan oleh at-Tirmizi daripada Qatadah.

memuji sahabatnya Abu Musa al-Asy'ari dengan sabdanya: "Sesungguhnya telah diberikan kepadanya (Abu Musa al-Asy'ari) serunai dari serunai-serunai keluarga Nabi Daud."

Allah SWT juga berfirman:

إِنَّ أَنكَرَ ٱلْأَصْوَٰتِ لَصَوْتُ ٱلْحَمِيرِ ۝١٩

"Sesungguhnya seburuk-buruk suara adalah suara keldai."

(Luqman: 19)

Ayat ini juga memuji suara yang bagus. Apabila mendengar nyanyian hukumnya haram, maka mendengar suara burung murai pun menjadi haram. Dan apabila mendengar suara burung murai itu halal atau dibenarkan, maka bagaimana mungkin mendengar suara yang bagus dan merdu yang mengandungi hikmah dan nilai yang baik tidak dibenarkan?

Ini adalah pandangan pertama terhadap suara, iaitu dari segi baik dan bagusnya suara.

Sedangkan pandangan yang kedua ialah dari segi adanya irama di dalam suara yang merdu. Banyak suara merdu yang tidak memiliki irama dan banyak suara berirama yang tidak merdu. Suara merdu yang berirama terbahagi dua berdasarkan sumbernya, iaitu:

a. Suara merdu yang bersumber daripada perkara-perkara material atau benda-benda seperti alat muzik dan drum atau bunyi alat muzik yang dipukul dengan pemukul.

b. Suara merdu yang berasal dari kerongkongan (pita suara) haiwan termasuk manusia, seperti suara burung murai, merpati, dan binatang lain. Inilah suara merdu alami yang berirama. Itu kerana asal atau sumber suara haiwan itu adalah kerongkong, maka sesungguhnya suara merdu yang dilakukan oleh manusia mengikuti suara merdu binatang-binatang ciptaan Allah SWT. Tidak suatu pun pada makhluk Allah yang tidak diikuti oleh manusia.

Jadi, bagaimana mungkin suara merdu yang berirama ataupun yang tidak berirama haram didengar? Tidak seorang pun yang berkata bahawa suara merdu burung-burung itu haram didengar dan ditiru oleh manusia. Suara binatang yang hidup tidak ada bezanya dengan suara sebuah alat muzik atau suara benda.

Bereti mendengarkan suara manusia dengan atau tanpa alat apa pun (misalnya seruling) yang bersumber dari kerongkongnya adalah tidak haram, kecuali mendengar suara alat-alat muzik yang secara tegas dilarang oleh agama, seperti gitar dan seruling. Itu tidak diharamkan kerana semua mengalunkan suara yang merdu dan indah.

Apabila semua itu diharamkan kerana alasan ini (mengeluarkan suara yang bagus dan merdu), maka segala sesuatu yang disukai oleh manusia kerana keindahan dan kebagusannya juga haram hukumnya.

Tentu ini keliru. Alasan untuk mengharamkan suara yang merdu dan indah adalah apabila dia dihubungkan atau berhubungan dengan arak (minuman yang memabukkan) yang diharamkan ketika memainkan alat muzik yang mengeluarkan suara yang merdu dan indah atau ketika seseorang menghasilkan suara demikian.

Alat-alat muzik yang mendorong seseorang meminum arak diharamkan sebagaimana diharamkannya berdua-duaan dengan seorang wanita ajnabiyah atau wanita bukan mahram di sebuah ruangan kerana akan membawa kepada jimak (bersetubuh). Seruling penggembala, peziarah, pemain drum yang mengalunkan suara merdu dan indah tidak haram kerana mereka tidak berhubungan dengan arak.

Allah SWT berfirman:

قُلْ مَنْ حَرَّمَ زِينَةَ ٱللَّهِ ٱلَّتِىٓ أَخْرَجَ لِعِبَادِهِۦ وَٱلطَّيِّبَٰتِ مِنَ ٱلرِّزْقِ ۚ

"Katakanlah! Siapakah yang mengharamkan perhiasan Allah dan memakan rezeki yang baik yang disediakan-Nya untuk hamba-Nya"?

(al-A'raf: 32)

Dengan demikian, suara-suara merdu yang berirama tidak haram.

Nyanyian berunsur keagamaan yang mudah difahami adalah syair atau sajak (puisi) yang keluar dari lidah manusia. Sajak seperti itu hukumnya halal (boleh). Kata-kata yang mudah difahami dan suara indah berirama tidak haram, kerana apabila masing-masing halal maka jika keduanya disatukan tidaklah haram. Namun, apabila ada kata-kata di dalam sajak yang dianggap haram, maka sajak itu pun haram, sama ada dilagukan ataupun tidak dilagukan.

Imam Syafi'i berkata: "Apabila membacakan syair tanpa suara yang merdu berirama adalah halal, maka membacakan syair dengan suara yang merdu berirama

juga halal.” Ketika pelbagai syair itu dibacakan di hadapan Rasulullah s.a.w., maka biasanya Baginda bersabda: “Sesungguhnya di dalam syair terkandung hikmah.”

Ketika membina masjid Madinah, Rasulullah s.a.w. mengangkat bahan-bahan bangunan bersama para sahabat sambil membaca syair:

Beban ini tidaklah seberat beban Perang Khaibar

Tetapi lebih besar kebaikannya di sisi Allah dan lebih suci

Pada kesempatan lain, Rasulullah s.a.w. membacakan syair:

Wahai Tuhanku! hidup yang sesungguhnya adalah hidup di akhirat

Oleh itu, anugerahkan rahmat kepada kaum Ansar dan Muhajirin

Rasulullah s.a.w. meletakkan sebuah mimbar untuk Hasan bin Tsabit (seorang penyair ulung) di dalam masjid. Hasan bin Tsabit kemudian berdiri dan membacakan syair yang mencela kaum kafir dan memuji Rasulullah s.a.w. Kemudian Rasulullah s.a.w. bersabda: “Sesungguhnya Allah menguatkan Hasan dengan Ruhul Qudus hingga dia memaklumkan kesucian atas nama Rasulullah s.a.w. dan menentang kaum kafir.”

Pada suatu ketika, al-Nabighah al-Ja’dy melagukan beberapa sya’irnya di hadapan Rasulullah s.a.w., lalu Rasulullah s.a.w. bersabda kepadanya: “Semoga Allah tidak memecahkan gigimu.”

Aisyah r.a. mengatakan bahawa para sahabat Rasulullah s.a.w. biasa membaca (menyanyikan) beberapa bait syair di hadapan Rasulullah s.a.w. dan Baginda hanya tersenyum. Amr bin al-Syuraid meriwayatkan daripada ayahnya yang berkata: “Aku telah mendendangkan seratus bait syair yang diciptakan oleh Ummiyah bin Abu al-Sult di hadapan Rasulullah s.a.w. Semuanya disambut oleh Rasulullah s.a.w. dengan ucapan: “Teruskan, teruskan!”

Mendengarkan syair berunsur keagamaan (sama’) dapat menggerakkan dan membangkitkan hati. Apa yang tetap berakar kuat di dalam hati dapat digerakkan dan dibangkitkan dengan mendengarkan syair berunsur keagamaan. Saya akan mengatakan bahawa sesungguhnya nyanyian merdu yang berirama merupakan rahsia Allah SWT bagi jiwa.

Nyanyian demikian dapat menimbulkan perasaan indah di dalam sanubari. Sebahagian daripada suara itu ada yang menyenangkan, ada yang menyakitkan, ada

yang membuat mengantuk, ada yang membangkitkan nafsu, dan ada yang dapat menggerakkan anggota badan seperti tangan, kaki, dan kepala.

Hati dapat tergerak apabila ada lantunan suara-suara nyanyian di dalam lubuk hati paling dalam. Seorang bayi di dalam buaian kerap tertidur atau berhenti menangis ketika dia mendengar suara dan nyanyian yang merdu. Binatang seperti unta begitu terpengaruh oleh suara merdu daripada nyanyian penunggangnya sehingga beban yang berat terasa ringan baginya.

Pada suatu ketika, seorang hamba menunggangi unta menuju tempat yang jauh. Unta tersebut memikul beban yang berat. Lalu si hamba bernyanyi dengan suara merdu sehingga unta itu begitu terkesan (seronok) dengan nyanyian si hamba sehingga perjalanan yang biasanya ditempuh selama tiga hari dapat dilakukan hanya dalam waktu sehari. Tetapi ketika bebanan diturunkan dari belakangnya, unta itu terus mati.

Ini menunjukkan bahawa kesan nyanyian bagi hati dan fikiran sangat dahsyat dan menakjubkan. Oleh itu, burung pun biasa duduk bertengger di atas kepala Nabi Daud a.s. untuk mendengarkan nyanyian beliau yang merdu.

Ada tujuh tempat di mana nyanyian yang dilantunkan di dalamnya disunatkan, iaitu:

Pertama: Nyanyian orang yang sedang melaksanakan haji. Mereka berjalan dari satu negeri ke negeri lain dengan nyanyian dan serunai. Nyanyian seperti itu halal, dan syair-syair yang mereka nyanyikan berhubungan dengan Ka'bah, Maqam Ibrahim, sumur Zam-zam, dan tempat-tempat (syiar-syiar) agama lainnya. Nyanyian tersebut dapat membangkitkan perasaan rindu untuk berhaji ke Baitullah dan tempat-tempat suci lainnya.

Sesungguhnya irama apabila ditambahkan kepada sajak, nescaya kata-kata itu lebih jatuh ke dalam hati. Maka apabila ditambahkan kepadanya suara yang merdu dan nyanyian yang berirama, maka ia akan bertambah jatuh ke dalam hati. Jika ditambahkan lagi kepadanya tambur, rebana dan gerakan-gerakan yang lebih menjatuhkan ke dalam hati, nescaya ksannya akan semakin bertambah.

Semua itu dibolehkan (jaiz), selama tidak turut di dalamnya seruling dan rebab yang menjadi simbol daripada orang-orang jahat. Ya, jika yang dimaksudkan dengan nyanyian itu ialah untuk menarik orang yang tidak diperbolehkan pergi haji,

seperti orang yang telah digugurkan fardu haji daripada dirinya dan tidak diizinkan oleh ibu-bapanya pergi haji, maka orang tersebut haramlah pergi mengerjakan haji. Juga haram menariknya untuk berhaji dengan mendengar nyanyian dan semua perkataan yang menarik hatinya untuk pergi haji. Itu kerana menarik kepada sesuatu yang haram adalah haram.

Begitu juga jika jalan yang akan dilalui tidak aman dan sering berlaku kemalangan. Maka tidak boleh menggerakkan dan mengobarkan hati untuk menariknya berhaji.

Kedua: Para pejuang (mujahid yang sedang berperang) harus diberi semangat untuk berperang melawan musuh dengan nyanyian. Tetapi hendaklah syair dan cara nyanyian mereka berbeza dengan syair dan cara nyanyian orang yang pergi mengerjakan haji. Itu kerana nyanyian seperti itu juga halal kerana dapat meningkatkan keberanian untuk melawan orang kafir yang diperangi dan keberanian untuk mengorbankan hidup kerana Allah SWT.

Ketiga: Apabila dua orang pejuang bertemu di medan perang, lalu mereka menyanyikan lagu dan membacakan syair untuk membangkitkan dan menambah keberanian, maka nyanyian dan syair semacam itu halal kerana untuk menggerakkan kesungguhan untuk berperang. Maka yang demikian itu diperbolehkan dalam peperangan yang diperbolehkan dan dilarang dalam peperangan yang dilarang, seperti peperangan antara kaum muslimin dan orang zimmi (orang kafir yang berada dalam perlindungan kaum muslimin).

Keempat: Nyanyian sedih atau nyanyian berkabung. Ada dua jenis nyanyian untuk berkabung, iaitu terpuji dan tercela. Nyanyian sedih yang tercela adalah apabila nyanyian itu menambah kesedihan setelah terjadi bencana atau musibah. Allah SWT berfirman:

لِّكَيۡلَا تَأۡسَوۡاْ عَلَىٰ مَا فَاتَكُمۡ وَلَا تَفۡرَحُواْ بِمَآ ءَاتَىٰكُمۡۗ

"*Kami jelaskan yang demikian itu (supaya kamu jangan berduka cita terhadap apa yang luput dari kamu, dan supaya kamu jangan terlalu gembira terhadap apa yang diberikan-Nya kepada kamu".* (al-Hadid: 23)

Bersedih kerana kematian seseorang termasuk jenis ini kerana kesedihan ini mengungkapkan rasa ketidak-relaan terhadap qadak (ketentuan) Allah. Adapun

nyanyian sedih yang terpuji ialah apabila seseorang mengungkapkan kesedihannya disebabkan dosa-dosanya yang telah lalu.

Nabi Adam a.s. menangis (bersedih) memohon keampunan kepada Allah SWT atas kesalahan dan kekhilafannya. Nabi Daud a.s. pun menangis atas perbuatan khilafnya dan ramai orang yang meninggal kerana mendengar ungkapan kesedihan Nabi Daud tersebut. Perbuatan tersebut adalah terpuji dan sesuatu yang membawa kepada sesuatu yang terpuji adalah terpuji juga.

Kelima: Nyanyian dalam perayaan. Nyanyian demikian dapat menambah kesenangan dan kebahagiaan pada saat perayaan dan pada hari untuk mengungkapkan rasa syukur dan bahagia. Hari-hari yang dimaksud antara lain adalah Hari Raya ('Ied), walimah pernikahan, perayaan hari kelahiran pada waktu seorang bayi lahir, iaitu akikah dan perayaan pengkhitanan seorang anak.

Ketika Rasulullah s.a.w. kembali ke Madinah, dari atap rumah para wanita bernyanyi menyambut kedatangan Baginda: "Telah terbit purnama raya di atas kita dari bukit Tsaniyyatil Wada' di Makkah, wajiblah kita bersyukur kepada Allah Yang Maha Kuasa." Inilah ungkapan kegembiraan atas kedatangan Rasulullah s.a.w. ke Madinah dari pemergian Baginda (untuk berhaji atau berperang). Maka perbuatan demikian adalah terpuji.

Aisyah r.a. juga pernah berkata: "Aku melihat anak-anak Habsyi bermain di dalam masjid pada Hari Raya Aidil Fitri, lalu Rasulullah s.a.w. menutupiku dengan selendang Baginda! Ketika itu, usia Aisyah r.a. belum dewasa, dan dia merasa bosan melihat permainan anak Habsyi itu sehingga Rasulullah s.a.w. menutupi pandangannya.

Pada suatu hari Aisyah r.a. melihat ada dua orang gadis (hamba wanita) sedang menabuh rebana di Mina (pada waktu haji) dan Rasulullah s.a.w. menutupi wajah Aisyah dengan kain luar Baginda. Ketika Abu Baakar r.a. datang, dia menengking kedua hamba wanita itu. Maka Rasulullah s.a.w. membuka selendang yang menutupi wajah Aisyah r.a. dan berkata: "Wahai Abu Bakar, biarkan mereka bermain, kerana sekarang ini adalah hari raya."

Di dalam sebuah riwayat disebutkan bahawa pada suatu hari Rasulullah s.a.w. bertanya kepada Aisyah r.a.: "Anak patung siapakah ini?" Aisyah menjawab: "Ini adalah anak-anak perempuanku dan di tengah-tengahnya ada kuda."

Rasulullah s.a.w. kemudian bertanya lagi: "Apa ini yang ada di atasnya?" Aisyah menjawab: "Dua sayap." Rasulullah s.a.w. bertanya: "Apakah kuda mempunyai dua sayap?" Aisyah menjawab: "Apakah tuan tidak pernah mendengar bahawa Nabi Sulaiman bin Daud a.s. mempunyai kuda yang bersayap dua?" Lalu Rasulullah s.a.w. tertawa sehingga kelihatan giginya.

Aisyah r.a. berkata: "Pada suatu hari Rasulullah s.a.w. datang ke tempatku dan ketika itu bersamaku ada dua hamba wanita menyanyikan lagu Bu'ats (nama suatu tempat di Madinah). Rasulullah s.a.w. pun bangkit dan memalingkan wajah daripada kedua penyanyi hamba wanita itu. Kemudian Abu Bakar r.a. datang dan menengking aku lalu berkata: 'Mengapa seruling-seruling syaitan berada di hadapan Rasulullah?' Rasulullah s.a.w. kemudian memandang kepada Abu Bakar lalu bersabda: 'Biarkanlah kedua hamba itu!"

Hadis-hadis tersebut terdapat di dalam al-Sahihain sehingga dapat menjadi nas (dalil) yang tegas yang menunjukkan bahawa nyanyian dan permainan tidaklah haram.

Keenam: Nyanyian para pencinta (orang yang cinta kepada Allah). Nyanyian ini meningkatkan kecintaan kepada Allah SWT dan memberi kepuasan dan kenikmatan bagi hati dan jiwa. Nyanyian demikian adalah halal. Apabila kebersamaan dengan seorang wanita ajnabiah (bukan muhrim) adalah haram hukumnya, maka nyanyian kecintaan untuknya juga haram.

Ketujuh: Nyanyian seseorang yang mencari kecintaan dan keredaan Allah dan merindui pertemuan dengan-Nya adalah halal. Mendengar nyanyian berunsur keagamaan dapat mengeluarkan dari hati yang terdalam semua kekuatan pandangan terhadap pelbagai perkara dan perasaan mendalam serta hasrat yang tidak terkatakan yang hanya dapat dirasakan dan tidak dapat diungkapkan. Perasaan ini tidak dapat menyusup ke dalam organ tubuh lainnya selain hati.

Keadaan mabuk dalam istilah kaum Sufi disebut wajda yang berasal daripada perkataan wujud atau kesenangan. Kesenangan yang muncul di dalam hati merupakan kesan dan akibat daripada nyanyian berunsur keagamaan yang tidak ada sebelumnya. Nyala api kesenangan yang muncul di dalam hati membakar kotoran hati seperti api menghilangkan kotoran yang terkumpul pada intan dan permata yang tidak ternilai harganya. Hasilnya ialah adanya kejernihan dan kecerahan hati yang nampak dalam musyahadah dan mukasyafah.

Dengan kata lain, pandangan menjadi terbuka (tidak terhijab lagi) sehingga seseorang dapat menyaksikan rahsia-rahsia alam. Inilah sasaran para pencinta Allah Azza wa Jalla dan menjadi tujuan akhir pencarian mereka. Barangsiapa yang dapat mencapai tujuan ini, maka dia akan memperoleh kedekatan tertentu dengan Allah SWT. Tujuan ini mungkin dapat diperoleh melalui sama' dan mendengar nyanyian berunsur keagamaan.

Orang yang bodoh mungkin merasa hairan dengan perasaan kesenangan, seperti seorang lelaki mati pucuk merasa hairan akan nikmatnya berjimak, seperti seorang anak kecil yang merasa hairan terhadap kekuasaan dan kemasyhuran.

Bagaimana mungkin orang yang akalnya tidak sempurna bagi perasaan dapat merasai keasyikan demikian? Bagaimana mungkin orang yang tidak memiliki kekuatan akal dapat menggunakan akalnya dengan baik? Seseorang yang memperoleh pengetahuan tentang mengenali Allah (Ma'rifatullah), dia pasti mencintai-Nya. Orang yang dalam ma'rifatnya, nescaya dalam pulalah kecintaannya sesuai dengan kedalaman ma'rifatnya.

Apabila kecintaan sudah begitu mendalam dan teguh, maka kecintaan disebut *rindu* ('isyq). Tidak ada rindu selain disebabkan oleh cinta yang sangat mendalam. Oleh itu, orang Arab mengatakan bahawa Muhammad s.a.w. sedang asyik dengan Tuhannya ketika mereka melihat Rasulullah s.a.w. berkhulwah di Gua Hira.

Ketahuilah, bahawa setiap yang indah itu disukai oleh angota tubuh yang memiliki keindahan tersebut. Sesungguhnya Allah SWT Maha Indah dan Dia menyukai keindahan. Apabila keindahan itu bersifat nyata, maka keindahan itu dapat terserap oleh indera penglihatan dan apabila keindahan itu berupa keagungan, kebagusan sifat dan akhlak, dan sesuatu yang bersifat abstrak (batiniah), maka keindahan itu dapat dikenali oleh indera hati. Perkataan 'indah' digunakan untuk mengatakan sifat-sifat batiniah selain sifat-sifat lahiriah.

Oleh itu, dikatakan bahawa seseorang memiliki sifat dan akhlak yang bagus. Perkataan ini maksudnya bukan hendak mengatakan keindahan bentuk fizikal tetapi mengatakan keindahan akhlak seseorang. Sehingga kadang-kadang seseorang dikasihi atau disukai kerana keindahan sifat-sifat batiniah tersebut, sebagaimana seseorang disukai kerana keindahan bentuk lahiriahnya.

Apabila kesukaan itu telah begitu mendalam, maka disebut 'isyq (rindu). Bahkan ada yang menakjubkan di sini bahawa seseorang yang telah meninggal

dicintai bukan kerana lahiriahnya tetapi kerana keindahan sifat batiniah yang dimilikinya. Dan setiap keindahan di dunia ini merupakan tanda keindahan Allah dan percikan nur-Nya. Jadi bagaimana mungkin orang-orang yang berilmu ma'rifah (al-'arifin) tidak mencintai Allah Yang Maha Indah dan Sumber Keindahan? Maka orang yang menyedari ini tentu akan sangat mencintai-Nya.

Tiada sesuatu pun di muka bumi ini yang dapat dibandingkan dengan keindahan matahari dan bulan; dan Allah SWT adalah Pencipta semua keindahan itu. Lantas bagaimanakah seharusnya Allah dicintai? Jelaslah bagi kita bahawa mencintai makhluk atau mencintai selain Allah memiliki kekurangan, dan ini merupakan tanda kebodohan kita. Tetapi orang yang mengenali Allah (ma'rifatullah) dengan 'ainulyaqin, maka dia tidak mengenali perkara-perkara selain Allah SWT. Dia tidak mengenali keindahan selain Pencipta keindahan itu. Tidak ada wujud yang sebenar selain Allah dan perbuatan-Nya.

Orang yang mengenali af'al (perbuatan) Allah, nescaya dia tidak akan berpaling daripada Pembuat af'al tersebut. Segala sesuatu yang maujud (ada) di dunia ini adalah ciptaan Allah Azza wa Jalla dan semua merupakan tanda ciptaan-Nya. Barangsiapa yang mengenali Allah melalui makhluk-makhluk-Nya, maka dia mengenali sifat-sifat dan ciptaan-Nya, seperti kita mengenali sifat dan kualiti seorang penulis melalui karya tulisannya.

Seseorang yang memiliki akal yang kurang terlatih akan memahami perkataan 'cinta' sebagai kebersatuan fizikal atau kepuasan nafsu. Pada suatu ketika, Rasulullah s.a.w. menceritakan bahawa ada seorang anak lelaki Bani Israel berada di atas sebuah bukit. Lalu anak itu bertanya kepada ibunya: "Siapakah yang menciptakan langit?" Ibunya menjawab: "Allah Azza wa Jalla." Kemudian anak itu bertanya lagi: "Siapa yang menciptakan bumi?" Ibunya menjawab: "Allah Azza wa Jalla."

Lantas anak itu bertanya lagi tentang siapa pencipta gunung dan kabut. Ibunya menjawab seperti jawapan pertama bahawa pencipta semua itu adalah Allah Azza wa Jalla. Kemudian si anak berkata: "Sesungguhnya Allah Maha Agung." Setelah berkata demikian, dia menerjunkan diri (melompat) dari atas bukit dan meninggal. Tindakan tersebut dilakukan oleh yang bersangkutan semata-mata kerana kecintaannya kepada Allah *Azza wa Jalla*.

Berkaitan dengan hukum nyanyian yang diharamkan, maka ada lima perkara yang menyebabkannya menjadi haram, iaitu:

1. Mendengarkan nyanyian daripada seorang wanita yang membangkitkan nafsu syahwat. Anak lelaki yang belum berjanggut (anak muda belia, remaja) pun juga termasuk ke dalam kategori ini jika nafsu syahwat anak lelaki muncul kerana memandang mereka. Larangan ini bukan untuk nyanyiannya tetapi untuk wanita dan anak muda tersebut.

2. Alat-alat muzik daripada nyanyian para pemabuk hukumnya haram kerana alat-alat muzik itu mengingatkan kepada benda yang haram dan perbuatan yang haram, minum arak dan mabuk. Alat-alat muzik tersebut adalah rebab dan genderang (mazmur, gitar, kuba), tetapi tidak haram untuk alat muzik seperti rebana dan sebagainya.

3. Mendengar syair atau perkataan yang buruk hukumnya haram. Apabila ada perkataan kotor dalam syair, perkataan sia-sia dan sangkaan yang tidak baik terhadap Allah SWT dan Rasul-Nya atau para sahabat seperti yang disusun oleh golongan Rafihi (salah satu golongan Syi'ah ekstrem), maka mendengar perkataan yang demikian adalah haram, sama ada berbentuk nyanyian atau bukan. Apabila ada penjelasan tentang seorang wanita tertentu dan bukan wanita umumnya, dan cerita tentang kecantikan seorang wanita tertentu di hadapan orang ramai, maka yang demikian itu haram hukumnya.

4. Apabila ada keinginan atau hasrat yang jahat dan tidak bermoral muncul dalam hati atau fikiran kerana mendengar nyanyian, maka mendengar nyanyian demikian adalah haram.

5. Apabila mendengar nyanyian membentuk suatu kebiasaan sehingga berlebihan bahkan menjadi suatu keharusan, maka itu menjadi haram. Segala sesuatu yang berlebihan tidak baik. Terlalu banyak makan tidak baik bagi kesihatan. Terlalu banyak minyak yang menempel pada wajah maka wajah malah akan nampak buruk. Begitu juga apabila terlalu banyak mendengar nyanyian sehingga menjadi suatu kebiasaan, maka mendengar nyanyian menjadi haram. Namun, apabila mendengar nyanyian dilakukan seseorang setelah berusaha dan bekerja keras, maka hal itu bukan sesuatu yang tidak baik kerana dapat menghindarkan kebosanan atau kejenuhan dari pekerjaan.

Apabila ditanyakan: "Daripada pendapat-pendapat anda, nampak bahawa mendengar nyanyian itu halal dalam beberapa keadaan dan haram dalam beberapa keadaan lainnya. Lantas mengapa pertama-tama anda mengatakan bahawa mendengar nyanyian itu halal?"

Jawapannya, untuk menjawab soalan itu, ketahuilah bahawa apabila seseorang bertanya apakah madu lebah itu halal atau haram, maka pada awalnya saya pasti menjawab bahawa madu adalah halal tetapi ia menjadi haram bagi seseorang yang sedang sakit panas, kerana madu itu akan memudaratkan baginya. Apabila anda bertanya kepada saya tentang arak, maka awalnya saya pasti akan menjawab bahawa arak adalah haram, tetapi arak itu menjadi halal diminum oleh seseorang yang kerongkongannya kering jika tidak ada cara lain.

Semua ini adalah pengecualian dan bukan ketentuan umum. Maka pada awalnya telah disebutkan bahawa secara umum mendengar nyanyian adalah halal dan arak adalah haram. Nyanyian tidak haram kerana suara merdu orang yang menyanyikan dan suara alat muziknya, tetapi haram kerana alasan-alasan lain. Mazhab Imam Syafi'i secara umum tidak mengharamkan nyanyian dan mendengarnya.

Imam Syafi'i mengeluarkan dalil dan mengatakan bahawa membuat nyanyian (pengarang lagu) adalah suatu kerjaya dan kesaksiannya tidak dapat diterima (dia tidak dapat atau tidak boleh menjadi saksi). Ini kerana nyanyian termasuk permainan dan sukan, sedangkan permainan dan sukan kebanyakan termasuk sesuatu yang sia-sia (makruh)

Allah SWT tidak akan menyeksa orang yang mengerjakan perbuatan sia-sia (makruh) kerana perbuatan itu tidak haram. Allah SWT berfirman:

لَّا يُؤَاخِذُكُمُ ٱللَّهُ بِٱللَّغْوِ فِيٓ أَيْمَـٰنِكُمْ وَلَـٰكِن يُؤَاخِذُكُم بِمَا كَسَبَتْ قُلُوبُكُمْ ۗ وَٱللَّهُ غَفُورٌ حَلِيمٌ ﴿٢٢٥﴾

"Allah tidak menghukum kamu disebabkan sumpahmu yang tidak dimaksud) untuk bersumpah ,(tetapi Allah menghukum kamu disebabkan)sumpahmu (yang disengaja) untuk bersumpah (oleh hatimu .Dan Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyantun".

(al-Baqarah: 225)

Apabila sumpah diambil dengan menyebut nama Allah, tanpa akad (ikatan jual-beli atau selainnya) dan tidak bersungguh-sungguh serta tidak bertentangan dengan agama, maka sumpah demikian diperbolehkan.

2. Dalil tentang haramnya mendengar nyanyian

Mereka berdalil dengan sebuah ayat al-Quran yang berbunyi:

وَمِنَ ٱلنَّاسِ مَن يَشْتَرِى لَهْوَ ٱلْحَدِيثِ لِيُضِلَّ عَن سَبِيلِ ٱللَّهِ بِغَيْرِ عِلْمٍ وَيَتَّخِذَهَا هُزُوًا ۚ أُو۟لَٰٓئِكَ لَهُمْ عَذَابٌ مُّهِينٌ ﴿٦﴾

"Dan di antara manusia (ada) orang yang mempergunakan perkataan yang tidak berguna untuk menyesatkan (manusia) dari jalan Allah tanpa pengetahuan dan menjadikan Allah itu olok-olok. Mereka itu akan memperoleh azab yang menghinakan."

(Luqman: 6)

Ibnu Mas'ud, al-Hasan al-Basri, al-Nakha'i, dan selainnya menafsirkan bahawa 'perkataan yang tidak berguna' dalam ayat tersebut sebagai 'nyanyian'. Aisyah meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. pernah bersabda:

إِنَّ اللهَ تَعَالَى حَرَّمَ الْقَيْنَةَ وَبَيْعَهَا وَثَمَنَهَا وَتَعْلِيْمَهَا.

"Sesungguhnya Allah SWT mengharamkan al-qainah dan menjualnya, harganya dan mengajarkannya."[338]

Adapun al-Qainah yang dimaksudkan di sini ialah hamba perempuan yang menyanyi untuk lelaki di tempat minum. Kami telah menyebutkan sebelumnya bahawa fitnah boleh muncul akibat nyanyian wanita ajnabiah (bukan muhrim) di hadapan orang ramai dan ini hukumnya haram.

Adapun nyanyian seorang hamba perempuan bagi tuannya, maka itu tidak haram. Bahkan selain tuannya diperbolehkan mendengar nyanyian itu apabila tidak ada kemungkinan munculnya fitnah. Ini disokong oleh riwayat yang mengatakan bahawa dua orang hamba perempuan pernah bernyanyi di rumah Aisyah dan ketika

[338] Diriwayatkan oleh ath-Thabrani daripada Aisyah dengan isnad yang da'if.

itu Rasulullah s.a.w. berada di situ.

Adapun 'perkataan yang tidak berguna' yang diucapkan sebagai ganti ajaran agama untuk menyesatkan daripada jalan Allah, maka yang demikian jelas keharamannya. Demikianlah pengertian ungkapan 'perkataan yang tidak berguna' di dalam ayat di atas.

Dalil lain yang digunakan oleh orang yang mengharamkan mendengar nyanyian adalah ayat Allah SWT:

أَفَمِنْ هَٰذَا ٱلْحَدِيثِ تَعْجَبُونَ ﴿٥٩﴾ وَتَضْحَكُونَ وَلَا تَبْكُونَ ﴿٦٠﴾ وَأَنتُمْ سَٰمِدُونَ ﴿٦١﴾

"Apakah kamu merasa hairan terhadap bacaan ini? Dan kamu akan tertawa dan tidak ada menangis? Sedang kamu tidak ada memperhatikannya?"

(al-Najm: 59-61)

Apabila daripada ayat ini ditafsirkan bahawa nyanyian itu haram, maka tertawa dan menangis pun haram menurut ayat ini.

Dalil mereka yang lain ialah firman Allah SWT:

وَٱلشُّعَرَآءُ يَتَّبِعُهُمُ ٱلْغَاوُۥنَ ﴿٢٢٤﴾

"Dan penyair-penyair itu diikuti oleh orang-orang yang sesat."

(al-Syu'ara': 224)

Menurut ayat ini, penyair yang dimaksudkan di sini adalah penyair kafir. Dan ayat ini tidak menunjukkan bahawa syair yang bagus dan dibacakan dengan suara yang merdu dan indah itu dilarang.

Dalil mereka yang lain adalah sebuah hadis yang menyebutkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda: "Iblis adalah yang pertama kali menyanyikan nyanyian berkabung dan yang pertama kali bernyanyi."

Hadis ini tidak melarang nyanyian-nyanyian sedih seperti yang dilakukan oleh Nabi Daud a.s. kerana menyesali dosa-dosanya. Rasulullah s.a.w. mendengar nyanyian seperti ini ketika Baginda tiba di Madinah dari peperangan atau dari

bepergian: "Telah terbit di atas kita bulan purnama raya dari lembah Tsaniyyatil Wada."

Dalil mereka yang lain ialah sebuah hadis di mana Rasulullah s.a.w. bersabda: "Apabila seseorang meninggikan suaranya di dalam sebuah nyanyian, maka Allah SWT mengutuskan kepadanya dua syaitan. Kedua-dua syaitan itu bergelantungan di kedua bahunya dan memukul-mukul dadanya dengan tumit sampai dia berhenti bernyanyi."

Hadis ini menunjuk kepada nyanyian yang tidak baik dan menerbitkan nafsu syahwat atau menggerakkan orang kepada nafsu syahwat seperti yang telah dijelaskan sebelumnya.

Dalil lainnya ialah hadis yang diriwayatkan oleh Uqbah bin Amir bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda: "Segala sesuatu yang dimainkan oleh lelaki adalah sia-sia kecuali melatih kudanya, melemparkan busurnya dan bergurau dengan isterinya."

Perkataan 'sia-sia' di dalam hadis di atas bukan bererti bahawa segala sesuatu kecuali tiga perkara tersebut adalah haram. Perkataan 'sia-sia' itu maksudnya adalah tidak berfaedah dan tidak berguna. Mendengar suara merdu burung-burung dan memainkan pelbagai permainan yang lazim dilakukan oleh kaum lelaki tidaklah haram walaupun boleh disebut sia-sia.

3. Kesan daripada mendengar nyanyian

Ketahuilah, bahawa tingkatan awal dalam mendengar ialah memahami apa yang didengar dan menempatkannya pada pengertian yang jatuh ke dalam otak pendengar. Kemudian, pemahaman itu menghasilkan rasa yang mendalam, dan rasa yang mendalam itu menghasilkan gerak anggota badan. Maka hendaklah diperhatikan dengan baik ketiga-tiga tingkatan ini:

Tingkatan pertama adalah memahami makna nyanyian. Pada tingkatan pertama ini dibahagi menjadi beberapa keadaan, iaitu:

Pertama: Keadaan alamiah hati untuk mendengar nyanyian dan tidak memiliki keasyikan lain selain mendengar nyanyian, dan ini dibenarkan. Tingkatan ini adalah tingkatan pendengaran yang paling rendah, kerana burung dan binatang lainnya juga berada dalam tahapan ini.

Kedua: Keadaan menggambarkannya setelah memahami makna sebuah nyanyian dan menerapkan objek nyanyian pada orang tertentu. Para pemuda termasuk dalam keadaan ini kerana nafsu syahwat mereka muncul kerana mendengar nyanyian ini dan ini dilarang.

Ketiga: Keadaan dimana semua nyanyian yang didengar oleh orang yang mendengar dalam hubungannya dengan Allah SWT dan perubahan keadaan hati, dia terapkan pada keadaan dirinya. Pada tingkatan awal, para musafir di jalan Allah termasuk dalam keadaan ini dan tujuan mereka hanyalah untuk mengenali Allah SWT. Nyanyian itu memunculkan perasaan-perasaan batiniah orang yang mendengar. Lalu, orang yang mendengar itu memaknai nyanyian tersebut berdasarkan keadaan diri dan hati mereka.

Di sini akan diberikan beberapa contoh. Seorang Sufi mendengar seorang penyair bersenandung: "Seorang utusan berkata: 'Lihatlah aku besok!'. Ketika itu, dia jatuh pengsan kerana merasa sangat gembira. Ketika sedar, dia ditanya tentang perasaannya itu (mengapa dia pengsan) dan dia menjawab: "Aku teringat akan sabda Rasulullah s.a.w.:

إِنَّ أَهْلَ الْجَنَّةِ يَزُوْرُوْنَ رَبَّهُمْ فِي كُلِّ يَوْمِ جُمْعَةٍ مَرَّةً.

"Para penghuni syurga (ahli syurga) akan mendatangi Tuhannya sekali dalam seminggu, iaitu pada setiap hari Jumaat."

Pada suatu ketika, Nabi Khidir a.s. ditanya tentang nyanyian dan beliau menjawab: "Sesungguhnya, nyanyian adalah seperti sebutir batu yang dapat menggelincirkan tapak kaki setiap orang berilmu. Nyanyian dapat membangkitkan perasaan-perasaan tersembunyi pada diri seseorang seperti arak yang dapat membangkitkan nafsu seseorang. Kecuali seseorang yang dijaga atau diselamatkan oleh Allah dengan cahaya petunjuk-Nya."

Makna kedua daripada mendengar nyanyian, iaitu bahawa syair-syair dapat diterapkan dengan baik pada diri seseorang, maksudnya pada keadaan hatinya. Allah SWT berfirman: "Mereka tidak takut kepada Allah dan Dia seharusnya ditakuti." Dalam hal ini, orang tersebut takut kepada Allah kerana riyak dan takutnya itu bukan takut yang sebenarnya dan dia tidak benar-benar mencintai Allah SWT. Dengan kata lain, dia tidak ditempatkan pada tempat yang tinggi.

Oleh itu, Rasulullah s.a.w. bersabda:

لاَ أُحْصِى ثَنَاءً عَلَيْكَ أَنْتَ كَمَا أَثْنَيْتَ عَلَى نَفْسِكَ.

"Ya Allah Tuhanku, aku tidak mampu menghitung pujianku kepada-Mu sebagaimana Engkau pujikan diri-Mu sendiri."[339]

Rasulullah s.a.w. bersabda:

إِنِّيْ لَأَسْتَغْفِرُ اللهَ فِي الْيَوْمِ وَاللَّيْلَةِ سَبْعِيْنَ مَرَّةً

"Sesungguhnya aku memohon keampunan kepada Allah sehari semalam tujuh puluh kali."[340]

Istighfar ini, dilakukan oleh Rasulullah untuk mencapai kedudukan spiritual yang lebih tinggi.

Makna ketiga daripada mendengar nyanyian ialah seseorang menganggap keadaannya sekarang sebagai sesuatu yang hina setelah dia memandang keadaan orang lain lebih tinggi. Tetapi ini bergantung kepada kadar kesucian hati dan fikirannya. Semakin tinggi tingkat kesucian hatinya, semakin tinggi pula tingkat spiritualnya dengan mendengar nyanyian.

Keempat: Keadaan pendengar nyanyian yang mencapai tingkatan paling tinggi daripada ma'rifat setelah melalui pelbagai keadaan dan pelbagai tahapan. Dia kehilangan segala sesuatu kecuali pengenalan atau ma'rifatullah. Bahkan dia kehilangan keperibadiannya, keadaannya, dan amal serta perbuatannya. Dia seperti orang yang terombang-ambing di lautan di mana dia tenggelam di dalamnya.

Keadaan orang tersebut seperti keadaan para wanita yang terpotong tangan mereka ketika melihat ketampanan Nabi Yusuf a.s. Contoh lainnya ialah kaum Sufi yang mengibaratkan diri mereka telah fana fillah (lenyap atau larut bersama Allah). Seakan-akan dia telah fana dari segala sesuatu selain Yang Maha Esa yang disaksikannya (al-Wahid al-Masyhud).

[339] Diriwayatkan oleh Muslim dan hadis ini sudah diterangkan dahulu.

[340] Telah diterangkan sebelumnya.

Orang yang sangat mencintai Allah tidak dapat melihat sesuatu yang lain selain Allah. Dia seperti seorang yang sedang mabuk sehingga perasaannya terhadap segala sesuatu hilang. Ini sebagaimana yang diriwayatkan daripada Abul Hasan al-Nuri bahawa dia menghadiri suatu majlis dan di sana dia mendengar syair:

Aku sentiasa berada di salah satu tempat daripada cinta-Mu

Ketika ia datang, akal pun menjadi hilang!

Lalu Abul Hasan berdiri dan tenggelam di dalam kesenangan. Dia pergi menuju sebuah lapangan terbuka, lalu berlari di sana ketika ada sebatang pohon tebu yang sudah dipotong dan meninggalkan akar yang runcing, kakinya pun terluka. Kemudia dia kembali ke rumahnya pada keesokan harinya. Akibatnya kedua kakinya mula mengeluarkan banyak darah dan setelah beberapa hari, dia pun meninggal dunia. Inilah darjat palng tinggi seorang siddiq yang hanya dapat dicapai dengan beberapa bait syair, dan itulah puncak daripada sifat-sifat kemanusiaan.

Sesungguhnya, tingkatan yang paling sempurna (al-kamal) adalah suatu keadaan di mana seseorang melupakan kehidupan dan keadaannya. Orang yang mencapai tingkatan demikian mendengar nyanyian untuk Allah dan mendengar ilmu tentang Allah Azza wa Jalla. Tingkatan ini adalah untuk seseorang yang dirinya tenggelam dalam cahaya kebenaran dan melintasi batas keadaan dan amalan.

Kefanaan orang itu bukanlah kefanaan tubuh tetapi kefanaan jiwa. Adapun yang dimaksudkan dengan jiwa ialah bukan dengan darah dan daging, tetapi latifah atau esensi (rahsia) yang berhubungan dengan Allah dan yang merupakan sesuatu yang bersifat spiritual. Esensinya adalah seperti sebuah cermin bersih yang jernih terang tidak berwarna. Cermin itu dapat menerima warna apa pun yang dijatuhkan padanya. Esensi itu juga seperti gelas bening (tembus cahaya) dan tidak berwarna. Gelas itu menerima warna apa pun yang ditaruh di dalamnya.

Esensi ini tidak memiliki bentuk tetapi menerima bentuk apa pun dari segala sesuatu yang terbuat dari apa pun. Demikian pula halnya segala sesuatu yang diletakkan di dalam latifah atau rahsia hati, maka hati itu menerima bentuk dan warna. Sehingga seorang penyair berkata: “Cangkir dan anggur, keduanya serupa. Keduanya satu, keduanya halus. Seolah-olah ia anggur, bukan secangkir anggur. Seolah-olah ia cangkir, tanpa anggur.”

Inilah maqam atau darjat di antara maqam-maqam ilmu spiritual atau ilmu mukasyafah. Dari maqam ini, muncullah gagasan ilusif orang yang mendakwakan

hulul (bertempatnya Tuhan pada makhluk) dan ittihad (bersatunya Tuhan dengan makhluk). Ini hampir sama dengan dakwaan umat Nasrani tentang kesatuan tuhan dengan manusia atau bertempatnya tuhan pada manusia. Ini sama seperti perkataan orang yang melihat warna merah pada cermin lalu mengatakan bahawa warna cermin itu merah.

Tingkatan kedua, setelah memahami nyanyian, datanglah apa yang disebut sebagai kesenangan atau kesan yang sangat mendalam dari nyanyian tersebut. Zunnun al-Misri mengatakan bahawa mendengar nyanyian berunsur keagamaan menghantarkan orang yang mendengar kepada kebenaran.

Abul Husain al-Darraj berkata: "Di dalam sama' terdapat hubungan kesenangan (al-Wajd) iaitu perasaan mendalam di dalam hati dan jiwa yang bangkit akibat mendengar nyanyian." Abul Husain berkata lagi: "Mendengarkan nyanyian berunsur keagamaan membawaku ke lapangan yang indah dan memberi kepadaku minuman lazat dalam cawan kesucian. Oleh itu, aku memperoleh maqam kenikmatan dan kelazatan."

Imam al-Syibli juga pernah berkata: "Bentuk lahiriah sama' (mendengar nyanyian) menimbulkan perselisihan (fitnah) dan bentuk batiniahnya memberikan pengajaran." Seorang ahli hikmah berkata: "Nyanyian itu adalah makanan bagi jiwa ahli ma'rifah."

Amr bin Utsman al-Makki berkata: "Tidak ada kata yang dapat menjelaskan tentang al-wajd (kesenangan perasaan yang sangat mendalam seperti mabuk) kerana al-wajd adalah rahsia (sirr) Allah kepada hamba-Nya yang mukmin dan teguh keyakinannya."

Abu Sa'id bin al-Arabi berkata bahawa makna al-wajd adalah diangkatnya hijab, maksudnya penutup atau selubung antara seorang hamba dengan Tuhannya, menyaksikan yang ghaib (al-Raqib), penampakan kata-kata yang tersembunyi sehingga menghadirkan kepahaman. Abu Sa'id juga berkata:

"Al-wajd akan muncul ketika berzikir dengan hebat, pada saat adanya ketakutan yang menggguncangkan atau kerana penghinaan, atau ketika memperoleh keuntungan besar, ketika tergelincir hebat, ketika melihat sesuatu yang ghaib, ketika bersedih kerana kehilangan sesuatu, atau kerana menyesal ke atas dosa-dosa yang telah lalu."

Al-wajd ertinya menghadirkan sesuatu yang lahir, berhadapan yang zahir dengan yang zahir, yang batin dengan yang batin, yang ghaib dengan yang ghaib, dan rahsia dengan rahsia (sirr dengan sirr). Oleh itu, ada perjalanan tanpa menggunakan kaki dan berzikir tanpa zikir lahiriah.

Al-wajd adalah keadaan mental yang dihasilkan daripada keadaan mental yang terbahagi menjadi dua jenis. Jenis pertama ialah mukasyafah dan musyahadah yang membawa kepada pengetahuan yang ghaib dan tidak terbayangkan. Jenis kedua adalah membawa kepada perubahan, ketakutan, dan penyesalan yang tidak terbayangkan. Hanya dengan mendengarkan nyanyianlah keadaan-keadaan ini akan terbit. Apabila ada perubahan atau gerakan anggota-anggota tubuh (secara zahir) disebabkan oleh nyanyian, maka itulah yang disebut al-wajd.

Muslim al-Abadani berkata: "Pada suatu hari, para ahli hikmah (Sahih Mar'i, Utsbah al-GhuIam, Abdul Wahid dan Muslim Aswari) tinggal berdekatan dengan kami di tepi pantai. Pada suatu malam, aku menyiapkan makanan untuk mereka dan mengundang mereka makan bersama. Ketika aku meletakkan makanan di hadapan mereka, tiba-tiba seorang penyanyi melantunkan sebuah nyanyian:

Barangsiapa yang terus menerus lupa akan akhirat dengan makanan lazat

Maka dia akan dilemparkan ke neraka sehingga makanan lazat pun tiada guna

Muslim al-Abadani melanjutkan ceritanya, mendengar nyanyian tersebut, Utsbah al-Ghulam memekik dengan keras lalu jatuh pengsan. Mereka pun tidak jadi makan makanan yang telah aku hidangkan dan aku pun segera mengangkat makanan tersebut dari hadapan mereka.

Apabila hati suci dan bersih, maka dapat mendengar pesanan dari langit dan juga dapat melihat Nabi Khidir, kerana Nabi Khidir nampak pada mereka yang memiliki pengalaman spiritual dalam pelbagai bentuk yang berlainan. Dalam keadaan seperti inila para malaikat menjelma di hadapan para nabi. Rasulullah s.a.w. melihat malaikat Jibril dua kali dalam bentuk asalnya yang menutupi seluruh langit. Itulah yang dimaksudkan oleh Allah SWT dengan firman-Nya:

عَلَّمَهُۥ شَدِيدُ ٱلۡقُوَىٰ ۝٥ ذُو مِرَّةٖ فَٱسۡتَوَىٰ ۝٦ وَهُوَ بِٱلۡأُفُقِ ٱلۡأَعۡلَىٰ

"Yang diajarkan kepadanya oleh) Jibril (yang sangat kuat ,yang mempunyai akal yang cerdik ,dan) Jibril itu (menampakkan diri dengan rupa yang asli .Sedang dia berada di ufuk yang tinggi".

(al-Najm: 5-7)

Pengetahuan yang terbangkitkan pada diri seseorang dalam keadaan hati yang tidak umum disebut al-tafarrus (pengetahuan melalui firasat). Oleh itu Rasulullah s.a.w. bersabda:

اِتَّقُوْا فَرَاسَةَ الْمُؤْمِنِ فَإِنَّهُ يَنْظُرُ بِنُوْرِ اللهِ.

"Takutilah firasat orang mukmin kerana mereka melihat dengan cahaya Ilahi".

Rasulullah s.a.w .memberi isyarat mengenai al-kasyaf ini dengan sabdanya:

لَوْلاَ أَنَّ الشَّيَاطِيْنَ يَحُوْمُوْنَ عَلَى قُلُوْبِ بَنِي آدَمَ لَنَظَرُوْا إِلَى مَلَكُوْتِ السَّمَاءِ.

"Seandainya syaitan-syaitan tidak menggangu hati anak Adam, nescaya mereka (mampu) memandang alam malakut yang tinggi."[341]

Sesungguhnya syaitan-syaitan itu mengelilingi hati manusia apabila dia dipenuhi oleh sifat-sifat tercela. Sesungguhnya sifat-sifat tercela merupakan tempat gembalaan syaitan-syaitan dan bala tenteranya. Orang yang membersihkan hatinya dari sifat-sifat tercela lalu membersihkan dan mensucikannya, nescaya syaitan-syaitan tidak akan mengganggu hatinya. Dan mengenai perkara inilah isyarat firman Allah SWT berikut ini:

إِلَّا عِبَادَكَ مِنْهُمُ ٱلْمُخْلَصِينَ ﴿٤٠﴾

"Kecuali hamba-hamba Engkau yang mukhlis (ikhlas) di antara mereka."

(al-Hijr: 40)

Adapun yang dimaksudkan dengan mukhlis di dalam ayat tersebut ialah orang yang telah diberi taufiq untuk mentaati semua petunjuk dan perintah Allah SWT.

[341] Hadis ini telah diterangkan dahulu pada "Bab Puasa".

Allah SWT juga berfirman:

إِنَّ عِبَادِى لَيْسَ لَكَ عَلَيْهِمْ سُلْطَٰنٌ إِلَّا مَنِ ٱتَّبَعَكَ مِنَ ٱلْغَاوِينَ ﴿٤٢﴾

"Sesungguhnya hamba-hamba-Ku tidak ada kekuasaan bagimu terhadap mereka. Kecuali orang-orang yang mengikuti kamu, iaitu orang-orang yang tersesat."

(al-Hijr: 42)

Berkaitan dengan beberapa jenis pengetahuan di sekitar ilmu batiniah atau rohaniah, apabila al-wajd pergi, maka kasyf dapat dijelaskan. Kasyf tidak dapat dijelaskan kerana kasyf adalah sesuatu yang ghaib daripada dunia yang ghaib. Ada dua jenis al-wajd iaitu, al-wajd yang muncul secara spontan, dan al-wajd yang dihasilkan melalui pelbagai kesulitan.

Rasulullah s.a.w. pernah berdoa:

اللهُمَّ ارْزُقْنِي حُبَّكَ وَحُبَّ مَنْ أَحَبَّكَ وَحُبَّ مَنْ يُقَرِّبُنِي إِلَى حُبِّكَ.

"Ya Allah Tuhanku, kurniakanlah aku dapat mencintai Engkau dan mencintai orang yang mencintai Engkau dan mencintai orang yang mendekatkan aku kepada mencintai Engkau."[342]

Perasaan yang bergetar dan lembut kerana takut kepada Allah SWT dapat pula disebut al-wajd. Allah SWT telah berfirman:

إِنَّمَا ٱلْمُؤْمِنُونَ ٱلَّذِينَ إِذَا ذُكِرَ ٱللَّهُ وَجِلَتْ قُلُوبُهُمْ وَإِذَا تُلِيَتْ عَلَيْهِمْ ءَايَٰتُهُۥ زَادَتْهُمْ إِيمَٰنًا وَعَلَىٰ رَبِّهِمْ يَتَوَكَّلُونَ ﴿٢﴾

"Sesungguhnya orang yang beriman adalah mereka yang apabila disebut nama Allah bergetarlah hati mereka ,dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayat-Nya ,bertambahlah iman mereka (karenanya) dan kepada Allah mereka bertawakal."

(al-Anfal: 2)

[342] Hadis ini telah diterangkan pada "Bab Doa".

Allah SWT juga berfirman:

لَوۡ أَنزَلۡنَا هَٰذَا ٱلۡقُرۡءَانَ عَلَىٰ جَبَلٖ لَّرَأَيۡتَهُۥ خَٰشِعٗا مُّتَصَدِّعٗا مِّنۡ خَشۡيَةِ ٱللَّهِۚ وَتِلۡكَ ٱلۡأَمۡثَٰلُ نَضۡرِبُهَا لِلنَّاسِ لَعَلَّهُمۡ يَتَفَكَّرُونَ ﴿٢١﴾

"Kalau sekiranya Kami menurunkan al-Quran ini kepada sebuah gunung pasti kamu akan melihatnya tunduk terpecah-belah disebabkan takut kepada Allah .Dan perumpamaan-perumpamaan itu Kami buat untuk manusia supaya mereka berfikir".

(al-Hasyr: 21)

Dengan demikian, dari segi keadaannya, takut kepada Allah adalah al-wajd. Oleh itu, Rasulullah s.a.w. bersabda: "Hiasilah al-Quran dengan suaramu yang indah!" Rasulullah s.a.w. diriwayatkan pernah bersabda kepada Abu Musa al-Asy'ari: "Sesungguhnya telah diberikan kepadamu salah satu seruling dari keluarga Nabi Daud as.."

Di dalam pelbagai riwayat disebutkan bahawa ramai di antara kaum Sufi yang jatuh ke dalam al-wajd setelah mendengar alunan bacaan al-Quran. Rasulullah s.a.w. bersabda: "Surah Hud dan surah-surah lainnya yang serupa dengannya telah membuat aku beruban." Ini dapat menjelaskan tentang al-wajd. Di dalam sebuah riwayat disebutkan bahawa Rasulullah s.a.w. pengsan setelah membaca ayat:

إِنَّ لَدَيۡنَآ أَنكَالٗا وَجَحِيمٗا ﴿١٢﴾ وَطَعَامٗا ذَا غُصَّةٖ وَعَذَابًا أَلِيمٗا ﴿١٣﴾

"*Kerana sesungguhnya di sisi Kami ada belenggu-belenggu yang berat dan neraka yang menyala-nyala. Dan makanan yang menyumbat di kerongkong dan azab yang pedih*."

(al-Muzzammil: 12-13)

Di dalam riwayat yan lan disebutan bahawa Rasulullah s.a.w. menangis ketika membaca ayat:

إِن تُعَذِّبۡهُمۡ فَإِنَّهُمۡ عِبَادُكَۖ وَإِن تَغۡفِرۡ لَهُمۡ فَإِنَّكَ أَنتَ ٱلۡعَزِيزُ ٱلۡحَكِيمُ ﴿١١٨﴾

"Jika Engkau menyeksa mereka ,maka sesungguhnya mereka adalah hamba-hamba Engkau ,dan jika Engkau mengampuni mereka ,maka sesungguhnya Engkaulah Yang Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana".

(al-Ma'idah: 118)

Di dalam riwayat lainnya disebutkan bahawa apabila Rasulullah s.a.w. membaca ayat tentang rahmat, Baginda berdoa denga wajahnya nampak gembira. Kegembiraan itu disebut al-wajd. Allah SWT memuji orang yang mempunyai al-wajd atau disebut ahlul wajd. Allah SWT berfirman:

وَإِذَا سَمِعُواْ مَآ أُنزِلَ إِلَى ٱلرَّسُولِ تَرَىٰٓ أَعۡيُنَهُمۡ تَفِيضُ مِنَ ٱلدَّمۡعِ
مِمَّا عَرَفُواْ مِنَ ٱلۡحَقِّۖ يَقُولُونَ رَبَّنَآ ءَامَنَّا فَٱكۡتُبۡنَا مَعَ ٱلشَّٰهِدِينَ ﴿٨٣﴾

"Dan apabila mereka mendengarkan apa yang diturunkan kepada Rasul (Muhammad), kamu lihat mata mereka mencucurkan air mata disebabkan kebenaran al-Quran (yang telah mereka ketahui) dari kitab-kitab mereka sendiri seraya berkata, 'Ya Rabb kami, kami telah beriman, maka catatlah kami bersama orang-orang yang menjadi saksi atas kebenaran al-Quran dan kenabian Muhammad s.a.w".

(al-Ma'idah: 83)

Diriwayatkan juga bahawa apabila Rasulullah s.a.w. mengerjakan solat, maka dada Baginda berbunyi menggelegak seperti bunyi air yang mendidih di dalam periuk.

Diriwayatkan bahawa ketika Jarah bin Ali Aufa (termasuk generasi tabi'in) menjadi imam solat hari raya, dia membaca ayat:

فَإِذَا نُقِرَ فِي ٱلنَّاقُورِ ﴿٨﴾

"Apabila ditiup sangkakala."

(al-Muddatstsir: 8)

Maka dia jatuh pengsan dan meninggal di mihrabnya. Semoga Allah menurunkan rahmat kepadanya. Ketika Umar bin al-Khattab r.a. mendengar seseorang membaca ayat:

إِنَّ عَذَابَ رَبِّكَ لَوَٰقِعٞ ﴿٧﴾ مَّا لَهُۥ مِن دَافِعٖ ﴿٨﴾

"Sesungguhnya azab Tuhanmu pasti berlaku, dan tidak seorang pun yang dapat menolaknya."

(al-Thur: 7-8)

Beliau berteriak lantas jatuh pengsan. Kemudian beliau dibawa pulang ke rumahnya dan sakit selama hampir sebulan. Abu Jarir, yang termasuk tabi'in pada suatu hari mendengar ayat-ayat al-Quran yang dibacakan oleh Sahih Mar'i dengan suara sangat merdu, lantas dia pun pengsan dan meninggal dunia.

Imam Syafi'i jatuh pengsan ketika mendengar seorang qari' (pembaca al-Quran) membaca ayat:

هَٰذَا يَوۡمُ لَا يَنطِقُونَ ﴿٣٥﴾ وَلَا يُؤۡذَنُ لَهُمۡ فَيَعۡتَذِرُونَ ﴿٣٦﴾

"Ini adalah hari, yang mereka tidak dapat bercakap pada hari itu, dan tidak diizinkan kepada mereka minta uzur sehinga mereka dapat minta uzur."

(al-Mursalat: 35 - 36)

Pada suatu ketika, Ali bin Fudhail jatuh pengsan ketika mendengar seseorang membaca ayat:

يَوۡمَ يَقُومُ ٱلنَّاسُ لِرَبِّ ٱلۡعَٰلَمِينَ ﴿٦﴾

"*(Iaitu) hari (ketika) manusia berdiri menghadap Rabb semesta alam*."

(al-Muthaffifin: 6)

Keadaan para sufi terkenal pun tidak jauh berbeza. Pada suatu malam di bulan Ramadan, al-Syibli sedang berada di masjid dan mengerjakan solat di belakang imam. Ketika imam membaca:

وَلَئِن شِئۡنَا لَنَذۡهَبَنَّ بِٱلَّذِيٓ أَوۡحَيۡنَآ إِلَيۡكَ ثُمَّ لَا تَجِدُ لَكَ بِهِۦ عَلَيۡنَا وَكِيلًا ﴿٨٦﴾

"Dan sesungguhnya jika Kami menghendaki, nescaya Kami lenyapkan apa yang telah Kami wahyukan kepadamu, dan dengan pelenyapan itu, kamu tidak akan mendapatkan seorang pembela pun terhadap Kami."

(al-Isra': 86)

Tiba-tiba al-Syibli berteriak-teriak sehingga mukanya berubah menjadi merah padam dan hatinya pun amat takut.

Al-Junaid berkata: "Ketika aku masuk ke tempat Surra al-Saqthi, aku melihat di hadapannya ada seorang lelaki yang pengsan." Lalu Surra berkata kepadaku:

"Orang ini baru sahaja mendengar sebuah ayat al-Quran, lantas dia jatuh pengsan." Aku berkata kepadanya: "Bacakan lagi ayat itu kepadanya." Lalu kepadanya dibacakan ayat tersebut sehingga dia sedar.

Surra lantas bertanya kepadaku: "Dari manakah sumbernya sehingga kamu berkata demikian?" Aku menjawab: "Itu kerana Nabi Yaqub a.s. menjadi buta matanya disebabkan kehilangan puteranya dan kerana puteranya itu pula beliau dapat melihat kembali."

Apabila pembacaan ayat al-Quran tidak menyebabkan hati seseorang mengalami perubahan, maka dia ibarat orang yang tidak mendengar apa pun ketika kepadanya dikatakan sesuatu. Dia tidak ada bezanya dengan seorang yang bodoh, tuli, dan dungu.

Diriwayatkan bahawa di dalam suatu jamuan, Abu al-Husain al-Nuri berada bersama sekumpulan orang yang membincangkan suatu masalah sehingga mereka saling berbeza pendapat. Ketika itu Abu al-Husain diam sahaja. Tetapi kemudian dia mengangkat kepalanya dan membaca syair berikut di hadapan mereka:

Banyaklah burung merpati bernyanyi pada waktu pagi

Dia bersedih hati lalu bernyanyi pada ranting yang tinggi

Dia teringat akan kesayangannya, pada masa yang lalu

Dia menangis kerana kesedihannya lalu membangkitkan kesedihanku

Maka tangisanku kadang-kadang membawa dia tidak tertidur

Dan tangisannya kadang-kadang membawa aku tidak tertidur

Kadang-kadang aku mengadu

Tetapi aku tidak dapat memberi pengertian kepadanya

Kadang-kadang dia mengadu

Tetapi kepadaku dia tidak dapat memberi pengertiannya

Kecuali aku mengenalinya dengan perasaan

Dan dia juga mengenali aku dengan perasaan

Orang yang mengisahkan cerita itu megatakan bahawa setelah mendengar syair itu, tidak seorang pun daripada orang ramai yang tidak berdiri kerana merasai kesenangan yang sangat mendalam. Perbincangan dan perbezaan pendapat mereka

dalam masalah itu tidak dapat membangkitkan kesenangan seperti itu, walaupun sesuatu yang dibincangkan atau ilmu yang dibincangan itu adalah benar.

Tingkatan ketiga, munculnya ungkapan-ungkapan zahir akibat kesan nyanyian berunsur keagamaan. Ungkapan-ungkapan tersebut antara lain jatuh pengsan, gemetar, dan bergetarnya bahagian tubuh tertentu, mengoyak-ngoyakkan pakaian dan lain-lain.

Ada lima adab mendengar nyanyian berunsur keagamaan, iaitu:

Pertama: Berkaitan dengan waktu dan tempat mendengar ucapan teman-teman dan sahabat-sahabat. Maksudnya, mendengar nyanyian tidak akan menimbulkan sebarang kesan apabila kita melakukan suatu pekerjaan atau aktiviti serius seperti makan, solat, dan sebagainya. Maka ketika hati tidak sedang disibukkan oleh sesuatu pekerjaan atau aktiviti, itulah saat yang tepat untuk mendengar nyanyian berunsur keagamaan.

Adapun tempat, maka jauhilah tempat atau jalan umum, ruangan yang gelap, tempat yang tidak menyenangkan di mana perhatian tidak dapat dipusatkan. Mengenai teman, nampaknya kesenangan atau al-wajd jarang berlaku atau berlangsung dengan hadirnya teman walaupun ia menjadi sesuatu yang menghibur bagi mereka.

Dengan demikian, di dalam suatu majlis kerap berlaku kesenangan sementara kerana sikap riyak daripada pelakunya dan ini bukan kesenangan yang sebenar. Maka mendengar nyanyian berunsur keagamaan dalam keadaan tersebut dilarang.

Kedua: Suatu bimbingan spiritual dengan nyanyian oleh seorang guru (syeikh) hendaklah tidak disampaikan di hadapan murid-muridnya, kerana ini dapat menyebabkan mereka tidak mendapat manfaat, bahkan boleh jadi mereka mendapat mudarat. Alasannya ada tiga.

Alasan pertama, sebahagian murid tidak terlalu haus minuman spiritual sehingga mereka tidak memerlukan sesuatu yang dapat menghilangkan rasa haus mereka terhadap nyanyian demikian. Mereka seharusnya menyibukkan diri dalam berzikir (mengingat) kepada Allah dan berkhidmat (melayani) kepada kepentingan umum.

Alasan kedua, bahawa hati sebahagian murid tidak terlalu hancur kerana mereka dapat menemukan cita rasa (zauq) dalam pendengaran dan dapat lari

daripada kemudaratannya.

Alasan ketiga, kadang-kadang nyanyian berunsur keagamaan membawa mudarat lebih besar daripada faedah bagi sebahagian murid dan mereka tidak memandang perkara-perkara yang halal dan yang haram. Seorang Sufi bernama Sahal Tastari berkata: “Setiap al-wajd yang tidak diakui oleh al-Quran dan al-Sunnah adalah batil.”

Al-Junaid berkata: “Aku bermimpi melihat Iblis lalu aku bertanya kepadanya: ‘Apakah kamu membawa suatu pengaruh ke atas murid-murid kami?’ Iblis menjawab, ‘Ya, iaitu pada dua waktu: waktu mendengar dan waktu melihat. Aku masuk (untuk menggoda dan menipu) kepada mereka pada kedua-dua waktu tersebut’.”

Ketiga: Ketika mendengar nyanyian berunsur keagamaan hendaklah dilakukan dengan penuh perhatian, memerhatikan denan serius apa yang dikatakan oleh orang yang bernyanyi, sedapat mungkin tidak memperlihatkan atau mengungkapkan tanda-tanda zahir al-wajd seperti berteriak, memekik, gerakan anggota tubuh, menari, dan sebagainya.

Diceritakan, bahawa seorang pemuda menemani al-Junaid. Maka apabila pemuda itu mendengar zikir dibacakan, dia pun berteriak. Lantas pada suatu hari al-Junaid berkata kepadanya: “Jika kamu berbuat demikian sekali lagi, maka kamu jangan menemaniku lagi!”

Sesudah itu, pemuda tadi menahan dirinya untuk tidak berteriak sehingga dari tiap-tiap bulunya menitis titisan air. Kemudian diceritakan bahawa pada suatu hari kerongkongnya tersekat kerana berusaha untuk menahan diri. Dia pun menangis terisak-isak sehingga hatinya rosak dan nyawanya hilang.

Di dalam sebuah riwayat disebutkan bahawa Nabi Musa a.s. bercerita kepada Bani Israel. Lantas salah seorang daripada mereka mengoyak-ngoyakkan kainnya sehinga Allah SWT menurunkan wahyu kepada Nabi Musa a.s.: “Katakan kepadanya: “Koyakkanlah hatimu untuk-Ku dan jangan kamu koyakkan kainmu.”

Abul Kasim an-Nasrabazi berkata kepada Abu Amr bin Ubaid: “Aku mengatakan bahawa apabila berkumpul suatu kaum dan seorang penyanyi bernyanyi bersama mereka adalah lebih baik daripada mereka mengumpat.” Lalu Abu Amr berkata: “Riyak itu pada pendengaran. Iaitu kamu memperlihatkan dari dirimu

keadaan yang tidak ada pada kamu adalah lebih jahat daripada kamu mengumpat tiga puluh tahun atau seumpama dengan itu."

Keempat: Tidak mendengar nyanyian berunsur keagamaan sambil berdiri dan meninggikan suara dengan tangisan. Menahan dan menjaga diri daripada perbuatan-perbuatan tersebut sangat dianjurkan.

Tetapi jika dia menari atau membuat-buat menangis, maka itu dibenarkan (mubah) apabila dia tidak bermaksud dengan demikian untuk riyak. Itu kerana membuat-buat menangis itu menarik kepada kesedihan dan menari itu sebab untuk menggerakkan kegembiraan dan kerajinan.

Semua kegembiraan itu mubah dan boleh menggerakkannya. Jika menggerakkan kegembiraan itu haram, nescaya Aisyah r.a. tidak melihat orang-orang Habsyi bersama Rasulullah s.a.w. ketika orang-orang Habsyi itu menari.[343]

Di dalam sebuah riwayat daripada para sahabat disebutkan bahawa mereka pernah menari kerana senang. Dengan demikian, perkara tersebut hukumnya boleh atau mubah. Diriwayatkan juga bahawa setelah kematian Hamzah r.a., suatu perselisihan berlaku di antara Ali bin Abu Talib dan saudaranya Ja'far dengan Zaid bin Haritsah berkenaan hak mendidik puteri Hamzah, iaitu Amamah.

Kemudian Rasulullah s.a.w. bersabda kepada Ali: "Engkau dariku dan aku daripada engkau." Mendengar itu, Ali menari-nari kerana gembira. Lalu Rasulullah s.a.w. bersabda kepada Ja'far: "Engkau serupa dengan bentukku dan akhlakku." Lalu Ja'far pun menari-nari kerana gembira di belakang Ali. Kepada Zaid, Baginda bersabda: "Engkau adalah saudara kami dan kekasih kami." Lalu Zaid pun melompat-lompat kerana gembira di belakang Ja'far.

Kemudian Rasulullah s.a.w. memberi hak asuh puteri Hamzah kepada Ja'far kerana isteri Ja'far adalah ibu saudara kepada Amamah, dan ibu saudara adalah sama seperti ibu.[344]

Di dalam sebuah riwayat dikisahkan bahawa Rasulullah s.a.w. mengizinkan Aisyah r.a. melihat tarian para hamba Habsyi. Kesenangan kadang-kadang begitu kuat sehingga seseorang tidak dapat menjaga dirinya dan berbuat sesuatu yang

---

[343] Hadis ini telah disebutkan sebelumnya.

[344] Diriwayatkan oleh Abu Daud daripada Ali dengan isnad yang baik.

berlawanan dengan kebiasaannya.

Hukumnya ialah hukum yang membangkitkannya, jika kesenangan itu terpuji dan tarian itu menegaskan kesenangan tadi, maka tarian itu terpuji. Jika kesenangan itu mubah, maka tarian itu mubah. Jika kesenangan itu tercela, maka tarian itu tercela.

Meskipun demikian, ia tidak layak dilakuakn oleh orang-orang yang memiliki kedudukan besar dan orang-orang yang menjadi teladan orang ramai. Itu kerana kebanyakan tarian berasal daripada senda gurau dan permainan.

Apapun yang bentuk permainan dan senda gurau tersebut hendaklah dijauhi oleh orang yang menjadi teladan orang ramai agar dia tidak menjadi kecil dalam pandangan manusia lantas dia ditinggalkan dan tidak diikuti lagi.

Kelima: Apabila seseorang berdiri di antara sekumpulan orang kerana al-wajd, maka yang lain pun seharusnya berdiri kerana ini merupakan salah satu aturan atau adab yang baik dalam berteman.

Begitu juga, jika berlaku adat kebiasaan suatu golongan, dengan menanggalkan serban ketika serban orang yang mempunyai al-wajd terjatuh. Maka kesepakatan ini adalah sebahagian daripada kebagusan berteman dan bergaul. Itu kerana perselisihan dapat membuat hati menjadi liar.

Tiap-tiap golongan mempunyai kebiasaan rasmi dan hendaklah seseorang bersikap mengikut tingkah laku orang ramai sebagaimana yang disebutkan di dalam sebuah hadis. Lebih-lebih lagi apabila tingkah laku itu adalah tingkah-laku yang membuat pergaulan menjadi baik sehingga menimbulkan sikap saling tolong menolong.

Perkataan orang yang mengatakan, bahawa yang demikian itu bidaah kerana tidak dilakukan oleh para sahabat. Maka semua yang dihukum (ditetapkan) dengan pembolehan (ibahah) itu tidak dinukilkan daripada para sahabat r.a. Sesungguhnya yang dijaga ialah mengerjakan bidaah yang berlawanan dengan sunnah yang dinukilkan. Dan tidak dinukilkan satu pun larangan dalam perkara ini.

Berdiri ketika masuk seseorang ke suatu majlis, bukan termasuk sebahagian daripada adat-kebiasaan orang Arab. Bahkan para sahabat r.a. tidak berdiri untuk menyambut Rasulullah s.a.w. pada setengah keadaan sebagaimana yang

diriwayatkan oleh Anas r.a.[345]

Tetapi, apabila tidak ada larangan umum, maka kami berpendapat bahawa tidak mengapa memuliakan orang yang masuk ke suatu majlis, dengan berdiri di negeri-negeri yang berlaku adat kebiasaan demikian. Itu kerana yang dimaksudkan ialah penghormatan, pemuliaan dan pembaikan hati dengan berdiri tersebut. Begitu juga segala jenis tolong-menolong yang lain.

Apabila dimaksudkan untuk pembaikan hati dan telah dipandang patut oleh orang ramai, maka tidak mengapa bertolong-tolongan di atas yang demikian. Bahkan bertolong-tolongan lebih baik, kecuali pada apa yang larangan untuk melakukannya tidak dapat ditakwil.

Ada jenis lain daripada al-wajd iaitu al-wajd kerana riyak. Al-wajd kerana riyak hukumnya haram dan seharusnya tidak diperlihatkan dalam pelbagai bentuknya. Oleh itu, daripada huraian yang telah dikemukakan di atas, dapat disimpulkan bahawa hukum nyanyian (dan mendengar nyanyian) kadang-kadang halal dan kadang-kadang haram mengikut keadaan masing-masing. Juga kadang-kadang nyanyian dan mendengar nyanyian menjadi makruh.

Nyanyian haram bagi mereka yang masih muda dan memiliki nafsu syahwat kuat kerana nyanyian dapat menambah dan meningkatkan hasrat jahat mereka yang tersembunyi dalam hati. Nyanyian menjadi mubah bagi mereka yang menyukai nyanyian moral yang baik dan nyanyian menjadi sunat (mustahab) bagi orang-orang yang kuat agamanya dan cenderung terpikat pada cinta Ilahiah kepada Allah.

Tidak ada yang menggerakkan pendengaran kecuali Allah SWT. Segala puji bagi Allah Tuhan Yang Maha Esa dan Allah merahmati Rasulullah Muhammad s.a.w. beserta keluarganya.

[345] Diriwayatkan oleh Anas, sebagaimana telah diterangkan pada "Bab Adab Bersahabat".

"Dan hendaklah ada di antara kamu segolongan umat yang menyeru kepada kebajikan, menyuruh kepada yang makruf dan mencegah dari yang munkar; merekalah orang-orang yang beruntung."

(Ali Imran: 104)

B A B 19

AMAR MAKRUF NAHI MUNGKAR

Segala pujian bagi Allah yang tidaklah dimulakan kitab-kitab kecuali dengan memuji-Nya. Dan tidaklah dianugerahi nikmat-nikmat, kecuali dengan perantaraan kemurahan dan keluasan kurnia-Nya. Semoga Allah sentiasa melimpahkan selawat ke atas penghulu para nabi dan rasul serta hamba-Nya, Muhammad s.a.w. Juga kepada keluarga Baginda yang baik dan para sahabat Baginda yang setia.

Amma Ba'd:

Amar makruf dan nahi munkar (memerintahkan berbuat kebaikan dan mencegah kejahatan) adalah subjek asas agama. Allah SWT mengutuskan para nabi ke dunia pada hakikatnya ialah untuk menjalankan tugas amar makruf dan nahi munkar ini.

Sekiranya Allah tidak memberi tugas amar makruf dan nahi munkar, maka tidak akan ada kenabian, agama pun akan lenyap, kebodohan dan kesesatan tersebar di mana-mana, kekacauan dan kerosakan merajalela, kesusahan, kebiadaban, kezaliman tersebar luas di seluruh dunia, sehingga berlakulah bencana dan malapetaka dahsyat yang akan menghancurkan umat manusia dan seluruh makhluk Allah SWT.

Seterusnya, masalah amar makruf dan nahi munkar akan dibahaskan dalam empat bahagian, iaitu:

1. Keutamaan dan kewajipan amar makruf dan nahi munkar.

2. Rukun dan syarat-syarat amar makruf dan nahi munkar.
3. Pelbagai perbuatan munkar yang biasa berlaku di dalam masyarakat.
4. Pelbagai amar makruf dan nahi munkar terhadap para pemegang kekuasaan di dalam masyarakat.

A. Hukum melaksanakan Amar Makruf Nahi Munkar

Dalil yang menunjukkan wajibnya melakukan amar makruf nahi munkar sesudah ijmak umat dan petunjuk akal yang sihat ialah ayat al-Quran, hadis Nabi s.a.w. dan atsar (peninggalan para shahabat r.a.). Adapun dalilnya daripada ayat Al-Quran ialah firman Allah SWT:

وَلْتَكُن مِّنكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى ٱلْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِٱلْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ ٱلْمُنكَرِ ۚ وَأُو۟لَـٰٓئِكَ هُمُ ٱلْمُفْلِحُونَ ﴿١٠٤﴾

"Dan hendaklah ada di antara kamu segolongan umat yang menyeru kepada kebajikan, menyuruh kepada yang makruf dan mencegah dari yang munkar; merekalah orang-orang yang beruntung."

(Ali Imran: 104)

Di dalam ayat ini dijelaskan bahawa amar makruf dan nahi munkar hukumnya fardu kifayah bukan fardu ain. Ertinya, jika suatu golongan telah melaksanakan amar makruf dan nahi munkar, maka seluruh kaum muslimin dianggap telah melaksanakannya dan terbebas daripada dosa. Tetapi, jika tidak ada seorang pun yang melaksanakan amar makruf dan nahi munkar, maka seluruh kaum muslimin di dalam suatu masyarakat menjadi berdosa.

Allah SWT berfirman:

۞ لَيْسُوا۟ سَوَآءً ۗ مِّنْ أَهْلِ ٱلْكِتَـٰبِ أُمَّةٌ قَآئِمَةٌ يَتْلُونَ ءَايَـٰتِ ٱللَّهِ ءَانَآءَ ٱلَّيْلِ وَهُمْ يَسْجُدُونَ ﴿١١٣﴾ يُؤْمِنُونَ بِٱللَّهِ وَٱلْيَوْمِ ٱلْـَٔاخِرِ وَيَأْمُرُونَ بِٱلْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ ٱلْمُنكَرِ وَيُسَـٰرِعُونَ فِى ٱلْخَيْرَٰتِ وَأُو۟لَـٰٓئِكَ مِنَ ٱلصَّـٰلِحِينَ ﴿١١٤﴾

"Di antara orang-orang ahli kitab itu tidaklah sama. Sebahagian dari mereka berlaku lurus .Mereka seringkali membaca ayat-ayat Allah di malam hari dan mereka juga bersujud) solat (kepada Allah .Mereka beriman kepada Allah dan Hari Kemudian, mereka menyuruh kepada yang makruf dan mencegah dari yang munkar dan bersegera berbuat kebajikan. Mereka itulah yang termasuk orang-orang yang soleh".

(Ali Imran: 113-114).

Di dalam ayat ini dijelaskan bahawa orang yang mengaku beriman kepada Allah dan Hari Kemudian harus membuktikannya di dalam kehidupan dunia dengan segera melakukan perkara-perkara yang makruf dan mencegah perkara-perkara yang mungkar.

Allah SWT juga berfirman:

وَٱلْمُؤْمِنُونَ وَٱلْمُؤْمِنَٰتُ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَآءُ بَعْضٍۚ يَأْمُرُونَ بِٱلْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ ٱلْمُنكَرِ وَيُقِيمُونَ ٱلصَّلَوٰةَ وَيُؤْتُونَ ٱلزَّكَوٰةَ وَيُطِيعُونَ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥٓۚ

"Dan orang-orang yang beriman daripada lelaki dan perempuan, sebahagian mereka adalah menjadi penolong bagi sebahagian yang lain .Mereka menyuruh mengerjakan yang makruf dan mencegah yang munkar ,mendirikan solat ,menunaikan zakat ,dan mereka taat kepada Allah dan Rasul-Nya."

(al-Taubah: 71)

Di dalam ayat ini dijelaskan tentang sifat-sifat orang yang beriman yang salah satunya adalah mengerjakan amar makruf dan nahi munkar .Dengan demikian, orang yang tidak berbuat yang makruf dan tidak mencegah yang munkar ,maka dia tidak termasuk orang yang beriman.

Allah SWT juga berfirman:

لُعِنَ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ مِنۢ بَنِيٓ إِسْرَٰٓءِيلَ عَلَىٰ لِسَانِ دَاوُۥدَ وَعِيسَى ٱبْنِ مَرْيَمَۚ ذَٰلِكَ بِمَا عَصَواْ وَّكَانُواْ يَعْتَدُونَ ﴿٧٨﴾ كَانُواْ لَا

"Telah dilaknati orang-orang kafir dari Bani Israel dengan lisan Daud dan Isa putera Maryam .Yang demikian itu kerana mereka derhaka dan selalu melampaui batas .Mereka tidak saling mencegah perbuatan munkar yang mereka lakukan .Sesungguhnya amat buruklah apa yang mereka perbuat itu".

(al-Ma'idah: 78-79)

Di dalam ayat ini, Allah SWT mengutuk sebahagian kaum Bani Israel kerana tidak mahu mencegah dirinya melakukan perbuatan munkar, apatah lagi mencegah orang lain.

Allah SWT juga berfirman:

كُنتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِٱلْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ ٱلْمُنكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِٱللَّهِ

"Kamu adalah umat yang paling baik yang dijadikan untuk manusia, iaitu agar menyuruh kepada yang makruf dan mencegah dari yang munkar ,dan beriman kepada Allah".

(Ali Imran: 110)

Ayat ini mengatakan bahawa kaum muslimin adalah umat yang paling baik di sisi Allah SWT selama mereka tetap melakukan amar makruf nahi munkar. Di dalam ayat yang lain Allah SWT berfirman:

فَلَمَّا نَسُوا۟ مَا ذُكِّرُوا۟ بِهِۦٓ أَنجَيْنَا ٱلَّذِينَ يَنْهَوْنَ عَنِ ٱلسُّوٓءِ وَأَخَذْنَا ٱلَّذِينَ ظَلَمُوا۟ بِعَذَابٍۭ بَـِٔيسٍۭ بِمَا كَانُوا۟ يَفْسُقُونَ ١٦٥

"Maka ketika mereka melupakan apa yang diperingatkan kepada mereka ,Kami selamatkan orang-orang yang mencegah perbuatan zalim ,dan Kami timpakan kepada orang-orang zalim seksaan yang keras disebabkan mereka selalu berbuat zalim".

(al-A'raf: 165)

Di dalam ayat ini, dengan tegas Allah SWT mengatakan bahawa Dia akan menyelamatkan orang-orang yang sentiasa melarang perbuatan zalim. Ayat ini juga menunjukkan bahawa orang-orang yang selalu berbuat zalim akan mendapat azab yang pedih.

Kewajipan menjalankan amar makruf nahi munkar juga disebutkan di dalam ayat:

ٱلَّذِينَ إِن مَّكَّنَّـٰهُمۡ فِى ٱلۡأَرۡضِ أَقَامُواْ ٱلصَّلَوٰةَ وَءَاتَوُاْ ٱلزَّكَوٰةَ وَأَمَرُواْ بِٱلۡمَعۡرُوفِ وَنَهَوۡاْ عَنِ ٱلۡمُنكَرِ‌ۗ

"Orang-orang yang jika Kami diamkan (tempatkan) di muka bumi, mereka tetap mengerjakan solat dan membayarkan zakat dan menyuruh mengerjakan perbuatan baik dan melarang perbuatan yang salah."

(al-Hajj: 41)

Ayat ini menyertakan amar makruf dan nahi munkar itu dengan solat dan zakat pada menyifatkan orang-orang soleh dan orang-orang mukmin.

Allah SWT juga berfirman:

فَلَوۡلَا كَانَ مِنَ ٱلۡقُرُونِ مِن قَبۡلِكُمۡ أُوْلُواْ بَقِيَّةٍ يَنۡهَوۡنَ عَنِ ٱلۡفَسَادِ فِى ٱلۡأَرۡضِ إِلَّا قَلِيلاً مِّمَّنۡ أَنجَيۡنَا مِنۡهُمۡ‌ۗ

"Hendaklah kamu tolong menolong dalam mengerjakan pekerjaan baik dan takwa (daripada kejahatan) dan janganlah bantu membantu dalam mengerjakan dosa dan permusuhan."

(al-Ma'idah: 2)

Ini adalah perintah yang tegas dan pengertian bantu membantu ialah menggerakkan kepadanya dengan memudahkan jalan kebajikan serta menyumbat jalan kejahatan dan permusuhan semampu mungkin.

Allah SWT berfirman:

لَوۡلَا يَنۡهَـٰهُمُ ٱلرَّبَّـٰنِيُّونَ وَٱلۡأَحۡبَارُ عَن قَوۡلِهِمُ ٱلۡإِثۡمَ وَأَكۡلِهِمُ ٱلسُّحۡتَ‌ۚ لَبِئۡسَ مَا كَانُواْ يَصۡنَعُونَ ﴿٦٣﴾

"Mengapa mereka tidak dilarang oleh ahli-ahli ilmu Ketuhanan dan pendeta-pendeta daripada mengucapkan perkataan dosa dan memakan yang haram? Sesungguhnya amat buruklah apa yang mereka kerjakan."

(al-Ma'idah: 63)

Maka, mereka itu berdosa jika meninggalkan nahi munkar.

Allah SWT juga berfirman: *"Maka sepatutnya ada di antara umat yang telah dibinasakan dahulu daripada kamu itu, orang-orang yang berkelebihan akal fikiran yang melarang kaumnya dari perbuatan-perbuatan jahat di muka bumi tetapi sayang! tidak ada yang melarang melainkan sedikit sahaja."* (Hud: 116)

Di dalam ayat ini dijelaskan bahawa Allah SWT membinasakan mereka semua kecuali sebahagian kecil daripada mereka yang melarang manusia berbuat kejahatan.

Adapun dalil daripada hadis ialah sabda Rasulullah s.a.w.: "Apabila suatu kaum melakukan perbuatan maksiat dan di antara mereka ada seseorang yang sanggup mencegah kemaksiatan itu tetapi tidak melakukannya, maka Allah akan meratakan dia bersama-sama mereka (kaumnya) dengan seksaan yang pedih."

Di dalam sebuah riwayat disebutkan bahawa seorang sahabat bernama Abu Tsa'labah al-Khasyani bertanya kepada Rasulullah s.a.w. tentang tafsir firman Allah yang berbunyi:

لَا يَضُرُّكُم مَّن ضَلَّ إِذَا ٱهْتَدَيْتُمْ ۚ

"Tiadalah orang yang sesat itu akan memberi mudarat (bahaya) kepadamu jika kamu telah mendapat petunjuk." (al-Ma'idah: 105)

Lalu Rasulullah s.a.w. menjawab: "Wahai Abu Tsa'labah, berbuat baiklah dan cegahlah kejahatan. Apabila kamu melihat orang ramai berbuat kikir dan mengikuti hawa nafsunya, yang cinta dan terlena pada dunia, dan manusia yang membenarkan pendapatnya sendiri dengan penuh kesombongan, maka hendaklah kamu tetap berada di jalan yang benar, lalu lakukan amar makruf nahi munkar kepada mereka, kerana jika tidak, kamu boleh jadi terperosok ke dalamnya sebagaimana bahaya-bahaya yang mengancam pada tengah malam yang gelap-gelita. Dan, ika kamu tetap teguh di jalan yang benar, maka kamu akan memperoleh lima puluh pahala kebajikan."

Lalu Abu Tsa'labah bertanya: "Wahai Rasulullah, apakah orang-orang yang disuruh untuk melakukan amar makruf dan nahi munkar olehku juga memperoleh lima puluh pahala kebajikan?" Rasulullah s.a.w. menjawab: "Tidak. Lima puluh pahala kebajikan itu hanya untukmu, kerana kamu telah menolong mereka berbuat kebajikan, sedangkan mereka tidak akan berbuat kebajikan itu tanpa kamu suruh."

Ibnu Mas'ud r.a. pernah ditanya mengenai tafsir surah al-Ma'idah ayat 105. Maka Ibnu Mas'ud berkata: "Ini bukanlah masanya ayat itu diturunkan. Pada masa sekarang perintah untuk melakukan amar makruf nahi munkar tersebut akan diterima dan dilaksanakan, tetapi akan segera datang suatu masa di mana kamu menyuruh berbuat baik tetapi mereka akan membalas dengan kejahatan dan mereka akan menolak berbuat kebaikan.

"Ketika masa itu datang, kamu harus tetap berpegang teguh (pada tali agama Allah kerana jika kamu tetap berada di dalam petunjuk kebenaran itu, maka orang-orang sesat tidak akan dapat menyesatkan kamu atau memudaratkan kamu."

Rasulullah s.a.w. bersabda: "Sesungguhnya Allah SWT bertanya kepada hamba-Nya: "Apakah yang menghalang kamu untuk melarang perbuatan munkar ketika kamu melihatnya?" Apabila Allah mengajarkan alasannya kepada hamba itu, maka dia kemudian berkata: "Wahai Tuhanku, aku tetap mengharap keredaan-Mu dan menjaga diri daripada manusia (yang zalim)."

Rasulullah s.a.w. bersabda: "Jauhkanlah diri kamu daripada duduk-duduk di tepi jalan!" Para sahabat berkata: "Ya Rasulullah, mahu tidak mahu kami harus duduk-duduk di tepi jalan. Sesungguhnya, tepi jalan itu adalah tempat duduk-duduk kami dan tempat kami bercakap-cakap."

Rasulullah s.a.w. bersabda: "Jika kamu terpaksa harus duduk-duduk di situ, maka berilah kepada jalan itu haknya." Mereka bertanya: "Apakah hak jalan itu, ya Rasulullah?" Rasulullah s.a.w. pun menjawab: "Tundukkan pandangan kamu, hindarilah menyakiti orang, jawablah salam, dan lakukanlah amar makruf nahi munkar!"

Allah SWT berfirman: "Aku bersumpah dengan kebesaran-Ku, sesungguhnya Aku akan menjadikan pelbagai jenis malapetaka, kemalangan dan kehinaan bagi mereka, di mana orang-orang yang lemah (imannya) akan terkejut dan merasa bingung."

Rasulullah s.a.w. bersabda: "Janganlah kamu berdekatan dengan seorang lelaki yang membunuh orang yang terzalimi. Sesungguhnya kutukan itu akan turun. Jika kamu berdiam diri di belakang seorang pembunuh tanpa kuasa mencegahnya, maka Allah akan menurunkan kutukan kepada si pembunuh, kamu dan semua orang yang ada di situ. Begitu juga apabila kamu berdiam diri tanpa kuasa mencegah seorang lelaki yang memukul orang yang terzalimi, maka kutukan akan turun kepada orang yang hadir di situ termasuk kamu."

Rasulullah s.a.w. juga bersabda: "Barangsiapa yang berada di suatu tempat (majlis), maka katakan yang benar itu benar dan yang salah itu salah, kerana ajalmu tidak akan datang sebelum waktunya, dan jatah rezekimu tidak akan lari ke mana-mana."

Hadis ini menunjukkan bahawa kaum muslimin tidak boleh hadir di tempat orang zalim dan suka berbuat maksiat, dan berdosalah seseorang yang berada di tempat orang yang zalim tanpa sanggup mencegah kezalimannya, kerana Rasulullah s.a.w. bersabda: "Kutukan itu juga akan berlaku terhadap orang yang membiarkan kezalimannya."

Hadir atau berada di suatu tempat di mana perbuatan maksiat berlangsung adalah haram atau dilarang jika dia tidak bermaksud untuk mencegah kemaksiatan itu. Dengan alasan ini, segolongan ulama salaf pada zaman dahulu lebih memilih mengasingkan diri (ber-uzlah) dari majlis-majlis maksiat, seperti kemaksiatan di pasar, di tempat perayaan dan di tempat keramaian lainnya. Itu kerana perbuatan maksiat itu terlihat hampir merata di mana-mana, sementara mereka tidak mempunyai kesanggupan untuk mencegahnya.

Ibnu Abbas r.a. meriwayatkan bahawa pada suatu hari seseorang bertanya kepada Rasulullah s.a.w.: "Wahai Rasulullah, adakah suatu negeri akan dibinasakan apabila di dalamnya ada orang-orang beriman?" Jawab Rasulullah s.a.w.: "Ada." Lelaki itu bertanya lagi: "Apa yang menyebabkannya, wahai Rasulullah?"

Rasulullah menjawab: "Penyebabnya ialah kerana mereka (orang-orang beriman itu) menunda-nunda atau melalaikan kewajipan amar makruf nahi munkar; lalu mereka lebih suka berdiam diri daripada mencegah penduduk negeri itu melakukan kemunkaran secara terang-terangan dan terlihat di hadapannya. Oleh itu, mereka pun termasuk yang akan dibinasakan."

Rasulullah s.a.w. bersabda: "Allah SWT menurunkan seksaan ke atas penduduk suatu negeri yang penduduknya berjumlah lapan belas ribu orang, padahal ibadat mereka (secara zahir) mengikuti ibadat para nabi." Lalu para sahabat bertanya: "Wahai Rasulullah, bagaimana itu boleh berlaku?" Rasulullah s.a.w. menjawab: "Itu kerana mereka tidak mengatakan kemarahannya kerana Allah. Mereka juga tidak menyuruh kebajikan dan tidak melarang kejahatan."

Di dalam sebuah riwayat disebtkan bahawa pada suatu ketika Nabi Musa a.s. bertanya kepada Allah: "Wahai Tuhanku, hamba-Mu yang bagaimana yang lebih Engkau cintai?" Allah SWT berfirman:

"Seorang hamba yang datang kepada-Ku dengan segera untuk mematuhi keinginan-Ku seperti seekor helang yang lekas menangkap mangsanya, seorang hamba yang selalu siaga menolong para hamba-Ku lainnya yang soleh seperti anak kecil yang terus-menerus menyusu susu ibunya, dan seorang hamba yang sangat marah ketika suatu perbuatan yang haram dan terlarang nampak di hadapannya seperti marahnya harimau yang tidak akan peduli akan banyak atau sedikitnya manusia yang mengganggunya."

Ini kerana pahala melakukan amar makruf nahi munkar itu sangat besar, maka besar pula ancaman seksanya bagi orang yang meninggalkannya (orang yang zalim).

Di dalam sebuah riwayat disebutkan bahawa Abu Bakar al-Siddiq r.a. pernah bertanya kepada Nabi: "Wahai Nabi, apakah ada jihad selain memerangi kaum kafir?" Rasulullah s.a.w. menjawab: "Ada, wahai Abu Bakar, iaitu para pejuang (mujahidin) di jalan Allah di muka bumi ini adalah lebih mulia daripada para syuhada. Mereka (para mujahid) hidup dan memperoleh rahmat dan kurnia Allah Yang Maha Pemurah. Mereka adalah pejuang kebenaran di muka bumi ini. Allah SWT membanggakan mereka kepada para malaikat-Nya. Dan bagi mereka telah disediakan syurga yang indah."

Abu Bakar lantas bertanya: "Siapakah mereka, wahai Rasulullah?" Rasulullah s.a.w. menjawab: "Mereka adalah orang yang melakukan amar makruf dan nahi munkar, saling mengasihi di jalan Allah dan sangat membenci (kemaksiatan) kerana Allah SWT."

Kemudian Rasulullah s.a.w. bersabda: "Demi Allah yang jiwaku berada di dalam genggaman-Nya, sesungguhnya (di akhirat kelak) salah seorang mujahid

akan menempati sebuah istana di atas istana-istana mujahid lainnya, sedangkan istana para mujahid berada di atas istana-istana syuhada dan setiap istana memiliki tiga ratus ribu pintu, yang masing-masing terbuat daripada yaqut permata merah dan zamrud hijau dan di atas setiap pintu bertaburan cahaya.

"Setiap lelaki penghuni istana itu akan dikahwinkan dengan tiga ratus ribu bidadari yang sangat cantik dan elok. Setiap kali dia (lelaki) memandang salah seorang bidadari, maka bidadari itu berkata: 'Apakah kamu ingat pada hari ini dan hari itu ketika kamu melakukan amar makruf nahi munkar?' Begitulah seterusnya, semua bidadari akan mengingatkan kembali lelaki itu kepada masa dia melakukan amar makruf nahi munkar."

Adapun dalil daripada atsar para sahabat dan tabi'in ialah atsar yang diriwayatkan daripada Abu al-Darda' r.a. yang berkata: "Hendaklah kamu melakukan amar makruf dan nahi munkar. Jika tidak, maka Allah akan menempatkan kamu di bawah penguasa yang zalim yang tidak menghormati orang yang lebih tua dan tidak mengasihi orang yang lebih muda di antara rakyatnya. Kemudian orang-orang soleh di antara kamu akan berdoa, tetapi Allah tidak menerima doa mereka. Mereka meminta tolong, tetapi Allah tidak akan menolong mereka dan mereka meminta keampunan, tetapi Allah tidak akan memberi keampunan kepada mereka."

Allah Azza wa Jalla berfirman kepada Nabi Yusya' bin Nun: "Aku akan membinasakan empat puluh ribu orang baik dan enam puluh ribu orang jahat di antara kaummu." Lalu Nabi Yusya' berkata: "Wahai Tuhanku, aku dapat menerima orang-orang jahat yang Engkau binasakan, tetapi kenapa orang-orang baik juga Engkau binasakan?" Maka Allah SWT berfirman: "Itu kerana mereka tidak marah (tidak mencegah atau membiarkan) kezaliman orang-orang yang zalim ketika Aku murka, dan kerana mereka bercampur-baur, makan dan minum bersama orang-orang yang zalim itu."

Ali bin Abu Talib r.a. pernah berkata: "Jihad yang seharusnya kamu lakukan pertama kali ialah jihad dengan tanganmu, kemudian jihad dengan lidahmu, kemudian jihad dengan hatimu. Apabila hatimu juga tidak melakukan amar makruf nahi munkar, maka bererti hatimu telah tertutupi oleh kegelapan dan kesesatan. Dan jihad yang paling tinggi adalah jihad dengan tangan, lalu jihad dengan lidah dan yang paling rendah jihad dengan hati."

B. Syarat dan rukun Amar Makruf Nahi Munkar

Ketahuilah, bahawa ada empat rukun yang akan dibahaskan di sini berkenaan amar makruf nahi munkar, iaitu:

1. Al-Muhtasib, iaitu orang yang mencegah perbuatan munkar.
2. Al-Muhtasib Fihi, iaitu perbuatan munkar yang dicegah.
3. Al-Muhtasab Alaihi, iaitu orang yang melakukan perbuatan munkar.
4. Al-Ihtisab, iaitu cara mencegah kemunkaran.

Tiap-tiap rukun ini memiliki syarat masing-masing.

1. Orang yang mencegah perbuatan munkar

Ada beberapa persyaratan atau kualifikasi bagi orang yang hendak mencegah kejahatan (orang yang melakukan amar makruf nahi munkar yang disebut muhtasib). Adapun syarat-syaratnya ialah:

Pertama: Mukallaf. Itu kerana orang yang tidak mukallaf, maka tidak wajib atasnya sesuatu. Adapun mungkinnya berbuat dan pembolehannya, maka tidak ada yang memanggilnya selain akal. Sehingga anak kecil yang hampir dewasa dan telah dapat membezakan antara yang buruk dan yang baik, walaupun dia belum mukallaf, dia dapat menentang perbuatan-perbuatan munkar. Dia dapat menumpahkan arak dan menghancurkan alat permainan.

Apabila dia berbuat demikian, nescaya dia memperoleh pahala. Dan tiadalah bagi seseorang melarangnya, daripada segi dia itu belum mukallaf. Sesungguhnya perbuatan tersebut itu mendekatkan diri kepada Allah Ta'ala (qurbah). Dan dia termasuk di antara orang yang berhak padanya, seperti: solat, menjadi imam dan qurbah-qurbah lainnya.

Dan tidaklah hukum amar makruf dan nahi munkar itu sama dengan hukum memegang pemerintahan sehingga perlu disyaratkan padanya mukallaf. Oleh itu, kami tetapkan wajibnya amar makruf dan nahi munkar ke atas hamba dan tiap-tiap rakyat.

Kedua: Beriman. Ini kerana amar makruf dan nahi mungkar adalah pertolongan bagi agama. Lantas bagaimana mungkin ada ahli agama memungkiri asas agama dan menjadi musuh agama?

Ketiga: Adil. Sebahagian ulama memandang bahawa adil itu aalah syarat untuk melakukan amar makruf dan nahi mungkar, dan mereka mengatakan bahawa orang fasik tidak dapat menjadi muhtasib.

Mereka berdalil dengan ayat yang mengandungi tantangan yang ditujukan kepada orang yang menyuruh sesuatu tetapi tidak mengerjakannya. Iaitu firman Allah SWT:

۞ أَتَأْمُرُونَ ٱلنَّاسَ بِٱلْبِرِّ وَتَنسَوْنَ أَنفُسَكُمْ

"Mengapa kamu suruh orang lain mengerjakan kebajikan, sedangkan kamu melupakan kewajipanmu sendiri."

(al-Baqarah: 44)

Di dalam ayat lainnya, Allah SWT berfirman:

كَبُرَ مَقْتًا عِندَ ٱللَّهِ أَن تَقُولُوا۟ مَا لَا تَفْعَلُونَ ﴿٣﴾

"Amat besarlah kebencian Allah terhadap orang yang mengatakan apa-apa yang tidak dia kerjakan."

(al-Shaff: 3)

Rasulullah s.a.w. pernah bersabda: "Ketika melalui suatu kaum pada malam Israk dan Mi'raj, aku melihat bibir mereka dipotong-potong dengan gunting api. Lalu aku bertanya kepada kaum itu, 'Kenapa kamu menjadi begini?' Mereka menjawab: 'Kami suka menyuruh orang lain berbuat kebajikan, tetapi kami sendiri tidak mengerjakannya, dan kami suka melarang berbuat kejahatan, tetapi kami sendiri suka melakukannya'."

Di dalam sebuah riwayat disebutkan bahawa Allah SWT berfirman kepada Nabi Isa a.s.: "Nasihatilah dirimu sendiri terlebih dahulu dan jika kamu telah melakukannya, barulah kamu menasihati orang lain. Jika kamu tidak berbuat demikian, maka malulah kepada-Ku!"

Mereka juga berdalil dengan qiyas (analogi), bahawa memberi petunjuk kepada orang lain, adalah cabang daripada petunjuk diri sendiri. Begitu juga meluruskan orang lain adalah cabang daripada kelurusan diri sendiri. Memperbaiki orang lain merupakan zakat daripada nisab perbaikan diri sendiri.

Orang yang dirinya sendiri tidak baik, bagaimana mungkin dapat membaiki orang lain? Bilakah bayang-bayang sebatang pohon akan lurus jika pohon itu

sendiri bengkok?

Semua yang mereka sebutkan ini tidak benar kerana orang fasik berhak menjadi muhtasib. Dalilnya, adakah di dalam ihtisab (pelaksanaan amar makruf dan nahi munkar) disyaratkan agar pelakunya terpelihara daripada segala perbuatan maksiat?

Sesungguhnya syarat demikian bertentangan dengan ijmak (kesepakatan para ulama) dan akan menutupkan pintu ihtisab. Kerana tidak ada di antara para sahabat yang terpelihara daripada dosa, lebih-lebih lagi orang selain mereka. Sedangkan para nabi, terdapat perselisihan pendapat di antara ulama tentang terpeliharanya mereka daripada kesalahan. Al-Quran yang mulia menyandarkan Adam a.s. kepada perbuatan maksiat. Demikian juga beberapa nabi lainnya.

Oleh itu, Sa'id bin Jubair berkata: "Jika melakukan amar makruf dan nahi munkar hanya boleh dilakukan oleh orang yang tidak memiliki kesalahan, nescaya tidak akan ada orang yang melakukannya."

Jika dikatakan bahawa yang disyaratkan ialah terpelihara daripada dosa-dosa besar, sehingga pemakai sutera boleh melarang orang lain melakukan perbuatan zina dan minum arak. Jika demikian, kami ajukan sebuah soalan kepada mereka: "Bolehkah peminum arak memerangi orang-orang kafir atau ditugaskan kepada mereka untuk melarang kekufuran?

Jika mereka menjawab tidak, maka mereka telah menentang ijmak, kerana boleh jadi di antara tentera muslimin ada orang yang baik dan ada orang zalim, peminum arak dan penganiaya anak-anak yatim. Tetapi mereka tidak dilarang untuk berperang pada masa Rasulullah s.a.w. dan tidak pada masa sesudah Baginda.

Jika mereka menjawab ya, maka kami akan bertanya lagi: "Adakah peminum arak dilarang berperang atau tidak?" Jika mereka itu menjawab tidak, maka kami tanyakan: "Lantas apa bezanya antara peminum arak dan pemakai sutera?" Itu kerana sebelumnya dikatakan bahawa pemakai sutera boleh melarang orang lain minum arak. Bukankah membunuh lebih besar dosanya berbanding minum arak, sebagaimana minum arak lebih besar dosanya berbanding memakai sutera? Oleh itu, tidak ada bezanya.

Berkaitan dengan tahapan amar makruf nahi munkar, maka terdapat lima tahapan dalam pelaksanaannya, iaitu:

1. Memperkenalkan dan memberikan nasihat sederhana.
2. Memberi pengajaran atau nasihat dengan kata-kata lemah-lembut.
3. Memberikan nasihat dengan perkataan keras dan tegas. Misalnya: "Wahai, bodoh! Tidakkah kamu takut kepada Allah?"
4. Melaksanakan amar makruf nahi munkar dengan perbuatan langsung, menggunakan kekuatan, dan mencegah seseorang daripada melakukan perbuatan maksiat dan dosa. Misalnya, menghancurkan alat-alat perjudian, memecahkan botol-botol minuman keras, merampas kain sutera dari pemiliknya, menyita barang-barang curian lalu mengembalikan kepada pemiliknya.
5. Memarahi, memukul, dan memberikan ancaman kepada seseorang yang berbuat zalim agar dia berhenti. Selain untuk tahap yang kelima, seseorang tidak diharuskan meminta izin dari penguasa untuk melakukan amar makruf dan nahi munkar.

Berikut ini adalah beberapa contoh memberikan nasihat kepada para penguasa. Di alam sebuah riwayat disebutkan bahawa Khalifah Marwan bin al-Hakam sedang berkhutbah sebelum solat Hari Raya. Lalu seorang lelaki berkata kepada Khalifah: "Sesungguhnya khutbah disampaikan setelah solat Hari Raya." Khalifah Marwan menjawab: "Biarkan aku melakukannya demikian, wahai Polan!"

Sa'id al-Khudri yang hadir ketika itu mengatakan bahawa lelaki itu telah menunaikan kewajipannya. Rasulullah s.a.w. bersabda: "Barangsiapa yang di antara kamu melihat kemunkaran, maka cegahlah dengan tangannya. Jika tidak sanggup, maka cegahlah dengan lidahnya, dan jika tidak sanggup juga, maka cegahlah dengan hatinya. Yang terakhir ini adalah selemah-lemah iman." Para penguasa juga tidak terhindar daripada sasaran nasihat atau amar makruf dan nahi munkar ini.

Diriwayatkan juga bahawa ketika Khalifah al-Mahdi datang ke Makkah untuk mengerjakan ibadat haji dan tinggal beberapa hari di sana. Ketika melakukan tawaf keliling Ka'bah, dia mengusir setiap orang yang ada di sekelilingnya. Melihat keadaan ini, Abdullah bin Marzuq melompat dan berkata kepada Khalifah: "Lihatlah apa yang telah tuan lakukan, seolah-olah Tuan lebih berhak terhadap Baitullah ini berbanding orang lain yang datang dari tempat jauh. Allah SWT berfirman:

إِنَّ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ وَيَصُدُّونَ عَن سَبِيلِ ٱللَّهِ وَٱلۡمَسۡجِدِ ٱلۡحَرَامِ ٱلَّذِى جَعَلۡنَٰهُ لِلنَّاسِ سَوَآءً ٱلۡعَٰكِفُ فِيهِ وَٱلۡبَادِۚ

"*Sesungguhnya orang-orang kafir dan orang-orang yang menghalang manusia dari jalan Allah dan Masjidil Haram (Makkah) yang telah Kami jadikan untuk semua manusia, sama ada yang bermukim di situ mahupun orang yang datang berkunjung*'."

(al-Hajj: 25)

Jadi, orang yang menetap di Makkah ini atau orang yang datang dari tempat jauh mempunyai hak yang sama, lalu mengapa tuan mengusir orang-orang yang mengunjungi Baitullah ini?

Ketika melihat Abdullah bin Marzuq, tahulah Khalifah bahawa Abdullah adalah salah seorang pegawainya. Selesai ibadat haji, Khalifah membawa Abdullah bin Marzuq kembali ke Baghdad. Khalifah tidak menghukum Abdullah di depan orang ramai, tetapi memasukkannya ke dalam perjara bersama seekor kuda liar yang suka membunuh. Tetapi Allah SWT menundukkan kuda itu hingga Abdullah selamat. Khalifah pun hairan, lalu Abdullah dipindahkan ke sebuah bilik yang dikunci dan kuncinya dipegang sendiri oleh Khalifah. Tiga hari kemudian, Abdullah telah berada di luar dan ditemukan sedang makan sayuran di sebuah kebun.

Khalifah pun memanggil Abdullah dan bertanya: "Siapa yang telah mengeluarkan kamu dari bilik itu?" Jawab Abdullah bin Marzuq: "Yang menahan aku." Khalifah berteriak marah kemudian berkata: "Tidakkah kamu takut aku akan membunuhmu?" Abdullah bin Marzuq tertawa dan berkata: "Aku akan takut kepada tuan jika tuan adalah pemilik hidup dan mati."

Seterusnya Abdullah bin Marzuq dimasukan ke dalam penjara sampai ajal justeru datangh kepada Khalifah al-Mahdi. Setelah Abdullah dibebaskan oleh Khalifah yang baru, dia pergi ke Makkah lalu berkorban dengan seratus ekor unta untuk memenuhi nazar bagi kebebasannya.

Ketahuilah, bahawa orang yang akan melakukan amar makruf dan nahi munkar haruslah mempunyai kesanggupan dan kemampuan, iaitu sanggup melakukan dengan ucapan dan paling bagus dengan perbuatan nyata. Maka orang yang tidak sanggup berbuat dengan ucapan atau berbuat nyata, dia harus

menanamkan kebencian pada perbuatan munkar.

Ketidak-sanggupan di sini bererti takut dengan ancaman, seksaan bahkan pembunuhan dari orang yang diberi amar makruf nahi munkar. Ini menunjukkan bahawa dia mempunyai iman yang lemah. Ketidak-sanggupannya untuk berbuat secara berterusan dapat mengakibatkannya dia kehilangan iman.

Allah SWT memperingatkan dengan firman-Nya:

وَلَا تُلْقُوا۟ بِأَيْدِيكُمْ إِلَى ٱلتَّهْلُكَةِ ۛ

"Dan janganlah kamu menjatuhkan dirimu sendiri ke dalam kebinasaan."

(al-Baqarah: 195)

Seharusnya sebagai orang yang beriman, dia harus berani berjihad menegakkan amar makruf dan nahi munkar, tidak takut terbunuh, kerana terbunuh dalam menegakkan kewajipan bererti syahid.

Berkaitan dengan perbuatan munkar, maka ada tiga jenis perbuatan yang termasuk munkar, iaitu:

1. Perbuatan dosa besar yang sudah berlangsung dan hukumannya sudah ditetapkan di dalam al-Quran, maka mencegah atau melarang perbuatan munkar yang demikian hukumnya adalah wajib. Dan, hukuman bagi orang yang melakukan perbuatan demikian harus dilakukan oleh penguasa. Contohnya, hukuman penjara bagi pencuri, hukuman sebat bagi penzina, dan sebagainya.

2. Perbuatan dosa yang masih atau sedang dilakukan oleh pelakunya, seperti orang yang minum arak, orang yang berjudi, memakai pakaian sutera, menggunakan bekas daripada emas dan perak, dan sebagainya. Kemunkaran yang masih atau sedang berlangsung wajib dicegah, iaitu dengan nasihat atau dengan perbuatan mencegah yang nyata dan tegas.

3. Perbuatan munkar yang belum atau akan berlaku seperti orang yang berniat hendak mencuri. Apabila niat itu diketahui, maka orang yang mengetahui wajib mencegah perbuatan tersebut dan menyedarkannya hingga bertaubat.

2. Perbuatan munkar yang wajib dicegah)

Ada empat syarat atau alasan yang menjadikan seseorang wajib mencegah kemunkaran-kemunkaran tersebut, iaitu:

Pertama: Kemunkaran itu adalah perbuatan jahat menurut syariah dan dilarang oleh agama. Misalnya, minum arak yang merosakkan kemuliaan agama.

Kedua: Kemunkaran yang harus dicegah itu ialah kerana mengakibatkan sejenis kecanduan sehingga mendorong munculnya kemunkaran lainnya. Seseorang yang sudah selesai minum arak, maka pencegahan tidak dapat diterapkan kecuali memberikan nasihat untuk tidak meminumnya lagi. Contoh lain, sepasang lelaki dan perempuan (apalagi bujang dan gadis) yang bukan mahram duduk berduaan di tempat yang sunyi, maka hal itu wajib dicegah, kerana duduk berduaan demikian adalah kemunkaran, dan kalau dibiarkan kemungkinan besar akan terjadi kemunkaran yang lebih besar.

Ketiga: Kemunkaran itu jelas-jelas diketahui oleh orang yang hendak mencegah perbuatan itu. Tidak boleh berburuk sangka, menuduh, memfitnah orang lain, kecuali bahawa dia jelas-jelas terbukti melakukan suatu perbuatan munkar. Apabila seseorang melakukan kemunkaran setelah menutup pintu rumahnya, maka menyelidiki perbuatan itu secara sembunyi-sembunyi tidak dibenarkan, kerana tidak cukup saksi jika hanya seorang diri.

Umar bin al-Khattab r.a. pernah secara sembunyi-sembunyi memasuki rumah seseorang, dan beliau melihat lelaki pemilik rumah sedang berbuat munkar, lalu beliau mencegahnya. Tetapi lelaki itu menjawab ketika didakwa: "Wahai Amirul Mukminin, janganlah terburu-buru menuduh! Sesungguhnya aku hanya melakukan satu maksiat kepada Allah. Sedangkan anda telah melakukan tiga maksiat kepada Allah. Bukankah Allah SWT telah berfirman: 'Janganlah kamu mencari-cari keburukan orang lain,' (al-Hujurat: 12) dan engkau telah mencari-cari keburukan kami sehingga engkau telah melakukan satu dosa.

Katanya lagi: "Allah SWT juga berfirman: 'Dan bukanlah kebajikan bagimu memasuki rumah dari belakangnya,' (al-Baqarah: 189) sedangkan engkau telah memanjat dinding dari belakang rumahku sehingga engkau telah melakukan satu dosa. Kemudian Allah SWT juga berfirman: 'Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu memasuki rumah yang bukan rumah kamu sebelum meminta izin dan memberi salam kepada penghuninya,' (al-Nur: 27) dan engkau telah memasuki

rumahku tanpa izinku serta tidak memberi salam."

Mendengar itu, Umar bin al-Khattab r.a. berkata: "Adakah kebaikan bagi kamu jika aku maafkan kamu?" Jawab orang itu: "Demi Allah, wahai Amirul Mukminin, jika engkau memaafkan perbuatan kami ini, nescaya kami tidak akan lagi melakukan perbuatan tersebut untuk selama-lamanya." Umar pun memaafkan mereka dan segera meninggalkan rumah mereka.

Maka ketahuilah, bahawa orang yang mengunci pintu rumahnya dan menutupkan dirinya dengan dinding-dinding temboknya, maka seseorang tidak boleh memasukinya tanpa izin untuk mengetahui suatu perbuatan maksiat. Kecuali, apa yang ada di dalam rumah itu dapat diketahui dengan jelas oleh orang yang berada di luar rumah. Seperti bunyi seruling dan rebab, apabila telah kuat bunyinya, di mana telah melewati dinding tembok rumah. Maka barangsiapa mendengar yang demikian, maka boleh memasuki rumah itu dan menghancurkan alat-alat permainannya.

Demikian pula, apabila telah kuat suara orang-orang mabuk dengan kata-kata yang biasa di antara mereka dan dapat didengar oleh orang-orang di jalanan. Maka ini akan melahirkan sesuatu yang mewajibkan hisbah.

Keempat: Kemunkaran itu diakui dan disepakati oleh jumhur ulama. Jika masih dalam perdebatan, maka tidak ada nahi munkar. Ini berkaitan dengan perkara-perkara kecil daripada pelbagai mazhab. Maka tidak boleh orang yang bermazhab Syafi'i memandang munkar tindakan orang bermazhab Hanafi yang meminum air nabiz (air buah anggur kering) yang tidak memabukkan dan menerima pusaka zawil arham.

3. Orang yang melakukan perbuatan munkar

Berkenaan orang yang mesti dicegah daripada perbuatan kemunkaran, di sini terdapat kategori dosa yang harus dicegah menurut syariat agama. Segala sesuatu yang munkar menurut agama, maka dilarang untuk dilakukan dan wajib dicegah.

Adapun pelaku kemunkaran atau orang yang harus dicegah daripada kemunkaran (muhtasab 'alaih) maksudnya ialah manusia dengan segala usianya, sama ada yang mukallaf mahupun yang tidak. Sebagaimana yang telah kami sebutkan sebelumnya bahawa seorang anak kecil yang akan minum arak, maka dia wajib dicegah meskipun dia belum baligh (belum dewasa).

Juga tidak disyaratkan mumayyiz (sudah dapat membezakan antara yang bermanfaat dan yang tidak bermanfaat). Itu kerana telah kami jelaskan sebelumnya bahawa orang gila jika berzina dengan wanita gila atau menyetubuhi haiwan betina, maka dia wajib dilarang daripadanya.

Apabila seseorang diketahui hendak merosakkan tanaman orang lain, maka dia harus dicegah daripada melakukannya kerana dua alasan, iaitu untuk memenuhi kewajipan kepada Allah SWT yang telah melarang perbuatan munkar dan untuk menjaga hak manusia yang dizalimi.

Haiwan, apabila merosakkan kepunyaan orang, maka tiadalah kemaksiatan padanya. Akan tetapi, tetaplah dilarang, disebabkan salah satu daripada dua sebab tadi. Kita tidak bermaksud mengeluarkan haiwan itu untuk melarang haiwan, tetapi yang kita maksudkan ialah untuk menjaga harta orang Islam. Itu kerana jika haiwan memakan bangkai atau meminum dariapda sebuah bekas yang di dalamnya terdapat arak atau air yang bercampur dengan khamar, maka tidak kita larang. Bahkan boleh memberi makan anjing buruan dengan bangkai busuk yang baru mati.

Tetapi apabila harta orang Islam akan mengalami kerosakan atau kehancuran dan kita sanggup untuk memeliharanya tanpa bersusah payah, maka kita wajib melakukannya untuk menjaga harta tersebut.

Bahkan, jika kendi kepunyaan seseorang terjatuh dari atas meja dan di bawahnya terdapat botol kepunyaan orang lain, maka kendi tersebut harus ditolak untuk memelihara botol. Bukan untuk mencegah kendi daripada jatuh, tetapi untuk mencegah kendi dan menjaganya daripada memecahkan botol.

Kita melarang orang gila berzina dan menyetubuhi haiwan betina serta meminum arak, demikian juga anak kecil, bukan untuk memelihara haiwan yang disetubuhi atau arak yang diminum. Tetapi untuk memelihara orang gila itu daripada meminum arak dan pembersihan baginya dipandang dari segi kewujudan dirinya sebagai manusia yang dihormati.

Inilah makna-makna rahsia yang tidak dapat difahami, selain oleh orang-orang yang dalam penyelidikannya (al-Muhaqqiqun). Kemudian tentang apa yang wajib dibersihkan oleh anak kecil dan orang gila, daripadanya itu ada penelitian kerana kadang-kadang terdapat keragu-raguan tentang pelarangan anak kecil dan orang gila daripada memakai sutera dan yang lain daripada itu.

4. Cara mencegah kemunkaran

Adapun berkaitan dengan cara mencegah kemunkaran yang bersifat sebagai muhasabah diri, maka ketahuilah bahawa ada beberapa langkah atau cara mencegah kemunkaran atau melakukan amar makruf nahi munkar secara umum.

- Langkah pertama, ta'aruf, menjajaki dan mengenali keadaan pelaku perbuatan munkar.
- Langkah kedua, memberitahukan kepadanya tentang bahaya perbuatan munkar tersebut.
- Langkah ketiga, mencegah dan melarangnya melakukan perbuatan munkar.
- Langkah keempat, memberi nasihat dan pengajaran kepadanya.
- Langkah kelima, menghardik dan memarahinya dengan kata-kata yang keras dan tegas.
- Langkah keenam, menggunakan kekuatan (fizikal), misalnya dengan tangan.
- Langkah ketujuh, memberikan ancaman tamparan dan menakut-nakutinya dengan pukulan.
- Langkah kelapan, benar-benar melakukan tamparan atau pukulan.
- Langkah kesembilan, mencegah mereka dengan menggunakan senjata.
- Langkah kesepuluh, memerangi orang yang melakukan perbuatan munkar dengan mengajak teman-teman atau pasukan.

Penjelasannya sebagai berikut:

Langkah pertama: Ta'aruf. Ertinya melakukan pengenalan dan penyelidikan yang cukup mendalam terhadap rahsia-rahsia dari seorang pelaku perbuatan munkar. Ini dilakukan tanpa mengganggu atau melanggar kehidupan peribadi seseorang.

Kita tidak dibenarkan menyelidiki, mengintip, atau mencari-cari kesalahan atau kemunkaran seseorang. Jika seorang yang jujur memberitahukan bahawa ada seseorang sedang minum arak atau melakukan perbuatan munkar di rumahnya, maka menjadi kewajipanmu untuk mencegahnya. Dengan demikian, langkah pertama ini adalah meneliti keadaan si pelaku perbuatan.

Langkah kedua: Ta'rif. Maksudnya memberitahu kepada si pelaku kemunkaran bahawa perbuatan yang telah atau akan dilakukannya itu munkar. Ramai orang yang berbuat hal-hal yang munkar kerana ketidak-tahuannya atau kebodohannya. Ketika mereka diberitahu bahawa perbuatannya itu munkar, biasanya mereka akan meninggalkan atau tidak jadi melakukannya.

Misalnya, seseorang kerana ketidak-tahuannya akan tata cara solat, yang benar, dia mengerjakan solat tanpa berwuduk atau memakai pakaian yang mengandungi najis. Hendaklah orang tersebut diberitahu dengan cara lemah-lembut, tanpa mencaci-maki dengan kata-kata 'bodoh' atau 'dungu'. Manusia dilahirkan tanpa memiliki ilmu sedikit pun. Belajar atau pengajaran tentu akan sangat diperlukan bagi orang yang belum memiliki ilmu.

Langkah ketiga dan keempat: Melarang seorang pelaku kemunkaran dengan pengajaran, nasihat, teguran, dan menakut-nakuti dengan seksaan Allah. Apabila seseorang mengerjakan sesuatu padahal dia mengetahui bahawa perbuatan itu munkar, maka dia harus diberi pengajaran dan ditakut-takuti dengan kemurkaan serta hukuman dari Allah. Dia harus diberi penjelasan mengenai hadis-hadis Rasulullah s.a.w. tentang seksaan terhadap perbuatan munkar tersebut. Juga diceritakan kepadanya atsar-atsar para sahabat Rasulullah s.a.w. dan para wali Allah yang soleh.

Perbuatan munkar seorang muslim harus dilihat sebagai malapetaka bagi muslim lainnya. Bukankah sesama muslim itu saudara? Di antara keduanya ibarat satu jiwa. Sebagai saudara sesama muslim, seseorang wajib menolong saudaranya kepada kebaikan (yang makruf). Seseorang yang beramar makruf dan bernahi munkar kepada orang lain, sesungguhnya juga memperingatkan kepada dirinya sendiri untuk menghindarkan diri dari kemunkaran tersebut.

Oleh itu, orang yang akan ber-amar makruf dan ber-nahi munkar kepada orang lain, seharusnya meluruskan diri terlebih dahulu dengan takwa kepada Allah SWT. Dia harus ingat akan firman Allah SWT kepada Nabi Isa a.s.: "Wahai putera Maryam, ajarilah dirimu sendiri terlebih dahulu. Jika engkau telah faham, maka ajarkanlah kepada manusia. Jika tidak demikian, takutlah kamu kepada-Ku."

Pada suatu hari, seorang lelaki bertanya kepada ulama sufi Daud al-Tha'i tentang seseorang yang melakukan amar makruf dan nahi munkar kepada seorang penguasa. Dia berkata: "Aku khuatir penguasa mencambuknya." Orang itu

bertanya: "Bagaimana jika dia dapat menanggungnya?" Daud menjawab: "Aku tidak khuatir jika Polan dicambuk, bahkan jika sampai dibunuh sekalipun. Tetapi yang aku khuatiri ialah dia menjadi 'ujub dan riyak (berbangga diri dan ingin dipuji perbuatannya)."

Langkah kelima: Memperingatkan pelaku kemunkaran dengan menggunakan kata-kata keras. Apabila dengan kata-kata lunak kita berjaya mencegah kemunkaran, maka kata-kata keras tidak perlu digunakan. Namun apabila kata-kata lunak tidak berjaya mencegah kemunkaran, maka pakailah kata-kata yang keras. Jika perlu marahi dia. Ini sebagaimana yang diucapan oleh Nabi Ibrahim a.s. kepada kaumnya yang zalim:

أُفٍّ لَّكُمْ وَلِمَا تَعْبُدُونَ مِن دُونِ ٱللَّهِ ۖ أَفَلَا تَعْقِلُونَ ﴿٦٧﴾

"Jijik perasaanku terhadap kamu dan apa yang kamu sembah selain Allah! Maka mengapa kamu tidak mahu menggunakan akal fikiran kamu?"

(al-Anbiya': 67)

Juga dapat dipergunakan kata-kata keras lainnya, seperti: "Wahai orang bodoh, tidakkah kamu takut kepada Allah?" Penggunaan kata-kata: "Wahai orang bodoh", "Wahai orang fasiq" ini benar adanya kerana orang yang zalim tidak ada bezanya dengan orang yang bodoh. Seandainya tidak bodoh, mereka tentu tidak akan berbuat zalim.

Dengan demikian, pada hakikatnya, orang zalim adalah orang yang bodoh, dan orang takwa adalah orang yang pintar dan orang yang bijak. Berkaitan dengan orang yang bijak, Rasulullah s.a.w. bersabda: "Sesungguhnya orang yang bijak adalah orang yang rendah hati atau tawaduk dan bertakwa kepada Allah SWT dan selalu beramal soleh untuk bekal sesudah mati, dan orang yang bodoh adalah orang yang mengikuti hawa nafsunya sendiri dan tidak bersegera meminta keampunan Allah SWT."

Ada dua ketentuan berkenaan dibenarkannya melakukan langkah kelima ini, iaitu:

a. Tidak menggunakan perkataan yang keras kecuali apabila perkataan lemah-lembut tidak dapat mencegah kemunkarannya.

b. Jika tidak terlihat hasil yang bererti dengan kata-kata keras, maka ungkapkan kemarahan dan kebencian pada kemunkarannya dengan bermuka masam kepadanya.

Langkah keenam: Mencegah kejahatan atau kemunkaran dengan tangan, misalnya menumpahkan arak, merampas barang curian untuk dikembalikan kepada pemiliknya, dan mengusir seseorang dari tanah yang didudukinya. Cara ini harus diambil jika pencegahan dengan hati dan lisan sampai menggunakan kata-kata yang keras mengalami kegagalan. Dalam melakukan pencegahan dengan langkah ini hendaklah diperhatikan batas yang dibenarkan. Selain itu, hendaklah tidak berlebihan.

Langkah ketujuh: Mengancam dan memperingatkan pelaku kemunkaran dengan keras atau menakut-nakuti (tahdid dan takhwif). Tahap ini dilakukan jika tahap-tahap sebelumnya tidak menunjukkan kejayaan. Misalnya, seseorang dapat mengatakan kepada pemabuk yang sangat sukar berhenti minum arak: "Berhentilah minum arak, kalau tidak aku tampar mukamu, aku pecahkan kepalamu, atau aku pukul lehermu, atau aku permalukan kamu." Atau ancaman-ancaman lainnya yang serupa dengan itu.

Langkah kelapan dan kesembilan: Melakukan tamparan atau pukulan dengan tangan atau dengan tongkat, atau menendang dengan kaki, apabila cara-cara pencegahan sebelumnya tidak berjaya. Misalnya, seorang koruptor tidak mahu mengakui kesalahannya, padahal sudah diancam atau ditakuti, maka dibenaran untuk memukulnya. Meskipun demikian, dia tetap tidak boleh memukul secara belebihan atau tak terarah.

Langkah kesepuluh: Memerangi orang yang melakukan perbuatan munkar bersama dengan orang ramai (para pengikut) yang bersenjata. Seringkali, senjata diperlukan untuk menghilangkan kemunkaran, kerana sering kali pula orang zalim dengan kumpulannya sedia untuk berperang dengan (memerangi) pencegah kemunkaran. Apabila kedua pihak bertemu, berlakukan perang, dan ini diperlukan untuk mencari keredaan Allah SWT dan untuk melenyapkan kerosakan akibat perbuatan munkar.

Oleh itu, dibenarkan para pejuang (mujahid) berperang dengan orang kafir, bahkan membunuh mereka dalam konteks peperangan. Demikian pula, kaum muslimin harus mengawal orang-orang yang melampaui batas di bawah

kekuasaannya.

5. Syarat orang yang mencegah kemunkaran

Berkaitan dengan syarat tambahan atas diri seorang pencegah kemunkaran, maka selain syarat mukallaf, beriman dan adil, orang yang mencegah kejahatan dan kemunkaran haruslah mempunyai syarat berikut:

a. Mempunyai ilmu atau pengetahuan bahawa suatu tindakan adalah kesalahan, kejahatan dan kemunkaran.

b. Takut kepada Allah SWT (warak).

c. Berakhlak baik dan terpuji.

Berkenaan dengan ilmu, tempat, batas dan ketentuan untuk mencegah perbuatan kemunkaran haruslah diketahui dan harus tetap berada dalam batas-batas ketentuan syariat. Tanpa pengetahuan seperti itu, orang tidak dapat membezakan antara yang haq dan yang batil, yang (benar dan yang salah, yang baik dan yang jahat.

Takwa kepada Allah SWT dan sikap warak diperlukan bagi orang yang akan mencegah kemunkaran kerana melakukan amar makruf nahi munkar bukanlah untuk kepentingan atau kebanggaan dirinya sendiri atau kerana hawa nafsunya, tetapi kerana Allah SWT.

Seorang muhtasib (orang yang mencegah kemunkaran) haruslah memiliki akhlak yang baik, lemah-lembut, penuh kasih-sayang, dan lain-lain. Seorang yang berakhlak baik, jika kemarahannya muncul, maka dia dapat mengendalikannya. Apabila seorang muhtasib memiliki ketiga syarat tambahan di atas, maka dia pasti akan dapat melakukan amar makruf nahi munkar dengan baik dan benar. Tetapi, sebaliknya jika ketiga syarat tersebut tidak dimiliki, maka dia mungkin cenderung melanggar batas-batas syariat.

Dengan demikian, yang tepat melakukan amar makruf dan nahi munkar adalah seorang yang berilmu, warak, dan berakhlak mulia. Rasulullah s.a.w. bersabda:

لاَ يَأْمُرْ بِالْمَعْرُوْفِ وَلاَ يَنْهَى عَنِ الْمُنْكَرِ إِلاَّ رَفِيْقٌ فِيْمَا يَأْمُرُ بِهِ رَفِيْقٌ
فِيْمَا يَنْهَى عَنْهُ حَلِيْمٌ فِيْمَا يَأْمُرُ بِهِ حَلِيْمٌ فِيْمَا يَنْهَى عَنْهُ فَقِيْهٌ فِيْمَا يَأْمُرُ

"Tidaklah orang yang menyuruh perbuatan baik dan tidak pula orang yang melarang perbuatan munkar, selain orang yang penuh kasih sayang pada apa yang disuruhnya, yang penuh kasih-sayang pada apa yang dilarangnya, yang tidak lekas marah pada apa yang disuruhnya, yang tidak lekas marah pada apa yang dilarangnya, berilmu pada apa yang disuruhnya, berilmu pada apa yang dilarangnya."[346]

Hadis ini menunjukkan, bahawa tidak disyaratkan agar muhtasib atau orang yang mencegah kemunkaran itu menguasai banyak ilmu, tetapi yang perlu dikuasainya ialah ilmu berkenaan apa yang disuruhnya dan yang dilarangnya. Selain itu hendaklah dia orang yang penuh kasih sayang dan tidak lekas marah.

Hasan al-Bashri berkata: "Jika kamu adalah pengajak kebajikan, maka pertama-tama yang harus kamu lakukan ialah menerapkan kebajikan itu pada dirimu sendiri. Jika tidak, pasti kamu akan binasa." Maksudnya, jika seorang pencegah kemunkaran tidak berbuat demikian, maka dia malah menjadi pembuat kemunkaran.

Anas bin Malik r.a. meriwayatkan: "Kami (para sahabat) pernah bertanya kepada Rasulullah s.a.w.: 'Wahai Rasulullah, apakah kami harus menghentikan amar makruf dan nahi munkar kepada orang lain sebelum kami melakukan kebajikan dan menjauhkan diri daripada kemunkaran sebagaimana yang kami serukan itu?"

Rasulullah s.a.w. menjawab: "Kamu wajib menyuruh kebaikan, walaupun sebahagian kebajikan yang kamu serukan itu belum kamu kerjakan, dan kamu wajib mencegah kemunkaran walaupun sebahagian kemunkaran itu belum kamu jauhi."

Seorang ulama salaf memberi nasihat kepada anak-anaknya: "Jika salah seorang di antara kamu bermaksud hendak menyuruh kebaikan, maka hendaklah dia terlebih dahulu menghiasi diri dengan kesabaran dan harapan akan balasan pahala daripada Allah SWT.

Barangsiapa yang mengharapkan balasan pahala dari Allah SWT, pasti dia tidak akan mendapat kesulitan di dalamnya." Jadi, salah satu ketentuan yang harus

[346] Menurut al-Iraqi, beliau tidak ada menjumpai hadis yang berbunyi demikian.

dimiliki oleh orang yang menyuruh dan mengajak kepada kebaikan adalah sabar.

Oleh itu, Allah SWT menyuruh sabar dalam ber-amar makruf. Allah SWT di dalam Kitab-Nya menceritakan tentang nasihat Luqman al-Hakim r.a. kepada anaknya:

يَـٰبُنَيَّ أَقِمِ ٱلصَّلَوٰةَ وَأۡمُرۡ بِٱلۡمَعۡرُوفِ وَٱنۡهَ عَنِ ٱلۡمُنكَرِ وَٱصۡبِرۡ عَلَىٰ مَآ أَصَابَكَۖ

"*Wahai anakku, dirikan solat, suruh (manusia) mengerjakan yang baik dan cegah (manusia) dari perbuatan yang munkar, dan bersabarlah terhadap apa yang menimpa kamu*."

(Luqman: 17)

Seterusnya, hendaklah orang yang melaksanakan amar makruf dan nahi munkar menjaga diri supaya tidak terlalu banyak berhubungan dengan dunia dan harus tidak mempunyai rasa takut kepada selain Allah SWT. Orang yang bergantung kepada orang lain tidak akan mampu mencegah perbuatan munkar.

Pada suatu ketika, seseorang memberi nasihat kepada Khalifah al-Ma'mun tetapi dengan sikap dan kata yang kasar. Maka Khalifah berkata kepadanya: "Wahai saudaraku, bersikaplah lemah-lembut kerana Rasulullah yang lebih baik daripada kamu diutus oleh Allah kepada kaum yang lebih buruk daripada kamu menyuruh mereka dengan kata-kata yang lemah-lembut."

Allah SWT berfirman:

فَقُولَا لَهُۥ قَوۡلٗا لَّيِّنٗا لَّعَلَّهُۥ يَتَذَكَّرُ أَوۡ يَخۡشَىٰ ﴿٤٤﴾

"*Berbicaralah kamu kepadanya dengan perkataan yang lemah-lembut, mudah-mudahan dia memperhatikan atau segan.*"

(Taha: 44)

Pada suatu hari, seorang hamba datang ke hadapan Rasulullah s.a.w. lalu berkata: "Ya Rasulullah, izinkan aku berzina." Mendengar yang demikian itu, para sahabat yang hadir waktu itu berteriak marah. Tetapi Rasulullah s.a.w. bersabda: "Dekatkan dia kepadaku."

Setelah dia mendekat dan duduk di depan Rasulullah s.a.w., Baginda pun bertanya kepadanya: "Sukakah kamu jika seseorang berbuat zina terhadap ibumu?"

Pemuda itu menjawab: “Tidak, aku tidak suka!”

Lalu sambung Rasulullah s.a.w.: “Demikian juga setiap orang tidak akan suka apabila seorang lelaki melakukan zina terhadap ibu mereka. Lantas, apakah kamu suka jika anak perempuanmu, saudara perempuanmu, anak kepada saudara perempuanmu, atau ibu saudara kamu dizinai?” Pemuda itu menjawab: “Tidak, aku tidak suka.” Kemudian Rasulullah s.a.w. meletakkan tangan Baginda di dadanya dan berdoa: “Ya Allah Tuhanku, sucikan hatinya, ampuni dosanya, dan pelihara kemaluannya.”

Al-Fath bin Syakhraf meriwayatkan, bahawa pada suatu hari, seorang lelaki dengan pisau di tangan mengheret seorang wanita dengan paksa. Tidak seorang pun berani menolong wanita itu kerana takut lelaki itu membunuhnya. Wanita itu pun menjerit dengan penuh ketakutan di dalam cengkaman lelaki itu.

Tiba-tiba ulama sufi Bisyr al-Harits melalui jalan itu. Dia lalu mendekati si lelaki dan menepuk bahunya dengan lemah-lembut. Akibatnya, lelaki itu jatuh ke tanah lalu pengsan, sementara Bisyr al-Harits meninggalkan tempat itu. Wanita yang tadi diseret juga telah pergi.

Ketika lelaki itu siuman, orang-orang yang ada di situ bertanya kepadanya: “Apa yang berlaku padamu?” Dia pun menjawab: “Aku tidak tahu, hanya sahaja yang aku ingat dia (Bisyr al-Harits) datang kepadaku, lalu menepuk bahuku sambil berkata: ‘Sesungguhnya, Allah SWT pasti melihat kamu dan perbuatan kamu ini.’ Mendengar perkataannya itu, aku menjadi takut, lalu kakiku lemah-lunglai, jatuh dan aku pengsan. Aku tidak kenal, siapa dia.”

Kemudian orang ramai memberitahunya: “Dia adalah Bisyr al-Harits.” Sejak peristiwa itu, lelaki tersebut menyedari kesalahannya, lalu bertaubat. Beberapa hari kemudian, dia terkena sakit yang teruk hingga dia meninggal dunia.

C. Kemunkaran yang biasa berlaku di masyarakat

Ketahuilah bahawa kemunkaran yang kerap berlaku di dalam masyarakat terbahagi kepada dua, iaitu haram dan makruh. Mencegah apa yang haram hukumnya adalah wajib dan membiarkan sesuatu yang haram adalah dosa besar. Adapun mencegah kemunkaran yang makruh, maka hukumnya sunat dan membiarkannya tidak mengapa, tetapi lebih dekat kepada berdosa.

Kemunkaran yang berlaku di masjid antara lain ialah berkenaan tata cara solat yang salah, seperti terburu-buru dalam rukuk dan sujud, tidak membaca al-Quran dengan suara yang baik, tidak benar dalam membaca al-Quran, melama-lamakan azan, khatib atau imam yang memakai sutera, bercakap ketika khatib solat Jumaat menyampaikan khutbah, berjual-beli ketika berlangsung solat Jumaat dan sebagainya.

Kemunkaran yang berlaku di pasar antara lain berbohong atau menipu pembeli, menyembunyikan kekurangan atau cacat barang dagangan yang dijual, menambah atau mengurangi takaran dan timbangan, berjual-beli patung atau gambar makhluk bernyawa, menjual benda yang diperbuat daripada emas dan perak, dan sebagainya.

Kemunkaran yang terdapat di jalanan antara lain membina kedai di jalan, menyempitkan jalan dengan memperluaskan teras sebuah bangunan, mengganggu keselesaan jalan atau lalu lintas, menggembalakan haiwan di jalan, memasang ranjau yang membahayakan, menyebarkan duri yang mencelakakan orang yang melintas, membuang sampah sembarangan di jalan, membiarkan air mengalir ke jalan atau memperluaskan jalur paip hingga ke jalan.

Kemunkaran yang berlaku di bilik mandi atau tempat membuang hajat, antara lain mengintip atau sengaja melihat orang yang sedang mandi, mandi di tempat terbuka agar terlihat, mandi dengan air kotor dan najis, tidak membersihkan kotoran di kamar mandi dan sebagainya.

Kemunkaran yang berlaku dalam jamuan makan antara lain menyediakan tikar sutera untuk lelaki, menghidangkan makanan atau minuman dengan bekas yang diperbuat daripada emas dan perak, menabuh gendang, atau menyanyikan lagu-lagu yang menjauhkan takwa kepada Allah, menghidangkan makanan dam minuman yang haram, makan dan minum dengan rakus, menimbulkan tawa dengan mengisahkan cerita bohong, berlebihan dalam menyediakan pelbagai makanan dan minuman, dan sebagainya.

Perbuatan munkar yang biasa berlaku dalam pembuatan bangunan antara lain mengeluarkan anggaran belanja yang tidak perlu dalam pembuatan bangunan kerana membelanjakan wang tanpa ada faedahnya tidak berbeza dengan membinasakannya. Apabila seseorang hanya memiliki dana seratus dinar tanpa harta lainnya dan ini diperlukan untuk menafkahi keluarganya, perbelanjaannya untuk suatu kenduri

kahwin dianggap tidak bermanfaat atau membazir, sedangkan mencegah perkara demikian itu wajib hukumnya.

Allah SWT berfirman:

وَلَا تَبْسُطْهَا كُلَّ ٱلْبَسْطِ فَتَقْعُدَ مَلُومًا مَّحْسُورًا ﴿٢٩﴾

"Janganlah kamu terlalu menghulurkan tanganmu (boros) sehingga kamu menjadi tercela dan sengsara."

(al-Isra': 29)

Allah SWT berfirman di dalam ayat lainnya:

وَلَا تُبَذِّرْ تَبْذِيرًا ﴿٢٦﴾ إِنَّ ٱلْمُبَذِّرِينَ كَانُوٓا۟ إِخْوَٰنَ ٱلشَّيَٰطِينِ ۖ

"Dan janganlah kamu menghambur-hamburkan hartamu dengan boros. Sesungguhnya para pemboros adalah saudara-saudara syaitan."

(al-Isra': 26-27)

Allah SWT juga berfirman:

وَٱلَّذِينَ إِذَآ أَنفَقُوا۟ لَمْ يُسْرِفُوا۟ وَلَمْ يَقْتُرُوا۟

"*Dan orang-orang yang apabila membelanjakan hartanya, mereka tidak berlebihan dan tidak (pula) kiki*r."

(al-Furqan: 67)

Mencegah kekikiran dan pembaziran hukumnya juga wajib.

D. Melakukan Amar Makruf terhadap penguasa

Sebelumnya telah disebutkan tentang lima tahapan dalam melakukan amar makruf nahi munkar. Daripada kelima tahapan itu, yang mungkin dapat diterapkan untuk melakukan amar makruf nahi munkar kepada para penguasa adalah dua tahapan yang pertama, sedangkan tahapan-tahapan lainnya seperti menengking dengan kata kasar, mengecam dengan kata-kata keras, mengancam dengan kekerasan dan peperangan adalah tidak mungkin untuk dilaksanakan.

Dengan kata lain, hendaklah amar makruf dan nahi munkar dilakukan dengan kata-kata yang halus dan lemah-lembut disertai pengajaran dan nasihat yang berlandaskan pengetahuan tentang perbuatan munkar seorang penguasa.

Menerapkan cara atau tahapan lain dalam melakukan amar makruf nahi munkar tidak dibenarkan kerana ini menciptakan kekacauan dan hilangnya ketenangan dan kestabilan.

Namun jika kezaliman penguasa terbukti menyusahkan dan menyengsarakan rakyat, seseorang dapat mengambil risiko secara perorangan seperti yang dilakukan oleh ulama salaf, tanpa membawa rakyat secara keseluruhan, kerana Rasulullah s.a.w. bersabda: "Hamzah bin Abdul Muttalib adalah syahid terbaik di antara para syuhada, kemudian setelah dia adalah orang yang datang menghadap penguasa lalu menyuruhnya berbuat kebaikan dan melarangnya berbuat jahat kerana Allah semata-mata, namun penguasa itu membunuhnya."

Rasulullah s.a.w. bersabda:

أَفْضَلُ الْجِهَادِ كَلِمَةُ حَقٍّ عِنْدَ سُلْطَانٍ جَائِرٍ.

"Jihad yang paling baik adalah mengatakan kebenaran kepada para penguasa zalim."[347]

Rasulullah s.a.w. pernah memuji Umar bin Khattab r.a. dengan sabdanya: "Dia adalah seorang yang berhati waja. Semua ancaman, fitnah dan caci-maki tidak akan menggoyahkan dia dari jalan Allah."

Orang yang beriman teguh dan bertakwa kepada Allah SWT selalu menemui penguasa dengan kebenaran dan melakukan amar makruf nahi munkar kepada penguasa yang zalim bahkan dengan resiko mengorbankan hidup, harta dan kehormatannya untuk mengharap kurnia mati syahid di jalan Allah.

Seterusnya, akan disampaikan beberapa riwayat orang terdahulu berkaitan dengan amar makruf nahi munkar di hadapan para penguasa, anta lain:

Kisah pertama: Ketika para pemuka suku Quraisy hendak berbuat jahat kepada Rasulullah s.a.w., Abu Bakar r.a. mengajukan protes. Ini diriwayatkan oleh Urwah yang berkata: "Aku bertanya kepada Abdullah bin Amr mengenai apa sebabnya para pemuka suku Quraisy amat membenci Rasulullah s.a.w."

[347] Hadis ini telah disebutkan sebelumnya.

Abdullah bin Amr menjawab: “Pada suatu hari aku pernah datang kepada suku Quraisy, di mana mereka sedang membicarakan Rasulullah s.a.w. sambil duduk-duduk di Ka’bah. Para pemuka Quraisy berkata: ‘Orang itu (Rasulullah s.a.w.) memperolok-olok kita, menghina nenek-moyang kita dan mengkhianati agama kita. Dia memecah-belah kita, mencaci-maki tuhan-tuhan kita, dan kita sudah cukup bersabar dengan perbuatannya yang menghina itu’.”

Ketika mereka sedang mengumpat, tiba-tiba Rasulullah s.a.w. lalu di hadapan mereka. Rasulullah s.a.w. terus berjalan dan berhenti untuk mencium Hajar Aswad, lalu bertawaf mengelilingi Ka’bah. Ketika sedang tawaf, setiap kali Rasulullah s.a.w. lalu di hadapan mereka, mereka pun memperolok-olok Baginda dengan kata-kata hinaan.

“Pada putaran ketiga, Rasulullah s.a.w. berhenti di hadapan mereka seraya bersabda: “Wahai sekalian orang Quraisy, tidakkah kamu mendengar? Ingat, demi Allah yang jiwaku ada di tangan-Nya, aku tidak datang kepada kamu sebagaimana haiwan korban (maksudnya, bukan untuk dibunuh).”

Mendengar perkataan Rasulullah seperti itu, mereka lalu menundukkan kepala, dan salah seorang dari mereka berkata: “Alangkah manisnya perkataanmu itu.” Lalu orang itu menyambung: “Wahai Abul Qasim (panggilan Rasulullah) yang baik, pergilah. Sungguh, kamilah yang telah berbuat bodoh.” Kemudian Rasulullah s.a.w. meninggalkan tempat itu.

Keesokan harinya, ketika Rasulullah s.a.w. lalu di hadapan sekumpulan orang Quraisy, tiba-tiba seorang lelaki di antara mereka mengambil selendangnya untuk menjerat leher Rasulullah s.a.w.

Melihat yang demikian itu, Abu Bakar r.a. segera mendekati orang itu, kemudian berkata dengan suara keras: “Terkutuklah kamu, apakah kamu mahu membunuh dia (Rasulullah s.a.w.) hanya kerana dia berkata: “Tuhanku adalah Allah Azza wa Jalla?” Kemudian orang-orang Quraisy itu pun pergi.

Di dalam riwayat yang lain diterangkan bahawa Abdullah bin Umar r.a. berkata: “Ketika Rasulullah s.a.w. berada di sekeliling Ka’bah, tiba-tiba datang Uqbah bin Abu Mu’ith mendekati Baginda, lalu mencekik kuat-kuat leher Baginda dengan selendang. Melihat kejadian itu, Abu Bakar al-Siddiq segera mendekatinya, lalu dia mendorong Uqbah dari samping hingga lepaslah cekikannya pada Rasulullah s.a.w. Kemudian Abu Bakar berkata kepada Uqbah: “Apakah kamu

mahu membunuh seorang mulia yang mengatakan Allah adalah Tuhannya? Baginda (Rasulullah s.a.w.) telah datang kepadamu dengan keterangan-keterangan yang benar dari Tuhanmu juga."

Kisah kedua: Di dalam sebuah riwayat disebutkan bahawa ketika Khalifah Mu'awiyah berkhutbah di atas mimbar, dia mengatakan akan menunda pemberian bantuan kepada kaum muslimin yang berhak selama beberapa hari. Mendengar ini, Abu Muslim al-Khaulani berdiri dan berkata: "Wahai Mu'awiyah, harta yang akan kamu berikan itu bukan milikmu, bukan juga milik orang tuamu." Khalifah pu menjadi marah disebabkan ucapannya itu dan turun dari mimbar lantas berkata kepada hadirin: "Tetaplah kamu duduk di sini."

Kemudian Khalifah pergi ke bilik mandi untuk mandi. Selepas itu dia kembali ke mimbar dan berkata: "Aku mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda, 'Kemarahan datangnya dari syaitan, dan syaitan diciptakan dari api. Dan api dapat dipadamkan dengan air. Maka apabila kemarahan muncul, hendaklah kamu mandi!"

Lalu Khalifah meneruskan ucapannya: "Perkataan Abu Muslim tadi membuatku marah sehingga aku mandi. Tetapi, perkataan Abu Muslim adalah benar. Oleh itu, bantuan itu akan aku berikan semuanya kepada kamu sekarang juga."

Kisah ketiga: Dhabbah bin Muhsin meriwayatkan: "Abu Musa al-Asy'ari adalah gabenor kami di Basrah. Ketika berkhutbah di hadapan kami, dia memuji Allah dan menyampaikan selawat kepada Rasulullah s.a.w. dan setelah itu dia berdoa bagi Umar r.a. Aku tidak suka Abu Bakar dihilangkan dari doanya itu. Sehingga aku pun berdiri dan berkata kepadanya: 'Mengapa kamu tidak berdoa bagi Khalifah pertama Abu Bakar al-Siddiq? Mengapa kamu lebihkan Umar berbandig dia?' Rupanya dia tidak memerhatikan permintaanku dan malah mengadukan aku kepada Umar.

Umar pun menyuruhku untuk datang di Madinah. Beliau pun bertanya kepadaku: 'Apa yang berlaku di antara kamu dan gabenorku, Abu Musa?' Aku menjawab: 'Ketika dia berkhutbah, dia hanya berdoa untu anda sahaja dan aku tidak suka dengan apa yang dilakukannya itu sehingga aku berkata kepadanya: 'Mengapa kamu tidak mendoakan Abu Bakar juga dan mengapa kamu lebihkan Umar berbanding Abu Bakar?' Selepas itu, dia mengadukan aku kepada anda.'

Mendengar itu, Umar pun menangis dan berkata: 'Engkau lebih sesuai menjadi gabenor berbanding gabenorku dan lebih memperoleh petunjuk kebenaran berbanding gabenorku. Ampunilah aku dan Allah akan mengampunimu.' Lalu aku berkata, 'Wahai Amirul Mukminin, Allah telah mengampuni anda.'

Umar kembali menangis dan berkata: 'Demi Allah, mahukah kamu mendengar cerita tentang siang dan malamnya Abu Bakar?' Aku menjawab: 'Ya, ceritakanlah kepadaku.' Umar bin Khattab berkata, 'Ketika Rasulullah s.a.w. bersama Abu Bakar pada suatu malam keluar berangkat hijrah menuju Madinah, beliau mengawal Rasulullah s.a.w. Kadang-kadang beliau berada di depan dan kadang-kala berada di belakang dan di samping Baginda s.a.w.

"Ketika Nabi merasa nyeri pada kakinya kerana berjalan jauh, Abu Bakar memanggul Baginda pada bahunya dan membawanya hingga mencapai gua Tsur dan berkata kepada Nabi: "Jangan masuk ke dalam gua ini sebelum aku memasukinya. Apabila ada binatang berbahaya di dalamnya, maka aku dahulu yang akan diserangnya.'

"Ketika dia masuk ke dalam gua dan tidak menjumpai apa-apa, barulah dia membawa Nabi masuk ke dalamnya. Terdapat sebuah lubang kecil di dalam gua dan Abu Bakar menutupnya dengan salah satu kakinya. Sejurus kemudian, seekor ular menggigit kaki Abu Bakar sehingga membuat air matanya jatuh kerana sakit disebabkan bisa ular itu. Rasulullah s.a.w. yang melihat peristiwa itu pun bertanya kepadanya: 'Wahai Abu Bakar, jangan menangis. Sesungguhnya Allah bersama kita.' Inilah malamnya Abu Bakar."

"Adapun siang Abu Bakar, aku akan memberitahukannya kepadamu bahawa ketika Rasulullah s.a.w. wafat, sekumpulan orang Arab Badwi membangkang. Sebahagian mereka berkata: "Kami mengerjakan solat tetapi tidak membayar zakat." Aku datang kepada Abu Bakar dan menasihatinya untuk memperlakukan para pembangkang dengan baik. Dia berkata kepadaku: "Engkau perkasa selama masa jahiliah tetapi engkau menjadi lemah dalam Islam. Untuk apa aku memperlihatkan kebaikan kepada mereka?

Ketika Rasulullah s.a.w. wafat dan wahyu tidak turun lagi, mereka tidak mahu membayar zakat. Mereka membayar zakat kepada Nabi tetapi sebelum ini Baginda memerangi mereka kerana masalah ini. Maka kita akan memerangi mereka kerana hal ini. Demi Allah, dialah yang menunjukkan kepada kita jalan yang benar. Inilah

siangnya Abu Bakar."

Setelah itu, Umar mengirim sepucuk surat kepada gabenornya mencela sikapnya kerana tidak berdoa bagi Abu Bakar dalam khutbahnya.

Demikianlah beberapa contoh daripada para ulama dan ahli hikmah terdahulu dalam melakukan amar makruf dan nahi munkar. Mereka tidak segan dan tidak takut melakukan amar makruf nahi munkar kepada para penguasa dengan penuh kesabaran dan tawakal kepada Allah SWT. Mereka tetap yakin bahawa Allah SWT akan memberikan kepada mereka pahala para syuhada.

Kepada Allah kita meminta pertolongan di atas semua keadaan. *Alhamdulillah* telah tamat "Kitab Amar-Makruf" dan "Nahi Munkar" berkat pertolongan dan taufik-Nya.

B A B 20
ADAB HIDUP DAN AKHLAK NABI S.A.W

Segala pujian bagi Allah yang telah menciptakan segala sesuatu dengan membaguskan susunannya. Lantas Dia kurniakan adab kepada Nabi-Nya, Muhammad s.a.w. Dia berikan sifat-sifat dan akhlak mulia sehingga baginda layak menjadi kekasih-Nya. Dia kurniakan taufiq kepada orang yang dikehendaki-Nya dan bersih akhlaknya untuk menjadi pengikut baginda.

Semoga Allah sentiasa mengurniakan rahmat kepada Nabi Muhammad, pemimpin para rasul, dan juga kepada keluarga baginda yang baik dan suci. Semoga Allah juga sentiasa mengurniakan kesejahteraan kepada mereka semua!

Amma ba'du:

Sesungguhnya adab zahir seseorang menunjukkan adab batinnya. Semua gerakan anggota badan adalah hasil yang dicapai di dalam hati dan seluruh amal perbuatan adalah hasil daripada budi pekerti. Adab adalah saringan ilmu pengetahuan. Cahaya hati akan memancar ke seluruh anggota badan dan menghiasinya sehingga ia melakukan segala kebaikan dan meningalkan keburukan. Oleh itu, barang siapa yang hatinya tidak khusyuk, maka anggota badannya juga tidak akan khusyuk. Barang siapa yang di dadanya tidak terdapat lubang untuk masuknya cahaya ketuhanan, maka anggota badannya tidak akan dihiasi oleh indahnya adab Nabi s.a.w.

Sebelumnya, saya telah berniat untuk mengakhiri perbahasan tentang adat kebiasaan di dalam kitab ini dengan sebuah perbahasan yang menghimpunkan seluruh adab kehidupan agar tidak sukar dipelajari dan diamalkan. Kemudian aku melihat tiap-tiap perbahasan berkenaan adat kebiasaan mengandungi sejumlah

adab dan saya merasa berat hati untuk mengulangnya kembali. Oleh itu, aku pun meringkaskan di dalam perbahasan ini adab dan akhlak Rasulullah s.a.w. yang dinukilkan daripada baginda sehingga kita yakin bahawa Nabi s.a.w. adalah makluk Allah s.w.t. yang paling mulia, memiliki kedudukan paling tinggi dan darjat yang paling agung.

Kemudian, saya tambahkan peristiwa yang berlaku pada Nabi s.a.w. berkenaan akhlak tersebut dan menyebutkan mukjizat-mukjizatnya berdasarkan hadis yang sahih. Ini bertujuan untuk menampilkan keutamaan akhlak dan sifat serta membuka telinga orang-orang yang ingkar akan kenabian baginda s.a.w.

Semoga Allah SWT mengurniakan taufik kepada kita agar dapat mengikuti akhlak penghulu para rasul dan ajaran baginda lainnya. Sesungguhnya Allah SWT yang menunjukkan jalan bagi orang-orang yang kebingungan dan yang memperkenankan doa orang-orang yang dalam kesempitan.

A. Adab yang Diajarkan ole Allah S.W.T

Rasulullah s.a.w adalah orang yang banyak merendahkan diri dan bedoa. Baginda selalu meminta kepada Allah SWT agar dihiasi dengan adab yang baik dan akhlak yang mulia. Baginda berucap di dalam doanya:

اللَّهُمَّ حَسِّنْ خَلْقِيْ وَخُلُقِيْ

"*Wahai Allah Tuhanku! Baguskanlah rupaku dan akhlakku*."[348]

Baginda s.a.w. juga berdoa:

اللَّهُمَّ جَنِّبْنِيْ مُنْكَرَاتِ الأَخْلَاقِ.

"*Wahai Allah, Tuhanku! Jauhkanlah aku daripada akhlak yang buruk.*"[349]

Allah SWT pun memperkenankan doanya untuk menepati janji-Nya:

ٱدۡعُونِيٓ أَسۡتَجِبۡ لَكُمۡۚ

[348] Diriwayatkan oleh Ahmad daripada Ibnu Mas'ud dan Aisyah R.A.

[349] Diriwayatkan oleh at-Tirmidzi dan al-Hakim dan beliau menilai hadis ini sahih.

"*Berdoalah kamu kepadaKu nescaya Aku perkenankan doa permohonan kamu*." (al-Mukmin: 60).

Kemudian Allah SWT menurunkan al-Quran kepada baginda yang di antaranya mengandungi pengajaran tentang adab. Oleh itu, akhlak baginda adalah al-Quran. Sa'ad bin Hisyam berkata: "Pada suatu ketika, aku masuk ke tempat Aisyah R.A dan bertanya kepadanya tentang akhlak Rasulullah s.a.w. Maka beliau menjawab: "Apakah kamu tidak membaca al-Quran?" Aku menjawab: "Ya, (aku membacanya)!" Aisyah berkata lagi: "Al-Quran adalah akhlak baginda s.a.w."[350]

Al-Quran telah mengajarkan kepada Nabi s.a.w. pelbagai adab, di antaranya ialah seperti yang terdapat di dalam firman Allah SWT:

خُذِ ٱلْعَفْوَ وَأْمُرْ بِٱلْعُرْفِ وَأَعْرِضْ عَنِ ٱلْجَٰهِلِينَ ١٩٩

"*Terimalah apa yang mudah engkau lakukan, dan suruhlah dengan perkara yang baik, serta berpalinglah (jangan dihiraukan) orang-orang yang jahil (yang degil dengan kejahilannya)*." (al-A'raf: 199)

Juga firman-Nya:

۞ إِنَّ ٱللَّهَ يَأْمُرُ بِٱلْعَدْلِ وَٱلْإِحْسَٰنِ وَإِيتَآيِٕ ذِى ٱلْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ ٱلْفَحْشَآءِ وَٱلْمُنكَرِ وَٱلْبَغْىِ ۚ

"*Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil, dan berbuat kebaikan, serta memberi bantuan kepada kaum kerabat; dan melarang daripada melakukan perbuatan-perbuatan yang keji dan mungkar serta kezaliman*." (an-Nahl: 90)

Dan firman-Nya:

وَٱصْبِرْ عَلَىٰ مَآ أَصَابَكَ ۖ إِنَّ ذَٰلِكَ مِنْ عَزْمِ ٱلْأُمُورِ ١٧

"*Dan bersabarlah atas segala bala bencana yang menimpamu. Sesungguhnya yang demikian itu adalah dari perkara-perkara yang dikehendaki diambil berat melakukannya*." (Luqman: 17)

[350] Diriwayatkan oleh Muslim.

Dan firman-Nya:

وَلَمَن صَبَرَ وَغَفَرَ إِنَّ ذَٰلِكَ لَمِنۡ عَزۡمِ ٱلۡأُمُورِ ﴿٤٣﴾

"*Dalam pada itu (ingatlah), orang yang bersabar dan memaafkan (kesalahan orang terhadapnya), sesungguhnya yang demikian itu adalah dari perkara-perkara yang dikehendaki diambil berat (melakukannya)*." (asy-Syura: 43)

Dan firman-Nya:

فَٱعۡفُ عَنۡهُمۡ وَٱصۡفَحۡۚ إِنَّ ٱللَّهَ يُحِبُّ ٱلۡمُحۡسِنِينَ ﴿١٣﴾

"*Oleh itu, maafkanlah mereka (jika mereka sedia bertaubat) dan janganlah dihiraukan, kerana sesungguhnya Allah suka kepada orang-orang yang berusaha supaya baik amalannya*." (al-Maidah: 13)

Dan firman-Nya:

وَلۡيَعۡفُواْ وَلۡيَصۡفَحُوٓاْۗ أَلَا تُحِبُّونَ أَن يَغۡفِرَ ٱللَّهُ لَكُمۡۗ

"*Dan (sebaliknya) hendaklah mereka memaafkan serta melupakan kesalahan orang-orang itu; tidakkah kamu suka supaya Allah mengampunkan dosa kamu?*" (an-Nur: 22)

Dan firman-Nya:

ٱدۡفَعۡ بِٱلَّتِي هِيَ أَحۡسَنُ فَإِذَا ٱلَّذِي بَيۡنَكَ وَبَيۡنَهُۥ عَدَٰوَةٞ كَأَنَّهُۥ وَلِيٌّ حَمِيمٞ ﴿٣٤﴾

"*Tolaklah (kejahatan yang ditujukan kepadamu) dengan cara yang lebih baik; apabila engkau berlaku demikian maka orang yang menaruh rasa permusuhan terhadapmu, dengan serta merta akan menjadi seolah-olah seorang sahabat karib*." (Fussilat: 34)

Dan firman-Nya:

وَٱلۡكَٰظِمِينَ ٱلۡغَيۡظَ وَٱلۡعَافِينَ عَنِ ٱلنَّاسِۗ وَٱللَّهُ يُحِبُّ ٱلۡمُحۡسِنِينَ

"*Dan orang-orang yang menahan kemarahannya, dan orang-orang yang memaafkan kesalahan orang. Dan (ingatlah), Allah mengasihi*

orang-orang yang berbuat perkara-perkara yang baik." (Ali 'Imran: 134)

Dan firman-Nya:

ٱجۡتَنِبُواْ كَثِيرٗا مِّنَ ٱلظَّنِّ إِنَّ بَعۡضَ ٱلظَّنِّ إِثۡمٞۖ وَلَا تَجَسَّسُواْ وَلَا يَغۡتَب بَّعۡضُكُم بَعۡضًاۚ

"*Jauhilah kebanyakan dari sangkaan (supaya kamu tidak menyangka sangkaan yang dilarang) kerana sesungguhnya sebahagian dari sangkaan itu adalah dosa; dan janganlah kamu mengintip atau mencari-cari kesalahan dan keaiban orang; dan janganlah setengah kamu mengumpat setengahnya yang lain*." (al-Hujurat: 12)

Ketika gigi depan Rasulullah s.a.w. pecah dan wajah baginda terluka dalam perang Uhud sehingga darah mengalir di mukanya, baginda pun menyapu darah tersebut dan bersabda: "Bagaimana suatu kaum boleh meraih kemenangan jika mereka mewarnakan muka Nabinya dengan darah, sedang nabi tersebut mengajak mereka kepada Tuhannya?" (Diriwayatkan Muslim daripada Anas)

Maka Allah SWT menurunkan ayat:

لَيۡسَ لَكَ مِنَ ٱلۡأَمۡرِ شَيۡءٌ

"*Engkau tidak berhak sedikitpun (wahai Muhammad) dalam urusan (orang-orang yang ingkar) itu*." (Ali Imran: 128)

Ini bertujuan sebagai pengajaran adab kepada Nabi s.a.w. dalam menyikapi yang demikian itu. Contoh pengajaran adab seperti ini di dalam Al-Qur-an sangat banyak jumlahnya.

Nabi s.a.w. adalah tujuan pertama daripada pengajran adab dan akhlak. Lantas daripada baginda memancar cahaya kepada seluruh makhluk. Itu kerana Nabi s.a.w. memperolehi pendidikan adab dengan al-Quran serta mengajarkan adab tersebut kepada makhluk melalui al-Quran. Oleh itu, Nabi s.a.w. bersabda: "Aku diutuskan untuk menyempurnakan akhlak mulia."

Kemudian Nabi s.a.w. mengajak manusia agar gemar mengamalkan akhlak mulia seperti mana yang telah kami huraikan sebelumnya di dalam "Kitab Latihan

Jiwa Dan Pemurnian akhlak," maka di sini tidak akan kami ulang lagi pemaparannya.

Seterusnya, setelah Allah SWT menyempurnakan akhlak baginda, maka Allah SWT memuji baginda sepertimana yang disebutkan di dalam firman Allah SWT:

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ ﴿٤﴾

"*Dan bahawa sesungguhnya engkau mempunyai akhlak yang amat mulia*." (al-Qalam: 4)

Maha Suci Allah! Alangkah agung urusan-Nya! Dan alahgkah sempurna nikmat-Nya!

Kemudian, perhatikanlah kasih sayang Allah dan kurnianya yang sangat besar kepada mereka! Bagaimana Dia memberi, kemudian memuji. Dia yang telah menghiaskan Nabi s.a.w. dengan akhlak mulia, kemudian mengatakan yang demikian kepada baginda melalui firman-Nya: "*Dan bahawa sesungguhnya engkau mempunyai akhlak yang amat mulia*." (al-Qalam: 4)

Kemudian, Rasulullah s.a.w. menerangkan kepada manusia bahawa Allah SWT menyukai akhlak yang mulia dan membenci akhlak yang buruk![351]

Ali r.a. berkata: "Alangkah hairannya apa yang dilakukan oleh seorang orang muslim! Ketika saudaranya sesama muslim datang kepadanya untuk suatu keperluan, dia tidak melihat dirinya berhak untuk berbuat kebajikkan kepada saudaranya itu. Jika dia tidak mengharap pahala dan tidak takut akan seksaan, maka hendaklah dia segera mengamalkan akhlak yang mulia. Itu kerana akhlak yang mulia itu adalah salah satu cara menunjukkan kepada jalan kebebasan".

Lantas seorang lelaki bertanya kepadanya: "Adakah yang demikian itu kamu dengar daripada Rasulullah s.a.w ?" 'Ali r.a. menjawab: "Ada dan lebih baik daripada itu! Iaitu ketika dibawa kepada Nabi s.a.w. tawanan perang daripada suku Thai'in. Salah seorang hamba wanita lantas berdiri dalam tawanan itu, seraya berkata: 'Wahai Muhammad! Jika seandainya kamu berpendapat untuk melepaskan aku dan tidak mencaci orang-orang Arab yang masih hidup disebabkan aku, maka

[351] Diriwayatkan oleh al-Bukhari daripada Sahl bin Sa'ad.

sesungguhnya aku adalah puteri penghulu kaumku."[352]

Sesungguhnya ayahku menjaga apa yang perlu dijaga. Dia membebaskan tawanan. Dia mengenyangkan orang yang lapar. Dia memberikan makanan. Menyebarkan ucapan salam dan sekali-kali tidak menolak orang yang meminta sesuatu keperluan kepadanya. Dia ayahku, Hatim ath-Tha'i.' Jawab Rasulullah s.a.w.: "Wahai wanita, sesungguhnya perbuatan ayahmu yang kamu sebutkan itu adalah sifat-sifat seorang muslim. Kalau sekiranya ayahmu muslim, nescaya kami bacakan '*rahimahullaah*' untuknya." Lalu Rasulullah s.a.w. bersabda kepada para sahabatnya yang hadir: "Bebaskan wanita ini. Sesungguhnya ayah wanita ini menyukai akhlak yang mulia!"

Mendengar itu, Abu Burdah bin Niar berdiri dan berkata: "Wahai Rasulullah, mengapa Allah SWT mencintai akhlak yang mulia?" Lalu Rasulullah s.a.w. bersabda:

وَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ لَا يَدْخُلُ الْجَنَّةَ إِلَّا حُسْنُ الْأَخْلَاقِ.

"*Demi Allah yang jiwaku berada di tangan-Nya , tidak akan masuk syurga kecuali orang yang berakhlak mulia*[٣٥٣]".

Rasulullah s.a.w. juga bersabda bersabda:

إِنَّ اللهَ حَفَّ الإِسْلام بِمَكَارِمِ الْأَخْلَاقِ وَمَحَاسِنِ الْأَعْمَالِ.

"*Allah SWT telah mengelilingi Islam dengan akhlak yang mulia dan amal yang baik.*"[354]

Amal yang baik itu di antaranya adalah bergaul dengan orang yang soleh, bersopan-santun, lemah-lembut dalam berbicara, berbuat baik kepada orang lain, bersedekah dengan makanan, mengucapkan dan menjawab salam, mengunjungi orang sakit (sama ada yang soleh mahupun yang fasik), menghantarkan jenazah seorang muslim, bersikap baik kepada jiran (sama ada yang Islam mahupun yang kafir), saling memuliakan antar sesama muslim, memenuhi undangan, saling memaafkan, mendamaikan di antara orang yang berselisih, bermurah hati,

---

[352] Namanya: Safanah binti Hatim ath-Tha'i.

[353] Diriwayatkan oleh at-Tirmizi dengan isnad yang dha'if.

[354] Menurut al-lraqi, beliau tidak ada menjumpai asal hadis ini.

memuliakan tamu, memaafkan kesalahan orang lain, menjauhkan diri daripada perkara yang diharamkan, tidak mengumpat, tidak memfitnah, tidak berdusta, tidak bakhil, tidak berbohong, tidak menipu, bersikap tidak jujur, tidak memutuskan silaturahim, tidak berakhlak buruk, tidak takabur, tidak angkuh, tidak bersifat keji, tidak berbuat keji, tidak berprasangka buruk, tidak iri, tidak dengki, tidak mencemarkan nama baik orang lain, tidak derhaka, tidak berbuat zalim, tidak mudah memusuhi orang lain, dan sebagainya. Demikian seharusnya akhlak seorang mukmin sejati itu.

Anas bin Malik r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. tidak pernah menyuruh kecuali berbuat kebajikan dan tidak pernah melarang kecuali berbuat perkara-perkara yang haram. Beliau memperingatkan agar tidak berbuat fitnah dan mengharamkannya.[355]

Ayat berikut ini menjelaskan wajibnya kaum muslim memiliki akhlak mulia:

۞ إِنَّ ٱللَّهَ يَأۡمُرُ بِٱلۡعَدۡلِ وَٱلۡإِحۡسَٰنِ وَإِيتَآيِٕ ذِي ٱلۡقُرۡبَىٰ وَيَنۡهَىٰ عَنِ ٱلۡفَحۡشَآءِ وَٱلۡمُنكَرِ وَٱلۡبَغۡيِۚ

"*Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil, dan berbuat kebaikan, serta memberi bantuan kepada kaum kerabat; dan melarang daripada melakukan perbuatan-perbuatan yang keji dan mungkar serta kezaliman*." (al-Nahl: 90)

Muaz bin Jabal r.a. pernah meriwayatkan: "Rasulullah s.a.w. telah memberi nasihat kepadaku: 'Wahai Muaz, aku menyuruhmu agar kamu bertakwa kepada Allah SWT, berkata benar, menepati janji, menunaikan amanah, menghindari khianat, memelihara hubungan baik dengan jiran, berbuat baik kepada anak yatim, lemah-lembut dalam bertutur, menyebarkan salam, menghubungkan silaturahim, beramal soleh, jangan berputus asa, memperkuat keimanan, mempelajari, memahami, melaksanakan dan mengajarkan al-Quran, mencintai akhirat, yakin adanya Hari Pembalasan, rendah hati (tawaduk). Wahai Muaz, aku melarangmu berbuat dusta, bohong, zalim, derhaka kepada imam (orang) yang adil, khianat kepada hakim yang adil dan jujur, berbuat kekacauan di muka bumi. Dan aku menyuruh untuk bertakwa kepada Allah SWT, mendirikan solat walaupun di hamparan batu atau di

[355] Menurut al-lraqi, beliau tidak ada menjumpai isnad hadis ini. Tetapi kandungannya sesuai dengan kenyataan.

bawah pepohonan dan di bumi Allah mana pun, mintalah keampunan atas segala dosamu. Bertaubatlah untuk segala dosa lahir dan dosa batin'."

Demikianlah Nabi s.a.w. mengajarkan adab kepada hamba-hamba Allah serta mengajak mereka kepada akhlak yang mulia dan adab yang baik.

B. Akhlak Nabi S.A.W. Yang Dihimpunkan Oleh Para Ulama Daripada Hadis

Rasulullah s.a.w. adalah manusia yang paling sabar, berani, adil dan pemaaf. Tangan baginda tidak pernah menyentuh wanita yang bukan mahramnya. Baginda adalah seorang yang paling murah hati. Baginda tidak pernah melewatkan satu malam pun dengan menyimpan wang, kerana semua wangnya selalu disedekahkan. Apabila memiliki kelebihan wang berapa pun nilainya, lantas tidak ada lagi orang yang dapat diberi sedekah, maka baginda tidak akan pulang sebelum wang itu diberikan kepada orang miskin atau orang yang memerlukan.

Baginda tidak pernah menyimpan untuk lebih dari setahun perbekalan (persediaan makanan) keluarganya yang memang sudah diredai Allah SWT untuk baginda. Baginda mengambil seperlima daripada apa sahaja yang datang kepadanya dengan mudah, seperti *tamar* (kurma kering) dan *sya'ir* (sejenis gandum) untuk setahun saja. Jika berlebih daripada keperluan keluarganya, maka baginda pasti menyedekahkannya. Baginda akan bersedekah kepada siapa yang meminta, sampai-sampai persediaan makanannya untuk setahun itu pun ada yang diberikan sehingga persediaan itu kerap habis sebelum setahun.

Rasulullah s.a.w. kerap membaiki sendiri alas kakinya, suka membantu pekerjaan rumah isterinya, dan baginda mengiris daging bersama keluarganya. Baginda adalah manusia yang paling pemalu sehingga tidak pernah menatap wajah seseorang berlama-lama. Baginda suka memenuhi undangan bahkan daripada para hamba, menerima jamuan walaupun cuma seteguk air, tidak menerima zakat dan sedekah, serta menerima undangan para janda dan fakir-miskin.

Baginda selalu berbicara benar dan jujur meskipun pahit atau kadang-kadang kejujurannya mendatangkan kesulitan bagi diri baginda sendiri dan para sahabatnya. Baginda s.a.w. kerap mengganjalkan batu di perutnya untuk menahan lapar, dan baginda makan apa sahaja yang dihidangkan oleh isterinya. Jika tidak ada makanan, baginda pun berpuasa.

Baginda tidak menolak apa yang dihidangkan kepadanya dan baginda tidak mengambil sesuatu makanan kecuali yan benar-benar halal. Apabila memperolehi tamar tanpa roti, baginda pun memakannya. Baginda tidak memilih-milih makanan, yang penting halal. Apabila yang baginda dapat hanya, baginda pun memakannya, demiian juga jika yang baginda dapati hanya gandum, makanan yang manis-manis, dan madu, maka baginda pasti memakannya. Baginda hanya cukup minum susu sahaja jika tidak ada makanan lainnya.

Baginda tidak makan dengan duduk bersandar atau terlentang dan tidak juga di atas meja. Selepas makan, agidna mengusapkan tangannya pada kedua kakinya sebagai lap. Baginda tidak pernah makan roti gandum selama tiga hari berturut-turut sehingga baginda meninggal dunia. Itu kerana bginda selalu mengutamakan orang lain daripada diri baginda sendiri.

Baginda sentiasa berkenan hadir dalm jemputan perkahwian, mengunjungi orang sakit, melayat dan menghibur keluarga yang ditinggal mati serta menguruskan jenazahnya. Baginda adalah orang yang paling rendah hati tanpa ada rasa sombong sedikit pun di dalam hatinya, berbicara dengan lemah-lembut, tenang, fasih dan bermana serta tidak suka memanjangkan perbincangan tapa keperluan.

Bentuk tubuh baginda sangat sesuai dan elok. Tidak ada tugas dan urusan dunia yang dapat menyibukkan dan mengganggu baginda. Beliau memakai apa yang baginda dapatkan seperti memakai cincin perak di jari manis tangan kiri dan kanannya. Di dalam perjalanan, baginda sering didampingi oleh hamba sahayanya atau pelayannya, dan baginda menaiki kenderaan apa sahaja, seperti kuda, unta dan keldai. Kadang-kadang baginda berjalan tanpa alas kaki, tanpa serban atau tutup kepala. Baginda mengunjungi orang sakit walaupun tempatnya jauh. Baginda juga suka wango-wangian dan tidak suka dengan bau yang tidak sedap.

Baginda suka duduk bersama orang miskin dan suka makan dengan mereka, suka memuliakan orang yang layak untuk dimuliakan dan berbuat baik kepada mereka serta suka menyambung silaturahim tanpa melebihkan yang lebih utama dari mereka. Baginda selalu tersenyum dan tidak pernah bermuka masam dan memaafkan orang yang meminta maaf kepadanya. Kadang-kadang baginda bergurau, tetapi tetap tidak berdusta. Baginda tertawa tetapi tidak sampai terbahak-bahak. Baginda sekali-kali bersukan dan bermain serta bercanda dengan isterinya degan berlumba jalan atau berlari.

Baginda minum susu bersama para isterinya dan memberi makanan serta pakaian kepada mereka secara merata dan adil. Baginda tidak pernah melalui waktunya dengan sia-sia, kerana baginda selalu mengisi waktu dengan perbuatan baik dan amal soleh. Beliau keluar melihat-lihat kebun para sahabatnya. Baginda tidak pernah menghina orang miskin kerana kemiskinannya dan baginda tidak takut kepada penguasa kerana kekuasaannya.

Baginda suka mengajak dan menyuruh untuk bertakwa kepada Allah SWT. Allah telah mengrnakan kepada baginda perjalanan hidup yang utama dan akhlak yang mulia serta terpuji, walaupun baginda seorang *ummi* (tidak pandai membaca dan menulis). Baginda dilahirkan pada masa jahiliah (kebodohan) dalam keadaan miskin, seorang yatim, dan pernah menjadi penggembala dalam masa yang lama ketika masih kanak-kanak. Kemudian baginda dilantik oleh Allah menjadi Nabi dan Rasul-Nya, serta menjadi hamba Allah yang paling utama dan mulia.

Semoga Allah mengurniakan taufik-Nya kepada kita agar dapat mengikuti akhlak Rasulullah S.A.W ini dengan senang hati. *Amin, ya Rabbal 'Alamin*!.

C. Beberapa Adab Rasulullah S.A.W Lainnya

Di dalam sebuah riwayat daripada Abu al-Bakhtari disebutkan bahawa tidaklah Rasulullah s.a.w. memarahi seseorang daripada kaum mukminin, melainkan baginda menjadikannya sebagai kafarat dan rahmat bagi untuk orang tersebut serta memperlihatkan kebaikan kepadanya. Baginda tidak pernah mengutuk atau menghina para wanita dan hamba sahaya. Ketika berada di medan peperangan, seseorang bertanya kepada baginda: "Wahai Rasulullah, apakah tidak lebih baik jika tuan mengutuk mereka (kaum kafir)?" Rasulullah s.a.w. menjawab:

إِنَّمَا بُعِثْتُ رَحْمَةً وَلَمْ أُبْعَثْ لَعَّانًا.

"*Sesungguhnya aku diutus oleh Allah SWT sebagai rahmat bagi seluruh alam, bukan sebagai pengutuk.*"[356]

Apabila ada yang meminta baginda mengutuk seseorang atau seorang kafir, maka baginda tidak mengutuknya dan malah berdoa untuk kebaikan orang tersebut.

[356] Diriwayatkan oleh Muslim daripada Abu Hurairah.

Baginda tidak pernah memukul seseorang dengan tangannya sendiri kerana marah, tetapi baginda memukul kerana Allah. Baginda tidak pernah sekali-kali menaruh dendam ke atas sesuatu yang dilakukan oleh seseorang kepada beliau, kecuali jika orang tersebut melanggar kehormatan Agama Allah.

Baginda memilih yang paling mudah daripada dua pilihan dan akan menjauhkan diri daripada sesuatu seandainya di dalamnya terdapat dosa, perkara-perkara haram atau sesuatu yang dapat memutuskan hubungan persaudaraan sesama muslim. Baginda selalu memenuhi hajat keperluan seseorang yang memerlukan pertolongan baginda seperti orang miskin, dan hamba sahaya.

Anas bin Malik r.a. berkata: "Demi Allah yang mengutus baginda sebagai rasul, baginda tidak pernah berkata kepadaku: 'Mengapa kamu berbuat begini' atau 'mengapa kamu tidak berbuat begitu?' Begitu juga isteri-isteri baginda, tidaklah seseorang daripada mereka memarahi aku melainkan baginda akan berkata: 'Biarkanlah dia! Sesungguhnya itu sudah menjadi takdir Allah S.W.T'." Apabila bginda hendak tidur dan tikar telah tersedia, baginda pun tidur di atasnya. Tetapi jika tidak ada, maka baginda tidur tanpa tikar.

Allah SWT telah menyebutkan kemuliaan akhlak Rasulullah s.a.w. sebelum baginda lahir di dalam Taurat pada bahagian pertama (baris pertama), iaitu firman-Nya: "Muhammad itu Rasul Allah, hamba-Ku yang pilihan, tidak suka marah, tidak kasar hatinya, tidak berteriak di pasar-pasar. Dia tidak ada membalas kejahatan dengan kejahatan. Akan tetapi dia memaafkan dan berjabatan tangan. Dia dilahirkan di Mekah, berhijrah ke Thabah (Madinah) dan kerajaannya di Syam (Syiria). Dia berkain sarung di atas pinggangnya. Dia sendiri dan orang-orang yang bersama dia (para shahabatnya) itu adalah penjaga al-Quran dan ilmu. Dia berwuduk membasuhkan anggota badannya." Sifat bagiunda yang demikian itu juga disebutkan di dalam Injil.

Di antara akhlak beliau lainnya ialah suka memberi salam lebih dahulu kepada sesiapa yang bertemu dengannya, bersabar menunggu orang yang akan baginda jumpai, dan tidak menarik tangannya sebelum orang yang berjabat tangan dengan baginda menariknya. Ketika berjumpa dengan salah seorang sahabatnya, baginda akan menjabat tangannya, memegang tangannya, memasukkan jari baginda pada jarinya dan memegangnya erat-erat.

Baginda tidak berdiri atau duduk kecuali alam keadaan berzikir (mengingat) kepada Allah *'Azza wa Jalla*. Apabila ada seseorang yang duduk di dekatnya ketika baginda solat, maka baginda akan mempercepat solatnya, lalu setelah salam baginda berkata: "Apakah kamu memerlukan sesuatu?" Apabila keperluan orang itu telah terpenuhi, maka baginda kembali meneruskan solatnya.

Majlis baginda tidak berbeza dengan majlis para sahabat, kerana baginda duduk di mana para sahabat duduk. Beliau tidak pernah duduk dengan menghulurkan kaki di antara para sahabatnya. Baginda biasanya duduk menghadap Kiblat dan selalu menghormati sesiapa yang masuk ke majlisnya sehingga kadang-kadang baginda membentangkan kainnya agar diduduki orang lain yang bukan kerabat sekali pun. Baginda mengutamakan orang lain dalam duduknya berbanding dirinya sendiri sehingga setiap orang selalu berpikir bahawa dirinyalah yang paling mulia di hadapan Rasulullah s.a.w.. Siapapun yang datang kepada baginda, nescaya dapat melihat wajahnya yang mulia itu.

Demikianlah majlis baginda yang penuh berkat, rahmat, dan kebaikan. Allah SWT berfirman:

فَبِمَا رَحْمَةٍ مِّنَ ٱللَّهِ لِنتَ لَهُمْ ۖ وَلَوْ كُنتَ فَظًّا غَلِيظَ ٱلْقَلْبِ لَٱنفَضُّوا۟
مِنْ حَوْلِكَ ۖ فَٱعْفُ عَنْهُمْ وَٱسْتَغْفِرْ لَهُمْ وَشَاوِرْهُمْ فِى ٱلْأَمْرِ ۖ فَإِذَا عَزَمْتَ
فَتَوَكَّلْ عَلَى ٱللَّهِ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ يُحِبُّ ٱلْمُتَوَكِّلِينَ ﴿١٥٩﴾

"*Maka dengan sebab rahmat (yang melimpah-limpah) dari Allah (kepadamu wahai Muhammad), engkau telah bersikap lemah-lembut kepada mereka (sahabat-sahabat dan pengikutmu), dan kalaulah engkau bersikap kasar lagi keras hati, tentulah mereka lari dari kelilingmu. Oleh itu maafkanlah mereka (mengenai kesalahan yang mereka lakukan terhadapmu), dan pohonkanlah ampun bagi mereka, dan juga bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan (peperangan dan hal-hal keduniaan) itu. kemudian apabila engkau telah berazam (sesudah bermesyuarat, untuk membuat sesuatu) maka bertawakalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Mengasihi orang-orang yang bertawakal kepadaNya*." (Ali Imran: 159)

Rasulullah s.a.w. suka memanggil sahabat-sahabatnya dengan nama *kuniah* (nama panggilan yag baik) untuk menggembirakan dan memuliakan mereka. Baginda kerap memberi nama panggilan yang baik kepada orang yang tidak memilikinya, lantas baginda memanggilnya dengan nama itu. Baginda juga memberikan nama panggilan kepada para wanita dan kepada anak-anak sehingga hati mereka menjadi lemah dan lembut.

Rasulullah s.a.w. selalu menjauhkan diri daripada kemarahan dan baginda adalah orang yang mampu menahan marah. Tidak ada seorang pun yang sanggup berbicara keras di dalam majlis baginda. Apabila berdiri di dalam majelisnya, baginda pun membaca:

سُبْحَانَكَ اللَّهُمَّ وَبِحَمْدِكَ أَشْهَدُ أَنْ لاَ إِلَهَ إِلاَّ أَنْتَ أَسْتَغْفِرُكَ وَأَتُوْبُ إِلَيْكَ.

"*Maha Suci Engkau, wahai Allah Tuhanku dan dengan memuji Engkau, aku bersaksi bahawa bahawa tidak ada Tuhan yang di sembah, selain Engkau, aku meminta keampunan dan bertaubat kepada Engkau.*"

Kemudian, baginda bersabda: "Bacaan itu diajarkan kepadaku oleh Jibril A.S.

D. Akhlak Rasulullah S.A.W Dalam Berbicara dan Tersenyum

Rasulullah s.a.w. adalah orang Arab yang paling fasih tutur katanya dan paling lemah-lembut perkataannya. Baginda bersabda:

أَنَا أَفْصَحُ العَرَبِ

"*Aku adalah orang Arab yang paling fasih*."[357]

Para penghuni syurga akan berbicara dengan gaya bicara Rasulullah Muhammad s.a.w..[358] Baginda tidak banyak berbicara yang tidak perlu dan suka berbicara yang mudah, singkat, dan bermanfaat. Kata-kata baginda penuh nasihat ibarat permata dan menyejukkan jiwa bagi yang mendengarnya. Aisyah r.a. berkata:

---

[357] Diriwayatkan oleh al-Tabrani daripada Abi Sa'id al-Khudri dengan isnad yang dha'if.

[358] Diriwayatkan oleh al-Hakim daripada IAbbas dan beliau menilainya sahih.

"Rasulullah s.a.w. berbicara seperti kalian."

Para sahabat r.a. berkata: "Rasulullah s.a.w. tidak banyak berbicara dan setiap sesuatu baginda ungkapkan secara ringkas." Dalam berbicara, tidak ada yang dilebihkan atau disembunyikan oleh baginda. Kata-kata yang baginda ucapkan keluar satu demi satu dengan tertib, jelas, dan indah bagaikan mutiara. Barang siapa yang mendengar perkataan baginda, nescaya dia akan mengingatnya.

Baginda adalah orang yang baik ucapannya di antara para sahabatnya. Baginda lebih banyak diam untuk menyemak ucapan orang lain dan tidak berbicara jika tidak perlu. Baginda tidak pernah mengucapkan kata-kata keji dan menyakitkan. Apa yang baginda ucapkan adalah kebenaran dan baginda tidak menggunakan kata-kata yang berlebihan. Tidak pernah para sahabat bertengkar di hadapan baginda. Baginda pernah bersabda:

لاَ تَضْرِبُوْا الْقُرْآنَ بَعْضَهُ بِبَعْضٍ وَأَنَّهُ أُنْزِلَ عَلَى وُجُوْهٍ

"*Janganlah kalian menganggap satu ayat al-Quran lebih rendah nilainya berbanding ayat al-Quran lainnya ,kerana tiap-tiap ayat ditutunkan dengan tujuan yang berbeza-beza*."[359]

Rasulullah s.a.w. banyak tersenyum di hadapan para sahabatnya dan jika tersenyum, tampaklah gigi baginda. Di dalam satu riwayat disebutkan bahawa pada suatu hari seorang Arab Badwi datang menghadap Rasulullah s.a.w. lantas wajah baginda menjadi agak berubah kerana melihatnya. Melihat kemarahan di wajah baginda, orang Arab Badwi itu pun berkata kepada para sahabat: "Demi Allah yang telah mengutus baginda sebagai nabi yang benar, aku tidak akan pergi sebelum baginda tersenyum." Kemudian orang Arab Badwi itu berkata: "Wahai Rasulullah, kami telah mendengar bahawa Dajjal akan datang kepada manusia dengan membawa roti berkuah sedangkan manusia pada hari itu dalam keadaan lapar. Demi ayah dan ibuku, apakah tuan melarangku untuk memakannya hingga aku mati kelaparan? Atau apakah tuan menyuruhku memakannya, dan ketik aku sudah kenyang aku pun beriman kepada Allah dan kafir terhadap Dajjal itu?" Mendengar itu, Rasulullah s.a.w. tersenyum hingga tampak gigi baginda. Kemudian baginda bersabda: "Bukan begitu, tetapi Allah akan membebaskanmu daripada rasa lapar

[359] Diriwayatkan oleh al-Tabrani daripada Abdullah bin Amr dengan isnad baik.

yang darinya Dia membebaskan orang mukmin."[360]

Pada masa al-Quran diturunkan, kepada Rasulullah S.A.W adalah orang yang banyak tersenyum. Ketika sesuatu berlaku, maka baginda akan berserah diri kepada Allah SWT, tetap menjauhkan diri daripada ketidakberdayaan dan kekurangan dengan berdoa kepada Allah SWT:

اللَّهُمَّ أَرِنِي الْحَقَّ حَقًّا فَأَتْبَعُهُ وَأَرِنِي الْمُنْكَرَ مُنْكَرًا وَارْزُقْنِيْ اجْتِنَابَهُ وَأَعِذْنِي مِنْ أَنْ يَشْتَبِهَ عَلَيَّ فَأَتْبَعُ هَوَايَ بِغَيْرِ هُدَى مِنْكَ وَاجْعَلْ هَوَايَ تَبَعًا لِطَاعَتِكَ وَخُذْ رِضَا نَفْسِكَ مِنْ نَفْسِيْ فِيْ عَافِيَةٍ وَاهْدِنِي لِمَا اخْتَلَفَ فِيْهِ مِنَ الْحَقِّ بِإِذْنِكَ إِنَّكَ تَهْدِيْ مَنْ تَشَاءُ إِلَى صِرَاطٍ مُسْتَقِيْمٍ.

"*Ya Allah ya Tuhanku, tunjukkan kepadaku bahawa yang benar itu benar hingga aku mengikutinya. Tunjukkan kepadaku bahawa yang munkar itu munkar hingga aku menjauhkannya. Lindungi aku dari keragu-raguan) syubhat (sehingga aku tidak mengikuti hawa nafsuku tanpa petunjuk dari-Mu. Jadikan hawa nafsuku tunduk kepada-Mu, selamatkan aku dengan keredaan-Mu, tunjukilah aku pada kebenaran dari banyak ketidakbenaran !Engkau akan menunjuki jalan yang lurus kepada barang siapa yang Engkau Kehendaki*."[361]

E. Adab dan Akhlak Rasulullah S.A.W Dalam Makan dan Minum

Rasulullah s.a.w. sentiasa memakan apa yang ada dan tidak meminta yang tidak ada. Makanan yang paling baginda suka ialah makanan yang dimakan bersama orang ramai. Apabila hidangan makanan siap disajikan, baginda berdoa:

بِسْمِ اللهِ اللَّهُمَّ اجْعَلْهَا نِعْمَةً مَشْكُوْرَةً تَصِلُ بِهَا نِعْمَةُ الْجَنَّةِ

---

[360] Menurut al-Iraqi, beliau tidak menjumpai asal hadis ini.

[361] Diriwayatkan oleh al--Mustaghfari daripada Abu Hurairah.

"*Dengan Nama Allah, Ya Allah Tuanku, jadikanlah hidangan ini nikmat yang patut disyukuri sehingga dapat sampai kepada nikmat syurga*."[362]

Apabila Rasulullah s.a.w. duduk untuk makan, maka baginda duduk dengan merapatkan kedua lututnya dan kedua tapak kakinya, sebagaimana duduknya orang yang solat. Lantas baginda bersabda:

إِنَّمَا أَنَا عَبْدٌ آكُلُ كَمَا يَأْكُلُ عَبْدٌ وَأَجْلِسُ كَمَا يَجْلِسُ العَبْدُ.

"*Sesungguhnya aku hanyalah seorang hamba, aku makan sebagaimana hamba makan, dan aku duduk sebagaimana hamba duduk*."[363]

Baginda tidak makan makanan yang masih panas dan bersabda:

إِنَّهُ غَيْرُذِيْ بَرَكَةٍ وَإِنَّ اللهَ لَمْ يُطْعِمْنَا نَارًا فَأَبْرِدُوْهُ

"*Makanan yang masih panas tidak mengandungi berkat. Sesungguhnya, Allah tidak memberikan api untuk kita makan. Maka dinginkanlah makanan itu*."[364]

Baginda makan makanan yang dihidangkan kepadanya dengan tiga jari dan kadang-kadang dengan empat jari. Utsman bin Affan r.a. pernah datang kepada Nabi s.a.w. membawa *faluzaj* (sejenis kuih). Rasulullah s.a.w. pun memakan kuih tersebut sambil bertanya: "Kuih apakah ini wahai Abu Abdillah?" Utsman bin Affan r.a. menjawab: "Demi bapa dan ibuku! Kami masukkan minyak samin dan madu lebah dalam periuk dan kami letakkan di atas api llu kami panaskan sampai mendidih. Kemudian kami ambil tepung gandum yang halus yang telah ditumbuk. Lalu kami aduk bersama minyak samin dan madu lebah tersebut di dalam periuk sampai masak. Lalu jadilah ia seperti yang tuan lihat." Rasulullah s.a.w. menjawab: "Makanan ini enak."

Baginda juga memakan roti berkuah, garam, dan kurma basah. Buah-buahan segar yang paling baginda gemari ialah tembikai, timun, dan anggur. Baginda

---

[362] Diriwayatkan oleh al- Nasa'i.

[363] Diriwayatkan oleh Abdul Razzaq daripada Ayyub.

[364] Diriwayatkan oleh al-Baihaqi daripada Abu Hurairah dengan isnad yang sahih.

makan buah labu dengan roti dan gula, kadang-kadang juga dengan kurma basah.

Kebanyakan makanan baginda ialah kurma kering (tamar) dan air. Kadang-kadang baginda mencampurkan susu dengan tamar. Makanan lainnya yang baginda gemari ialah daging dan baginda pernah bersabda: "Daging dapat menguatkan pendengaran, dan daging adalah penghulu makanan di dunia dan di akhirat. Seandainya aku memohon kepada Tuhanku agar tetap memakan daging setiap hari, pasti Allah SWT akan mengabulkannya."

Beliau memakan roti berkuah bersama daging dan buah labu. Beliau suka buah labu dan bersabda: "Buah labu adalah kesukaan saudaraku, Yunus as.." 'Aisyah r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. pernah bersabda kepadanya: "Wahai 'Aisyah, jika kamu memasak daging, maka banyakkan kuahnya, kerana kuah akan menguatkan hati orang yang berduka." Baginda biasa memakan daging burung yang ditangkap orang walaupun baginda sendiri tidak ikut menangkap atau memburunya.

Apabila makan daging, baginda tidak menundukkan kepalanya kepada daging itu, tetapi baginda mengangkat daging itu ke mulutnya lantas menggigitkannya. Rasulullah s.a.w. memakan roti dengan minyak samin dan menyukai daging kambing daripada bahagian leher dan paha. Sayur yang baginda suka ialah buah labu, penyedap yang baginda suka ialah cuka, dan kurma yang baginda suka ialah kurma kering Madinah (*al-'ajwah*). Baginda menyukai makanan itu kerana tiga perkara sepertimana yang baginda sebutkan: "Makanan-makanan itu berasal dari syurga, ubat penawar racun dan penyakit sukar tidur."

Baginda suka sayur-sayuran yang merambat yang mempunyai bunga berwarna kuning, seperti buah labu, tomat, dan wortel. Baginda tidak suka daging yang berasal daripada bahagian yang berhampiran kandung kencing. Baginda tidak suka daging yang berasal dari tujuh tempat, iaitu buah zakar (haiwan jantan), dua biji pelir, tempat air kencing, empedu, benjolan kerana penyakit, daging kemaluan betina, dan darah.

Baginda tidak suka bawang putih dan bawang merah, tetapi juga tidak mengharamkannya. Baginda pernah mencela suatu makanan. Baginda makan makanan yang baginda suka dan meninggalkan makanan yang tidak baginda suka. Baginda tidak suka *dhab* (sejenis biawak) dan empdu, tetapi baginda tidak melarang orang lain memakannya. Baginda mengambil baki makanan di pinggan

dengan hujung jari dan bersabda: "Keberkatan banyak terdapat pada makanan yang terakhir."

Baginda menjilati jari-jari baginda sehabis makan sehingga tangan baginda tapak berwarna merah kerana bersihnya. Baginda tidak membersihkan tangan (setelah selesai makan) dengan lap, tetapi baginda menjilat jari-jari baginda dan bersabda: "Tidak seorang pun yang tahu di mana berkat makanan itu berada."

Setelah selesai makan, baginda membaca:

الحَمْدُ لِلّٰهِ اللَّهُمَّ لَكَ الْحَمْدُ أَطْعَمْتَ فَأَشْبَعْتَ وَسَقَيْتَ فَأَرْوَيْتُ لَكَ الْحَمْدُ غَيْرَ مَكْفُوْرٍ وَلاَ مُوَدَّعٍ وَلاَ مُسْتَغْنِي عَنْهُ.

"*Ya Allah bagi-Mu segala puji. Engkau memberikan makanan sehingga aku kenyang, dan Engkau memberi minuman sehingga dahagaku hilang. Bagi Engkau segala puji yang tidak dapat diingkari dan tidak dapat ditinggalkan serta sentiasa diperlukan*."[365]

Apabila telah selesai makan, baginda biasanya membasuh kedua tangannya baik-baik dan membersihkan mulutnya dengan air dan mengingat nama Allah setiap kali membersihkan mulut. Baginda minum secara perlahan, tidak tergesa-gesa, dan menahan nafas. Bahkan kadang-kadang baginda minum dengan satu nafas sampai selesai. Ketika minum, baginda tidak pernah meniup bejana tempat minumnya dan memberikan baik air minum kepada orang yang ada di sampingnya.

Pada suau ketika, seseorang memberi baginda makanan berupa campuran madu dan susu dalam satu bejana, tetapi baginda menolaknya dan bersabda: "Dua minuman yang berada di dalam satu tempat minuman, dan dua makanan yang berada di dalam satu tempat makanan adalah tidak aku haramkan, tetapi aku tidak menyukai kesombongan dan tidak mahu amalan dunia yang sia-sia ketika dihisab pada Hari Pembalasan nanti. Aku menyukai kerendahan hati dan Allah SWT akan mengangkat darjat orang yang suka merendahkan hati."

[365] Diriwayatkan oleh al-Tabrani daripada al-Harits bin al-Harits, dengan sanad dha'if. Al-Bukhari juga meriwaytkannya daripada Abu Umamah dengan laaz yang tidak begitu sama dengan yang disebutkan tadi.

Di dalam rumah, baginda adalah seorang pemalu, baginda tidak meminta keluarganya menyediakan makanan dan baginda memakan makanan yang dihidngkan kepadanya. Jika makanan tidak tersedia, maka baginda diam sahaja.

F. Akhlak Rasulullah S.A.W Dalam Berpakaian

Rasulullah s.a.w. memakai kain sarung, baju, serban, baju gamis, jubah dan apa sahaja yang baginda perolehi. Baginda sangat suka pakaian berwarna hijau tetapi kebanyakan pakaian baginda berwarna putih dan baginda bersabda:

أَلْبِسُوْهَا أَحْيَاءَكُمْ وَكَفِّنُوْا فِيْهَا مَوْتَاكُمْ

"*Pakaikanlah pakaian berwarna putih pada manusia yang masih hidup dan kafanilah orang meninggal dengannya*."[366]

Baginda memakai *qaba'* (baju yang dipakai di atas baju lain) yang diisi dengan kapas ketika dalam berperang. Pakaian Rasulullah s.a.w. tinggi hingga di atas kedua mata kaki. Baginda mempunyai satu kain yang dicelup dengan za'faran. Dengan kain itu pula baginda mengerjakan solat. Kadang-kadang baginda memakai sehelai kain, sampai di atas kedua mata kaki dan bersabda:

إِنَّمَا أَنَا عَبْدٌ أَلْبَسُ كَمَا يَلْبِسُ العَبْدُ.

"*Sesungguhnya aku adalah hamba, aku memakai pakaian, sebagaimana yang dipakai oleh hamba*."[367]

Nabi s.a.w. mempunyai dua helai pakaian yang khusus untuk solat Jum'at, selain daripada pakaian-pakaiannya untuk bukan Jumaat. Kadang-kadang baginda memakai sehelai kain sarung yang juga dipakai juga oleh isteri-istrinya. Baginda pernah memiliki pakaian hitam yang kemudian dihadiahkan kepada orang lain. Ummu Salamah r.a. bertanya: "Apakah yang akan tuan perbuat dengan kain hitam tersebut?" Baginda menjawab: "Aku akan pakaikan kepada orang lain." Kemudian Ummu Salamah berkata: "Aku belum pernah melihat sesuatu yang lebih indah daripada putihnya tuan di atas hitamnya kain itu."

---

[366] Diriwayatkan Ibnu Majah dan al-Hakim daripada Ibllu Abbas.

[367] Diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim daripada Abu Burdah.

Kadang-kadang baginda keluar memakai cincin stempel di tangannya. Baginda menstempel surat-surat yang akan dikirim dengan cincin itu dan bersabda:

الخَاتَمُ عَلَى الْكِتَابِ خَيْرٌ مِنَ التُّهْمَةِ.

"*Menstempel surat lebih baik daripada lisan yang banyak fitnah*."[368]

Baginda memakai tutup kepala baik berupa serban atau selainnya. Kadang-kadang baginda membuka tutup kepala dan menaruh di hadapannya sebagai pembatas tempat solat. Apabila tidak memakai serban dan tutup kepala, baginda kadang-kadang menutup kepala dengan kain yang dibelitkan. Rasulullah s.a.w. mempunyai serban yang disebut '*al-Sahab* (awan)' yang kemudian baginda berikan kepada Ali r.a.

Apabila hendak memakai pakaian, baginda memakainya dari sebelah kanannya sambil membaca:

الحَمْدُ لِلّٰهِ الَّذِيْ كَسَانِيْ مَا أُوَارِيْ بِهِ عَوْرَتِيْ وَأَتَجَمَّلُ بِهِ فِيْ النَّاسِ.

"*Segala puji bagi Allah yang telah mengurniakan pakaian ini untuk menutup auratku dan memperelok tubuhku*."[369]

Dan ketika membuka pakaiannya, baginda membukanya dari sebelah kirinya. Apabila memakai pakaian baru, maka pakaian lama baginda berikan kepada orang miskin dan bersabda:

مَا مِنْ مُسْلِمٍ يَكْسُوْ مُسْلِمًا مِنْ سَمْلِ ثِيَابِهِ لَا يَكْسُوْهُ إِلَّا لِلّٰهِ إِلَّا كَانَ فِيْ ضِمَانِ اللّٰهِ وَحِرْزِهِ مَا وَارَاهُ حَيًّا وَمَيِّتًا.

"*Tidaklah seorang muslim memberikan pakaian yang dipakainya kepada muslim lainnya, melainkan Allah akan memberinya pakaian yang lain) dan dia akan berada di dalam naungan Allah SWT selama pakaian itu dipakai oleh orang yang diberi, sama ada ketika dia masih hidup*

---

[368] Diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim daripada Anas.

[369] Diriwayatkan oleh Ibnu Majah dan al-Hakim daripada Umar bin Khattab dan beliau menilainya sahih.

mahupun sesudah mati."[370]

Tempat tidur baginda dibuat daripada pelepah kurma dan kulit yang disamak. Panjangnya lebih kurang dua hasta dan lebarnya satu hasta. Rasulullah s.a.w. biasa memberi sebutan kepada haiwan kenderaan, senjata, dan barang-barang miliknya. Nama bendera baginda adalah *al-'Uqab*, nama pedang yang baginda bawa ke medan perang antara lain *Zulfiqar*, *al-Mikhzam*, *al-Rasub*, dan *al-Kadib*. Tangkai pedangnya disepuh dengan perak.

Baginda memakai sarung pedang yang dibuat daripada kulit berhiaskan tiga lingkaran perak. Nama panahnya adalah *al-Katum*, nama tempat panahnya *al-Kafur*, nama untanya *al-Quswa'*, nama baghalnya adalah *al-Duldul*, nama keldainya *Ya'fur*, dan nama kambing yang suka diambil susunya untuk diminum adalah *'Ainah*. Baginda juga mempunyai bekas yang baginda gunakan untuk bersuci dan minum.

G. Akhlak Rasulullah S.A.W Dalam Memaafkan Kesalahan Orang Lain

Rasulullah s.a.w. adalah orang yang paling sabar dan sentiasa memafkan orang lain meskipun baginda memiliki kemampuan untuk membalas dendam. Ketika seseorang menghadiahkan kalung emas dan perak kepada Rasulullah s.a.w., baginda pun memberikannya kepada sahabatnya. Pada suatu hari, seorang Arab Badwi berdiri dan berkata: "Wahai Muhammad, demi Allah, sesungguhnya Allah SWT menyuruh Engkau berlaku adil, dan aku tidak melihat engkau berlaku adil." Rasulullah s.a.w. menjawab: "Bagaimana kamuini, siapa lagi yang akan berlaku adil kepadamu jika aku tidak adil?" Ketika orang badwi itu telah pergi, Rasulullah s.a.w. bersabda: "Bawalah orang badwi itu kembali kepadaku dan perlakukan dia dengan baik!"

Jabir r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. memberikan perak di dalam kantong Bilal untuk orang ramai pada hari berlakunya Perang Khaibar. Seseorang lantas berkata kepada Rasulullah s.a.w.: "Wahai Rasulullah, berlakulah dengan adil." Rasulullah s.a.w. menjawab: "Bagaimana kamu ini, siapa lagi yang akan berlaku adil jika aku tidak berlaku adil? Sesungguhnya, jika aku tidak berlaku adil, maka aku telah menzalimi diriku sendiri dan aku menajdi orang yang rugi." Umar

[370] Diriwayatkan oleh al-Hakim dan al-Baihaqi daripada Umar.

lantas bangkit dan berkata: "Biar aku penggela leher orang itu, kerana dia termasuk orang munafik." Tetapi Rasulullah s.a.w. bersabda: "Semoga Allah menyelamatkan dia, kerana jika kamu membunuhnya, maka orang akan berkata bahawa aku telah membunuh sahabat-sahabatku."[371]

Pada suatu ketika, Rasulullah s.a.w. berada di dalam suatu peperangan. Ketika kaum kafir berjaya menggesa mundur kaum muslim, Rasulullah s.a.w. beristirahat di bawah sebatang pokok, maka seorang kafir meloncat mendekati baginda dengan pedang terhunus dan siap menebas leher baginda. Orang kafir itu berkata: "Siapa yang dapat menghalang aku membunuhmu?" Rasulullah s.a.w. menjawab: "Allah!" Setelah Rasulullah s.a.w. berkata demikian, pedang lelaki kafir itu terjatuh dari tangannya.

Rasulullah s.a.w. pun segera pedang yang jatuh itu dan berkata: "Siapakah yang dapat menghalang aku membunuhmu?" Lelaki itu menjawab: "Allah." Rasulullah s.a.w. bersabda: "Katakanlah: '*La ilaha illallah Muhammadur Rasulullah* (Aku bersaksi tidak ada Tuhan selain Allah dan Muhammad adalah Rasul Allah)." Lelaki itu kemudian berkata lagi: "Aku tidak akan memerangimu dan aku tidak akan membunuhmu. Aku tidak akan bergabung denganmu dan aku pun tidak mahu bergabung dengan orang-orang yang memerangi kamu." Lalu Rasulullah s.a.w. membebaskan lelaki tersebut. Dia pun pergi kepada kaumnya dan berkata: "Hari ini aku datang kepada kalian daripada orang yang terbaik di antara semua manusia."[372]

Anas bin Malik r.a. meriwayatkan bahawa seorang perempuan Yahudi mencampurkan racun ke dalam makanan yang dihidangkan kepada Rasulullah s.a.w. yang kemudian baginda makan di Khaibar. Ketika hendak memakannya, baginda mencium bau racun sehingga tidak jadi memakannya. Kemudian perempuan itu dibawa kepada Rasulullah s.a.w. dan baginda bertanya kepadanya tentang makanan beracun itu. Perempuan itu menjawab: "Aku ingin membunuhmu." Baginda berkata: "Allah SWT tidak akan memberimu kemampuan untuk itu." Para sahabat r.a. bertanya: "Apakah kami harus membunuhnya?" Rasulullah s.a.w. menjawab: "Jangan, jangan bunuh dia!"[373]

---

[371] Diriwayatkan oleh Muslim daripada Jabir.

[372] Diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim daripada Jabir.

[373] Diriwayatkan oleh Muslim daripada Anas.

Seorang lelaki Yahudi prnah menyihir Rasulullah s.a.w.. Lantas Malaikat Jibril pun memberitahu bagnda perkaratersebut. Baginda pun mengambil sihir tersebut dan membuangnya, tetapi baginda tidak sekali-kali membalas dendam kepada orang Yahudi tersebut.

Ali bin Abi Thalib pernah berkata: "Rasulullah s.a.w. mengutus aku, Jubair dan Miqdad ke suatu tempat dan berkata: 'Pergilah hingga kalian sampai di Raudah Khakh, dan di sana kalian akan berjumpa dengan seorang wanita yang padanya terdapat sepucuk surat, maka ambillah surat itu darinya'.

Ketika kami tiba di tempat itu dan berkata kepada si wanita agar dia memberikan surat yang dikatakan oleh Nabi kepada kami, wanita itu mengatakan tidak tahu tentang surat itu. Maka kami pun memaksa dia untuk memberikan surat itu kepada kami. Wanita itu pun mengeluarkan surat dari sanggul rambutnya. Setelah kami terima, lalu kami kembali dan memberikan surat itu kepada Rasulullah s.a.w.. Tenyata surat itu berasal daripada Hathib bin Abi Balta'ah untuk kaum musyrik Mekah yang menjelaskan tentang gerak-geri baginda.

Maka baginda bertanya: "Wahai Hatib, apa yang kamu maksudkan dengan surat ini?" Hatib menjawab: "Wahai Rasulullah, jangan buru-buru murka kepadakul Aku bergaul dan berjiran dengan mereka, sebagaimana kaum Muhajirin yang bersama tuan mempunyai kerabat di Mekah yang menjaga dan melindungi keluarganya di sana. Meskipun aku tida ada hubungan dengan kaum Quraisy, tetapi aku berharap ada seseorang di antara mereka yang mahu melindungi keluargaku di sana sehingga aku memperlihatkan kebaikan kepada mereka. Aku tidak berbuat demikian kerana kekafiran, juga tidak menukar Islam dengan kekafiran dan tidak murtad dari agamaku."

Rasulullah s.a.w. bersabda: "Orang ini berkata benar." Umar r.a. berdiri lalu berkata: "Biarkan aku memenggal leher orang munafik ini!" Tetapi Rasulullah s.a.w. berkata: "Sesungguhnya dia telah ikut dalam Perang Badar bersama kita, dan kamu tidak tahu bahawa Allah *'Azza wa Jalla* selalu menyebut-nyebut dan berbangga dengan para mujahid Badar. Allah SWT berfirman: '*Berbuatlah apa yang kamu kehendaki, sesungguhnya Aku telaht mengampuni dosa-dosamu*'."[374]

[374] Diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim.

Ketika Rasulullah s.a.w. membahagikan satu bahagian daripada harta, seorang lelaki Anshar berkata: "Allah SWT tidak reda dengan pembahagian harta ini." Ketika perkara ini diberitahukan kepada baginda, wajah baginda pun menjadi merah dan bersabda: "Semoga Allah SWT tetap mengurniakan rahmat dan kurnia-Nya kepada saudaraku, Nabi Musa a.s, yang telah digunjing lebih pedih daripada ini tetapi dia tetap bersabar." Rasulullah s.a.w. lalu bersabda: "Jangan sampai salah seorang di antara sahabat-sahabatku berbicara melainkan apa yang aku suka sehingga apabila aku datang kepada kalian, maka aku datang dengan hati bahagia."[375]

H Akhlak Rasulullah S.A.W Ketika Mendapati Sesuatu Yang Baginda Suka

Rasulullah s.a.w. mempunyai kulit yang halus, bersih dan suci zahir dan batinnya. Kesenangan dan kemarahannya tampak pada raut wajahnya yang mulia. Apabila sangat marah, baginda sering mengelus janggutnya berulang-ulang. Baginda tidak berbicara dengan siapapun mengenai sesuatu yang tiak baginda suka. Pada suatu hari seorang lelaki datang kepada Rasulullah s.a.w. dengan pakaian berwarna kuning. Sebenarnya, Rasulullah s.a.w. kurang sukar warna kuning, tetapi baginda tidak mengatakan sebarang ucapan sebelum lelaki itu pulang. Lalu baginda berkata kepada orang yang hadir di situ: "Seandainya kalian katakan kepadanya agar dia tidak memakai pakaian berwarna kuning, tentu aku lebih senang."

Seorang Arab Badwi pernah kencing di masjid di hadapan Rasulullah s.a.w. dan para sahabat berusaha untuk mencegahnya. Maka Rasulullah s.a.w. bersabda: "Jangan kalian hentikan kencingnya." Kemudian baginda bersabda kepada Arab Badwi tersebut: "Setiap masjid tidak patut menjadi tempat membuang kotoran, kencing dan tahi."

Pada suatu hari seorang Arab Badwi datang kepada Rasulullah s.a.w. untuk meminta sesuatu dan baginda pun memberinya sambil bersabda: "Aku telah berusaha berbuat baik kepadamu." Orang Badwi itu menjawab: "Tidak, tuan tidak berbuat baik kepadaku." Mendengar jawapan demikian, para sahabat yang hadir di situ menjadi sangat marah dan hendak menampar si Badwi, tetapi baginda melarang mereka melakkan kekerasan.

[375] Diriwayatkan oleh al-Daru Qutni daripada Ibnu Mas'ud dan hadis ini gharib.

Kemudian baginda masuk ke dalam kamarnya dan membawa makanan untuk diberikan kepada Si Badwi seraya bersabda: “Aku telah berbuat baik kepadamu.” Si Badwi menjawab: “Ya, benar. Mudah-mudahan Allah SWT memberikan rahmat dan kurnia serta balasan kebajikan kepada tuan, keluarga dan kerabat tuan.” Rasulullah s.a.w. pun bersabda kepadanya: “Perkataanmu yang pertama tadi telah membuat marah para sahabatku. Jika kamu bersedia, katakan kepada para sahabatku seperti apa yang kamu katakan kepadaku sekarang ini. Dengan demikian, mereka tidak akan marah lagi kepadamu dan memaafkan kamu.” Dia berkata: “Baiklah, aku akan mengatakan kebaikanmu kepada mereka.”

Keesokan harinya, si Badwi datang kepada baginda, lalu baginda bersabda: “Disebabkan kamu telah mengucapkan ucapan tersebut kepada mereka sehingga mereka senang, maka aku akan tambahkan lagi pemberianku. Mudah-mudahan kamu menjadi puas dan senang. Aku akan bertanya kepadamu sekarang, apakah kamu puas dan senang?” Si Badui menjawab: “Ya, aku sangat senang dan puas. Mudah-mudahan Allah SWT membalas kebajikan tuan dan memberkati tuan, keluarga dan kerabat tuan.”

Lantas Rasulullah s.a.w. bersabda: “Perumpamaan aku dengan orang Badwi ini seperti seorang lelaki yang memiliki seekor unta yang lari daripadanya, lalu orang ramai hendak menangkapnya, tetapi unta itu malah makin menjauh kerana takut. Pemilik unta kemudian berkata: ‘Kalian semua pulang sahaja dan biarkan unta itu berdua sahaja dengan aku.’ Kemudian pemilik unta memberi untanya makanan dan memanggilnya agar mendekat. Maka secara perlahan-lahan unta itu pun mendekat, memakan makanan itu dan akhirnya pemilik unta menaiki dan mengendarainya. Oleh itu, si Badwi mengunakan kata-kata keras, apabila aku membiarkan kalian membalas dendam dan membunuhnya, maka dia akan masuk neraka.”[376]

I. Akhlak Rasulullah S.A.W Dalam Menderma Dan Memberi

Rasulullah s.a.w. adalah manusia yang paling banyak bersedekah, khususnya selama bulan suci Ramadhan. Kemurahan hatinya bagaikan gelombang angin besar, tidak ada yang mampu mencegahnya. Berkaitan dengan sifat-sifat Rasulullah s.a.w.,

[376] Diriwayatkan oleh al-Bazzar dan Abu Syeikh daripada hadis Abu Hurairah dengan sanad yang dha’if.

Ali R.a. berkata: "Rasulullah s.a.w. adalah manusia yang paling pemurah, lapang dada, dan paling lurus perkataannya. Dia adalah manusia yang sangat menepati janji, lemah-lembut dan rendah hati serta manusia yang paling gemar menjalin silaturahim dan kekeluargaan. Pertama kali melihat baginda, orang mungkin akan takut dan segan. Barang siapa yang bergaul dan mengenali Rasulullah s.a.w. lebih dalam, maka dia akan mencintainya. Orang yang sudah mengenali akhlak baginda yang mulia akan berkata: "Tidak pernah aku melihat akhlak luhur seperti akhlak Rasulullah s.a.w., sama ada sebelum ataupun sesudahnya."

Setiap orang yang meminta sesuatu kepada Rasulullah s.a.w. atas nama Islam, maka baginda pasti akan memberinya.[377] Pada suatu ketika, seorang lelaki datang kepada Rasulullah s.a.w. untuk meminta sesuatu. Maka baginda memberinya sekumpulan kambing yang ada di antara dua bukit. Lalu dia kembali kepada kaumnya dan berkata: "Wahai saudara-saudaraku, terimalah dan masuklah Islam. Sesungguhnya Muhammad telah begitu banyak memberi dan baginda tidak pernah takut miskin. Baginda sentiuasa memberi orang yang meminta kepadanya."[378]

Pada suatu hari, seseorang memberi Rasulullah s.a.w wang sebanyak 10.000. Kemudian baginda membahagikannya kepada semua sahabat dan kaum muslim sehingga tidak ada yang tinggal.[379] Setelah itu, datang pula seorang lelaki kepada baginda meminta sesuatu. Maka baginda berkata: "Sekarang aku tidak memiliki apa-apa, tetapi pinjamlah atas namaku kepada orang lain, biar aku yang membayarnya nanti."

Umar r.a. menyahut: "Wahai Rasulullah, Allah SWT tidak membebani tuan dengan sesuatu yang tidak sanggup tuan pikul." Mendengar itu, Nabi tidak suka. Namun lelaki itu berkata: "Bersedekahlah dan jangan sekali-kali takut miskin dengan adanya Allah Yang Maha Kaya." Mendengar ucapan orang itu, Rasulullah s.a.w. tersenyum dan tampak kegembiraan di wajahnya.

Ketika Rasulullah s.a.w. kembali dari Perang Hunain, beberapa orang Arab Badwi datang untuk meminta sesuatu yang sangat banyak kepada baginda sehingga baginda terpaksa membawa mereka bernaung di bawah sebatang pohon berduri.

[377] Diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim daripada Anas.

[378] Diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim daripada Jabir.

[379] Diriwayatkan oleh Abul-Hasan bin adh-Dhahhak dan al-Hasan, hadis ini mursal.

Tiba-tiba kain baginda tersangkut pada duri pohon itu dan baginda bersabda: “Kembalikan selendangku kepadaku. Jika aku memiliki rezeki sebanyak duri pohon ini, maka aku akan membahagikannya kepada kalian semua, dan kalian semua akan mengetahui bahawa aku bukan seorang yang kikir atau pengecut.”[380]

J. Akhlak Rasulullah S.A.W Dalam Bersikap Berani

Rasulullah s.a.w. adalah pahlawan yang paling berani dan gagah-perkasa. ‘Ali berkata: “Di dalam Perang Badar, kami semua berdiri di sekeliling Rasulullah s.a.w., dan bagindalah yang paling dekat dengan musuh-musuhnya. Lantas kami menyaksikan baginda, pada hari itu sebagai orang yang paling berani dan gagah perkasa.”

Ali juga berkata: “Ketika perang bermula, di mana kaum muslim berperang melawan kaum kafir, kami semua mengkhuatirkan Rasulullah s.a.w., kerana baginda adalah orang yang paling dekat dengan jangkauan musuh.[381] Tidak ada seorang pun yang paling dekat jaraknya kepada musuh selain baginda dan ketika itu baginda tampak paling unggul kekuatannya.” Imran bin Husain berkata: “Orang pertama yang maju menghadapi musuh (kaum kafir) adalah Rasulullah s.a.w..”

Para sahabat mengatakanbahawa Rasulullah s.a.w. mempunyai taktik dan strategi yang sangat unggul. Di dalam Perang Hunain, ketika Rasulullah s.a.w. dikelilingi oleh musuh, baginda turun dari baghalnya dan bersabda: “Sesungguhnya, aku adalah seorang nabi dan aku tidak pernah berdusta. Aku adalah zuriat Abdul Muthalib.” Pada hari itu, tidak ada orang yang lebih berani daripada baginda s.a.w.[382]

K. Akhlak Rasulullah S.A.W Dalam Bersikap Sederhana

Di sebalik kedudukan baginda yang sangat mulia, Rasulullah s.a.w. adalah seseorang yang sangat rendah hati dan sederhana. Ibnu Umar r.a. meriwayatkan: “Aku melihat Rasulullah s.a.w. melempar jumratul aqabah di atas unta. Baginda

---

[380] Diriwayatkan oleh al-Bukhari daripada Jubair bin Muth’im.

[381] Diriwayatkan oleh an-Nasa’i, dengan isnad yan sahih. Dan Muslim pun merawikan seperti itu daripada al-Barra’.

[382] Diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim daripada al-Barra’.

sedikit pun tidak menyakiti, tidak mengheret dan tidak mengusir atau menghalau orang lain." Baginda tidak merasa malu duduk pada selembar kain di atas punggung baghal (keledai) dan membonceng seseorang di belakang baginda. Baginda suka menjenguk orang sakit, mengantarkan jenazah, menghadiri jemputan walaupun daripda seorang hamba sahaya, membaiki sendiri alas kakinya dan menambal sendiri bajunya yang koyak.

Baginda suka membantu pekerjaan rumah para isterinya. Para sahabat tidak pernah berdiri menyambut kedatangan (menghormati) baginda, kerana mereka tahu baginda tidak menyukainya. Baginda selalu menyapa dan memberi salam kepada orang yang ditemuinya, meskipun seorang anak kecil. Pada suatu hari, seseorang dibawa ke hadapan Rasulullah s.a.w. dan dia gementar ketakutan dan sangat segan (kerana wibawa baginda). Rasulullah s.a.w. bersabda kepada orang itu: "Tenanglah, tidak usah takut. Aku bukan seorang raja. Aku hanyalah anak lelaki kepada seorang perempuan Quraisy sederhana yang suka makan labu."

Baginda duduk bersama para sahabatnya seperti orang biasa. Ketika datang seorang asing untuk berjumpa baginda, dia tidak akan mengetahui yang mana baginda sebelum diberitahu oleh para sahabat. Aisyah r.a. berkata kepada Rasulullah s.a.w.: "Semoga Allah menjadikan aku sebagai tebusan bagimu. Sesungguhnya makan dengan duduk bersandar akan lebih ringan bagimu." Mendengar itu, baginda pun menundukkan kepalanya sehingga hampir-hampir dahinya menyentuh tanah. Rasulullah s.a.w. bersabda: "Aku suka makan seperti hamba sahaya makan, dan aku duduk seperti duduknya hamba-sahaya." Baginda tidak makan di atas meja makan dan tidak makan pada suatu bekas dengan pelbagai jenis makanan sampai baginda meninggal dunia.

K. Ciri-ciri Fizikal Rasulullah S.A.W

Bentuk tubuh Rasulullah s.a.w. tidak terlalu tinggi dan tidak pula terlalu pendek, tidak terlalu gemuk dan tidak pula terlalu kurus. Apabila berjalan sendirian, baginda tampak seperti orang dengan tinggi badan ang sederhana. Jika seorang yang tinggi berjalan bersama baginda, maka baginda tidak tampak pendek. Jika dua orang yang tinggi berjalan bersama baginda di kedua sisinya, maka baginda tampak paling tinggi. Namun jika keduanya berpisah daripada baginda, maka mereka dapat dikatakan tinggi dan baginda dapat dikatakan sederhana.

Adapun warna kulit Rasulullah s.a.w. adalah tidak terlalu putih dan tidak terlalu coklat. Warna putih kulitnya cerah seolah bercahaya. Ada yang mengatakan kulit baginda putih kemerahan. Seseorang yang kagum kepada baginda berkata: "Tubuh baginda berkilau bagaikan matahari, terutama bahagian tubuhnya yang tampak iaitu wajah dan leher, sedangkan tubuhnya yang tertutup pakaian, berwarna putih bersih kemerahan."

Keringat Rasulullah s.a.w. yang tampak di wajahnya bagaikan mutiara dan aroma rubuh baginda lebih harum daripada kasturi. Rambut baginda tidak terlalu keriting dan tidak terlalu lurus, tetapi di antara dua sifat itu. Ketika disisir, rambutnya tampak seperti tumpukan pasir. Ada yang mengatakan bahawa rambut baginda hampir menyentuh bahu. Kadang-kadang rambut baginda dibuat menjadi empat ikatan, dan setiap dua ikatan dibiarkan terurai pada kedua telinga baginda. Kadang-kadang baginda merapikan rambutnya di atas kedua telinga hingga tampaklah rambut baginda berkilauan disinari matahari seperti mutiara. Adapun uban pada rambut kepala dan janggut baginda tidak lebih daripada tujuh belas helai.

Rasulullah s.a.w. mempunyai wajah amat tampan dan selalu tampak berseri-seri. Wajahnya bersih bercahaya bagaikan sinar bulan purnama. Baginda mempunyai dahi yang lebar, melengkung kedua alisnya, bulatan putihh di kedua bola matanya bagaikan perak. Kedua matanya lebar dan bola matanya yang hitam sangat hitam dan agak kemerahan. Bulu mata baginda cukup banyak dan tebal. Baginda berhidung mancung dan bergigi rapi dan tersusun baik. Ketika tersenyum atau tertawa, gigi baginda tampak bagaikan cahaya kilat yang kemilau.

Baginda mempunyai bibir paling bagus dan raut wajah paling lemah-lembut di antara manusia. Wajahnya halus dan hidungnya tidak terlalu mancung tetapi juga tidak pesek. Janggutnya tebal dan tidak mencukurnya. Baginda mempunyai leher paling indah, tidak terlalu panjang dan juga tidak terlalu pendek. Apabila cahaya matahari jatuh pada lehernya, maka lehernya tampak seperti gelas perak bercampur emas yang gemilang. Dadanya cukup bidang, rata, dengan perut seperti cermin dan putih lembut seperti cahaya bulan purnama. Dadanya berambut halus lurus hingga pusarnya ibarat randng kayu yang terpotong dan tak ada bulu lain di atas perutnya. Terdapat tiga lipatan pada perutnya, dan salah satunya tertutup oleh kainnya.

Bahunya lebar dan di antara keduanya terdapat tanda (ciri-ciri) kenabian, yang agak lebih dekat pada bahu kanannya. Tanda itu berupa noktah berwarna campuran hitam dan kuning yang dikelilingi bulu yang tersusun rapi bagaikan

bulu kuda. Rasulullah s.a.w. memiliki tangan yang kuat dan berotot dengan jari-jarin seperti batang perak dan tapak tangannya lebih lembut daripada kain wol dan selalu harum seolah-olah memakai pengharum. Orang yang berjabat tangan dengan Rasulullah s.a.w. akan sentiasa mendapati baginda dalam keadaan harum sepanjang hari. Apabila tangan mulia baginda disentuhkan pada kepala seorang anak, maka kepala si anak menjadi harum sehingga dapat dikenali di antara anak-anak kerana tersentuh tangan harum baginda. Kedua paha dan betis baginda cukup berisi (berotot), dan bentuk badannya serasi dan indah. Pada masa tuanya, keadaan tubuh baginda agak lebih gemuk tetapi tidak berbeza jauh dengan masa mudanya.

Rasulullah s.a.w. berjalan dengan cara tegap dan teratur. Baginda bersabda: "Bentuk fizikalku hampir menyerupai Adam a.s., tetapi sifat dan akhlakku hampir menyerupai Ibrahim a.s." Rasulullah s.a.w. bersabda: "Sesungguhnya aku mempunyai sepuluh nama di sisi Tuhanku, iaitu: *Muhammad* (yang terpuji), *Ahmad* (yang paling terpuji), *al-Mahi* (penghapus kekufuran), *al-'Aqib* (yang penghabisan atau yang terakhir), *al-Hasyir* (pengumpul manusia pada Hari Kiamat]), *Rasul al-Rahman* (utusan Tuhan Yang maha Mengasihani, *Rasul at-taubah* (utusan pembawa taubat), *Rasul Malahim* (yang menyatukan umat untuk menghancurkan musuh), *Al-Muqaffi* (penyempurna para nabi), dan *al-Qutsam* (penghimpun segala kebajikan).

L. Mukjizat Nabi S.A.W dan Tanda-tanda Kebenarannya

Ketahuilah, bahawa barang siapa menyaksikan Nabi s.a.w. dan mendengar-kan dengan baik berita-berita tentang akhlak, perbuatan, keadaan, adat kebiasaan, tabi'at dan kebijaksanaan baginda bagi seluruh manusia dan petunjuknya kepada mereka, ketundukan mereka kepada baginda, jawapan baginda yang menakjubkannya dalam pelbagai permasalahan yang sukar, usaha baginda yang tidak pernah berhenti untuk kebaikan dan kepentingan manusia, tuntunan kebenaran baginda berkenaan zahir hukum syariat, maka semua ini membuat seseorang akan menyimpulkan bahawa ini berada di luar kemampuan seorang manusia tanpa bantuan dan pertolongan tangan yang tidak nampak (Allah). Semua tanda keluhuran akhlak itu mustahil dimiliki oleh seorang kafir.

Orang-orang yang semasa dengan Rasulullah S.A.W dapat menyaksikan adab dan akhlak baginda sehingga membuktikan bahawa baginda benar-benar seorang yang diutus oleh Allah SWT. Allah mengurniakan kepada baginda kualiti ini walaupun baginda seorang yang *ummi* (tidak dapat membaca dan menulis),

serta tidak pernah belajar ilmu atau pengetahuan apa pun, dan selalu tinggal dalam persekitaran Bangsa Arab yang kebanyakan juga tidak dapat membaca dan menulis.

Keadaan baginda yang buta huruf, miskin dan yatim piatu menimbulkan pertanyaan bagaimana baginda boleh memiliki kemuliaan akhlak dan adab seperti itu, dan bagaimana baginda dapat memiliki pengetahuan tentang Allah? Pengetahuannya yang benar dan tepat tentang nabi-nabi terdahulu menunjukkan bahawa baginda benar-benar Rasul Allah, kerana baginda mengetahui kebenaran ini melalui wahyu. Lalu bagaimana mungkin baginda mengetahui pengetahuan yang di luar kekuasaan manusia selain kerana wahyu yang diterimanya? Untuk melengkapi kebenarannya sebagai nabi, baginda diberi pelbagai mukjizat oleh Allah SWT.

Berikut ini akan dijelaskan secara singkat beberapa mukjizat Rasulullah s.a.w., iaitu:

1. Ketika Rasulullah s.a.w. diminta oleh suku Quraisy Mekah untuk membelah bulan menjadi dua, maka baginda memohon kepada Allah SWT untuk mewujudkannya sehingga Allah membahagi bulan menjadi dua dan orang ramai menyaksikan fenomena itu dengan mata kepala mereka sendiri.

2. Memberi makan orang ramai di rumah Jabir dan di rumah Abu Thalhah dalam perang Khandak padahal jumlah mereka sangat banyak.

3. memberikan makanan secara memuaskan kepada lapan puluh orang hanya dengan empat mud tepung gandum dan satu ekor anak kambing.

4. Pada suatu ketika, anak perempuan Basyir memberi sedikit kurma kering kepada Rasulullah s.a.w. tetapi ternyata dapat memberi makan seluruh pasukan kaum muslimin secara memuaskan dan itu pun masih ada bakinya.

5. Air memancar dari sela-sela jari baginda dalam jumlah yang sangat banyak sehingga prajurit perang yang sangat kehausan itu dapat minum dengan puas, dan mereka pun dapat berwuduk dengan air tersebut.

6. Pada suatu hari, tidak ada setitis air pun di sebuah sumur di Tabuk kerana kekeringan. Kemudian Rasulullah s.a.w. mengucurkan sedikit air wuduk baginda ke dalam sumur itu. Maka dari sumur itu keluar air yang berlimpah sehingga ribuan pasukan yang kehausan dapat minum dengan puas.

7. Pada kesempatan lainnya, sebuah sumur di Hudaibiyah mengamali kekeringan. Lalu Rasulullah s.a.w. mengucurkan baik air wuduk baginda ke dalam sumur itu. Tiba-tiba sumur itu mengeluarkan air yang berlimpah dan seribu lima ratus orang dapat minum dengan puas.

8. Rasulullah s.a.w. pernah melemparkan segenggam tanah (debu) ke wajah pasukan musuh sehingga mata mereka menjadi buta. Berkaitan dengan peristiwa ini, turun firman Allah SWT: "*Dan bukan engkau yang melemparkan ketika engkau melempar melainkan Allah yang melemparnya*." (al-Anfal: 17)

9. Rasulullah s.a.w. biasa berdiri di atas batang pohon kurma di dalam mesjid ketika menyampaikan khutbah. Maka setelah ia digantikan dengan mimbar, batang pohon itu mengeluarkan bunyi yang terdengar jelas oleh para sahabat. Ketika baginda menyentuh batang pohon itu, maka diamlah dia.

10. Pada suatu hari, Rasulullah s.a.w. berkata kepada sekumpulan orang Yahudi agar ber-*mubahalah* (bahawa barang siapa berbohong, maka dia akan binasa) tetapi mereka memberi tahu keesokan harinya bahawa mereka batal melakukan *mubahalah* kerana takut mati. Peristiwa ini disebutkan di dalam al-Quran.

11. Rasulullah s.a.w. memperingatkan Utsman r.a. tentang bahaya (fitnah) besar yang akan dialaminya dan meramalkan bahawa dia akan terbunuh oleh sekumpulan orang. Sejarah membuktikan bahawa Utsman dibunuh di rumahnya sendiri oleh segolongan pemberontak ketika sedang membaca al-Quran. Baginda berkata kepada Ammar bin Yasir bahawa sekumpulan pemberontak akan membunuh Utsman. Kemudian terbukti bahawa mereka memang membunuhnya.

12. suatu ketika seorang lelaki bergabung dalam perang di jalan Allah (jihad fi sabilillah). Baginda bersabda bahawa lelaki itu bahawa dia akan masuk neraka. Dan benarlah sabda Rasulullah s.a.w. kerana lelaki itu ternyata mati bunuh diri, bukan mati terbunuh oleh musuh Islam.

13. Ketika Rasulullah s.a.w. dalam perjalanan hijrah ke Madinah, Suraqah bin Malik mengikutinya untuk membunuh baginda demi hadiah besar. Setelah dekat, tiba-tiba kaki kudanya terbenam ke dalam tanah berpasir sehingga

dia terjatuh. Lalu Rasulullah s.a.w. memberi pertolongan kepadanya sehingga kuda itu dapat terlepas dari kubangan pasir. Setelah ditolong, Suraqah mencoba lagi hendak membunuh baginda, demikian seterusnya sampai tiga kali. Akhirnya Suraqah menyerah dan bertaubat, lalu masuk Islam. Sesudah kerajaan Persia ditaklukkan, Khalifah Umar r.a. memakaikan gelang kerajaan kepada Suraqah.

14. Pada masa Rasulullah masih hidup, muncul seorang pembohong bernama Aswad al-Ansari yang mengaku dirinya sebagai nabi. Dia adalah penduduk Sana'a di Yaman. Pada suatu malam, dia ditemukan mati terbunuh di kota itu. Pada malam itu juga, baginda mengetahui kematiannya dan memberitahukan kepada orang ramai bahawa Aswad dibunuh oleh Fakhruz Daifani.

15. Pada malam hijrah ke Madinah, rumah baginda telah dikepung seratusan orang Quraisy yang hendak membunuh baginda. Tetapi baginda keluar rumah sambil melemparkan tanah ke kepala mereka sehingga mereka semua tidak dapat melihat baginda keluar rumah.

16. Pada suatu hari, Rasulullah s.a.w. menyampaikan ramalan kepada beberapa sahabat, baginda bersabda: "Orang terakhir di antara kalian akan mati masuk neraka." Ramalan baginda ini terbukti benar, kerana sahabat terakhir yang masih hidup menjadi murtad dan terbunuh sebagai orang murtad.

17. Pada suatu ketika, Rasulullah s.a.w. meminta dua pokok kayu agar menutupi dirinya ketika baginda sedang buang air kecil. Maka kedua-dua pokok kayu itu bergeser dari tempatnya untuk menutupi baginda dari pandangan orang dan setelah baginda selesai daripada hajatnya kedua pohon kayu itu kembali ke tempatnya semula.

18. Bentuk tubuh Rasulullah s.a.w. adalah sederhana, tetapi apabila berjalan dengan dua orang yang tinggi, maka baginda adalah yang paling tinggi di antara mereka.

19. Rasulullah s.a.w. bersabda: "Aku akan membunuh Ubai bin Khalaf al-Jamhi dalam Perang Uhud." Di dalam perang itu, baginda memang hanya melukainya dengan luka ringan, tetapi kerana luka itu dia meninggal.

20. Pada suatu hari Rasulullah s.a.w. diberi makanan yang bercampur racun yang jika dimakan maka orang yang memakannya akan mati seketika. Teta-

pi kenyataannya Rasulullah s.a.w. masih hidup hingga empat tahun setelah memakan makanan itu. Baginda selamat daripada racun itu, kerana makanan itu memberi tahu baginda: “Ada racun di dalam diriku.”

21. Dalam Perang Badar, Rasulullah s.a.w. menyebutkan nasib mengerikan yang akan dialami oleh para pemimpin Quraisy. Ternyata ramalan ini benar-benar berlaku sehingga tidak ada lagi sesudah itu pemimpin Quraisy yang berkuasa.

22. Rasulullah s.a.w. bersabda kepada Fatimah: “Engkaulah yang pertama di antara ahli keluargaku yang menyusulku ke alam barzakh.” Terbukti bahawa Fatimah wafat enam bulan setelah Rasulullah s.a.w. wafat.

23. Pada suatu hari, Rasulullah s.a.w. bersabda kepada isteri-isterinya: “Setelah aku wafat, maka orang yang paling dermawan di antara kalian yang pertama kali menyusul kematianku.” Terbukti bahawa Zainab binti Jahsy, isteri baginda yang paling banyak bersedekah, adalah yang pertama di antara isteri baginda yang meninggal dunia setelah baginda wafat.

24. Susu seekor kambing telah mengering dan tidak lagi mengeluarkan air susu, tetapi begitu Rasulullah s.a.w. mengusapkan tangan pada tempat keluarnya air susu kambing tersebut, maka seketika itu juga keluarlah air susu yang melimpah. Abdullah bin Mas’ud yang menyaksikan keajaiban itu lalu masuk Islam.

25. Diriwayatkan bahawa salah satu mata seorang sahabat keluar dari tempatnya. Melihat itu, Rasulullah s.a.w. lalu mengembalikan biji mata itu pada tempatnya dan penglihatan sahabat itu malah menjadi lebih baik.

26. Mukjizat Rasulullah s.a.w. yang paling agung ialah Kitab Suci al-Quran, yang kekal terjaga hingga sekarang. Rasulullah s.a.w. menantang setiap orang untuk membuat satu surat atau satu ayat saja yang mirip al-Quran bagi yang masih ragu atau tidak percaya dengan kebenaran al-Quran sebagai wahyu atau firman Allah SWT. Lalu Rasulullah s.a.w. membacakan salah satu ayat al-Quran, iaitu:

قُل لَّئِنِ ٱجْتَمَعَتِ ٱلْإِنسُ وَٱلْجِنُّ عَلَىٰٓ أَن يَأْتُوا۟ بِمِثْلِ هَـٰذَا ٱلْقُرْءَانِ لَا يَأْتُونَ بِمِثْلِهِۦ وَلَوْ كَانَ بَعْضُهُمْ لِبَعْضٍ ظَهِيرًا ﴿٨٨﴾

"*Katakanlah (wahai Muhammad): 'Sesungguhnya jika sekalian manusia dan jin berhimpun dengan tujuan hendak membuat dan mendatangkan sebanding dengan al-Quran ini, mereka tidak akan dapat membuat dan mendatangkan yang sebanding dengannya, walaupun mereka bantu-membantu sesama sendiri*." (Surah al-Israk: 88)

Maka tidak seorang pun yang mampu melakukannya dan sampai sekarang tidak akan ada orang yang sanggup membuat yang serupa dengan al-Quran. Akhirnya, al-Quran sendiri sudah merupakan bukti cukup bahawa Rasulullah Muhammad s.a.w adalah benar-benar Rasul Allah.

Dengan mengucapkan syukur kepada Allah SWT perbahasan jilid ketiga daripada kitab Ihya' Ulumuddin ini. Semoga selawat dan salam sentiasa dicurakan ke atas Nabi Muhammad s.a.w.

TAMAT